

DEWAN MAJLIS**Rabu, 8 Jamadilawal 1434 / 20 Mac 2013****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL. **(Tidak hadir sebelah petang).**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu hari yang kesebelas, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji

Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar `Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini untuk meneruskan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, bagi hari yang kesebelas.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013 / 2014, di peringkat Jawatankuasa.

Sehingga semalam, Jadual bagi Tajuk 7 buah kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang.

Maka untuk membolehkan kita menyambung semula perbincangan di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Semalam Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah mengongsikan dengan begitu jelas mengenai fokus dan prioriti Kementerian Pembangunan yang meliputi usaha-usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dan juga memantapkan kapasiti infrastruktur yang meliputi pemeliharaan dan menaik taraf jalan, bekalan air, mengurangkan masalah banjir dan lain-lain lagi.

Oleh itu, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mana-mana perkara yang sudah termasuk atau diliputi oleh penjelasan Yang Berhormat Menteri Pembangunan itu, seeloknya tidak lagi dikemukakan semasa membincangkan Tajuk ini. Jika ada soalan-soalan atau cadangan-cadangan yang hendak disuarakan, sebaiknya hendaklah difokuskan kepada isu-isu strategik seperti pembaikan dasar dan peraturan yang ada di Kementerian Pembangunan. Mana-mana soalan atau cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan adalah lebih bersesuaian dikemukakan semasa kita membincangkan Tajuk jabatan-jabatan berkenaan itu nanti.

Sekarang Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan, saya bukakan untuk dibahas. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit
bin Haji Nudin:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin mencadangkan Jabatan Kementerian Pembangunan supaya menubuhkan satu *Government Linked Company* untuk memajukan rumah persendirian yang membolehkan pengguna menggunakan pinjaman Kerajaan, kerana pada masa ini kebanyakan pemaju tidak menerima pinjaman Kerajaan untuk membeli rumah. Dengan menggunakan pinjaman bank, pengguna berasa harga rumah terlalu tinggi, kerana harga rumah pada masa ini sudah berganda. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor
@ Haji Md. Daud bin Karim:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan atas usaha menaik taraf pembesaran Jalan Residency di samping menyediakan kemudahan-kemudahan letak kereta yang teratur lagi tersusun bagi penduduk-penduduk Kampong Ayer.

Saya ingin mengetahui, bilakah Projek Menaik Taraf Jalan Residency fasa ke-2 akan dimulakan?

Yang kedua, saya ingin menimbulkan semula perkara merujuk kepada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Abu Bakar bin Mansor mengenai dengan permohonan penduduk-penduduk Kampung Menunggol dan Kampung Bolkih 'B' untuk membina jalan penghubung dan jambatan daripada pengkalan Kampung Menunggol melalui pesisir Kampung Bolkih 'B' ke jalan Kampung Buang Sakar dan jalan Kampung Kasat.

Jawapan Yang Berhormat Pehin Menteri Pembangunan tentang perkara ini bahawa ianya sedang dalam pertimbangan Kementerian Pembangunan dan sudah dibuat kajian secara lebih terperinci dan insya-Allah perkara ini akan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-10. Soalan saya ialah:

- 1) Apakah sudah ada kajian-kajian yang diperolehi dalam perkara tersebut?
- 2) Adakah perkara ini juga termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-10?
- 3) Merujuk makluman daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan di dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara juga mengenai dengan Skim Penjagaan Banjir Tadahan Subok – Belimbing fasa ke-3 yang dijangka siap pada akhir tahun 2011 dan insya-Allah akan dipohonkan peruntukan fasa ke-4. Soalan saya,

kenapakah projek tersebut tergendala dan tidak dapat dilaksanakan dalam musim Peruntukan Kewangan Tahun 2011 / 2012 dan 2012 / 2013? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengemukakan perkara mengenai dengan Jabatan Ukur saja, bukan Tajuk yang sedang dibahaskan ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, saya sukacita bercakap serba sedikit walaupun ianya sudah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pertama saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas usaha yang kuat dalam memberikan bantuan kepada Kampung Burong Pinggai yang tidak lagi mengalami masalah kebanjiran sehinggalah ke hari ini. Mengikut sejarah lama, kebanjiran yang dialami pada sebelumnya bukan sahaja sampai ke buku lali dan tetapi sampai ke pinggang, Alhamdulillah keadaan sekarang apa yang

diperhatikan bukan sahaja ke pinggang ke tapak kaki pun tidak basah. Terima kasih di atas keprihatinan kementerian tersebut. Inilah yang dikatakan kalau diambil kepada pantun,

*Pagar buluh anjitnya jarang,
Kembang Melati kuntum berjasa,
Dalam sepuluh sakit seorang,
Tahukan hati menyimpan rasa.*

Kedua, saya ingin merujuk kepada perkara yang ditimbulkan pada tahun lepas mengenai dengan Pos Polis Terunjing. Walaupun nampaknya telah ada di tempat lain tapi saya suka mengingatkan, kalau dapat diberikan sedikit kasih sayang kepada kawasan Lambak 'A' dengan Pos Polisnya sendiri.

Ketiga, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan semalam mengenai Jejantas. Sehubungan dengan itu, Mukim Berakas B dalam kawasan Zon 1 nampaknya juga memerlukan jejantas di tempat-tempat tertentu. Ini bergantunglah kepada penyelidikan yang baik untuk melaksanakan jejantas tersebut.

Perkara berikutnya menyentuh tentang pagar longkang Kampung Jaya Setia Bakti yang sudah dipasang berpuluh tahun. Tahun lepas telah disuarakan bahawa ada kesanggupan dan janji-janji dari pihak berkenaan untuk memperbaikinya dan dijangka siap pada bulan Jun, Julai atau Ogos 2013 ini, tetapi sehingga sekarang belum kelihatan wajah pagar-pagar tersebut. Bagaimanapun pihak berkenaan ada berjanji akan menyiapkan pada bulan Jun, Julai atau Ogos 2013 ini.

Mudah-mudahanlah daripada 4 perkara yang saya sebutkan tadi akan mendapat

pertimbangan bagi kepentingan bersama terutama sekali di kawasan Mukim Berakas 'A' dan Berakas 'B' iaitu di kawasan Zon 1. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Terlebih dahulu saya sukacita mengalu-alukan inisiatif dan usaha Kementerian Pembangunan seperti yang diterangkan dalam penyampaian Mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan semalam.

Semua ini seperti yang kita fahami adalah usaha ke arah pencapaian visi Kementerian Pembangunan 'Hidup Berkualiti, Pembangunan yang Mapan, Negara Makmur' dan juga melalui misi Kementerian iaitu "*Memastikan Penyeliaan Infrastruktur Perumahan, Bangunan yang Unggul*". Usaha ini sudah tentu akan mendukung pencapaian Wawasan Negara 2035.

Antara pelan strategik 2009 dan 2015 Kementerian Pembangunan bagi Jabatan Kemajuan Perumahan ialah mengurangkan tempoh permohonan mendapat rumah dalam Skim Perumahan Negara kepada 5 tahun.

Perkara ini saya kira adalah satu objektif strategik di peringkat kementerian. Soalan saya ialah:

- 1) Dengan mengambil kira Projek Pembangunan Perumahan yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan juga Jabatan Kerja Raya, sejauh manakah pencapaian objektif ini?
- 2) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan pelaksanaan Projek Pembangunan Perumahan dengan meningkatkan keupayaan Jabatan Kemajuan Perumahan sebagai satu agensi pelaksana yang unggul dan dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan keseluruhan Projek Pembangunan Perumahan Negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, saya rasa perkara ini perlu diambil perhitungan demi kepentingan jangka panjang Negara yang termasuk untuk meningkatkan keupayaan Jabatan Kemajuan Perumahan sebagai sebuah *Learning Organisation* iaitu semua pengalaman, pengurusan serta penambahan kepakaran dan profesionalisme dalam memajukan Perumahan Negara akan diresapi dan dicapai oleh Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang kedua, sebagai satu *core business*, ada baiknya Kerajaan menjadikan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk dipertanggungjawabkan akan keberkesanan dalam pelaksanaan polisi dan Program Pembangunan Perumahan Negara.

Seterusnya dengan masih berpegang kepada visi dan misi Kementerian Pembangunan, saya ingin menyentuh mengenai perancangan menyeluruh dalam peningkatan kapasiti dan produktiviti industri pembinaan dan pembangunan infrastruktur. Seperti yang kita maklumi, Kementerian Pembangunan adalah pihak berkuasa bagi pendaftaran kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal, konsultan-konsultan, *Qualified Person (QP)* serta mereka yang diperlukan untuk mempunyai lesen kemahiran seperti pengendali jentera berat dan sebagainya bagi melaksanakan projek-projek kerajaan.

Bersangkutan dengan perkara ini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan melaksanakan pengauditan ke atas kapasiti industri yang bermula dengan pengauditan pendaftaran dan membuat penilaian mengenai sukat-sukat kebolehan serta kapasiti bagi mereka yang berdaftar di Kementerian Pembangunan.

Dengan adanya pengauditan ke atas kapasiti industri tersebut semua usaha bagi meningkatkan kapasiti dan kepakaran terutama sekali bagi usaha pembangunan sumber manusia tempatan akan dapat dibuat dan pada masa yang sama dapat memastikan industri mempunyai kapasiti dan mencapai produktiviti yang dihasratkan untuk menyiapkan projek-projek Kerajaan pada masa, harga dan kualiti yang ditentukan serta dalam keadaan selamat. Seterusnya, saya rasa ini juga akan memastikan pencapaian Wawasan Negara 2035 untuk pembangunan infrastruktur yang bertaraf dunia. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama, kaola ingin mengucapkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memperkenalkan pembinaan Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Mukim Lumapas dengan peruntukan yang begitu besar semata-mata bagi memberikan kemudahan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk khususnya penduduk-penduduk Mukim Lumapas.

Bagi mewakili penduduk Mukim Lumapas dan sekitarnya, mereka menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih yang tidak terhingga atas kurnia tersebut. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Kementerian Pembangunan kerana telah menyediakan berbagai infrastruktur bagi keselesaan dan kesejahteraan orang ramai dan penduduk Negara ini.

Dalam kesempatan ini Yang Berhormat Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan kerana telah berjaya menyediakan jejantas di beberapa tempat di Mukim Sengkurong, Kilanas dan Mukim Gadong yang bertujuan bagi memberikan kemudahan kepada orang ramai.

Kementerian Pembangunan juga telah menyediakan sistem komunikasi yang berkesan dengan melalui "JKR Ku Sayang". Pemantauan jalan raya menggunakan kereta pacuan empat roda bagi memastikan jalan raya di Negara ini selamat untuk dilalui.

Dalam menyokong Tajuk ini Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menimbulkan beberapa isu. Yang pertama ialah meningkatkan mutu jalan raya di seluruh negara termasuklah di pedalaman-pedalaman kerana infrastruktur yang dibangun di luar bandar akan membolehkan rakyat dan penduduk di Negara ini untuk membina perumahan dan membangun kawasan tersebut. Melalui sistem jalan raya dan sistem perhubungan yang baik serta kemudahan-kemudahan asas yang diberikan, akan menjadikan orang ramai lebih berminat untuk membangun rumah di kawasan-kawasan pedalaman. Ini setentunya akan dapat mengurangkan masalah perumahan yang dihadapi oleh Negara ketika ini.

Selain daripada menaik taraf jalan raya di luar bandar, tidak ketinggalan juga taraf jalan raya di Jalan Tutong iaitu jalan lama yang dibina 50 tahun yang lalu supaya dinaikkan taraf semula.

Yang Berhormat Pengerusi, dasar penukaran syarat tanah juga perlu dikaji dan dasar pemecahan tanah yang ketika ini dianggap menjadi beban kepada masyarakat yang kurang berpendapatan kerana pemecahan tanah terlalu mahal dikenakan oleh pihak-pihak swasta. Jadi setakat ini dulu Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Insya-Allah pada jabatan-jabatan yang lain akan

disampaikan mengikut keutamaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pehin, kaola memohon maaf, perkara tajuk yang akan kaola bawakan ialah mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Saya akan membawakan dua isu dalam Tajuk ini:

1. Permohonan dan aduan kerosakan jalan raya, longkang tersumbat, saluran paip air pecah dan rumput di tepi jalan panjang, sering saja dilaporkan oleh penduduk-penduduk kampung kepada penghulu dan ketua-ketua kampung supaya menyampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Alhamdulillah, dalam Mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan semalam menyatakan telah ada jawatan pegawai yang khusus bertugas bagi memantau atau membuat lawatan untuk melihat jika ada kerosakan jalan, paip air pecah, longkang tersumbat dan

sebagainya tanpa menunggu aduan orang ramai. Walau bagaimanapun, mungkin masih juga nanti ada yang terlepas pandang terutama di kawasan-kawasan kampung.

Makanya, peranan penghulu dan ketua kampung dalam melaporkan perkara ini masih tetap wujud. Sehubungan dengan itu dicadangkan supaya jawapan bersurat hendaklah diberikan kepada setiap surat aduan dan permohonan berkenaan sama ada berjaya atau tidak sebagai bukti bahawa penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sudah berusaha ke atas aduan dan permohonan tersebut.

2. Dalam melaksanakan apa juga projek Jabatan Kementerian Pembangunan di Daerah Tutong yang berkaitan dengan kuasa meluluskan dalam projek yang berkenaan kadangkala berlaku kelambatan, kerana kuasa meluluskan terpaksa menunggu dari pihak berkuasa dari Daerah Belait.

Oleh itu, adakah cadangan bagi Daerah Tutong untuk mengadakan jawatan Pengarah Kerja Raya atau pegawai yang mempunyai kuasa untuk meluluskan apa jua permohonan yang berkaitan dengan pembangunan bagi memudahkan dan mempercepatkan tindakan sepertimana di daerah-daerah lain. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini. Saya menyentuh mengenai banjir yang mana semalam Menteri Pembangunan telah mengumumkan ada peruntukan melibatkan Kampung Birau. Pada dua tahun lepas dan tahun selepas itu saya telah membangkitkan perkara ini. Setelah saya membangkitkannya, seorang pekerja dari Jabatan Kerja Raya telah menghantar surat sebutbarga kepada saya di waktu petang (waktu Maghrib) ke rumah saya.

Saya ucapkan terima kasih kepada beliau, bagaimanapun sehingga ke hari ini, sebutbarga tersebut tidak wujud. Katanya "Jangan lagi bangkit-bangkit di dalam Majlis kerana perkara itu akan dibuat". Tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, mungkin beliau tidak tahu atau bukan semasa Yang Berhormat menjawat jawatan Menteri Pembangunan tersebut, maka Alhamdulillah, perkara ini akan wujud setelah ada peruntukan yang diberi. Kawasan yang terlibat ialah dari kawasan Balai Raya Kampung Birau menuju ke Sungai Kebia kira-kira tiga suku kilometer dan juga di hadapan Sekolah Melayu Birau yang mana kawasan ini seringkali ditenggelami hujan apabila banjir.

Yang Berhormat Pengerusi, adalah diharapkan masalah banjir di kawasan ini akan dapat diselesaikan sepertimana yang diharapkan oleh penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rakyat akan sentiasa meminta dan terus meminta selagi masalah mereka tidak selesai. Dan

sekiranya masalah mereka dapat diselesaikan sudah pasti mereka (rakyat) tidak akan merungut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, saya mempunyai satu perkara saja untuk disuarakan iaitu mengenai *Authority Building And Construction Industry (ABCi)*. Dalam Musim Permesyuaratan Pertama Kali Kelapan tahun lepas, saya ada menyuarakan tentang mengapa ada kelambatan dalam mendapatkan kelulusan terhadap permohonan-permohonan untuk mendirikan bangunan-bangunan sama ada ianya bagi kegunaan persendirian mahupun juga syarikat-syarikat. Jawapan yang kita terima dari Yang Berhormat Menteri Pembangunan di atas kelambatan tersebut ialah antara lain disebabkan kerja-kerja tertunggak sebelum *Authority Building And Construction Industry (ABCi)* ditubuhkan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mukadimahnyanya semalam telah mengatakan beberapa peraturan telah dikemaskinikan. Bagaimanapun saya masih mendengar sungutan-sungutan dari orang ramai tidak ketinggalan dari Daerah Belait mengenai dengan kelambatan-kelambatan tersebut. Pada pandangan saya, Kementerian Pembangunan haruslah memaklumkan akan perubahan-perubahan ke atas peraturan-peraturan yang baru yang dikatakan telah

dikemaskinikan itu, sama ada melalui *online*, jerayawara dan lain-lain yang difikirkan berkesan bagi memberi makluman dan pengetahuan sepenuhnya kepada orang ramai. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya hanya akan merespons ataupun memberi pandangan mengenai dengan mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kelmarin. Sepertimana yang kita ketahui Jabatan Kementerian Pembangunan adalah sebagai *focal point* bagi menangani projek-projek skala besar ataupun skala kecil yang dirancang di dalam Rancangan Kemajuan Negara pada setiap 10 tahun.

Pada tahun ini, kita memulakan Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-10, yang akan menelan belanja lebih \$6 Billion. Dengan jumlah rancangan ratusan projek dalam tempoh 10 tahun dan puluhan projek dalam setahun dan belasan projek dalam sebulan, projek-projek ini dijalankan secara berperingkat-peringkat dan ada yang serentak yang akan memakan masa berbulan-bulan dan tahun untuk disiapkan. Ada jua projek yang terpaksa menjangkau hingga termasuk ke RKN yang akan datang, seperti projek RKN ke-9 yang masih dilaksanakan dan belum siap.

Menyentuh dengan projek-projek RKN Ke-10, pada keseluruhannya adalah tertumpu untuk meningkatkan

kesejahteraan rakyat sepertimana yang dibentangkan di dalam mukadimah awal Menteri Pembangunan kelmarin. Kenyataan ini adalah sangat-sangat dialu-alukan dan disyukuri oleh semua rakyat yang bernaung di negeri ini.

Projek RKN Ke-10 telah diagih-agihkan ke seluruh negara mengikut keutamaannya yang perlu diakuri. Sebagai contoh Daerah Belait, sedikit-sedikit pun amplit jua. Projek-projek yang di dalam perancangan dan ada juga yang sedang dilaksanakan.

Alhamdulillah walaupun demikian saya masih tertanya-tanya dan belum lagi terlihat di dalam projek yang dirancang iaitu boleh dikatakan *Project Maker* cadangan yang pernah saya bentangkan di Permesyuaratan tahun lepas dan pernah juga yang disuarakan di dalam sesi-sesi dialog ataupun perjumpaan di peringkat Daerah Belait oleh masyarakat setempat seperti:

- 1) Cadangan membina tembok pemanja ombak di sepanjang Pantai Kuala Belait hingga ke Seria.
- 2) Rancangan membina jalan penghubung Pekan Kuala Belait ke Kampung Labi melalui jalan Kuala Balai yang sedang ada sekarang ini kerana kedua-dua projek tersebut adalah juga dianggap sama penting dan keperluannya. Menyebut tentang Projek Lebuh Raya Telisai-Lumut dan Jalan Raya *Seria-Mumong Bypass* telah jelas terbentang perlaksanaannya, cuma kita menunggu kesiapannya yang bakal memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna yang semakin bertambah bilangannya pada setiap masa lebih-lebih lagi dengan bertambahnya

kepadatan penduduk yang begitu ketara setelah pembangunan rumah-rumah Skim Rakyat Jati dan Perumahan Negara telah siap di Lumut Seria dan Mumong. Kepadatan penduduk ini telah banyak menyumbang kesesakan aliran trafik yang semakin mencabar dan perlu ditangani untuk melindungi keselamatan semua peringkat penduduk. Sebagai contoh untuk mengaturkan sistem lalu lintas yang selamat dan teratur dengan memasang lampu-lampu isyarat di persimpangan jalan, melebarkan jalan, pemasangan jejantas untuk melintas jalan dan merancang dan membina letak-letak kereta yang mencukupi dan seterusnya merancang pekan baru yang tersusun dan bersistem. Kesemua ini adalah perlu dirancang lebih awal dan dilaksanakan dalam jangka masa yang terdekat kerana keadaan yang ada sekarang ini adalah memerlukan persediaan awal dalam jangka masa 10 ke 20 tahun yang akan datang atau lebih jelas bagi mencapai Wawasan Negara 2035.

Akhirnya saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya atas pencapaian Kementerian Pembangunan yang telah cepat melaksanakan Rancangan-Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-9 yang lalu, walaupun masih ada sedikit belum siap. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan jawapan terhadap soalan-soalan yang telah diajukan itu.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengajukan beberapa soalan, pandangan dan juga ucapan penghargaan ke atas apa jua perancangan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan. Sesungguhnya saya ingin merakamkan terima kasih daripada pihak Kementerian Pembangunan dan juga jabatan-jabatan di bawahnya kerana usaha mereka untuk menaik taraf ataupun memberikan perkhidmatan kepada orang ramai melalui kerja-kerja yang telahpun dilaksanakan diambil maklum dan dihargai oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada pagi ini.

Saya juga mengakui bahawa tidak semua projek-projek yang akan dilaksanakan itu telah terlaksana dalam tempoh-tempoh yang dijanjikan atas sebab-sebab tertentu. Walau bagaimanapun sebagai usaha, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa melaksanakan apa jua projek-projek yang telah diberi peruntukan dan diharap siap dalam tempoh-tempoh yang ditentukan.

Sekarang, saya ingin menjawab beberapa persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Dalam pada itu, saya juga ingin memohon maaf jika sekiranya ada soalan-soalan yang belum dijawab insya-Allah, akan dapat dijawab pada masa peluang yang akan datang dan juga semasa membincangkan Tajuk di bawah jabatan-jabatan yang berkenaan.

Persoalan pertama daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji

Nudin mengenai cadangan skim rumah persendirian dapat dilaksanakan iaitu melalui *Government Linked Company (GLC)* yang mana merupakan satu perkara baru. Seperti yang telah Kementerian Pembangunan pernah bincangkan dulu ialah mengenai dengan dana perumahan di bawah Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan mengambil maklum perkara ini dan mungkin dapat dibawa sebagai satu maklum balas kepada perbincangan kita mengenai dana perumahan ini.

Saya ingin menambah sedikit sahaja bahawa dalam perancangan Kementerian Pembangunan ingin meneliti yang projek-projek perumahan ini tidak semestinya dibuat oleh pihak Kerajaan, tetapi boleh juga dibuat oleh pihak swasta. Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan akan mengkaji perkara ini mengikut kesesuaian dan tataranya untuk melaksanakan apa yang telahpun dicadangkan walaupun tidak berbentuk *Government Linked Company (GLC)* tetapi berbentuk *partnership* dengan sektor swasta, insya-Allah.

Persoalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang ingin mengetahui mengenai dengan Jalan Residency Fasa 2. Seperti Mukadimah saya sampaikan kelmarin bahawa Jalan Residency Fasa 2 berkenaan akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan diberikan. Nampaknya projek ini akan berjalan kerana di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah memperuntukkan sejumlah wang bagi meneruskan kerja-kerja Jalan Residency Fasa 2 berkenaan. Insya-Allah, perkara ini akan diambil tindakan segera dan akan

ditawarkan (*tender*) dengan secepat-cepatnya.

Mengenai dengan permohonan jambatan ataupun membina jalan penghubung Kampung Menunggol dan Kampung Buang Sakar seperti yang telah dinyatakan yang mana perkara ini sudah ada dalam peruntukan untuk dibuat satu kajian. Oleh yang demikian, kita akan menunggu kajian tersebut selesai dan dari kajian itu nanti kemungkinan cadangan untuk membina jambatan atau membina jalan penghubung berkenaan akan dapat menjadi satu kenyataan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ini.

Mengenai Skim Banjir Fasa 4, kalau tidak silap di Kampung Belimbing Subok ini sudahpun diberikan peruntukan dan insya-Allah akan dimulakan sebaik sahaja semua kertas-kertas kerja sudah selesai dan ditawarkan dan akan dilaksanakan di bawah Fasa 4 pada tahun ini.

Seterusnya, ucapan penghargaan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain di mana sehingga ke hari ini tidak ada berlaku banjir di Kampung Burung Pingai. Kita semua bersyukur atas kejayaan projek ini yang mana hasilnya nampak tidak berlaku lagi kejadian banjir sehingga ke hari ini. Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan amat bersimpati dengan penduduk Kampung Burung Pingai yang sering mengalami banjir yang begitu teruk setiap kali turunnya hujan yang lebat. Alhamdulillah, dengan usaha pihak Kementerian Pembangunan dari dahulu hingga sekarang, kawasan berkenaan tidak lagi mengalami banjir.

Mengenai dengan cadangan Pos Polis Kampung Terunjing itu, akan diteliti kerana difahamkan bahawa berdekatan

dengan kawasan Kampung Terunjing tersebut sudah sedia ada Pos Polis. Oleh yang demikian, jika sekiranya ada kesesuaian dan keperluan, mungkin Pasukan Polis Diraja Brunei sendiri yang dapat menimbang kesesuaian untuk mengadakan Pos Polis berkenaan. Jika pihak Kementerian Pembangunan dikehendaki untuk membantu dalam perkara ini, insya-Allah akan turut dibantu. Mengenai dengan permohonan jejantas yang diperlukan mengikut Yang Berhormat di Zon 1, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya akan meneliti perkara ini dan jika jejantas ini benar-benar diperlukan insya-Allah Kementerian Pembangunan akan mengusahakan pembinaan jejantas di kawasan berkenaan.

Mengenai pagar longkang di Kampung Jaya Setia Bakti yang masih belum dibaiki sehingga ke hari ini walaupun telah dijanjikan untuk siap pada bulan Jun 2013, saya masih menunggu maklum balas daripada pihak Jabatan Kerja Raya untuk mengetahui status pagar longkang berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin memberikan respons pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai dengan meningkatkan keupayaan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk menguruskan Rancangan Perumahan Negara keseluruhannya. Perkara ini memang ada meritnya untuk dipertimbangkan dan memang sudah ada rancangan dalam Kementerian Pembangunan untuk menyatukan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Skim Perumahan Negara di bawah satu jabatan kerana banyak manfaatnya. Perkara berkenaan sedang

difikirkan di Kementerian Pembangunan kerana ini melibatkan satu polisi dan satu *restructuring* kerja-kerja di jabatan berkenaan dan insya-Allah akan diambil tindakan.

Mengenai dengan pendaftaran lesen konsultan, *Qualified Person (QP)*, kontraktor dan lain-lain dan cadangan pengauditan industri, cadangan ini sangat baik untuk diusahakan. Sememangnya jika diadakan audit industri pembinaan itu, ia satu inisiatif dalam mengenal pasti isu-isu dan pelan tindakan bagi merubah industri pembinaan kepada yang lebih profesional, produktif, progresif, kompetitif dan yang lebih penting lagi dapat memberikan produk ataupun pembinaan yang memenuhi citarasa, berkualiti, *value for money* dan tepat pada masanya setaraf dengan piawai antarabangsa.

Jadi perkara ini satu perkara yang sangat baik untuk dipertimbangkan, kerana banyak manfaat yang kita boleh perolehi jika satu *Construction Industry Audit* ini dilaksanakan. Di samping itu, ianya akan menjadikan industri pembinaan yang berdaya tahan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam menuju Wawasan Negara 2035.

Sebagai langkah yang berterusan Kementerian Pembangunan telah mengenal pasti isu-isu utama dan inisiatif yang perlu diambil dalam industri pembinaan, sebahagian daripada perkara itu telahpun berjalan seperti penilaian semula proses kontrak yang diguna pakai dan bekalan bahan binaan.

Walau bagaimanapun jika diperlukan adalah perlu lagi mengadakan audit yang lebih menyeluruh. Kementerian

Pembangunan akan menimbangkan kerjasama dengan negara jiran yang mempunyai pengalaman dalam merubah industri pembinaan seperti Singapura dan inisiatif ini juga melibatkan institusi pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam seperti Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei. Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli itu akan kita kaji dan insya-Allah akan dibuat penelitian yang lebih mendalam lagi.

Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim menyatakan penghargaan atas kerja-kerja yang telahpun dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat atas komen yang sangat memberangsangkan dan kita bersyukur kerja-kerja yang diharapkan dapat dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan telahpun dapat dilaksanakan seperti menaikkan taraf jalan raya di kawasan pedalaman iaitu satu perkara yang baru ditimbulkan.

Sebenarnya jalan raya di kawasan pedalaman ialah di bawah Jabatan Daerah. Walau bagaimanapun jika Jabatan Daerah sudah menyerahkan jalan-jalan tersebut pada Kementerian Pembangunan barulah jalan-jalan itu dapat dinaik taraf selagi ia belum diserahkan, selagi itu Jabatan Daerah bertanggungjawab menjaga dan memelihara jalan-jalan tersebut. Baru-baru ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun menyerahkan beberapa jalan raya di kawasan-kawasan pedalaman untuk dinaik taraf.

Dalam hal ini, Jabatan Kerja Raya Kementerian Pembangunan akan

mengkaji dan mengakses jalan-jalan tersebut jika bersesuaian untuk dinaik taraf. Insya-Allah akan dinaik taraf tetapi sebelum ia dinaik taraf mestilah juga didapatkan peruntukan-peruntukan tertentu jadi langkahnya ialah setelah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya di Kementerian Pembangunan, kemudian kita akan mengakses jika kita melihat bahawa perlu dinaik taraf sepertimana yang telahpun dipohonkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Maka peruntukan akan dipohonkan pada pihak-pihak tertentu. Itu proses-prosesnya jika ia diserahkan tidak semestinya dapat dibuat dalam tahun itu juga, kita mesti juga menunggu peruntukan yang ada.

Mengenai menaik taraf Jalan Tutong yang lama, perkara ini nampaknya masih belum ada perancangan walaupun ada sedikit projek yang dijalankan di bawah Sengkurong *Bypass* yang insya-Allah akan dilaksanakan apabila semua dokumen tender dan sebagainya telahpun selesai secepat mungkin. Peruntukan telahpun diberi bagi Sengkurong *Bypass*. Jadi Jalan Tutong itu sebahagiannya akan terlibat dengan projek Sengkurong *Bypass* ini. Walau macam manapun cadangan bagi menaik taraf keseluruhan Jalan Tutong yang lama akan dipertimbangkan, kerana memang dalam perancangan jangka panjang pun Jalan Tutong yang lama ini memainkan peranan yang penting juga dalam pembangunan negara.

Jadi untuk ia berfungsi dengan lebih baik jadi perlu ada perancangan yang teratur, dan yang terancang untuk menaik taraf Jalan Tutong yang lama itu, kerana ia akan menuju kepada beberapa kampung di Jalan Tutong yang kemungkinan di masa akan datang akan menjadi satu pusat perkembangan ataupun *growth*

center bagi Daerah Tutong dan juga Negara Brunei Darussalam pada amnya. Mengenai dasar penukaran syarat tanah dan pemecahan tanah yang memakan masa lama dan seterusnya perkara ini akan saya jawab di bawah Jabatan Tanah. Jika tidak ada menjadi halangan kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit menyentuh mengenai rumput panjang, longkang tersumbat, jalan-jalan rosak perkara-perkara seperti ini yang akan kita tangani kerana masalah-masalah ini memang kita terima dari masa ke semasa walaupun ada usaha kitani untuk membisakan keadaan tapi masih berlaku rumput panjang yang tidak terpeduli, longkang-longkang tersumbat, jalan-jalan rosak dan sebagainya yang terlepas pandang oleh pihak Kementerian atau Jabatan Kerja Raya. Walaupun dengan adanya RIDE (*Road Inspection Division Enforcement*) yang akan berkeliaran melihat jalan-jalan raya rosak ini.

Masih ada yang mungkin ketinggalan, jadi *feed back* seperti ini kita mengalu-alukan. Ini adalah merupakan peranan ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan orang ramai untuk melaporkan kepada kita. Dengan adanya RIDE (*Road Inspection Division Enforcement*) itu bermakna ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu boleh melaporkan. Kita masih mengalu-alukan sebarang *feed back* daripada orang ramai, jika ada kerosakan ataupun keadaan-keadaan yang tidak tentu, masih tidak terurus oleh Jabatan Kerja Raya. Insya-Allah dengan adanya makluman tersebut kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian. Sama ada kita akan mengadakan Jawatan Pengarah Kerja Raya Tutong yang pada masa ini belum ada. Walau macam

manapun ada sudah pegawai di Tutong itu yang bertanggungjawab mengenai dengan keseluruhan Daerah Tutong.

Jadi saya rasa pegawai ini juga seorang Pegawai Kanan dan mana-mana masalah itu insya-Allah akan dapat ditangani oleh pegawai berkenaan walau macam manapun cadangan untuk melantik ataupun mendapatkan Jawatan Pengarah Kerja Raya Tutong ini akan kita bincangkan di Kementerian Pembangunan kesesuaiannya dan jika perlu akan kita ambil tindakan yang bersesuaian ke arah nya.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan banjir di Kampung Birau daripada kawasan Kampung Birau sehinggalah ke kawasan Sekolah Rendah Melayu Birau. Jika perkara ini masih belum dilaksanakan dan tidak termasuk dalam rancangan yang saya huraikan kelmarin insya-Allah perkara ini akan saya diambil catatan melalui Bahagian Saliran di Jabatan Kerja Raya. Jika ianya belum ditangani insya-Allah akan ditangani segera kerana kita juga tidak ingin rakyat di Kampung Birau itu sentiasa dilanda banjir setiap kali hujan.

Jadi perkara ini ialah satu perkara yang menjadi kerisauan kepada kita dan kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya yang telahpun menimbulkan perkara ini. Walaupun telah ditimbulkan oleh beliau sebanyak 2, 3 kali sebelumnya.

Mengenai dengan persoalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee tentang kelambatan mendapatkan kelulusan permohonan untuk memajukan

tanah ataupun membuat bangunan perkara ini satu cabaran kepada kita, memang ada isu-isu ini timbul. Walau macam manapun perkara ini telahpun ditangani oleh *Authority Building And Construction Industry (ABCI)* seperti yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Kalau mengikut TPOR kita sudah berubah. Kita telah dapat meluluskan perkara ini dalam tempoh 14 hari waktu bekerja dan banyak perubahan yang telah kita buat di *ABCI*, jika pun ada kes-kes yang masih terlambat kita akan mengkaji dari mana kita perlu menyiasat? Dari mana punca kelambatan itu? Kerana masih ada di kalangan *Qualified Person (QP)* yang tidak menghantar borangnya dengan cara yang betul. Jadi setiap kali borang itu dikembalikan, ia akan memakan tempoh yang lama untuk *QP* menghantar semula kepada pihak yang berkuasa. Apabila ditanyakan kadang-kadang yang disalahkan ialah pihak yang berkuasa tetapi setelah disiasat dengan lebih mendalam kadang-kadang *QP* itu sendiri yang tidak memulangkan *drawings* ataupun pelan-pelan seperti yang telah dikehendaki oleh pihak yang berkuasa.

Perkara ini sedang ditangani, dan *QP* sendiri telahpun dimaklumkan dan dipertanggungjawabkan untuk menghantar sebarang *plan* mereka dan memastikan *plan* itu betul-betul mengikut kehendak *ABCI*. Jika perkara ini tidak dipatuhi, maka kelambatan itu adalah kesilapan mereka dan bukan kesilapan pihak yang berkuasa. Sudah banyak *QP* yang beralih dari segi membuat perubahan dalam tatacara kerja mereka, tetapi masih ada juga *QP* yang tidak mengikut yang masih

melalai-lalaikan permohonan daripada pelanggan mereka.

Perkara sedemikian yang ditimbulkan oleh *QP* akan membawa masalah bukan sahaja kepada pihak yang berkuasa tetapi juga kepada pelanggan mereka. Jika perkara ini berlaku, tindakan-tindakan tertentu akan diambil dan mereka akan disenaraikan di dalam senarai *QP* yang tidak melaksanakan kerjanya dengan baik. Objektif bagi tindakan ini ialah untuk memelihara pelanggan-pelanggan mereka daripada menunggu dan menyalahkan pula pihak yang berkuasa disebabkan kelambatan itu.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kementerian akan sentiasa meneliti mana-mana kelambatan yang *genuine* yang datangnya dari pihak Kementerian. Kelambatan tersebut memang tidak dapat dihindari kerana kita semua maklum bahawa manusia ini kadang-kadang ada jua tidak melaksanakan kerjanya dengan baik. Oleh itu, mana-mana kelambatan yang berpunca dari pihak Kementerian Pembangunan ataupun dari pihak *ABCI*, kita akan berusaha untuk memperbaikinya supaya ianya tidak akan berulang lagi.

Seterusnya mengenai cadangan untuk mengadakan jerayawara bagi peraturan-peraturan dan undang-undang serta garis pandu-garis pandu baru daripada pihak *ABCI*. Perkara ini akan dikaji dan insya-Allah akan dapat dilaksanakan dalam jerayawara seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad tadi.

Mengenai cadangan ataupun pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin tentang cadangan yang ditimbulkan pada tahun lepas mengenai

Penimbuk Ombak. Perkara ini akan saya rujuk kepada jabatan berkenaan di Kementerian Pembangunan. Walau bagaimanapun, saya rasa peruntukan bagi perkara ini telahpun ada dan insya-Allah ianya akan dapat kita laksanakan.

Mengenai cadangan Jalan Penghubung Labi ke Kuala Balai, sememangnya perkara ini telahpun dijadualkan ataupun dibentangkan dan telahpun ditimbulkan dalam beberapa perundingan yang diadakan di antara Kementerian Pembangunan dan pihak-pihak berkenaan. Tetapi nampaknya perkara ini belum lagi diberi keutamaan, tetapi insya-Allah perkara ini akan ditimbulkan dan dibincangkan lagi di masa akan datang dan akan ditingkatkan keutamaannya.

Seterusnya mengenai Lebuh Raya Telisai-Lumut yang mana perkembangannya sudah dapat dilihat tetapi belum pasti bila ia selesai dibina. Saya ingin mengongsikan laporan daripada *Brunei Economic Development Board (BEDB)* iaitu Jabatan Perancangan dan Kemajuan Negara yang mana pada masa ini kemajuan fizikal ialah 32.6% berbanding dengan yang dijadualkan iaitu 66.1%.

Antara faktor-faktor utama kelewatan projek tersebut ialah secara umumnya kerana cuaca yang tidak menentu seperti kekerapan hujan yang telah menyebabkan kerja-kerja tanah tertunda pada tahun 2012, keretakan tanah ataupun *land slide* yang terdapat di antara seksyen simpang ke Jalan Sungai Paku Link dan Jalan Penghujung Lebuh Raya Telisai dalam tapak projek tersebut.

Telaga minyak lama yang ditemui baru-baru ini dan proses pemotongan minyak juga diperlukan koordinasi terperinci dengan pihak yang berkuasa. Bilakah

projek ini akan siap? Kontraktor telahpun memaklumkan bahawa projek ini akan mengambil masa untuk siap hingga bulan Jun 2014 dan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei sedang menunggu penyerahan program kerja baru bagi kontraktor untuk menentukan tarikh siap baru.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini kontraktor telah meningkatkan mesin-mesin jentera yang mana ketika ini terdapat 500 pekerja pembinaan bagi mengejar kemajuan projek tersebut. Jadi target yang dinyatakan iaitu pada Jun 2014 insya-Allah akan dapat kita siapkan dalam tempoh yang berkenaan. Mudah-mudahan tidak ada isu yang lain yang menyebabkan kelambatan itu.

Yang Berhormat Pengerusi, saya rasa itu saja soalan-soalan yang dikemukakan dan saya harap semua soalan telah saya jawab kecuali dengan isu pemecahan tanah itu tadi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan ada baiknya diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli yang Berhormat.

Di Dewan yang mulia ini, saya akan mengutarakan 3 perkara di bawah Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan. Sebelum itu saya memohon izin daripada Yang Berhormat Pengerusi. Sukacita untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya atas usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam mengembangluaskan projek-projek pembangunan di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara pertama ialah saya telah difahamkan dari suara-suara dan pandangan penerima-penerima yang berjaya melalui Skim Perancangan Perumahan Negara terutamanya yang baru mendiami rumah jenis Teres di Skim Perpindahan Kampung Rataie, di Daerah Temburong.

Rumah-rumah teres tersebut hendaklah berkonsepkan Melayu Islam Beraja dengan memikirkan keperluan bagi kemudahan menyempurnakan jenazah iaitu bilik mandi dan pintu yang luas dan mangkuk-mangkuk tandas hendaklah jangan menghala kepada arah kiblat sepertimana ada yang sebahagiannya terdapat pada masa ini.

Perkara yang boleh menghukumkan makruh akan lama kelamaan menyebabkan berdosa kepada orang-orang Islam yang menggunakannya. Kaola memohon penjelasan sebelum bangunan itu dibuat adakah pihak-pihak berkenaan memikirkan seperti perkara yang dimaksudkan?

Perkara kedua, Rancangan Perumahan Negara di Daerah Temburong yang ditumpukan di Kampung Rataie Mukim Bokok. Apa yang dilihat di sana ialah projek perumahan yang semakin bertambah pesat.

Begitu juga keramaian penduduk yang berhijrah ke Kampung tersebut setelah mereka diperuntukkan rumah. Dalam perkara ini apa yang membimbangkan dengan penghijrahan penduduk ke Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok ialah ianya memberikan kesan kepada kekurangan jumlah penduduk di kampung-kampung atau mukim-mukim lain di Daerah Temburong.

Mengikut statistik jumlah penduduk Daerah Temburong tahun 2012, jumlah penduduk keseluruhan adalah 9,712 orang. Berdasarkan keramaian setiap kampung di daerah ini ianya tidak seramai penduduk di kampung-kampung di daerah-daerah lain di Negara ini. Maka dengan kekurangan ini, pada pandangan saya perkara yang tidak dapat dielakkan telah membabitkan beberapa perkara:

- 1) Anak-anak muda sudah berkurangan di kampung itu;
- 2) Didapati di dalam kampung itu hanya penduduk kampung yang terdiri dari orang tua-tua sahaja atau warga emas;

- 3) Aktiviti-aktiviti di kampung tidak boleh dilaksanakan kerana ketiadaan tenaga-tenaga yang boleh menjalankannya; dan
- 4) Dari segi kemasyarakatan tidak seramai dan semeriah sebelum itu.

Maka di Dewan yang mulia ini, adalah dicadangkan agar Kementerian Pembangunan mempertimbangkan supaya Projek Perumahan melalui skim tertentu dan dibuat kajian agar dapat dibina di mukim-mukim lain di Daerah Temburong.

Perkara yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi, adalah juga dicadangkan satu Skim Pembinaan Perumahan Murah untuk penduduk-penduduk di Mukim Labu seperti yang ada di Skim Perumahan Negara. Perkara ini ditimbulkan dan dicadangkan memandangkan ada Skim Tanah Anugerah bagi penduduk-penduduk di Kampung Labu Estate dan Kampung Senukoh iaitu Skim Pemulihan Semula Penduduk Mukim Labu.

Harapan saya di Dewan yang mulia ini, perkara ini akan mendapat pertimbangan supaya penduduk yang dikurniakan tanah di kampung tersebut dapat membuat rumah dan tidak berpindah dari kampung asal. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Isu yang akan saya timbulkan lebih kurang juga dengan isu Yang

Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Daerah Temburong, hanya menambah saja untuk saranan. Saranan saya, elok juga Skim Pembinaan Rumah ini dilaksanakan di peringkat kampung yang berskala kecil ke atas tanah-tanah mereka sendiri yang akan menyumbang kepada keadaan berikut:

- 1) Tanah-tanah persendirian tidak akan terbiar kosong kerana akan dibina rumah dan perkebunan;
- 2) Penduduk-penduduk kampung akan sentiasa terus kekal di kampung bagi mengelakkan kampung sunyi sepi kerana ada kawasan peladangan dan perkebunan bagi membantu perekonomian keluarga;
- 3) Menguatkan institusi kekeluargaan iaitu selaras dengan amanat menunaikan hasrat negara untuk menjaga dan memeduli akan kesejahteraan warga tua;
- 4) Keadaan kampung akan menjadi teratur dari segi pembangunan dengan penyediaan-penyediaan prasarana yang mengikut piawaian Kerajaan berdasarkan Undang-Undang perumahan;
- 5) Bagi mereka yang kurang mampu, diberi peluang melalui skim ini, setidaknya mereka menaruh harapan bagi memiliki rumah sendiri dengan kadar bayaran yang mereka boleh mampu; dan
- 6) Bagi mereka yang rajin pula dan ada kemahuan untuk berusaha, dapat pula bercucuk tanam atau membuat perusahaan menghasilkan produk kampung di tanah sendiri.

Akhirnya merupakan pertanyaan sahaja iaitu tentang Rancangan Perumahan Perpindahan Bukit Beruang yang berjumlah 1,500 unit. Bilakah jangka masanya ia akan siap? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di dalam kesempatan ini, saya hanya untuk berkongsi pandangan berserta dengan cadangan. Seperti mana difahami bahawa Jabatan Kemajuan Perumahan sedang giat merancang dan membina rumah-rumah yang bersaiz dan berbentuk khusus bagi penduduk-penduduk di seluruh Negara Brunei Darussalam dengan memberi kemudahan pembayaran secara beransur-ansur mengikut tempoh yang ditentukan. Dalam masa tempoh pembayaran sehingga lunas yang sudah setentunya akan memakan masa sehingga 10, 15 ke 20 tahun dan rumah-rumah tersebut masih dianggap sebagai hak milik Kerajaan.

Apa yang saya akan timbulkan di sini ialah mengenai dengan perlindungan Insurans Kebakaran bagi rumah dan Insurans Nyawa bagi pemilik rumah sepertimana yang diperkenalkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menggunakan pinjaman bagi membina rumah sebelum Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) diperkenalkan sejak kira-kira 50 tahun yang lalu. Insurans tersebut perlu diwajibkan kepada setiap pemilik rumah setelah kita melihat dan mendapati beberapa buah rumah di bawah

Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) telah mendapat musibah kebakaran tanpa mendapat pembelaan ataupun penggantian terhadap kerosakan akibat kebakaran.

Bagi mereka yang telah mempunyai perlindungan insurans adalah merupakan satu tindakan yang bijak. Sebagai contoh, dua tiga tahun yang lalu dan tahun lepas telah berlaku kejadian kebakaran rumah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) di Mumong dan Kampung Lumut, yang mana sehingga ke hari ini masih belum diperbaiki kerana ketiadaan perlindungan insurans lebih-lebih lagi pemiliknya adalah tergolong di dalam orang-orang yang tidak berkemampuan. Akhirnya pemilik rumah tersebut telah memohon bantuan melalui Tabung Bantuan Masyarakat Daif yang memerlukan pertimbangan yang agak lama untuk diluluskan.

Mengenai Insurans Nyawa, sekiranya perkara ini tidak menyalahi dari segi Undang-Undang Syariah, perkara ini perlu disarankan kepada pemilik-pemilik rumah di kedua-dua Skim Perumahan tersebut. Mujurlah juga pada akhir-akhir ini Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengambil langkah yang bijak dengan memastikan setiap pemilik rumah itu dijamin oleh dua orang penjamin. Alhamdulillah, mungkin masalah bayaran tertunggak tidak lagi timbul, jika ia masih berlaku, maka penjaminlah yang akan bertanggungjawab, sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Usul saya ini telah dibawa tadi oleh rakan yang baru sahaja mengusulkan tetapi dengan sedikit penambahan. Bagi Penduduk dan Rakyat Jati Brunei yang mempunyai pendapatan rendah sama ada pegawai Kerajaan, swasta atau bekerja sendiri, apabila mereka ini diperkenankan untuk menerima rumah, mereka ini dimestikan ada dua penjamin yang bekerja dalam pihak Kerajaan atau swasta. Kalau penjamin tidak lama lagi akan bersara, maka pemohon akan dikenakan bayaran terlalu tinggi dan perkara ini akan menyusahkan pemohon ini.

Apakah rasionalnya untuk dimestikan ada penjamin? Adakah penjamin akan ditagih membayar sekiranya pemohon meninggal dunia atau tidak mampu membayar? Pada pendapat saya, *Life Insurance* sebagai penjamin adalah lebih baik kerana cara ini telah diguna pakai pemohon Loan Rumah Kerajaan dari sejak dahulu. Kadang-kadang mencari penjamin adalah susah bagi pemohon kerana banyak yang tidak mahu menjadi penjamin kerana ditakuti penjamin akan bertanggungjawab membayar segala hutang pemohon jika terjadi hal-hal yang tersebut di atas. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang

Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada pengetahuan saya, ada beberapa jenis rumah yang telah dan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak, iaitu:

- 1) Sebuah rumah berasingan (*detached house*). Jenis rumah ini ada 3 jenis iaitu jenis *Basic*, *Standard* dan *Deluxe*. Perbezaan ketiga-tiga ini ialah dari segi saiznya dan juga reka bentuknya.

Mengenai Rumah Berkembar dan Rumah Teres. Ada juga bisikan-bisikan daripada sebahagian penerima ini yang kedengarannya tidak berpuas hati dengan jenis rumah yang diberikan kepada mereka kerana mereka merasa lebih layak menerima rumah yang lebih besar saiznya daripada apa yang diberikan kepada mereka. Sebagai contoh, jika pemohon rumah itu diberikan rumah jenis *Basic* atau Rumah Teres sedangkan berpandukan kepada pendapatan seseorang bersama isteri, mereka layak untuk menerima mungkin jenis rumah *Standard* atau *Deluxe* atau Rumah Berkembar. Saya ingin tahu bagaimanakah cara ataupun garis pandu yang ditetapkan oleh Kementerian atau Jabatan yang berkenaan untuk menentukan jenis rumah yang akan diberikan kepada pemohon-pemohon itu?

- 2) Mengenai pemohon-pemohon yang tinggal di rumah Rancangan Perumahan Negara (RKN) Kampung Meragang. Pemohon-pemohon ini yang mempunyai anak yang belajar di Pusat Tingkatan Enam, Kampung Meragang yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan ini. Masalah yang mereka hadapi pada masa ini ialah menghantar anak-anak

mereka ke Pusat Tingkatan Enam. Untuk balik ke rumah mereka semula selepas menghantar anak mereka, mereka terpaksa keluar ke Lebu Raya Muara, Tutong kira-kira 6 ke 8 kilometer jauhnya untuk berpatah balik ke rumah masing-masing. Begitu juga apabila berpatah balik (*U-Turn*) menuju ke Muara terpaksa lagi kurang 6 ke 7 kilometer baru boleh berpatah menuju ke rumah masing-masing.

Adakah perancangan yang boleh dibuat jalan-jalan yang bersesuaian untuk tidak keluar daripada Pusat Tingkatan Enam (PTE) Meragang tersebut tidak perlu keluar ke lebu raya tersebut tetapi dibuatkan satu jalan raya untuk jalan pintas menuju kepada perumahan mereka tanpa keluar melalui Lebu Raya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Itu sahaja Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih, itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada 2 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat menyatakan untuk bercakap kalau ringkas pertanyaan itu saya akan sambung kalau tidak ditangguhkan kemudian sahaja. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, ringkas sahaja.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, sebetulnya saya mempunyai soalan yang banyak tetapi telahpun saya ajukan kepada soalan yang diberi notis. Walau bagaimanapun, saya cuma mempunyai satu pandangan sahaja iaitu mengenai perkembangan pembinaan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara khususnya di kawasan Kampung Lumut yang nampak begitu pesat dan berkembang ketika ini.

Pada pandangan saya, Rancangan Perumahan Negara di kawasan tersebut haruslah juga difikirkan dan disediakan bersama-sama prasarana kemudahan seperti kemudahan komersil, sukan, kehendak agama dan lain-lain bagi memudahkan penghuni-penghuni yang akan tinggal di kawasan tersebut tidak seperti apa yang berlaku pada masa ini. Itu sahaja pandangan daripada saya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, apakah panjang atau pendek pertanyaan itu?

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 pada tahun 2009-2012, sebanyak 9,000 unit rumah telah direncanakan, saya penuh yakin mungkin sudah selesai sepenuhnya. Kita juga menyedari bahawa pemohonan yang meningkat itu tidak mungkin tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang singkat. Dalam Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya pembinaan rumah tersebut akan dapat diswastakan

kepada kontraktor bumiputera khususnya yang mempunyai keupayaan dan integriti bagi melaksanakannya untuk mempercepatkan proses berkenaan.

Selain daripada itu seperti disebut oleh rakan-rakan tadi, bahawasanya kalau ada perpindahan memang di kampung-kampung akan berkurangan penduduknya. Dalam perkara ini adakah Jabatan Kemajuan Perumahan akan meneliti mana-mana kampung yang mempunyai kawasan yang luas supaya akan membuat perancangan dan menyediakan perumahan bagi penduduk-penduduk di kampung berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dahulu untuk berehat selama 20 minit, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat

Negara disambung semula, akan tetapi untuk membolehkan kita meneruskan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula dan masih lagi membincangkan Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan. Sebelum perbincangan ini ditangguhkan untuk berehat, seramai 7 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan soalan-soalan dan cadangan-cadangan. Oleh yang demikian, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan memberikan ulasan-ulasan kepada soalan-soalan dan cadangan-cadangan itu, silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum saya menjawab soalan-soalan yang diajukan di bawah tajuk perumahan ini, ada 2 soalan yang ingin saya jawab, yang belum di jawab sebelum ini ada berkaitan dengan tajuk perumahan juga.

1) Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, mengenai tempoh menunggu yang telahpun dikurangkan itu sejauh mana kita berhasil mengurangkannya kepada 5 tahun. Ingin saya menghuraikan sedikit, sebabnya perkara ini penting untuk diketahui. Pada tahun 2011 / 2012 yang lalu, lebih 5,000 buah

rumah telahpun diperuntukkan kepada pemohon di seluruh Negara. Dari jumlah tersebut lebih 1,300 rumah telah diperuntukkan kepada pemohon sehingga tahun 1993 di Daerah Temburong. 3,585 rumah telah diperuntukkan kepada pemohon sehingga tahun 2004 di Daerah Belait, 125 unit rumah telah diperuntukkan kepada pemohon sehingga tahun 2002 di Daerah Temburong. Sementara itu projek membina 2,258 buah rumah telah mula dilaksanakan pada tahun 2011/2012 di Daerah Tutong.

Pada tahun 2013 ini, lebih 4,000 buah rumah akan siap dan diperuntukkan kepada pemohon 1994 hingga 1996 di Daerah Brunei Muara iaitu bagi mereka yang memohon daripada tahun 1994 hingga 1996 bagi Daerah Brunei Muara. Lebih 500 buah rumah telah diperuntukkan kepada pemohon tahun 2005 hingga 2006 dan 823 buah rumah akan diperuntukkan kepada pemohon tahun 2007 hingga 2009 di Daerah Belait.

Ertinya bagi mereka yang baru memohon kurang 10 tahun sudah mendapat rumah di Daerah Belait. Ada yang baru kurang 5 tahun sudahpun dapat rumah di Daerah Belait. Waktu menunggu untuk memiliki rumah telah pun berkurang dari 19 ke 16 tahun di Daerah Brunei Muara dengan siapnya pembinaannya lebih dari 4,000 buah rumah pada tahun 2014 yang dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi yang akan dapat memenuhi pemohon sehingga tahun 1999. Jangka waktu memiliki rumah bagi pemohon Daerah Brunei Muara akan berkurangan daripada 16 kepada 15 tahun.

Bagi pemohon Daerah Belait, waktu menunggu telah mencapai kurang dari 5 tahun, dengan siapnya 332 buah rumah pada September 2013. Pemohon tahun 1994-2012 di Daerah Temburong akan dapat memiliki rumah di antara 1 hingga 8 tahun tempoh menunggu. Projek pembinaan 2,238 buah rumah di Daerah Tutong yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2014 akan dapat memenuhi mereka yang telah memohon di antara tahun 1984-2012, ini bermakna ada di antara pemohon itu baru memohon bagi tahun 2012 akan dapat memiliki rumah pada pertengahan tahun 2014 di Daerah Tutong. Ini menunjukkan kejayaan dari segi memendekkan masa tempoh memiliki rumah bagi pemohon-pemohon yang sudah lama menunggu.

Seterusnya, saya juga ingin menerangkan atau memberi maklumat tambahan mengenai pagar longkang di Kampung Jaya Bakti mengikut keterangan Yang Berhormat ini telah pun dijanjikan Jun 2013 tetapi belum nampak-nampak. Insya-Allah Julai 2013 akan siap, kerana kelmarin baru diaward, bukannya berjanji kelurusan kelmarin kerja-kerja itu. Harap akan dimaafkan kelambatan 1 bulan itu. Walau bagaimanapun, perkara itu telah pun diambil tindakan dan insya-Allah akan siap Julai 2013; dan

- 2) Sekarang Yang Berhormat Pengerusi saya ingin menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sesi yang kedua tadi di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan:

i. Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Mengenai dengan Rumah Jenis Teres di Kampung Rataie yang mana ada diantaranya tandasnya menghala ke Kiblat dan sama ada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sudah ada termasuk di dalam pemikiran Kementerian Pembangunan ataupun Jabatan Kemajuan Perumahan. Memang setiap rumah yang dibangun, konsep Melayu Islam Beraja (MIB) diutamakan. Tetapi kadang-kadang oleh kerana kedudukan rumah itu bengkok-bengkok, tidaklah dapat semua dipastikan. Walaupun di masa akan datang perkara ini akan dititik beratkan, jika boleh semua tandasnya tidak akan menghadap ke Kiblat, tapi dalam perkara ini, seperti yang saya fahami tidak semua yang menghadap ke Kiblat. Ada beberapa rumah yang *unfortunately* yang menghadap ke Kiblat itu;

ii. Supaya projek perumahan ini bukan saja diletakkan di Kampung Rataie di Mukim Bokok, insya-Allah perkara ini akan dilihat dan memanglah perkara masa ini Skim Perumahan itu ditumpukan di sana dan perkara ini telahpun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada tahun lepas kalau tidak silap. Insya-Allah perkara ini akan diambil tindakan, jadi pada masa akan datang projek perumahan yang baru mungkin hendaklah perlu diletakkan bukan di Kampung Rataie.

Mengenai Skim Perumahan mampu milik iaitu di rumah yang kos rendah yang sebenarnya rumah yang kita berikan inipun sudah kos rendah.

Saya rasa tidak dapat kita mengurangkan lebih daripada itu lagi. Paling rendah Rumah Teres pada masa ini ialah \$35,000.00 kalau kurang daripada itu, tidak tahu macamana jenis yang dapat kita bangunkan. Ini sudah \$35,000.00 yang paling rendah, yang naik sedikitpun adalah \$43,000.00.

Jika diturunkan pada kos rendah, maka kebanyakannya Kerajaan yang akan menanggung dan apa pula dengan keadaan rumah tersebut. Walau macam manapun akan diambil maklum dan dilihat kalau dapat kosnya rendah daripada itu. Saya pun telah melihat rumah-rumah di Malaysia misalnya yang dimaksudkan kos rendah itu, mungkin orang kita tidak akan mahu tinggal di tempat tersebut. Untuk mendapatkan rumah yang kos rendah ini adalah rumit.

iii. Soalan seterusnya ialah, soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Ini adalah saranan daripada Yang Berhormat yang mana sama ada tanah-tanah persendirian itu boleh dibangunkan rumah di tapak tanah sendiri. Yang sebenarnya dasar Skim Perumahan Negara ini hanya diberikan kepada mereka yang tidak memiliki tanah. Mereka yang memiliki tanah terpaksa berusaha sendiri untuk membangunkan rumah di tanah-tanah mereka itu. Walau bagaimanapun, jika ada kes-kes tertentu yang mana mereka ini kurang mampu atau tidak mampu membangun rumah di tanah mereka sendiri ataupun tanah-tanah tersebut tidak dapat dimajukan

kerana terlalu kecil, ataupun tanah tersebut tidak ada kemudahan-kemudahan asas untuk membangun rumah maka mereka akan membuat perbelanjaan besar. Oleh yang demikian, pertimbangan-pertimbangan tertentu seperti rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara akan diperuntukkan bagi mereka. Akan tetapi penerima-penerima rumah tersebut akan dikenakan syarat yang mana mereka tidak dibenarkan menjual tanah itu.

Pihak Kementerian ingin menghindarkan berlakunya situasi di mana selepas penerima itu diberi rumah, tanahnya dijual kepada orang lain, maka penerima tersebut akan mendapat 2 keuntungan iaitu mendapat rumah Kerajaan dan mendapat kewangan dari menjual tanahnya. Mungkin peraturan akan diketatkan lagi jika perkara ini berlaku.

Akan tetapi, perkara ini akan kita fikirkan jua sebaik-baiknya, di mana Jabatan Kemajuan Perumahan akan memikirkan apa cara yang sebaik-baiknya mengenai perkara ini.

Soalan seterusnya dari Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ialah mengenai dengan pembinaan rumah sebanyak 1,500 buah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara, Kampung Bukit Beruang. Projek ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan maklumat yang diterima ialah projek ini akan menyediakan 1,500 buah rumah yang mana 500 unit adalah rumah kembar dan 1,000 buah unit adalah rumah teres. Manakala tarikh bermulanya pembinaan ialah pada bulan Januari 2011 dan tarikh asal dijangkakan siap ialah pada bulan

Julai 2012. Tarikh siap yang dijangkakan yang disemak semula ialah pada bulan Mac 2013. Insya-Allah rumah ini mungkin hampir sudah siap dan apabila siap nanti akan diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Perumahan untuk diagihkan seperti yang lazimnya.

Seterusnya saya beralih kepada soalan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai dengan kebakaran rumah yang tidak ada insurans dan sama ada rumah itu akan diganti.

Sebenarnya setiap pemilik rumah dikehendaki untuk mendapatkan insurans masing-masing. Tetapi perkara ini tidak dikuatkuasakan, jadi ianya tertakluk kepada kemampuan masing-masing sama ada pemilik itu ingin mengambil risiko sendiri. Walau bagaimanapun, memang pada dasarnya mereka dikehendaki untuk mengambil insurans ke atas rumah mereka. Apa yang diketahui juga bahawa ada segolongan mereka tidak mampu untuk mendapatkan insurans ataupun tidak ada syarikat insurans yang mahu membuat rumah mereka. Kerana dari segi kemampuan membeli insurans, dari segi umur dan sebagainya, mungkin mereka tidak dapat mendapatkan insurans.

Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan telah pun memikirkan sama ada insurans secara berkumpulan boleh diperkenalkan. Ini bermaksud, dalam satu kelompok perumahan itu mereka boleh mengambil insurans secara berkumpulan. Oleh yang demikian, mana-mana kebakaran ataupun apa-apa jua berlaku ke atas rumah itu, insurans secara berkumpulan itu boleh membantu. Ini terpulanglah kepada penghuni-penghuni, pemilik-pemilik rumah berkenaan bersetuju untuk berkumpul

mendapatkan insurans secara berkumpulan ini. Perkara ini sudahpun dibincangkan dengan pihak BIBD tetapi belum selesai dari segi tataranya. Insyallah jika perkara ini mendapat minat daripada pemilik-pemilik rumah berkenaan, perkara ini akan dirundingkan seterusnya dengan pihak BIBD.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang bertanya mengenai dengan penjamin. Adakah perlu penjamin ini dikenakan 2 orang penjamin? Saya ingin menghuraikan sedikit mengenai dengan penjamin ini. Sebenarnya 2 orang penjamin ini telahpun dikurangkan kepada seorang penjamin kerana kita maklum jua bahawa kadang-kadang untuk mencari 2 orang penjamin ini mungkin akan menjadi masalah kepada pemilik rumah, kerana tidak semua orang mahu jadi penjamin terutama kalau ada risiko-risiko seperti mungkin pemilik rumah tidak mahu membayar dan sebagainya dan penjamin terpaksa dikenakan bayaran. Yang sebenarnya, keperluan syarat penjamin pada hakikatnya adalah untuk mengelakkan kegagalan pemilik melunas balik bayaran rumah dan beban tunggakan kepada pihak Kerajaan.

Seperti yang kita sedia maklum, bahawa pelaksanaan projek perumahan melibatkan belanjawan yang besar bagi menampung kos pembinaan dan subsidi pemilik rumah. Mengikut perangkaan yang ada, tunggakan perumahan telah meningkat dari 17 juta pada tahun 2011 kepada 19.8 juta pada tahun 2012 kerana masih banyak penjamin yang tidak mahu membayar. Tunggakan tersebut dianggarkan dapat membiayai 200 buah rumah yang lengkap dengan prasarana atau 400 Lot tanah lengkap dengan

prasarana yang dapat dimanfaatkan oleh pemohon yang masih menunggu diperuntukkan rumah.

Walau bagaimanapun kita menyedari akan kesulitan yang dihadapi oleh sebilangan pemohon untuk mendapatkan 2 orang penjamin. Sehubungan dengan itu, mulai tahun 2012, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan telah memberi kelonggaran kepada mereka yang menghadapi kesulitan dan kesukaran untuk mendapatkan 2 orang penjamin kakitangan Kerajaan untuk mendapatkan 1 orang penjamin sahaja.

Dengan pengenalan dan Tabung Perumahan pada awal tahun 2013, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengkaji dan meneliti semula formula untuk memberikan mereka yang menabung untuk dikecualikan daripada mendapatkan penjamin. Sekurangnya dengan adanya dana itu, kita boleh ada jaminan sedikit yang mana tunggakan ataupun bayaran-bayaran itu akan dapat dijelaskan oleh pemilik rumah. Perkara ini akan dapat kita fikirkan lagi. Ada jua baiknya menggunakan penjamin tapi kita faham jua ada sesetengah mereka yang sukar untuk mendapatkan 2 orang penjamin. Jadi diberikanlah kelonggaran dikurangkan kepada seorang penjamin.

Ada juga cadangan yang diberi mengenai penggunaan Insurans Nyawa. Perkara ini insyallah akan dilihat dan sebaiknya akan dilaksanakan seperti yang dicadangkan. Cuma tidak semua boleh mendapatkan Insurans Nyawa ini mengikut keadaan kesihatan, umurnya, kesanggupannya dan sebagainya. Tidak semua yang direncanakan itu boleh berjalan. Walau bagaimanapun akan

dilihat juga sama ada perkara ini boleh dilaksanakan atau tidak.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai dengan kelayakan pemilik-pemilik rumah sepatutnya layak menerima rumah besar tetapi sebaliknya mendapat rumah yang kecil. Perkara ini menjadi satu cabaran kepada pihak Jabatan Kemajuan Perumahan kerana kita banyak menerima sungutan sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin itu.

Sungutan-sungutan ini diterima daripada orang yang sepatutnya layak menerima rumah besar tetapi oleh kerana rumah itu tidak ada kekosongan maka hanya diperuntukkan rumah kecil dan ini membuatkan mereka tidak senang dengan perkara sedemikian. Kadang-kadang kita bersimpati juga dengan kemahuan mereka untuk memiliki rumah besar, tetapi oleh kerana jumlah rumah besar itu tidak banyak maka terpaksa mereka memiliki sama ada rumah kecil, rumah *detach* atau rumah *semi-detach* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan kita fikirkan caranya untuk menambah rumah-rumah besar ini supaya mereka yang berhak menerima rumah besar ini akan diberikan peruntukan sedemikian. Akan tetapi, ada juga segolongan mereka ini yang berkemampuan misalnya *just manage above the line* tetapi masih berkehendakkan rumah besar. Jadi kemampuan yang disebutkan itu mungkin tidak akan bertahan. Kadang-kadang gaji suami-isteri itu dicampurkan dan dari luarannya mereka ini layak untuk memiliki

rumah besar tanpa melihat tanggungannya. Kadang-kadang kita keberatan untuk memberikan peruntukan rumah besar itu jika keadaan ekonominya mungkin tidak dapat menampung rumah yang besar itu. Jadi perkara ini akan dikaji dan dilihat bagaimana cara untuk memenuhi citarasa pemohon-pemohon yang menginginkan rumah besar dan bagi mereka yang mampu.

Mengenai dengan kesesakan jalan raya ataupun tidak ada jalan keluar masuk daripada Meragang ke Pusat Tingkatan Enam bagi mereka yang tinggal di kawasan Perumahan Meragang, perkara ini diambil maklum dan akan diusahakan bagaimana caranya supaya mereka itu tidak perlu berpusing ke jalan Muara / Tutong disebabkan jauh untuk berbalik semula.

Bagi mereka yang tinggal berhampiran dengan sekolah itu, adalah dicadangkan supaya anak-anak itu berbasikal ke sekolah. Tambahan lagi berbasikal itu menyihatkan. Kalau berkehendakkan jalan, dapat disediakan jalan untuk berbasikal. Jadi tidak payah kereta berpusing, memakan minyak dan sebagainya dan menambah gas *emission* kepada alam sekitar. Kalau kawasan Perumahan Negara Meragang itu tidak jauh daripada sekolah, jadi kanak-kanak boleh berbasikal, saya percaya rakan saya Menteri Kesihatan akan menyokong cadangan ini.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mengenai dengan kemudahan di kampung perumahan, insya-Allah memang dalam perancangan setiap kawasan perumahan itu ada disediakan kemudahan-kemudahan

tertentu. Walaupun perkara ini tidak diberi penekanan sebelumnya, insya-Allah di masa akan datang perkara ini akan diberi penekanan supaya setiap kawasan perumahan itu cukup lengkap dengan kemudahan-kemudahan yang sepatutnya ada, untuk menambah keselesaan kepada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan itu.

Akhir sekali cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, mengenai dengan pembinaan rumah-rumah ini dapat diswastakan kepada pemborong tempatan. Ini satu perkara yang sudah difikirkan juga, untuk menswastakan projek-projek perumahan ini supaya kita sama-sama membangun rumah. Perkara ini akan ditunduki dengan sehalus-halusnya dan insya-Allah jika nampak kebaikannya yang menyerlah maka akan dilaksanakan seperti cadangan itu.

Untuk mengatasi kekurangan penduduk di satu-satu kawasan akan dikaji semula di mana tempat-tempat yang sesuai untuk meletakkan skim-skim perumahan ini. Perkara ini juga akan dikaji seperti yang disarankan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan, ada baiknya diundi. Siapa bersetuju? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan saya ialah:

1. Adakah Jabatan Kerja Raya membuat rancangan untuk menaiktarafkan jalan raya sepanjang Jalan Kota Batu?
2. Dalam tender-tender kecil, *quotation* ataupun sebutharga yang diiklankan oleh Jabatan Kerja Raya masih ada terdapat orang-orang asing yang memakai lesen kontrak orang-orang Brunei. Mereka sanggup masuk tender yang rendah sekali, yang difikirkan tidak masuk akal fikiran kita. Kita sedia maklum Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima harga tawaran yang paling rendah. Dalam hubungan ini yang menjadi mangsa ialah pengusaha-pengusaha anak tempatan (bumiputra) tidak sanggup bersaing dengan mereka, anak tempatan akan mundur ke belakang. Perkara ini tidak menguntungkan Kerajaan, malah akan mendatangkan kerugian kerana yang

digunakan harga tersebut adalah tidak berkualiti.

Apakah perkara ini akan berlarutan, sampai bila-bila dan adakah pihak berkenaan membuat pemantauan?

3. Bagi mengatasi kesesakan jalan raya, adalah dicadangkan pihak berkenaan untuk membuka jalan baru antara sempadan Kampung Sungai Buloh dan Kampung Meragang. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana memberikan mukadimah yang jelas dan terperinci dan di kesempatan ini juga kaola hendak mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan kerana telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti menubuhkan *RIDE (Road Inspection Division Enforcement)* yang ditugaskan untuk meronda jalan raya-jalan raya bagi tujuan memeriksa keadaan jalan raya dan juga menyediakan JKR-Ku yang membolehkan orang ramai melapor, menggambar dan menghantar melalui *smart phone* berhubung kerosakan infrastruktur yang memerlukan perhatian. Dan bukan itu sahaja, kaola juga mengetahui yang Kementerian Pembangunan begitu aktif menjawab dan mengambil tindakan ke atas masalah-

masalah yang dihantar melalui *facebook* Kementerian Pembangunan.

Di sini kaola hanya menimbulkan satu perkara sahaja dan mungkin berhubung kait dengan perkara yang telah ditimbulkan sebelumnya. Dalam mukadimah telah dinyatakan langkah-langkah yang telah dibuat untuk meningkatkan *Institutional Capacity* agensi-agensi di Kementerian Pembangunan. Dengan bertambahnya peruntukan sejumlah lebih \$6.4 juta yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan dan ditambah lagi dengan peruntukan yang diberikan kepada projek-projek dan kerja-kerja pemeliharaan bangunan-bangunan di bawah kementerian-kementerian lain, adakah dengan meningkatnya *Institutional Capacity* yang disebutkan di dalam mukadimah tersebut akan menjamin Jabatan Kerja Raya mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk mengungkayahkan projek-projek yang telah diberikan peruntukan.

Yang Berhormat Pengerusi, di kesempatan ini juga kaola ingin menyuarakan satu pandangan berhubung satu perkara yang telah ditimbulkan tadi iaitu perihal rumput panjang dan longkang tersumbat. Di sini kaola ingin mencadangkan dan menyarankan supaya ketua-ketua kampung selalu mengadakan kerja-kerja gotong-royong dengan penduduk-penduduk kampung untuk membersihkan kampung masing-masing, kerana pada pandangan kaola kerja-kerja yang ringan seperti memotong rumput dan membersihkan longkang yang tidak memerlukan kerja-kerja teknikal, tidaklah memerlukan pegawai dan kakitangan untuk turun padang. Tambahan lagi pada pandangan kaola, menjalankan kerja-kerja

gotong-royong adalah satu budaya yang wajib kita kekalkan dan perkenalkan terutama kepada golongan belia kita. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada beberapa isu yang akan disampaikan:

1. Simpanan Laluan Jalan yang diserahkan kepada Kerajaan. Adalah dicadangkan supaya Jabatan Kerja Raya akan dapat mempertimbangkan balik dasar dan peraturan pihak jabatan, sepertimana yang telah dimaklumi bahawa hanya memberi bantuan untuk menaik taraf jalan yang telah diserahkan kepada pihak kerajaan setelah simpanan laluan tersebut dibuat sendiri oleh pemilik tanah berkenaan yang ada di kawasan tersebut.

Ini bermakna jika pemilik tanah hendak membina rumah di atas tapak tanah persendirian yang jauh daripada jalan besar. Maka pemilik tanah berkenaan terpaksa berbelanja berpuluh ribu ringgit bagi membina jalan di atas tanah kerajaan yang telah mereka serahkan. Setentunya ini menyusahkan dan menyulitkan kepada pemilik tanah tersebut terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah dan kos bayaran yang dikenakan oleh kontraktor juga adalah terlalu tinggi.

Dalam hubungan ini Yang Berhormat Pengerusi, adalah dicadangkan supaya permohonan orang ramai

untuk membina jalan di atas simpanan laluan yang telah mereka serahkan kepada pihak Kerajaan itu supaya pihak yang berkenaan seperti Jabatan Kerja Raya menyediakan peruntukan untuk membuatkan longkang dan jalan bagi memudahkan orang ramai untuk mengusahakan tanah-tanah mereka. Dasar yang ada pada masa ini iaitu pihak Kerajaan hanya membuatkan jalan berkenaan setelah minima 7 buah rumah dibangunkan di kawasan berkenaan dan adalah menyulitkan dan menyusahkan sedikit orang ramai.

Mana-mana pemohon yang telah bersetuju akan menyerahkan tanah mereka untuk simpanan laluan di atas tapak tanah mereka supaya diberi bantuan membuat jalan menuju ke tapak tanah mereka itu. Jadi sejauh ini perkara tersebut diambil maklum menjadi kesulitan kepada orang-orang yang akan memajukan tanah di kawasan berkenaan. Kita juga menyedari bahawa kadang-kadang tanah itu jauh daripada jalan besar dan sebagainya dan perlu diberikan bantuan.

2. Seterusnya lagi Yang Berhormat Pengerusi, jambatan di Ban 6, Kampung Mulaut. Jambatan ini sudah lama dibina sejak tahun 2010 dengan tujuan untuk mengurangkan kesesakan jalan raya di Ban berkenaan. Jadi dukacita sedikit kerana sehingga kini jambatan tersebut belum dapat digunakan oleh orang ramai.

Pembinaan jambatan tersebut tergendala oleh kerana beberapa sebab tertentu. Walau bagaimanapun

ketua kampung di kawasan tersebut telahpun berjumpa dengan pihak yang berkenaan iaitu pada 12 Oktober 2011. Beliau menyatakan bahawa kontraktor yang mendapat tawaran tersebut menghadapi masalah kewangan dan perlu ditawarkan semula. Beberapa bulan selepas itu, pembinaan jambatan tersebut disambung semula.

Namun hingga sekarang jambatan tersebut belum juga siap. Isu jambatan ini sering menjadi perbualan kepada orang-orang kampung di kawasan berkenaan kerana mereka terpaksa berbaris panjang untuk keluar melalui Jalan Mulaut.

3. Lampu isyarat juga dipohonkan supaya dibina bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di Jalan Mulaut.
4. Projek menaik taraf longkang dan jambatan di Ban 3, 4 dan 5 termasuk Ban 6 telah memakan masa yang lama terutama di jambatan besi di Ban 3, 4 dan 5 sehingga kini belum diganti baru dan dibesarkan. Masalah yang dihadapi ialah jambatan yang sedia ada adalah sempit menyebabkan kesesakan di kawasan berkenaan.

Pemeliharaan longkang konkrit di sepanjang Jalan Mulaut dan simpang-simpang yang menghubungkan perlu diberi perhatian kerana sepertimana yang kita maklum longkang yang terkandas menyebabkan kebanjiran. Selain itu, masalah membesarkan Jalan Mulaut yang mana sudah terbukti dan menjadi kenyataan bahawasanya Jalan Mulaut ini

merupakan jalan utama yang sering digunakan bukan saja bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini malahan juga kenderaan dari negara jiran yang melalui Jalan Sengkuring hinggalah ke Kuala Lurah.

Adalah dicadangkan supaya jalan-jalan tersebut akan dijadikan 4 lorong mengikut kesesuaian dan keperluannya yang ada pada masa ini, kerana kita melihat Kampung Mulaut semakin berkembang menjadi pusat urus niaga dan sebagainya. Ada sekolah menengah, masjid yang baru dan berbagai-bagai kemudahan lagi. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada beberapa isu yang akan saya kemukakan dalam Tajuk ini iaitu yang mempunyai peruntukan tertinggi dari jabatan-jabatan lain dalam Kementerian Pembangunan iaitu berjumlah \$176,024,700.00.

Isu pertama ialah mengenai dengan kesesakan jalan raya di sepanjang Lebuhraya Telisai Tutong iaitu:

1. Di simpang keluar masuk menuju ke *U-Turn* Kampung Tanjung Maya.
2. Simpang keluar masuk menuju ke *U-Turn* di persimpangan Kampung Bukit Beruang.

3. Kesesakan di hadapan Sekolah Rendah Telisai.

Pertanyaan saya ialah:

- i. Apakah perkembangan mengenai dengan perancangan untuk membina jambatan di simpang keluar Kampung Bukit Beruang dan Kampung Tanjung Maya?
- ii. Apakah langkah-langkah awal pihak berkenaan bagi mengatasi masalah Jalan Telisai - Sungai Liang yang sering berlaku kemalangan dan menyebabkan kesesakan? Jadi adalah juga dicadangkan supaya pengubahsuaian terhadap jalan keluar masuk di hadapan Sekolah Rendah Telisai yang mempunyai banyak simpang yang menyebabkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya. Simpang-simpang itu ialah 2 simpang keluar masuk ke sekolah, 2 simpang keluar masuk rumah persendirian dan kedai runcit dan simpang keluar masuk ke jalan menuju Restoran K.K. Koya. Oleh itu, kekeliruan berlaku di sini kerana berbagai kegunaan umpamanya untuk pusingan, berhenti di tengah jalan, menunggu masuk ke sekolah dan menunggu masuk ke kedai runcit dan menjadi masalah apabila dalam masa yang sama beberapa buah kenderaan berhenti secara bertentangan kerana kawasan tempat berhenti yang sangat kecil.

Isu kedua, sepanjang Jalan Danau bermula dari Perumahan TelBru hingga ke hujung Tanjung Danau adalah deretan rumah-rumah termasuk sebuah pusat kesihatan, rumah pangsa, sekolah agama,

dewan kemasyarakatan, masjid, sekolah rendah, penurunan perahu dan hujung sekali Tanjung Danau iaitu kawasan yang sering dikunjungi oleh orang ramai untuk memancing dan berkelah. Jadinya Jalan Danau adalah jalan utama dan tidak ada jalan lain sebagai pilihan untuk berurusan setiap masa untuk bertugas ke tempat bekerja, menghantar dan mengambil anak sekolah, ke klinik dan sebagainya.

Jalan ini yang sudah berusia 50 tahun, dalam jangka masa ini sudah tentu jumlah kenderaan yang menggunakannya sudah bertambah. Oleh itu dicadangkan supaya jalan ini dinaiktarafkan dengan melebar luas jalan dan pembinaan longkang konkrit di sebelah kanan dari Stesen Minyak Jalan Telisai menuju keluar ke jambatan. Termasuk juga longkang konkrit di Jalan Danau. Ini adalah untuk mengelakkan kawasan perumahan di sebelah kanan di banjiri air setiap kali musim hujan.

Isu ketiga, Jalan Kuala Ungar ke Kampung Belabau merupakan jalan utama yang sering digunakan oleh penduduk kampung setiap hari berulang-alik ke tempat bertugas. Kini jalan raya telah rosak teruk, aspal terkopek dan berlubang di sana sini menyebabkan kesukaran kereta-kereta kecil melaluinya terutamanya pada musim hujan yang kadang kala terkandas. Soalan saya bilakah pelaksanaan jalan raya ini dinaik tarafkan? Sepertimana dimaklumkan kepada saya oleh pihak berkenaan ianya masih di dalam perancangan.

Isu keempat, mengenai dengan meruntuh tanah bukit bagi pengambil pasir dan kerja-kerja penerokaan menyebabkan berlakunya tanah susur ke sungai dan

jalan raya. Kejadian tanah susur ini berlaku dari Ulu Sungai Bepekan dan dari Ulu Sungai Pengkalan Dalai dan dari Ulu Sungai Jeraya yang semuanya mengalir ke Sungai Telamba iaitu sungai utama yang mengakibatkan sungai ini cetek. Yang paling serius ialah Sungai Bepekan, yang kini tertutup ditumbuhi tanah bakau dan pokok bakau.

Mengenai dengan masalah Sungai Bepekan ini, satu projek pengorekan telah dimaklumkan kepada saya melalui surat Jabatan Kerja Raya, rujukan 01/TRM/PDT/SCC/Pt2.12 bertarikh 24 Januari 2012 yang ada dalam perancangan untuk pengorekan bermula 1 Februari 2012 dan berakhir pada 1 Julai 2012.

Kini sudah tahun 2013, yang mana hakisan akibat ceteknya Sungai Telamba telah menyebabkan kawasan perumahan hujung Kampung Telamba dibanjiri oleh air sungai apabila musim air pasang di mana kejadian ini tidak pernah berlaku sebelumnya. Dalam hal ini, saya cadangkan supaya kerja-kerja pengorekan Sungai Bepakan dapat dilaksanakan.

Isu yang terakhir, Pembinaan Benteng Pencegah Hakisan Tebing Pantai Danau yang telah saya usulkan pada Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kelapan tahun lepas yang mana benteng pencegahan hakisan pantai terlaksana, kini ada aduan lagi kejadian hakisan tebing Sungai Danau mula terjadi dari tebing Sungai Masjid Danau hingga tebing Tanjung Danau.

Soalan saya, apakah perkembangan rancangan pembinaan benteng pencegah hakisan tebing Pantai Danau yang telah dimaklumkan sudah ditenderkan. Eloklah

dapat disegerakan pelaksanaannya kerana maklumat terbaru, hakisannya telah menumbangkan pokok-pokok dan menghampiri sebuah rumah besar. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya tidak berpanjang lebar sepertimana rakan-rakan sejawat. Walau bagaimanapun setelah saya mendengar mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Pembangunan, ada beberapa peruntukan di Daerah Tutong.

1. Di antaranya peruntukan menangani hal banjir yang dikenal pasti ada Sembilan iaitu:
 - i. Kampung Kiudang;
 - ii. Kampung Birau;
 - iii. Kampung Bukit;
 - iv. Kampung Bukong;
 - v. Kampung Penanjung;
 - vi. Kampung Kupang;
 - vii. Kampung Bukit Beruang;
 - viii. Kampung Maraburong; dan
 - ix. Kampung Lamunin.

Saya tidaklah bercakap panjang mengenai perkara ini, namun demikian

kesudahannya saja yang dikehendaki oleh rakyat.

2. Kesesakan di simpang empat Sengkarai dan ini saya rasa Yang Berhormat Menteri Pembangunan sudah maklum. Atas peruntukan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang mana Peruntukan 2013 / 2014 sudah pun diluluskan.

Yang Berhormat Pengerusi, walau bagaimanapun, bahawa peruntukan menaik taraf jalan yang saya nyatakan di bawah ini akan dibincangkan semula. Tadi telah rakan sejawat menyatakan Jalan Utama Tutong, maksudnya dari Bandar Seri Begawan sampai ke Pekan Tutong iaitu jalan lama tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah Jalan Tutong ini adalah daripada Sengkurong sampai ke Pekan Tutong. Lebih baik perkara ini diutamakan kerana apa yang saya lihat pada masa ini, di mana tempat-tempat yang berlopak itu cuma ditambah sahaja. Seolah-olah jalan ini ketinggalan daripada arus pembangunan.

Walaupun bagaimanapun, apa yang saya dengar tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan memikirkan dan akan mengangkat balik untuk menaiktarafkan Jalan Tutong tersebut. Selain daripada itu, Yang Berhormat Pengerusi ialah Jalan Penanjong yang mana jalan ini termasuk juga Jalan Pengkalan Pinang dan Jalan Kecil Palu. Selain itu ialah Jalan Bukit Panggal, Jalan Kecil Sebatang dan Jalan Kecil Batang Mitus.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya jalan-jalan tersebut yang dinaik taraf sudah tentu Daerah Tutong juga tidak ketinggalan dari arus pembangunan. Saya penuh berharap dan saya yakin atas budi bicara Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkenaan akan dapat mengatasinya. Sepertimana kata peribahasa jua "*Yang arif juga mengenal manikam*". Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada enam perkara dalam tajuk ini untuk saya sampaikan di Dewan yang mulia ini.

1. Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menyuarakan cadangan kepada Kementerian Pembangunan melalui jabatan yang berkenaan di bawahnya akan dapat meneliti dan untuk mewujudkan pusing keliling iaitu "*roundabout*" dapat dibuat di Daerah Temburong iaitu di persimpangan tiga dari Pekan Bangar ke Batang Duri. Pusing keliling dicadangkan bagi keselamatan pengguna jalan raya yang keluar dari simpang jalan ke jalan utama dan mengurangkan kelajuan kenderaan di jalan utama tersebut dan di samping itu untuk mencantikkan lagi Pekan Bangar. Ianya juga untuk membiasakan penduduk tempatan dan memahami dengan penggunaan pusing keliling.
2. Sukacita saya ingin maklum apakah ada dalam kajian perancangan terdekat

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya untuk menaik taraf jalan-jalan raya utama dari Mukim Bangar menuju ke Batang Duri dan dari Mukim Bokok ke Kampung Temada? Kerana sejak jalan raya tersebut dibina oleh pihak Kerajaan 40 tahun yang lalu, sebahagiannya belum pernah dinaik taraf sedangkan penggunaan jalan-jalan tersebut adalah laluan utama penduduk tempatan bahkan pengunjung-pengunjung luar negara ke Taman Negara Ulu Belalong.

3. Tempat menyeberang pejalan kaki dari Tamu Muhibbah ke Pekan Bangar yang melintasi jalan utama Ujong Jalan, Jalan Puni yang ada sekarang di Pekan Bangar terdedah kepada bahaya kenderaan yang melintas laju terutamanya dari negara-negara jiran. Adalah dicadangkan dan dipertimbangkan supaya akan dapat diperkenalkan membina sebuah jejantas bagi penyeberangan dari Tamu Muhibbah ke kawasan kedai Pekan Bangar.
4. Sistem perparitan atau saliran bagi penghalang berpuncunya banjir berlaku di Kampung Senukuh, Mukim Labu. Apa yang kaola maklum sudah ada kajian dibuat oleh pihak yang berkenaan, tetapi sehingga sekarang belum mendapat keputusan mengenai kedudukannya.
5. Bagi penduduk Kampung Selapun di Mukim Batu Apoi, mereka juga menghadapi kebanjiran bila hujan lebat berterusan terutamanya di jalan raya di kawasan Batu Sinawat yang mana banjir tersebut telah menyebabkan penduduk setempat tidak dapat melalui kawasan tersebut dan ianya adalah

merbahaya kerana kawasan kediaman adalah dekat dengan tebing sungai. Saya ingin bertanya adakah jalan raya di kawasan tersebut termasuk dalam mana-mana rancangan dan tindakan untuk pembaikan?

6. Perkara yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi, yang pernah saya timbulkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai dengan pembinaan jambatan kedua penghubung Pekan Bangar baru dengan Pekan Bangar lama. Seperti yang pernah kaola nyatakan dahulu, jambatan tersebut sudah lama dibangunkan. Saya ingin tahu kedudukannya dalam perkara ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita sekarang bersidang semula selaku Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang lagi pada jam 2.45 petang nanti.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan selamat petang.
Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara di peringkat
Jawatankuasa masih lagi membincangkan
Jadual Kementerian Pembangunan.

Maka bagi membolehkan perbincangan
di peringkat Jawatankuasa itu disambung
semula, saya tangguhkan Persidangan
Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli
Yang Berhormat, perbincangan
di peringkat Jawatankuasa disambung
semula dan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja
Raya di bawah Kementerian
Pembangunan masih lagi dalam
perbincangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
sebelum kita meneruskan perbincangan
ini, saya telah difahamkan bahawa
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang
Haji Abdullah bin Begawan Mudim
Dato Paduka Haji Bakar, Menteri
Perhubungan ingin memberikan
pernyataan atau ulasan terhadap satu
soalan daripada Yang Berhormat Tuan
Haji Ramli bin Haji Lahit yang telah
disuarakan semalam semasa
membincangkan Jadual Kementerian Hal
Ehwal Ugama berkenaan dengan
pengecualian cukai jalan raya bagi kereta

jenazah. Silakan Yang Berhormat Menteri
Perhubungan.

**Yang Berhormat Menteri
Perhubungan:** Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola
mengucapkan ribuan terima kasih
kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana
memberikan kaola kesempatan untuk
memberikan jawapan kepada persoalan
yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat
Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit
semalam iaitu supaya kereta-kereta
jenazah dikecualikan daripada
pengambilan cukai jalan.

Yang Berhormat Pengerusi dalam hal ini
ada 2 perkara iaitu Pemeriksaan Kereta
dan Cukai jalan.

Pemeriksaan kereta ini ialah supaya apa-
apa jenis kereta yang akan dipakai di
jalan raya mestilah mempunyai *road
worthiness inspection* dan ianya adalah
perlu.

Mengenai pengecualian dari Cukai Jalan
mengikut perundangan atau peraturan
yang ada bahawa pengecualian ini hanya
dapat diberikan kepada kereta-kereta
kepunyaan Kerajaan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam dan dapat juga diberikan oleh
Kementerian Kewangan.

Oleh yang demikian, kaola bercadang
supaya perkara ini dapat dipertimbangkan
oleh masjid-masjid yang berkenaan
dan setelah itu bolehlah dirundingkan
dengan Kementerian Kewangan. Cukai-
cukai jalan ini hanyalah dalam jumlah
lebih kurang \$50.00 setahun sahaja dan
kadang-kadang proses untuk mendapat
pengecualian itu kalau dikira dari

*transaction cost*nya adalah lebih mahal daripada kos cukai jalan berjumlah \$50.00 tersebut. Itu sahaja komen kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, di depan saya ini ada senarai 7 orang lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyatakan keinginan untuk mengemukakan soalan atau cadangan mengenai Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ada satu pemerhatian. Kalau kita melalui di jalan besar iaitu di kawasan Kampung Delima, sebelah kiri kalau dari Bandar Seri Begawan ke Jalan Muara. Terdapat satu bangunan lama iaitu bekas bangunan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal yang lama yang mana bangunan ini nampaknya akan diroboh kerana sudah ternampak sebahagian kecil telah dirobohkan. Tetapi sekarang ini, nampaknya bangunan berkenaan masih terbiar kira-kira kurang lebih setahun yang lalu dan sehingga kini masih dalam keadaan yang sama.

Dalam pemerhatian kaola, dari segi keselamatan, kebersihan dan keindahan persekitaran kawasan bangunan berkenaan bukan sahaja pemandangannya kurang elok dan tidak cantik, bahkan juga kurang selamat malah keadaannya membahayakan. Ini juga dikhuatiri bangunan berkenaan akan dijadikan tempat atau sarang bagi kegiatan-kegiatan atau perbuatan-

perbuatan yang tidak sihat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Perkara ini menjadi tanda tanya kepada orang ramai, kenapa proses meroboh bangunan berkenaan seolah-olah tergendala begitu lama atau sekiranya agak sukar untuk diroboh dengan cara yang ada sekarang, apakah tidak ada cara atau kaedah lain yang boleh digunakan untuk meroboh bangunan tersebut, sebagaimana yang pernah kita lihat di sesetengah negara yang menggunakan cara-cara lain untuk meruntuhkan atau merobohkan bangunan-bangunan di negara mereka? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ada beberapa perkara untuk disuarakan:

1) Alhamdulillah, di akhir-akhir ini kelihatan kerja-kerja menambal *pot holes* ke atas jalan-jalan raya di antara Kampung Telisai dan Kampung Sungai Liang nampaknya telah selesai dijalankan. Hanya kerja-kerja membuat parit di bahagian kawasan tepi jalan Kampung Tunggulian yang saya lihat masih berjalan. Pada pandangan saya, diharap kerja-kerja membaik-pulih jalan-jalan tersebut termasuklah juga kerja-kerja penurapan aspal akan dapat diusahakan bagi memantapkan kualiti jalan raya, kerana pada masa ini jalan-jalan raya tersebut kelihatan ditambah-

tambal sahaja terutama di kawasan Jalan Raya Sungai Paku dan Tunggulian. Diharap perkara ini akan termasuk dalam peruntukan \$9.9 juta bagi Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf jalan-jalan raya di Daerah Belait.

- 2) Sistem saliran kawasan Lumut I dan II, Kampung Sungai Liang di Daerah Belait tidak semuanya diberikan konkrit terutama di Kampung Lumut I dan Kampung Sungai Liang. Hanya sebahagian sahaja yang diusahakan dan masih banyak lagi parit-parit dan tanah yang belum diberikan konkrit. Dipohonkan supaya dapat diusahakan bagi membina lagi keadaan parit di kedua-dua kampung dan diharap ianya tidak terkeluar dari peruntukan pembinaian projek-projek saliran di Kampung Lumut; dan
- 3) Sungai-sungai di kawasan Kampung Lumut I supaya akan dapat dibersihkan secara berjadual bagi mengelakkan banjir. Saya telah memaklumkan perkara ini secara bertulis, e-mel, *sms* dan *WhatsApp* kepada pihak yang berkenaan bagi memohon supaya kerja-kerja pembersihan ke atas Sungai Lumut dapat diusahakan. Setakat ini Alhamdulillah, perkara ini masih berjalan dan diambil tindakan sepenuhnya.
- 4) Saya difahamkan juga, pembersihan di Sungai Bakong yang konkrit itu dikatakan tidak berdaya tahan. Pada pandangan saya ianya tidak berdaya tahan adalah disebabkan barangkali kaedah pembinaian sungai itu dilakukan tidak seperti projek pembinaian Sungai Ukung yang tidak jauh dari kawasan tersebut di mana tidak mempunyai

masalah dan tidak memerlukan kerja-kerja pembersihan sehingga sekarang.

- 5) Seterusnya saya mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah pada Jabatan Kerja Raya kerana telah memperkenalkan *Road Inspection Division Enforcement (RIDE)* dan Aplikasi JKR-Ku yang mana sekaligus kedua-dua kaedah ini adalah merupakan satu alternatif yang saya fikir akan berkesan insya-Allah. Selain itu, ia juga dapat mempercepatkan tindakan pihak yang berkenaan dalam menangani masalah orang ramai. Saya berpandangan dan berharap supaya *RIDE* dan Aplikasi JKR-Ku ini dilaratkan segera ke daerah-daerah lain juga.

Insya-Allah pemimpin akar umbi akan memberi kerjasama dengan pihak yang berkenaan. Cuma dipohonkan supaya akan mendapat tindak balas yang bersesuaian bagi sama-sama menangani masalah orang ramai dengan lebih berhemah dan berkesan. Dengan adanya kerjasama sedemikian saya percaya segala masalah orang ramai dapat ditangani dengan lebih terurus dan sempurna.

Untuk makluman juga bahawa penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung walaupun tidak keseluruhannya tetapi memang sering mengadakan kerja amal dan gotong-royong seperti membersihkan masjid-masjid, tanah perkuburan orang-orang Islam dan membantu orang-orang daif membersihkan kawasan perumahan mereka bersama-sama Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Cuma kami tidak mampu untuk mengambil-alih tugas pihak Jabatan Kerja Raya untuk bergotong-royong memotong rumput di tepi-tepi jalan kerana pekerjaan tersebut

telahpun dikontrakkan oleh Jabatan Kerja Raya kepada orang asing.

Yang Berhormat Pengerusi, ada beberapa perkara lagi yang ingin saya pohonkan kepada pihak yang berkenaan supaya jalan persimpangan Sungai Liang dan Labi di mana terdapat lampu trafik yang sudah dipasang akan dapat dikaji semula kerana didapati keadaan jalan persimpangan di kawasan tersebut menyebabkan seringnya berlaku kemalangan.

Yang kedua, sebuah jalan yang tertua di Daerah Belait yanguduknya di antara Anduki dan Sungai Bera di mana pada masa ini sebuah jambatan baru sedang dalam pembinaan dan diharap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat membesarkan sedikit jalan tersebut kerana jalan tersebut sering berlaku kemalangan yang membawa maut. Sekian Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dalam membahaskan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya hanya akan membuat perkongsian pandangan dan seterusnya ingin mencadang. Sepertimana difahami bahawa salah satu bidang tugas Jabatan Kerja Raya ialah meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai dan memelihara aset-aset perumahan.

Menyentuh pemeliharaan rumah-rumah Kerajaan yang saya fokus di kawasan Kuala Belait dan Seria, saya kira perlu diambil perhatian kerana setelah melihat banyak bangunan rumah-rumah pangsa,

barek-barek Kerajaan mengalami kerosakan atau dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Perkara ini berlaku disebabkan rumah tersebut tidak berpenghuni dan sekian lama dikosongkan atau dibiarkan kosong. Kesemua ini adalah amat memerlukan pembaikan. Perumahan yang dimaksudkan itu adalah masih dinantikan peruntukannya melalui pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja kerajaan yang memerlukan tempat tinggal buat sementara sebelum mendapat rumah persendirian terutama sekali bagi pegawai-pegawai yang datang dari daerah-daerah lain di Negara Brunei Darussalam ini. Diharap sebaik sahaja rumah-rumah tersebut diperbaiki, ianya akan dapat diperuntukkan dengan segera kepada pemohon-pemohon bagi mengelakkan ianya dirosakkan sekali lagi.

Mengenai jalan keluar dari perumahan Jalan Dipa Negara menuju ke Seria yang terpaksa melalui pusing keliling Jalan Pandan 5. Perkara ini juga akan menambahkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Cadangan bagi jalan ini telahpun diambil perhatian oleh pegawai-pegawai dari 2 Kementerian iaitu Kementerian Perhubungan dan Jabatan Kerja Raya Kuala Belait untuk merancang pembinaan jalan yang menghubungkan Jalan Simpang 23, Jalan Dipa Negara dengan pusing keliling Jalan Singamenteri, Pandan 7 yang panjangnya kira-kira 120 meter sahaja.

Dengan terbinanya jalan tersebut akan dapat memberi kemudahan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusing keliling Jalan Pandan 5 dan sekaligus memendekkan masa perjalanan menuju ke masjid, kedua-dua buah

Sekolah Menengah di Kampung Pandan B dan Pandan C. Dalam hubungan ini, saya berharap supaya jalan yang dirancang itu akan dapat diberi keutamaan bagi kemudahan penduduk-penduduk di kawasan Jalan Dipa Negara, Kampung Mumong yang mempunyai bilangan rumah hampir 200 buah dan dengan jumlah kereta hampir 400 buah dengan keramaian penduduk 1000 orang. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim, Rabbish Rahli Sadri Wa Yassirli Amri Wahlul Uqdatam Mil Lisani Yaf Qahu Qauli.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Dalam bercakap mengenai dengan Jabatan Kerja Raya ini saya akan menyentuh 3 jalan, iaitu jalan keluar sahaja.

Jalan Berakas 'A' dan Berakas 'B' iaitu Zon 1 yang mana jalan tersebut pernah disuarakan dalam mesyuarat yang lalu tentang kesesakan jalannya sama ada di waktu pagi, petang ataupun tengahari. Dari itu kementerian yang berkenaan telah berusaha untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk Zon 1 di Mukim Berakas 'A' dan Berakas 'B' itu, ternyata pemeliharaan tersebut telah membuat lencongan-lencongan jalan dan mempunyai cadangan-cadangan untuk membuat *flyover* di tempat yang bersesuaian. Mudah-mudahan pemeliharaan tersebut akan dapat direalisasikan dengan sebaik-

baiknya untuk mengatasi masalah yang ada kerana suasana dan keadaan sudah mendesak.

Yang Berhormat Pengerusi, jalan tambahan di Kampung Burung Pingai Berakas yang lalu juga telah disuarakan bahawa ada jalan tambahan di Kampung Burung Pingai Berakas, kalau kita sebut di sini menghubungkan 2 jalan iaitu Simpang 123 dan Simpang 133 telah dibina begitu baik. Hanya nampaknya sama ada memang disengajakan atau terlepas pandang jalan itu tidak selayaknya berada di sana, kerana tidak cukup peralatan. Jalannya menggunakan simen, tidak menggunakan lampu, gelap gelita ketika waktu malam sehingga tikus-tikus selalu berkeliaran di sana. Mudah-mudahan akan dapat diteliti semula betapa perlunya jalan tersebut, begitu juga perancangan dan permohonan awal bahawa jalan yang baru itu akan dihubungkan dengan Jalan Rambutan di Kampung Jaya Bakti.

Walau bagaimanapun, alasan-alasan telah diberikan bahawa jalan itu tidak dapat dihubungkan ke Jalan Setia Bakti kerana banyak masalahnya. Jadi, saya berpendapat kalau kita akan menghubungkan jalan tersebut ada peribahasa "*Kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu dalih*". Dan kita juga ada pantun:

*Kinabalu bertangga pati,
Ambil kumala di mulut naga,
Kalau sudah kitani hendak di hati,
Sudah payah, mahal murah dituruti
harga.*

Mudah-mudahanlah jalan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Jalan yang ketiga iaitu jalan yang panjang di Kuala Belait, jalan ini bernama Rasau. Jalan Rasau ini nampaknya menggunakan sistem tol. Kalau kita bercakap Rasau dengan tol ini sebuah bisnes yang khas. Mengapa khas? Hasil tersebut baik dan meningkat dari masa ke semasa dan menguntungkan dengan jaminan risiko yang rendah tetapi mempunyai pusingan pulangan yang tinggi.

Dengan sebab itu dicadangkan barangkali ada baiknya bisnes khas ini akan dapat diserahkan kepada sebuah Koperasi Rakyat yang besar kerana dalam Koperasi Rakyat yang besar itu mereka mempunyai urusan-urusan teknikal yang lengkap. Dari urusan bisnes Rasau ini akan diolah oleh koperasi tersebut dan dari hasil-hasilnya akan dikeluarkan dividen dan akan diserahkan kepada siapa-siapa yang berkeperluan.

Begitu juga nanti jikalau terujud jambatan dari *Residency* ke Tarap Bau dan jambatan dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong. Mungkin juga akan diadakan tol yang sedemikian. Cara bisnes tol ini diadakan dilaksanakan nanti akan menyokong hasrat dan cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang disebut *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat

Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya akan menyentuh mengenai membina jalan bagi membina rumah baru. Sepertimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat Zon 4 supaya mereka yang membina rumah melalui *reserved* diberi bantuan khas, tidak terikat kepada syarat mesti ada 7 buah rumah telah siap dibina di kawasan itu, baru membuat atau membubuh aspal.

Syarat ini adalah terlalu berat bagi mereka yang bergaji rendah yang hendak membina rumah melalui Skim Kemudahan Pinjaman Kewangan Kerajaan kerana wang pinjaman hanya diberi untuk membina sebuah rumah sahaja tertakluk kepada gaji bulanan dan kenaikan gaji tahunan 4 tahun ke hadapan. Ia tidak ada pinjaman untuk membuat jalan.

Oleh itu saya menyokong syor yang dibentangkan oleh rakan sejawat tadi dengan adanya bantuan membina jalan seperti yang dimaksudkan secara tidak langsung akan menggalakkan mereka yang memiliki tanah di kawasan berkenaan di kampung-kampung tersebut untuk membina rumah di sana dan secara persendirian atau melalui pinjaman bank. Dalam masa yang sama mengelak mereka berpindah ke tempat lain.

Selain daripada itu sebelum ada jalan, kebanyakan penduduk membina rumah mereka di sepanjang sungai kerana sungai ini adalah merupakan perhubungan utama dan berharap dengan adanya bantuan membina jalan tidak mustahil mereka yang belum mempunyai rumah tetapi mempunyai tanah di kawasan berkenaan akan menjadi mudah.

Yang Berhormat Pengerusi, akhirnya Majlis menyeru kepada pihak-pihak yang

berkenaan untuk membantu kepada mereka yang memerlukan bantuan sewaktu kita ada kuasa kerana membantu atau menolong itu kepada mereka yang menghendaki adalah sangat-sangat dituntut. Mudah-mudahan Allah akan memberi ganjaran, rezeki tanpa kita ketahui kerana memberi bantuan mereka yang dalam kesusahan, insya-Allah. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi ada 2 usul:

- 1) Kalau terlampau banyak jejantas kurang manis dipandang mata lagipun pengguna seperti orang kurang upaya tidak dapat menggunakannya. Begitu juga orang tua-tua yang sakit lutut, gout dan sebagainya. Cadangan, ada baiknya projek yang akan datang dibuat *tunnel* iaitu laluan bawah tanah. Laluan *zebra crossing* juga mengganggu lalu lintas. Ada baiknya kalau laluan di bawah tanah ini diwujudkan; dan
- 2) Bagi menunjukkan negara kita Negara Melayu Islam Beraja, patut jua dibuat papan-papan tanda jalan raya, papan-papan tanda di Jabatan-Jabatan Kerajaan, bangunan-bangunan, sekolah-sekolah, premis-premis perniagaan dan sebagainya, dibubuh tulisan jawi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin memberi pandangan bagi membisakan rekaan dan hiasan lebuh raya mengikut reka bentuk yang berunsurkan keislaman bagi menyelaraskan dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam pandangan saya sudah tiba masanya di Negara Brunei Darussalam membisakan, mengikuti, mendampingi dan mengamalkan penuh konsep Melayu Islam Beraja demi mempertahankan sikap ta'at kepada Raja dengan sendirinya ta'at kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan itu melahirkan suasana dan perasaan keislaman di lebuh raya, tembok-tembok di lebuh raya, jejantas-jejantas, perhiasan-perhiasan dan apa-apa yang dibangunkan di sepanjang lebuh raya direka dengan bentuk rekaan keislaman yang menarik dan menarik dilalui seperti menghidupkan lagi perasaan semangat cintakan ugama dan menggambarkan imej dan pengenalan Negara ini sebagai Negara Islam yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Ianya juga akan memberi kelainan daripada lain-lain negara di rantau ini dan akan memberi daya tarikan kepada pelancong-pelancong yang ingin melihat kelainan suasana dan mahu merasai pengalaman sesuatu yang berlainan rekaan dan hiasan yang terdapat di Negeri

ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Masanya tiba bagi Yang Berhormat Menteri Pembangunan memberikan jawapan atau ulasan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi, beberapa soalan tadi yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas pandangan-pandangan dan persoalan-persoalan yang dikemukakan dan juga cadangan-cadangan yang telah diberikan. Saya berharap saya dapat menjawab semua soalan itu, jadi mana-mana yang tertinggal atau yang belum di jawab, insya-Allah akan dijawab pada lain waktu tetapi pada tempoh yang ada pada masa ini.

Pertanyaan pertama ialah dari Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai rancangan menaik taraf Jalan Mukim Kota Batu. Yang sebenarnya perkara ini telah pun ditimbulkan pada tahun lepas oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Jabatan Kerja Raya memang sudah meneliti kemungkinan Jalan Kota Batu ini untuk dinaik taraf tetapi hasil dari kajian itu menunjukkan bahawa oleh kerana bentuk tanah di Kota Batu itu amat sukar untuk dinaik taraf dan juga banyak kawasan-kawasan tanah yang di jalan

raya tersebut adalah milik persendirian, maka adalah sukar bagi kita merancang untuk menaik taraf jalan-jalan berkenaan. Jadi pada masa ini, tidaklah dapat dinaikkan taraf jalan tersebut tetapi tidak pula diketahui di masa akan datang ada idea-idea lain untuk membuat jalan tersebut.

Soalan kedua ialah mengenai tawaran kecil (*quotation*) yang masih ada memakai lesen orang Brunei tetapi orang asing yang menggunakannya dan membuat tawaran yang paling rendah. Yang sebenarnya perkara ini memang berlaku dan perkara ini yang menjadi cabaran kepada Kementerian Pembangunan. Masalahnya borang-borang untuk mengambil tawaran itu diisi oleh orang kita tetapi orang kita bekerjasama dengan orang asing untuk mendapatkan projek-projek tersebut.

Jadi kita tidaklah semestinya memilih yang paling rendah, kadang-kadang kita mestilah melihat kemampuan, prestasi dan latar belakang orang yang hendak melaksanakannya itu. Kalau kita berpuas hati dengan harga yang berpatutan dan sebagainya mungkin kita akan memilih pemborong-pemborong berkenaan. Kita mestilah ambil maklum bahawa sebilangan pemborong-pemborong yang berjaya itu bukanlah orang-orang kita tetapi adalah orang-orang asing. Jadi perkara ini akan kita lihat bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Adalah diharapkan supaya orang tempatan kita yang membuat tawaran akan melakukan sendiri kerja itu dan tidak memberikannya kepada orang asing. Pihak Kementerian Pembangunan akan meneliti bagaimana cara mengatasi untuk masalah ini, tetapi kerjasama daripada orang ramai juga adalah sangat diharapkan.

Mengenai kesesakan jalan raya Sungai Buloh dan Kampung Meragang. Kita sudah ada menyediakan satu projek pembinaan Jejambat Kampung Meragang yang mana sudah dikeluarkan tawaran, tetapi dari segi menyambungkan Sungai Buloh ke Kampung Meragang belum ada dalam perancangan kita buat sementara ini, walau macam manapun perkara ini kita catat dan akan kita usahakan jika ia bersesuaian.

Beralih pula kepada pertanyaan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberikan dengan adanya perkhidmatan daripada RIDE dan JKR-ku yang mana kita harap akan meningkatkan lagi interaksi orang ramai dengan pihak-pihak Jabatan Kerja Raya dan untuk sama-sama mengatasi masalah kerosakan jalan raya dan sebagainya. Insya-Allah, perkhidmatan RIDE ini akan kita laratkan juga kepada daerah-daerah lain sepertimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Mengenai langkah-langkah *institutional capacity*, Kementerian Pembangunan sama ada ia akan boleh menjamin pihak Jabatan Kerja Raya akan dapat melaksanakan projek-projek yang telah pun tersenarai ataupun diamanahkan. Sememangnya kita sentiasa berusaha pada meningkatkan *institutional capacity* ini dengan berbagai cara dan kita telah pun berusaha mendapatkan pegawai-pegawai yang betul-betul diperlukan. Salah satu cara kita ialah *trade off* dengan mengurangkan pegawai-pegawai atau jawatan-jawatan yang tidak berkenaan dan diganti dengan jawatan-jawatan tambahan yang kita perlukan

dan kita telahpun berjaya berusaha ke arah ini dengan bantuan pihak Kementerian Kewangan. Kita telah dapat penambahan pegawai-pegawai tersebut tetapi di samping itu, apa yang penting ialah pegawai-pegawai itu akan bekerja dengan penuh dedikasi, mempunyai pengalaman yang cukup, mempunyai kelulusan dan etika kerja yang terpuji maka barulah sesuatu kerja itu akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Saya bersyukur kerana di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya kita memiliki pegawai-pegawai yang profesional, berwibawa, berdedikasi dan tidak kendur-kendurnya berusaha pada memperbaiki keadaan prasarana dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Saya rasa kalau semua pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya bersatupadu, insya-Allah gunung pun boleh kita pindah tetapi malangnya tidak semua macam itu tetapi kita harap dengan adanya langkah-langkah *institutional capacity* ini kita semua akan bergerak sama di dalam Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya untuk melaksanakan tugas kita.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim berkenaan Simpanan Jalan Laluan yang diserahkan dan meminta pertimbangan dasar dan peraturannya. Masa ini syaratnya ialah untuk 7 buah rumah sahaja sebelum dapat dibangunkan, ertinya kalau jauh akan dibuat rumah, semua diserahkan kepada Kerajaan maka perbelanjaan Kerajaan akan meningkat begitu banyak. Memang itulah satu perkara yang baik

bagi pemilik tanah yang rumahnya jauh tapi bagi Kerajaan perkara itu akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Jadi kalau kita memikirkan bukan seorang dua yang memohon bahkan ramai yang akan memohon, maka menjadi beban kepada pihak Kerajaan. Dasar kita ialah mana-mana kumpulan rumah yang sudah cukup jumlahnya barulah dapat kita berikan kemudahan sedemikian.

Mengenai Jambatan di Ban 6, di Kampung Mulaut yang sejak tahun 2010 belum lagi siap dan sebagainya, maka perkara ini sebenarnya adalah masalah kontraktor. Sepertimana yang telah dimaklumi bahawa jambatan ini sebenarnya sudah hampir siap dan menunggu untuk diturap dan akan siap tidak lama lagi, insya-Allah. Jadi kita telahpun mengambil tindakan yang bersesuaian mengenai jambatan di Ban 6 di Kampung Mulaut ini.

Mengenai lampu isyarat dibina di Jalan Mulaut. Perkara ini akan diteliti dari segi keperluan dan kesesuaiannya. Jika terdapat kesesuaian insya-Allah lampu isyarat akan dipasang jua bagi kemudahan perjalanan lalu lintas dan sebagainya.

Mengenai taraf longkang yang termasuk di kawasan Ban 6, mengenai perkara ini dan masalah jambatan yang sempit sebenarnya kita sudah ada projek untuk mengganti semua jambatan *baily* yang ada di Negara ini dengan jambatan yang lebih besar (*double link*). Jadi perkara ini akan dilaksanakan insya-Allah dalam tahun ini dan tahun seterusnya.

Ada beberapa perancangan yang telah pun berjalan di kawasan Ban iaitu Projek Pengurangan Banjir di Kampung Ban Mulaut Fasa 2, 76% sudah berjalan. Ini bertujuan untuk mencegah banjir tetapi

projek-projek lain juga akan diteruskan dari masa ke semasa. Longkang konkrit, longkang terkandas yang menyebabkan banjir ini juga akan diusahakan. Sebenarnya mana-mana kawasan yang keadaannya begitu, sudah ada pemeliharaan ataupun kumpulan kontrak yang melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Mengenai cadangan untuk melebarkan Jalan Mulaut, sebenarnya Jalan Mulaut sudah dilebarkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, cadangan untuk dijadikan dua *carriageway* sudah ada dalam rancangan. Ia akan dilaksanakan mengikut kesesuaian untuk dilaksanakan tetapi dalam perancangan jangka panjang sudah ada rancangan untuk membuat *Dual carriageway* di Jalan Mulaut sehingga ke Jalan Kuala Lurah.

Soalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai kesesakan Jalan Telisai, Tanjung Maya, Bukit Beruang, Sekolah Rendah Telisai dan sebagainya. Perkara ini telahpun diambil tindakan dan usaha ke arah ini sudah dalam perancangan kita dan insya-Allah perkara ini akan kita maklumkan lagi apabila sudah saya terima butir-butir kerja yang telah dibuat.

Mengenai Jalan Danau, jalan utama itu tidak ada jalan lain dan oleh kerana tambahan kesesakan di kawasan tersebut maka cadangan untuk menaik taraf dan melebarkan longkang daripada Stesen Minyak Telisai sudah ada dalam perancangan juga tetapi bukan tahun ini dan insya-Allah akan diusahakan dalam perancangan Kementerian Pembangunan ini dalam tahun 2014 / 2015.

Jalan Kuala Agau Melabau, perkara ini juga ada dalam perancangan kita dan butir-butirnya akan saya kongsi apabila saya telah mendapat butir-butirnya.

Mengenai kebimbangan tanah yang runtuh, bukit susur hingga ke sungai dan ke jalan yang menyebabkan Sungai Telamba menjadi cetek. Maka satu projek pengorekan telahpun dimulakan pada bulan Januari 2012 dan ini sudah menjangkau tahun 2013, ertinya apakah yang sudah dibuat pada masa ini. Sebenarnya perkara ini masih dalam penelitian sebabnya ada lagi isu-isu teknikal yang patut kita selesaikan sebelum projek itu dimulakan. Jadi memang ada perancangan untuk pengorekan Sungai Telamba itu supaya tidak begitu cetek seperti yang ada sekarang.

Beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf mengenai dengan 9 projek yang telah dinyatakan sudah ada peruntukannya dan apakah kesudahannya, insya-Allah seperti yang saya katakan mana-mana projek yang ada peruntukan kita akan berusaha untuk menyelesaikannya dalam tempoh-tempoh yang tertentu. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat berkenaan akan memberi kepercayaan kepada Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang akan melaksanakan projek-projek tersebut.

Mengenai kesesakan simpang, peruntukan menaik taraf untuk difikirkan semula jalan utama daripada Bandar Seri Begawan ke Daerah Tutong, Sengkurong ke Daerah Tutong supaya diutamakan

membbaiki jalan tersebut, yang mana pada masa kini cuma menampal sahaja. Perkara ini juga memang diikhtiarkan iaitu jalan utama Tutong ada dalam projek pembaikan dan perkara ini sedang berjalan. Jadi saya rasa tidak menjadi masalah kerana isu-isu yang akan timbul dapat ditangani dalam projek yang akan datang ini.

Jalan Penanjong, Jalan Pangkalan Pinang, Jalan Bukit Panggal, Jalan Kecil Batang Mitus dinaikkan taraf supaya tidak tertinggal dari pembangunan. Jadi perkara ini juga ada dalam perhatian dan perancangan kita.

Seterusnya saya berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai cadangan penelitian pusing keliling di Temburong, Simpang Ketiga, Jalan Batang Duri dan sama ada perancangan untuk menaik taraf jalan utama jalan Batang Duri, Temada dan sebagainya. Memang sudah ada rancangan kita untuk meneliti pusing keliling di Temburong ini, insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan dalam masa singkat ini kerana didapati ada keperluan di sana juga.

Perancangan untuk menaik taraf jalan utama Jalan Batang Duri ke Temada, perkara ini telahpun dipohonkan dan kita berharap perkara ini akan diberi keutamaan. Sementara ini kita masih dalam status keadaan yang sama. Jalan Puni yang berdekatan dengan negara jiran ini dicadangkan untuk dibina jejantas dari Tamu Muhibah ke Pekan Bangar. Perkara ini juga sudah dalam perancangan kita untuk meneliti sejauh mana keperluan jejantas ini. Insya-Allah

perkara ini akan dapat dilaksanakan apabila sudah dipastikan keperluannya.

Mengenai Jambatan kedua di Daerah Temburong yang juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, sebenarnya kajian mengenai jambatan kedua di Daerah Temburong telahpun bermula. Hasil dari kajian ini nanti akan dimaklumkan dan jika ada keperluan, sebuah laporan akan diusahakan bagi mendapatkan peruntukan. Itu terpulanglah kepada hasil kajian itu nanti.

Sekarang kita beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai dengan Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal yang masih berdiri tetapi dalam keadaannya yang sangat buruk. Yang sebenarnya bangunan ini dimaksudkan untuk dirobah tetapi pihak Kementerian Pendidikan telah memberhentikan kerja-kerjanya dan melakukan semula tawaran (*retender*) projek bagi merobah bangunan ini. Perkara ini masih lagi menanti apa jua keputusan daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafie bin Ahmad ada bertanya mengenai dengan membuat parit dan sebagainya di Kampung Lumut. Pembersihan di Sungai Bakong. Nampaknya tidak begitu *sustainable* mengikut penerangan pihak kementerian dan di mana perkara ini tidak dipersetujui oleh Ahli Yang Berhormat kerana kaedahnya mungkin tidak sesuai. Memanglah pada masa ini projek pembersihan masih berjalan dan kita akan mengkaji semula bagaimana untuk mengatasi masalah *slope* tanah. Setiap kali hujan dan sebagainya, *slope* tanah itu akan turun ke bawah, menyebabkan

kerja-kerja pembersihan sangat sukar. Perkara ini akan diambil tindakan dengan adanya pendapatan daripada kajian itu. Maka kita akan mengubah cara memperbaiki ataupun melaksanakan Projek Pembersihan Sungai Bakong dan juga kerja-kerja pembersihan di Sungai Lumut.

Mengenai dengan Jalan Persimpangan Labi, Sungai Liang akan dikaji semula. Pada masa ini, kita sudahpun merancang untuk mengadakan *second traffic light*. Adalah diharapkan dengan adanya *second traffic light* ini ianya akan mengurangkan kesesakan di jalan berkenaan dan juga mengurangkan risiko kemalangan di jalan raya. Sepertimana yang kita ketahui kemalangan jalan raya sering juga berlaku di kawasan-kawasan tersebut. Dengan adanya *second traffic light*, kita berharap dapat mengurangkan daripada berlakunya kemalangan dan juga dapat mengurangkan kesesakan di situ.

Mengenai dengan jalan tertua di Daerah Belait iaitu Jalan Anduki ke Sungai Bera, pada masa ini sedang diperbaiki dan di bawah *Seria Bypass*. Apabila *Seria Bypass* itu siap nanti termasuk Jalan Anduki dan Sungai Bera itu.

Mengenai cadangan seterusnya, supaya perkhidmatan *RIDE (Road Inspection Division Enforcement)* dilaratkan kepada daerah lain. Perkara ini akan diambil tindakan apabila ia sesuai. Pada masa ini kita pun sudah merencanakan supaya '*RIDE*' ini juga dilaratkan kepada daerah lain yang mana menunggu masa saja lagi Yang Berhormat Pengerusi untuk dilaksanakan ke daerah-daerah lain.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji

Dulamin. Keperluan pembaikan Rumah Kerajaan di Daerah Belait. Perkara ini diambil maklum dan insya-Allah akan kita bawa berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pembangunan supaya perkara ini juga dapat diambil perhatian.

Jalan keluar Dipa Negara ke Seria menggunakan jalan pusing keliling, cadangan itu diambil maklum dan juga akan dibincangkan di Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya. Bagi pandangan saya sendiri tidak jadi masalah jalan pusing keliling, tidaklah jauh dari Jalan Dipa Negara kepada pusing keliling itu. Insya-Allah akan diusahakan. Sudah ada perancangan untuk satu jalan keluar lain, jika ada keterangannya akan dikongsikan nanti.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain ialah mengenai kesesakan Jalan Berakas A, Zon 1. Sebenarnya kita sudah ada perancangan bagi *second tier flyover* di kawasan sana. Pada masa ini, kita ada Berakas *roundabout flyover* yang sudah berjalan, tetapi kita sudah merancang untuk mengadakan *second tier flyover* di situ. Diharap dengan adanya projek itu nanti akan dapat mengurangkan kesesakan sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain itu.

Mengenai Simpang 123-13 Kampung Burung Pingai akan diteliti dan akan dipertimbangkan di Jabatan Kerja Raya.

Berhubung Jalan Rasau tol ini, ceritanya panjang mengenai dengan Jalan Rasau tol ini, jadi rakan saya sebelah ini akan menerangkan jua iaitu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin

Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar mengenai perkara ini. Cadangan untuk menyerahkan kepada koperasi akan kita teliti, sebabnya bukan sahaja kita akan memastikan bahawa koperasi berkenaan boleh mengangkat Rasau ini, bukan saja dari segi *mining the toll* tapi juga pemeliharaan jalan-jalan yang berkenaan itu, sama ada koperasi berkenaan ataupun mana-mana jua pihak swasta dapat mengangkatnya. Ini perlu kita teliti.

Walaupun nampaknya dari segi kutipan ia dapat menguntungkan tetapi belum ditolak lagi dengan gaji kakitangan, *maintenance* dan sebagainya. Perkara itu harus kita teliti sebelum kita membuat sebarang keputusan untuk menyerahkan kepada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri Perhubungan akan menerangkan lebih lanjut lagi mengenai isu ini di antara Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perhubungan untuk menyelesaikan masalah tol ini.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menyentuh mengenai dengan membina jalan bagi orang-orang yang akan membina rumah baru, di mana sahaja yang tidak terikat dengan syarat dan kita mestilah membantu mereka membina jalan raya agar mereka dapat membangun rumah. Secara persendirian saya tidak ada masalah mengenai dengan membina jalan raya ini, tapi sebagaimana saya nyatakan membina itu bukannya tanpa kos, memang ada kos yang besar. Soal kos ini bukanlah soal saya, saya sendiri tidak dapat membina jalan raya kalau tanpa kewangan yang diperlukan. Ini satu belanja yang besar Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini haruslah kita

fikirkan dari segi kos, kesan dan sebagainya. Saya menyambut baik saranan itu, tetapi kita hendaklah melihat bagaimana perkara itu akan dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, mencadangkan supaya kerajaan tidak perlu membuat banyak jejantas, kerana ianya kurang baik dipandang mata dan juga menimbangkan kepada orang yang kurang upaya yang terpaksa naik kemudian turun jejantas dan sebagainya. Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, ialah untuk kita membuat *tunnel*. Ini adalah satu cadangan yang boleh difikirkan tetapi ada perbezaan yang besar di antara membuat *tunnel* dengan membuat jejantas. Membuat jejantas mudah sekali dan perbelanjaannya pun tidak sebegitu mahal kalau dibandingkan dengan membuat *tunnel*. Kita mestilah memikirkan *balance* di antara *cost* dengan *benefit*. Walau macam manapun perkara ini kita catat, insya-Allah mungkin di masa-masa yang akan datang perkara ini *possible* kita lakukan dengan mengambil daripada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai dengan membantu orang-orang yang kurang upaya supaya selalu *exercise* naik tangga dan sebagainya.

Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai dengan konsep MIB di jalan-jalan raya, lebuh raya, tembok-tembok supaya nampak Negara Brunei Darussalam sebuah Negara MIB, Negara Zikir dan sebagainya. Perkara ini satu perkara yang akan diambil perhatian oleh pihak JKR dan

insya-Allah mana-mana yang dapat kita serapkan konsep MIB, akan kita serapkan konsep MIB itu ke dalam bangunan-bangunan dan dalam pembinaan jalan-jalan raya dan sebagainya. Saya rasa itu saja yang dapat saya jawab dan insya-Allah mana-mana yang ketinggalan nanti akan saya jawab lagi apabila sudah sampai masanya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada apa-apa kenyataan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Izinkan saya memberikan sedikit penerangan mengenai Tol Rasau ini. Sebenarnya Jambatan Rasau ini telahpun dibangunkan sebelum tahun 1998, dan pada tahun tersebut timbulnya keperluan untuk mengenakan tol bagi penggunaan jambatan ini. Beberapa masalah pada masa itu timbul, misalnya ada sebuah syarikat mengendalikan perkhidmatan feri Sungai Teraban. Ada beberapa pemikiran pada masa itu bagi keperluan menyediakan tol ini, tetapi keperluan ini timbul daripada Jabatan Kerja Raya di Kementerian Pembangunan dan perundingan telahpun diadakan di antara Kementerian Pembangunan, JKR, Kementerian Perhubungan dan *Attorney General's Chamber* iaitu Peguam Negara.

Apabila diteliti untuk membolehkan pemungutan tol ini, ianya memerlukan satu undang-undang dan undang-undang yang digunakan dipadankan daripada undang-undang Republik Singapura. Undang-undang Republik Singapura di Bawah Akta Jalan Raya *Chapter* 269, kalau saya tidak silap adalah di bawah

purview Menteri Perhubungan dan sekarang mungkin di bawah Menteri Pengangkutan. Perkara ini senang dibuat di Singapura kerana *Land Transport Authority* (LTA) Singapura yang merangkumi bahagian jalan raya, yang dulu penguatkuasaannya di bawah JKR sudah diambil-alih oleh Polis Jalan Raya. Ianya sekarang adalah di bawah LTA dan di bawah kuasa Menteri Perhubungan atau Menteri Pengangkutan. Apabila ianya dibuat di Negara Brunei Darussalam, timbul pula beberapa isu-isu perundangan kerana Menteri yang mengawal dalam Penggal 68 iaitu Akta Jalan Raya dan Lalulintas Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan. Oleh kerana itu, untuk membolehkan JKR mengadakan tol ini, Kementerian Perhubungan dalam perenggan 6 kuasa tersebut mestilah memberikan kebenaran kepada JKR untuk mengutip tol tersebut. Sistem ini telah berjalan sejak tahun 1998 hingga sekarang.

Pada masa ini Kementerian Perhubungan dan Jabatan Kerja Raya serta Kementerian Pembangunan dan juga Jabatan Peguam Negara sedang meneliti beberapa opsyen yang boleh dibuat sebagai langkah ke hadapan mengenai isu tol ini. Dalam laporan *hansard* tahun lepas, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin ada mencadangkan supaya tol ini ditiadakan sama sekali. Saya rasa dalam membincangkan opsyen ini beberapa keadaan yang baru dan keperluan serta cadangan telah diambil perhatian. Itu saja yang dapat saya sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin iaitu mengenai dengan penggunaan tulisan jawi di jalan-jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan perhatian ke arah penamaan nama-nama jalan-jalan raya dengan menggunakan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi. Ke arah ini terdapat sebuah Jawatankuasa Kebangsaan yang bernama Geografi Brunei Darussalam yang dipengerusikan oleh Juruukur Agung. Jawatankuasa Kebangsaan ini bertujuan untuk memperkasakan pemakaian dan penggunaan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi.

Dalam Jawatankuasa Kebangsaan itu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada terlibat dalam jawatankuasa berkenaan sebagai penyelaras ejaan-ejaan serta menetapkan piawaian nama-nama geografi yang melibatkan jalan-jalan, simpang-simpang dan nama-nama tempat dalam peta di Negara Brunei Darussalam.

Keahlian dalam Jawatankuasa Kebangsaan yang saya katakan itu adalah seperti, disamping Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan ada juga melibatkan Jabatan Lembaga Bandaran dari 4 daerah, Pejabat-Pejabat Daerah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur, Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Kerja Raya.

Kalau saya diizinkan saya juga ingin menambah ataupun membuat respons kepada perkara yang ditimbulkan ataupun yang disarankan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan sukarelawan di Negara Brunei Darussalam. Perkara yang ditimbulkan ataupun disarankan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang menekankan kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk menghidupkan budaya dan kegiatan bergotong-royong secara sukarela dalam melaksanakan pembersihan persekitaran mukim dan kampung. Saya sangat menghargai dan menyambut baik 4 perkara yang disarankan oleh Yang Berhormat itu.

Dalam kesempatan ini juga kaola ingin menyatakan penghargaan dan mengucapkan terima kasih di atas panggilan yang penuh inspirasi, yang dibuat oleh Yang Behormat Pengerusi kelmarin mengenai dengan perkara melibatkan masyarakat dalam membuat kerja-kerja sukarela dan bergotong-royong. Saya rasa saranan tersebut adalah tepat pada masa dan ketikanya. Berhubung dengan kerja-kerja sukarelawan dan bergotong-royong ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam berhadapan dengan dunia yang menekankan kebendaan dan individualisma, pembangunan modal insan khususnya di kalangan golongan belia juga ditekankan ke arah memperkasa semangat kesukarelawan (*volunteerism*) yang bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat golongan belia akan pentingnya kerja-kerja sukarela dan peranannya dalam membentuk sebuah masyarakat yang perihatin dan tidak

camah mata dan menanamkan semangat bergotong-royong di kalangan belia.

Berbagai kegiatan telah dilaksanakan bagi memupuk semangat kesukarelawan yang mana di antaranya menganjurkan perhimpunan sukarelawan Negara Brunei Darussalam yang bertemakan "*Sukarelawan Membawa Perubahan*" Sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa 2012. Kementerian juga mengadakan maraton kerja-kerja sukarela di sepanjang tahun yang melibatkan badan-badan sukarela, persatuan-persatuan belia dan sukan, badan-badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan, institusi masyarakat dan orang ramai. Sembilan kumpulan, kegiatan sukarela diberikan fokus dalam menggerakkan maraton, kerja-kerja sukarela iaitu kemanusiaan dan kemasyarakatan, alam sekitar, pendidikan, keagamaan, keusahawanan, kebeliaan, kesukanan, kesihatan dan kesenian dan kebudayaan.

Kementerian juga menyediakan kalendar kerja-kerja sukarelawan sepanjang tahun dan setakat ini seramai 3,012 orang belia-belia telah mendaftar sebagai sukarelawan yang menggambarkan sambutan yang menggalakkan daripada golongan belia, malahan belia-belia tersebut ada bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini iaitu pelatih-pelatih daripada Program Khidmat Bakti Negara iaitu Projek Rintis.

Dalam hal ini, maka saya sukacita menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini supaya penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung akan dapat bekerjasama ke arah menggerakkan pergerakan sukarelawan dan *volunteerism* di Negara Brunei Darussalam ini iaitu dengan bekerjasama dengan kementerian dalam mengukuhkan dan melibatkan belia-

belia tersebut apabila mengadakan kerja-kerja kemasyarakatan dan sukarelawan di mukim-mukim dan kampung-kampung masing-masing.

Insyallah, kementerian dengan penyertaan sukarelawan-sukarelawan yang berdaftar di kementerian ini akan dapat memberikan sumbangan kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Tetapi seperkara yang diharapkan apabila mengungkapkannya kegiatan-kegiatan sukarelawan dan kemasyarakatan itu hendaklah diberikan masa yang secukupnya bukan secara mendadak bagi membuat persiapan-persiapan seperlunya. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya, ada baiknya diundi. Yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya diluluskan.

Yang Dimulikan Jurutulis I: Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang balik di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dulu selama 20 minit, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Jadual Kementerian Pembangunan. Maka untuk membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa itu diteruskan, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula dan kita beralih ke Tajuk seterusnya di bawah Jadual Kementerian Pembangunan.

Yang Dimulikan Jurutulis I: SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi. Dalam Tajuk ini, kaola tidak berapa banyak cuma ada 2, 3 soalan. Usaha Jabatan Perancang Bandar dan Desa memberikan taklimat dan membuat perjumpaan dengan beberapa buah mukim di Negara ini adalah satu usaha yang sangat baik kerana dalam membuat *plan* strategi mengenai dengan infrastruktur yang akan dibuat di bandar, di kampung dan di mukim-mukim harus mengambil kira beberapa aspek:

1. Dalam melaksanakan pembangunan di luar bandar, walaupun bukan di bawah kawalan Perancang Bandar dan Desa, supaya mengambil apa yang dibuat menepati ataupun bersesuaian dengan piawaiian serta peraturan yang harus dilaksanakan. Sebagai contoh yang paling mudah, pemasangan tiang-tiang letrik dan kabel-kabel. Kalau diperhatikan tidak mengikut piawaiian kerana letaknya di kawasan berdekatan dengan longkang dan ini akan mengganggu kerja-kerja pembersihan longkang oleh pihak JKR. Kita mestilah melihat kepentingan lain-lain jabatan sebelum projek berkenaan dilaksanakan.
2. Reka cipta bangunan patut juga diambil kira. Membuat perancangan bangunan sama ada yang dilaksanakan oleh kerajaan ataupun swasta, dengan mengambil kira di mana bangunan itu terletak, kerana keindahan bangunan yang cantik dan menarik melambangkan imej sesebuah Negara. Kaola melihat perkara ini amat penting, kerana kalau ianya tidak disusun dan diusai begitu rupa maka kita sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun

yang tinggi akan dinilai oleh orang luar sebagai kurang bertamadun.

3. Beberapa buah mercu tanda telahpun dibina di beberapa kawasan di Negara ini seperti yang kita lihat sangat menarik dan memerlukan pembaikan. Saya mencadangkan, apabila membuat mercu tanda haruslah mengambil kira kedudukannya, strukturnya serta kesesuaiannya agar lebih menepati namanya sebagai mercu tanda. Kaola timbulkan perkara ini kerana saya mungkin juga yang lain terkilan melihat beberapa mercu tanda yang terdapat di Negara ini kurang menyerlah, saya tidak akan menyebutkan nama-namanya di mana. Kalau kita melihat, kalau di air tidak berapa nampak, di darat pakai kereta pun tidak berapa nampak. Jadi mercu tanda ini sekurang-kurangnya ia melambangkan satu kemegahan dan menggambarkan imej Negara. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam membahaskan SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Saya ingin berkongsi pandangan yang fokus kepada Kuala Belait dan Pekan Seria. Negara Brunei Darussalam telahpun mencapai kemerdekaannya hampir 30 tahun, maka tidak dapat dinafikan kejayaan pembangunan telahpun kita capai sehingga sekarang ini.

Dalam usia Negara kita yang agak dewasa, usaha telahpun dilakukan oleh agensi-agensi yang terlibat untuk

membisaikan dengan menaik taraf Bandar Seri Begawan dan kawasan-kawasan yang boleh berkembang dan menarik orang ramai dalam aspek perniagaan. Sebagai contoh yang ada sekarang ini ialah seperti Bandar Seri Begawan, Gadong, Berakas dan Sengkurong telah menjadi tumpuan orang ramai menjalani aktiviti-aktiviti perniagaan dan riadah.

Saya ingin mencadangkan supaya usaha untuk menjelmakan imej baru bagi Kuala Belait dan Pekan Seria adalah sangat diharapkan. Kita mahu Kuala Belait dan Pekan Seria bukan saja hanya bagi tempat untuk melengkapkan keperluan harian bahkan juga kita mahu Kuala Belait dan Pekan Seria ini menjadi bandar kedua selepas Bandar Seri Begawan.

Penjelmaan imej baru kepada Kuala Belait dan Pekan Seria dari segi fizikalnya malah ianya juga sekaligus dapat mengubah tanggapan orang ramai terhadap Kuala Belait dan Pekan Seria sebagai pekan sunyi. Dengan penjelmaan dan imej baru Kuala Belait dan Pekan Seria, jika ia menjadi kenyataan insya-Allah akan dapat menarik perhatian pelaburan dari luar negara dan dapat menawarkan pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan wujudnya pelaburan dan perniagaan yang bakal diceburi dari luar negara, insya-Allah.

Dalam kesempatan ini saya mencadangkan pembukaan pekan baru di Daerah Belait. Berpandukan kepada taburan penduduk Daerah Belait menyaksikan penghijrahan penduduk dari mukim dan kampung pedalaman ke Mukim Kuala Belait, Seria dan Lumut. Ini pasti akan meningkatkan lagi aktiviti sosio-ekonomi di kawasan ini dalam jangka masa yang panjang. Pertumbuhan

positif ini akan juga dibantu dengan siapnya pembinaan lebuh raya yang menghubungkan kawasan Telisai ke Kuala Belait, Pekan Seria dan seterusnya Sungai Teraban.

Adalah dicadangkan pembukaan kawasan baru khusus bagi pembinaan tempat komersil yang baru berkonsepkan kehijauan dan moden di antara kawasan Lumut - Seria atau di antara Pekan Seria dengan Kuala Belait dan seterusnya di Kampung Sungai Teraban. Dengan adanya pembukaan pekan baru ini sekurang-kurangnya dapat merubah corak ataupun mengindahkan lagi keadaan Kuala Belait dan Pekan Seria yang ada sekarang ini yang tidak begitu ketara perubahannya disebabkan kawasan tanah terlalu kecil, sesak, terhad yang agak sukar untuk ditambah atau diubah.

Daripada perubahan pekan lama ada lebih baik membuat pekan baru. Diharap Jabatan Perancang Bandar dan Desa sudahpun ada pelan yang baru bagi mengembangmajukan Kuala Belait agar ia akan terlaksana. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, hadirin yang dirahmati Allah. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, tekaduhung kita bercakap tentang bandar dan desa, sukacita saya menyentuh kampung-kampung di sebahagian daripada kawasan Mukim Berakas 'A' termasuk dalam kawasan bandar seperti Kampung Anggerek Desa, Pancha Delima,

Orang Kaya Besar Imas, Serusop, Jaya Setia Bakti dan Burong Pingai Berakas.

Nampaknya sebutan bandar itu bolehlah kita terima, hanya sayangnya tidak tepat kepada sebahagian perbandaran kerana terdapat jalan-jalan yang belum dinaik taraf dan longkang-longkang masih belum teratur, terlalu banyak tanah yang belum bersimen, lampu-lampu jalan yang tidak cukup cahaya *voltagenya*, begitu juga tiang-tiang eletriknya sudah condong dan kelihatan tidak elok dan tidak sesuai.

Kita meletakkan bahawa Bandar Seri Begawan itu akan menjadi sebuah bandar yang benar-benar sempurna, apa lagi kita melihat akan datang dalam tahun 2013 ini, kita akan dikunjungi oleh beberapa delegasi dari AIPA, APEC dan lain-lain akan bersidang di Negara Brunei Darussalam. Begitu juga akan dihadiri oleh pelancong-pelancong. Jadi kita mahukan supaya bandar itu kelihatan sebuah bandar yang baik dan cantik. Kelihatan sekarang ini di kawasan rumah-rumah sudah bertukar dari yang lama kepada yang baru. Mudah-mudahan akan dapat kita perbaharui lagi.

Kedua, di pasaraya-pasaraya di kawasan bandar Mukim Berakas 'A' ini nampaknya penjualan barang-barang yang berselerak di lorong-lorong dengan tidak teratur. Apa salahnya barang-barang itu hanya diletakkan di dalam kedai masing-masing. Keadaan ini menyulitkan untuk pelaluan orang berjalan kaki di lorong tersebut. Begitu juga di hadapan kedai itu ada yang membangunkan khemah bagi penyimpanan barang-barang sebagai stor jualan dan stor simpanan.

Ini juga menyebabkan kawasan letak kereta yang disediakan itu berkurangan.

Begitu juga didapati pada dinding-dinding dan tiang-tiang lorong itu kelihatan kotor kerana dipenuhi dengan poster-poster jualan yang tidak terjaga dan nampak kotor. Ini boleh menjatuhkan imej keadaan Bandar Seri Begawan di kawasan Mukim Berakas 'A' ini. Demikian saja Yang Berhormat Pengerusi, diucapkan terima kasih. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Seperkara saja yang kaola akan timbulkan di bawah Tajuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Pengerusi, kaola difahamkan melalui suara orang ramai ada menyuarakan mengenai peraturan baru menghendaki pemaju tanah atau pembuat rumah untuk membuat pelan yang lengkap dan melalui arkitek atau konsultan.

Keluaran dana bagi kebanyakan penduduk luar bandar yang berniat untuk membuat rumah, peraturan tersebut adalah sangat membebankan. Walaupun untuk membina sebuah rumah sederhana kecil daripada bahan kayu, untuk membeli bahan sahaja terpaksa mengumpul wang setahun atau lebih, apatah lagi untuk membayar arkitek dan konsultan. Kaola bertanya apakah penduduk yang kurang mampu ini boleh dipertimbangkan, diringankan ataupun dikecualikan daripada peraturan ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk mengulas.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telahpun mengemukakan soalan-soalan tadi dan pandangan-pandangan yang kebanyakannya dapat kita terima sebagai satu pandangan-pandangan yang baik seperti berikut :

1) Saranan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan jika ada perancangan itu mengambil kira beberapa aspek kesesuaian dari segi piawaian dan peraturan harus distandardkan dengan jabatan-jabatan lain yang berkenaan.

Contoh yang ditimbulkan seperti pembinaan tiang letrik dan sebagainya dan juga supaya reka bentuk bangunan di mana bangunan itu terletak ataupun disusun dan diperbaiki dengan baik dan supaya beberapa mercu tanda dibina akan lebih menarik dan dapat dipelihara. Nampaknya mengikut pandangan Yang Berhormat ini adalah di antara mercu tanda yang kurang menyerlah dan tidak elok dipandang mata.

2) Cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai dengan Belait dan Pekan Seria supaya mendapat imej baru walaupun tidak sebanding tetapi seakan-akan sama tarafnya dengan bandar-bandar yang sudah ada seperti

Pekan Seria dan Belait, Bandar Seri Begawan dan sebagainya. Yang Berhormat juga telahpun mencadangkan supaya ada satu pekan baru di Daerah Belait dan di Kampung Sungai Teraban.

3) Mengenai pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan Kampung Anggerek Desa di tepi jalannya tidak dinaik taraf serta longkangnya yang masih belum teratur. Manakala lampu jalan raya didapati kurang *voltage* serta tiang-tiangnya juga condong. Begitu juga dengan kawasan di Bandar Seri Begawan yang mana kemudahan yang ada itu tidak nampak memenuhi kehendak ataupun memenuhi deskripsi sebuah bandar. Di pasaraya-pasaraya juga ada jualan yang berselerak di sepanjang koridor dan poster-poster yang dilekatkan di tiang-tiang adalah mengaibkan pandangan bagi pelancong-pelancong dari luar negeri.

Ketiga-tiga pandangan ini akan diambil perhatian dan dibincangkan bersama dengan *stakeholders* yang berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan dan bagaimana untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Semua cadangan itu adalah cadangan yang sangat baik.

Saya rangkumkan ketiga-tiga soalan dan saranan daripada Yang Berhormat itu kerana ianya melibatkan *stakeholders* yang berkaitan. Oleh itu, sama-samalah kita mengambil ingatan supaya jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain dapat juga memikirkan mengenai perkara ini.

4) Soalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai peraturan baru yang menghendaki semua pelan itu dibuat oleh arkitek dan konsultan. Perkara ini telah dilaksanakan untuk melindungi pemilik rumah ataupun pelanggan tersebut daripada membina rumah yang tidak menentu keadaannya. Jika pelan rumah itu tidak menentu, ianya juga membimbangkan dari segi keselamatan. Tujuannya ialah untuk memelihara kepentingan pemilik rumah tersebut.

Memang diakui jika menggunakan perkhidmatan arkitek dan konsultan, harganya adalah lebih mahal dan ini akan menimbulkan masalah kepada mereka yang tidak berkemampuan. Perkara ini akan dikaji semula oleh pihak Kementerian dan akan dibincangkan bagaimana cara untuk mengatasi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman itu tadi serta bagaimana pihak Kementerian boleh membantu mereka yang ingin membangun rumah tetapi kosnya ataupun peruntukan kewangannya tidak mencukupi untuk menggunakan perkhidmatan arkitek dan konsultan. Itu saja yang dapat saya jawab pada masa ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa diundi, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK06A - Jabatan Tanah dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, saya akan mengajukan tiga perkara:

1) Tanah yang dimajukan. Pada masa ini tidak dapat dinafikan usaha-usaha Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tanah membuat beberapa peraturan yang berhubung kait dengan tanah. Dalam hal ini, saya sukacita akan mengajukan pandangan mengenai perkara berikut secara ringkas iaitu:

- i. Adalah diharapkan kes *Strata Title* yang telah diluluskan dapat mencapai objektif yang dihasratkan oleh Kerajaan;
- ii. Adalah elok jika laporan terkini mengenai dengan penyelarasan penggunaan *Power of Attorney* dapat diketahui umum;
- iii. Kerajaan sebagai agensi yang bertanggungjawab akan dapat mengawal hak-hak pemilik asal

tanah dapat dipelihara dan dilindungi;

- iv. Adalah diharapkan sistem dan konsep pembangunan tanah untuk komersial atau *industrial* perlu diambil kira dan juga masalah lalu lintas jalan raya;
 - v. Saya percaya setiap kebenaran untuk menukar syarat-syarat tanah perlu diambil kira pertumbuhan penduduk yang meningkat dan mengikut rancangan setempat *local plan* atau secara *incremental* yang boleh menyebabkan kesesakan dan masalah lalu lintas; dan
 - vi. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan mengenai dengan rakyat asing yang menggunakan nama-nama orang tempatan untuk membeli dan memiliki tanah dari rakyat Negara Brunei Darussalam. Sekiranya hal ini ada berlaku, perkara ini perlu diteliti dan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkenaan.
- 2) Mengenai laluan akses, terdapat keluhan daripada sebahagian orang ramai yang mempunyai tanah tetapi tidak dapat dimajukan. Tetapi tanah-tanah ini diberi geran tanpa mempunyai laluan akses. Ini adalah kesilapan yang berlaku yang dibuat oleh Jabatan Ukur di masa yang lalu di mana laluan simpanan tidak disediakan. Ini amat menyukarkan pemilik-pemilik tanah untuk memajukan tanah-tanah mereka dan ada juga terjadi perselisihan faham di antara pemilik-pemilik tanah disebabkan masalah ini.

Ada sesetengah orang bertolak ansur dan memberi laluan akses bagi pemilik-pemilik tanah tersebut dan ada juga yang terpaksa membayar dengan harga yang tinggi untuk mengganti rugi tanah laluan akses bagi menuju ke arah tanah yang mereka miliki.

Dalam hal ini, adakah Kementerian Pembangunan ada mempunyai rancangan bagi membantu orang-orang yang terlibat atau yang menghadapi masalah ini?.

- 3) Proses terlalu lama, beberapa proses-proses yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah mengambil masa terlalu lama, misalnya untuk menukar milik tanah mengambil masa lebih 6 bulan, contohnya menukar milik tanah dari si ayah kepada anaknya. Pengurusan ini akan mencapai 6 bulan atau lebih. Selain dari itu, untuk membuat pemecahan tanah dan menukar syarat tanah juga mengambil masa sehingga lebih 12 bulan. Adalah dicadangkan supaya Jabatan Tanah mencari formula bagi mempercepatkan lagi proses-proses yang melibatkan hal ehwal tanah ini, sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menimbulkan 2 soalan yang ringkas sahaja tentang isu tanah.

- 1) Pada masa ini tanah-tanah sudah digazet di dalam kawasan Bandaran,

pada pendapat kaola tanah ini tidak lagi sesuai untuk menanam pokok buah-buahan dan lain-lain. Kaola mencadangkan syarat tanah ini perlulah digazet secara automatik menjadi:

- i. Perumahan Am;
- ii. Komersial; dan
- iii. Rumah Pangsa

Ini perlulah disesuaikan dengan keadaan dan lokasi tanah. Selain itu bangunan-bangunan di dalam kawasan bandaran akan dikenakan cukai bangunan yang merupakan satu hasil kepada negara.

- 2) Untuk makluman, tanah-tanah Sekolah Tiong Hua telah didermakan oleh orang yang kenamaan dengan khas kepada pihak sekolah. Tanah sekolah ini diamanahkan kepada satu jawatankuasa sekolah yang dilantik setiap 2 tahun. Bagi mengelakkan masalah di masa hadapan, kaola mencadangkan tanah tersebut ditukarkan di atas nama pihak sekolah sahaja. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, ada 1 soalan, iaitu bayaran balik pengambilan tanah. Pihak kerajaan melalui Jabatan Tanah telah mengambil balik beberapa tanah milik orang awam di beberapa kawasan di negara ini. Keperluan ini adalah bagi pembesaran jalan raya, pembinaan longkang dan pembesaran sungai dan seumpamanya. Sebahagian daripada peserta-peserta

tersebut masih lagi belum menerima pampasan ataupun pembayaran sehingga ada yang sudah menunggu hampir 4 ke 5 tahun dan projek itu sudahpun berjalan.

Oleh yang demikian, adalah dipohonkan supaya proses pembayaran itu akan dapat dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola ingin tahu mengenai surat kuasa (*Power of Attorney*) dan surat ikatan amanah (*Trust Deed*).

Kaola difahamkan bahawa Jabatan Tanah telah mengeluarkan surat makluman yang berkaitan dengan aktiviti perbankan yang mana ianya banyak melibatkan orang awam. Jabatan Tanah telah menyatakan seperti berikut penggunaan surat kuasa (*Power of Attorney*) dan surat ikatan amanah (*Trust Deed*) ke atas mana-mana pemohon untuk menggadai tanah, memajak tanah persendirian, pindah milik tanah dan lain-lain yang diterima dan dihadapkan di Jabatan Tanah tidak dapat diproses dan dipanjangkan kepada pihak yang berkuasa untuk dipertimbangkan pada masa ini.

Akan tetapi setakat ini, mahkamah-mahkamah di Negara Brunei Darussalam

telah secara konsisten mensahkan penggunaan surat kuasa dan surat ikatan amanah khususnya dalam transaksi tanah. Dalam erti kata lain, Jabatan Tanah telah memberhentikan proses bagi mana-mana pihak yang menggunakan surat kuasa dan surat ikatan amanah secara serta merta sedangkan undang-undang yang berkaitan belum lagi diumumkan tambahan lagi tempoh masa bagi menunggu proses tersebut dihentikan tidak dinyatakan.

Kaola ingin bertanya dan memohon penjelasan mengenai perkara berikut:

- 1) Sudahkah dipertimbangkan apa kesan-kesan sampingan kepada orang awam, perbankan dan aktiviti perniagaan dan pelaburan di negara ini berikutan penangguhan proses secara serta-merta ini;
- 2) Apakah pandangan atau ulasan telah diminta dari mereka yang berperanan dalam industri perbankan, pelaburan dan mana-mana undang-undang yang diwujudkan;
- 3) Sejak Jabatan Tanah memberhentikan proses bagi permohonan menggadai tanah, dari segi manakah ia akan memberi kesan kepada perniagaan terutama sekali kepada perusahaan kecil dan sederhana yang bergantung kepada pinjaman dan pembiayaan operasi perniagaan mereka;
- 4) Apa akan terjadi kepada bank-bank yang telah mengeluarkan wang berdasarkan gadaian tanah sebagai sekuriti. Apakah pinjaman ditarik balik dan diminta bayar semula? Apakah undang-undang masa ini membolehkan bank-bank meminta

bayar balik pinjaman kerana permohonan gadaian tidak dapat diproses?. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekarang rancak mempromosikan aktiviti-aktiviti komersial dan *diversification* ini memerlukan kewangan yang jitu kerana kebanyakan orang tidak mempunyai kewangan peribadi yang mencukupi bagi tujuan tersebut. Keputusan penangguhan proses secara serta merta tidak akan memberi rangsangan bagi memenuhi hasrat Kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi, Jabatan Tanah telah membuat keputusan bagi memberhentikan proses secara serta merta semua permohonan yang menggunakan (*Power of Attorney*) dan surat ikatan amanah (*Trust Deed*) sebelum undang-undang diumumkan sudah tentu pihak bank tidak akan pasti sama ada mereka akan meneruskan pinjaman atau tidak dan menghentikan sehingga undang-undang dijelaskan. Sudah setentunya ia akan membawa kewahaman atau kekeliruan kepada pihak bank dan orang awam yang tidak tahu bagaimana mereka ini akan menjalankan aktiviti harian perniagaan mereka selain daripada menghindari kesusahan dan kesulitan. Agama Islam juga menghalang kewahaman dan mensyorkan shura. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 3 isu sahaja saya kemukakan dalam Tajuk ini secara ringkas:

- 1) Mengenai tanah geran kekal persendirian yang terlibat dalam projek-projek Kerajaan seperti pembinaan jalan raya, bangunan-bangunan kerajaan dan lain-lain yang pada biasanya akan mendapat ganti rugi sama ada dengan tanah atau wang. Tetapi bagi tanah yang terjejas dengan projek kerajaan juga iaitu laluan kawat elektrik dan tiang tenaga bekalan elektrik voltan tinggi tidak akan mendapat ganti rugi walhal tanah tersebut tidak akan diluluskan bagi sebarang projek pembinaan bangunan kerana sebab yang tersebut tadi. Oleh yang demikian, dipohonkan penjelasan mengenai perkara ini dan seterusnya dicadangkan supaya tanah berkenaan juga mendapat ganti rugi; dan
- 2) Berhubung dengan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) untuk perusahaan yang mana bayaran cukai tahunannya adalah lebih mahal berbanding dengan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) untuk kegunaan persendirian, perumahan atau pertanian. Kita melihat sekarang ini, banyak kawasan-kawasan baru dibuka secara pajakan untuk pelbagai perusahaan umpamanya pembinaan kedai-kedai, *supermarket*, setor, ladang pertanian, penyimpanan peralatan dan kenderaan oleh syarikat-syarikat besar yang menghendaki tapak tanah yang luas.

Soalan saya ialah:

- i. Berapakah anggaran jumlah kutipan bayaran cukai tahunan terhadap pajakan tanah seperti ini?;

- ii. Adakah tidak ada tunggakan? Jika berlaku tunggakan, berapakah jumlah keseluruhannya?; dan

- iii. Apakah tindakan yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini?.

- 3) Mengenai permohonan tanah bagi tapak-tapak projek Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang belum lagi diluluskan. Bagaimanakah caranya untuk mendapat dan mempercepatkan permohonan berkenaan umpamanya permohonan dari Majlis Perundingan Mukim Tanjung Maya dan Majlis Perundingan Mukim Telisai?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya hanya ada satu soalan sahaja mengenai Tanah Tumpang Sementara (*TOL*).

Apa yang saya ketahui pada masa ini permohonan bagi Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) adalah dibekukan sementara waktu. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah terdapat Jabatan Tanah sendiri mengeluarkan borang permohonan yang diberikan kepada pemohon yang berkenaan untuk ditandatangani oleh Ketua Kampung

di mana menjadi keraguan bagi Ketua Kampung tersebut untuk menandatangani. Adakah permohonan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) pada masa ini masih dibukakan ataupun diberhentikan sementara waktu?. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ada 3 perkara iaitu:

1) Seperti yang kita maklum bahawa semua permohonan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) telah dibekukan atau tidak dibenarkan pada masa ini. Perkara ini menjadi masalah kepada Penduduk Tetap yang memegang kad pengenalan warna ungu. Mereka memang tidak berpeluang untuk mengikuti Skim Perumahan Negara apatah lagi Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Saya difahamkan bahawa ada sesetengah mereka ini mencuba nasib untuk memohon Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang diserahkan kembali kepada Kerajaan atas alasan pemilik asal Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) tersebut telah meninggal dunia atau tidak mampu untuk mengusahakannya dan lain-lain lagi.

Dalam hal ini, saya berpandangan bahawa penyiasatan rapi haruslah dijalankan oleh pihak yang berkenaan sebelum kebenaran dikeluarkan. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan

Tanah dapat mengeluarkan garis panduan mengenai perkara ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.

2) Tempoh penyambungan tanah pajakan (*lease*). Pada tahun 70an dan 90an, pemilik tanah secara pajakan (*lease*) dibenarkan untuk menghadapkan permohonan mereka menyambung pajakan dalam tempoh masa 5 tahun sebelum tarikh pajakan (*lease*) mansuh. Tetapi pada masa ini, pemilik hanya diberikan tempoh dalam masa setahun setengah sahaja sebelum geran mereka itu mansuh.

Apa yang menjadi kerisauan mereka ialah masa yang diambil bagi mendapatkan kelulusan biasanya memakan masa yang lama dan tidak menentu. Ini akan menjejaskan perancangan mereka untuk memajukan tanah masing-masing. Saya ingin bertanya adakah usaha-usaha setakat ini ke arah mempercepatkan permohonan seperti yang saya nyatakan tadi?

3) Tanah-tanah bergeran milik perseorangan yang terjejas kerana projek Kerajaan. Di Kampung Lumut I, ada beberapa pemilik-pemilik tanah bergeran yang tanah-tanah mereka terlibat dengan projek jalan raya *Lumut Bypass* sehingga kini belum lagi selesai dibuat pembayarannya. Oleh yang demikian, saya memohon kepada Jabatan yang berkenaan untuk meneliti perkara tersebut dan dapat menyelesaikan perkara pembayaran kepada pemilik-pemilik tanah berkenaan sebagaimana sepatutnya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ke arah membahaskan Tajuk SK06A - Jabatan Tanah, saya hanya ada beberapa soalan sahaja dan seterusnya menyambung sedikit persoalan rakan sejawat saya mengenai langkah Kerajaan yang memberikan tanah pajakan secara *lease* dengan percuma adalah sangat-sangat dialu-alukan dan mudah-mudahan pemberian seperti ini tidak hanya tertumpu kepada sebidang tanah sahaja bahkan untuk dilaratkan bagi pemilik tanah-tanah yang lain.

Penyerahan tanah daripada orang tua kepada anak-anak atau anak cucu yang diserahkan melalui pewaris dan dikenakan caj *Stamp Duty* yang dianggap agak mahal sehingga menjangkau kos mencapai ribuan ringgit atau lebih supaya dapat dikaji semula dengan mengambil kira bahawa tanah ini adalah tanah pemberian percuma atau melalui waris memandangkan ada penerima tanah waris yang terdiri daripada orang-orang yang bukan berada dan tidak berkemampuan maka menyebabkan kegagalan bagi pengurusan pemilikan tanah ibu bapa atau nenek.

Dalam hal ini, saya memfokuskan kepada Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) tadi yang dipindah milik daripada seseorang ke seseorang ataupun lebih jelas lagi daripada bapa ke anak atau anak ke cucu yang terdiri daripada Penduduk Tetap pemegang kad pengenalan warna ungu haruslah juga diambil perhatian dan

pertimbangan kerana penduduk-penduduk yang berstatus Penduduk Tetap pada ketika ini, sepertimana yang dinyatakan oleh rakan saya tadi, tidak mendapat kemudahan untuk menyertai mana-mana Skim Perumahan sama ada Perumahan Negara atau Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati. Kita harus fikirkan dimanakah mereka ini akan tinggal. Kalau saya tidak silap, perkara ini telah saya utarakan di dalam sidang Dewan yang Mulia ini pada tahun lepas. Sekian terima kasih Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya hanya akan bercakap sedikit di dalam Tajuk SK06A ini iaitu mengenai tanah. Di Dewan yang mulia ini pada tahun lalu, saya telah memohonkan untuk mendapatkan sekeping tanah yang terletak di Kampung Jaya Bakti. Tujuannya ialah untuk membina tempat komersial bagi Majlis Perundingan Kampung dan Mukim Berakas 'A' sahaja. Maka pada hari ini saya memohonkan lagi sekeping tanah yang terletak di hadapan Mall Gadong berhampiran dengan Pasar Gadong untuk dijadikan kawasan komersial iaitu untuk kegunaan Mukim dan Kampung untuk seluruh Negara. Apa yang diharapkan supaya kedua-dua tempat tanah ini akan dapat digazetkan melalui Jabatan Daerah sebagaimana kita mengetahui di Daerah Temburong seluas 50 ekar tanah telah digazetkan di bawah Jabatan Daerah Temburong untuk keperluan komersial Majlis-Majlis

Perundingan Kampung. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Saya akan mengutarakan 2 isu sahaja mengenai Jabatan Tanah:

- 1) Yang Berhormat Pengerusi, mengenai Geran Tanah Lot H, saya ingin kepastian adakah pemilik tanah yang terlibat perlu membayar cukai tanah. Pada pandangan saya Tanah Lot H tersebut tidak dimajukan; dan
- 2) Di Dewan yang mulia ini, sukacita saya ingin meminta penjelasan berapa lamakah proses mengikut Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang ditetapkan bagi tuntutan harta atau tanah waris oleh Jabatan yang berkenaan agar dapat dinikmati dan diusahakan oleh pewarisnya dengan segera. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin mengutarakan tentang kemusykilan mengenai pemilik tanah *Temporary Occupation License (TOL)* yang telah dikurniakan geran. Mereka berhasrat untuk mencagarkan tanah tersebut ke bank tetapi malangnya perkara ini tidak dapat dipertimbangkan atas sebab tanah tersebut bersyarat yang

mana ianya tidak dapat dicagarkan dan tidak dapat dijual dan hanya untuk waris sahaja.

Persoalannya timbul apabila pemilik yang bekerja dengan swasta itu bererti ianya tidak akan dapat membangun rumah dengan *loan* kerajaan. Oleh itu, mereka akan mencagarkan tanah ini untuk mendapatkan wang untuk pembinaan rumah tersebut. Mereka juga tidak dapat memohon Skim Tanah Kurnia Jati atau Skim Perpindahan sebab mereka sudah memiliki tanah. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk mengulas.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat beberapa soalan tadi mengenai isu tanah:

- 1) Soalan pertama daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai tanah yang dimajukan, peraturan yang berhubung kait dengan tanah dan kedudukan tanah (*Strata Title*) yang mana adakah ia akan mencapai sasaran Kerajaan. Saya ingin menjawab dahulu mengenai tanah *Strata Title* yang mana sejak ia diperkenalkan, masih belum ada sambutan dari orang ramai kerana proses pengeluaran geran bagi *Strata Title* adalah berasaskan satu kaedah yang memerlukan tafsiran bagi menentukan hak unit atau *unit entitlement* bagi unit masing-masing itu. Hak unit tersebut adalah digunakan untuk mengira berapa bayaran yang

patut dibayar kepada perbadanan *Strata*. Hingga setakat ini masih belum banyak yang ingin mahu tanah mereka untuk dijadikan tanah *Strata Title*. Maka amatlah sukar untuk kita menggagak sejauh mana kejayaan Skim Tanah *Strata Title* ini; dan

- 2) Soalan yang keduanya ialah mengenai *Power of Attorney (PA)* supaya ia dapat disebar untuk pengetahuan orang ramai. Sebenarnya perkara ini telah pun kita maklumkan di Persidangan tahun lepas dan dalam beberapa petikan akhbar pun telah kita menyentuh mengenai perkara berkaitan *PA* ini.

Penerangan mengenai *PA* ini, ianya sebenarnya adalah pemilikan tanah secara *equity* atau pun *equitable ownership* dengan menggunakan surat kuasa *PA* dan surat Ikatan Amanah *Trust Deed (TD)* tidak lagi diiktiraf. Pemilikan tanah secara *equity* ini akan ditukar menjadi tanah pajakan dari Kerajaan bagi tempoh tidak melebihi 60 tahun setelah Rang Undang-Undanganya mendapat perkenan. Pada masa ini masih terdapat surat kuasa *PA* dan surat ikatan amanah *TD* yang digunakan bagi urusniaga tanah.

Walau bagaimanapun, tempoh *PA* dan *TD* tersebut dihadkan kepada 5 tahun untuk pemaju tanah dan 25 tahun untuk bank manakala bagi yang lainnya tidak dibenarkan. Dalam kata lain, ini bererti jika mereka berurusan dengan bank untuk menggunakan tanah mereka sebagai cagaran ia adalah masih dibenarkan. Ini akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi tadi. Hak-hak pemilik asal tanah ini

memang tujuannya ialah untuk memelihara hak-hak mereka.

Hak-hak mereka untuk menjual tanah secara *PA* dan *TD* ini dapat diaplikasikan jika tanah yang mereka jual itu ialah tanah kekal dan mereka menjualnya kepada seseorang. Maka dengan sendirinya hak mereka akan hilang kerana jika tanah yang mereka jual itu sudah mansuh iaitu mencapai umurnya misalnya kalau 60 atau 30 tahun, ia akan balik kepada Kerajaan dan bukan kepada pemilik asal. Ini kerana, pemilik asal sudah menjual haknya kepada orang lain kecuali pemilik asal itu menjual secara Pajakan sahaja. Misalnya tanahnya itu tanah Jenis Kekal tetapi dipajaknya selama 30 tahun maka selepas 30 tahun, tanah itu akan balik kepada pemilik asal. Kalau dijual haknya dan balik juga kepadanya, jadi ia dapat untung dengan mendapat harga penuh jualan tanahnya itu yang dijualnya melalui *Power of Attorney (PA)* dan *Trust Deed (TD)*. Kemudian selepas tempoh tahunnya ia dapat lagi semula tanah tersebut. Oleh yang demikian, ia mendapat 2 keuntungan. Dalam hal ini tidak dibenarkan dan tanah berkenaan akan balik kepada Kerajaan.

Pada masa ini peraturan mengenai *PA* dan *TD* ini telahpun diluluskan. Walau bagaimanapun masih ada beberapa perkara yang perlu kita halusi sebab dalam perkara itu kita rundingkan dalam pihak *Attorney General's Chamber (AGC)* iaitu peraturan mengenai *PA* dan *TD* ini masih belum kita sebar-sebarikan.

Sebenarnya ada beberapa isu lagi yang perlu kita halusi dengan tujuan supaya

apa jua keputusannya nanti dari segi perlaksanaannya, ia tidak akan merugikan Kerajaan ataupun negara, tidak juga merugikan kepada pemilik tanah itu ataupun pembeli tanah, tidak merugikan kepada pemaju, sesiapa yang memajukan tanah dan juga tidak merugikan kepada pelabur.

Aspek ini akan diambil kira sebab dari segi perlaksanaannya perkara ini masih lagi dibuat kajian untuk kita halusi. Insya-Allah apabila selesai dihalusi dengan pihak-pihak yang tertentu di pihak Kerajaan maka ia akan disebarikan supaya lebih jelas kepada orang ramai. Tetapi buat makluman orang ramai bahawa *PA* dan *TD* ini sudah pun diberhentikan sejak tahun lepas sejak ia dimaklumkan. Ia sudah diberhentikan, jadi mana-mana *PA* dan *TD* tidak akan dilayan dan akhirnya akan *diconvert* apabila sudah ada peraturannya kepada *lease* tidak melebihi 60 tahun. Mana-mana yang masih membeli tanah secara *PA* dan *TD* maka ialah melanggar peraturan yang telahpun dikeluarkan.

Mengenai pertukaran Syarat Tanah mengikut *local plan*, perkara ini diambil maklum dan akan diselaraskan dengan peraturan ataupun garis panduan yang sedang digubal pada masa ini mengenai isu tanah ini. Insya-Allah perkara ini akan dipertimbangkan supaya pertukaran Syarat Tanah yang mengikut peraturan tidak menjadi masalah kepada pemohon yang untuk menukar Syarat Tanah dan di kawasan-kawasan komersial dan industrial jika ada sudah peraturan berkenaan maka ia akan lebih jelas dari segi pelaksanaan dasar ini.

Apakah langkah-langkah yang diambil tentang rakyat asing yang menggunakan

nama tempatan? Perkara inilah yang akan kita atasi melalui *PA* dan *TD* ini, tidak ada rakyat asing yang tidak layak memiliki tanah supaya mereka tidak dapat menggunakan nama-nama orang tempatan untuk memiliki tanah. Ini satu perkara yang ingin kita atasi melalui *PA* dan *TD* ini.

Jadi larangan *PA* dan *TD* ini ialah untuk membuktikan *equitable ownership* seperti yang berjalan pada masa ini ataupun sebelum undang-undang ini dikeluarkan. Tetapi bagi tujuan memajukan satu-satu tanah ataupun bagi tujuan membuat cagaran kepada bank tidak jadi masalah, masih dibenarkan.

Mengenai Laluan Simpanan (*access*) yang tidak disediakan ini menimbulkan masalah. Perkara ini akan diambil tindakan. Banyak isu yang terlibat dalam perkara ini, isu penyukatan, isu pembayaran dan sebagainya. Perkara ini akan kita ambil catatan dan akan diusahakan. Kita juga melihat kesukarannya keadaan-keadaan seperti ini dan kita akan cuba mengatasi masalah ini. Proses terlalu lama, perkara ini kita ambil maklum dan seperti yang saya jelaskan tadi juga kita berusaha untuk mengubah garis panduan mengenai banyak isu yang berkaitan dengan tanah ini. Insya-Allah sedikit masa lagi kita akan dapat *address some of the issue* dan mudah-mudahan dengan adanya garis panduan itu akan lebih cepat proses-proses berkaitan dengan permohonan tanah, pemecahan tanah, penurunan tanah kepada waris dan sebagainya, tukar syarat dan sebagainya. Isu-isu yang akan kita sentuh apa yang kita usahakan pada masa ini.

Mengenai syarat contoh seperti memindah milik tanah daripada ayah kepada anak yang memakan masa selama 6 bulan dan sebagainya. Insya-Allah dengan adanya garis panduan itu nanti perkara ini tidak akan menjadi masalah dan tidak akan memakan masa yang lama.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Laila Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin ada menyentuh mengenai tanah yang sudah digazet di kawasan bandaran adakah tidak boleh secara automotik disesuaikan apabila ditukarkan syarat mengikut zon kawasan bandaran tersebut ataupun perkembangan kawasannya. Memanglah kalau tanah tersebut di kawasan bandar dan disyaratkan tanaman ataupun padi tidaklah dapat dikekalkan tanaman padi, dengan mudah boleh diubah misalnya kepada syarat perumahan. Tetapi kalau menaikkan kepada syarat komersial dan sebagainya itu satu isu lagi dan jika syarat perumahan ianya tidak menjadi masalah. Tertaklumlah kepada syarat apa yang akan ditukar itu. Tapi yang jelas kalau syarat asalnya syarat padi dan tanaman yang di tengah-tengah bandar, tidaklah dapat dikekalkan syaratnya itu.

Tanah yang diamanahkan kepada jawatankuasa oleh penderma yang asal, tidak ada masalah terpulanglah kepada penderma tanah itu sama ada ia bersetuju untuk diserahkan kepada pihak sekolah. Kalau pihak sekolah menerima dan pendermanya bersetuju ataupun waris-waris penderma tidak ada masalah, perkara itu akan diuruskan.

Yang Berhormat Pengerusi, saya beralih kepada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai bayaran balik pengambilan tanah. Apakah perancangan

Kerajaan memberikan bayaran pampasan bagi tanah-tanah bergeran untuk dibayar balik. Pada tahun 2008, cadangan ke arah penyelesaian Tanah Plot X dan jalan daerah telah mendapat titah perkenan supaya tanah-tanah yang terlibat berkenaan diganti dan dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat sama ada diganti dengan tanah ataupun dibayar.

Alhamdulillah dalam pengenal pasti tapak tanah yang terlibat serta penggantian pampasan Tanah Plot X berkenaan telah dapat dilaksanakan dan diungkapkan. Lebih kurang 1000 lot tanah persendirian yang dikenal pasti sebagai Plot X di keseluruhan negara. Berdasarkan kepada perangkaan ini sebanyak 802 lot tanah tersebut telah dihadapkan pada pihak yang berkuasa untuk pertimbangan dan sebanyak 744 tanah telahpun diluluskan untuk diganti atau dibayar secara wang tunai.

Pembayaran telah dijelaskan adalah di dalam sekitar 60% telah dibuat ke atas pemilik-pemilik tanah yang terlibat. Dalam hubungan jalan daerah pula yang melibatkan tanah persendirian pihak Kerajaan juga telah mengenal pasti tanah-tanah persendirian yang terlibat supaya akan dibayar pampasan atau diganti dengan tapak tanah kerajaan yang lain menurut garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan dan diperkenankan sebelumnya setakat ini banyak yang sudah dikenalpasti dan telahpun diambil tindakan ke atasnya mengikut peraturan penyimpanan tanah.

Walau macam manapun, kita akui masih ada beberapa tanah gantian ataupun tanah yang telah diambil oleh Kerajaan yang masih belum diganti atau dibayar yang mana perkara ini sedang kita

tunduki. Masih ada yang *backlog*, di mana masih ada tanah-tanah yang belum diganti. Insya-Allah kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian untuk menyelenggarakan ke atas tanah-tanah berkenaan.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai *Power of Attorney* iaitu berhubung dengan perbankan. Sebenarnya kalau untuk cagaran ke bank bagi memajukan tanah itu atau mendirikan rumah dan sebagainya masih boleh dibenarkan, kecuali kalau ia mencagarkan tanah itu ke bank untuk tujuan bercuti itu tidak dibenarkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat ini sudah dirangkumi di dalam keterangan awal tadi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Betul, cuma mengulangi sedikit sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Sama ada dipertimbangkan kesan-kesan kepada pemilik, pelabur dan pemaju seperti yang telah saya nyatakan, itu sebab perlaksanaannya (*implementation*) mengambil masa sedikit sebabnya kita akan meneliti dari segi mana ia akan merugikan ataupun menguntungkan negara, pelabur, pemilik dan pemaju. Jadi kita tidak mahu sesiapa pun rugi dalam peraturan baru ini. Mengenai sama ada kita ada pernah meminta pandangan

mereka, tidaklah secara seluas-luasnya kita meminta pandangan tetapi kita ada mendapat pandangan-pandangan daripada mereka yang berkenaan dan pandangan-pandangan mereka diambil

jua perkiraan. Sebab itu dalam pelaksanaan ataupun dalam menggubal undang-undang dan peraturan mengenainya sebab kita mengambil pandangan-pandangan mereka yang terlibat dalam perkara ini.

Dari segi mana ia menguntungkan kepada *Small Medium Enterprise (SME)*, ianya akan menguntungkan *Small Medium Enterprise (SME)* kerana tanah itu akan didaftar di atas nama mereka dan bukan di atas nama pemilik lain. Ia akan lebih *transparent* sebabnya ia berdaftar di Jabatan Tanah yang mana kalau sebelumnya ia berdaftar sahaja di Pejabat-Pejabat Peguam.

Seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai dengan ganti rugi jika tanah-tanah itu terjejas dengan kawat elektrik. Pada masa ini memanglah tidak ada ganti rugi jika tanah itu sendiri tidak terjejas dengan projek Kerajaan tetapi kalau ada kawat elektrik di atas, itu satu perkara yang akan difikirkan. Saya akan kembali kepada soalan ini kemudian.

Mengenai berapa banyak kutipan daripada pajakan-pajakan, kawasan-kawasan baru dan sebagainya, cukai yang dikenakan kepada kawasan-kawasan baru, komersial saya tidak ada *data figures* pada masa ini, nanti insya-Allah kita akan usahakan untuk mendapatkan angkanya.

Permohonan tanah yang tapak-tapak projek yang belum lagi diluluskan, bagaimana caranya? Ini satu perkara yang akan kita tunduki juga, kita pun mengakui ada banyak permohonan yang masih belum dapat dilayani ataupun

memberi jawapan yang cepat dan perkara ini akan kita usahakan akan lebih cepat.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim menanyakan mengenai Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) sama ada ia dibekukan sementara atau bagaimana kedudukannya. Yang sebenarnya Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) ini sudah dibekukan bagi perumahan disebabkan kita rasa ketiadaan masalah mengenai perumahan. Dasar baru Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang diperkenankan pada tahun 2008, hanya mempertimbangkan pengeluaran kebenaran kepada kegiatan-kegiatan perusahaan, perniagaan, perindustrian, tapak-tapak pembelajaran (sekolah) dan tapak-tapak bagi projek kerajaan. Sementara itu tapak-tapak Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) dahulu adalah masih boleh digunakan.

Berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Kemajuan Perumahan, penyediaan rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dijangkakan dalam masa 5 tahun akan datang, boleh memenuhi kehendak permintaan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) bagi perumahan. Tidak perlu lagi di bawah Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) sebabnya di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) atau Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dapat membekalkan rumah dalam tempoh yang singkat.

Sementara penggunaan tanah kerajaan secara Tanah Tumpang Sementara (*TOL*)

bagi kegiatan pertanian adalah lebih bersesuaian kerana ia dikawal di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, jadi mana-mana permohonan tanah bagi pertanian bukan lagi di Jabatan Tanah, ia akan dirujuk kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Dalam hal penggunaan tanah kerajaan secara Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada dasarnya memperkenankan supaya tapak-tapak Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang sedia ada bagi kegiatan perniagaan, perusahaan dan perindustrian dibolehkan untuk dipajak dengan dikenakan bayaran *premium* tanah.

Jadi Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang sudah digunakan boleh dipajak dengan bayaran *premium* tanah. Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) akan ditukar menjadi pegangan pajakan jika telah diduduki melebihi 7 tahun iaitu pajakan yang tidak melebihi 60 tahun. Sementara itu, Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang pada masa lalu dikeluarkan kebenaran bagi kegiatan rumah kediaman dan sudah dimajukan sebagai rumah kediaman, geran-geran akan dikeluarkan dalam Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi pemohon yang layak sahaja. Ertinya bagi pemohon rakyat Negara Brunei Darussalam, tanah-tanah yang mula-mulanya Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) akan ditukar kepada geran-geran tanah.

Bagi Kad Pengenalan Ungu seperti yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi. Perkara ini masih belum kita tunduki dengan sehalusnya, jadi mungkin ini memerlukan satu pertimbangan dan perbincangan lagi mengenai dasar pemberian Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) kepada pemegang Kad Pengenalan Ungu. Walau bagaimanapun peluang bagi Penduduk Tetap untuk membeli melalui pajakan dibolehkan memajak tanah persendirian bagi tempoh tidak melebihi 60 tahun atau membeli rumah melalui pemilikan secara hak milik strata. Mereka boleh digalakkan membeli hak milik strata tetapi memiliki rumah secara yang ada sekarang mungkin belum dapat dipertimbangkan buat sementara ini. Walau bagaimanapun perkara ini sedang kita tunduki untuk mencari penyelesaian supaya pemegang Kad Pengenalan Ungu ini dapat kita layani jua keperluan mereka itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafie bin Ahmad ada bertanyakan mengenai permohonan Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) yang dibekukan dan mengenai dengan pemegang Kad Pengenalan Ungu. Ini sudah saya jawab tadi. Mengenai tempoh pajakan *lease* memohon sebelum mansuh setahun setengah sahaja supaya mengambil masa supaya dapat dipercepatkan, perkara ini akan kita tunduki, insya-Allah dan tanah bergerak diambil bagi projek Kerajaan belum selesai dibuat pembayaran ini juga sedang kita tunduki kerana ada masalah-masalah tertentu mengenai perkara ini insya-Allah akan dapat kita diselesaikan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin ada menimbulkan mengenai isu langkah Kerajaan memberi

percuma *lease* bagi tidak lebih dari satu ekar tanah yang mana di atasnya ada rumah kediaman sendiri adalah dikecualikan dari pembayaran *lease*. Jadi disarankan supaya dilaratkan beberapa banyak tanah pun yang mereka miliki, maka perkara ini sudah lebih daripada yang kita rancangkan. Yang kita buat dasar pemberian percuma *lease* ini ialah bagi mereka yang tidak mampu, oleh itu kalau yang tidak mampu tapi itu sahaja rumah dan tanahnya, insya-Allah akan kita beri pengecualian daripada pembayaran premium tapi kalau ia banyak tanah lain ertinya ia mampu, insya-Allah dikenakan bayaran.

Jelasnya ini bagi yang tidak mampu dan diberi kelonggaran atas kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri, baginda telah menitahkan supaya sesiapa sahaja yang ada rumah untuk sekeping tanah tidak melebihi satu ekar yang mana di atasnya berdiri rumah untuk kediaman sendiri. Kalau rumah itu untuk disewakannya tidaklah dapat dipohonkan premium itu, walaupun ia mempunyai tanah lain, tanah lain terpaksa dibayarnya kecuali yang satu ini sahaja. Tidaklah dikecualikan ia semuanya.

Mengenai Tanah Tumpang Sementara (*TOL*) daripada ibubapa, anak ke cucu kalau rakyat Brunei tidak menjadi masalah tetapi kalau daripada Penduduk Tetap akan kita pertimbangkan, bagaimana usaha sebenarnya hak-hak Penduduk Tetap ini masih belum jelas dan masih diusahakan macam mana menyelesaikan isu-isu Penduduk Tetap ini.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. A. Ahmad bin Hussain menimbulkan mengenai memohon tanah di Kampung Jaya Bakti bagi komersil di Berakas 'A' dan kemudian memohon tanah berhampiran dengan Mall Gadong juga untuk tujuan komersil, perkara ini akan kita teliti dan jika permohonan ini dapat dilayan maka insya-Allah akan dapat dilayan.

Sementara itu Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga menimbulkan mengenai masalah geran tanah plot sama ada perlu membayar cukai atau tidak. Kalau sudah diambil oleh Kerajaan tidak perlu membayar cukai kecuali kalau masih milik mereka.

Mengenai Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) untuk proses tanah ini sedang diusahakan. Kita tidak mahu masalah tanah itu berlarutan, jadi perkara ini akan kita usahakan seberapa secepat mungkin proses permohonan tanah itu dapat disegerakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin menimbulkan kemusykilan pemilik tanah yang ingin mencagarkan tanah *TOL* kepada bank yang tidak dapat dijual. Memang tanah *TOL* tidak dapat dijual kerana ia tanah Kerajaan dan tanah tumpang sementara sahaja dan kita juga kemusykilan kalau tanah *TOL* itu dicagarkan kepada bank. Kalau takdirnya ia tidak terbayar bank yang akan mendapat tanah *TOL* sedangkan ia tidak dapat dipindah milik. Jadi perkara itu menjadi isu yang menjadi satu cabaran kepada kita. Tanah-tanah *TOL* bukan untuk tujuan dicagar ke bank ataupun untuk dijual tetapi untuk kegunaan sendiri. Jadi kalau sudah sendiri tidak menggunakan ertinya tanah itu boleh

diambil balik oleh pihak Kerajaan. Mereka baru ada tanah *TOL* tidak boleh memohon tanah Rancangan Perumahan Negara (RPN) kecuali mereka menyerahkan tanah *TOL* dan memilih tanah Rancangan Perumahan Negara (RPN) itu dapat dipertimbangkan ataupun mereka menyerah balik tanah itu untuk mengganti dengan Rancangan Perumahan Negara (RKN). Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah ada baiknya diundi, siapa bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SK06A - Jabatan Tanah diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Tajuk SK06A - Jabatan Tanah dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang pada esok

hari iaitu hari Khamis, 21 Mac 2013 pada jam 9.30 pagi, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Khamis , 9 Jamadilawal 1434 / 21 Mac 2013

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir sebelah petang).

Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II:
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan yang bersidang pada hari ini bagi hari yang kedua belas didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Omar `Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan selamat pagi. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu `Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama lagi hadir pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kedua belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang (2013), Perbekalan 2013 / 2014 di peringkat Jawatankuasa.

Bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan Tajuk-Tajuk seterusnya di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa dan masih lagi membincangkan Jadual Kementerian Pembangunan. Sebelum menyambung perbincangan Tajuk-Tajuk jabatan ini, di bawah Kementerian Pembangunan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat

Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, ingin untuk membuat pernyataan berkenaan dengan isu Cukai Setem yang telah diajukan pada hari kelmarin. Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua).

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Kaola hanya ingin menambah penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan semalam, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin supaya Kerajaan menjalankan kajian semula terhadap Cukai Setem yang dikenakan yang melibatkan Pindah Milik Tanah di kalangan ahli-ahli keluarga terdekat, yang mana kaola mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih di atas saranan Yang Berhormat tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu kesejahteraan rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu semalam. Sebab itulah sebelum lagi Yang Berhormat mencadangkan perkara ini, Kerajaan secara proaktif bukan sahaja membuat kajian semula tetapi juga telah membuat keputusan mengenai perkara ini.

Dengan kemurahan, keprihatinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa selain daripada penghapusan Cukai Harta Pusaka ataupun *Estate Duty* yang dikenakan di bawah Akta Setem Penggal 34 seperti yang

Baginda titahkan di Dewan yang mulia ini, Baginda juga pada 27 Februari 2013, telah mengurniakan limpah perkenan bagi pengecualian dari membayar Cukai Setem untuk diberikan dan dilaratkan kepada mana-mana instrumen yang melibatkan pemindahan milik harta mahupun saham di antara pemilik dengan tanggungan (*dependent*) sahaja, iaitu pemindahan di antara suami kepada isteri atau isteri kepada suami dan pemindahan daripada ibu atau bapa kepada anak-anak atau anak angkat yang didaftarkan.

Pengecualian ini akan berkuat kuasa mulai 1 April 2013. Walau bagaimanapun peraturan baru ini hanyalah melibatkan pindah milik bagi tanah-tanah bergerak dan bukannya mengenai pindah milik *TOL* yang mana penjelasannya telahpun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan kelmarin. Pengecualian ini sebenarnya dihasratkan agar pemindahan milik harta atau saham yang dibuat semasa pemilik dan penerima harta atau saham masih hidup akan lebih dipermudahkan. Ini juga akan memberikan pemilik lebih kebebasan dalam membuat keputusan berkaitan pemindahan harta miliknya kepada tanggungan-tanggungan tanpa perlu bimbang kepada kesan dikenakan cukai, setem atau harta pusaka. Itulah sahaja yang dapat kaola kongsi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua). Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada apa-apa Yang Berhormat ingin sampaikan sebelum kita menyambung perbincangan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Ada sedikit sahaja Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai dengan projek pembinaan 1,500 buah rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB). Kelmarin saya melaporkan bahawa tarikh siap ialah pada Mac 2013. Tarikh sebenar yang telahpun disemak semula ialah November 2013. Perkara ini adalah untuk makluman Ahli-Ahli Dewan sahaja.
2. Mengenai dengan siaran media cetak akhbar hari ini, ada melaporkan bahawa *PA* dan *TD* itu boleh ditukar kepada 60 tahun. Yang sebenarnya maklumat yang diberikan kelmarin ialah tempohnya adalah sehingga 60 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Bukannya geran 60 tahun seperti dilaporkan dalam media itu.

Yang keduanya, yang juga dilaporkan oleh media cetak hari ini, yang perlu dibetulkan ialah mengenai tanah-tanah *TOL* yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim. Semasa menjawab perkara tersebut, saya menyatakan tanah-tanah *TOL* itu sudah diberhentikan bagi perumahan. Sementara bagi tujuan pertanian, perusahaan ataupun perindustrian bolehlah dihadapkan kepada autoriti-autoriti berkenaan tetapi tidak lagi di Jabatan Tanah. Sementara bagi SME masih boleh dihadapkan kepada Jabatan Tanah. Perkara ini hanyalah sebagai penyelarasan dan bagi pembetulan kepada apa yang

dilaporkan dalam media itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Tajuk SK07A - Jabatan Ukur.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK07A - Jabatan Ukur.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan rasa syukur pada menjunjung kasih atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) sebentar tadi mengenai dengan Cukai Setem (*Stamp Duty*) yang saya utarakan kelmarin. Alhamdulillah semoga apa yang telah diperkenankan itu akan mendapat rahmat daripada Allah Ta'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Mengenai dengan Jabatan Ukur iaitu sebagai langkah awal perancangan bagi pembinaan sesebuah rumah persendirian, adalah perlu untuk mengenal pasti kedudukan tanahnya terlebih dahulu yang memerlukan perkhidmatan Jabatan Ukur Kerajaan ataupun swasta yang memakan kos perbelanjaan yang agak mahal sehingga mencapai ke \$2,000.00. Walhal kedudukan batu sempadan telah jelas dan difikirkan tidak perlu atau dipastikan lagi sempadan oleh pihak Jabatan Ukur. Perkara ini juga kalau boleh diambil perhatian, dan dipermudahkan kerana kos

tersebut terlalu tinggi memandangkan ada di antara masyarakat kita yang kurang mampu untuk membiayai perbelanjaan seperti yang ditetapkan itu. Di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya kos yang dikenakan tersebut dapat diteliti semula. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu perkara saja yang kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu mengenai penentuan melekat arah tuju kiblat di rumah-rumah orang yang beragama Islam. Perkara yang sama sebelumnya ditimbulkan dari rakan Yang Berhormat dua hari yang lepas dalam Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama. Melalui Tajuk di bawah Jabatan Ukur di Dewan yang mulia ini, apa yang kaola fahami melalui Jabatan Ukur, orang ramai yang memohon perlu membayar harga asas \$50.00 untuk harga pengukuran dan harga pelekat \$5.00.

Ini adalah sebagaimana peraturan borang permohonan penentuan arah tuju kiblat Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah Negara Zikir, pada pandangan kaola, apakah kiranya ia dapat dipertimbangkan supaya pembayaran tersebut dapat diringkaskan atau ditiadakan untuk memudahkan beribadat

serta panduan arah hala kiblat yang tepat dan betul. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menyentuh mengenai apa yang dibangkitkan oleh wakil Yang Berhormat dari Daerah Belait tadi. Berapa tahun kebelakangan ini, hingga sekarang apabila seseorang itu hendak membina rumah baru, selain menyediakan pelan rumah, pemohon iaitu tuan rumah hendaklah membuat pancang di atas tanah tapak untuk mendirikan rumah yang akan dibina.

Sebelum peraturan ini dilaksanakan, pemohon membuat pancang atas arahan Jabatan berkenaan tanpa apa-apa bayaran dikenakan. Dalam Peraturan yang ada sekarang, pemohon dikehendaki menggunakan Juruukur Perunding Swasta yang diiktiraf berlesen. Juruukur berkenaan akan membuat pengakuan dan sokongan terhadap permohonan untuk membina rumah berkenaan.

Syarikat Juruukur akan menetapkan bayaran mengikut kedudukan tanah (pembinaan). Sekiranya tapak pembinaan itu jauh di pedalaman, harga bayaran dikenakan lebih tinggi. Sebagai contoh, jika berhampiran dengan bandar dikenakan bayaran \$1,000 atau \$1,200 dan jika jauh pemohon akan dikenakan

bayaran sehingga \$1,400 dan seterusnya bertambah mengikut jarak jauh kedudukan tanah berkenaan.

Perkara ini dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini bertujuan:

- 1) Bayaran yang diminta adalah terlalu tinggi sedangkan peranan Juruukur Perunding Swasta hanya memeriksa dan mengesahkan dengan membubuh cap syarikatnya.
- 2) Pemohon yang berada di kampung pedalaman bukanlah orang berada. Mereka membina rumah sesuai dengan tanggungjawab bagi keperluan keluarga dan wang yang ada adalah ala kadar dan dibina secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan masing-masing.
- 3) Jabatan berkenaan yang bertanggungjawab tentu tidak lupa akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu supaya Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik tidak akan terlepas pandang akan keadaan rakyat Baginda di kampung-kampung dan di pedalaman. Suasana inilah yang dimaksudkan oleh Baginda di mana rakyat Baginda yang menghadapi masalah bukan semuanya orang berada.

Saya mengesyorkan supaya peraturan ini dikaji semula mengikut kategori tertentu. Sebagai contoh permohonan yang bernilai \$200,000.00 ke bawah disahkan oleh Jabatan Ukur kerana apabila memasang pancang, pihak Juruukur hanya

mengesahkan sahaja. Pemohon inilah yang dapat difikirkan supaya mereka ini diberikan kelonggaran ataupun dikurangkan bayaran mengikut peraturan yang lama.

Bagi permohonan yang melebihi \$200,000.00 ke atas bolehlah diswastakan kerana golongan ini adalah golongan yang mampu dan ada setengahnya adalah pemaju perumahan. Peraturan yang ada pada masa ini menjadi satu bebanan bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung pedalaman seperti membuat pelan rumah dikenakan bayaran tidak kurang \$1,000.00 walaupun rumah jenis banglo mempunyai 3 buah bilik sahaja. Pembayaran bagi membuat pancang akan dikenakan \$1,400.00 ke atas, membayar pemasangan dawai elektrik \$1,500.00, membayar bekalan air \$600.00 dan lain-lain seperti membina jalan masuk, menimbuk atau meruntuh tapak rumah yang kadang-kadang mencapai sehingga puluhan ribu ringgit.

Bagi pengetahuan Dewan, sekiranya tempat tersebut di pedalaman, sewa pengangkutan bahan binaan seperti batu-bata, batu kecil, pasir akan naik sehingga 30%-40% dari harga biasa. Pada kebiasaannya sewa pengangkutan bahan binaan berhampiran bandar dikenakan bayaran kira-kira \$50.00 satu perjalanan. Jika jarak jauh perjalanan 5 ke 6 kilometer akan dikenakan bayaran lebih \$50.00 dan seterusnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada beberapa perkara yang ingin ditimbulkan.

Apabila kita melihat peranan dan tugas Jabatan Ukur, ia amat penting dalam menentukan kedudukan mukim, kampung dan daerah serta tanah-tanah orang ramai dan sempadan Negara yang amat mencabar dan memerlukan semangat berpasukan dan tahan lasak, kerana kerja-kerja pengukuran tidak hanya di kawasan bandar dan kampung-kampung malahan di pedalaman-pedalaman dan hutan rimba.

Kelalaian dan kesilapan dalam bertindak menyebabkan kita akan kehilangan kawasan atau wilayah. Penentuan sempadan dan pemetaan yang jelas menjadi masalah di beberapa Negara di dunia ini. Hanya dengan kerjasama, persefahaman, tolak-ansur serta merujuk sejarah kewujudan Negara berkenaan, barulah masalah ini akan dapat diatasi.

Kedudukan tanah-tanah yang dimiliki oleh orang kita Brunei yang pada masa ini telah dianggap sebagai milik negara luar, di mana geran tanah berkenaan telah dikeluarkan oleh Jabatan Tanah sekitar tahun 1950an. Dalam perkara ini saya ingin bertanya, apakah tindakan Jabatan Ukur dalam menentukan status tanah berkenaan.

Jika ia benar-benar milik negara luar, adakah pemilik akan diberikan tanah yang lain sebagai pengganti tanah yang berkenaan? Keadaan ini banyak didapati di mukim-mukim yang berdekatan dengan negara jiran. Kerja-kerja pemecahan tanah, sudahpun dibangkitkan. Tidak perlu saya menimbulkan lagi perkara ini.

Mengenai dengan sempadan kampung dan mukim. Usaha Jabatan Ukur menentukan sempadan kampung dan mukim di Negara ini adalah disambut baik oleh orang ramai. Petunjuk ataupun penanda hala tuju adalah amat penting, kerana tanpa panduan ataupun haluan yang betul, orang susah akan datang ke tempat ataupun lokasi yang berkenaan. Adalah dicadangkan supaya perkara ini akan dapat diusahakan lagi kerana sebahagian daripada mukim-mukim dan kampung-kampung belum lagi cukup teratur mengenai dengan sempadan mukim dan kampung.

Seterusnya dalam perkara ini, kaola pohonkan dalam penyelesaian sempadan antara Negara kita dan negara jiran dirujuk kembali sejarah awal Kampung Limau Manis dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya termasuk kawasan-kawasan dalam pentadbiran negara luar. Misalnya Tedungan, Mambangan, Durian Suluk, Sungai Kabat, Paya Karangan, Mendait, Lading, Sungai Kongkalan, Bukit Berbuka dan kampung-kampung yang berdekatan dan kampung-kampung dalam Mukim Pengkalan Batu merupakan salah satu daripada enam daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dikenal sebagai daerah Limau Manis atau juga dikenal sebagai Ulu Brunei (merujuk kepada *Annual Report Brunei* 1904, 1905, 1907, 1908). Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Saya sesungguhnya tertarik untuk ikut serta membahas peruntukan Jabatan Ukur ini, yang mana peranan mereka adalah mengukur ataupun menyukat kepada sesuatu tanah. Apa yang saya persoalkan di sini ialah:

1. Soal pemecahan tanah waris bagi mereka yang akan membina rumah. Perkara ini saya difahamkan mengikut giliran sehingga mengambil masa bertahun-tahun. Adalah diharapkan melalui Dewan yang mulia ini supaya mereka yang akan membina rumah ini akan diberi kelonggaran ataupun keutamaan untuk mengukur atau memecah tanah ini.
2. Saya menyokong rakan sejawat saya sebelah kiri mengenai dengan pembayaran upah mengukur tanah ini sesungguhnya. Kalau dapat, supaya ianya akan dikaji balik. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan memberikan jawapan atau ulasan-ulasan terhadap soalan-soalan yang telah diutarakan itu.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya tidaklah memberikan jawapan yang panjang, ringkas sahaja mengenai dengan isu-isu yang ditimbulkan, kerana perkara ini telah pun kita dengar dan telah diambil catatan mengenai masalah-masalah itu.

Saya ingin menerangkan sedikit beberapa perkara yang ditimbulkan seperti harga yang mahal. Perkara itu memang difahami dan tindakan akan diambil bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Saya hanya membayangkan bahawa kerja ukur ini bukanlah mudah kerana ianya melibatkan banyak kerja-kerja teknikal, bukannya melihat sahaja dan diletakkan batu itu. Ianya memerlukan banyak kerja-kerja penyukatan dan sebagainya.

Scale yang dikenakan oleh Juruukur swasta adalah *scale* yang sudah lama yang belum dikaji. Kalau mengikut *scale* yang sebenar mungkin melonjak tinggi daripada yang ada sekarang, tetapi *scale* ini sudah lama dipakai iaitu sejak tahun 1980 dan hingga kini belum ada kenaikan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil perhatian. Memang ada kebenaran kenyataan itu bahawa ada sebilangan daripada pemohon itu mungkin tidak mampu untuk membayar kos yang begitu mahal.

Mengenai dengan penetapan arah tuju pelekat kiblat ini sama ada boleh diberikan percuma. Masa ini dikenakan \$50.00 dan setiap label itu berharga \$5.00. Membuat kerja penentuan kiblat ini bukanlah mudah. Perkara ini pernah ditawarkan kepada pihak sektor swasta untuk membuat tetapi setelah mereka melihat dari segi kosnya mereka pun tidak sanggup kerana kerja-kerja itu terlalu rumitkan. Pihak Jabatan Ukur sendirilah yang mengerjakannya dengan bayaran yang minima. Kalau inipun orang tidak mampu, masih lagi mahu percuma, akan diteliti lagi sama ada boleh diberi secara percuma atau tidak. Akan tetapi saya rasa, jumlah ini bagi yang mampu bolehlah membayar \$50.00. Kalau diberi percuma kepada semua, itu adalah

menjadi satu perkara yang lain lagi. Percuma hanya diberikan kepada orang fakir dan miskin, daif dan bagi rumah yang berkumpul, misalnya di Kawasan Rancangan Perumahan Negara. Kita sudah menimbang sama ada kiblatah ini, kalau lurus sederet mungkin dapat diberi percuma sahaja atau kawasan itu mudah menentukan kiblatah, mungkin tidak dikenakan bayaran kepada setiap rumah. Ini satu pertimbangan sahaja. Tetapi untuk memberi percuma kepada semua adalah harus difikirkan sedalam-dalamnya, kerana harganya pun bukan mahal sangat.

Mengenai dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan pancang dan bayaran yang diminta terlalu tinggi dan sebagainya. Penentuan pancang ini perlu juga penentuan batu dan sebagainya. Jika tidak, kita mudah sahaja melanggar kawasan-kawasan orang. Perkara sempadan tanah ini selalu menjadi isu, walaupun adik-beradik. Kalau sudah tidak betul, akan menjadi isu juga. Elok jua ditentukan di mana sempadan sesuatu tanah itu. Soal mahal itu satu isu yang mungkin tidak dapat dielakkan kerana perkara ini bukan sahaja pihak Kerajaan yang bertanggungjawab malahan juga pihak swasta.

Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat itu diambil maklum dan akan dilihat dari segi mana dapat mengurangkan bayaran-bayaran bagi kerja-kerja tersebut.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim mengenai dengan sama ada tanah-tanah yang berhampiran sempadan dengan

negara jiran itu jika termasuk arah kawasan negara jiran adakah dapat diganti? Pada masa ini, tidak ada dasar untuk mengganti tanah tersebut. Mengenai dengan isu sempadan, perkara ini masih dalam perundingan di antara kedua negara. Jadi, tidaklah dapat saya komen di sini sejauh mana kesudahannya nanti.

Soalan yang terakhir, mengenai dengan isu pemecahan tanah yang memakan masa yang lama ini seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf. Sejauh yang diketahui, punca kelambatan proses kebenaran dan pengukuran pemecahan tanah di antaranya ialah pemohon-pemohon tidak mematuhi peraturan-peraturan syarat-syarat tanah yang sedia ada seperti membangun dan membina bangunan tanpa kebenaran.

Tanah yang terjejas dengan projek-projek Kerajaan juga boleh jadi melambatkan proses pemecahan tanah. Permohonan pemecahan tanah dan tanah yang ramai pemilik yang tidak setuju dengan kedudukan pembahagian masing-masing. Semua isu ini ditangani oleh Jabatan Ukur. Ada juga pemilik tanah yang tidak mahu mengikut cadangan skim pemecahan yang difikirkan sesuai oleh pihak Kerajaan seperti bangunan-bangunan, rumah yang termasuk dalam simpanan jalan laluan atau terkena sempadan lot tanah dan sebagainya. Selain itu, ada juga sebahagian pemilik tanah tidak setuju untuk menyerahkan simpanan laluan tapak *sub-station* ataupun simpanan saliran ini. Permohonan-permohonan yang diterima adalah terlalu banyak dan terpaksa menunggu giliran yang diproses. Memanglah di sebahagian pihak kalau

terlalu lama itu sampai bertahun-tahun itu akan menjadi isu yang patut menjadi kekhawatiran di Jabatan Ukur. Kadang-kadang kelambatan ini adalah kerana pemohon itu sendiri juga untuk datang menandatangani persetujuan pemecahan, dan juga kelambatan pemohon untuk membuat pembayaran untuk pengukuran. Jadi semua ini adalah menyebabkan proses itu lambat. Walau bagaimanapun isu-isu dalaman di Jabatan Ukur akan kita lihat juga bagaimana untuk mempercepatkan proses permohonan tersebut. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tajuk SK07A - Jabatan Ukur ada baiknya diundi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan)

Terima kasih. Tajuk SK07A - Jabatan Ukur diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK07A - Jabatan Ukur dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk terakhir dalam Jadual Kementerian Pembangunan. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dibukakan untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala

Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi ada 3 isu yang ingin saya kemukakan dalam Tajuk ini.

1) Negara kita Brunei Darussalam tidak ketinggalan berusaha menangani pengurusan alam sekitar seperti pengurusan sisa pepejal pemantauan kualiti udara, pusat rawatan dan pemupusan sisa buangan toksik dan pemantauan kualiti air dari sebarang pencemaran. Peruntukan berjumlah \$3.3 juta telah disediakan dalam Tajuk ini.

Pada penghujung tahun 2010, sistem pemantauan terhadap kualiti air Sungai Brunei telah beroperasi. Soalan saya apakah perkembangan dan kemajuan yang dicapai di Stesen Pemantauan Kualiti Air terhadap sungai-sungai lain khususnya Sungai Tutong?

Berhubung dengan pemantauan udara pula bagaimanakah keupayaan Stesen Pemantauan Udara yang ada sekarang di negara ini? Kerana kita ada mendengar aduan orang ramai mengenai dengan rasa sesak nafas, batuk dan sakit tekak ketika berlakunya pembakaran besar di penyimpanan tayar di Bukit Udal baru-baru ini. Jadi adakah perkara ini berkaitan, dan apakah bantuan keselamatan pencemaran yang diberikan kepada penduduk di sekitar kawasan lingkungan 9 kilometer dari tapak kejadian kebakaran tersebut?

2) Taman dan Rekreasi berfungsi sebagai tempat untuk orang ramai bersantai, berehat dan beriadah serta untuk mencantikan dan menceriaikan sekitar. Saya cadangkan 3 tempat untuk dimajukan iaitu:

- i) Di hujung Tanjung Danau kerana tempat ini sentiasa sahaja dikunjungi oleh orang ramai setiap hari terutama musim hujung minggu;
 - ii) Taman Rekreasi Pantai Telisai supaya dibina semula menara yang telah dirobuhkan dan juga dibina restoran; dan
 - iii) Ulu Sungai Penyatang Kampung Bukit Beruang untuk dimajukan sebagai taman rekreasi berbentuk tasik buatan kerana Ulu Sungai ini sudah ada sedia kawasan luas yang berpayau dan hanya perlu pembersihan sahaja. Kawasan ini dikelilingi oleh 4 buah sekolah iaitu 2 sekolah menengah dan 2 buah sekolah rendah. Kelak jika dibersihkan boleh dilihat dari Lebuh Raya Telisai Tutong dan boleh menjadi tempat riadah dan aktiviti sukan air bagi sekolah-sekolah berkenaan. Dicadangkan juga supaya setiap taman rekreasi itu dibina restoran agar keluarga, ibubapa dan penjaga yang membawa anak-anak mereka dapat menikmati jamuan atau juadah semasa menunggu anak-anak mereka yang sedang bermain.
- 3) Kita sedia maklum semua perumahan, bangunan-bangunan, kedai-kedai ataupun pusat-pusat perniagaan telah pun menggunakan perkhidmatan pembuangan sampah yang diusahakan oleh jabatan tertentu dan pihak-pihak swasta yang menggunakan kenderaan khas bagi mengutip sampah-sampah dari tempat berkenaan untuk dihantar ke tempat-tempat pembuangan

sampah yang khas khususnya tempat Pembuangan Sampah Sungai Paku.

Apa yang mendukacitakan terdapat banyak kotoran seperti tumpahan air kotor dan sisa-sisa makanan keluar membasahi dan mengotori jalan raya, setelah kenderaan khas tersebut keluar dari tempat pembuangan sampah. Sampah-sampah melekat di tayar-tayar kenderaan dibawa keluar ke jalan utama menyebabkan sampah bertaburan di jalan raya yang mengeluarkan bau busuk dan mendatangkan perubahan warna di permukaan jalan raya. Jadi adalah dicadangkan supaya perkara seumpama ini akan dapat diambil perhatian oleh pihak-pihak berkenaan bagi mengelak ini dari berlaku lagi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada 3 perkara yang akan saya sampaikan dalam Tajuk ini.

- 1) Mengenai pengusaha-pengusaha syarikat tempatan pengambilan batu kelikir di Daerah Temburong pada masa ini. Sejauh mana ianya dalam kajian Kementerian melalui Jabatan yang berkenaan terhadap kedudukan batu kelikir pada masa jangka panjang. Apakah juga ada dalam perancangan Kementerian untuk membuka satu kawasan baru bagi pengusaha-pengusaha batu kelikir di Daerah

Temburong jika kawasan batu kelikir yang ada sekarang berkurangan.

- 2) Saya ingin mengetahui apakah pernah Sungai Temburong terutamanya kawasan-kawasan pengambilan batu kelikir dibuat ujian *Environment Impact Assessment (EIA)* oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE)? Ini adalah kerana Sungai Temburong pada masa ini didapati semakin tercemar dan sudah dapat dirasakan oleh orang ramai terutama sekali bagi nelayan-nelayan bahawa udang galah semakin berkurangan di Sungai Temburong. Contohnya penyimpanan batu di tepi sungai dan penyucian batu kelikir yang mengalir ke sungai lebih-lebih lagi bila musim hujan tanah-tanah cucian air batu akan mengalir ke sungai dan sungai menjadi air bertanah dan keruh di setiap masa.
- 3) Perkara yang terakhir Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, atas keprihatinan Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya, kaola dimaklumkan bahawa pada masa ini sedang ditawarkan Projek Pembersihan Sungai Temburong yang terlibat akibat pencemaran alam sekitar di mana keadaan sungai semakin sempit akibat penyucian batu kelikir oleh syarikat-syarikat yang berkenaan di kawasan tersebut. Alhamdulillah ianya telah rancak dilaksanakan. Saya ingin mengetahui sejauh manakah perkembangannya pada masa ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya telah dimaklumkan bahawa Pekan Muara adalah di bawah jagaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) sejak 2 tahun, kalau silap betulkan saja. Dalam hubungan ini, terdapat kegelisahan orang ramai mengenai dengan kebersihan sampah yang berselerak terutamanya di kedai-kedai runcit dan rumput rampai yang panjang. Apakah usaha yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bagi mengatasi perkara yang sedemikian?

Cadangan saya ialah:

- 1) Supaya jabatan yang berkenaan akan menyediakan satu tempat khas pembuangan sampah.
- 2) Kedai-kedai runcit yang tidak menjaga kebersihan dengan baik haruslah diambil tindakan ataupun dikompaun mengikut Akta Alam Sekitar.

Pada masa ini pembuangan sampah dari rumah-rumah adalah dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta. Apa yang mendukacitakan ialah terdapat syarikat-syarikat swasta yang mengangkat sampah itu menggunakan trak biasa dan tidak lagi menggunakan rambat untuk menjaga kebersihan. Dalam hal ini apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bagi mengatasi perkara ini?

Di setiap kampung terdapat 3 syarikat mengangkat sampah yang berlainan dengan kadar harga yang berlainan. Perkara ini harus juga diambil perhatian oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi supaya harganya yang dikenakan adalah selari dengan syarikat yang berkenaan. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai 2 persoalan iaitu:

1) Di Mukim Liang terdapat 4 tempat pembuangan sampah bagi penduduk-penduduk di mukim tersebut dan satu di Mukim Labi. Sampah-sampah ini kemudian diangkut oleh sebuah syarikat tempatan ke tempat pelupusan sampah khas di Sungai Paku, Telisai. Dalam perhatian dan tinjauan saya jumlah sampah semakin bertambah sejak kebelakangan ini. Ini adalah disebabkan oleh pertambahan penduduk di mukim tersebut kecuali Mukim Labi. Makluman yang saya terima dari syarikat tempatan yang bertanggungjawab mengangkut sampah ke tempat pelupusan Sungai Paku mengatakan mereka menghadapi masalah seperti berikut:

i. Sampah-sampah dibuang di luar *skip* yang disediakan dan mereka terpaksa mengambil masa untuk memasukkan ke dalam *skip*.

ii. Mengalami kekurangan *skip* dan kenderaan.

iii. Tempat pelupusan sampah di Sungai Paku beroperasi secara berjadual.

iv. Pengangkutan sampah ke Sungai Paku mengambil sedikit masa dan pengangkutan dijalankan 3 kali dalam seminggu.

Pada pandangan saya pihak JASTRE harus mengkaji kembali pengurusan dan kekerapan mengangkut sampah ke tempat pelupusan sampah di Sungai Paku bagi mengawal keadaan sampah di mukim tersebut.

2) Taman-taman rekreasi yang di bawah bidang kuasa JASTRE di Daerah Belait saya lihat masih di tahap biasa dan tidak ada nampak peningkatan. Selain ianya digunakan bagi tempat mengadakan acara-acara sukan, riadah, sempena menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain lagi.

Saya ingin mencadangkan supaya kedua-dua Taman Jubli Anduki dan Pantai Peranginan Lumut diswastakan saja kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat untuk memajukan taman-taman tersebut jika ianya belum lagi dilaksanakan. Demikian juga Taman Rekreasi Wang Kadir di Mukim Labi, saya pohonkan agar akan dapat dipasangkan lampu bagi memberigakan taman tersebut. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam menyebut mengenai dengan Tajuk SA08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, saya ingin mengajukan satu pandangan dan seterusnya cadangan iaitu mengenai peralihan tugas dan tanggungjawab dalam pengusaian dan penyelenggaraan taman-taman di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi pada tahun 2002 termasuklah juga kakitangannya.

Perkara ini ada hubung kaitnya dengan apa yang diutarakan oleh rakan sejawat dari Daerah Belait tadi. Jadi dalam hubungan ini terdapat sedikit perbezaan dari segi bidang tugas dan pemantauan dalam usaha-usaha pembisaian taman-taman di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Lembaga Bandaran Kuala Belait telah mengambil inisiatif sendiri untuk memelihara taman-taman di kawasan tersebut.

Oleh yang demikian, untuk meningkatkan, memantapkan dan menambahkan lagi keindahan taman-taman di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria maka saya mencadangkan supaya tugas-tugas dan tanggungjawab itu diserahkan balik kepada Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria manakala Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi hanya menumpukan kepada peningkatan dan pemeliharaan taman-taman di luar bandar. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiyaa Ewal Mursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Pengerusi, syukur Alhamdulillah Kementerian Pembangunan telah bertindak tegas dan pantas menyahut usul dan seruan di Majlis Mesyuarat Negara tahun lalu iaitu mengenai dengan kawasan tanah berdekatan Sungai Berakas dan lebuhraya. Suara itu telah didengarkan di Dewan ini yang mana kawasan tersebut memerlukan pembaikan dan supaya ianya dapat dicantikkan dan mudah-mudahan akan dapat dilihat dengan sempurna.

Sekarang ini kawasan tersebut telah berubah wajah dari yang tidak ceria menjadi ceria dan berseri-seri. Akan tetapi, terdapat sedikit kecacatan iaitu di jalan masuk ke kawasan tersebut yang mana keadaannya adalah curam dan mungkin akan membawa bahaya kepada pengguna-pengguna jalan tersebut.

Sukacita juga saya bercakap dan memberikan sedikit pandangan bahawa kawasan yang telah bertukar wajah itu dilaratkan lagi ke bahagian yang lain maksudnya ke seberang sungai kerana sungai tersebut ialah suatu kawasan yang termasuk di dalam kawasan Bandar Seri Begawan. Begitu juga dengan

kawasan itu yang sememangnya disediakan tempat beriadah. Makanya di Dewan yang mulia ini, diusulkan supaya ianya akan ditangani bersama-sama bagi menambahkan keceriaan di kawasan tersebut lagi terletak di kawasan yang begitu baik, tempat tersebut memang kena pada tempatnya jikalau diberi dengan tanaman pokok-pokok bunga yang cantik dan pokok-pokok yang bersesuaian di tempat tersebut untuk dijadikan Taman Rekreasi dan menjadi suatu tempat pelancongan yang berpotensi.

Apatah lagi jikalau kawasan tersebut diadakan gerai-gerai yang indah, pentas budaya yang menarik yang diserikan dengan lampu neon yang bergemerlapan tentulah tempat tersebut akan lebih cantik sehingga tidak jemu mata memandang.

Kata pantun:

*Jalan-jalan Kuala Lawas,
Lepas Lawas pergi Bintulu,*

*Pandang sekali rasa tak puas,
Akan diulang merasa malu.*

Pada fikiran saya, di Sungai Berakas itu, keadaan paras airnya pada masa ini adalah cetek dan eloklah diperdalamkan juga dan mengisikan sungai tersebut dengan ikan-ikan yang boleh dipancing, menyimpan perahu dayung di atas air, membina gelanggang-gelanggang kereta *control* di darat dan mungkin diudaranya terdapat *cable car* di atas udara Sungai Berakas tersebut. Mudah-mudahan pandangan-pandangan kecil akan dibesarkan seperti busut akan dibesarkan menjadi bukit kerana tidak menjadi suatu kesalahan untuk kita melihat ke hadapan.

Untuk tidak memakan masa biarlah barangkali kaola berpantun lagi:

*Awang Untung berbaju kasa,
Duduk bersandar di dalam balai,
Untung apa lagi dipaksa,
Tuah apa lagi dibalai?*

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan membawa 2 perkara pada pagi ini:

1) Tempat-tempat rekreasi di Negara Brunei Darussalam terdapat banyak tempat beriadah tetapi kurang pemeliharaan dan mengakibatkan tempat tersebut kurang menarik. Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi hendaklah menilai semula perkembangan tempat-tempat dengan pengawasan dan menempatkan kakitangan untuk menjaga keselamatan dan kebersihan tempat-tempat tersebut.

Di sini saya ingin mengajukan cadangan seperti berikut:

i) Menyediakan pekerja untuk mengawal dan menjaga kebersihan tempat-tempat ini. Kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor yang

tidak memuaskan dan pekerja ini yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia kontraktor yang ditugaskan. Tindakan perlu diambil kepada pekerja berkenaan jika ianya tidak mengawasi kawasan tersebut dengan baik.

- ii) Menyediakan sekurang-kurangnya seorang *life guard* di pantai-pantai yang selalu dikunjungi oleh orang awam;
 - iii) Peruntukan yang mencukupi untuk kerja-kerja pemeliharaan harta benda di kawasan tersebut;
 - iv) Meminta agen-agen pelancongan untuk memberi promosi yang positif ke atas tempat-tempat pelancongan ini dan menjadikan tempat-tempat rekreasi ini sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka; dan
 - v) Tiap-tiap tempat rekreasi hendaklah disediakan surau dan tandas yang sentiasa terjaga kebersihannya.
- 2) Di Daerah Tutong terdapat tempat membuang sampah di beberapa buah kampung. Keadaan tempat ini sangat mengaibkan di mana tempat sampah-sampah bersepah dan beg-beg plastik sampah tidak dimasukkan ke dalam tong sampah yang tersebut. Tempat-tempat sampah ini juga kadangkala dibakar oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Saya mencadangkan supaya ada pekerja ditempatkan di tempat-tempat membuang sampah supaya pembuangan sampah menjadi teratur dan harta benda kerajaan akan terpelihara. Saya cadangkan tempat pembuangan sampah mengikut seperti

yang terdapat di simpang Kampung Tungku dan di simpang Kampung Lugu. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Kaola ada jua beberapa isu yang ingin disampaikan tetapi sebelum kaola menyampaikan maksud sebenar, elok juga kaola memberikan senario mengenai alam sekitar.

Isu alam sekitar merupakan isu global dan banyak dibincangkan di dalam forum di peringkat antarabangsa dan serantau. Perkara ini juga diberikan penekanan dalam *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* yang mana perhatian khusus perlu diberikan kepada beberapa aspek seperti memberikan kesedaran kepada masyarakat atau komuniti *ASEAN* perlunya menjaga alam sekitar dengan berhemah.

Yang kedua, memberikan perhatian khusus kepada kehijauan hutan, memberikan perhatian kepada keselamatan dan perlindungan kepada spesies binatang, dan flora dan fauna yang hidup di hutan rimba yang hening dan pemandangan yang menghijau. Kita bersyukur di Negara Brunei Darussalam, pemeliharaan sampah diberikan perhatian khusus oleh beberapa agensi seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah di Negara Brunei Darussalam. Dalam isu ini Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin mencadangkan dalam usaha mendidik masyarakat supaya menjaga alam sekitar, perlu ada beberapa mekanisme seperti meletakkan tempat-

tempat membuang sampah di beberapa kawasan yang kurang tempat pembuangan sampah, seperti rakan saya tadi sudah sebutkan.

Tempat-tempat pembuangan sampah ini amat berkurangan di mukim-mukim, di kampung-kampung dan kawasan Zon 4. Permintaan daripada beberapa buah mukim seperti Mukim Pengkalan Batu, Mukim Sengkurong dan Mukim Kilanas, perlu ditambah supaya masyarakat senang membuang sampah dan tidak akan membuang sampah di tempat-tempat yang bukan khusus untuk membuang sampah kerana mereka beranggapan kalau tidak ada tempat membuang sampah tentulah mereka ini akan mengambil jalan mudah seperti membuang sampah di kawasan-kawasan yang dilarang.

Kita juga memberikan ucapan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah kerana mengambil tindakan tegas kepada beberapa individu yang tidak mengikut peraturan. Umpamanya pada masa yang lalu, kita akan melihat di Bandar Seri Begawan itu pada hujung minggu terutama sekali pada hari Ahad, sampah bersepah-sepah dan perkara ini telah dapat ditangani oleh Jabatan Bandaran untuk menguatkuasakan denda kompaun kepada pembuang-pembuang sampah yang tidak bertanggungjawab itu. Oleh yang demikian, ianya menyebabkan keadaan sekarang ini lebih baik daripada yang lalu.

Demikian juga ada sesetengah pengusaha binaan yang membuang sampah-sampah mereka di tempat pembuangan sampah domestik seperti membuang bata-bata,

pecahan-pecahan bata dan kayu-kayu yang dipotong. Perbuatan tersebut sangat tidak senonoh kerana hanya sampah-sampah domestik seperti sampah-sampah di rumah yang dapat dibuang di tempat pembuangan sampah berkenaan, sedangkan mereka ini mengambil kesempatan membuang sampah.

Saya telah mendapati beberapa kali hal ini berlaku dan merakamkan gambar pengusaha berkenaan dan menghantar laporan kepada Jabatan Daerah. Alhamdulillah pihak Jabatan telah membuat tindakan bagi mengenakan tindakan undang-undang kepada individu yang berkenaan. Sekian Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dari awal tadi kita sudah banyak mendengar cadangan-cadangan, buah-buah fikiran dan juga tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenai kebersihan alam sekitar kita. Jadi saya akan menambah sedikit sahaja iaitu mengenai kebersihan juga.

Kerajaan telah melancarkan beberapa usaha untuk mencantikkan alam sekitar khususnya di sekitar ibu Negara dan di tempat-tempat awam. Usaha-usaha mencantikkan itu bukan sahaja dilakukan oleh pihak Kerajaan malah melibatkan

pihak *NGOs* dan swasta. Saya usulkan juga mengenai kebersihan ini supaya tong-tong kitar semula penting diperbanyakkan di tempat-tempat kediaman awam dan di tempat-tempat rekreasi.

Tujuannya bukan sahaja untuk menjaga kebersihan, tetapi untuk mendisiplinkan masyarakat dengan gaya hidup bersih dan bisai di samping dapat menjimatkan kos pengasingan bahan-bahan pepejal dan sisa terbuang. Maka saya sarankan supaya mustahak difikirkan untuk menyimpan tong-tong kitar semula ini dan diletakkan di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita sering menerima sungutan dari penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran tebing Sungai Tutong. Sebab mereka tinggal di sepanjang Sungai Tutong kerana ianya adalah sebagai sumber rezeki mereka iaitu dengan menangkap ikan sungai. Mengikut maklumat yang diterima, mereka sering mendapati beg-beg plastik dibuang ke Sungai Tutong dan hanyut dibawa arus air ke laut.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana air Sungai Tutong menjadi bekalan air minum dan lain-lain keperluan bagi penduduk-penduduk Daerah Tutong, penduduk Bandar Seri Begawan dan

seluruh penduduk Daerah Brunei dan Muara, makanya langkah-langkah untuk menyelamatkan Sungai Tutong dari menjadi mangsa tempat pembuangan sampah perlu diambil tindakan bagi mencegah dari terus dijadikan tempat membuang sampah. Adalah dikhuatiri jika tiada langkah-langkah pencegahan diambil ada kemungkinan keadaan air akan tercemar dan mungkin juga akan menimbulkan kemudaratan bekalan air di Kampong Layong, Daerah Tutong.

Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan pihak Bahagian Air Pam Layong berusaha mengesan pembuang sampah di Sungai Tutong dan jika dikesan pembuang-pembuang sampah tersebut tindakan undang-undang hendaklah diambil supaya mereka tidak lagi membuang sampah sesuka hati di Sungai Tutong. Sekian Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, pada tahun lepas saya telah mencadangkan supaya Pantai Tungku dijadikan salah satu destinasi Akua Pelancongan (Rekreasi Marin dan Riadah Pantai) yang menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Ia juga boleh dijadikan sebagai *marine research* oleh mahasiswa Universiti Brunei Darussalam dan lain-lain iaitu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan. Saya ingin tahu apakah perkembangannya pada masa ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan jika ada ulasan-ulasan terhadap kenyataan-kenyataan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Pembangunan khususnya JASTRE amat mengalu-alukan pandangan yang telahpun disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai beberapa isu yang berkepentingan bersama. Saya rasa dengan pandangan-pandangan tersebut, ianya bukan sahaja diutarakan sebagai isu penjagaan alam sekitar, tetapi juga bagi isu kebersihan. Ketiadaan pencemaran air dan udara itu adalah satu isu yang kita semua berminat untuk mengawasinya.

Saya harap saranan-saranan yang telah pun disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu, akan diterima oleh semua lapisan rakyat di Negara ini sebagai tanggungjawab bersama. Ertinya bukan sahaja pihak JASTRE malah setiap individu di Negara ini yang cintakan Negara dan mahu Negaranya bersih daripada sebarang pencemaran udara dan air, serta ingin melihat kebisaian dan keindahan di Negara sendiri.

Dengan adanya ini nanti, mudahlah sedikit pihak JASTRE menjalankan tugas-tugasnya. Saya ingin juga menjelaskan bahawa memanglah bidang tugas Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) untuk menjaga alam sekitar, tetapi untuk memastikan semua berjalan seperti yang kita rancang, adalah satu perkara yang mustahil jika tidak dibantu oleh orang ramai. Oleh itu, saya amat bersyukur kerana di Dewan

yang mulia ini, nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat juga ingin melihat Negara kita bersih dan tidak tercemar.

Banyak perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan, sebahagiannya memang sudah ada dilaksanakan dan sebahagiannya akan diambil maklum dan akan dilaksanakan. Sebahagiannya sudah kita laksanakan tetapi masih belum berjaya mengatasi masalah-masalah yang ditimbulkan. Bagi kita di Kementerian Pembangunan, ini adalah satu cabaran yang besar dengan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) yang tidak begitu besar dengan bilangan yang tidak ramai. Tugas yang dilaksanakan itu bukanlah di luar kemampuan tetapi mereka akan terus berusaha sebaik-baiknya untuk menjalankan apa yang dikehendaki oleh masyarakat.

Bagi menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai sisa pepejal, kualiti udara, toksik dan sebagainya. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) ataupun Kementerian Pembangunan pada masa ini sedang dalam proses menggubal 2 Akta Alam Sekitar yang dalam proses akhir pengemaskinian dan pewartaan iaitu:

- 1) *Environment Protection and Management Order*, dan
- 2) *Hazardous Waste Control Order*

Akta *Environment Protection and Management Order* mengandungi elemen *Environmental Impact Assessment* yang juga disebut tadi dan kawalan pencemaran (*Pollution Control*) dan meliputi peraturan bagi:

- 1) Bahan Kumbahan (*Trade Effluent*);
- 2) Pengawalan Bunyi Bising di Tapak Pembinaan (*Control of Noises at Construction Sites*);
- 3) Bahan Berbahaya (*Hazardous Substances*);
- 4) Pencemaran Udara (*Air Impurities*);
- 5) Pengawalan Had Bunyi Bising di Tapak Perusahaan (*Boundary Noise Limit for Factory Premises*);
- 6) Pembakaran Terbuka (*Open Burning*). Pengawalan pembakaran terbuka, ini adalah merupakan satu tugas yang mungkin sukar;
- 7) Komposisi Kesalahan-Kesalahan (*Composition of Offences*);
- 8) Yuran Perlesenan (*Fees for Licences*); dan
- 9) Pengeluaran Gas Kenderaan (*Vehicular Emission*).

Akta *Hazardous Waste Control Order* adalah bagi pengawalan eksport, import dan *transit* bahan bagi sisa buangan toksik yang berbahaya.

Dengan adanya 2 Akta ini nanti, ianya diharap akan dapat memperkukuhkan lagi institusi kerja bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) di dalam pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar demi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara yang bersih, hijau dan *environmentally sustainable*.

Dalam perkara ini, saya rasa kita memerlukan undang-undang untuk membantu kerja-kerja Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) kerana walaupun berbagai amaran dan pengawalan dibuat, masih juga perlakuan-perlakuan yang bercanggah dengan apa yang sepatutnya. Mungkin dengan adanya undang-undang ini akan dapat menguatkan lagi bidang penguatkuasaan (*enforcement*) di pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE). Dengan selesainya 2 Akta ini nanti dikuatkuasakan, adalah diharapkan isu-isu yang berkaitan dengan pencemaran dan sebagainya akan dapat diatasi.

Mengenai kualiti udara yang ditimbulkan tadi, Alhamdulillah kualiti udara di Negara kita masih di dalam tahap yang baik walaupun kadang-kadang berlakunya jerebu (*haze*) dan sebagainya. Apabila kita melihat keadaan jerebu berkenaan, bacaan kualiti udara didapati masih di tahap yang baik. Oleh sebab itulah Kementerian Pembangunan tidak mengeluarkan amaran-amaran tertentu. Keadaan kualiti udara ini sentiasa dipantau yang mana jika berkeadaan tidak baik akan dimaklumkan kepada orang ramai.

Mengenai Taman dan Rekreasi supaya dijaga seperti Tanjung Danau, Rekreasi Pantai Telisai dan Ulu Sungai Penyatang, perkara ini diambil maklum. Jika ia merit dengan cadangan untuk membisakan tempat-tempat tersebut, insya-Allah tindakan mengenainya akan diambil. Ini termasuk salah satu sasaran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) iaitu untuk melihat mana-mana kawasan yang boleh dijadikan taman dan rekreasi sepertimana yang dicadangkan.

Isu kekotoran di jalan-jalan raya, sudahpun diambil maklum dan insya-Allah dengan adanya Akta yang dinyatakan tadi, kita akan dapat mengenakan undang-undang yang boleh mengambil tindakan ke atas mereka yang melanggar peraturan berkenaan. Adalah diakui masih banyak kenderaan-kenderaan yang tidak terkawal yang membawa segala kotoran dengan air bertitisan di jalan raya dan sebagainya. Kita juga akan meneliti lagi bagaimana cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini.

Seterusnya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan perusahaan batu kelikir. Sebagaimana yang diketahui oleh Yang Berhormat berkenaan, kita telahpun membuat lawatan ke tapak perusahaan batu kelikir tersebut dan mendapati bahawa pengusaha-pengusahanya telah membuat aktiviti yang tidak mengikut peraturan. Oleh yang demikian, pengusaha batu kelikir berkenaan telah dimaklumkan bahawa lesen mereka tidak akan disambung bagi membuat aktiviti baru atau mengusahakan kawasan batu kelikir yang baru. Mereka hanya boleh membuat kerja-kerja yang ada sehingga batu kelikir berkenaan pupus.

Menurut kajian yang dibuat pada masa ini, kualiti batu kelikir berkenaan juga sudah berkurangan. Oleh yang demikian, kita tidak menggalakkan pengambilan batu-batu kelikir di masa akan datang. Dalam pada itu, sudah ada usaha untuk mengimport batu kelikir dari luar negeri pada masa ini. Apabila kita sudah yakin bahawa bekalan daripada luar negeri itu mencukupi dan terjamin bagi mengelakkan pembangunan di Negara ini tidak terjejas, maka

perusahaan batu kelikir di Temburong itu akan diberhentikan. Ke arah ini, kita telah pun mengarahkan supaya pengusaha-pengusaha batu kelikir berkenaan:

- 1) Membuat kerja-kerja mengikut peraturan yang telahpun dikeluarkan; dan
- 2) Memastikan air yang membasuh batu-batu kelikir berkenaan tidak akan mengalir ke sungai.

Yang Berhormat tadi juga menyatakan keadaan ini telah menyebabkan air sungai di Temburong berkenaan kotor, tidak berudang galah dan sebagainya. Perkara tersebut telah dibincangkan dan langkah-langkah seterusnya telahpun dimaklumkan kepada pihak pengusaha di mana tindakan akan dikenakan jika ianya masih berlarutan.

Mengenai kerja-kerja di Sungai Temburong, seperti saya difahamkan bahawa kerja-kerja tersebut telah dimulakan dan sejauh ini 76% kerja-kerja pembersihannya telahpun siap. Insya-Allah, kerja-kerja pembersihan Sungai Temburong ini akan siap pada pertengahan tahun 2013 ini.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim tentang kegelisahan orang ramai terhadap sampah-sampah yang berselerak di kedai-kedai runcit, rumput yang panjang dan sebagainya pula, kita sendiri juga melihat dan maklum akan masalah yang ditimbulkan itu. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang berkenaan selain daripada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) seperti Jabatan Bandaran dan sebagainya, (jika perkara ini berlaku di kawasan Bandar),

juga telah mengambil tindakan ke atas mereka yang membuang sampah berselerak. Oleh yang demikian, usaha-usaha ini akan dilakukan secara berterusan dan insya-Allah, jika perkara-perkara sebegini terkandung dalam Akta yang saya nyatakan tadi, tindakan akan diambil dengan lebih ketat lagi.

Mengenai isu pembuangan sampah yang dibuat oleh pihak swasta dengan caj yang berlainan, perkara ini akan diteliti lagi. Memanglah tawaran untuk perkhidmatan pengangkutan sampah ini kita bukakan jua kepada mana-mana kontraktor yang ingin mengambil bahagian dan sesiapa yang dapat menawarkan perkhidmatan dalam harga yang rendah kepada pelanggan, maka itu terpulanglah kepada kontraktor.

Bagaimanapun perkara ini akan dinilai supaya ada keseragaman dalam harga dan juga keseragaman dari segi perkhidmatan yang diberikan supaya ianya tidak berlainan. Memang diakui kadang-kadang ada syarikat yang membuang sampah itu menggunakan trak yang terdedah dan tidak berpagar. Apabila trak itu bergerak sampah sarap yang di dalam trak itu akan berterbangan dan mengeluarkan bau atau air yang kurang menyenangkan. Perkara ini telahpun diambil maklum dan kita telahpun mengingatkan kepada operator-operator berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu. Akan tetapi, masih terdapat operator-operator yang tidak mengendahkan arahan daripada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE). Perkara ini akan diketatkan dalam menawarkan tender-tender baru kepada operator-operator di masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad menimbulkan mengenai dengan dua isu iaitu pembuangan sampah di Mukim Liang dan Mukim Labi, dan isu sampah yang dibuang di luar tong pengangkut (*skip*) yang menyebabkan persekitaran kurang elok kerana kekotoran tersebut. Perkara ini kita akui dan memanglah ada sebahagian daripada pengguna-pengguna yang tidak bertanggungjawab dari segi pembuangan sampah. Walaupun ada *skip* disediakan tetapi sampah itu masih dibuang di luar *skip* dan ada jua kegiatan membakar *skip* dengan tujuan yang masih lagi belum dikenal pasti. Perkara ini diambil maklum dan akan disiasat lagi.

Di beberapa tempat pembuangan sampah di kawasan Bandar Seri Begawan telah ditempatkan sekuriti supaya mereka akan dapat memerhati orang yang membuang sampah. Bagi pandangan saya Yang Berhormat Pengerusi, tidaklah perlu sekuriti ini ditempatkan di sana. Bagaimanapun kerana sikap orang kita, hal membuang sampah inipun terpaksa kita kawal, sehingga di sebahagian tempat terpaksa disediakan sekuriti supaya sekuriti tersebut dapat memerhatikan macam mana cara mereka membuang sampah. Saya rasa perkara ini tidaklah perlu tetapi terpaksa jua diadakan oleh sebab terjadi kejadian-kejadian yang tidak diinginkan di *skip* ini.

Rancangan kita dalam jangka panjang ialah supaya *skip* ini ditiadakan, kerana kita lebih suka menggalakkan orang ramai berlanggan kepada kontraktor untuk perkhidmatan membuang sampah yang mana sampah dikutip-kutip dari rumah ke rumah dengan bayaran yang munasabah dan tidak mahal supaya keadaan itu bersih seperti di negara-negara lain. *Skip*-

skip ini akan menyebabkan kekotoran di kawasan di mana *skip* itu diletakkan terutamanya di kawasan perumahan yang mana mereka tidak mahu *skip* ini diletakkan berdekatan dengan rumah mereka dengan alasan yang dapat kita fahami.

Tetapi di samping itu, apabila *skip* ini diletakkan jauh, ada sebilangan orang kita yang akan membuang sampah dari jendela kereta, jadi sampah itu kelihatan bertaburan. Perkara ini susah untuk dikawal melainkan kita ikuti setiap kali orang keluar rumah membuang sampah. Menyediakan sekuriti juga adalah tindakan yang tidak munasabah. Oleh itu, adalah diharapkan untuk orang ramai buanglah sampah di tempat *skip* yang telah disediakan dan jangan dibuang daripada kereta.

Penyelesaian yang lain ialah untuk menggalakan orang ramai melanggan kepada perkhidmatan pembuangan sampah kerana harganya bukan mahal jika satu kawasan itu melanggan secara berkumpulan. Ada juga segelintir orang yang membuang sampah di kedai-kedai yang bukan seharusnya menjadi tempat pembuangan sampah.

Adalah diharapkan supaya pengutipan sampah dari rumah ke rumah ini akan menjadi satu trend di Brunei Darussalam sejajar dengan trend-trend di negara lain di mana sampah-sampah diletakkan saja di luar rumah dan dikutip dari sekian jam dan ianya adalah lebih bersih dan tidak perlu lagi disimpan di *skip* dengan dikenakan bayaran yang ditetapkan.

Operasi di Sungai Paku memang diakui telah dibuka pada sekian waktu atas sebab-sebab tertentu. Walau

bagaimanapun kerja-kerja di Sungai Paku masih dalam pelaksanaan untuk memperbaikinya lagi dan insya-Allah di masa akan datang sistem pembuangan sampah di Sungai Paku ini akan lebih teratur dan tidak akan menimbulkan masalah kepada orang yang datang dari jauh seperti dari Seria dan Belait untuk membuang sampah di situ. Perkara ini sedang ditunduki oleh pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi (*BEDB*).

Mengenai Taman Rekreasi di Kuala Belait, sebahagiannya memang sudah diswastakan seperti di Anduki dan juga di beberapa kawasan lain. Perkara ini dari masa ke semasa memang dikaji dan jika perlu akan diswastakan. Begitu juga dengan Taman Rekreasi Wang Kadir yang mana kita dapat melihat kemudahan-kemudahan yang ada di sana dapat ditingkatkan.

Soalan seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, supaya kerja-kerja menjaga kebersihan dan kebisaian di kawasan Bandaran itu diserahkan kepada pihak Jabatan Bandaran. Cadangan ini adalah tertakluk kepada perbincangan kedua belah pihak nanti dan cadangan itu akan dibawa berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, terima kasih kerana menghargai dengan apa yang telah dibuat oleh pihak JASTRE dan saliran tentang kawasan tanah kosong yang berdekatan dengan Sungai Berakas dan Lebu Raya. Alhamdulillah kita telahpun dapat membersihkan kawasan tersebut dan kawasan tersebut sudah di dalam perancangan yang mana ia akan dijadikan satu kawasan riadah tempat jogging dan sebagainya, sepertimana tujuan asal iaitu

dibisaikan lagi dengan disediakan pokok-pokok yang bisai dan taman-taman bunga dan sebagainya. Insya-Allah perkara ini akan dilaksanakan pada tahun ini dan kalau ada yang melalui lebuhraya tersebut sudah pasti akan dapat melihat keadaan yang sudah berubah daripada dulu.

Mengenai seberang sungai itu, kita masih ada isu dengan kontraktor yang membersihkan Sungai Berakas itu dahulu yang mana ianya masih belum selesai. Ada lagi isu dalam perkara ini, iaitu oleh kerana kerja-kerja yang dibuat dulu tidak menjadi maka sebahagian daripada dinding longkang itu sudah runtuh, usaha menyelesaikan isu ini sedang dilaksanakan. Alhamdulillah kerja-kerja sudahpun dibuat di sebelah jalan raya dan insya-Allah kalau perundingan ataupun *legal* isu tersebut sudah selesai, maka mungkin kita akan memperbaikinya. Tujuan kita ialah untuk menjadikan sungai berkenaan menjadi tempat berehat.

Air yang kadang-kadang dalam dan kadang-kadang tidak, akan diusahakan dan kalau boleh akan didalamkan sungai itu ataupun akan dibuat satu sistem di mana air itu akan kekal tahapnya supaya tidak surut. Itu satu usaha yang akan dikaji dan mencari cara penyelesaian.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada baiknya penjelasan itu disambung nanti. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, kita sekarang bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Akan tetapi untuk membolehkan kita meneruskan perbincangan di peringkat Jawatankuasa, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada pemerhatian saya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi keseluruhannya berkaitan dengan pembuangan sampah dan taman-taman rekreasi. Jika Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin memberikan apa jua ulasan, ada baiknya diberikan kesimpulan secara ringkas terhadap perkara-perkara tersebut. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya rasa mengenai pembuangan sampah ini sudah selesai Yang Berhormat Pengerusi. Cuma sedikit saja perkara mengenai dengan pencemaran udara di Bukit Udal semasa kebakaran itu. Dari *hand held equipment* yang ada pada masa itu, udara adalah dalam keadaan terkawal.

Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan yang berhampiran seperti anak-anak sekolah, kita telah membekalkan *face mask* supaya jangan terhidu udara-udara yang tidak baik itu walaupun sebenarnya keadaan udara pada masa itu masih dalam keadaan yang baik. Itu saja saya ingin sampaikan Yang Berhormat Pengerusi sebabnya soalan-soalan yang lain berkaitan dengan pembuangan sampah dan kebersihan, sudahpun dijawab dengan panjang lebar. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diundi, siapa bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Alhamdulillah perbincangan di Peringkat Jawatankuasa telah meluluskan semua Tajuk di bawah Jabatan Kementerian Pembangunan. Sekarang kita beralih

ke Jadual Kementerian seterusnya iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum saya membukakan Jadual ini untuk dibahas saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin menyampaikan mukadimah, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum membincangkan usul peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya ingin menyampaikan mukadimah mengenai dengan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Bagi tujuan tersebut, saya terlebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan sanjungan di atas kebijaksanaan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam penyediaan Peruntukan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 ke arah menggerakkan pembangunan rakyat dan Negara yang dinamik dan berdaya tahan serta memacu rakyat dan Negara ke satu tahap pembangunan yang membolehkan bersaing dan berhadapan dengan ekonomi global dan dunia tanpa sempadan yang

berasaskan ekonomi pengetahuan atau *Knowledge Based Economy*.

Golongan belia dan remaja adalah sangat beruntung dan seharusnya menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya serta menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda di atas keprihatinan dan keutamaan yang diberikan oleh Baginda di atas pembangunan, pendidikan dan modal insan golongan belia di Negara Brunei Darussalam.

Ketulusan dan keikhlasan Baginda ke atas pembangunan belia yang mapan dan berdaya saing, diperkukuh dan diperkuatkan lagi dengan tema yang khusus diberikan kepada Belanjawan 2013 / 2014 yang berbunyi **"Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara yang Berdaya Tahan."** Golongan belia seharusnya bangun dan bangkit memperkukuhkan iltizam dan tekad mereka untuk memperkasa dan membangunkan potensi yang ada pada diri mereka ke arah menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara dan mempertahankan keamanan, kemerdekaan dan kedaulatan Negara dan bangsa.

Selaras dengan tema berkenaan, penekanan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 disamping pembangunan-pembangunan yang lain ialah ke atas membangunkan kapasiti golongan belia melalui pendidikan dan program-program pembangunan belia yang meluas (*all encompassing*) yang mencukupi jati diri, disiplin, kemahiran,

keusahawanan, kemasyarakatan dan kerohanian. Sesungguhnya pembangunan masa depan dan kesinambungan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara yang dinamik, progresif dan berdaya tahan adalah bergantung kepada pembangunan belia sebagai modal insan atau *human capital* untuk menerajui pembangunan Negara.

Apa yang jelas daripada Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menterjemahkan hasrat dan matlamat yang terkandung di dalam titah-titah Baginda mengenai peranan belia sebagai Aset Negara yang paling berharga dan perlunya kapasiti, potensi belia-belia dibangunkan dikembang-majukan.

Perkara ini ditekankan dalam titah Baginda yang antara lain berbunyi:

"Golongan muda atau golongan belia itu mempunyai nilainya yang tersendiri untuk diambil manfaat oleh bangsa dan Negara. Belia adalah aset Negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberi fokus. Mereka yang dibangun itu dan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki. Jika mereka baik, maka kita pun boleh tersenyum lega, tetapi jika mereka menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya," demikian titah Baginda.

Seterusnya ialah membincangkan dan membahaskan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, saya terlebih dahulu sukacita merujuk kepada

ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) sewaktu membentangkan kertas cadangan Rang Undang-Undang 2013 Perbekalan 2013 / 2014 yang antara lainnya menyatakan bahawa berdasarkan unjuran Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 adalah berjumlah B\$5,791,931,000 sementara Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 ialah B\$6.1 bilion. Ini bererti dalam keadaan ekonomi global dan tahap permintaan minyak yang tidak menentu mengambil kira kadar pengeluaran minyak dan gas Negara, sedikit sebanyak ianya menjejaskan kedudukan imbalan fiskal Kerajaan.

Dalam pada itu saya amat menyokong saranan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) agar kita berbelanja secara berhemah dan turut menitik-beratkan kepada *Cost Effectiveness, Value For Money* dan mengelakkan pembaziran. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melaksanakan projek dan programnya mengikut keutamaan dan akan meneliti dan membuat penilaian akan kesesuaian pelaksanaan beberapa projek yang telah dirancang sebelumnya.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memfokuskan pelaksanaan Belanjawan kepada Wawasan Negara 2035 yang matlamat utamanya merangkumi mempunyai penduduk berpendidikan dan berkemahiran, tahap kehidupan di antara 10 tertinggi di dunia, kemiskinan sifar dan ekonomi yang berdaya tahan adalah juga sebagai panduan di dalam menetapkan keutamaan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian juga akan berusaha sepenuhnya mengangkat penekanan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2013 / 2014 iaitu, "*Belia Berwawasan, Pemangkin Pembangunan Negara yang Berdaya Tahan*" dengan menumpukan kepada pembangunan belia secara holistik yang akan menyumbang kepada pembangunan kapasiti golongan belia yang dilihat sebagai generasi harapan, yang akan mengambil alih tanggungjawab dan tugas sebagai pemimpin pada masa akan datang dan penggerak jentera pembangunan negara. Menyentuh mengenai satu lagi keutamaan dalam matlamat tahun kewangan iaitu memelihara dan meningkatkan kesejahteraan awam. Peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah mencerminkan keprihatinan dan pemeduliaan yang berterusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk Negara ini, secara keseluruhannya dari peringkat belia, wanita, warga emas, kanak-kanak, keluarga hingga kepada orang kurang upaya, semua warga berkenaan tidak terlepas pandang diberikan pemerhatian sewajarnya dari berbagai aspek termasuk penjagaan fizikal, bantuan kebajikan yang berupa elaun-elaun dan pencen umur tua, pembangunan kapasiti, bantuan *micro-credit*, pemulihan dan perlindungan undang-undang.

Selain itu peruntukan yang diberikan juga membolehkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk meneruskan penyediaan dan pembangunan prasarana sukan dan riadah, pemeliharaan budaya bangsa, penjagaan dan pemeliharaan khazanah, sejarah dan warisan bangsa di samping memastikan pemartabatan

Bahasa Melayu dan kedudukan tulisan jawi yang semua ini menjurus kepada matlamat Wawasan Negara 2035 ke arah mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk.

Kaola ingin menyatakan mengenai pencapaian yang dicapai bagi Peruntukan 2012 /2013. Dalam mana keseluruhannya peruntukan bagi Tahun Kewangan 2012 / 2013 dari segi peratus pencapaian perbelanjaan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah seperti berikut:

Gaji dan Kakitangan 98%
 Perbelanjaan Berulang-ulang 74%
 Perbelanjaan Khas 80%

Mengenai dengan pencapaian dalam pembangunan belia yang berasaskan strategi penting yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara iaitu pendidikan, perkembangan diri, pekerjaan dan latihan belia, kepimpinan daya usaha persefahaman antarabangsa dan perkhidmatan kepada orang lain dan negara luar. Beberapa projek telah dijalankan, sebagai misalan, projek rintis Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah diadakan dengan jayanya sebanyak 3 kali. Alhamdulillah, kajian awal yang dibuat telah memperlihatkan pencapaian matlamat Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di dalam melahirkan belia yang berdisiplin, bersemangat patriotik, mempunyai jati diri dan kerohanian yang seimbang. Ini seterusnya menghasilkan rasa kepuasan hati para ibu bapa, pelatih-pelatih terhadap perubahan ketara pada diri anak-anak mereka yang mengikuti program tersebut, dalam mana sambutan orang ramai berpandukan permohonan penyertaan yang meningkat.

Bagi bidang strategi daya usaha, pihak Kementerian telah menganjurkan *Mini Expo Creative Industry* Sempena Hari Belia Kebangsaan 2012, *Convention Creative Industry* 2012 dan program-program keusahawanan di Pusat Pembangunan Belia termasuklah program kerjasama dengan *Brunei Economic Development Board (BEED) Micro-Grant*. Sementara itu di bidang persefahaman antarabangsa beberapa program telah dilaksanakan seperti Program Pertukaran Belia dengan Negara ASEAN, China, Korea, India dan Jepun. Acara kemuncak yang terkandung dalam Dasar Belia Negara ialah Sambutan Hari Belia Kebangsaan dan Anugerah Belia Cemerlang. Ke arah memberikan kemahiran dan pembangunan diri, Kementerian ini telah mengambil beberapa tindakan termasuk menaik taraf prasarana-prasarana asrama, bengkel-bengkel dan tempat riadah, menambah kursus-kursus baru jangka pendek di Pusat Pembangunan Belia untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dan penekanan kepada penyertaan para belia di bidang keusahawanan.

Berhubung kait juga dengan pembangunan belia, Kementerian telah melaksanakan projek penjenamaan semula Pusat Belia dengan berkonsepkan "*Planning for the youth by the youth*", di mana pengubahsuaian bangunan dan penyediaan kemudahan-kemudahan yang menjurus kepada pembangunan belia. Melalui sesi-sesi dialog dengan para belia, berbagai kegiatan yang disarankan sendiri oleh para belia telah dilaksanakan di pusat tersebut, ini termasuklah 3 tindakan utama telah diambil, iaitu:

1. Projek Pembangunan Fasiliti Pusat Belia dengan mengubah imej melalui penukaran warna dan menaik taraf

kemudahan-kemudahan yang sedia ada;

2. Mempelbagaikan program-program atau projek-projek kebelaian yang disukai oleh golongan belia dan telah berjaya menarik ramai para belia untuk berkunjung dan seterusnya menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan. Malah apa yang ketara, perancangan dan pengendalian aktiviti-aktiviti di Pusat Belia lebih banyak dirancang sendiri oleh para belia. Kepelbagaian aktiviti adalah menjurus kepada 3 program teras yang telah diperkenalkan iaitu program berorientasikan pendidikan seperti kemahiran komputer, tatarias, masakan, keagamaan dan kesedaran alam sekitar. Program Kebelaian dan Program *i-Dream* adalah program yang dirancang dan dilaksanakan sendiri oleh para belia; dan
3. Menubuhkan satu Jawatankuasa Pandu Pengurusan Pusat Belia dengan melibatkan Persatuan-Persatuan Belia yang ada berpejabat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Melalui pencapaian yang ditunjukkan oleh Projek Penjenamaan Semula Pusat Belia di Bandar Seri Begawan, Kementerian ini telah membuat perancangan bagi pembinaan Pusat-Pusat Belia di daerah-daerah yang lain. Pada masa ini, 2 tapak telah digazet di Daerah Belait iaitu di Jalan Carey dengan keluasan 10 ekar dan di Daerah Tutong pula di Kampung Petani dengan keluasan 10 ekar, sementara tapak di Daerah Temburong bertempat di Mukim Bangar seluas 5.979 ekar adalah masih dalam proses penggazetan.

Mengenai dengan pembangunan sukan pula, Kementerian ini telah melaksanakan

berbagai projek termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan tempat latihan bagi Sukan *Paintball* dan Memanah di Kompleks Sukan Jerudong. Sementara projek-projek penaik tarafan kemudahan-kemudahan sukan juga dilaksanakan seperti pembinaan gelanggang-gelanggang sukan terbuka. Di samping itu sejak tahun 2012, taraf Pesta Sukan Kebangsaan telah dinaikkan menjadi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam di mana atlet-atlet yang berjaya menyaingi rekod pingat emas Sukan SEA bagi sukan yang dapat diukur (*measurable sports*) akan diberikan ganjaran iaitu separuh daripada jumlah kadar ganjaran Sukan SEA. Penganjuran sukan-sukan prestasi tinggi dilaratkan kepada keempat-empat daerah, penganjuran kejohanan-kejohanan di peringkat Kebangsaan, serantau dan antarabangsa dalam negeri seperti *Brunei-Butra HeidelbergCement Le Tour* yang dianjurkan bersama dengan Bahagian Pelancongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, *South East Asian Fencing Federation Championship, International Tennis Federation Championship Group 4 Junior*.

Kementerian juga telah mengendalikan *Brunei Sport Convention Expo 2012*, yang bertujuan meningkatkan kefahaman terhadap pentingnya sukan dalam kehidupan seharian, mengamalkan gaya hidup yang sihat dan ke arah memajukan pembangunan sukan di Negara ini serta dapat menjadikan sukan sebagai budaya hidup ke arah mencapai Wawasan Negara 2035 iaitu kualiti kehidupan yang tinggi dan jua kemajuan ekonomi.

Kementerian juga telah membuat kajian mengenai inventori tempat-tempat sukan dan riadah di seluruh Negara bagi setiap jarak 2 kilometer infrastruktur sukan,

bukan sahaja di bawah kawalan Kementerian ini, termasuk juga *stakeholder* lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Jabatan Belia dan Sukan dan pihak swasta. Dengan adanya inventori tersebut, pihak Kementerian boleh merancang dengan lebih bersistematik mengenai pembinaan prasarana yang berukuran standard dan bersesuaian di mukim-mukim di seluruh Negara.

Khusus mengenai dengan pencapaian sukan untuk kecemerlangan Negara Brunei Darussalam, belumlah dapat dikatakan mencapai kecemerlangan yang dihasratkan. Walau bagaimanapun sebahagian para atlet Negara mampu meraih pingat dalam beberapa kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa bagi tahun 2012. Saya sukacita mengongsikan bahawa beberapa atlet-atlet Negara telah berjaya meraih 1 pingat emas dan 2 pingat gangsa di Kejohanan Asian Wushu; 3 pingat gangsa di kejohanan Pencak Silat Sedunia; 1 pingat gangsa di Kejohanan Asian Beach Games; 5 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa di kejohanan BIMP-EAGA dan 4 pingat gangsa di Kejohanan SUKMA. Tambahan itu juga pencapaian amat membanggakan ialah apabila Negara Brunei Darussalam berjaya menjadi juara di kejohanan Bola Sepak merebut Piala Hassanal Bolkiah (HBT) pada tahun lepas.

Sebagai usaha untuk memantapkan pencapaian sukan untuk kecemerlangan, Kementerian ini telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa *Core Sports* di mana keutamaan akan diberikan kepada sukan-sukan teras untuk dimajukan. Di samping itu usaha-usaha juga diteruskan bagi meningkatkan keupayaan sains sukan

dengan peruntukan yang sedia dengan mendatangkan pakar-pakar antarabangsa serta melatih pegawai-pegawai sukan di Kementerian ini. Bagi memperkembangkan lagi skim pembangunan atlet remaja dan menganjurkan kejohanan-kejohanan dalam negeri di samping mengadakan kursus-kursus termasuk persidangan sukan bertaraf serantau dan antarabangsa.

Di bidang kebudayaan dan kesenian, usaha-usaha dilaksanakan ke arah mengangkat dan mempromosikan warisan budaya bangsa. Ke arah ini peruntukan telah dibelanjakan bagi membiayai pelaksanaan kegiatan memelihara dan memberigakan seni budaya dengan mengadakan pertandingan pameran, seminar, festival, bengkel, promosi kebudayaan di keempat-empat daerah termasuk aktiviti semasa cuti persekolahan, meneruskan projek pengumpulan artifak budaya warisan lama dan asli yang lengkap.

Ke arah mengangkat memperkasa dan mendaulatkan bahasa melayu dan tulisan jawi di Negara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka akan lebih proaktif dalam memantau, melaksana dan meningkatkan keseragaman penggunaan dan pemakaian Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi seperti pada papan-papan tanda perniagaan, tanda jalan dan premis-premis bangunan. Pada masa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang giat membuat penyelidikan mengenai ejaan jawi bersama jabatan-jabatan yang terlibat. Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengadakan kursus dan bengkel sistem ejaan jawi dan tulisan jawi di kalangan belia, jabatan-jabatan Kerajaan, penghulu dan ketua-ketua kampung,

menganjurkan Bulan Bahasa, persidangan, seminar, peraduan, syarahan MABBIM, pidato dan usaha-usaha yang berterusan dengan menubuhkan Kelab Seni Khat Jawi bagi golongan belia, menerbitkan buku dan majalah jawi, menerbitkan kamus dialek Brunei dan daftar penyediaan perisian *wave surfer*.

Bagi memajukan penulisan dan karya sastera di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan pemberian hadiah buku terlaris, pemberian anugerah dan penghargaan kepada penulis muda, festival pantun, pemantasan seni, jerawayaraya penulisan di keempat-empat Daerah yang melibatkan para belia, pelajar dan orang awam. Insya-Allah pada tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan Anugerah Sasterawan Nasional sempena Bulan Bahasa.

Ke arah mengangkat dan memperkasa Budaya Membaca di Negara Brunei Darussalam, berbagai kegiatan telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka seperti persidangan, bengkel, seminar, ceramah, taman pertuturan bergerak, teater dan peraduan di 9 buah perpustakaan seluruh Negara yang melibatkan Kelab Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi dan Kelab Perkhidmatan Kanak-Kanak terutama dalam musim cuti penggal persekolahan. Di samping itu, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka juga menyediakan 5 buah bas bagi perkhidmatan bas perpustakaan bergerak ke sekolah-sekolah rendah di keempat-empat buah Daerah, menyediakan sudut bacaan di rumah-rumah panjang Daerah Belait dan Daerah Temburong, sebuah akan di buka di rumah panjang Sukang Daerah Tutong dan 2 buah "Mukim Buku" sedang dalam

pelaksanaan penubuhannya di Mukim Liang dan Mukim Gadong 'A'.

Di samping itu, menaik taraf bangunan perpustakaan Bandar Seri Begawan sedang dalam proses pelaksanaan. Sebagai usaha untuk meningkatkan galakan Budaya Membaca melalui IT, Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan *medium* alternatif iaitu dengan mengadakan Peraduan Mencipta Perisian Membaca dalam Multimedia dan akan menerbitkan buku-buku elektronik (E-book).

Ke arah penghayatan dan kemasyarakatan sejarah bangsa dan Negara yang menyumbang kepada pengukuhan penghayatan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), Pusat Sejarah Brunei telah mengadakan Pertandingan Pidato Sejarah, sesi muzakarah dan bengkel bagi guru-guru sejarah, Karnival Sejarah, latihan pendapatan kerja, bicara sejarah dan pertandingan mencipta video dokumentari sejarah dan dalam sedikit waktu lagi akan mewujudkan "Pusat Pengkajian Borneo". Pusat ini dihasratkan untuk menjadikan Brunei sebagai pusat rujukan dan pengkajian mengenai Borneo yang menyumbang kepada pelancongan akademik di Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Muzium-Muzium dalam mendukung hasrat mengangkat dan mempromosikan warisan budaya bangsa telah melaksanakan beberapa aktiviti dan program sepanjang tahun 2012. Di antaranya termasuk usaha memelihara dan pemuliharaan warisan tamadun Negara melalui program pemberigaan dan promosi dengan mengadakan pameran-pameran sementara, sidang, bengkel dan seminar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Bagi

meningkatkan program pemberitaan yang lebih meluas sebuah portal yang diberi nama e-arkib telah dilancarkan pada tahun 2012 yang mana orang ramai boleh meakses bahan-bahan arkib secara *online*. Sementara itu, sebuah lagi portal yang menyediakan maklumat mengenai warisan Brunei yang dinamakan Warisan Brunei yang akan dilancarkan pada tahun ini.

Di samping itu, dalam usaha untuk membawa muzium kepada orang ramai, Jabatan Muzium-Muzium sedang dalam perancangan untuk menubuhkan galeri muzium dan dewan pameran di daerah-daerah. Walau bagaimanapun, beberapa projek besar terpaksa ditangguhkan untuk diteliti dan dikaji semula iaitu Projek Perpustakaan Negara dan Balai Budaya.

Di bidang kemasyarakatan, Kementerian ini antara lain telah juga mengadakan sambutan Hari Keluarga Kebangsaan dengan jayanya dengan sokongan daripada beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan penglibatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ke arah mengukuhkan institusi keluarga, meneruskan dukungan kepada berbagai pihak yang berkepentingan bagi memeduli kumpulan sasaran ini termasuk menubuhkan pusat kegiatan warga emas yang akan dilaratkan ke daerah-daerah yang lain.

Tambahan itu, beberapa tindakan telah juga diambil seperti menyediakan pelan-pelan tindakan bagi institusi keluarga, wanita, warga emas dan orang berperluan khas. Mengemaskinikan pangkalan data bagi orang-orang miskin, orang keperluan khas, anak yatim dan penerima-penerima pencen tua dan tidak berdaya anggota dan mempercepatkan proses

menimbang bantuan kebajikan bulanan.

Dari samping itu untuk memelihara dan meningkatkan kesejahteraan awam, sehaluan dengan saranan-saranan di dalam kajian kemiskinan dan pelan tindakan jawatankuasa khas isu kemiskinan, usaha-usaha ke arah pembasmian kemiskinan terus dilaksanakan melalui program memperkasa orang-orang yang kurang berkemampuan terutama sekali penerima-penerima bantuan melalui beberapa program seperti Skim Berdikari, Program Perkasa, Skim Perkhidmatan Masyarakat, Program As-syifa dan kelas tambahan bagi anak-anak dari keluarga susah dengan melibatkan warga emas daripada kalangan guru-guru yang telah bersara sebagai tenaga pengajar.

Kementerian ini juga telah mengadakan perundingan dengan pihak berkenaan bagi mengadakan skim latihan pekerjaan untuk peserta-peserta Skim Perkhidmatan Masyarakat, penerima-penerima bantuan kebajikan dan *client-client* Jabatan Pembangunan Masyarakat yang lain. Ke arah mendukung pelan-pelan tindakan yang terkandung dalam kajian kemiskinan yang telah dibincangkan oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan Jawatankuasa Khas Isu-Isu Kemiskinan secara bersepadu berbagai program menangani isu kemiskinan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing iaitu seperti Program Satu Kampung Satu Produk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penyediaan kemudahan asrama dan bantuan persekolahan untuk penuntut-penuntut dari keluarga yang kurang berkemampuan di bawah Kementerian Pendidikan dan program-

program bantuan kewangan, Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dan sebagainya di bawah Majlis Ugama Islam Brunei.

Mengenai dengan peruntukan 2013 / 2014, saya seterusnya sukacita mengongsikan beberapa maklumat dan penjelasan mengenai peruntukan tahun kewangan 2013 / 2014 bagi Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan dan jabatan-jabatan dibawahnya serta penggunaannya. Peruntukan yang dicadangkan berjumlah sebanyak \$103,051,900.00 ini adalah bertambah sebanyak \$5,300,410.00 daripada peruntukan tahun kewangan sebelumnya. Ia juga melibatkan tambahan 22 jawatan yang setentunya dapat mempertingkatkan keupayaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan ia juga melibatkan penambahan peruntukan bagi beberapa tajuk perbelanjaan berulang-ulang seperti pemeliharaan aset program bantuan; perbelanjaan koperasi khususnya bagi Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat aktiviti sosial dan kebudayaan peningkatan kemahiran dan kapasiti di Jabatan Pembangunan Masyarakat dan akhir sekali, ianya juga melibatkan perbelanjaan khas sejumlah \$13,519,860.00 yang akan dipergunakan dengan sebaiknya bagi melaksanakan beberapa perkara seperti berikut:

i) Dalam Bidang Pembangunan Belia peruntukan sejumlah \$2 juta bagi khidmat bakti Negara insya-Allah akan membolehkan pelancaran Program Khidmat Bakti Negara yang sebenar pada 2013/2014 yang memerlukan banyak persediaan bagi menampung tambahan jumlah pelatih bukan sahaja

dari segi infrastruktur dan kelengkapan malahan juga dari aspek tenaga pengajar dan penyelia.

ii) Selain daripada itu, peruntukan untuk Program Belia Berdikari sejumlah \$1 juta juga akan dipergunakan bagi menambah nilai kursus-kursus latihan yang sedia atau mewujudkan lagi banyak jenis latihan kemahiran yang difikirkan mempunyai permintaan pasaran. Sebagai misalan, Pusat Pembangunan Belia akan mempertimbangkan bagi mewujudkan beberapa kursus jangka pendek seperti *scaffolding*, perubatan tradisional yang mana sudah berjalan pada masa ini, kemahiran yang berkaitan dengan industri golf dan sebagainya. Selain daripada itu, langkah-langkah juga akan diambil bagi menambah kekerapan kursus yang mendapat sambutan yang hangat seperti pembelajaran komputer disamping itu peruntukan yang disediakan khususnya dibawah tajuk Program Belia Berdikari adalah dihasratkan untuk digunakan bantuan kewangan kepada para belia yang terpilih untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai tambahan kepada program kemahiran belia yang sedang berjalan dibawah pembiayaan *Brunei Economic Development Board (BEDB)* bersama dengan *ALCOA* dan rakan-rakan strategik yang lain.

iii) Dalam bidang sukan, peruntukan sejumlah \$5 juta bagi membaikpulih kemudahan-kemudahan bersukan yang sedia ada dan menyediakan tempat-tempat riadah dan bersukan akan dipergunakan dengan sebaiknya di

dalam melaksana rancangan bagi menyediakan kemudahan bersukan seperti galakkan ke arah mencapai warga yang sihat dan cergas melalui bersukan.

Mengenai dengan kebajikan sosial, peruntukan seperti Program Pengukuhan Institusi Keluarga berjumlah \$500,000.00 dan bantuan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sejumlah \$300,000.00 akan dipergunakan dengan sebaiknya bagi meneruskan dan mempertingkatkan usaha dalam mengukuhkan institusi keluarga dan meningkatkan kesejahteraan wanita, kanak-kanak, warga emas, orang-orang susah dan orang yang berkeperluan khas. Tambahan itu kementerian juga akan terus melaksana, menaik taraf kemudahan-kemudahan yang terdapat di kompleks-kompleks sukan kebajikan.

Di bidang kebudayaan dan kesenian, peruntukan sebanyak \$400,000.00 akan dipergunakan untuk mewujudkan lebih banyak lagi program-program kebudayaan dan kesenian ke arah memelihara dan memasyarakatkan warisan seni dan budaya di Negara ini. Program-program ini termasuklah pembelian tempahan pakaian dan aksesori puak etnik, pembelian peralatan okestra (tradisional dan moden). Menghidupkan semula muzik gambus Brunei dan muzik etnik, mengadakan bengkel penyenaian, inventori warisan Brunei dan juga festival perkahwinan 7 buah etnik.

Dengan kerjasama beberapa agensi-agensi Kerajaan yang lain, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan turut menyumbang kepada peningkatan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan budaya dan

seni yang setentunya akan turut mendukung matlamat Skim Satu Kampung Satu Produk. Di samping itu, antara perkara yang pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tangani berkaitan dengan Forum Kebangsaan Industri Kreatif yang dilangsungkan pada tahun lepas ialah penyelarasan di peringkat nasional dan kajian pemetaan industri kreatif di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka juga diberikan peruntukan sebanyak \$100,000.00 bagi menyediakan program-program menggalakkan budaya membaca.

Sebagai kesimpulan, dengan tambahan peruntukan tahun kewangan tersebut pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat mempertingkatkan usahanya yang memfokuskan antara lain kepada:

1. Usaha ke arah pembangunan belia melalui program-program jati diri dan latihan kemahiran bagi membangun belia-belia berdikari, bertanggungjawab, berdisiplin dan berkemahiran tinggi, seperti yang saya nyatakan pada awal tadi, ini adalah arah sehaluan dengan tema serta hasrat Tahun Kewangan 2013 / 2014 "Ke arah Memperkasa Belia Melalui Galakan Latihan dan Pembangunan Kapasiti";
2. Meningkatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan tumpuan kepada penajaan industri kreatif yang juga berhasrat untuk memperkembangkan sektor swasta dan peluang pekerjaan khususnya bagi golongan belia di sektor perkhidmatan;

3. Mempertingkatkan program-program kebajikan sosial bukan sahaja bagi pemberian bantuan malahan juga di dalam mempertingkatkan keupayaan melalui pemberian kemahiran kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Adalah diharapkan pelaburan di dalam mempertingkatkan kapasiti, terutama sekali dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai sebarang kelulusan dari keluarga yang kurang berkemampuan akan membolehkan mereka untuk menjana pendapatan yang lebih baik. Seperti yang dihasratkan dengan program-program pembasmian kemiskinan dan mewujudkan rangkaian keselamatan sosial yang lebih bersepadu dan terarah, insya-Allah kita akan lebih berkesan;

4. Mempertingkatkan pembangunan sukan, khususnya yang menjurus kepada sukan untuk pembangunan yang meliputi matlamat sukan untuk kecemerlangan melalui penyertaan dan penganjuran kejohanan-kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa sama ada dalam dan luar negeri. Sukan untuk semua seperti sukan antara mukim, memasukkan beberapa sukan tradisi dan permainan dalam dan industri pelancongan sukan. Seperti *ASEAN Youth Sports Camp* sempena *ASEAN Sports Industry Year 2013*. Di samping itu, kementerian ini akan meneruskan kerja-kerja pembinaan dan penaikan taraf kemudahan-kemudahan sukan dan riadah di seluruh Negara.

Sebelum kaola menutup mukadimah ini, kaola ingin merujuk semula kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai dengan

pegawai-pegawai kaunselor profesional pada tahun permesyuaratan tahun lepas. Sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan profesionalisme pegawai-pegawai kaunselor yang terdapat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan beberapa perundingan dengan pihak UBD telah pun diadakan bagi mengadakan kursus-kursus tertentu seperti kursus kaunseling. Dalam hal ini, pihak UBD telah memaklumkan bahawa pihak UBD telah menawarkan semula kursus Diploma dalam bidang kaunseling selama setahun mulai bulan Januari 2013.

Walau bagaimanapun pada peringkat ini, kursus tersebut dikhususkan untuk Kementerian Pendidikan sahaja. Untuk makluman selanjutnya, pada masa ini Jabatan Pembangunan Masyarakat mempunyai 7 orang pegawai kaunseling yang terlatih bagi membantu individu dan keluarga dalam menghadapi masalah yang dihadapi. Alhamdulillah, dalam Peruntukan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 seramai 2 jawatan baru pegawai kaunseling telah pun diluluskan.

Dengan penjelasan tersebut saya mengakhiri mukadimah ini Yang Berhormat Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas penerangan dan mukadimah yang begitu terperinci. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya

ingin menarik perhatian supaya mana-mana perkara yang mungkin diliputi oleh penjelasan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan aktiviti-aktiviti dan matlamat-matlamat Kementerian tersebut, ada baiknya persoalan-persoalan sedemikian itu tidak perlu ditimbulkan nanti. Bagi membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengamati, merenung-renungkan penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu, maka Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini akan diadakan sebelah petang nanti dan pagi ini saya tangguhkan Perbincangan ini.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang bersidang selaku Majlis Mesyuarat Negara. Akan tetapi Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan pada sebelah pagi tadi dan telah mendengarkan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang menjelaskan perkara-perkara yang telah diperuntukkan bagi kementerian berkenaan.

Maka bagi membolehkan perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di peringkat Jawatankuasa bagi meneruskan perbincangan jadual Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Jabatan pertama di bawah kementerian tersebut ialah Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka saya bukakan Tajuk ini untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Ada 2 isu sahaja dalam Tajuk ini:

- 1) Sukan perlumbaan kereta tahan lasak, perlumbaan *motor cross*, *go-kart* dan perlumbaan *rafting* merupakan perlumbaan yang sekarang ini semakin diminati di Negara ini, malah disertai oleh pelumba-pelumba luar Negara. Bagi memberikan peluang kepada belia-belia berkecimpung dalam sukan ini, adalah dicadangkan supaya pihak berkenaan dapat membina satu kawasan perlumbaan yang boleh menyediakan berbagai jenis litar perlumbaan seperti yang disebutkan tadi, dalam satu kawasan yang luas dengan menyediakan tempat-tempat penonton. Sekiranya bersesuaian saya cadangkan ianya dapat dibina di kawasan bekas pengambilan pasir, di Sungai Paku, Mukim Telisai; dan
- 2) Stadium Negara Brunei Darussalam merupakan stadium yang sering digunakan untuk kegiatan sukan seperti pertandingan sukan antara daerah, pertandingan sukan antara sekolah-sekolah, pertandingan sukan antara kementerian-kementerian dan paling utama untuk mengadakan sukan bola sepak di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, apa kiranya sebuah stadium besar lagi dibina di tengah-tengah kawasan antara perjalanan Daerah Brunei Muara dengan Daerah Belait dengan secara pembinaan berperingkat-peringkat memandangkan Negara ini akan menjadi tuan rumah Sukan SEA. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera

Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sini tidaklah perlu saya banyak mengulas. Sepertimana perkara ini telah diutarakan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menyatakan tapaknya telah ada. Cuma saya mengalu-alukan projek ini supaya dapat dilaksanakan mengikut yang telah direncanakan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya hanya ada 1 soalan mengenai dengan Akta Pencen Umur Tua. Dalam hubungan ini, apa yang saya ketahui bahawa mereka yang dilahirkan di Negara Brunei Darussalam berpindah rendah ke negara jiran dan balik ke Negara ini semula dan telahpun mendapat kad pintar berwarna kuning ataupun Penduduk Tetap mendapatkan Pencen Umur Tua mereka mestilah 30 tahun berada di Negara Brunei Darussalam ini selepas ia mula datang. Jika mereka kembali apabila berumur berumur 40 tahun, mereka ini berhak mendapatkan Pencen Umur Tua

apabila berumur 70 tahun. Mungkinkah mereka ini akan sempat menikmati ataupun sebaliknya? Cadangan saya;

- i. Jika ia sudah memperolehi kad pintar berwarna kuning secara automatik mereka akan dapat memohon Pencen Umur Tua apabila mencapai umur 60 tahun tanpa mengira lama masuk ke Negara Brunei Darussalam.
- ii. Tempoh masuk ke Negara Brunei Darussalam 30 tahun dipendekkan kepada 20 tahun kepada Penduduk Tetap yang memegang kad pintar berwarna ungu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini kaola memohon izin untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas ucapan mukadimah Yang Berhormat sampaikan pada tengah hari tadi dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya di atas beberapa projek yang termasuk dalam perancangan Kementerian seperti pembinaan pusat-pusat belia di daerah-daerah.

Selain dari itu, program-program serta usaha-usaha yang jika dijalankan akan dilaksanakan oleh Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengembangmajukan sukan di Daerah Temburong bagi meningkatkan kesejahteraan dan cara hidup sihat rakyat khususnya di Daerah ini.

Alhamdulillah, pada masa ini sudah ada berbagai kemudahan bersukan yang terdapat di Kompleks Sukan Temburong, di Mukim Batu Apoi. Antaranya kolam renang, gelanggang terbuka bagi sukan futsal, bola jaring dan bola tampar.

Mengenai lampu limbah bagi kompleks sukan tersebut yang pernah kaola suarakan di Dewan yang mulia ini, adalah diharapkan ianya akan dapat dilaksanakan pada masa yang terdekat ini. Kaola berharap projek-projek di Daerah Temburong ini akan dapat dilaksanakan dan siap pada masa yang ditentukan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya mempunyai 3 perkara untuk disuarakan:

1. Pada tahun lepas kalau tidak silap, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan mengenai dengan keperluan memperbaiki dan mengadakan tempat-tempat riadah dan bersukan di daerah-daerah yang tertentu. Jawapan dari Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa memang ada terdapat peruntukan untuk tujuan tersebut. Semasa membincangkan Tajuk Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, perkara

ini juga telah dibahaskan dengan panjang lebar. Ini menunjukkan bahawa mengadakan tempat-tempat riadah dan sukan serta memelihara mustahak dilaksanakan kerana ada peruntukannya setiap tahun. Tadi dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan peruntukan sebanyak \$5 juta pada 2013 / 2014 ada disediakan bagi mengadakan tempat-tempat riadah dan sukan serta memeliharanya. Peruntukan ini dikurangkan sebanyak \$3 juta dari \$8 juta pada tahun 2012/2013.

Dalam pemerhatian saya juga, bajet perbelanjaan bagi Kementerian Pembangunan Tahun 2013 / 2014 ada disediakan \$2.2 juta yang mana dikurangkan dari \$5 juta yang disediakan pada tahun 2012 / 2013. Begitu juga dengan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana disediakan sebanyak \$4 juta dikurangkan dari \$5 juta pada tahun 2012 / 2013. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga ada menyatakan bahawa peruntukan ini digunakama dengan Kementerian Pendidikan.

Saya ingin bertanya, kenapakah peruntukan tempat-tempat beriadah dan bersukan ini dikurangkan. Adakah kerana ianya tidak habis dibelanjakan atau kerana sebab-sebab lain?

2. Belia Aset Negara. Golongan belia merangkumi lebih 47% daripada jumlah penduduk Negara ini. Belia merupakan tunggak dan aset terpenting kepada Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan telah menyediakan program-program memperkasa dan mempersiapkan golongan belia seperti Pusat Pembangunan Belia, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Program Belia Cintakan Tanah Air (BICTA), Sekolah Sukan dan lain-lain.

Demikian juga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah banyak membuat usaha-usaha dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan jati diri para belia negara. Pendeknya, semua kementerian sama-sama menggembeleng tenaga dalam usaha Negara ke arah memastikan Belia Negara akan dapat menerajui pelaksanaan program-program pengukuhan sosio-ekonomi yang telah dirancang bagi menepati sasaran Wawasan Negara 2035.

Alhamdulillah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memperuntukkan Program Belia Berdikari sejumlah \$1 juta. Selain itu, saya sukacita mencadangkan supaya satu rencana khas untuk Belia Negara berforum di kalangan mereka, bagi mengasuh belia Negara menyampaikan cita rasa belia itu sendiri di samping memberi peluang mereka mengharungi dan menimba ilmu pengalaman untuk menjadi pemimpin harapan bangsa dan tiang Negara. Tidak mustahil, pada satu hari nanti belia Negara yang bersesuaian dan yang mempunyai kemantapan dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

3. Pusat Warga Emas. Pada 12 Mac 2013, sebuah Pusat Warga Emas telah dibuka rasmi oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Kampong Perpindahan Lambak Kanan. Ini adalah satu keprihatinan kerajaan terhadap warga emas di Negara ini.

Saya juga berpandangan dan mencadangkan Pusat Warga Emas akan dapat diwujudkan juga di Daerah Belait dan di daerah-daerah yang lain bagi tujuan yang sama dalam menyediakan kemudahan-kemudahan kepada warga emas. Dalam pemantauan saya di Daerah Belait, sesetengah warga emas menghabiskan masa-masa mereka dengan berkumpul sesama mereka di tempat-tempat seperti masjid-masjid, pantai-pantai, kedai-kedai kopi, pasar sayur dan ikan, bersendirian di rumah, menghantar dan menjemput balik anak dan cucu dari sekolah, ke pasar membeli-belah, mundar-mandir di kedai-kedai, berkebun, memancing dan lain-lain. Manakala, yang mempunyai kemampuan melancong keluar negeri. Jika Pusat Warga Emas seperti ini dapat disediakan di daerah-daerah, ianya sedikit sebanyak dapat menampung bagi warga emas mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang lebih bermanfaat.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya

Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ada 2 perkara yang akan kaola sampaikan:

- 1) Program Rintis Khidmat Bakti Negara nampak menyerlah sungguhpun ianya ditubuhkan pada 5 Disember 2011 yang mana pengambilan yang ketiga telah menamatkan kursus pada 11 Mac 2013. Penghargaan dan pujian mestilah diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Jabatan-Jabatan di bawahnya yang bekerja keras untuk mengungayahkan program ini dengan jayanya. Kaola melihat dan merasakan program ini boleh memberi perangsang semangat kepada pelatih-pelatih dan bakal-bakal pelatih di masa akan datang yang ingin maju ke depan dengan umur mereka yang masih muda di antara 16 tahun ke 20 tahun yang banyak memerlukan pembelajaran, pengalaman, bimbingan dan banyak lagi persediaan perkara-perkara yang baik untuk mereka meneruskan haluan kehidupan mereka di masa depan.

Kaola menyatakan kenyataan ini dengan ikhlas kerana semasa kaola hadir semasa Perbarisan Menyambut Hari Ulangtahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-29 bulan lepas dapat dilihat semasa perbarisan berjalan lalu di depan Pentas Diraja dan dalam melaungkan lagu Setia Berbakti dengan begitu jitu dan penuh minat serta segaknya mereka berbaris dengan seragamnya mereka bergerak

ke hadapan dengan wajah tersergam yakin disertai dengan bangganya.

Ini menandakan bahawa program ini memberikan mereka kepuasan. Kelegaan menyerap ke minda serta tubuh badan mereka, memperolehi ilmu-ilmu yang diberikan semasa mengikut program sebagai seorang insan yang telah menjalani proses transformasi ke arah hala tuju yang memberikan manfaat sebagai persediaan diri mereka untuk menuju ke hadapan.

Justeru itu, saya lihat program ini perlu diangkat kepada beberapa peringkat bagi kesinambungan perkembangan pelatih-pelatih ini sesudah mereka menamatkan program pertama. Ini akan membantu menyemarakkan semangat yang berkobar-kobar dalam diri mereka bagi memenuhi hasrat Wawasan Negara 2035 untuk menyediakan tenaga manusia yang bermutu tinggi di tahap ke-10 dunia. Syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan warga Kementerian beliau.

2. Dunia sekarang menghadapi cabaran perubahan iklim dan tidak lagi dapat diramal. Kalaupun boleh diramal ianya kadang-kadang tidak begitu tepat. Negara kita tidak terkecuali seperti kejadian angin kencang yang mengakibatkan atap-atap rumah terbang, banjir, tanah susur dan lain-lain.

Bagi menangani mangsa-mangsa dari impak kejadian ini saya mencadangkan Dana Kebangsaan bagi siap siaga untuk dapat digunakan secara kilat. Dana ini

nanti boleh memberikan derma dari masa ke semasa tidak kira semasa hari cerah ataupun bergelora. Manakala itu sebagai insentif kepada syarikat-syarikat persendirian yang menderma, semua derma-derma mereka itu bolehlah dikecualikan daripada cukai dan memberi had minimum.

Saya fikir banyak penyumbang yang bersedia untuk menghulurkan derma bagi persediaan menolong mangsa-mangsa yang menghadapi musibah di masa akan datang. Sekian Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ada 3 soalan sahaja yang akan diajukan:

1) Adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan iaitu bagi membantu golongan istimewa untuk menjana pendapatan sendiri. Ini adalah kerana mereka ini semasa berada di Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat di Pusat Bahagia Kampung Pulaie, mereka diajar kemahiran-kemahiran tertentu seperti menganyam bakul, membuat permaidani dan lain-lain. Saya cadangkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengadakan Skim Kerja yang boleh mengguna

pakai kemahiran mereka ini bagi mengeluarkan produk-produk mereka untuk dipasarkan dan pada masa yang sama boleh menjadikan satu mata pencarian kepada mereka;

2) Mengambil sukut baik ini juga, saya ingin menyentuh di antara kata-kata dalam khutbah Jumaat yang dibacakan oleh imam-imam di seluruh negara pada bulan Januari yang lepas sempena Tahun Membaca Kebangsaan berbunyi iaitu "Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan kemudahan perkhidmatan seperti perpustakaan awam, perpustakaan sekolah, perpustakaan masjid dan perpustakaan jabatan-jabatan Kerajaan.

Semua usaha ini adalah sebagai langkah dan usaha Kerajaan untuk memperkasakan budaya membaca di kalangan rakyat di negara ini". Sempena Tahun Membaca Kebangsaan ini saya ingin menyampaikan hasrat beberapa orang penduduk di Kampong Ayer di mana mereka merasakan cawangan perpustakaan patut dibina di Kampong Ayer, memandangkan sehingga kini belum terdapat sebuah pun di sana. Ini penting kerana wujudnya kekhawatiran ibubapa tentang keselamatan anak-anak mereka yang berkunjung ke perpustakaan di pusat bandar, saya berpandangan perkara ini seharusnya difikirkan juga dalam memenuhi harapan mereka ini; dan

3) Saya ingin menimbulkan semula mengenai dengan sebuah sekolah melayu yang pertama dibina

di Kampong Ayer. Sekolah itu diberi nama Sekolah Melayu Lela Mencanai. Nama sekolah ini mempunyai signifikan dari sudut sejarah Brunei tua dan perlu dikenang dan diabadikan untuk generasi sekarang dan akan datang. Malangnya sekolah ini telah terbakar dan semenjak ketiadaan Sekolah Melayu Lela Mencanai nama Lela Mencanai telah tenggelam tidak disebut-sebut lagi seolah-olah nama ini juga turut terbakar.

Untuk mengenang dan menonjolkan semula nama Lela Mencanai serta mengambil sukut baik sempena penukaran nama *waterfront* Bandar Seri Begawan menjadi Dermaga Di-Raja Bandar Seri Begawan, maka saya syorkan nama galeri Kebudayaan dan Pelancongan ditambah dengan 2 perkataan lagi iaitu Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Lela Mencanai. Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi 3 perkara yang saya ajukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Dalam tajuk ini saya akan bercakap secara pendek sahaja iaitu;

1) Mengenai Bahasa Melayu. Semua orang kenal Bahasa Melayu dan mengetahui ianya telah termaktub menjadi Bahasa Rasmi Negara sejak tahun 1959 bersama Perlembagaan yang dihasratkan oleh Al-Marhum Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien bahawa Bahasa Melayu itu menjadi Bahasa Rasmi Negara turun temurun. Agenda ini telah melimpasi setengah abad. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan bahawa Bahasa Melayu itu menjadi Bahasa Rasmi Negara pada sambutan penubuhan Bulan Bahasa dan Pustaka berusia 50 tahun pada bulan Julai 2011 yang lalu dan mencadangkan dan juga berharap supaya setiap bulan Julai penggunaan Bahasa Melayu akan diutamakan. Mudah-mudahan penggunaan Bahasa Melayu itu tidak akan samar-samar dan kabur penggunaannya. Dalam pada itu ada juga para pemimpin sendiri yang teragak-agak dalam penggunaan bahasa tersebut, kalau begitu keadaannya bilalah Bahasa Melayu itu akan terus menjelma dan bersinar-sinar di atas bumi Darussalam ini dan bilalah Bahasa Melayu itu akan menjadi dinamik, progresif dan evolusional

Bagi fikiran saya, untuk menjulang kedaulatan dan maruah bahasa itu kita sendiri akan mempopularkan bukan sahaja di dalam negeri, bahkan juga di luar negara pada keseluruhannya. Yang Berhormat Pengerusi, pada tahun lalu di persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* perwakilan dari Negara Indonesia telah menyuarakan agar persidangan AIPA itu menggunakan Bahasa Melayu di masa akan datang. Begitu juga sidang-sidang yang lain. Sementara *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) General Assembly 2012* yang lalu bertempat di Lombok, Indonesia telah merealisasikan sebahagian perjumpaan tersebut menggunakan Bahasa Melayu.

Kalau sudah begitu, kita di Negara Brunei Darussalam akan menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya pada persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* yang akan datang ini.

Dengan keadaan yang sedemikian barulah menyerlah bagaimana tingginya martabat kedaulatan Bahasa Melayu itu diangkat dan disokong oleh Negara Brunei Darussalam sendiri di nusantara ini. Negara Brunei Darussalam saja yang menggunakan Bahasa Melayu, di Indonesia dengan menggunakan Bahasa Indonesia, di Malaysia dengan menggunakan Bahasa Malaysia dan di Singapura dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

Kita di Negara Brunei Darussalam ini menggembar-gemburkan Bahasa Melayu itu kerana ia adalah bahasa rasmi Negara setelah sekian lama. Juga terdapat dalam falsafah Melayu Islam Beraja yang Bahasa Melayu itu adalah bahasa unggul di atas bumi Darussalam ini. Apatah lagi Bahasa Melayu itu di samping Dewan Bahasa dan Pustaka ada lagi penyokongnya yang kuat iaitu sebuah organisasi bahasa iaitu yang bernama Asterawani. Makanya kita mahu di Negara Brunei Darussalam ini berbahasa satu, berbangsa satu dan bernegara satu.

- 2) Mengenai menaikkan Bendera Negara, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaannya yang penuh berdaulat pada 1 Januari 1984. Dari sejak itu Kerajaan telah mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan tersebut pada 23 Februari setiap tahun. Syukur Alhamdulillah semua rakyat dan penduduk diseru untuk merayakan

Hari Kebangsaan tersebut dengan menaikkan dan mengibarkan bendera di tiap-tiap buah rumah di bandar dan desa.

Apa yang dapat dilihat pada hari menaikkan bendera tersebut di Bandar Seri Begawan hanya dapat dihadiri oleh sebahagian daripada pemimpin-pemimpin di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh dikatakan dari bawahnya hingga ke atasnya dan tidak dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dari kementerian yang lain. Seolah-olah yang lain itu tidak berfungsi.

Demi kelangsungan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) adalah bisai dan elok bagi Majlis itu dihadiri oleh para pemimpin yang berkeperluan untuk menyuntik semangat kemerdekaan yang telah kita uar-uarkan selama ini. Kerana ia boleh mencerminkan kepada seluruh belia bahawa kita pemimpin-pemimpin dan keseluruhannya bersatu dalam menanai kemerdekaan tersebut.

Mereka melihat kita bersemangat kental tidaklah mempunyai semangat "*kau-kau, aku-aku*". Biarkanlah mereka itu melihat dan memerhatikan bahawa kita semua adalah bersatu padu. Apa kata peribahasa:

Seperti orang badangan sanak,
Tiada harta nasihat dihulurkan,
Jauh sama dikhabari,
Dekat sama didatangi,
Untung sama laba hilang sama rugi.

Mudah-mudahan kita akan mempunyai semangat yang sedemikian.

3) Mengenai lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam iaitu Allah Peliharakan Sultan. Lagu ini telah wujud sekian lama. Penulis senikata lagu menggelarkan dirinya Yura Halim (Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim). Lagu kebangsaan tersebut senikatanya berubah mengikut situasi dan penyampaian lagu tersebut. Yang kedua, ia juga akan berubah bila mana melatih orang-orang yang menggunakan konduktornya sendiri mengikut konduktor itu berubah-ubah kerana beliau barangkali tidak memahami bagaimanakah bunyi isi rentak lagu kebangsaan tersebut.

Begitu juga saya cadangkan tentang lagu ini di majlis-majlis umpamanya majlis besar seperti di *International Convention Centre (ICC)*, kita tidaklah perlu mengembar-gemburkan kepada penonton bahawa kalau lagu kebangsaan makanya kita semua berdiri, itu sering diadakan. Saya melihat tidak perlu dimaklumkan kepada penonton itu kerana kita hampir 100% orang-orang Brunei yang tahu akan lagu kebangsaan tersebut. Bila lagu berbunyi kita akan berdiri beramai-ramai. Elok sekali contoh kalau kita berada di istana waktu majlis-majlis keramaian. Di istana kita ada yang terpegun, duduk bila mana mendengar lagu kebangsaan maka kita semua akan berdiri tegak. Kita sudah memahami bahawa setiap lagu kebangsaan itu kita akan terus berdiri tegak dan menghormati akan lagu Negara kita sendiri. Barangkali itu sahaja sebahagian yang dapat saya sampaikan.

Saya mengucapkan terima kasih dan mengucapkan Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain mengenai penggunaan Bahasa Melayu di persidangan-persidangan antarabangsa seperti *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)*, tidak ada halangannya bagi sesiapa jua bercakap dalam bahasanya sendiri asalkan ada penterjemah. Tapi badan-badan sedemikian itu (badan-badan antarabangsa) menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi bagi badan itu keseluruhannya. Jadi segala kertas-kertas dan laporan-laporannya disediakan dalam Bahasa Inggeris kerana bila salah seorang ahli rombongan Indonesia 2 tahun dulu di Cambodia, Phnom Penh mencadangkan Bahasa Indonesia / Bahasa Melayu digunakan, salah seorang ahli rombongan dari Thailand dan Vietnam pun juga mengatakan sedemikian.

Jadi perkara ini patutlah dipraktikkan kerana semua badan-badan sedemikian telah mengakui dan menetapkan bahawa untuk menyenangkan kerja-kerja persidangan itu biarlah bahasa rasmi bagi badan itu digunakan Bahasa Inggeris. Akan tetapi mana-mana ahli dan wakil-wakil yang ingin menggunakan bahasanya sendiri itu tidak ada halangan.

Saya telah jelaskan ketika itu kerana pihak Indonesia telah menghubungi saya menyatakan bagaimana dengan Negara Brunei Darussalam. Jawapan saya, Negara Brunei Darussalam memang bersetuju Bahasa Melayu digunakan tetapi fikirkan juga rombongan-rombongan lain yang

penduduk-penduduk mereka pun berjuta-juta. Jadi begitulah saja keputusannya, tidak dihalang. Nanti insya-Allah apabila Persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* itu diadakan di Negara Brunei Darussalam, bila-bila Yang Berhormat ingin memberikan ucapan, dipersilakan berucap dalam Bahasa Melayu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji

A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perbincangan kita di peringkat Jawatankuasa ini hanya mempunyai 7 hari bekerja saja lagi dan masih lagi banyak perkara-perkara lain yang perlu diselesaikan. Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 / 2014 perlu diluluskan sebelum 1 April 2013 kerana kalau lewat, Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 belum diluluskan, elaan Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri pun nanti tidak dapat dibayar. Oleh yang demikian, untuk menyelesaikan kerja kita ini yang akan diutamakan ialah membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan sebelum 1 April 2013 ini.

Saya memohon kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya segala pertanyaan dan juga segala jawapan sebaik-baiknya dibuat dengan seberapa ringkas tetapi tepat. Sekian terima kasih.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengulas soalan-soalan. Sekiranya ada di antara soalan-soalan dan pertanyaan itu telahpun diliputi oleh mukadimah Yang Berhormat tadi, tidaklah perlu dijawab dengan panjang lebar. Terima kasih

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, mengenai dengan perkara-perkara yang disuarakan ataupun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola ingin memberikan respon seperti berikut:

Mengenai soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu supaya diadakan satu kawasan sukan tahan lasak. Secara ringkasnya perkara ini telahpun di dalam pemerhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan rundingan-rundingan telah pun diadakan dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi mengadakan satu kawasan sukan tanah lasak.

Malahan kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah salah satu kawasan yang dikenal pasti untuk mengadakan sukan tahan lasak tersebut. Dan sukan tahan lasak itu bukan hanya sekadar untuk menyediakan satu kawasan bagi mengadakan sukan-sukan yang berbentuk lasak seperti yang diadakan tetapi ianya juga nanti apabila diadakan ianya akan memberikan *value added* kepada kawasan berkenaan iaitu sama seperti dalam kaedah industri ada hiliran, huluan, (*upstream and downstream*) dan perkara ini sekarang dalam pemerhatian dan penelitian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mengenai cadangan untuk mengadakan stadium baru di kawasan Daerah Belait dan Tutong. Perkara mengenai dengan pembinaan stadium baru ini juga telah pun di dalam pemerhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenalkan bagi penubuhan sebuah Jawatankuasa Pandu bagi mengkaji akan pembinaan sebuah stadium baru yang mana Jawatankuasa Pandu tersebut dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Beberapa mesyuarat telahpun diadakan dan satu kawasan telahpun dikenal pasti tetapi belum lagi mencapai satu ketetapan dan saya rasa buat ketika ini, walaupun perkara itu telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam mukadimah beliau yang mana kawasan itu adalah juga di kawasan yang sama dengan kawasan yang dicadangkan untuk penubuhan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Mengenai soalan ataupun perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berhubung dengan Pusat Belia di Daerah Tutong, perkara itu diambil maklum dan sememangnya tindakan-tindakan akan diambil mengikut sewajarnya.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang berhubung kait dengan Akta Pencen pula. Berdasarkan peruntukan dalam Akta Pencen Umur Tua dan Orang Kurang Upaya, saya tidak perlu memperjelaskan kenapa ia sedemikian tetapi apa yang ditimbulkan itu akan diambil perhatian untuk diteliti.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang bin Haji Sulaiman bin Ahad bagi pemasangan lampu limpah di Kompleks Sukan di Daerah Temburong. Sebenarnya perkara ini seperti yang telah dinyatakan sudah dalam proses pemasangan dan insya-Allah ianya akan disegerakan untuk disiapkan.

Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu mengenai dengan peruntukan yang dikurangkan ke arah membaik ataupun menaik taraf kemudahan-kemudahan riadah di seluruh daerah. Dalam hal ini kita juga mesti melihat mengenai dengan peruntukan yang ada iaitu yang mana seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) bahawa unjuran peruntukan kewangan itu adalah melebihi daripada keupayaan fiskal Kerajaan, jadi penyesuaian perlu dibuat. Insya-Allah mungkin di tahun akan datang, peruntukan yang disediakan itu akan ditambah.

Soalan ke-2 iaitu mengenai dengan mengadakan satu platform bagi belia-belia untuk menyuarakan suara mereka. Walaupun tidak ada platform tetapi secara berperingkat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan dialog-dialog yang melibatkan belia-belia dari seluruh daerah bagi menyuarakan apa jua keperluan-keperluan mereka ataupun perkara-perkara yang perlu disediakan untuk kemudahan-kemudahan mereka.

Alhamdulillah melalui dialog-dialog tersebut berbagai cadangan belia telah pun diambil kira dan telahpun dimasukkan dalam rancangan untuk *rebranding* Pusat

Belia sepertimana yang telah pun saya nyatakan di dalam mukadimah awal tadi.

Mengenai dengan Pusat Kegiatan Warga Emas, sememangnya Pusat Kegiatan Warga Emas yang dibukakan di kawasan Lambak Kanan pada 12 Mac 2013 itu adalah merupakan sebagai projek rintis. Daripada projek rintis itu, apabila ianya dirasmikan kita menerima sambutan yang baik daripada penduduk-penduduk di daerah-daerah lain.

Sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk membuka Pusat Kegiatan Warga Emas yang sama di daerah-daerah lain malah kita telahpun menerima tawaran untuk menaja bagi membina Pusat Kegiatan Warga Emas di daerah-daerah yang lain. Dalam hubungan ini saya ingin menambah sedikit iaitu matlamat untuk mengadakan Pusat Kegiatan Warga Emas itu ada 2;

Pertama ialah bagi kegunaan warga emas sendiri untuk kegiatan-kegiatan mereka bagi mengisikan masa lapang kerana kita mengetahui warga emas itu disebabkan oleh anak-anak mereka bekerja, cucu-cucu bersekolah, mereka menghadapi *emptiness syndrome* ataupun masalah kesunyian. Maka dengan adanya Pusat Kegiatan Warga Emas ini bolehlah masuk datang berkumpul dan melakukan kegiatan-kegiatan berbentuk keagamaan, kebudayaan, kesusasteraan, pendidikan dan seumpamanya.

Dalam waktu yang sama juga mereka bolehlah menggunakan Pusat Kegiatan Warga Emas itu untuk menyumbang balik kepada masyarakat untuk pembangunan masyarakat dengan menunjuk ajar kepada generasi-generasi

muda seperti mengadakan kelas-kelas bimbingan berbentuk kraftangan, keagamaan, kebudayaan, pendidikan dan pengurusan itu mengikut dengan pengetahuan kemahiran dan pengalaman masing-masing. Jadi mereka juga dapat terus menyumbang kepada pembangunan, negara, masyarakat dan bangsa.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas perkara mengenai penghargaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengungkayahkan PKBN. Perlu juga saya maklumkan di Dewan yang mulia ini Program Rintis Khidmat Bakti Negara itu adalah pada menjunjung kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerajui untuk mengadakan Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara sebelum Program Khidmat Bakti Negara secara kekal ataupun tetap diadakan.

Dan ianya bukan hanya diselenggarakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi adalah dengan bantuan-bantuan dan sokongan-sokongan daripada agensi-agensi dalam kerajaan yang lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Mufti Kerajaan dan daripada agensi-agensi lain dalam kerajaan dan juga di luar daripada Kerajaan.

Alhamdulillah dengan adanya kerjasama yang begitu padu dan melihat akan kepentingan Program Khidmat Bakti Negara ini dalam membentuk generasi muda kita untuk mempunyai jati diri, mempunyai disiplin dan juga keyakinan dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan mereka, maka satu modul kurikulum dan juga program-program telahpun dapat dilaksanakan dan ianya dapat dijalankan dengan jayanya sejauh ini.

Mengenai cadangan untuk mengadakan satu tabung kebajikan ataupun bantuan yang segera untuk dapat dihulurkan kepada mangsa-mangsa bencana alam yang melanda tanpa diduga pula, sememangnya pada ketika ini terdapat sebuah tabung kebajikan kebangsaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Oleh itu sebelum menunggu bantuan daripada pihak Kerajaan, kumpulan wang yang terdapat di tabung kebajikan kebangsaan ini akan diberikan secara segera kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian ke arah untuk memperbaiki lagi tatacara untuk memberikan bantuan kepada mangsa bencana alam itu dengan seberapa segeranya. Perkara ini juga akan dibawa ke sesi perbincangan dengan agensi-agensi yang berkepentingan dalam memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam.

Mengenai saranan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal,

menyuarakan mengenai bantuan kepada orang-orang kurang upaya. Sememangnya Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempunyai program-program ke arah memberikan bantuan untuk membangun diri orang-orang kurang upaya mengikut dengan keadaan masing-masing dan keupayaan mental fizikal dan seumpamanya.

Alhamdulillah di samping memberikan kemahiran-kemahiran asas kepada orang-orang kurang upaya itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telahpun berjaya mendapatkan mereka ini untuk pekerjaan di agensi-agensi sama ada dalam Kerajaan ataupun swasta seperti Tabung Amanah Pekerja, di Jabatan Pengangkutan Darat, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan begitu juga di pihak swasta seperti *HSBC* dan *DST*.

Perkara ini akan dibuat secara berterusan iaitu ke arah memberikan mereka peluang untuk berdikari dan menyara diri. Kemahiran-kemahiran dalam bentuk kerja tangan juga diberikan kepada mereka itu. Untuk mengangkat dan memasarkan hasil-hasil kraftangan itu, terdapat sebuah kedai hasil barangan orang-orang kurang upaya di Pusat Bahagia. Insyallah langkah-langkah akan diusahakan untuk mengembangkan lagi kualiti yang dihasilkan dan juga memasarkan hasil-hasil yang dihasilkan oleh orang-orang kurang upaya berkenaan.

Mengenai cadangan mengangkat budaya membaca dengan mengadakan perpustakaan di Kampong Ayer, perkara ini adalah satu cadangan yang begitu menarik dan ianya akan diberikan perhatian. Mengenai dengan untuk mengangkat ataupun mengingati semula

lagenda Negara iaitu Lela Mencanai, kaola kurang pasti adakah yang dimaksudkan itu dengan Galeri Kebudayaan yang ada di Kampong Ayer yang mana perkara itu adalah di bawah kelolaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Kalau itu yang dimaksudkan kaola akan menyampaikan perkara ini kepada agensi yang berkenaan untuk apa jua pertimbangan mengenainya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan penggunaan Bahasa Melayu dalam mesyuarat-mesyuarat berbentuk serantau dan antarabangsa, kaola tidak perlu mengulas kerana perkara ini telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Pengerusi sebentar tadi.

Mengenai Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan supaya dilibatkan pemimpin-pemimpin yang lain, sememangnya sudah menjadi tradisi upacara menaikkan bendera itu sebelum perayaan Hari Kebangsaan dibuat dalam skala yang sederhana sahaja. Ini disebabkan kemuncak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ialah pada perhimpunannya pada 23 Februari. Walaupun tidak ada kehadiran para pemimpin-pemimpin yang lain, tetapi agensi-agensi ataupun Kementerian-Kementerian Kerajaan adalah diwakili oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan dan juga daripada pemimpin-pemimpin belia dan masyarakat. Walau bagaimanapun perkara ini akan diambil perhatian dan insya-Allah akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Lagu Hari Kebangsaan, saya kurang pasti apa yang dimaksudkan senikata berubah-ubah kerana saya tidak melihat ada perubahan pada senikatanya. Mungkin yang dimaksudkan itu ialah dari segi lirik muzik. Saya rasa dalam hal ini, adalah satu perkara yang biasa sebab kita melihat lagu-lagu Kebangsaan negara lain pun senikatanya tetap sama, tapi kadang-kadang untuk menyesuaikan di dalam sesuatu keadaan, bunyi muziknya itu ada perubahan sedikit untuk memenuhi selera dan kesesuaian dalam majlis-majlis tersebut.

Mengenai cadangan supaya Lagu Kebangsaan tidak perlu diumumkan apabila dimainkan di majlis-majlis awam, saya rasa perkara itu tidaklah menjadi satu persoalan kerana berbanding dengan majlis-majlis yang beristiadat ataupun yang formal memang diketahui oleh jemputan-jemputan akan keperluan mereka untuk berdiri menghormati lagu kebangsaan. Tapi dalam konteks majlis-majlis awam disebabkan oleh mereka yang hadir itu bukan hanya terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tetapi juga daripada orang-orang rakyat asing, maka untuk sama-sama menghormati perlu juga diberikan peringatan untuk mereka bangun berdiri menghormati Lagu Kebangsaan sebab perkara ini adalah normal. Di negara lain mereka juga akan mengumumkan untuk hadirin untuk berdiri bagi menghormati Lagu Kebangsaan mereka apabila dimainkan. Selalunya mereka mengatakan "*Please rise*" untuk Lagu Kebangsaan. Saya rasa begitu sahaja jawapan yang saya sampaikan dalam perkara ini terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada baiknya diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL01A - Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mengenai Sambutan Bulan Bahasa. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan Sambutan Bulan Bahasa di keempat-empat daerah pada 1 Julai 2012 yang dilancarkan oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri. Bagi Daerah Tutong, sambutan ini telah dilancarkan sendiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair

bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi, di sepanjang Sambutan Bulan Bahasa, ada 2 buah sekolah telah mengadakan sambutan ini seperti yang disiarkan melalui Media Permata iaitu Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan Sekolah Menengah Chung Ching, Seria. Adalah diharapkan supaya usaha ini akan dapat dipertingkatkan lagi dengan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada penggunaan Bahasa Melayu yang dituturkan oleh rakyat dan penduduk Negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, sambutan seumpama ini diharap akan dapat diteruskan bukan sahaja sebagai Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa bahkan akan dapat diungkayahkan sebagai Tahun Bahasa yang disasarkan kepada sektor awam dan swasta, murid-murid sekolah rendah, penuntut-penuntut sekolah menengah, begitu juga pengajian tinggi lebih-lebih lagi mereka yang akan memohon kerakyatan.

Yang Berhormat Pengerusi, yang terakhir ialah dalam masa sebulan Sambutan Bulan Bahasa berkenaan diadakan, apakah kesan-kesannya yang dapat dijadikan teras ikutan sebagai panduan di masa akan datang? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Di Dewan yang mulia ini, 2 isu yang akan saya utarakan:

- 1) Sejak terbinanya bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Daerah Temburong yang dibangunkan pada bulan Julai 1993, ia telah memberikan khidmat kepada penuntut-penuntut sekolah dan juga mendapat sambutan daripada orang ramai. Saya mencadangkan supaya bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Daerah Temburong dipertimbangkan untuk dapat dinaikkan tarafnya dan diperbesarkan seperti pembahagian ruang iaitu bilik khas bagi perkhidmatan rujukan orang dewasa, muda-mudi, kanak-kanak, bilik mesyuarat, bilik kakitangan, bilik siber dan bilik aktiviti untuk keselesaan pengguna. Yang Berhormat Pengerusi, apa yang saya lihat pada masa ini, hanya satu ruangan sahaja bagi penempatan semua perkara yang saya nyatakan tadi; dan
- 2) Saya juga mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka akan dapat diadakan di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong. Ini adalah mengambil kira kepada penduduknya yang ramai.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Dalam Tajuk ini, saya mengutarakan 3 isu:

- 1) Penerapan budaya membaca di kalangan belia-belia, pelajar-pelajar sekolah dan orang ramai adalah satu perkara yang disambut baik oleh penduduk Negara ini. Saya percaya seruan dan saranan ini akan lebih berkesan jika ianya dilaksanakan sejajar dengan keperluan penyokong. Umpamanya, kemudahan mendapatkan bahan-bahan bacaan secara percuma dan mudah atau dengan harga yang murah, ada bilik bacaan dan perpustakaan di setiap mukim-mukim yang mempunyai penduduk yang padat. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya perkara kemudahan seperti yang disebutkan tadi agar dapat dilaksanakan.

Dalam kesempatan ini, saya mencadangkan supaya bangunan perpustakaan dibina di Mukim Telisai yang mempunyai kepadatan penduduk hampir 8,000 orang dan akan meningkat dua kali ganda apabila Skim Perumahan baru sebanyak 1,500 unit dijangka siap pada 20 November 2013 nanti. Tambahan pula, ada 7 buah sekolah di Mukim ini yang memerlukan bahan rujukan yang mencukupi iaitu:

- i. Pusat Tingkatan Enam, Tutong;
- ii. Sekolah Menengah Sayyidina Othman;
- iii. Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara;
- iv. Sekolah Rendah Bukit Beruang II;
- v. Sekolah Rendah Tumpuan Telisai;

vi. Sekolah Rendah Danau; dan

vii. Sekolah Ugama Telisai.

2) Jawatankuasa Kebangsaan Ejaan Jawi adalah berfungsi untuk menyelaraskan ejaan jawi. Ejaan baru dalam tulisan jawi telah mengubah tulisan asal nama beberapa buah kampung. Begitu juga ejaan tulisan jawi yang tertulis di papan-papan iklan pun kini menggunakan suku kata seperti tulisan rumi. Contoh yang jelas sekali ialah ejaan lama asal Kampung Telisai ialah "Ta, Lam, Ya, Sin, Ya" - Telisai. Tetapi ejaan jawi baru yang diberikan di papan nama Kampung Telisai pada masa ini ialah "Ta, Lam, Ya, Sin, Alif, Ya" - jadi kalau ejaan dulu "Sin, Alif, Ya" itu adalah "Saya"; jadi bermakna ejaan jawi baru itu ialah "Tali Saya". Oleh itu, adalah tidak elok rasanya disebut oleh penduduk-penduduk. Oleh yang demikian, perkara ini haruslah difikirkan.

Bagi ejaan lama, suku katanya adalah berdasarkan tanda-tanda baris seperti yang terkandung Al-Quran. Jika ejaan jawi baru ini diguna pakai, adakah ianya tidak mengelirukan orang ramai terutama kanak-kanak mahupun belia yang baru belajar tulisan dan ejaan jawi apabila membaca Al-Quran? Ianya juga dikhuatiri nanti, jika berlaku perubahan dalam penulisan menyalin ayat-ayat Al-Quran; dan

3) Aktiviti perpustakaan Dewan Bahasa yang diadakan setiap cuti persekolahan adalah sangat baik bagi mengisi masa lapang kanak-kanak seperti aktiviti melukis dan mewarna, membaca, memasak, Kraftangan,

bersenam, menari, mari bercerita, menyanyi dan berbagai-bagai lagi.

Adalah dicadangkan juga supaya dimasukkan aktiviti misalnya dinamakan "Sehari Sepatah Kata" bagi bahasa-bahasa puak di Negara Brunei Darussalam sama ada dalam bentuk nyanyian, mari bercerita, deklamasi sajak, kuiz dan syarahan dengan tujuan untuk mempertahankan bahasa-bahasa puak di Negara Brunei Darussalam ini agar tidak pupus ditelan zaman.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya juga menyentuh mengenai bahasa. Sejak Bahasa Melayu dinobatkan sebagai Bahasa Rasmi Negara pada tahun 1959 iaitu lebih kurang berusia setengah abad atau lebih tepatnya, Bahasa Melayu sudah berperanan sebagai Bahasa Rasmi yang tertulis dalam Perlembagaan selama 54 tahun.

Kita sangat bersyukur sebagai sebuah Negara yang merdeka dan berdaulat yang mempunyai bahasa ibunda sendiri untuk dijadikan sebagai bahasa perhubungan yang tidak menempuh masalah untuk mengangkatnya sebagai Bahasa Rasmi. Tidak seperti banyak negara di dunia ini ada mempunyai sejarah yang pahit kerana mengalami banyak rintangan untuk menegakkan bahasa ibundanya untuk dijadikan bahasa rasmi. Secara ringkas

saya ingin menggariskan mengenai pendapat saya terhadap bahasa, pendapat ini bukanlah sebagai satu pendapat daripada hasil kajian objektif tetapi cuma berdasarkan hasil tinjauan secara subjektif.

Penggunaan bahasa di sektor kerajaan nampaknya secara umum tidak ada masalah ianya telah digunakan secara meluas. Walau bagaimanapun, ada perkara yang mendukacitakan kerana pada waktu ini ada beberapa kementerian yang masih menggunakan borang kertas pemberitahuan atau notis, peraturan-peraturan, undang-undang dan seumpamanya dalam bahasa asing. Sebagai bukti yang terang dan nyata sebahagian perundangan masih terdapat menggunakan bahasa Inggeris. Perkara ini telah saya sentuh di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Yang kedua, papan tanda yang ada pada waktu ini nampaknya sudah agak bercelaru. Perkara ini sepertimana yang dibangkitkan tadi oleh rakan sebelah kanan:

- 1) Dari segi penggunaan bahasa yang kurang tepat, terutama ejaan dalam tulisan jawi yang tidak seragam dan yang penting ialah mengenai dengan saiz atau ukuran penulisan nampaknya ada sebahagiannya kecil yang sudah tidak menurut atau seolah-olah mencabuli ketetapan awal yang digariskan iaitu tulisan jawi dua kali ganda besarnya daripada tulisan yang lain dan hendaklah tulisan jawi itu diletakkan di sebelah atas; dan
- 2) Berkaitan dengan kain rentang, iklan-iklan dan sebagainya sudah agak rojak. Dipohonkan kepada Jabatan

Dewan Bahasa dan Pustaka hendaklah mengambil perhatian supaya tidak berlakunya pencemaran bahasa dan ejaan.

Ejaan jawi, mungkin sebahagian kecil masyarakat kita kurang menyedari bahawa ejaan jawi yang kita gunakan sekarang ini adalah tidak standard atau belum baku. Kementerian Pendidikan menggunakan sistem ejaan yang ditetapkan malah sebaliknya golongan lain agak berbeza sedikit penggunaannya ejaan jawi bagi perkataan yang tertentu. Kesimpulannya bahawa penggunaan ejaan yang digunakan tidak seragam terutama sekali perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan ejaan ke atas perkataan yang berasal daripada bahasa Arab terutama jika bahasa itu menyangkut dengan hukum-hukum atau akidah.

Saya mendapat maklum bahawa waktu dahulu pihak Kerajaan telah menubuhkan atau melantik sebuah Jawatankuasa yang menangani untuk membuat penyelarasan ke atas perkara ini. Kononnya telah banyak hasil dicapai dan disepakati tetapi tugas Jawatankuasa Penyelaras Ejaan Jawi itu terhenti, kerana kononnya agak sukar menemui kesepakatan dalam hal-hal tertentu.

Kita berharap supaya pihak-pihak yang berkepentingan besar seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat mengadakan perundingan bagi tujuan mencari penyelesaiannya. Perkara ini sengaja ditimbulkan agar generasi baru kita terutama kanak-kanak sekolah akan menaruh keyakinan dan kepercayaan kepada pihak-pihak pemegang dasar jangan sampai nanti dikatakan isu tulisan dan ejaan jawi gagal diselesaikan.

Jika dugaan ini berlaku maka tidak mustahil kita mungkin gagal mencapai perkara yang jauh lebih besar dan rumit. Semoga usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu yang sedang dan akan diperkasakan itu menjadi kenyataan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya hanya ada satu persoalan. Wawasan Brunei 2035 dihasratkan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara maju dengan mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dengan diukur melalui piawai tertinggi antarabangsa. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa sudah 29 tahun Negara Brunei menikmati kemerdekaan. Telah banyak kemudahan asas disediakan dan prasarana dibangun atau dinaik taraf.

Kelmarin kita berbahas untuk menaikkan imej pemandangan persekitaran Bandar. Di Bandar Seri Begawan kita mudah terserempak dengan sebuah bangunan yang sudah lama bertahan bersebelahan dengan Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. Bangunan yang saya maksudkan ialah Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah dibina pada tahun 1967.

Bagi kebanyakan negara, Perpustakaan Negara menjadi lambang kemajuan intelektual dan keilmuan bangsa. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat

membangun dan tidak mahu ketinggalan dari negara-negara lain, sudah sampai masanya Negara Brunei Darussalam mempunyai sebuah Perpustakaan Negara yang akan menjadi pusat pendidikan yang tidak formal ke arah membantu merealisasikan misi pendidikan negara.

Saya difahamkan di kalangan sepuluh negara ASEAN hanya Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai Perpustakaan Negara. Malah negara *Timor Leste* sendiri sudah mempunyai Perpustakaan Negara.

Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pagi tadi ada mengatakan bahawa perancangan bagi membangun Perpustakaan Negara ini tidak termasuk dalam projek-projek yang diberikan keutamaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Pengerusi, apa kiranya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghadapkan rayuan kepada pihak yang berkenaan supaya projek membangun Perpustakaan Negara ini akan dapat dipertimbangkan semula atas sebab-sebab di atas dan memandangkan cadangan mengenai perkara ini telah lama dihadapkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, dan Ahli-Ahli.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bagi memperkasa Bahasa Melayu, adalah diusulkan supaya ucaptama oleh sesiapa saja di Negara Brunei Darussalam ini menggunakan Bahasa Melayu iaitu selaras dengan

konsep kita Melayu Islam Beraja. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga mengenai bahasa. Bahasa Melayu telah diwartakan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan pindaannya tahun 2004 sebagai Bahasa Rasmi Negara membuktikan pengiktirafan peranan Bahasa Melayu. Kini masyarakat terdedah dengan cabaran-cabaran baru yang menghambat proses pengembangan dan pemantapan Bahasa Melayu sendiri seperti tulisan dalam bahasa siber, pesanan ringkas SMS, *Email, Facebook, whatsapp* dan sebagainya yang membawa banyak kecacatan kepada bahasa rasmi kita sekaligus menjadi cabaran kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menanganinya.

Sehubungan dengan ini, apakah pendekatan-pendekatan yang telah dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam permasalahan menggunakan bahasa siber ini? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tidak akan membuat banyak pertanyaan kerana sudah banyak disentuh oleh rakan-rakan tetapi bagaimanapun saya mencadangkan supaya bangunan perpustakaan akan dapat diwujudkan di dalam kawasan Zon 4 seperti di Mukim Lumapas, Mukim Pengkalan Batu dan Mukim Kilanas. Ini disebabkan bilangan penduduk di Zon 4 adalah agak ramai dan mereka ini sepertimana juga di Mukim Lumapas adalah agak jauh untuk mendapatkan perpustakaan di Bandar Seri Begawan. Oleh yang demikian, sekiranya ada wujud perpustakaan di mukim tersebut, maka penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah rendah dan menengah akan dapat menggunakan dan membuat rujukan di perpustakaan berkenaan.

Di samping itu Yang Berhormat Pengerusi, saya juga menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad bagi mewujudkan Perpustakaan Negara kerana ianya adalah merupakan satu keperluan Negara. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sekiranya ulasan Yang Berhormat ringkas sahaja tidak perlu Jawatankuasa ini berehat. Kalau tidak, baik jua berehat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Saya akan memberikan ulasan yang ringkas Yang Berhormat Pengerusi mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan itu.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji

Muhammad Taha bin Abd. Rauf iaitu Bulan Bahasa untuk dinaikkan lagi tarafnya dan mengadakan Tahun Bahasa. Sememangnya apabila kita mengadakan Bulan Bahasa itu, bukanlah bererti bahawa jika Bulan Bahasa itu diadakan pada bulan Julai, tidak semestinya diadakan pada bulan Julai sahaja. Itu adalah sebagai satu penamaan bagi suatu majlis. Semangat yang kita mahu ialah bukan sahaja di bulan berkenaan tetapi untuk sepanjang hari, sepanjang minggu dan sepanjang tahun.

Dalam Bulan Bahasa itu kita akan mengadakan kegiatannya di sepanjang tahun. Jadi Bulan Bahasa bagi sepanjang tahun akan diadakan kegiatan-kegiatan untuk memberigakan, mengangkat dan mendaulatkan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Kegiatan-kegiatan yang diadakan disepanjang tahun sama ada di sekolah-sekolah, di maktab-maktab dan juga oleh pihak-pihak swasta seperti ekspe buku dan sebagainya.

Mengenai dengan kesan-kesan Bulan Bahasa pula, Alhamdulillah setelah sekian lama Bulan Bahasa itu tidak diadakan (sejak tahun 60an), ianya telah dapat diadakan semula pada tahun lepas. Dengan adanya Bulan Bahasa itu, maka kita menaikkan semangat dan kesedaran akan kepentingan Bahasa Melayu itu untuk diangkat dan dimartabatkan. Tidak perlu kita membutuhkan apa kegiatan-kegiatan ataupun program-programnya tetapi yang jelasnya ialah bagi mengangkat semula semangat kesedaran untuk dimartabatkan dan didaulatkan sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan

Pustaka dan juga sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad supaya Dewan Bahasa dan Pustaka di Daerah Temburong diperbesarkan kerana keadaan yang sudah sempit pada masa ini, perkara ini adalah diambil perhatian. Begitu juga mengenai dengan saranan-saranan yang baik iaitu untuk mengadakan perpustakaan-perpustakaan di Kampung Rataie dan di kawasan Zon 4 Brunei dan Muara.

Ini menunjukkan kesedaran di Negara Brunei Darussalam bahawa pentingnya untuk membudayakan membaca itu di kalangan masyarakat dan Negara. Di harap suatu hari nanti masyarakat ataupun generasi muda di Negara Brunei Darussalam akan mempunyai satu pegangan dalam budaya membaca itu, sepertimana juga di negara-negara barat yang berbunyi "*If I have money, I will buy books first, then if I have extra money, then only I will buy food.*" Mudah-mudahan kita akan dapat mencapai matlamat untuk mewujudkan budaya membaca di kalangan generasi muda di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu bagi penerapan budaya membaca dan mengadakan perpustakaan di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi serta yang berkaitan dengan penggunaan ejaan jawi, sememangnya perkara ini adalah diambil perhatian dan Alhamdulillah satu Persidangan Ejaan Jawi iaitu kaedah dan penyelarasan telahpun diadakan pada tahun 2012. Ini menuju ke arah

menyempurnakan keselarasan dan kesempurnaan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telahpun menyarankan akan perlunya bagi penyelarasan penggunaan ejaan-ejaan jawi terutama sekali mengenai perkataan yang menggunakan perkataan ugama ataupun perkataan kitab dipastikan tidak berubah maksudnya.

Hasil daripada Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi tersebut, maka beberapa resolusi telahpun dibuat antaranya ialah bagi penubuhan satu Jawatankuasa Jawi Kebangsaan dan juga Jawatankuasa Penyelarasan Ejaan Jawi dan perkara ini telahpun diangkat kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk penelitian dan pertimbangan seterusnya. Saya sendiri mengalu-alukannya kerana ianya bertujuan untuk menyempurnakan dan menyelaraskan penggunaan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam sepertimana juga kekusaran di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyuarakan perlunya keselarasan dan kesempurnaan penggunaan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai dengan cadangan untuk mengadakan kegiatan-kegiatan di sepanjang cuti sekolah oleh perpustakaan-perpustakaan seperti mengadakan sesi ataupun kelas-kelas untuk mengajarkan bahasa-bahasa puak jati di Negara Brunei Darussalam ianya adalah satu cadangan yang disambut baik. Perkara ini bukan hanya diletakkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi saya berharap orang tempatan di daerah-daerah di mana bahasa puak itu dipertuturkan untuk tampil ke hadapan dan menawarkan

dirinya untuk bekerjasama dengan perpustakaan di daerah-daerah.

Mengenai dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang berkaitan dengan penggunaan Bahasa Melayu, papan-papan tanda dan kain-kain rentang, cadangan tersebut adalah diambil perhatian.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk mengadakan Perpustakaan Negara ataupun (*National Library*) yang sebenarnya perkara ini bukanlah diketepikan, tetapi pada masa ini ianya tidak diberikan keutamaan dalam peruntukan yang ada pada masa ini kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masih lagi mengkaji mengenai dengan keperluan untuk pengwujudan sebuah Perpustakaan Negara.

Untuk mewujudkan sebuah Perpustakaan Negara ini bukan hanya dari segi bangunan sahaja tetapi juga memerlukan perisian-perisian iaitu dari segi tenaga manusianya. Kalau kita melaksanakannya sekarang, adakah kita mempunyai tenaga-tenaga yang akan melaksanakan perisian Perpustakaan Negara sebagai tempat sumber-sumber ilmu, sumber pengetahuan dan sumber pengkajian. Jikalau hanya tenaga yang ada pada masa ini digunakan untuk menjelamainya, maka ianya sama juga dengan perpustakaan yang sedia ada, meminjam buku dan mengeluarkan buku, memasukkan buku tetapi tidak ada kerja-kerja penyelidikan dan untuk mengangkat ilmu pengetahuan itu diadakan.

Di samping itu, kita juga meneliti semula tapak yang telahpun dicadangkan akan

kesesuaiannya. Cadangan itu bukanlah tidak diberikan perhatian tetapi untuk diteliti semula supaya dilaksanakan secara realistik dan menepati kepada hasrat dan maksud untuk mewujudkan sebuah Perpustakaan Negara.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin agar ucaptama akan digunakan di dalam Bahasa Melayu saya rasa sebagai sebuah Negara yang berhadapan dengan bangsa-bangsa lain di rantau dan antarabangsa, kita perlu menyesuaikan diri. Sekiranya forum tersebut berbentuk nasional mungkin ucaptama itu perlu diadakan dalam Bahasa Melayu tetapi jika ia merupakan satu forum antarabangsa dan serantau tidaklah sesuai jika disampaikan dalam Bahasa Melayu kerana orang tidak akan faham apa yang kita maksudkan dan kita juga mahu orang memahami dan dapat menyelami akan ilmu pengetahuan ataupun *wisdom* yang terdapat dalam ucaptama itu.

Tidak ada satu konflik ataupun percanggahan bagi sesetengah ucaptama itu untuk dibuat dalam Bahasa Melayu dan sebahagiannya pula mengikut kesesuaian untuk diadakan di dalam Bahasa Inggeris ataupun bahasa yang difikirkan bersesuaian. Saya rasa itu saja yang dapat saya berikan respons kepada perkara-perkara yang ditimbulkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka ada baiknya diundi. Siapa bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih semula ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk kita berehat selama 20 minit. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan Jawatankuasa akan disambung semula bagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara saya tangguhkan supaya kita dapat beralih balik ke peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya tidak akan mengutarakan perkara untuk dibincangkan, tetapi hanya akan berkongsi maklumat dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Negara-negara ASEAN telahpun mengisytiharkan apa yang dinamakan *ASEAN Human Right Declaration* pada bulan November 2012 yang lalu. Berikutan pengisytiharan tersebut, *ASEAN Intergovernmental of Human Right (AICHR)*, telah diberi mandat untuk menyebarkan kesedaran orang ramai di kalangan rakyat di negara-negara Asia mengenai dengan *human rights* menerusi pendidikan, penyelidikan dan pertukaran maklumat.

Sehubungan dengan perkara ini, ada maklumat menyatakan bahawa ada satu forum yang akan membincangkan mengenai *human rights* yang akan disertai oleh belia-belia tertentu daripada Negara-Negara ASEAN yang akan diadakan di Manila pada 4 dan 5 April 2013. Oleh kerana ia sesuai dengan dasar belia-belia Negara untuk mengembangkan persefahaman antarabangsa di kalangan belia-belia, saya ingin berkongsi

maklumat, adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menghantar perwakilan daripada kalangan belia-belia tertentu untuk menghadiri dan menyertai forum berkenaan. Saya juga ingin berkongsi maklumat, apakah objektif forum yang akan diadakan di Manila itu, sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Saya hanya hendak menimbulkan satu perkara. Pada tahun lepas Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyuarakan kebimbangan berhubung dengan aktiviti anti-sosial yang dilakukan oleh golongan belia. Menurut laporan tersebut, bagi jangka waktu dari tahun 2009 hingga 2011, dikalangan mereka yang ditangkap yang melibatkan kes penyalahgunaan dadah, 51% adalah terdiri dari pemuda yang berumur antara 16 hingga 30 tahun dan jumlah ini tidak termasuk hampir 2% merupakan penuntut sekolah.

Sementara kes-kes kemalangan jalan raya juga dilaporkan melibatkan lebih 50% yang berumur di bawah 20 tahun. Sementara itu, dilaporkan juga jumlah kanak-kanak dan remaja yang mengalami *depression* dan *emotional* isu juga meningkat. Seperti yang disebutkan dalam mukadimah, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kementerian berkenaan telah mengadakan

beberapa perjumpaan dengan golongan belia.

Dalam perbincangan-perbincangan tersebut selain mendengar apa yang dikehendaki oleh golongan belia, apakah iktibar yang dapat diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berhubung dengan kebimbangan dan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh golongan belia dan adakah masalah-masalah tersebut telah dikongsikan sama dengan kementerian-kementerian lain untuk sama-sama memikirkan dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dalam usaha membantu menyelesaikannya? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Saya ada 1 isu yang ingin diutarakan iaitu mengenai dengan pemandu jentera dan kenderaan berat yang tersiar dalam Media Permata keluaran 2 Julai 2012. Saya mengucapkan terima kasih atas usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam meningkatkan latihan dan kemahiran kepada 12 orang belia yang terpilih untuk mengikut kursus pemandu jentera berat. Ini mencerminkan bahawa atas usaha sedemikian, ianya adalah untuk mengurangkan pengangguran di kalangan mereka yang mencari kerja. Pertanyaan saya ialah apakah kesudahan

kepada mereka ini, sama ada mereka yang berkenaan akan mendapat pekerjaan yang kekal.

Apalah juga kiranya, usaha sedemikian akan dapat dilaratkan kepada mereka yang sedang mencari kerja selain dari pemandu jentera berat untuk melatih serta memberi pengalaman sebagai persediaan kepada Pemandu bas sewa khas atau bas persiaran.

Dengan adanya kursus-kursus sedemikian, saya sesungguhnya begitu yakin bahawa ini adalah salah satu cara atau jalan keluar untuk mengurangkan pengangguran dikalangan pencari kerja. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tertarik dalam Program Khidmat Bakti Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang memperkenalkan Program Khidmat Bakti Negara yang telah berjaya. Program ini patut dibanggakan kerana dapat mengeluarkan belia yang tahan lasak, beriltizam dan bersemangat patriotik.

Dalam perkara ini, sukacita saya mencadangkan:

- 1) Supaya program ini diwajibkan untuk semua belia;

- 2) Had umur hendaklah dinyatakan dan jika seseorang yang tidak dapat mengikuti program yang dijadualkan pada waktu yang ditentukan, maka penyertaan seseorang itu boleh diganjakkan pada program yang akan datang;
- 3) Pelatih yang cemerlang bolehlah diserapkan ke mana-mana Kementerian yang bersesuaian apabila tamat daripada program ini;
- 4) Mereka yang pernah mengikuti program ini seboleh-bolehnya diberi *refresher course* bagi beberapa hari untuk memastikan kemahiran yang diperolehinya tidak akan hilang begitu sahaja.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Secara ringkas sahaja berhubung dengan Program Khidmat Bakti Negara dan cadangan-cadangan mengenainya;

- 1) Supaya keistimewaan dan keutamaan diberikan kepada peserta Program Khidmat Bakti Negara untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian jika mereka masuk ke alam pekerjaan lebih awal dan seterusnya di masa akan datang;
- 2) Tahun 60an hingga 80an merupakan era kegemilangan persembahan kesenian dan kebudayaan di pentas-

pentas seperti lakonan drama, taplo, pentomen dan berbagai-bagai seni lain. Lebih menarik lagi pada zaman itu pentas-pentas persembahan dihiasi dengan lakar belakang yang menggambarkan suasana persembahan tersebut, tirai yang boleh dibuka dan ditutup dan lampu yang memfokus kepada pelaku-pelakunya. Adalah dicadangkan supaya suasana seperti ini dapat dihidupkan kembali dengan kerjasama pihak berkenaan untuk menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang berkenaan di pentas-pentas utama di setiap daerah.

- 3) Sukan tinju suatu ketika dahulu pernah mengharumkan nama Negara apabila ada atlet-atlet sukan tinju Negara ini pernah berjaya dalam pertandingan-pertandingan di luar Negara. Baru-baru ini telah ada atlet-atlet tinju Negara ini dibawa bertanding ke luar negara tetapi hasilnya tidak memberangsangkan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya dihidupkan semula di setiap daerah dengan cara bersistematik, cukup dengan jurulatih yang berkemahiran, prasarana tinju serta dibukakan peluang kepada belia-belua yang berminat dan tidak semestinya dari anggota tentera dan anggota polis seperti mana yang berlaku sebelumnya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Satu perkara sahaja yang ingin di kemukakan. Di Dewan yang mulia ini, adalah dicadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat mengambil pertimbangan supaya dewan serbaguna yang lebih lengkap dapat dibina di kawasan Kompleks Sukan Daerah Temburong, mudah-mudahan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sudah ada perancangan ke arah itu. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, saya akan bercakap secara ringkas sahaja. Usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggerakkan belia dalam beberapa perkara yang berkebiasaan amat dihargai dan dipuji bagi membangun belia dalam kegiatan terutama dalam bidang sukan.

Adalah dicadangkan supaya banyak kemudahan-kemudahan sukan dibina seperti Padang Belapan dan kolam renang di beberapa kawasan yang mempunyai potensi dan padat dengan penduduk seperti Mukim Pengkalan Batu, Mukim Jerudong, Kilanas dan Mukim Lumapas. Sudah sampai masanya kemudahan seperti ini dibina bagi membolehkan belia bergerak aktif dalam bidang sukan yang diminati oleh mereka. Dengan yang demikian, kita akan dapat mencungkil bakat dan mengasuh mereka yang berpotensi dalam sukan kegemaran masing-masing.

Seperti jua dalam tahun 1991, banyak tempat-tempat riadah sukan yang telah

dibina iaitu seperti gelanggang sepak takraw dan gelanggang gasing di beberapa tempat di Negara ini supaya akan dapat dibaik pulih. Tempat riadah dan sukan di kawasan Zon 4 seperti Kampung Putat, Panchor Murai, Lugu dan sebagainya diharapkan supaya di naikkan taraf dan disesuaikan dengan keadaan 20 tahun yang lalu kerana banyak kemudahan tersebut telah rosak dan semennya sudah pecah.

Selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan supaya pemilihan bakat-bakat sukan yang bakal mewakili Negara akan dipilih daripada peringkat kampung, mukim, daerah dan seterusnya Negara. Dengan yang sedemikian, pemilihan seumpama ini akan lebih dapat menilai keupayaan serta dapat mengetengahkan atlet-atlet Negara yang mempunyai potensi masing-masing. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga akan bercakap secara ringkas. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi ada juga menyebutkan pencapaian atlet-atlet Negara dalam Sukan Rantau ASEAN dan Asia Pasifik dimana beberapa butir pingat telah diperolehi. Pencapaian ini memanglah sangat memberangsangkan. Berkaitan dengan pencapaian atlet ini, saya juga ingin menimbulkan mengenai pencapaian atlet-atlet Paralympic Negara yang telah mewakili Negara ke Sukan Antarabangsa dan bertaraf dunia yang mana mereka itu juga telah berjaya

mengharumkan nama Negara dan meraih beberapa pingat emas, perak dan gangsa.

Sebagai menghormati pencapaian mereka, eloknya mereka itu diberikan bantuan ataupun penghargaan yang bersesuaian kerana mereka itu juga banyak membuat pengorbanan untuk berjaya dalam bidang sukan dan seterusnya mengharumkan nama Negara. Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adakah terdapat skim galakan bagi atlet Paralympic ini.

Seterusnya, kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas usaha-usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ke arah meninggikan mutu sukan di Negara kita. Saya sukacita memberikan pandangan-pandangan untuk difikirkan bagi memantapkan lagi atlet-atlet Negara kita insya-Allah seperti:

1. Menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang canggih; dan
2. Kemudahan sukan perlu sentiasa dipantau dan dipelihara, kerana kemudahan yang mantap akan memberi impak terhadap atlet-atlet sukan kita.

Rancangan program masa depan hendaklah dirancang dengan rapi bagi memajukan atlet-atlet kita yang mempunyai bakat untuk dimajukan ke hadapan hendaklah dirangka dari sekarang, jika belum dilaksanakan. Kita perlu serius dan mengelak dari membuat persediaan di saat-saat akhir bagi menghadapi sebarang pertandingan sukan antarabangsa. Setiap kejayaan atlet sukan di peringkat antarabangsa hendaklah disusuli dengan insentif-insentif yang bermakna sebagai motivasi kepada atlet-atlet sukan kita. Pengawasan

terhadap disiplin latihan berterusan dan mendalami teknik pertandingan secara *spiritual* dan nasihat profesional. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengulas. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan soalan ataupun permintaan untuk berkongsi maklumat daripada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, sama ada Negara Brunei Darussalam menerima jemputan bagi satu perhimpunan *Human Rights* di Filipina dalam sedikit masa yang akan diadakan di sana. Kementerian belum lagi menerima maklumat ataupun sebarang jemputan daripada negara yang akan menganjurkan perjumpaan ataupun perhimpunan tersebut. Walau bagaimanapun, apabila jemputan itu diterima nanti ianya diteliti tentang kesesuaiannya untuk menghantar penyertaan di perhimpunan tersebut.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, menimbulkan mengenai dengan aktiviti-aktiviti anti sosial yang melibatkan golongan remaja dan bertanyakan apakah iktibar yang diambil oleh Kementerian melalui perjumpaan-perjumpaan ataupun dialog-dialog dengan para belia.

Sememangnya antara matlamat perhimpunan ataupun dialog-dialog para belia itu ialah untuk mendengarkan apakah permasalahan ataupun mengenai dengan perkara-perkara yang mereka

perluan. Di antara lain yang disuarakan oleh para-para belia itu ialah bagi tempat-tempat mereka untuk mengadakan kegiatan bagi mengatasi kebosanan mereka. Maka dengan cara demikian, mereka mempunyai tempat untuk membuat perkara-perkara yang bermanfaat dan mendatangkan kebajikan. Sememangnya usaha-usaha telahpun dibuat oleh pihak Kementerian oleh Jabatan Belia dan Sukan iaitu:

Dengan penjenamaan Pusat Belia sendiri dalam mana memberikan fasiliti-fasiliti ataupun kemudahan-kemudahan yang terkini seperti komputer, bilik budaya, dewan urusan rumahtangga yang lebih lengkap dan juga dengan berbagai-bagai kegiatan yang diadakan di sana. Ini adalah antara cara untuk mengelakkan belia-belia itu daripada melibatkan diri dengan perkara-perkara yang memudaratkan ataupun yang mendatangkan keburukan kepada belia-belia. Secara menyeluruh, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jawatankuasa Khas, mengenai Isu-Isu Sosial juga membuat pelan-pelan tindakan ke arah untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh remaja pada masa ini.

Antaranya ialah dengan mengadakan program-program kesukarelawanan yang menggalakan belia-belia untuk melibatkan diri sepertimana yang saya nyatakan di awal mukadimah tadi. Dalam mana diadakan kalendar kursus-kursus sepanjang tahun yang melibatkan belia-belia dengan *cluster* yang tertentu. Tapi tidak perlulah saya nyatakan lagi apa *cluster-cluster*nya itu.

Begitu juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pelan-pelan

tindakan yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Khas tersebut, mengadakan seminar, simposium yang berkaitan dengan isu-isu sosial termasuk juga mengenai dengan mengadakan segmen kaunseling di Radio Televisyen Brunei. Seminar *parenting* juga diadakan bagi ibubapa untuk memberikan mereka pengetahuan dan maklumat mengenai dengan cara yang terbaik untuk menangani anak-anak remaja mereka dan untuk menjauhkan diri daripada kegiatan-kegiatan yang memudaratkan dan tidak mendatangkan kemanfaatan.

Berbalik kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf mengenai latihan memandu jentera berat yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia. Alhamdulillah seramai 12 orang peserta telahpun mengikuti kursus memandu jentera berat dan daripada 12 orang tersebut, 9 orang telahpun menamatkan kursus memandu jentera berat yang mana selebihnya tidak dapat meneruskan atas sebab-sebab tertentu.

Ada belia-belia yang terlibat dengan kes jenayah dan masalah-masalah peribadi. Alhamdulillah daripada jumlah 9 orang itu, 70% telahpun mendapat pekerjaan dan selebihnya telah menjalani penempatan di sektor swasta. Insya-Allah apabila mereka sudah menamatkan penempatan, mereka akan diserapkan sebagai pekerja tetap di syarikat-syarikat swasta yang berkenaan.

Sememangnya kursus jentera berat yang diadakan itu bukan saja kepada kenderaan-kenderaan berat seperti *tanker* ataupun seumpamanya, tetapi juga melibatkan kenderaan-kenderaan berat awam seperti bas dan seumpamanya.

Mereka yang mengikuti kursus tersebut akan dilatih bukan saja untuk mendapatkan lesen memandu jentera-jentera berat seperti *tanker* dan bas, tetapi juga diberikan nilai-nilai tambah dari segi disiplin, etika kerja, *attitude* dan seumpamanya untuk menjadikan seorang pemandu yang cekap dan patuh kepada undang-undang jalan raya dan juga menghargai akan pekerjaan mereka.

Insyallah disebabkan oleh permintaan yang begitu banyak, maka kursus tersebut akan dibuka lagi. Bilangan untuk melatih memang terhad sebab ianya melibatkan kenderaan berat. Oleh itu, ianya tidaklah dapat dibuka kepada jumlah bilangan yang ramai. Insyallah ianya akan dibuat secara berterusan.

Di samping itu juga, Pusat Pembangunan Belia juga akan mengadakan kursus-kursus *scaffolding* kepada para belia yang mencari pekerjaan yang mana kursus-kursus tersebut ialah bagi permintaan di industri minyak dan gas. Perkara ini dibuat secara *outsourcing* seperti mana juga kursus memandu kenderaan berat itu dilaksanakan melalui *outsourcing* yang melibatkan syarikat-syarikat tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit supaya pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) iaitu sepertimana yang disuarakan oleh mereka yang telah mengikuti Program Rintis Khidmat Bakti Negara supaya keistimewaan dan keutamaan dapat diberikan. Setakat ini, memanglah tiada keistimewaan yang diberikan kepada mereka dalam mendapatkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, latihan yang diberikan kepada mereka melalui Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) itu ialah

mereka akan diberikan sijil sebagai penghargaan di penghujung latihan.

Alhamdulillah beberapa orang Pelatih-Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) ini, akan diberi keutamaan dalam mencari pekerjaan di sektor Kerajaan dan sektor swasta. Ini bererti kursus atau yang diberikan kepada Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) itu memberikan kepercayaan kepada pihak majikan bahawa mereka itu berdisiplin dan boleh dipercayai serta mempunyai etika kerja yang boleh menyumbang kepada pekerjaan mereka.

Mengenai dengan persembahan kesenian, untuk diperkembangkan lagi di Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan pentas-pentas yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti tirai dan latar belakang pentas. Yang sebenarnya di Negara Brunei Darussalam kita dapat melihat akan perkembangan kesenian dalam bentuk drama dan pentas di kalangan golongan remaja terutama sekali di kalangan golongan penuntut-penuntut sekolah.

Ini dapat kita perhatikan dalam mana banyak drama-drama ataupun pementasan-pementasan telahpun diadakan oleh penuntut-penuntut sekolah dan cara mereka itu pula lebih kreatif.

Apa yang perlu ialah kumpulan-kumpulan belia ataupun sekolah-sekolah di daerah-daerah untuk melihat dan mempelajari bagaimana rakan-rakan mereka di sekolah-sekolah lain ataupun di institusi pengajian lain mengadakan persembahan-persembahan pentas tersebut supaya mereka akan dapat mengadakan di tempat mereka secara lebih berkesan dan menarik dengan menggunakan

kaedah-kaedah yang digunakan oleh rakan-rakan mereka di sekolah-sekolah ataupun institusi-institusi pengajian yang lain.

Mengenai sukan tinju, sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggalakkan apa jua bentuk sukan yang mendatangkan faedah dan manfaat serta memajukan sukan di Negara Brunei Darussalam termasuklah sukan tinju. Sekiranya Persatuan Sukan Tinju ingin untuk mengembangkan Sukan Tinju tersebut di daerah-daerah, maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan akan memberikan bantuan-bantuan seperlunya bagi mereka untuk mengembangkan sukan tinju tersebut.

Perlu diingatkan ataupun diberikan pemahaman bahawa dalam mengembangkan sukan di Negara Brunei Darussalam ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan adalah bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan di Negara Brunei Darussalam. Bukanlah Kementerian sendiri akan keluar untuk mengembangkan atau memajukan tapi bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan kebangsaan di Negara Brunei Darussalam. Kalau mereka berhasrat untuk mengembangkan sukan di daerah-daerah maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan akan memberikan bantuan-bantuan seperlunya untuk mengembangkan.

Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, menyuarakan supaya diadakan Dewan Serbaguna di Daerah Temburong. Perkara ini diambil perhatian dan akan dilaksanakan mengikut keutamaan.

Manakala Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim pula mencadangkan supaya kemudahan-kemudahan akan disediakan di kawasan-kawasan yang berpenduduk padat di Negara Brunei Darussalam.

Dalam mukadimah saya tadi ada mengatakan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun melaksanakan satu pengkajian untuk menyediakan inventori-inventori kemudahan sukan di seluruh Negara. Daripada inventori tersebut nanti akan dapat menolong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk merancang bagi penyediaan kemudahan-kemudahan sukan secara teratur di daerah-daerah termasuk mukim-mukim di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Dalam menyediakan inventori itu bukanlah bererti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semata-mata yang bertanggungjawab menyediakan tetapi ialah untuk berkongsi sumber dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain yang juga mempunyai kemudahan-kemudahan sukan di seluruh daerah seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan seumpamanya. Dengan inventori itu nanti maka kita akan dapat merancang untuk penyediaan kemudahan-kemudahan sukan yang lebih teratur dan akan dapat memenuhi permintaan-permintaan penduduk-penduduk di mukim-mukim. Itulah tidaklah perlu saya huraikan dapatan-dapatan daripada kajian inventori sukan yang telahpun dilaksanakan.

Mengenai membaik-pulih gelanggang-gelanggang yang usang, seperti

gelanggang gasing dan sebagainya perkara ini adalah diambil perhatian.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga bertanyakan mengenai pencapaian atlet-atlet Negara iaitu khususnya Atlet Paralimpik. Memang mereka juga menyumbang dalam mengharumkan Negara melalui sukan. Sepertimana juga atlet-atlet biasa juga mereka diberikan penghargaan melalui Skim Penggalak Sukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang menyampaikan penghargaan-penghargaan sukan kepada atlet-atlet Negara termasuk atlet-atlet Paralimpik tersebut.

Saya rasa semua soalan telahpun dijawab dan saya ingin menambah sedikit jawapan mengenai kesan SMS kepada penggunaan Bahasa Melayu seperti yang disuarakan tadi berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub. Saya menyatakan memangnya SMS memberikan cabaran bukan sahaja Bahasa Melayu tetapi kepada semua bahasa di seluruh dunia. Yang penting ialah kita di Negara Brunei Darussalam memberikan pengajaran ataupun pelajaran Bahasa Melayu yang begitu berkesan dan secara bersistematik untuk memastikan bahawa anak-anak ataupun remaja-remaja kita mempunyai asas yang kukuh dalam penggunaan Bahasa Melayu sendiri.

Insya-Allah dengan adanya asas Bahasa Melayu kukuh yang diberikan dalam pendidikan di sekolah-sekolah sama ada peringkat rendah, menengah dan tinggi, maka kemasukkan SMS itu walaupun ia merupakan cabaran, tapi insya-Allah kita

akan dapat mengekalkan Bahasa Melayu secara betul dan tulen. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk Jabatan Belia dan Sukan ini diundi. Siapa bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan kita dapat menyelesaikan 3 lagi tajuk di bawah Kementerian ini pada hari ini jua, terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL04A - Muzium-Muzium.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL04A - Muzium-Muzium dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Satu isu saja petang ini. Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Muzium-Muzium kerana dapat membina, memelihara dan mengekalkan keaslian Tasek Merimbun. Tasek Merimbun merupakan kawasan semula jadi yang sangat indah dengan kehijauan tumbuhan, kebiruan air taseknya dan kehadiran mergas tua menambahkan tarikan untuk orang ramai mengunjunginya. Namun walau secantik dan seindah mana sekalipun jika tidak

ramai yang datang berkunjung, maka pembinaan Galerinya dan pemeliharaan yang membelanjakan ratusan ribu tidak akan berbaloi. Sehubungan dengan itu, untuk menggalakkan kehadiran pengunjung adalah disarankan dibina penginapan yang lengkap yang boleh didiami secara pakej dengan menyediakan tempat tidur yang selesa, permakanan, aktiviti menyusur keliling tasek, *jungle tracking* dan memancing tangkap lepas.

Untuk menjaga, mengawal serta memelihara kawasan ini dari kerosakan dan kemusnahan persekitarannya, adalah dicadangkan supaya pihak Muzium mengadakan akta dan peraturan bagi mengenakan kompaun terhadap pelanggaran peraturan dan akta tersebut umpamanya tidak dibenarkan memetik dan merosakkan flora dan fauna, tidak membuang sampah dan memasak, tidak berburu dan menangkap binatang dan serangga di kawasan ini.

Dicadangkan juga disediakan pengawal keselamatan, pemandu pelancong, pembersih dan kakitangan yang lain yang bersesuaian. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Behormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Haji Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Cuma 1 sahaja iaitu spesies rusa semakin bertambah di Negara kita sejak penggunaan senjata api ditegah sejak tahun 1962. Usaha-usaha untuk memelihara rusa ini ataupun untuk mengekalkannya adalah amat penting kerana mengikut perangkaan di Mukim Lumapas sahaja yang diketahui ada 14

ekor rusa telah ditangkap oleh orang-orang yang berminat menangkap binatang-binatang liar di hutan. Perkara ini amat menyedihkan dan juga kita harus mengambil perhatian supaya kewujudan binatang tersebut tidak akan pupus. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ini merupakan pertanyaan sahaja dan merujuk kepada mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di awal perbahasan bagi Tajuk Kementerian berkenaan. Saya hanya ingin mengetahui kedudukan rumah lama iaitu bekas Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait yang dianggap sebagai sebuah rumah yang tertua di Pekan Kuala Belait yang mana telah selesai diusai bagi tujuan mengadakan pameran yang dikenali sebagai Galeri Muzium. Sepertimana difahami bahawa rumah tersebut telah selesai, jadi bilakah agaknya muzium ataupun galeri yang akan ditempatkan di rumah tersebut dimulakan di Daerah Belait. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengulas.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai perkara-perkara yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit adalah

diambil perhatian dan perkara itu akan dibawa kepada Jabatan Muzium-Muzium untuk mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian mengenai dengan cadangan tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, berkenaan dengan spesies rusa. Memang dulunya pemeliharaan ataupun *protection of endangered species* atau binatang-binatang yang menghadapi kepupusan ini adalah tanggungjawab Jabatan Muzium-Muzium tetapi Akta tersebut telah pun dipindahkan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Saya percaya perkara itu diambil perhatian.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai dengan bilakah rumah lama Pejabat Daerah Belait dijadikan sebagai galeri muzium. Langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak Muzium untuk mempercepatkan bagi rumah lama Daerah Belait itu untuk dijadikan sebagai Galeri Muzium. Malahan saya sendiri telah pun mengarahkan kepada Pengarah Muzium-Muzium untuk mengambil tindakan-tindakan yang segera ke arah mewujudkan galeri-galeri muzium di daerah-daerah termasuk Daerah Belait. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk Muzium-Muzium ini ada baiknya diundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SL042A - Muzium-Muzium diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL04A - Muzium-Muzium dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SL05A - Pusat Sejarah.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL05A - Pusat Sejarah ini dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Sejarah perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dalam apa juga bidang adalah amat penting diketahui oleh generasi masa kini dan masa akan datang, bukan sahaja bagi rakyat Negara ini malah juga masyarakat dunia umumnya. Ianya akan dapat menjadi sumber rujukan yang amat berharga bagi penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai.

- 1) Oleh itu adakah usaha-usaha telah dilaksanakan ke arah penulisan, perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa 20 tahun sejak kemerdekaan 1984 telah diungkayahkan?; dan
- 2) Dipohonkan juga kajian-kajian dibuat terhadap sejarah awal penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan tertentu yang menyebabkan kadangkala ada persamaan nama kampung di dalam dan di luar Negara, agar ianya menjadi pengetahuan orang ramai. Sebagai contoh, Temburong ada dua tempat di Negara ini iaitu Temburong di Daerah Temburong dan Temburong di ulu Sungai Telamba, Labuan di kawasan satelit bumi Telisai dan Labuan di Wilayah Labuan Malaysia, Telisai di Daerah Tutong dan

Telisai di Lahad Datu Sabah, Nagalang di Temburong dan Nagalang di Wilayah Labuan Malaysia, Danau di Daerah Tutong dan Danau di Limbang Malaysia, dan lain-lain lagi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin mengulas.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sememangnya Pusat Sejarah mengambil langkah-langkah ke arah pengkajian sejarah di Negara Brunei Darussalam termasuk juga pertalian-pertalian sejarah sama ada yang terdapat di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu:

Sama ada kajian telah dibuat mengenai persamaan nama-nama kampung yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, saya percaya perkara ini diambil perhatian oleh Pejabat Pusat Sejarah. Kalau belum ada, mungkin mereka akan mula untuk membuat kajiannya; dan

Mengenai usaha-usaha untuk menubuhkan sejarah perkembangan Negara Brunei Darussalam sepanjang 20 tahun, perkara ini akan dibawa kepada perhatian pihak Pejabat Pusat Sejarah untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian mengenainya. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk Pusat

Sejarah ini ada baiknya diundi. Siapa bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SL05A - Pusat Sejarah diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL05A - Pusat Sejarah dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk terakhir bagi Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, dipersilakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Secara ringkas Program Khidmat Bakti Negara adalah belia yang telah diberi latihan secara teratur dan kelompok belia ini dikira bernasib baik dan kita optimis kelompok belia sebeginilah yang akan turut menyumbang kepada kestabilan Negara. Tapi dalam masa yang sama kita juga menghadapi belia yang terlibat dengan kes-kes yang tidak bermoral dan penyalahgunaan dadah. Umpamanya belia yang berumur 15 tahun sehingga 25 tahun yang terlibat dengan najis dadah bagi tahun 2011 dan 2012 seramai 290 yang ditangkap.

Manakala isu tidak bermoral seperti keluar rumah, sukar dikawal, hamil di bawah umur dan terlibat dengan seks bebas seramai lebih kurang 59 orang dalam

tahun yang sama. Pusat Al-Islah adalah pusat bagi memulihkan mereka yang terlibat dengan dadah dan tidak juga dinafikan usaha KKBS dalam menangani kes-kes tidak bermoral ini dengan menyediakan tempat pemulihan dan perlindungan. Tetapi dengan kapasiti yang terhad, dengan jumlah kes yang dibawa dan dihadapkan ke mahkamah hanya sebilangan kecil sahaja yang dapat diberikan program pemulihan dan perlindungan. Mereka ini ditempatkan di rumah perlindungan dan pemulihan yang terletak di kawasan Kampung Belimbing, Subok. Apa yang kita maklum, di kawasan Kampung Pulaie juga ada tempat perlindungan dan pemulihan, tetapi tidak lagi digunakan dan sekarang ini sebahagiannya dijadikan pejabat.

Soalan saya, apakah ada perancangan untuk membaik-pulih atau membangun semula kompleks berkenaan dan menjadikannya semula sebagai Pusat Pemulihan atau Pusat Perlindungan kerana kalau dibangun semula maka akan banyak perancangan dan program yang akan dapat diberikan pada mereka yang kurang bernasib baik. Satu lagi isu yang berkaitan iaitu di rumah perlindungan sendiri terdapat anak-anak di bawah umur yang dijaga dan dilindungi yang terlibat dengan kes-kes penderaan dan pengabaian ibubapa.

Walaupun jumlah tidak ramai tetapi memerlukan perhatian. Kesungguhan pada pegawai yang bertugas menjaga dan mengawasi tidak dapat kita sangkalkan malah kita patut berterima kasih pada pihak kerajaan terutama melalui KKBS dan terutama juga kepada mereka yang terlibat langsung memeduli kebajikan anak-anak tersebut.

Isu yang ingin saya timbulkan ialah mereka yang menjadi punca masalah iaitu ibubapa sehingga anak-anak mereka ini terpaksa tinggal berasingan iaitu ibubapa mereka ini masih bebas di luar seolah-olah berpeluang untuk bersenang-senang atau pun sekiranya mereka ini sudah bercerai mereka bebas dengan pasangan masing-masing kerana anak mereka dijaga oleh pihak-pihak yang berkenaan. Inilah cabaran yang perlu difikirkan bagaimana seharusnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil satu pendekatan mengenai perkara ini.

Contohnya, apakah sudah ada akta yang boleh dikenakan hukuman kepada ibubapa yang sedemikian sekiranya mereka ini tidak cukup bukti untuk dihadapkan dan disabitkan ke mahkamah? Apakah ada sesi kaunseling yang disusun dan ditangani oleh pakar-pakar kaunseling sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi bahawa seramai 7 orang kaunselor yang ada. Adakah meliputi semua kategori yang akan diberi perkhidmatan yang sudah tentu berlainan aspek pendekatan dan tatacara menangani masalah-masalah berkenaan ataupun jika program-program latihan keibubapaan yang berkesan atau bengkel kerohanian dan penghayatan ugama dan seumpamanya dirancang oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terima kasih Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

- 1) Isu yang pertama mengenai Orang Berkeperluan Khas (OBK) yang tidak ada mempunyai keluarga dan siapa-siapa yang diharapkan untuk membantu mereka dalam urusan dan keperluan harian. Soalan saya selain daripada bantuan asasi, adakah bantuan pembantu rumah dapat diberikan kepada mereka? dan
- 2) Bantuan asasi berbentuk kewangan adalah yang terbanyak sekali dipohonkan daripada bantuan-bantuan lain. Ini menunjukkan senario tidak berkemampuan dalam menampung kehidupan harian. Oleh itu, adakah pemikiran untuk mewujudkan beberapa jenis pekerjaan bagi diberikan kepada pemohon bantuan ini berdasarkan bantuan asasi tersebut atau bantuan perusahaan secara berkumpulan dengan diberi latihan dan pemantauan. Pada peringkat permulaan adalah dicadangkan supaya dibantu oleh pihak berkenaan sepenuhnya secara berperingkat dengan diberi bimbingan dan dipantau sehingga mereka berjaya. Selain itu, dicadangkan supaya pekerjaan pembersihan dan pemotongan rumput tepi jalan-jalan kecil di mukim-mukim dan kampung diberikan kepada individu yang memohon bantuan tadi yang mempunyai kecergasan dan keupayaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya akan membawa masalah kemiskinan yang meningkat. Masalah kemiskinan adalah merupakan masalah sejagat dan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali dari masalah ini.

Mengikut statistik, jumlah golongan miskin di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dan dalam masa yang sama bantuan sumbangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan juga meningkat dari setahun ke setahun. Trend ini amat mendukacitakan dan usaha untuk membasmi kemiskinan ke tahap sifar adalah tidak berjaya. Mengikut Banci Penduduk Tahun 2012, jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam ialah 414 ribu orang dan kadar kemiskinan yang semakin meningkat ini akan memberikan impak yang negatif. Majoriti golongan miskin ini adalah terdiri dari kalangan orang-orang Melayu. Sistem bantuan sumbangan yang ada sekarang nampaknya tidak efektif dalam membasmi kemiskinan dan dalam hal ini sistem yang ada disyorkan untuk dikaji semula dengan mengambil kira faktor umur, taraf kehidupan dan kedudukan dalam keluarga, kesihatan, pendapatan dan lain-lain.

Jika dikira secara kasar, bantuan yang dihulurkan dalam setahun dalam kategori ini adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan pendapatan pekerja dalam Bahagian IV dan V di jabatan-jabatan kerajaan dan jauh lebih baik daripada pekerja-pekerja sektor swasta seperti buruh dan Jurujual. Saya menyarankan supaya Kerajaan dan pihak swasta memainkan peranan bagi menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi mereka

yang diiktiraf sebagai penganggur dan membuat program-program tertentu bagi membantu penerima-penerima bantuan ini bagi membolehkan mereka memanfaatkan bantuan sumbangan ini dan mengeluarkan mereka dari golongan miskin.

Selain itu, bagi mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara, keharmonian hidup perlu dijadikan elemen penting dalam hidup bermasyarakat, amalan berbelanja berlebih-lebihan perlu dielakkan dan jika karakter ini tidak ditangani dengan baik ia akan menimbulkan masalah-masalah sosial dan akan menjadi penyebab utama dalam kemiskinan.

Faktor-faktor yang boleh mengakibatkan ujudnya kemiskinan di kalangan masyarakat kita orang Melayu ialah pengangguran di mana ianya boleh melahirkan jenayah seperti curi, ragut, pecah rumah dan juga menagih dadah. Keluarga yang tidak harmoni yang timbul dari ekonomi yang sangat lemah, berbelanja berlebih-lebihan dan dari kemampuan mengakibatkan berlakunya penipuan dan perceraian suami isteri.

Isu kemiskinan ini adalah merupakan agenda utama dalam hidup bernegara dan bermasyarakat. Menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan pengangguran adalah salah satu dari elemen untuk mengekalkan kestabilan negara. Letaknya kemakmuran dan kesejahteraan rakyat yang sebenar ialah jika kemiskinan dan pengangguran dapat di atasi. Dalam hal ini saya mengharapkan agar program-program yang disediakan oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu kemiskinan dan pengangguran akan

berjaya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Satu isu sahaja. Dalam pengetahuan kaola pada masa ini belum ada pegawai tetap yang bertugas secara sepenuh masa dan kekal ditempatkan di Jabatan Pembangunan Masyarakat di cawangan di Daerah Temburong. Pada masa ini hanya pegawai ditempatkan di cawangan berkenaan yang ulang-alik setiap hari dari Bandar Seri Begawan secara *rotation* selama 2 tahun. Di Dewan yang Mulia ini dipohonkan seorang pegawai tinggal tetap di Temburong dengan adanya pegawai yang tetap bertugas dan tinggal di Temburong akan lebih memberi tumpuan lagi dalam urusan dengan orang ramai. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyentuh mengenai flat penempatan sementara sebanyak 5 buah bagi menempatkan mangsa-mangsa kebakaran, fakir miskin, ibu-ibu tunggal dan mereka yang bermasalah di Simpang 564 Kampung Belimbing.

- 1) Apakah langkah Jabatan Pembangunan Masyarakat bagi membantu mereka ini untuk mendapatkan bantuan memiliki rumah sendiri seperti projek perpindahan. Projek Majlis Ugama Islam dan projek Yayasan kerana mereka ini sudah lama mendiaminya lebih kurang 11 tahun;
- 2) Dicadangkan peruntukan untuk membaik pulih kerosakan yang terdapat di flat berkenaan bagi keselesaan penghuninya sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya menyokong usul ataupun cadangan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah iaitu isu kemiskinan. Isu kemiskinan adalah merupakan isu nasional dan perlu ditangani dengan sebaik mungkin dan bukan semata-mata tanggungjawab Jabatan Pembangunan Masyarakat. Isu ini perlu dikaji dan diteliti kerana kita banyak melihat kepada simptom-simptom saja tetapi kurang melihat sebab kemiskinan itu berlaku. Jadi yang penting, kalau penyebabnya sudah diketahui, bagaimana pula kita akan mengatasi masalah tersebut? Itu harus diteliti dan diambil perhatian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh mengenai isu

kemiskinan. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah setentunya melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah membuat kajian terperinci terhadap tahap kemiskinan dan mengambil langkah menanganinya sehingga mencapai kemiskinan sifar.

Dengan memperkenalkan berbagai-bagai program, usaha sedemikian adalah sangat dialu-alukan dan dihargai. Setelah melihat masyarakat yang dikategorikan miskin bukan saja terdiri daripada golongan orang-orang tua dan orang kurang upaya, bahkan juga ibu-ibu tunggal yang terdiri dari janda-janda dan balu-balu yang usianya masih muda, sehat dan boleh bekerja.

Dalam hubungan ini, saya mencadangkan supaya selain daripada pihak Kementerian berkenaan memberikan bantuan yang berbentuk kewangan adalah lebih baik mereka itu dibantu untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka. Bak kata pepatah: 'Kalau kita hendak memberi ikan lebih baik kita memberi kail untuk ia mengail ikan', begitulah seterusnya.

Sementara itu, bagi mereka yang diberikan Elaun Kebajikan maka adalah juga elok mereka itu diberi syarat ataupun dipersyaratkan supaya mereka itu dapat melibatkan diri dalam program satu kampung satu produk melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di mana mereka itu bermastautin kerana dengan cara sedemikian sekurang-kurangnya dapat melatih diri dan sekaligus berkecimpung dalam bidang perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang sedang diperkenalkan

di seluruh Negara. Ini akan dapat menampung jumlah bantuan yang mereka terima pada setiap bulan yang hanya sebanyak \$200.00 bagi dirinya yang mana tidak akan mencukupi berbanding kos keperluan seharian yang semakin meningkat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya berpandangan yang sama dengan rakan yang menyuarakan tentang cara menangani masalah kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Yang kedua, saya ingin mengetahui sama ada kategori orang pekak dan bisu dapat diberi pertimbangan untuk dimasukkan dalam Akta Orang Cacat dan Orang Berkeperluan Khas (OBK). Kita maklum bahawa ada sesetengah orang pekak dan bisu diterima bekerja seperti yang pernah dibuat oleh JAPEM sendiri tetapi tidak semua orang sedemikian dapat diterima bekerja disebabkan kekurangan kemahiran berkomunikasi dan ilmu pengetahuan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang terakhir sekali Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya sebagai Ahli

yang terakhir memberi hujah. Saya tidak akan menyentuh mengenai dengan masalah kemiskinan. Jadi saya ingin memperkatakan mengenai Pertubuhan Bulan Sabit Merah yang kita ketahui pertubuhan ini di antara yang tertua di Negara ini selain daripada Pengakap dan Pandu Puteri.

Pertubuhan ini lebih menjurus ke arah kerja-kerja kemasyarakatan dan sukarelawan. Setahu saya Pertubuhan Bulan Sabit Merah ini bagi Negara Brunei Darussalam pada masa ini mempunyai sebuah rumah lama untuk dijadikan pejabat yang kurang selesa dan tidak berkawasan. Para anggota Bulan Sabit Merah pernah dilihat mengadakan latihan perbarisan di tempat berjalan kaki berdepan dengan jalan raya. Belia-belua yang mengikuti pertubuhan ini patutlah dipedulikan dan diasuh kerana ia merupakan satu pertubuhan yang sihat menjurus kepada kerja-kerja amal berbentuk pertolongan cemas dan rawatan.

Aktiviti yang mereka jalankan ini setentunya boleh menimbulkan minat di kalangan ahlinya ke arah kerja sukarelawan, kejururawatan dan pertubuhan-pertubuhan awam. Memandangkan pertubuhan ini dianggotai oleh para belia maka pada pendapat saya mereka ini patut dibantu dalam berbagai kemudahan seperti menyediakan sebuah bangunan yang bersesuaian dan mempunyai kawasan yang luas dan selesa untuk dijadikan ibu pejabat dan melakukan aktiviti-aktiviti mingguan dan bulanan. Itulah saja pendapat saya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberikan ulasan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai dengan kedudukan Pusat Pemulihan dan Penempatan Perlindungan di Pulaie yang mana pada masa ini penghuni-penghuninya dipindahkan ke Pusat Pemulihan dan Penempatan di Subok.

Yang sebenarnya pemindahan itu adalah berbentuk sementara memandangkan keadaan blok-blok ataupun rumah-rumah di Pusat Pulaie itu adalah tidak bersesuaian untuk menempatkan mereka yang di bawah perlindungan ataupun pemulihan di Pusat Pulaie berkenaan. Langkah-langkah telah pun diambil oleh pihak Kementerian untuk membangun semula Pusat Pemulihan dan Penempatan di Pulaie itu.

Pada ketika ini, Pusat tersebut dijadikan sebagai blok-blok Pejabat memandangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menjalani pengubahsuaian di tingkat-tingkat tertentu yang mana memerlukan pemindahan beberapa jabatan daripada bangunan Kementerian untuk membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian dilaksanakan.

Mengenai penghuni-penghuni yang ditempatkan di Pusat Pemulihan dan Perlindungan, sememangnya mereka yang ditempatkan di sana itu adalah mereka yang terlibat dengan isu-isu kurang bermoral dan diberikan program-

program latihan dalam bentuk disiplin diri, bimbingan ugama dan motivasi diri termasuk juga pendidikan dan kemahiran. Diharap ini akan dapat memberikan bimbingan dan kesedaran kepada mereka untuk menjadi warga ataupun anggota masyarakat yang pulih dan akan meninggalkan kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral itu.

Dalam waktu yang sama juga terdapat satu Jawatankuasa Khas Untuk Menangani Isu-Isu Kurang Bermoral di kalangan belia-belia di Negara Brunei Darussalam yang mana ianya dipengerusikan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya percaya Jawatankuasa Khas tersebut juga mempunyai pelan-pelan tindakan untuk menangani isu-isu kurang bermoral di kalangan belia-belia di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai ibubapa yang menjadi punca kepada mangsa-mangsa ataupun menyebabkan terlibatnya remaja-remaja dengan kegiatan-kegiatan yang tidak bermoral, sememangnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat mengadakan sesi kaunseling berbentuk keibubapaan ke arah penjagaan kanak-kanak dari segi perkara-perkara yang perlu dilakukan ke arah mengukuhkan institusi keluarga dan ianya tidak semata-mata bergantung kepada tenaga yang terdapat di Kementerian. Pihak Kementerian juga melibatkan tenaga-tenaga dari luar apabila mengadakan seminar, bengkel dan seumpamanya. Memang diakui, tenaga yang terdapat di Kementerian adalah terhad dan dalam waktu yang sama juga, Kementerian mempunyai sukarelawan-sukarelawan yang juga membantu tenaga yang terdapat di Bahagian Jabatan

Pembangunan Masyarakat dalam memberikan kaunseling-kaunseling dalam berbagai-bagai disiplin kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu bantuan-bantuan yang diberikan kepada warga emas, sama ada mereka warga emas yang menerima pencen tua juga diberikan bantuan kebajikan. Sememangnya di samping menerima pencen tua, warga emas yang difikirkan berkelayakan juga dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan kebajikan bulanan yang mana dihulurkan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat mengikut kes-kes daripada hasil penyiasatan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Mengenai isu-isu kemiskinan yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, saya rasa ia merupakan pandangan-pandangan yang mempunyai persamaan. Sememangnya kajian-kajian telahpun dibuat mengenai dengan isu-isu kemiskinan di Negara Brunei Darussalam terutama sekali punca-punca kemiskinan. Saya ingin mengkongsikan di dalam Dewan yang mulia ini, di mana kemiskinan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam itu diistilahkan sebagai Kemiskinan Relatif (*Relative Poverty*) bukannya *Absolute Poverty* seperti yang dihadapi oleh banyak negara terutama sekali di negara-negara ketiga.

Adapun yang dimaksudkan dengan terma *Relative Poverty* ini ialah mereka yang miskin ini tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai kemahiran ataupun mereka itu menghadapi penyakit (*physical*

disabilities) ataupun penyakit-penyakit yang tertentu. Tetapi dalam waktu yang sama juga, dalam konteks Negara Brunei Darussalam, mereka mempunyai laluan ataupun *accessibility* kepada pendidikan dan kesihatan. Mereka juga mempunyai *accessibility* kepada perumahan, bekalan air, elektrik dan seumpamanya kalau dibandingkan dengan masalah kemiskinan di negara-negara lain.

Memang seperti yang saya nyatakan tadi, punca kemiskinan itu telahpun dikenal pasti. Ianya bukanlah semata-mata berpunca daripada satu punca malahan disebabkan oleh berbagai punca. Bukan saja dari segi tidak berkemahiran tetapi kadang-kadang ia juga sakit atau juga tidak mempunyai harta dan seumpamanya. Melalui kajian-kajian tersebut, maka langkah-langkah telahpun diambil bagaimana untuk mengatasi masalah kemiskinan ataupun *Relative Poverty* yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Sememangnya pendekatan-pendekatan disamping memberikan bantuan-bantuan kebajikan yang dihulurkan kepada mereka. Langkah-langkah juga telahpun diadakan seperti mana yang saya nyatakan tadi di dalam mukadimah saya iaitu pendekatan-pendekatan ke arah memberikan kemahiran untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak seperti program-program berdikari dan program-program perkasa. Program-program PROPAZ dan seumpamanya, termasuk dalam program-program Satu Kampung Satu Produk yang mana semuanya menuju ke arah pembasmian kemiskinan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai cadangan-cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin bagi penglibatan mereka

yang tergolong dalam golongan miskin ini dalam program Satu Kampung Satu Produk itu, memanglah dialu-alukan dan sememangnya itulah matlamat program Satu Kampung Satu Produk itu disamping untuk memajukan ekonomi masyarakat setempat, tetapi juga untuk membantu mereka yang tergolong di dalam golongan miskin di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad sama ada mereka yang buta dan tuli itu tergolong dalam Akta Pencen Tua dan Orang-Orang Cacat atau Orang-Orang Kurang Upaya, sememangnya mereka tidak termasuk dalam senarai akta berkenaan. Walau bagaimanapun, mereka ini berkelayakan untuk diberikan bantuan melalui program Bantuan Bulanan Kebajikan. Walaupun mereka tidak mendapat bantuan melalui Akta yang dinyatakan tetapi mereka diberikan bantuan melalui bantuan kebajikan dan mereka juga diberikan program-program latihan.

Alhamdulillah sejauh ini, dengan usaha-usaha daripada pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama agensi-agensi di dalam Kerajaan seperti yang saya nyatakan tadi, terdapatnya mereka yang pekak dan bisu ini yang mempunyai kemahiran yang diberikan, telahpun mempunyai pekerjaan, sama ada di pihak swasta ataupun kerajaan seperti Tabung Amanah Pekerja, Jabatan Pengangkutan Darat, di bank-bank seperti HSBC dan juga seperti syarikat DST. Memang mereka itu mempunyai laluan-laluan dan juga peluang pekerjaan bagi menyara diri mereka.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai dengan bantuan untuk diberikan kepada Bulan Sabit Merah. Perkara ini adalah diberikan perhatian sebab pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telahpun memberikan bantuan-bantuan kepada NGO's termasuk Bulan Sabit Merah yang memerlukan bantuan termasuk bantuan untuk mempunyai Pusat *Headquarters*. Mereka adalah disarankan untuk memohon kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan kesesuaian mereka untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diberikan kepada NGOs di Negara Brunei Darussalam.

Saya rasa, saya telah menjawab semua soalan yang telah dikemukakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat diundi, siapa bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini telah selesai meluluskan Tajuk-Tajuk dibawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Maka perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih balik di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 23 Mac 2013 pada jam 9.30 pagi, sekian terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Sabtu, 11 Jamadilawal 1434 / 23 Mac 2013

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., PKL., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir sebelah petang).

Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu bagi hari yang ketiga belas didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi meneruskan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang ketiga belas. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII, iaitu Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 / 2014 di Peringkat Jawatankuasa. Bagi membolehkan kita membincangkan Tajuk-Tajuk seterusnya di Peringkat Jawatankuasa, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di Peringkat Jawatankuasa. Alhamdulillah, setakat ini Tajuk-Tajuk bagi 10 buah Kementerian telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Ini bermakna tinggal peruntukan bagi 2 buah Kementerian sahaja lagi yang akan dibincangkan.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Tajuk SM - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin untuk menyampaikan mukadimah. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola terlebih dahulu memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk memberikan sedikit penerangan mengenai sokongan peruntukan tahun 2013 / 2014 bagi Kementerian Kesihatan dan senario kesihatan masa kini dan rancangan Kementerian Kesihatan.

Alhamdulillah, Kementerian Kesihatan telah disokong dengan disediakan peruntukan \$366,479,400.00 bagi sesi Tahun Kewangan 2013/2014, iaitu bertambah sebanyak \$18,722,400.00 daripada peruntukan Tahun Kewangan 2012 / 2013. Sebahagian dari peruntukan ini digunakan bagi pembayaran Gaji Kakitangan, pembayaran pemindahan skim perkhidmatan doktor yang baru, penambahan 71 jawatan bersih termasuk jawatan secara *trade off* dan tambahan jawatan melalui Waran Perjawatan bagi Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai-Pegawai Perubatan dan pelbagai jawatan dalam profesional kesihatan.

Ini termasuk juga antara lainnya penambahan peruntukan di bawah Tajuk Perbelanjaan Berulang-Ulang:

- i. Penambahan \$500,000.00 menjadi \$4,500,000.00 di Bahagian Pembelian & Perbekalan, Jabatan Kementerian Kesihatan;
- ii. Penambahan peruntukan ubat \$500,000.00 menjadi \$7,500,000.00

bagi pesakit-pesakit buah pinggang di bawah Jabatan Perkhidmatan Renal;

- iii. Penambahan \$3,000,000.00 kepada \$10,000,000.00 - perbekalan dan perkhidmatan perubatan bagi Jabatan Perkhidmatan Makmal;
- iv. Operasi Promosi Kesihatan ditambah \$200,000.00 menjadi \$700,000.00;
- v. Tajuk Perubatan (Ubat, Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan serta Perkhidmatan Perubatan) menjadi \$57,000,000.00;
- vi. Pemeliharaan Sistem Komputer \$2,000,000.00
- vii. Peningkatan kemahiran dan kapasiti \$1,500,000.00.

Di bawah Tajuk Perbelanjaan Khas:

- i. \$5,000,000.00 bagi Menangani Ancaman Wabak Penyakit-Penyakit Berjangkit;
- ii. \$7,800,000.00 - pembelian perkakas dan peralatan bagi hospital, pusat kesihatan, perkhidmatan pergigian, perkhidmatan renal, kesihatan, farmasi dan makmal;
- iii. Manakala \$3,325,000.00 - pembekalan infrastruktur termasuk menaik taraf pejabat, hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kesihatan;

Peruntukan Kementerian Kesihatan yang berjumlah \$366,479,400.00 membuktikan keprihatinan dan komitmen yang tinggi Kerajaan di bawah kepimpinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam terhadap betapa pentingnya perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti demi menjaga dan melindungi kesejahteraan, meningkatkan kualiti kehidupan serta keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini sepatutnyalah juga mensyukuri, menghargai dan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana Kerajaan Baginda telah menyediakan dan terus menerus berusaha meningkatkan kualiti dalam pelbagai bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan khususnya dalam bidang kesihatan. Walau bagaimanapun, kita sebagai rakyat dan penduduk di Negara ini hendaklah memanfaatkan dan menggunakan dengan sebaik-baiknya serta memberikan kerjasama terutama sekali yang lebih penting bersama-sama bertanggungjawab dan benar-benar komited untuk menjaga dan memelihara kesihatan masing-masing khususnya dengan mengamalkan cara hidup sihat.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Dalam mendukung Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 dan Visi Kementerian Kesihatan 2035 iaitu "Bersama Ke Arah Warga Sihat", Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan secara berterusan melipatgandakan usaha bagi memperkembangkan dan memantapkan lagi sistem perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang sedia ada yang bermula dari peringkat asasi (*primary*) hinggalah kepada *secondary* dan *tertiary* dengan

mengadaptasikan kaedah penjagaan kesihatan yang komprehensif secara *universal* serta amalan-amalan terbaik yang merangkumi bukan sahaja dari aspek mempromosi kesihatan, rawatan dan pemulihan malahan juga pencegahan serta pengawalan penyakit-penyakit.

Ke arah mencapai matlamat ini, Kementerian Kesihatan tidak akan kendur-kendur memperluaskan dan mengukuhkan lagi sistem kesihatan demi untuk meningkatkan perkhidmatan kepada yang lebih berkualiti, efisien dan efektif bagi menjamin tahap kualiti kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Usaha-usaha yang telah giat dan akan dilaksanakan insya-Allah, meliputi beberapa aspek seperti berikut:

- 1) Memperbaiki dan meningkatkan lagi taraf infrastruktur bangunan-bangunan hospital, pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik kesihatan serta makmal-makmal dan kemudahan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan di Negara ini mengikut keutamaan dan keperluan masyarakat dan negara. Melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN), projek prasarana kesihatan akan terus dilaksanakan dan dirancang mengikut keperluan dan keutamaan supaya penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan kondusif mudah diperolehi secara saksama oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di Negara ini.

Antara lain projek-projek infrastruktur yang saya maksudkan yang telah siap pada tahun 2012, proses pelaksanaan serta rancangan ialah:

- i. Projek Bangunan Makmal Saintifik dan Makmal Kesihatan Awam dan

- Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong telah siap dan beroperasi;
- ii. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu juga telah siap dan mula beroperasi pada bulan Julai 2012;
 - iii. Projek pembinaan Blok Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang berharga \$63,897,000.00 yang pada masa ini dalam proses pembinaan dan insya-Allah, akan dijangka siap pada bulan Mac 2014;
 - iv. Pusat Kesihatan Gadong yang baru bagi menggantikan Pusat Kesihatan Rimba yang ditempatkan pada masa ini di Pusat Dialisis Rimba yang mana dijangka akan siap, insya-Allah pada bulan April 2013 tahun ini;
 - v. Menaik taraf dan mengubah suai Pusat Kesihatan Seria;
 - vi. Menaik taraf dan mengubah suai Pejabat Kesihatan Kuala Belait;
 - vii. Projek Pusat Kesihatan Berakas B yang baru, bertempat di kawasan Perpindahan Lambak Kanan dan Pusat Kesihatan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kampung Sungai Kebun bagi menggantikan pusat-pusat kesihatan yang ada, pada masa ini dalam proses penyediaan reka bentuk bangunan setelah konsultant-konsultant bagi projek berkenaan dilantik pada bulan Februari 2013;
 - viii. Projek Membesarkan dan Menaik-taraf Unit Dialisis, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong kepada Pusat Dialisis, dan membesarkan dan mengubah suai Klinik Kesihatan Daerah Temburong. Kerja bagi kedua-dua projek ini telah pun mula dilaksanakan dan insya-Allah, akan dijangka siap pada hujung tahun ini;
 - ix. Projek Bangunan Perkhidmatan Farmasi dalam proses pembinaan bertempat di Kampung Madaras;
 - x. Bangunan Stor Perubatan dan Kesihatan Negara di tempat yang sama. Kontraktor bagi pembinaan projek ini telah dibenarkan;
 - xi. Makmal bagi Pusat Pengasingan Kebangsaan, di Daerah Tutong insya-Allah, akan dilaksanakan;
- Dalam usaha mengurangkan peningkatan kos perbelanjaan kesihatan serta dalam mendukung matlamat pembangunan sosio-ekonomi negara yang berdaya tahan, Kementerian Kesihatan terus memberi keutamaan kepada pendekatan Pencegahan Lebih Baik Dari Merawat (*Prevention Is Better Than Cure*) yang memang sudah terbukti sebagai kaedah *cost-effective* serta dapat mengurangkan bebanan bukan sahaja individu, keluarga, masyarakat malahan juga di peringkat Negara.
- Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan berterusan melaksanakan pelbagai program promosi kesihatan, pencegahan, pengawalan dan pengesanan awal (*Health Screening*) dengan memfokuskan kepada penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit seperti Kanser, Diabetes, Penyakit Jantung dan penyakit *Cerebrovascular Diseases*. Keempat-empat jenis penyakit inilah yang menjadi punca utama penyebab kematian di Negara ini di mana seramai 641

kematian iaitu 52% dari jumlah 1,235 kematian direkodkan pada tahun 2011. Di samping memberi perhatian yang serius terhadap faktor-faktor risiko misalnya Obesiti, tidak mengamalkan cara hidup sihat, merokok serta penjagaan kesihatan pergigian dan kesihatan mental juga diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan.

Di peringkat masyarakat pula, aktiviti-aktiviti promosi kesihatan giat diperluaskan di seluruh negara dengan memfokuskan kepada kaedah *People Centred Health Care* seperti Program Mukim Sihat dan penubuhan Jawatankuasa Mempromosi dan Mengamalkan Cara Hidup Sihat di pusat-pusat kesihatan yang melibatkan pelbagai *stakeholders* terutama sekali pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung dan juga masyarakat setempat.

Menyebarkan dan mempertingkatkan pendidikan dan kesedaran kepada orang ramai dengan membuat pembaharuan penerbitan risalah-risalah promosi kesihatan yang lebih berkesan, mengadakan lebih banyak lagi forum, jerayawara, pameran, kegiatan fizikal, program dan aktiviti-aktiviti penjagaan kesihatan dan cara mengamalkan hidup sihat melalui media massa.

Salah satu strategi dalam mempromosi kesihatan bagi memperkesakan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit yang lebih efektif ialah menyebarkan lagi program pemeriksaan kesihatan (*health screening*) bagi pengesanan faktor-faktor risiko kesihatan serta mengesan penyakit lebih awal supaya penyakit akan mudah dirawat

dan mengelakkan dari melarat atau bertambah kompleks dan kronik di kalangan masyarakat di Negara ini.

Maka dari itu insya-Allah, Kementerian Kesihatan akan memperkenalkan Program Pemeriksaan Kesihatan di Pusat-Pusat Kesihatan secara berperingkat-peringkat pada tahun ini bagi membolehkan masyarakat setempat dan di kawasan-kawasan tadahan mendapatkan perkhidmatan yang lebih mudah dan *accessible*. Mereka yang didapati mempunyai faktor-faktor risiko dari hasil pemeriksaan kesihatan itu akan diberikan rawatan intervensi dan dipantau bagi mengawal dan mencegah penyakit-penyakit tersebut menjadi kronik, di samping diberikan nasihat dan kaunseling terutama sekali dalam mengubah minda agar mendisiplinkan dan mengamalkan cara hidup sihat.

Kejayaan Program Pemeriksaan Kesihatan ini memerlukan kerjasama yang erat lagi padu di kalangan Jawatankuasa Mempromosi dan Mengamalkan Cara Hidup Sihat dan di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat di akar umbi serta komitmen penduduk-penduduk setempat untuk tampil ke hadapan menjayakan pemeriksaan kesihatan ini.

Insya-Allah, kaedah ini bukan sahaja mendatangkan manfaat yang sangat besar untuk menyedarkan kita bagi menjaga kesihatan diri dan kesejahteraan masing-masing bahkan impak yang lebih besar ialah berupaya mengurangkan kos rawatan kepada Kerajaan dan sekaligus insya-Allah, kita akan dapat mewujudkan warga yang sihat, aktif dan produktif yang dapat menyumbangkan lagi kepada perkembangan sosio-ekonomi negara.

Penubuhan Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit juga telah mula menyediakan Pelan Kebangsaan dengan mengadakan program konsultasi pelbagai sektor kerajaan dan bukan kerajaan (*NGO's*) untuk memastikan pelan tindakan strategi yang lebih komprehensif dan bersepadu yang mengandungi program-program tindakan perancangan, pengawalan dan pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara ini akan lebih berkesan, efektif dan bersistematik. Ini akan menggunakan kaedah *common risk factors* yang berasaskan bukti (*evidence based*) dan mengikut garis panduan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*).

Baru-baru ini, dari hasil kaji selidik Status Kesihatan dan Permakanaan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-2 bagi tahun 2009 hingga 2011 bagi kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah menunjukkan keadaan yang begitu membimbangkan yang ingin saya kongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini. Antara lain:

- i. 8.8% daripada kanak-kanak sudah mempunyai berat badan yang berlebihan (*overweight*).
- ii. 3.3% sudah berkeadaan obes.
- iii. 8.7% kanak-kanak yang baru berumur 1 tahun sudah menerima minuman manis yang sepatutnya peratus dapatan mengenainya adalah di tahap sifar.

Tanda-tanda awal seperti ini mempunyai risiko-risiko yang boleh menyumbang kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti Darah Tinggi, Kencing Manis (*Diabetes*), Penyakit Jantung dan

pernafasan yang kronik yang sudah setentunya akan membebankan diri mereka, keluarga dan Negara jika tidak diambil langkah-langkah pengawalan awal secara berkesan dan komprehensif apabila mereka menjadi belia dan dewasa. Masalah-masalah ini akan berbangkit dan mungkin akan memudaratkan diri sendiri dan keluarga jika kita tidak mengambil langkah-langkah tertentu.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan *Taskforce* Permakanaan Untuk Ibu, Anak-Anak Damit dan Kanak-Kanak yang akan bertindak meneliti lanjut hasil dapatan kaji selidik tersebut dalam mengenal pasti, memantau dan melaksanakan pelan-pelan tindakan yang strategik yang menjurus kepada hal ehwal pemakanan serta pencegahan faktor-faktor risiko kesihatan ke arah meningkatkan tahap kesihatan yang lebih berkualiti dan membudayakan cara hidup sihat demi membentuk generasi kita pada masa akan datang lebih cergas bukan sahaja dari segi mental tetapi juga dari segi fizikal, lebih aktif, produktif dan dinamik bagi kelangsungan memantapkan sosio-ekonomi Negara di masa akan datang.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini bagi memastikan *Health in All Policies* ini berjalan seperti yang diharap-harapkan, Kementerian Kesihatan memerlukan kerjasama dan komitmen pelbagai sektor Kerajaan dan bukan Kerajaan serta masyarakat bagi kita bersama-sama menanai dan bertanggungjawab untuk membentuk warga Negara ini yang sentiasa sihat dan sejahtera.

Kementerian Kesihatan adalah juga komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sentiasa berusaha untuk mencapai piawaian perkhidmatan

yang tinggi di peringkat antarabangsa. Alhamdulillah, pada tahun 2012 pencapaian pengiktirafan akreditasi antarabangsa ISO 15189-2007 bagi Perkhidmatan Makmal yang menandakan satu "milestone" yang mencerminkan tahap kecemerlangan dan sekaligus meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang ramai. Insya-Allah adalah juga sudah menjadi rancangan Kementerian Kesihatan, kaedah pengiktirafan akreditasi sedemikian akan dilaratkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan telah juga melancarkan Program Penghargaan Perkhidmatan Kementerian Kesihatan Terbaik bagi kategori perkhidmatan iaitu Pusat-Pusat Kesihatan, Klinik-Klinik Kesihatan, Wad-Wad di Hospital dan Klinik-Klinik Perubatan Pakar pada bulan November 2012 sebagai salah satu inisiatif untuk memantau dan berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan cemerlang secara objektif dan bersistematik.

Ini adalah juga bagi menggalakkan setiap jabatan atau bahagian akan terus komited, proaktif dan inovatif secara berpasukan untuk bersama-sama meningkatkan perkhidmatan dan kecemerlangan masing-masing. Dalam pada itu, bukan sahaja kita menghargai yang terbaik malahan dari hasil penilaian tersebut juga, mana-mana jabatan atau perkhidmatan yang di tahap kurang memuaskan akan diambil perhatian untuk diperbaiki dan dikemas kini dan dipantau dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan cabaran dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit di samping

penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang saya nyatakan tadi, Kementerian Kesihatan juga telah mengambil beberapa langkah demi menangani dan melindungi kesihatan dan keselamatan awam di negara ini, antaranya:

- 1) Penubuhan Pusat Pengasingan Kebangsaan yang beroperasi sejak 13 November 2012 yang bertempat di Daerah Tutong. Pembinaan Pusat Pengasingan Kebangsaan ini adalah sebagai langkah kesiapsiagaan negara bagi menghadapi sebarang krisis penyakit berjangkit yang mungkin melanda di rantau ini atau di negara ini. Selain itu, pusat ini juga dimanfaatkan dengan secara optima bagi pengasingan kes-kes penyakit berjangkit yang memerlukan seperti Penyakit Batuk Kering (*TB*), Penyakit Denggi dan juga penyakit *MRSA (Methicillin Resistant Staphylococcus Aureus)*.
- 2) Setelah negara kita mencapai kebebasan dari penyakit Polio dan Malaria, seterusnya Kementerian Kesihatan bergerak setapak lagi di mana baru-baru ini telah melancarkan Program Penghapusan *Limfatik Filaria* yang dikenali di negara kita ini sebagai penyakit untut iaitu melalui strategi yang melibatkan pemberian ubat-ubat pencegah secara 'Mass Drug Administration' kepada penduduk-penduduk di mukim-mukim yang dikenal pasti yang mempunyai risiko yang tinggi di Daerah Tutong, Belait dan Temburong. Insya-Allah, saya percaya dengan kerjasama penduduk-penduduk yang terlibat kita akan bebas dari penyakit *Limfatik Filaria* (untut) di masa akan datang.

Dalam kita juga berhasrat untuk memantapkan lagi pencapaian negara melalui *Millennium Development Goals* yang berkaitan dengan kesihatan, Program Imunisasi Kebangsaan Kanak-Kanak diperkukuhkan lagi untuk terus melindungi dan menjaga kesihatan kanak-kanak daripada penyakit-penyakit yang dapat dicegah dengan penggunaan vaksin. Program ini telah berjaya menghasilkan liputan melebihi 95% iaitu lebih daripada had yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*). Program yang saya maksudkan ialah vaksin kombinasi 6 dalam 1, yang diperkenalkan baru-baru ini baru-baru ini juga diperkenalkan bagi menggantikan vaksin konvensional yang sedia ada dengan tujuan bagi memberikan perlindungan yang lebih berkesan dan efektif kepada kanak-kanak kita khususnya kanak-kanak damit di negara ini. Antara lainnya daripada penyakit-penyakit Polio, Hepatitis B, Tetanus, Diphtheria dan lain-lain lagi. Ini juga sekaligus mengurangkan jumlah suntikan yang diberikan sebelumnya.

3) Untuk memperkesakan lagi program pencegahan dan pengesanan awal kanser servik di Negara ini, maka Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Program *Pap Smear* dan penubuhan *Pap Smear Registry*. Pada 1 Januari 2012 pula, Kementerian Kesihatan melancarkan program Vaksinasi *Human Papilloma Virus* (HPV) bagi membantu mengesakan lagi langkah-langkah pencegahan dan mengurangkan risiko Kanser di kalangan wanita khususnya remaja perempuan di Negara kita.

4) Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga terus menerus membuat pemantauan dan langkah-langkah pencegahan terhadap penyakit-penyakit berjangkit seperti Penyakit Flu; Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut dan Penyakit Denggi, iaitu bagi memastikan penyakit-penyakit ini terkawal dan ditangani dengan sewajarnya. Seperti kita sedia maklum, dari masa ke semasa Kementerian Kesihatan melalui mass-media memaklumkan tentang kedudukan penyakit-penyakit tersebut dan juga menasihatkan bagi mengawasi dan juga mengambil langkah-langkah pencegahan.

5) Di samping itu, Kementerian Kesihatan berterusan memberikan penekanan kepada kesedaran orang awam khususnya dalam memastikan persekitaran yang sihat, bersih dan selamat untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit yang dipengaruhi oleh persekitaran sama ada di tempat tinggal, tempat kerja, premis perniagaan atau premis makanan semata-mata bagi tujuan melindungi kesihatan dan juga kesejahteraan awam.

Dalam mempertingkatkan lagi sistem penjagaan kesihatan negara, pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan kepada *evidence based* di samping meningkatkan nilai organisasi dari segi kualiti, efisiensi dan keberkesanan pengurusan, perkhidmatan dan penjagaan kesihatan, dua projek khusus sedang dijalankan pada masa ini. Projek tersebut:

1) Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan Negara Brunei Darussalam insya-Allah, akan dijangka

siap hujung tahun 2013. Ianya akan menyediakan garis panduan dalam komponen-komponen utama sistem penjagaan kesihatan yang merangkumi aspek *governance*; kewangan; pemberian perkhidmatan; sumber tenaga manusia; pembekalan dan penyediaan produk dan teknologi perubatan; dan penggunaan teknologi maklumat serta pelaksanaan penyelidikan kesihatan.

Seterusnya juga ianya akan memberikan hala tuju perancangan strategik yang lebih komprehensif bukan sahaja setakat jangka masa pendek malahan juga meliputi kepada jangka masa sederhana dan jangka panjang di samping sejajar dengan strategi-strategi sekuriti, pembangunan infrastruktur, sosial dan jaminan sosial seperti yang digariskan dalam Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.

2. Pelan Induk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga sedang dalam proses penelitian yang bertujuan bagi menaiktaraf, memperkukuh dan mempertingkatkan lagi keperluan pemberian perkhidmatan termasuk keperluan infrastruktur sesuai dengan fungsinya sebagai pemberian perkhidmatan di peringkat *secondary* dan *tertiary* ke arah yang lebih berkualiti, efisien dan cemerlang.

Alhamdulillah, projek "*Brunei Darussalam Healthcare Information Management System*" atau lebih dikenali sebagai *Bru-HIMS* yang mengubah *landscape system conventional record* kesihatan kepada e-Kesihatan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat yang dimulai di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong pada bulan Julai 2012 dan baru-baru ini diperkenalkan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, manakala di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, dimulakan dengan peringkat pendaftaran ke dalam sistem *Bru-HIMS* pada 13 Mac 2013 yang lalu.

Projek ini dihasratkan untuk memperkenalkan Rekod Elektronik Pesakit dan mengintegrasikan pengurusan maklumat pesakit di semua hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kerajaan supaya lebih efektif, efisien dan secara terarah. Sistem ini adalah merupakan salah satu pelengkap kepada sistem penjagaan kesihatan Negara dan akan turut menyumbang kepada meningkatkan kualiti serta keberkesanan perkhidmatan.

Dalam Majlis ini, saya juga memohon kerjasama dan persafahaman orang ramai khususnya dalam kita menghadapi proses transformasi dan penyesuaian penggunaan sistem tersebut di hospital-hospital dan di pusat-pusat kesihatan berkenaan.

Adalah tidak dapat dinafikan seperti lawatan saya dari masa ke semasa di peringkat awal ini mungkin terjadi beberapa masalah yang tidak dapat kita jangkakan dan kelambatan di mana insya-Allah ianya akan diusahakan bagi mengatasi dan memperbaiki dari masa ke semasa. Yang lebih penting ialah kita akan terus memperkenalkan sistem ini kerana ianya akan memberikan impak positif yang sangat signifikan di masa akan datang kepada sistem kesihatan Negara kita.

Kementerian Kesihatan juga memberi keutamaan kepada pengukuhan serta

memperkesakan lagi perundangan Negara mengenai bidang kesihatan sebagai komponen penting dalam mendukung kepada matlamat untuk melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan awam.

Cadangan penggubalan undang-undang baru mengenai kesihatan awam khususnya bagi kawalan vektor sudah diusahakan dan dalam proses penelitian yang bertujuan untuk memperkesakan lagi pengawalan dan langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti Denggi, Malaria dan Filiarisis di negara ini.

Selain daripada Akta Kesihatan Awam Makanan dan Peraturan-Peraturan yang sedia wujud di Negara kita, Kementerian Kesihatan juga sedang meneliti dan akan mencadangkan Pindaan Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Kebersihan Makanan) yang dihasratkan juga untuk mengemaskini dan memperkesakan lagi prosedur penguatkuasaan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan semata-mata bagi menghindarkan dari sebarang ancaman yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan awam.

Pemberitahuan Tembakau (Larangan Di Tempat-Tempat Tertentu) (Pindaan) 2012 [*Tobacco (Prohibition in Certain Places) (Amendment) Notification, 2012*] yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2012 bertujuan untuk memperkesakan lagi langkah-langkah penguatkuasaan dalam mengurangkan faktor risiko merokok khususnya yang memudaratkan kesihatan awam dan alam sekitar. Ini menambahluaskan lagi tempat-tempat atau bangunan awam yang dilarang

seperti pasar, tamu, terminal bas, airport dan *check point* keluar / masuk.

Manakala Peraturan-Peraturan Tembakau (Perlabelan) (Pindaan), 2012 [*Tobacco (Labelling) (Amendment) Regulations, 2012*] juga telah mula berkuat kuasa sejak 1 September 2012 dan bertujuan untuk memperkesakan lagi amaran kesihatan dengan menambah peratus bagi keluasan permukaan bagi percetakan amaran kesihatan kepada 75%.

Alhamdulillah, langkah sedemikian ini telah mendapat perhatian dan pengiktirafan bagi peringkat global yang mana Negara Brunei Darussalam adalah di tempatkan di tangga ke-4 bagi amaran kesihatan bergambar terbesar di kotak rokok di seluruh dunia. Negara Brunei Darussalam juga diiktiraf mempunyai amaran kesihatan yang bergambar terbesar di kalangan negara-negara ASEAN.

Penelitian dan pengemaskinian perundangan mengenai penyakit mental yang telah sekian lama wujud telah juga dipergiatkan melalui perbincangan dengan agensi-agensi Kerajaan yang bersesuaian ke arah cadangan menggubal undang-undang baru yang dinamakan Perintah Kesihatan Mental.

Ini adalah bertujuan untuk membentuk undang-undang yang lebih sesuai mengikut perubahan masa dan persekitaran serta perkembangan penjagaan kesihatan mental yang sering diabaikan. Pembaharuan kepada perundangan mengenai kesihatan mental ini antara lain dihasratkan memberikan perlindungan dan hak-hak rawatan serta penjagaan kesihatan dan juga kesejahteraan kepada mereka yang

menghidap penyakit dan gangguan mental.

Tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi adalah juga merupakan komponen yang mustahak dalam sistem kesihatan Negara yang mantap dan berkualiti tinggi. Alhamdulillah, jumlah profesional kesihatan dari kalangan anak-anak tempatan telah meningkat dari masa ke semasa di mana sehingga bulan Januari 2013 kita mempunyai 267 orang doktor tempatan yang merupakan 43% dari jumlah 618 orang keseluruhan Doktor Perubatan dan Pergigian yang bertugas di Kementerian Kesihatan sama ada di hospital-hospital, di pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik dan pejabat-pejabat. Dari 267 orang doktor tempatan ini, kita mempunyai 43 orang dikategorikan sebagai konsultan atau pakar dalam bidang perubatan, kesihatan asasi, pergigian dan kesihatan awam.

Usaha ini akan diteruskan untuk menambah jumlah keramaian termasuk meningkatkan lagi tahap kepakaran dan profesionalisme anak-anak tempatan bukan sahaja di kalangan doktor-doktor malahan juga kepada jururawat, Farmasi dan *Allied Health Professional* dengan hasrat untuk memenuhi keperluan Negara serta meningkatkan lagi kualiti tahap kepakaran dan kemahiran dalam bidang tertentu dan sekaligus berkeupayaan memberikan perkhidmatan serta penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti tinggi dan berkesan kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Memandangkan Negara kita masih lagi menghadapi kekurangan profesional kesihatan di kalangan anak-anak tempatan, maka Kementerian Kesihatan

masih meneruskan pengambilan Konsultan, Pakar dan Doktor asing sama ada secara berkontrak, *locum tenens* atau mendatangkan pakar secara jangka pendek bagi memberikan rawatan sub-kepakaran (*sub-speciality*) kepada kes-kes kompleks dan kronik dari masa ke semasa.

Kementerian Kesihatan juga memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti daya tenaga bukan sahaja dalam profesion kesihatan malahan juga dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kesihatan dengan memperkenalkan Kursus Pengurusan Eksekutif Dalam Penjagaan Kesihatan yang dikhususkan kepada Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan Pentadbir-Pentadbir Hospital dan Pusat-Pusat Kesihatan dan juga Kursus Diploma Lanjutan Dalam Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan yang dikhususkan kepada Pegawai-Pegawai Jururawat Kanan ataupun *Nurse Manager* dan pelbagai profesional kesihatan. Adalah diharapkan dengan pendedahan seperti ini akan dapat meningkatkan sistem pengurusan dan pentadbiran kesihatan yang lebih berkualiti, cekap, efisien dan efektif.

Berhubung dengan perkhidmatan ambulans, setelah meneliti keperluan perkhidmatan ambulan tersebut dan dalam usaha Kementerian ini meningkatkan mutu perkhidmatan serta mempercepatkan *respond time* semasa menangani kes-kes kecemasan dan kemalangan, Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti dan menambah perkhidmatan ambulans di pusat-pusat kesihatan yang difikirkan bersesuaian lagi strategik seperti Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong dan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu

dengan menyediakan perkhidmatan ambulans dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan memulakan perkhidmatannya pada awal bulan Januari 2013.

Di samping itu, kita semua sedia maklum bahawa perkhidmatan ambulans 24 jam yang berpangkalan di hospital-hospital di semua daerah dan di Pusat Sungai Liang telahpun sememangnya sekian lama beroperasi seperti biasa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengimbas kembali akan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Perasmian Majlis Ilmu 2012, Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-66 tahun pada 11 September 2012 yang mana Baginda sangat-sangat mengambil prihatin dan mengambil-berat betapa pentingnya nilai kesihatan.

Antara lain Baginda bertitah:-

"Kesihatan yang optima tidak syak lagi akan membolehkan seseorang individu itu menunaikan kewajiban dunia dan akhiratnya dengan sempurna. Warga yang sihat akan dapat memainkan peranan lebih cergas, lebih produktif dan efektif untuk masyarakat dan Negara".

Seterusnya Baginda bertitah:-

"Kerajaan adalah berharap untuk melihat rakyat dan penduduk di Negara ini mempunyai tahap kesihatan yang optima. Namun ini, hanyalah dicapai jika setiap individu dan masyarakat sama-sama

menyedari dan mengambil berat perkara-perkara kesihatan".

Sehubungan dengan ini, marilah kita semua sebagai *stakeholders* sama ada pihak Kerajaan, sektor swasta atau *NGO's*, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua lapisan rakyat penduduk negara ini sama-sama mendukung dan menanai kurnia titah tersebut di samping kita sama-sama menghargai dan mensyukuri nikmat kesihatan yang sangat tinggi nilainya yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan sama-sama kita bertanggungjawab dan mengubah *mindset* kita terutama sekali dalam mendisiplinkan diri untuk mengamalkan cara hidup sihat demi menjaga dan memelihara kesihatan masing-masing, keluarga, penduduk mukim dan kampung, masyarakat dan Negara dan bukannya semata-mata dipertanggungjawabkan dan dibebankan kepada Kementerian Kesihatan sahaja.

Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan tidak kendur-kendur akan terus komited dan melipatgandakan usaha sedaya upaya yang boleh untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan di Negara ini kepada rakyat dan penduduknya. Kesihatan kita adalah sangat penting kerana dengan berkeadaan sihat wal'afiat bukan sahaja daripada segi fizikal dan mental akan dapat menyumbang kepada peningkatan kehidupan yang berkualiti, lebih aktif, tetapi juga berupaya menjalankan aktiviti harian dan dapat mengerjakan amal ibadah dengan sempurna serta sekaligus kita dapat bersama-sama meningkatkan produktiviti, memantapkan lagi pembangunan sosio-ekonomi yang lebih mapan dan berdaya tahan yang menjamin

kelangsungan kepada kesejahteraan dan kecemerlangan Negara yang sama-sama kita cintai.

Dengan mukadimah saya ini adalah diharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mendapat gambaran kedudukan, langkah-langkah pendekatan dan strategi yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk kita bersama-sama memantapkan sistem perkhidmatan dan penjagaan kesihatan di Negara ini. Sekian Wabillahit Taufeq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat di atas kenyataan yang begitu komprehensif.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam pengamatan saya perkara-perkara yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi, meliputi berbagai aspek terutama usaha-usaha Kementerian Kesihatan untuk menyediakan dan meningkatkan kualiti kemudahan-kemudahan seperti pembinaan bangunan-bangunan baru dan juga menaik taraf dan membaiki bangunan-bangunan yang ada di semua daerah. Langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan dan sistem penjagaan kesihatan di seluruh negara juga sedang giat dilaksanakan, dan disentuh oleh Yang Berhormat itu.

Maka saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mana-mana perkara yang sudah pun diliputi dalam penjelasan Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu seeloknya tidak perlu dikemukakan semasa membincangkan Tajuk ini. Jika ada soalan-soalan atau cadangan-cadangan yang hendak

disuarakan, sebaik-baiknya hendaklah difokus kepada perkara-perkara yang tidak disentuh dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu. Tajuk SM - Kementerian Kesihatan, saya bukakan untuk dibahas. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang diberikan yang begitu jelas. Di kesempatan ini juga kaola ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana bersedia antara lain untuk menyediakan program pemeriksaan kesihatan yang dijanjikan akan mudah didapati oleh orang awam. Saya ikut bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa program ini adalah mustahak sebagai salah satu program *intervention* awal ke arah strategi pencegahan lebih baik daripada pemulihan (*prevention is better than cure*).

Di sini saya ingin menimbulkan dua isu yang mana keduanya berhubung kait akan tetapi soalan saya yang kedua mungkin memerlukan jawapan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Isu yang kaola maksudkan ialah berhubung peruntukan yang diberikan kepada Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (*Child Development Centre (CDC)*) yang terletak di Kampung Kiarong. Pada tahun ini, tindakan kerajaan untuk memberikan tumpuan kepada perkembangan belia

dengan menyediakan peruntukan sejumlah kira-kira \$200 juta adalah bertepatan sekali. Tindakan ini akan memastikan yang belia-belia kita akan mendapat bantuan-bantuan dalam meningkatkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk berdikari. Kita semua mengetahui, jika kanak-kanak menerima perhatian atau *intervention* di awal umur, kemungkinan mereka menjadi belia yang sempurna adalah lebih tinggi. Inilah juga sebabnya kenapa negara-negara dunia memberikan tumpuan kepada *early child development*. Dari itu inisiatif yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan untuk mengembangkan *early childhood education* adalah mustahak dan bertepatan dengan waktunya.

Walau bagaimanapun, pada lazimnya kira-kira 15% hingga 20% kanak-kanak akan memerlukan bantuan khas dalam beberapa perkara yang hanya dapat diberikan oleh pakar-pakar dan profesional yang terlatih dalam *child development*. Menurut laporan di seluruh dunia, jumlah kanak-kanak yang menghadapi masalah seperti autisme telah meningkat dengan kadar yang membimbangkan, ada pakar perubatan yang berpendapat, jumlah mungkin setinggi-tingginya seorang dalam setiap seribu atau satu dalam seratus. Dalam masa yang sama, jumlah bayi atau kanak-kanak damit yang lahir sebelum cukup bulan, yang dapat diselamatkan juga telah meningkat, ini disebabkan perkembangan dalam teknologi. Walau bagaimanapun, kanak-kanak ini juga mempunyai risiko tinggi untuk menghadapi masalah dalam pembangunan fizikal dan mental.

Bagi Negara Brunei Darussalam, saya kurang pasti berapa ramai kanak-kanak yang sedang ditempatkan di bawah

kawalan *Child Development Centre (CDC)*. Saya memohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan dapat mengongsikan jumlah yang tepat. Walau bagaimanapun saya meramal jumlahnya mungkin tinggi dan signifikan yang telah menyebabkan Kementerian Pendidikan menubuhkan *Special Education Unit* bagi kanak-kanak yang telah mencapai umur untuk menjalani pendidikan secara formal di sekolah-sekolah.

Bagi kanak-kanak damit yang di bawah umur pra-sekolah, Alhamdulillah, kita bersyukur dan berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana telah menyediakan *Child Development Centre (CDC)*. Walau bagaimanapun, seperti yang dilaporkan di Media Massa, nampaknya perkhidmatan yang disediakan di *Child Development Centre (CDC)* seperti *Speech* dan *Language Therapist* adalah tidak mencukupi, sementara perkhidmatan yang disediakan di sektor swasta adalah terhad dan harganya yang terlalu tinggi. Saya telah meneliti peruntukan yang diberikan kepada *Children Development Centre* bagi Tahun Kewangan 2013/2014, nampaknya tidak terdapat sebarang penambahan kakitangan. Dari itu saya mencadangkan supaya jumlah pakar-pakar dan profesional yang terlatih yang ditugaskan di *Child Development Centre* dapat difikirkan semula, untuk ditambah bersesuaian dengan jumlah kanak-kanak yang di bawah jagaan *Child Development Centre*.

Early Intervention kepada kanak-kanak sebelum mereka memulakan persekolahan formal, adalah mustahak supaya mereka ini dapat mengikuti pembelajaran dengan baik ketika berada di sekolah nanti. Tambahan lagi, kehadiran pakar-pakar ini juga diperlukan untuk membimbing dan

memberi tunjuk ajar kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang autisme.

Soalan saya yang kedua, seperti yang saya katakan tadi memerlukan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu berhubung dengan Elaun Orang Kurang Upaya sejumlah sebanyak \$250.00 sebulan. Pada masa ini, Elaun ini diberikan kepada kanak-kanak yang kurang berkeupayaan apabila mereka berumur 15 tahun sahaja. Di sini saya ingin mengetahui rasionalnya, kenapa elaun ini hanya diberikan kepada kanak-kanak tersebut apabila mencapai umur 15 tahun sedangkan ketika mereka berumur di bawah 15 tahun, mereka juga memerlukan bantuan-bantuan yang lebih dari apa yang diperlukan semasa mereka telah mencapai umur 15 tahun.

Memang tidak dinafikan banyak pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang persendirian yang telah menjadi dermawan dan menghulurkan bantuan-bantuan terutamanya di bulan Ramadan. Akan tetapi, mereka ini memerlukan bantuan secara berterusan oleh itu saya mencadangkan supaya syarat-syarat penerima elaun orang yang kurang berupaya dapat di kaji semula. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kaola ada 5 perkara

yang ingin ditimbulkan, tapi sebelum itu di Dewan yang mulia, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana banyak memberikan kemudahan kepada orang ramai terutama sekali meningkatkan infrastruktur dengan membina dan penambahan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang dijangka tidak lama lagi akan siap iaitu Blok Perempuan dan Kanak-Kanak. Perkara ini amat dihargai dan kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dengan usaha-usaha berterusan Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawainya dalam menjalankan promosi-promosi kesihatan di seluruh Negara. Dalam tajuk ini saya ingin bercakap dengan beberapa isu sahaja:

- 1) Saya ingin mencadangkan supaya ditambah masa perkhidmatan bagi beberapa buah kaunter kesihatan di kawasan Zon 4 umpamanya di Klinik Sengkurong, Klinik Pangkalan Batu dan Klinik Sungai Asam mulai dari jam 4.00 petang hingga 9.00 malam untuk membolehkan orang ramai berurusan dan mengambil ubat. Ini sering disuarakan oleh masyarakat dari kawasan Zon 4.
- 2) Adalah dicadangkan juga supaya Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan dapat dipertingkatkan walaupun perkara ini remeh-temeh, tetapi ianya penting terutamanya TPOR yang berkaitan dengan penepatan jadual lawatan dan maklumat tentang pesakit-pesakit di wad-wad yang perlu diperbaiki.
- 3) Mengenai kereta ambulans, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan cuma yang tidak

dinyatakan tadi ialah kawasan Sungai Asam diharap akan dapat juga kereta kecemasan itu.

4) Mengenai keselamatan hospital, terdapatnya banyak rungutan daripada orang ramai tentang kehilangan barang di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Kita tidak menyalahkan Kementerian Kesihatan ataupun pegawai-pegawai yang bertugas, cuma kalau boleh di setiap wad-wad adalah dicadangkan setiap pelawat yang hendak melawat saudara mereka akan dapat ditanya siapa nama pesakit yang akan dilawat sebelum mereka dibenarkan masuk. Ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang orang yang ikut masuk dengan berpura-pura masuk sahaja tetapi mempunyai tujuan yang lain; dan

5) Penambahan beberapa kakitangan juga diperlukan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha seperti yang dinyatakan walaupun sudah di dalam perancangan bahawa kemudahan-kemudahan lain seperti *wheel chair*, *trolley* dan sebagainya harus di perbanyakkan.

Pada kesimpulannya, saya amat menghargai dan menyokong segala usaha dan kerja keras yang telah ditunjukkan oleh Menteri Kesihatan dan semua pegawai-pegawai dalam memeduli dan membuat tindakan yang berterusan demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat dan penduduk Negara ini iaitu menepati kehendak kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disebutkan tadi.

Jadi akhirnya, izinkan saya berpantun sedikit;

*Banyak-banyak ambur selasih;
Ambur selasih di tepi kali;
Banyak-banyak terima kasih;
Kerana Menteri Kesihatan suka memeduli.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya akan menimbulkan 4 perkara sahaja di bawah tajuk Kementerian Kesihatan. Di Dewan yang mulia ini saya terlebih dahulu memohon izin menyampaikan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Negara Brunei Darussalam serta penghargaan kepada seluruh warga Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya di atas keprihatinan yang tidak kendur-kendurnya dalam menangani perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebelumnya di Dewan yang mulia ini.

Alhamdulillah, perkembangan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong sudah nampak berkembang dari masa ke semasa dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti oleh Kementerian Kesihatan demi kesejahteraan dan dalam membudayakan cara hidup yang sihat di Negara ini

khususnya bagi rakyat dan penduduk di Daerah Temburong.

Perkara yang pertama, iaitu perkara yang pernah disuarakan di Dewan yang mulia ialah mengenai perkhidmatan paramedik. Apa yang saya difahamkan bahawa perkhidmatan paramedik di hospital di ketiga-tiga daerah sudah diadakan kecuali di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di Daerah Temburong. Saya ingin tahu kenapa perkhidmatan paramedik belum dapat diadakan di Daerah Temburong, kerana perkhidmatan ini adalah diperlukan bagi penduduk-penduduk di Daerah ini?

Perkara yang kedua, seringkali berlaku pesakit-pesakit yang mempunyai kes-kes serius pada waktu malam yang mana akan dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan melalui perkhidmatan helikopter dan sudah tentu keluarga pesakit akan mengiringi satu atau dua orang. Masalah yang sering timbul ialah apabila keluarga pesakit yang memerlukan ruang atau bilik rehat sementara untuk bermalam tidak disediakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Persoalan saya adakah pihak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ada menyediakan ruang atau bilik rehat sementara untuk bermalam sehingga keesokan harinya?

Perkara yang ketiga adalah untuk menampung permasalahan pesakit di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, saya di Dewan yang mulia ini, mencadangkan supaya dapat diadakan cawangan klinik kesihatan atau pusat kesihatan di Kawasan Perpindahan Kampung Rataie, Mukim Bokok Temburong yang mana dalam pengetahuan saya klinik kesihatan

dahulunya telah diadakan di Kampung Bokok tetapi sekarang sudah ditiadakan.

Perkara yang terakhir, saya dan orang ramai juga ingin mengetahui sejauh manakah pemantauan Kementerian Kesihatan melalui jabatan-jabatan yang berkenaan terhadap penjualan ubat-ubat yang dijual di kedai-kedai ubat yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan atau kedai-kedai runcit di Negara ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Abdul Hamid: Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi, saya tidak ada apa-apa soalan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang dihuraikan yang meliputi semua aspek. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana pada perhatian saya keadaan kebersihan dan *landscaping* di hospital-hospital sama ada di Bandar Seri Begawan mahupun di Daerah Tutong nampaknya dikategorikan sebagai cemerlang, satu

perubahan yang begitu baik. Khususnya di Daerah Tutong, saya ingin menyentuh mengenai dengan sistem baru yang diperkenalkan melalui sistem komputer Bru-HIMS, pada mulanya agak sukar diterima oleh pelanggan, kerana sistem ini belum berjalan dengan sempurna.

Pada penglihatan dan pengalaman saya, apabila sampai masa untuk mendapatkan ubat pelanggan terpaksa menunggu beberapa lama baru dapat mengambil ubat yang berkenaan. Ini menyulitkan terutama sekali bagi pesakit-pesakit atau pelanggan yang tinggal berjauhan. Saya percaya apabila pegawai-pegawai dan pesakit-pesakit sudah faham dan maklum dengan penggunaan sistem ini, sudah tentu ini akan mengubah dan akan berjalan seperti yang dijangkakan.

Kedua, sukacita saya ingin menarik perhatian mengenai letak kereta yang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong yang sudah berkeadaan tidak memuaskan. Saya mencadangkan supaya tempat letak kereta yang dimaksudkan ini dapat diperbaiki dan diturap aspal untuk kegunaan kawasan letak kereta pesakit dan pelawat hospital. Ketiga, limpahan kemasukan ubat ke Negara ini nampaknya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hub penjualan ubat-ubatan yang masyhur terutama sekali ubat-ubatan tradisional seperti herba dan sebagainya. Umpamanya ubat kencing manis terdapat tidak kurang daripada 13 jenis ubat demikian dijual di pasaran. Minuman berjenama kopi sahaja tidak kurang dari 15 jenis yang dijual di pasaran. Saya berpendapat agar pemantauan rapi atau undang-undang pencegahan

perlu dibuat dari semasa ke semasa supaya orang-orang ramai tidak keliru dengan promosi-promosi yang dibuat ini. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi yang cukup padat, panjang dan lebar dengan jelas menyentuh mengenai pentadbiran dan perancangan Kementerian Kesihatan untuk pemedulian kesihatan penduduk-penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Merujuk mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan terdapat 267 orang ataupun 43% doktor-doktor tempatan.

1. Saya ingin mengetahui status doktor-doktor tempatan yang tidak mahu kembali ke Negara Brunei Darussalam, perkara ini pernah ditimbulkan tahun lepas. Minta *update* sahaja?;
2. Apakah lagi usaha Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan seterusnya untuk memastikan doktor-doktor dan juga penuntut-penuntut mengambil kursus perubatan balik berkhidmat di Negara Brunei Darussalam?; dan

3. Saya ingin tahu berapa ramai doktor-doktor tempatan yang berhenti daripada Kementerian Kesihatan dan apakah sebab-sebabnya? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan usaha-usaha Kementerian Kesihatan meningkatkan sistem dan kualiti perkhidmatan kesihatan, fasiliti dan kemudahan perubatan termasuk projek besar membina blok di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi perempuan dan kanak-kanak. Dengan terdirinya blok ini nanti, kita sangat optimis perkhidmatan perubatan rawatan yang diberikan kepada perempuan dan kanak-kanak akan lebih terarah, lebih berkualiti, efisien dan efektif. Saya ada 2 soalan sahaja Yang Berhormat Pengerusi:

1) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan mengambil perhatian yang berat terhadap tahap kesihatan rakyat, bukan sahaja dengan menyediakan kemudahan perubatan baik dalam Negara mahupun menghantar pesakit ke luar negara. Dengan mengambil kira tahap atau kos sara hidup, kos pengangkutan dan lain-lain semasa pesakit dirawat di luar negara yang

berbeza dan semakin tinggi. Adakah pihak Kementerian merancang untuk membuat kajian atau penelitian semula akan kadar kemudahan elaun bagi seseorang pesakit atau pengiring pesakit sesuai dengan keperluan semasa?; dan

2) Penyusuan susu ibu sebagaimana yang dijelaskan beberapa hari yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah satu fokus utama dan usaha bagi meningkatkan dan tumbesaran dan tahap kesihatan anak-anak damit. Usaha murni dan sesuai pula dengan kehendak agama amatlah dialu-alukan dan disokong. Soalan saya bagaimana Kementerian Kesihatan dapat meyakinkan kepada sesetengah majikan atau ketua-ketua Jabatan mereka, sama ada di sektor awam atau sektor swasta untuk mereka juga dapat memahami akan kepentingan penyusuan susu ibu ini, sehingga mereka juga ada usaha untuk sokongan memberi pertimbangan bersesuaian dan menjaga kebajikan ibu-ibu berkenaan dan tidak mempersendakan atau menghukum dengan cara yang tidak sepatutnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis mesyuarat Negara bersidang semula akan tetapi ditangguhkan selama 20 minit. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Akan tetapi untuk membolehkan kita menyambung semula perbincangan di Peringkat Jawatankuasa, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah di atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi. Di mana pada

pandangan saya, mukadimah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sungguh komprehensif dan menyeluruh dan kita jua penuh berharap supaya semua golongan lapisan rakyat di Negara ini akan sentiasa menjaga kesihatan masing-masing dengan mengamalkan cara hidup yang sihat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu.

Saya juga bersetuju sepenuhnya atas usaha pihak Kementerian Kesihatan yang akan membuat pemantauan kepada perkhidmatan di hospital-hospital, di pusat-pusat kesihatan di Negara ini dan akan memperbaikinya dari masa ke semasa. Di kesempatan ini, saya ingin menyuarakan sedikit perkara saja yang mungkin barangkali pihak Kementerian Kesihatan tidak menyedarinya. Sejak bulan Ogos tahun 2011, perkhidmatan kecemasan di Mukim Liang dihadkan sehingga jam 10.00 malam sahaja. Kalau boleh ianya dilaratkan sehingga jam 12.00 malam memandangkan perkembangan penduduk di Mukim Liang semakin meningkat.

Sejauh yang saya ketahui di Pusat Kesihatan Sungai Liang dibekalkan sebuah ambulans sahaja bagi perkhidmatan kecemasan yang meliputi bukan sahaja Mukim Liang bahkan juga mukim pedalaman. Jika ada kes-kes kecemasan selepas jam 10.00 malam akan dihantar dan dirujuk ke Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Seterusnya Pusat Kesihatan Labi, dipohonkan kalau dapat seorang jururawat lelaki ditempatkan di pusat tersebut bagi merawat pesakit-pesakit lelaki. Orang kampung di pedalaman masih berasa *reservation* kalau jururawat perempuan merawat pesakit lelaki, lebih-

lebih lagi yang melibatkan bahagian sensitif lagi pun tidak selaras dengan amalan Negara Zikir.

Berikutan lawatan rombongan kesihatan ke Mukim Sukang, kalau dapat akan diadakan lawatan kesihatan ke rumah panjang Biadung Ulu kerana kadangkadangkang mereka yang tinggal di rumah panjang tersebut tidak dapat hadir ke Mukim Sukang disebabkan masalah kenderaan dan lain-lain lagi. Demikian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Behormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Dalam pengamatan saya sendiri Kementerian Kesihatan menampakkan kemajuan yang sangat memberangsangkan. Ini jelas dapat dilihat daripada projek dan program yang telah terlaksana. Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah. Untuk menyokong peruntukan dalam tajuk ini saya akan mengemukakan 3 isu yang menambah kepada perancangan berkaitan yang belum termasuk:

1) Mengenai Klinik Kesihatan di Mukim Telisai. Klinik Kesihatan ini sentiasa menerima kehadiran pesakit yang ramai setiap hari. Oleh kerana itu, berlakulah kelambatan pesakit menerima giliran berjumpa doktor. Untuk makluman, penduduk Mukim Telisai sekarang ini mempunyai

keramaian berjumlah hampir 8,000 orang hampir sama dengan Daerah Temburong dan akan bertambah 3 kali ganda lagi apabila perumahan perpindahan 1,500 unit Projek Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD) dan pembinaan projek perumahan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan akan siap tidak lama lagi di mukim ini.

Dengan adanya pertambahan ini, keramaian pesakit yang berkunjung ke Klinik Mukim Telisai sudah tentu juga akan bertambah. Oleh itu dicadangkan supaya Klinik Telisai akan dapat dinaik taraf dari segi bangunan, bilangan doktor, pegawai dan kakitangan, ambulans dan kemudahan yang berkaitan. Begitu juga dipohonkan keperluan ambulans di Pusat Kesihatan Lamunin.

- 2) Mengenai kekurangan pakar mata dan telinga. Penyakit katarak mata yang mana penghidapnya yang paling ramai ialah golongan warga emas terutama di kawasan kampung pedalaman yang jauh dan sukar untuk melakukan pemeriksaan mata ke klinik kesihatan atau hospital. Ada yang masih takut kepada rawatan berkenaan dan ada yang menganggap ianya penyakit tua yang sudah ditakdirkan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kenderaan bergerak untuk rawatan mata supaya melawat kampung-kampung yang bersesuaian secara berjadual bagi melaksanakan pemeriksaan rawatan dan pembedahan.
- 3) Penggunaan komputer yang meningkat di kalangan masyarakat kita sekarang ini menimbulkan kebimbangan tentang kesannya terhadap fungsi penglihatan.

Misalnya sengal-sengal mata, rabun, kekejangan mata, tidak jelas penglihatan, sakit kepala dan lain-lain.

Permainan dalam komputer, iPad dan iPhone serta melayari *internet* sudah menjadi trend sekarang. Peringkat awal kanak-kanak sudah mengalami masalah mata yang menyebabkan pemakaian kacamata. Dikhuatiri masalah ini akan semakin meningkat menyebabkan kerosakan dan kehilangan penglihatan, memburukkan kualiti kehidupan dan mengurangkan kebebasan.

Oleh itu, adakah pemikiran untuk membina Pusat Kebangsaan Rawatan Mata sepertimana juga Pusat Kebangsaan Pergigian kerana dengan adanya Pusat Rawatan Mata Kebangsaan, penyelidikan dan kajian pengesanan peringkat awal diagnosis, pencegahan, rawatan, rehabilitasi dan lain-lain dapat dilakukan.

Selain dari itu, kursus-kursus bagi pakar mata dapat dilaksanakan dalam Negeri dengan mengundang tenaga pakar jangka pendek untuk membimbing anak tempatan bagi mengatasi kekurangan pakar mata yang sekarang ini masih cara berjadual datang ke hospital daerah-daerah. Selain dari itu, ianya dapat mengisi kekosongan pakar mata di klinik kesihatan mukim dan kampung.

Begitu juga dengan Doktor Pakar Telinga di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong masih menggunakan doktor di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) secara berjadual. Hal ini menyebabkan berlakunya kelewatan bagi

pesakit menunggu giliran untuk pemeriksaan sehingga ada yang sampai sebulan atau lebih barulah mendapat pemeriksaan. Umpamanya pemeriksaan telinga bagi orang yang akan mendapatkan lesen memandu Kelas 6 yang memerlukan urusan segera apabila lesen memandu mereka mansuh. Oleh itu dicadangkan supaya Doktor Pakar Telinga secara tetap dapat disediakan di hospital ini; dan

- 3) Mengenai dengan kawalan obesiti. Program Kempen Mengawal Kegemukan atau obes telah pun mula dilaksanakan di Negara ini iaitu merupakan satu aktiviti yang baik dan sangat berfaedah demi menjaga kesihatan. Dalam program ini, para peserta obes dikehendaki menjalani beberapa sesi aktiviti fizikal dan pengawalan makanan yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, saya sarankan supaya aktiviti ini diperluaskan lagi ke seluruh Negara menerusi pihak berkenaan di daerah-daerah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Tidaklah dinafikan bahawa arus pembangunan di Daerah Tutong bahagian

kesihatan selari dengan keadaan masa kini sebagai contoh sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, pembinaan Pusat Pengasingan Kebangsaan, kemudian bangunan yang menempatkan pesakit buah pinggang dan akhir sekali tadi kalau saya tidak silap ialah makmal. Dalam kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih atas usaha Kementerian Kesihatan.

Apa yang saya suarakan di sini ialah bahawa bangunan pentadbiran dan pusat kesihatan yang mana bangunan tersebut sesungguhnya tidak selaras dengan bangunan yang lain bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di tempat tersebut kerana keadaannya sempit tambahan pula berdekatan dengan Bangunan Klinik Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak. Dengan sebab itu, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, supaya dapat diubah suai mengikut peredaran masa demi keselesaan mereka menjalankan tugas masing-masing. Di samping itu, apalah jua kiranya dibina bangunan baru kerana disebabkan:

- 1) Kawasan atau lokasi yang ada masa ini sempit;
- 2) Penempatan bangunan racun serangga; dan
- 3) Kesesakan penaruhan kereta bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas.

Selain itu, mengenai warga emas. Sering kali kita mendengar bahawa sungutan warga emas di mana mereka terpaksa menunggu lama untuk giliran berjumpa dengan doktor termasuk mengambil ubat. Saya sarankan supaya sistem menunggu giliran seperti berjumpa doktor,

mengambil ubat dapat dipermudahkan, di mana pesakit warga emas yang uzur dan mempunyai penyakit kronik dapat diberi keutamaan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana secara jujur dan ikhlas dan berterus terang terhadap keadaan semasa terutama sekali terhadap ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang mengalami kegemukan (obes).

Setelah saya mengikuti penerangan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Negara ini nampaknya sedang berhadapan dengan satu fenomena semasa terhadap kanak-kanak Negara ini, yang mana tanda-tanda awal telah dapat dikesan oleh pihak kesihatan bahawa nasib kanak-kanak di Negara ini akan menghadapi penyakit kronik atau malang. Jika tiada langkah-langkah pencegahan dan kesedaran terhadap keluarga dan ibu bapa untuk menjaga kesihatan anak-anak mereka ke arah yang lebih selesa mengikut piawaian kesihatan yang sebenarnya.

Saya mengharapkan pihak-pihak berkenaan akan dapat mengkaji selidik punca kesihatan kanak-kanak yang sangat membimbangkan, seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi.

Di Dewan yang mulia ini, kaola mencadangkan supaya makanan-makanan ringan yang dijual di kedai-kedai akan dapat dikaji selidik kandungannya. Kerana apa yang kita ketahui, makanan ringan dan minuman ringan ini adalah menjadi kegemaran kanak-kanak yang mana banyak mengandungi bahan-bahan yang boleh menjejaskan kesihatan kanak-kanak. Perkara ini dibangkitkan memandangkan Negara ini sedang berhadapan dengan situasi fenomena kesihatan kanak-kanak, di mana kita mengharapkan dan menaruh harapan sepenuhnya bahawa kanak-kanak yang ada pada masa ini bakal menjadi rakyat dan masyarakat Negara Brunei Darussalam di masa hadapan sebagai masyarakat yang dinamik.

Satu perkara lagi yang saya timbulkan ialah mengenai hospital. Memandangkan keperluan pesakit, pengguna hospital sentiasa bertambah dari tahun ke setahun. Maka sebuah hospital baru perlulah dirancang dan dibina bagi menampung keperluan rakyat Negara ini untuk jangka panjang atau 30 tahun ke 50 tahun akan datang. Hospital yang ada sekarang telah digunakan sejak 30 tahun yang lalu dan tidak lagi mampu menampung keperluan semasa walaupun ada tambahan bangunan yang berhampiran. Saya berpendapat hanya beberapa buah katil sahaja mungkin dapat disediakan dan hanya boleh menampung dalam masa 10 ke 20 tahun sahaja. Sebagai contoh Wad Bersalin 5 tahun yang lalu para pesakit biasanya ditempatkan di ruang satu tabir bagi tiap-tiap seorang pesakit iaitu selepas ia bersalin yang mengambil masa 2 hingga 3 hari sebelum dikeluarkan. Sekarang ada di antara mereka ditempatkan 2 orang dalam satu tabir.

Atas usaha pihak hospital, saya menyanjung tinggi dan mengucapkan syabas di atas usaha-usaha yang terpuji ini kerana tidak ada lagi jalan lain untuk mengatasi masalah pesakit yang ramai serta kekurangan ruang untuk mereka berehat walaupun dalam keadaan kurang selesa, kerana dua orang pesakit dalam satu tabir. Pesakit dan keluarga harus menerima hakikat dan memahami keadaan yang dihadapi oleh pihak-pihak hospital. Terima kasih kepada semua petugas hospital.

Dengan adanya cadangan membina sebuah hospital baru adalah bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dihadapi pada masa kini seperti:

- 1) Bertambah ramainya penduduk, maka bertambah ramailah pesakit memerlukan hospital;
- 2) Masalah letak kereta. Semakin ramai pesakit, maka bertambah ramai pengguna memerlukan tempat letak kereta; dan
- 3) Bilik Kelas 1 pada masa ini masih kekurangan. Setiap tahun pengguna-pengguna Bilik Kelas 1 yang menerima anugerah sentiasa bertambah. Selain daripada yang sedia ada, yang mendapat keistimewaan kerana jawatan dan kemampuan, pengguna Bilik Kelas 1 semakin ramai. Jadinya bilangan Bilik Kelas 1 perlu ditambah supaya pesakit-pesakit sentiasa selesa, sesuai dengan apa yang tercatat dalam papan pernyataan di pintu masuk wad pesakit iaitu memberi keselesaan kepada pesakit. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Di Dewan yang mulia ini, saya merakamkan ucapan tahniah dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah menubuhkan Pusat Dialisis Kampung Rimba, bangunan baru Farmasi di Kampung Madaras serta penaiktarafan dan pembesaran Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi kegunaan rakyat.

Perkhidmatan dan rawatan diberikan secara percuma kepada rakyat terutama dalam penggunaan Pusat Dialisis Kampung Rimba. Sebagai rakyat kami amat bersyukur atas keprihatinan dan kemurahan hati pihak Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan perubatan yang percuma ini, di mana jika dibandingkan dengan negara-negara lain memerlukan rakyatnya untuk membayar dengan kos yang agak mahal.

Saya ada 4 usul:

1. Di Dewan yang mulia ini saya ingin menyentuh mengenai Perintah Tembakau Tahun 2005 dan Peraturan-Peraturan Tahun 2007 yang mana ianya berlandaskan perkara tersebut. Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang

berkaitan iaitu Jawatankuasa Kebangsaan Kawalan Tembakau. Saya amat berbesar hati di atas penubuhan jawatankuasa ini kerana sejak tertubuhnya jawatankuasa ini, denda kompaun telah dikenakan pada perokok yang merokok di tempat-tempat yang dilarang.

Walau bagaimanapun, kenapa masih lagi ada kelihatan perokok-perokok di kaki lima, pusat membeli belah bahkan di kawasan-kawasan sekolah, taman-taman rekreasi dan bangunan-bangunan Kerajaan. Adakah denda kompaun itu belum cukup memberi kesedaran kepada orang ramai akan bahayanya asap rokok dan mungkin ada yang akan menjawab itu adalah masalah individu;

2) Mengikut dasar yang berjalan masa kini, seorang kakitangan yang menemani pesakit dibolehkan mengambil cuti dengan menggunakan baki cuti tahunan dan jika habis boleh diberi cuti tahunan secara pendahuluan atau pun cuti tanpa gaji jika tempoh cuti melebihi kelayakan cuti pendahuluan. Seperti lazimnya rawatan di luar negeri selalunya memakan masa dalam 2 bulan lebih hingga ada kalanya mencecah 9 bulan kecuali rebiu yang memakan masa di dalam seminggu. Persoalan timbul jika tempoh cuti itu habis seperti yang disebutkan di atas, maka alternatif adalah cuti tanpa gaji;

3) Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di Hospital RIPAS di mana rungutan daripada orang ramai mereka menunggu terlalu lama untuk mendapat rawatan segera; dan

4) Insurans kesihatan bagi perkhidmatan awam bagi mengurangkan bebanan Kerajaan terutama perubatan di luar negara dengan biaya yang mahal dan ianya juga dihasratkan melindungi pekerja apabila ditimpa kemalangan, sakit berpanjangan dan hilang upaya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan mukadimah Menteri Kesihatan tadi izinkan saya berpantun:

*Jalan-jalan di Kampung Mentiri,
Jalan berdua-dua,
Bila mendengar taklimat Pehin Menteri,
Saya yang tua terasa muda.*

Yang Berhormat Pengerusi, ramai yang mengetahui dan mendengar melalui siaran akhbar dan media seumpamanya, bahawa Kementerian Kesihatan adalah sebuah Kementerian yang aktif dan amat prihatin terhadap Negara dan isi di dalamnya serta amat berusaha untuk meningkatkan gaya hidup yang sihat bagi penduduk dan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjamin kehidupan yang sihat sejahtera. Boleh dikatakan bahawa semua permasalahan kesihatan telah dapat diatasi dan diselesaikan. Maka pagi ini saya juga mendengar dengan jelas bahawa bermacam-macam perancangan

dan agenda kesihatan yang telah diluahkan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri. Oleh itu saya berharap mudah-mudahan dengan mukadimah yang begitu baik, para penghidap pesakit yang masih tersuruk di rumah, seperti yang menghidap penyakit *stroke* akan mendapat layanan dengan sebaiknya, dengan adanya doktor-doktor dan jururawat turun ke padang. Dengan hal demikian diharapkan supaya mereka yang berkenaan akan dapat menyumbangkan tenaga dan fikiran demi masyarakat dan Negeranya sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi, tadi juga disentuh oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa sebuah Pusat Kesihatan di Kawasan Lambak B akan dibangunkan. Syukur Alhamdulillah bahawa Pusat Kesihatan tersebut memang sudah lama dinanti-nantikan oleh penduduk di Mukim Berakas B dan mudah-mudahan akan terwujud dan terjelma seberapa segeranya kerana telah banyak keluhan-keluhan tentang penempatan Pusat Kesihatan yang ada pada masa ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita menyebut balik bagaimana pula dengan keadaan Pusat Kesihatan Berakas A supaya akan difikirkan semula untuk menjadikannya sebagai sebuah Pusat Kesihatan yang benar-benar dikehendaki oleh penduduk.

Berikutnya, walaupun perkara yang saya sebutkan ini berulang, mudah-mudahan dapat dirasai bersama iaitu panggilan nama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang sering dipendekkan menjadi RIPAS, pada pandangan saya memendekkan nama ini adalah sesuatu yang tidak elok dan tidak manis dan tidak wajar dan mungkin bertentangan dengan peraturan-peraturannya. Adalah elok jika

kita sebut nama penuh Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha kerana memendekkan nama itu ada disebut di dalam ceramah-ceramah ugama misalnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak dapat dipendekkan dengan S.W.T atau Muhammad Sallahu 'Alaihi Wasallam tidak dapat dipendekkan menjadi S.A.W yang sudah berubah maksud dan tujuan. Jadi saya mencadangkan dan minta maafah jangan sampai kita meracak-racak nama seperti nama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang kita tukar menjadi RIPAS. Jadi dari segi MIB barangkali ada kesilapan-kesilapan.

Jadi harap dapat dibetulkan bersama-sama. Begitu juga saya tambahkan dengan ada disebut bayaran pencen yang mana, ada bayaran umur warga emas yang dibayar seringgit tiap-tiap kali mendaftar tetapi nampaknya masih ramai warga emas yang mendaftar di hospital dikenakan juga seringgit. Ini bererti ianya adalah berlainan maksud dengan perbuatan, jadi itu pun menjadi persoalan yang mana warga emas tidak sepatutnya membayar. Begitulah Pengerusi yang dapat saya sampaikan di Majlis yang amat berbahagia ini. Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah melihat kepada perkembangan kemajuan yang dicapai

oleh Kementerian Kesihatan, saya dengan tulus ikhlas ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan di atas inisiatif mempertingkatkan mutu TPOR iaitu Tekad Pemeduliaan Orang Ramai khususnya di Bahagian Farmasi Ubat Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang beroperasi pada waktu-waktu tengahari tanpa hentinya. Inisiatif ini merupakan langkah yang sangat dihargai bagi memberi bantuan kepada orang ramai terutama warga emas dan ini adalah di antara usaha-usaha yang tidak kendur-kendur yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semata-mata demi kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk Negara ini. Dengan usianya yang telah mencapai hampir 30 tahun, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah banyak melalui perubahan fizikal dan juga perkembangan perkhidmatan pesakit luar, pesakit yang ditahan hingga perkhidmatan pakar.

Akan tetapi apabila kita melihat pertambahan penduduk setiap tahun sudah setentunya melibatkan pertambahan pesakit. Saya sokong di atas cadangan salah seorang Ahli tadi iaitu bangunan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sekarang ini sudah sampai masanya digandingi dengan sebuah bangunan hospital baru yang berasingan bagi menangani kesesakan masa kini dan masa akan datang.

Saya memahami bukan suatu perkara yang mudah untuk melaksanakan cadangan bagi membina sebuah bangunan hospital baru yang memerlukan

perancangan teliti dan peruntukan yang bukan sedikit. Akan tetapi kalau kita rancang dari sekarang saya percaya keadaan kesesakan seperti yang terdapat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sekarang ini khususnya akan dapat ditangani sejajar dengan wawasan kita, ke arah Wawasan Negara 2035.

Kita juga mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperbanyakkan lagi doktor dari warga tempatan terutamanya doktor pakar dalam semua bidang. Adalah menjadi harapan rakyat semua semoga doktor-doktor tempatan kita ini akan dapat memberikan khidmat yang cemerlang dan terbaik kepada rakyat di Negara ini. Kita juga menyedari tugas doktor terutamanya Doktor Pakar adalah satu tugas yang mencabar tetapi murni dan mulia. Maka oleh itu, apakah kiranya mereka ini dapat dipertimbangkan untuk diberikan satu insentif yang bersesuaian supaya lebih ramai anak-anak kita mengambil kerjaya sebagai doktor pakar. Kaola juga mengesyorkan agar pihak yang berkenaan menggiatkan program pengambilan anak-anak tempatan untuk menjalani latihan jururawat bagi mengurangkan pengambilan tenaga pekerja dari luar negara. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan di bawah Tajuk

SM - Kementerian Kesihatan setelah mendengar mukadimah awal oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di awal perbahasan maka saya hanya memberi pandangan dari segi pencapaian kementerian dalam menangani kesihatan di Daerah Belait yang saya fokuskan di kawasan Kuala Belait.

Bangunan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait telah bertukar wajah yang begitu ceria. Keceriaan ini adalah satu terapi yang memberi ketenangan kepada pesakit. Di kesempatan ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Menyentuh dengan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait selain ianya digunakan sebagai tempat merawat pesakit-pesakit dari pelusuk mukim dan kampung di Daerah Belait, ia juga dijadikan sebagai Pusat Kesihatan Kuala Belait. Setelah melihat keperluannya dalam masa yang terdekat adalah sangat-sangat mencabar dan diperlukan.

Saya berpendapat supaya satu Pusat Kesihatan di Kampung Pandan yang dulunya pernah dicadangkan supaya ianya akan dapat dilihat semula secara dekat untuk dipercepatkan. Ini bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di sekelilingnya termasuklah juga penduduk-penduduk di kawasan Perumahan Panaga sebagai persediaan awal pencapaian kesihatan masa kini seterusnya mencapai ke Wawasan Negara 2035.

Perancangan dan cadangan telah pun dibuat untuk membangunkan sebuah Pusat Kesihatan di Kampung Pandan. Nampaknya perkara tersebut belum jelas dilihat di bawah anggaran perbelanjaan Kemajuan Negara bagi bulan April 2013

hingga Mac 2014 Sektor 1015 – Perubatan dan Kesihatan. Di Pekan Seria telah pun wujud sebuah Pusat Kesihatan. Perkhidmatannya hanya terhad dalam waktu-waktu bekerja sahaja. Sehubungan dengan itu, saya menaruh harapan yang penuh kepada Kementerian Kesihatan supaya Pusat Kesihatan tersebut dibuka 24 jam termasuk juga perkhidmatan ambulans di Pusat Kesihatan Seria. Ini setelah melihat keperluan dan bertambahnya keramaian penduduk yang tinggal di bawah Skim Perumahan Negara di Pekan Seria dan dengan bertambahnya kemampuan doktor yang akan bertambah sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebentar tadi. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peruntukan Kewangan untuk kesihatan semakin meningkat setiap tahun. Kaola ingin bertanya:

- 1) Apakah rancangan jangka panjang Kementerian Kesihatan dalam mengurangkan bajet tahunan?; dan
- 2) Berkenaan Skim *Insurance Medicare* yang telah kaola suarakan pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara 3 tahun yang lalu, apakah maklum balas dari pihak berkenaan mengenai hal ini? Jika boleh Skim *Insurance Medicare* ini diadakan untuk pekerja asing terlebih dahulu. Dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin mengusulkan untuk menjadikan tahun 2014 sebagai Tahun

Kesihatan dengan mengadakan kempen sepanjang tahun 2014 dalam usaha memberikan kesedaran kepada orang ramai akan pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat. Jika boleh kempen ini diadakan dengan melibatkan semua pihak termasuk Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan NGOs. Selain itu promosi kesihatan ini perlulah dicapai hingga taraf antarabangsa dan lebih berkesan untuk menarik perhatian orang ramai akan pentingnya kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi ada soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Memandangkan Yang Berhormat kedua-dua Menteri berkenaan tidak dapat hadir di dalam mesyuarat pagi ini kerana mempunyai urusan rasmi maka perkara-perkara tersebut adalah diambil catatan setakat ini dan akan disampaikan ke pengetahuan Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengulas perkara-perkara yang telah dikemukakan tadi.

Silakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola meminta *indulgence* Yang Berhormat Pengerusi kerana melihat pada waktu. Kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri Kesihatan habis menjawab soalnya pagi ini, kaola pula petang nanti. Akan tetapi,

petang nanti kaola ada tugas sedikit jadi kaola akan hadir lewat. Apa kiranya kalau Ahli Dewan Majlis ini bersetuju perbincangan pada pagi ini ditangguhkan dan akan disambung pada petang nanti agar Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyediakan jawapan yang tepat dan jelas untuk pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri Perhubungan mencadangkan ditangguhkan sehingga petang nanti? Saya sendiri tidak ada halangan.

Dengan adanya cadangan itu yang mana nampak disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada baiknya perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita sekarang bersidang semula selaku Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang lagi pada jam 2.45 petang nanti. Sekian.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di peringkat Jawatankuasa yang telah diadakan sebelah pagi tadi, masih lagi membincangkan Tajuk SM – Kementerian Kesihatan. Maka untuk membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang menyambung perbincangan di Peringkat Jawatankuasa bagi membincangkan Tajuk SM – Kementerian Kesihatan. Seramai 15 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah memberikan cadangan-cadangan dan mengemukakan soalan-soalan berkenaan dengan Tajuk ini semasa perbincangan pagi tadi. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mengulas perkara-perkara yang telah dikemukakan itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-

Ahli Yang Berhormat yang telahpun menyampaikan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan yang cuba sedaya upaya untuk meningkatkan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta semakin meningkat dari semasa ke semasa. Adalah diharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sama-sama menanai dan memberikan kerjasama dalam hasrat kita untuk meningkatkan tahap kesihatan di Negara kita Brunei Darussalam.

Dalam pada itu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih juga atas cadangan-cadangan dan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana ini juga menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat sekalian dalam kita bersama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan mempertingkatkan lagi tahap kesihatan bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah.

Bagi perkara-perkara yang ditimbulkan, mula-mula kaola ingin menjelaskan isu yang telahpun diutarakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah berhubung dengan peranan dan juga tugas-tugas yang telahpun diungkayahkan oleh Pusat Perkembangan Kanak-Kanak yang bertempat di Kampung Kiarong.

Sebenarnya Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ini telah wujud pada tahun 1998 dan sehingga kini ianya telah menampakkan pembaharuan-pembaharuan dan usaha-usaha juga telah dibuat dalam menaikkan taraf perkhidmatan dan penjagaan kesihatan kanak-kanak yang sangat-sangat memerlukan ini.

Secara umum, perkhidmatan di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak meliputi

kepada perkhidmatan klinik, *operational*, termasuk pembangunan kapasiti dan penyelidikan. Di antara perkhidmatan klinikal yang diberikan ialah membuat penilaian, pemantauan dan pengurusan termasuk memberikan rawatan bagi kanak-kanak berisiko yang mengalami masalah perkembangan dan sangat-sangat berkeperluan khas.

Keduanya, memberikan khidmat nasihat dan juga sokongan profesional bukan sahaja kepada ibubapa atau penjaga malahan juga kepada guru-guru dan mereka yang terlibat dengan kanak-kanak yang dirujuk dan diperiksa di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ini.

Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ini juga berpusat sebagai konsultansi kepada agensi-agensi berkenaan yang ingin mendapatkan nasihat dan juga perbincangan bagaimana cara untuk memberikan bantuan kepada kanak-kanak yang memerlukan. Pusat ini juga memastikan transisi yang efektif bagi kanak-kanak yang dirawat seperti membuat perbincangan dengan Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan mengenai penempatan kanak-kanak berkeperluan khas ke sekolah yang baru atau yang berpindah sekolah dengan membantu menyediakan peralatan bantuan seperti kerusi khas ataupun kerusi roda.

Manakala perkhidmatan di aspek *operational* pula menumpukan antara lainnya penyediaan daftar atau senarai kanak-kanak yang berkeperluan khas secara umum ataupun mengikut jenis kekurangan upaya bagi tujuan merancang keperluan perkhidmatan, memantau kualiti perkhidmatan dan juga sejauh

mana mereka ini telah mencapai proses-proses yang diberikan.

Pada masa ini seramai 2,558 orang kanak-kanak berdaftar di Pusat Bimbingan kanak-kanak tersebut yang menerima perkhidmatan rawatan. Dari semasa ke semasa mereka ini akan dipantau. Dalam pada itu, setiap tahun kira-kira 450 orang kanak-kanak baru dirujuk ke klinik pusat ini daripada pihak Kementerian Pendidikan, Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan dan klinik-klinik Kerajaan dan lain-lain agensi termasuklah juga agensi-agensi *Non-Government Organization (NGO's)*.

Menyediakan sumber maklumat kepada orang ramai mengenai jenis-jenis *diagnosis* atau masalah perkembangan kanak-kanak dan perkhidmatan yang disediakan ada juga memberikan latihan secara kuliah dan praktikal kepada profesional perkembangan kanak-kanak dan pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan juga Pelajar-Pelajar Perubatan Universiti Brunei Darussalam.

Perkhidmatan di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak ini melibatkan bukan sahaja pakar dan doktor perubatan malahan juga dalam aspek *Allied Health Professional* seperti Jurupulih Pertuturan, Jurupulih Cara Kerja, Jurupulih Anggota dan Ahli *Psychology Clinical*. Dalam pada itu, baru-baru ini juga, Kementerian Kesihatan juga menyediakan perkhidmatan pergigian kepada kanak-kanak yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, adalah tidak dapat dinafikan jumlah mereka yang mempunyai profesional ini tidaklah mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang diperlukan. Akan tetapi

melalui strategi perkembangan profesional kesihatan, pertambahan jumlah ini dapat dipenuhi yang mana juga memerlukan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain. Di samping itu, adalah diharapkan lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan mengambil pakar profesional kesihatan bagi membantu kanak-kanak yang diperlukan ini.

Dalam pada itu, seperti yang saya nyatakan tadi, *partnership* dan kerjasama dari ibubapa serta penjaga dalah tunjang utama bagi kejayaan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Perkembangan Kanak-Kanak. Oleh itu, Pusat ini akan sentiasa mengutamakan penglibatan para ibubapa dan penjaga termasuk dalam meningkatkan pengetahuan ibubapa perihal perkembangan kanak-kanak.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah tadi mengenai dengan bangunan baru, sememangnya Pembinaan Pembangunan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak baru adalah dalam perancangan Kementerian Kesihatan dan dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Berbalik pula kepada persoalan dan juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, supaya ditambah perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan di Pusat Kesihatan Jubli Perak di Sengkurong dan di Sungai Asam. Saya ingin memberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini bahawa apa jua keperluan penyediaan perkhidmatan lanjutan (*extended hours*) hendaklah mengambil kira beberapa faktor, termasuklah keperluan tambahan tenaga kerja pelbagai bidang profesion kesihatan untuk bertugas

di luar waktu bekerja yang biasa seperti doktor, jururawat, pegawai farmasi atau teknisyen makmal, kakitangan pendaftaran dan rekod pesakit. Ini memerlukan satu pasukan dalam lingkungan 8 hingga 10 orang, bagi memastikan pemeriksaan dan perkhidmatan rawatan diberikan dengan sempurna dan mengikut piawaian yang ditentukan. Kita sedia maklum bahawa jumlah profesion kesihatan khususnya doktor dan farmasi adalah sangat terhad dan berkurangan yang mana belum lagi mencukupi mengikut piawaian atau nisbah standard antarabangsa bagi setiap profesion kesihatan seperti doktor atau farmasi dengan jumlah penduduk kita di Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Kesihatan pada masa ini mengutamakan pendekatan yang lebih diperlukan khusus untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang asas di kesemua hospital, pusat Kesihatan, klinik dan pesakit-pesakit yang ditahan (*in-patient*) di wad-wad hospital pula mesti diawasi dalam tempoh 24 jam. Dan jangan kita lupa juga perkhidmatan-perkhidmatan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan adalah sangat diperlukan di kesemua hospital di Negara ini yang mana juga memerlukan perkhidmatan 24 jam.

Jika perkhidmatan lanjutan juga akan disediakan, dan satu pasukan pelbagai profesion juga akan digunakan, maka sudah setentunya akan menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang saya sebutkan tadi, kepada pesakit-pesakit yang benar-benar memerlukan dan akan boleh melambatkan lagi kelamaan masa menunggu bagi pesakit-pesakit. Ini sudah setentunya akan menambahkan lagi aduan-aduan,

sepertimana beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan.

Kalau kita memberikan tugas *extended hours*, kita terpaksa *mereview* sistem waktu bekerja mereka ini, sama ada diberikan *off-duty* yang sepatutnya mereka bertugas di sebelah pagi atau petang, atau sistem *shift* terpaksa ditukar. Oleh yang demikian, penilaian bagi menyediakan perkhidmatan lanjutan juga harus dipertimbangkan secara rasional bukan sahaja dari segi penggunaan tenaga profesional kesihatan secara optima tetapi juga dari *cost-effectiveness*. Yang lebih penting lagi ianya hendaklah terbukti benar-benar memberikan impak dari segi peningkatan tahap kesihatan kepada penduduk setempat. Saya harap pihak Yang Berhormat tadi memahami penjelasan yang diberikan ini.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim juga menimbulkan mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) kepada perkhidmatan-perkhidmatan di wad-wad dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Adalah sudah menjadi perhatian dan keprihatinan Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa untuk *mereview* bagi meningkatkan lagi tahap perkhidmatan yang lebih efisien terutama sekali dalam perkara-perkara yang memberikan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). Itulah sebabnya sepertimana yang saya telah jelaskan dalam mukadimah awal tadi, Kementerian telahpun memperkenalkan program penghargaan perkhidmatan Kementerian Kesihatan terbaik bagi berbagai-bagai kategori termasuk di wad-wad dan klinik-klinik kesihatan. Saya fikir perkara ini sudah jelas.

Soalan seterusnya ialah untuk mengadakan perkhidmatan kereta ambulans di Pusat Kesihatan Sungai Asam. Perkara ini juga telahpun saya sentuh di mukadimah awal tadi bahawa pada awal tahun ini kita telah memberikan perkhidmatan ambulans di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu daripada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Perkhidmatan ambulans ini telah dinilai dan juga diberikan perhatian. Adalah memadai pada setakat ini bagi perkhidmatan ambulan diwujudkan di Pusat Pengkalan Batu yang mana ini akan merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan di Mukim Sungai Kebun dan juga di kawasan-kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Kita hendaklah juga menilai mengenai keramaian Paramedik dan juga ambulans-ambulans yang sedia ada. Kita memastikan bahawa perkhidmatan ambulans hendaklah memberikan perkhidmatan dengan sempurna mengikut piawaian-piawaian yang tertentu bukannya selarah-larahnya diadakan.

Berhubung dengan penambahan Kerusi Roda (*wheel chair*). Kerusi roda ini yang sebenarnya banyak dibekalkan bukan sahaja di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, tetapi juga di hospital-hospital lain dan juga pusat-pusat kesihatan. Pembekalannya bukan saja dibuat di Kementerian Kesihatan, kadangkala diwakafkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain, pihak *NGO's* dan pihak persendirian. Malangnya sebilangan daripada kerusi-kerusi roda ini disengajakan diambil ataupun dibawa ke rumah dan tidak dikembalikan. Itulah masalah-masalahnya yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan. Makin ditambah, esok lusa makin berkurangan. Apa yang

difahami mereka meminjam tetapi tidak mengembalikannya. Itulah masalahnya. Saya dalam Dewan yang mulia ini menyeru kepada mereka yang menggunakan kerusi-kerusi roda itu, selepas meminjam tolonglah kembalikan kepada hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan. Tujuan orang yang mewakafkan atau ianya dibekalkan adalah bukan untuk individu tetapi adalah bagi mereka yang sangat memerlukannya.

Berbalik kepada kes-kes kecurian berlaku di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang menjadi kerisauan Yang Berhormat tadi memang diakui dan memang diketahui ada terdapat kes-kes kecurian ini. Malangnya yang menjadi mangsa kepada kes-kes kecurian ini ialah pesakit-pesakit. Mengikut rekod Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha terdapat 12 kes telah dilaporkan pada tahun 2011, ianya meningkat 2 kali ganda iaitu 24 kes. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan telah mencari jalan untuk menangani masalah ini dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada awal tahun 2012 untuk meneliti dan mengenal pasti dan cara untuk menangani isu-isu keselamatan di hospital ini yang semakin berleluasa termasuklah kes-kes kecurian yang dilaporkan.

Jawatankuasa ini bukan sahaja terdiri dari kalangan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha malahan juga melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga syarikat swasta iaitu Syarikat Perkhidmatan Keselamatan *Setia*

Protective Security Services (SPSS) yang menjadi pengawal-pengawal keselamatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Adalah dikenal pasti salah satu punca utama kes kecurian yang dihadapi ialah oleh sebab mereka ini tidak mengikut peraturan-peraturan waktu melawat yang ditetapkan. Waktu melawat yang ditetapkan ialah dari jam 12.00 tengahari hingga 1.30 petang dan dari jam 5.00 petang hingga 9.00 malam.

Kebanyakan kes-kes curi ini berlaku bukan masa waktu bekerja tetapi adalah pada waktu-waktu melawat. Inilah yang menjadi satu isu yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan. Di Dewan yang mulia ini saya ingin menyeru kepada pelawat-pelawat supaya mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan kerana bukan sahaja untuk memberikan peluang rehat dan rawatan-rawatan kepada pesakit-pesakit tetapi juga bersama-sama bertanggungjawab untuk mengawal keselamatan dan juga menghindarkan kes-kes kecurian yang berlaku.

Kita juga harus faham bahawa tugas-tugas utama jururawat bukanlah untuk menjaga pelawat-pelawat tetapi ialah untuk merawat dan memerhatikan keadaan pesakit-pesakit di wad-wad. Jika jururawat-jururawat berkenaan tidak menjalankan tugas-tugasnya maka banyaklah nanti aduan yang dihadapkan kepada pihak hospital.

Kita juga berasa syukur kerana beberapa tangkapan telah dapat dibuat dengan kerjasama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei. Beberapa tindakan juga telah dikenal pasti untuk diusahakan, misalnya

pemasangan *CCTV* di tempat-tempat strategik telah dibincangkan atas nasihat dan kerjasama daripada pihak Jabatan Keselamatan Dalam Negeri bagi mengawal kemasukan pelawat-pelawat ke wad-wad.

Dalam pada itu, pemasangan kawalan kad akses di pintu-pintu masuk telahpun dilaksanakan terutama sekali di wad-wad unit rawatan intensif seperti *Surgical Intensive Care Unit (SICU)*; *Medical Intensive Care Unit (MICU)* dan juga di tempat-tempat yang lain. Alhamdulillah, dengan adanya kad-kad akses pada peringkat ini tidak ada laporan-laporan kecurian berlaku kerana ia adalah tempat-tempat yang terhad. Insya-Allah, perkara ini akan dilaratkan ke wad-wad yang lain jika bersesuaian dan sangat-sangat diperlukan. Oleh yang demikian, sepertimana yang saya nyatakan tadi, adalah dipohonkan kerjasama daripada orang ramai supaya akan mematuhi peraturan-peraturan waktu melawat yang telah ditetapkan.

Beralih kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari Temburong. Soalan ini pernah Yang Berhormat timbulkan pada tahun lepas. Perlu saya jelaskan sekali lagi bahawa kakitangan paramedik ini adalah sangat terhad. Sebagai makluman, pada masa ini Unit Kemalangan dan Kecemasan, Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong dikendalikan oleh seramai 14 orang Jururawat dan 5 orang Atendan. Walaupun jawatan mereka adalah sebagai jururawat tetapi mereka ini pegawai yang terlatih dan diberikan kursus-kursus khusus untuk mengendalikan kes-kes kecemasan dan seumpamanya. Tidak banyak bezanya jika mereka yang ditugaskan di Unit Kemalangan dan

Kecemasan tetapi adalah lebih khusus lagi jika mereka mempunyai kelulusan dalam bidang paramedik. Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk menambah bilangan kakitangan paramedik di seluruh negara dengan pengambilan dari kalangan pegawai dan kakitangan kejururawatan yang berkelayakan dan dilatih khusus dalam jurusan paramedik.

Kementerian Kesihatan seperti yang kita sedia maklum, telah juga bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam untuk mengadakan kursus *Advanced Diploma in Nursing Paramedic*. Di samping itu, bagi memastikan kakitangan paramedik yang sedia ada mempunyai kemahiran yang bersesuaian, pihak Unit Perkhidmatan Kecemasan dan Perubatan Ambulans telah mengadakan *in-house training* khusus bagi meningkatkan kemahiran praktikal dan teori yang mana pelatih adalah termasuk pegawai-pegawai daripada agensi-agensi yang lain misalnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan seumpamanya. Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi haruslah difahami, dari itu saya ingin menekankan lagi bahawa mereka ini tidak kurang terlatih dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dimaksudkan tadi.

Persoalan berikutnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tadi mengenai dengan cadangan klinik di Kampung Rataie. Yang sebenarnya mengikut sejarah, memang ada klinik bergerak pada tahun 1950an sehinggalah tahun 2010. Oleh kerana didapati orang-orang yang mengunjungi klinik bergerak ini hanya seramai 6 hingga 7 orang maka ianya tidak ekonomikal.

Setelah perkara ini dibincangkan dengan Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, adalah memadai kita memberikan klinik yang letaknya dalam lingkungan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam pada masa ini. Kalau dikaji dari segi keramaian penduduk, adalah sudah memadai dan tidak perlulah kita mengadakan lagi satu klinik bergerak di tempat yang dimaksudkan. Perkara ini telahpun dibincangkan dan adalah menjadi satu perkara yang sangat mustahak jika kita memberikan perkhidmatan-perkhidmatan ini di tempat-tempat yang cukup dan penuh komprehensif bagi perkhidmatan yang diperlukan.

Setakat ini di Daerah Temburong yang mempunyai keramaian penduduk kurang dari 10,000 adalah memadai untuk diadakan klinik yang berhampiran dengan kawasan lingkungan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam. Di samping itu juga, adalah sudah dikenal pasti seperti dalam mukadimah saya, hospital tersebut akan diperbesarkan dan dinaik-taraf.

Perkara yang ditimbulkan lagi tentang pesakit-pesakit kritikal dari Daerah Temburong yang dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Persoalan yang timbul bukan dari pesakit tetapi saudara-mara ataupun orang yang menemaninya. Perkara ini adalah diambil maklum. Fungsi utama pihak hospital ialah lebih fokus kepada pesakit yang berkunjung ke hospital untuk dirawat. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan atau pihak hospital sentiasa mengambil perhatian berat tentang hal ehwal kebajikan pesakit dan juga masalah-masalah saudara-mara pesakit dari Daerah Temburong.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Pengiran Anak Saleha telah menyediakan 2 buah bilik rehat khas bagi keluarga pesakit-pesakit yang di masukkan ke Unit Rawatan intensif. Ini adalah bagi kemudahan mereka melawat dan berehat sahaja tetapi bukannya tempat untuk tinggal di sana. Di samping itu, pihak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga telah memberikan keutamaan kepada saudara-mara daripada Daerah Temburong di mana bilik telah disediakan bagi mereka ini iaitu bagi mereka berehat dan juga bilik khas iaitu berhampiran dengan kaunter pintu masuk utama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, untuk kegunaan mereka sebelum balik.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan mengenai dengan kedai-kedai yang didapati berjual ubat tradisional dan seumpamanya.

Perlu diambil maklum bahawa pada masa ini tidak ada undang-undang khas yang mengawal bagi pengamalan perubatan tradisional di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telahpun membuat inisiatif dalam menubuhkan Unit Perubatan Tradisional untuk meneliti mengenai akan pengawalan amalan perubatan tradisional. Sebagai langkah awal pihak Kementerian Kesihatan juga di peringkat ASEAN di bawah *ASEAN Task Force Contraindication Medicine* ada membentuk rangka kerja (*frame work*) untuk memantau dan mengawal peramalan perubatan tradisional supaya ianya diseragamkan di seluruh rantau dan juga bagi pertukaran pengamalan dan *best practice* oleh negara-negara yang lebih maju dalam pengamalan perubatan tradisional.

Manakala, bagi pengawalan ubat tradisional dan produk tambahan kesihatan pula, peruntukan mengenainya ada terdapat di bawah Perintah Ubat 2007. Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi sedang dalam proses menggubal peraturan-peraturan bagi pengimportan, pemasaran dan pengilangan iaitu diselaraskan dengan kehendak teknikal yang telah dibentuk oleh kumpulan kerja ubat-ubat tradisional dan ubat-ubat tambahan kesihatan ASEAN. Pengawalan ubat-ubat tradisional dan ubat tambahan kesihatan ASEAN di Negara Brunei Darussalam juga dilaksanakan dengan penganalisaan contoh dibuat secara *post marketing surveillance*.

Ini merupakan satu amalan pengawalan yang lazim diamalkan di kebanyakan negara ASEAN seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*).

Berbalik kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar iaitu yang berkaitan dengan masa menunggu untuk mengambil ubat yang lama yang ada hubung kaitnya dengan kita memperkenalkan *Bru-HIMS* di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Seperti yang telah saya jelaskan di mukadimah awal tadi, Kementerian Kesihatan telah awal menjangkakan kemungkinan terjadinya masalah atau cabaran di peringkat awal pelaksanaan. Oleh yang demikian, kita hanya akan dapat melihat dan merasakan impak positif keberkesannya sistem *Bru-HIMS* selepas penggunaannya telah stabil. Cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam

melaksanakan *Bru-HIMS* bukanlah unik di negara kita ini. Ianya juga dihadapi di negara-negara lain apabila mereka memperkenalkan sistem rekod elektronik bagi pesakit.

Perkara ini telah dimaklumkan oleh pakar-pakar perunding dari Australia dan Malaysia yang didatangkan untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif serupa seperti symposium *Bru-HIMS* yang diadakan pada tahun 2012 yang lalu.

Dalam pada itu, salah satu cabaran yang dimaksudkan ialah impak kepada waktu menunggu iaitu lebih lama dari yang lazimnya termasuk waktu menunggu ubat. Ini adalah masalah sementara saja. Semasa tempoh transaksi dari sistem lama ke sistem baru, kakitangan perlu membiasakan diri dengan penggunaan teknologi baru. Ianya perlu diberikan peluang untuk berkembang dan seterusnya mencapai kestabilan.

Ke arah itu, pihak pengurusan hospital telah dan akan sentiasa memantau, mengenal pasti dan melaksana inisiatif-inisiatif untuk memperbaiki proses prosedur kerja dan penggunaan sistem *Bru-HIMS* supaya ia lebih efektif dan efisien. Khusus bagi perkhidmatan farmasi di hospital berkenaan sejak penggunaan sistem *Bru-HIMS* dimulakan, pihak tersebut sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses bagi mengatasi isu menunggu terlalu lama apabila pesakit mengambil ubat. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

- i) Mengemaskini memperbaiki proses pengesahan (*Verification*);
- ii) Penyediaan ubat (*Allocation*);

- iii) Menyediakan ubat (*Dispensing*), dan
- iv) Memberikan bekalan ubat untuk dua bulan kepada pesakit.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut kini telah dapat mengurangkan waktu menunggu dan membantu menepati Tekad Pemeduliaan Orang Ramai yang sedia ada sebelum perlaksanaannya itu dalam jangka masa 30 hingga 60 minit. Selain itu, beberapa inisiatif lain juga telah dilaksanakan untuk melicinkan lagi proses kerja di Bahagian Farmasi.

Pihak konsultan dari Singapura telahpun didatangkan untuk membuat pemerhatian dan penelitian tentang proses *Bru-HIMS* serta prosedur kerja Bahagian Farmasi Daerah Tutong. Pihak konsultan ini akan menyediakan laporan cadangan pembaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan seperti pembaikan waktu menunggu, produktiviti kerja, pengurusan stok dan lain-lainnya.

Juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ialah tentang kawasan meletak kereta. Yang sebenarnya mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah ialah letak kereta yang pada masa ini di kawasan lapang Sekolah Menengah Muda Hashim iaitu berhadapan dengan hospital berkenaan. Kawasan tersebut sebenarnya bukanlah kepunyaan pihak Hospital tetapi alhamdulillah dengan kerjasama dan jasa baik pihak sekolah, telah dapat meminjamkan untuk kegunaan tempat letak kereta bukan sahaja kepada pesakit-pesakit tetapi juga kepada pengunjung-pengunjung.

Kawasan tersebut dianggarkan dapat memuatkan 70 hingga ke 80 buah petak

kereta. Dalam pada itu, pihak hospital juga telah melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan seperti pembuangan batu *ground leveling*, memotong rumput dan mengutip sampah. Pemasangan lampu isyarat laluan pengguna *zebra crossing* telah juga dilaksanakan.

Di samping itu, bagi keselamatan, pemasangan tiang-tiang keselamatan di sepanjang jalan bagi mencegah orang-orang awam meletak kereta di pinggir-pinggir jalan dan mengelak kereta dari menghadang laluan *zebra crossing* keselamatan apabila melintasinya.

Mungkin jua biskita sedia maklum bahawa di hadapan Pusat Pengasingan Kebangsaan iaitu berhampiran dengan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong juga disediakan berjumlah 71 buah petak letak kereta. Saya percaya ini pun boleh digunakan dan ianya telah diturap dan keadaannya adalah sangat baik. Jadinya gunakanlah alternatif-alternatif seperti itu dan insya-Allah dari masa ke semasa pihak hospital akan mengenal pasti keperluan-keperluan yang dikehendaki.

Berhubung dengan penjualan ubat tradisional tadi, saya tidak perlu menyentuhnya. Saya menyatakannya tadi dalam isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md Daud bin Karim, sebenarnya pernah ditimbulkan di tahun lepas iaitu tentang kegagalan doktor-doktor perubatan yang gagal untuk melaporkan diri ataupun

balik ke negara ini untuk bertugas di negara kita.

Kalau kita mengimbas kembali tentang kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Ramah Mesra dengan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom, iaitu London pada 15 Safar 1434 bersamaan 30 Disember 2012 yang lalu antara lain, "*Namun perlu diingat sijil akademik saja bukanlah ukuran mutlak kejayaan, seseorang pelajar tetapi turut penting ialah impak sumbangannya kepada Negara*".

Baginda adalah menyesali apabila ada pelajar yang meminta lepaskan dari ikat janji perkhidmatan dengan Kerajaan setelah tamat pengajian untuk memilih berkhidmat di luar negeri atau tidak mustahil juga akan ada mereka tidak mahu berkhidmat langsung setelah tamat.

"Cara berfikir seumpama ini tidak diragukan lagi datangnya daripada sahsiah yang mementingkan diri sendiri, lemah dan tidak patriotik. Apakah mereka tidak memahami sama ada yang menyandang biasiswa atau tidak, bahawa mereka itu adalah pelaburan bagi Negara. Setiap pelaburan memerlukan ianya diterjemah menjadi produk atau sumbangan kepada Negara.

Jadi kalau mereka sudah lari meninggalkan Negara atau tidak mahu berkhidmat, bagaimanakah sumbangan itu akan dapat dijawab oleh Negara. Anugerah biasiswa Kerajaan adalah satu kemudahan yang sangat tinggi nilainya, dan rakyat serta penduduk di Negara ini apatah lagi mereka yang sangat bertuah dan

beruntung diberikan biasiswa ini sewajarnya menunjukkan penghargaan sepenuh-penuhnya".

Kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu adalah sangat jelas dan terbukti serta hasrat dan juga harapan tinggi Baginda hendaklah kita amat-amati dan hayati bersama, bukan sahaja di kalangan penuntut-penuntut atau pegawai-pegawai berkenaan tetapi juga di kalangan penjaga-penjaga, ibubapa dan mereka yang berkenaan.

Pengorbanan perbelanjaan Kerajaan untuk melihat warga rakyat berilmu pengetahuan, berkelulusan tinggi, memperolehi kemahiran serta kepakaran sangat diperlukan Negara adalah bukan sedikit. Yang mustahak diharapkan supaya mereka itu mempunyai semangat patriotik, nasionalisme yang berkekalan ditanam dalam diri bagi mengenang budi untuk berbakti kepada Negara, jangan sampai kata pepatah "*Harapan ikan pulang ke lubuk*".

Oleh itu, adalah diharapkan supaya apabila mendapat kelulusan tinggi dan kesenangan janganlah ada timbul sifat hanya mementingkan diri sendiri dan lupa untuk mengimbas kembali dari manakah sumber kewangan yang memberikan mereka kejayaan. Janganlah sampai memusnahkan harapan Negara yang sangat memerlukan khidmat bakti anak-anak tempatan untuk memajukan dan memantapkan lagi pembangunan Negara dan jangan sampai dikecewakan seperti yang pernah saya katakan iaitu pepatah "*Kacang lupakan kulit*".

Pihak Kementerian Kesihatan berterusan melaksanakan proses pemantauan ke atas Doktor-Doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan yang belum balik ke Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat di Kementerian Kesihatan iaitu meliputi 2 kategori:

- 1) Mereka yang tamat pengajian Bidang Perubatan dan Pergigian iaitu di bawah Ikat Janji Skim Dermasiswa Kerajaan. Dari seramai 29 orang doktor yang dikenal pasti belum melapor diri untuk bertugas balik ke Negara sebelum ini. Alhamdulillah, usaha Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan serta kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain, maka seramai 8 orang doktor telahpun melapor diri untuk bertugas.

Manakala, seramai 9 orang lagi telahpun memberikan maklumat keberadaan mereka dan telah diberi kebenaran untuk meneruskan pengajian lanjutan iaitu dalam pelbagai bidang kepakaran dan perubatan. Akan tetapi, yang selainnya 12 orang lagi masih bertahan. Akan tetapi arahan balik bertugas di Negara ini masih dikekalkan dan diproses tindakan perundangan atas sebab tidak memenuhi ikat janji Biasiswa Kerajaan sedang dilaksanakan dengan kerjasama pihak Pejabat Peguam Negara.

Jawatankuasa Kawal Selia Doktor-Doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan Kementerian Kesihatan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan keahliannya daripada agensi Kerajaan yang berkenaan berterusan memantau kemajuan dan perkembangan

pengajian mereka dalam bidang perubatan;

- 2) Mereka yang tamat menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan yang mana masa ini seramai 3 orang doktor yang telah berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan didapati belum melapor diri. Walau bagaimanapun, keberadaan mereka telahpun dikesan dan usaha-usaha serta tindakan-tindakan tertentu akan diteruskan termasuk mengadakan perundingan untuk mengarahkan mereka ini balik bertugas ke Kementerian Kesihatan secepat mungkin.

Dalam menangani isu di mana Doktor-Doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan yang belum melapor diri untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah pun terus dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti mendapatkan kerjasama dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk memasukkan nama-nama mereka yang belum melapor diri ke Kementerian Kesihatan ke dalam senarai *Stop List* supaya keberadaan mereka, khususnya bila mereka balik ke Negara ini akan dapat dikesan dan diarahkan untuk melaporkan diri ke Kementerian Kesihatan. Kerjasama dari pihak Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di luar negeri supaya mana-mana permohonan untuk membarui pasport daripada mereka ini hanya dipertimbangkan untuk dikeluarkan *Emergency Passport* sahaja.

Langkah ini adalah semata-mata untuk membolehkan mereka itu menjalani

satu perjalanan sahaja dan terus balik ke Brunei yakni tidak lagi ada *transit*. Nama-nama mereka juga telah dihadapkan kepada Pejabat Peguam Negara untuk diambil tindakan undang-undang termasuk bagi menuntut segala perbelanjaan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mereka menjalani pengajian dan kursus di luar negara.

Pihak Jawatankuasa Kawal Selia Doktor-Doktor Perubatan dan Pergigian Tempatan serta *Post graduate Advisory and Training Board (PGATB)* di bawah Kementerian Kesihatan sentiasa mengikuti perkembangan mereka dari masa ke semasa dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan mereka kembali ke Negara ini untuk berkhidmat seperti yang dikehendaki mengikut dokumen ikat janji.

Usaha-usaha yang dilaksanakan sedikit sebanyak telah menghasilkan perkembangan positif walaupun masih banyak terdapat sebilangan Doktor Perubatan dan Pergigian yang enggan dan gagal untuk balik berkhidmat kepada Negara setelah Kerajaan membuat pelaburan tinggi dengan membayar pengajian mereka dan perkara ini adalah amat dikesali.

Justeru itu penelitian lanjut akan dibuat bagi mengatasi perkara ini seperti mengemaskini tatacara pemantauan perkembangan mereka dari masa ke semasa dalam tempoh mengikuti pengajian dan kemungkinan bagi membuat *review* dan mengemaskini isi perjanjian biasiswa supaya ikat janji

akan dipatuhi dan juga *mereview* tatacara dan pemberian biasiswa.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapor juga mengutarakan mengenai berapa orang yang menamatkan perkhidmatan doktor-doktor. Mengikut rekod di Kementerian Kesihatan dari sejak 2006 hingga 2013 seramai 18 orang telah menamatkan perkhidmatan, 3 orang daripada mereka telah menubuhkan klinik persendirian, 13 orang daripada mereka ini ada yang berkhidmat di klinik swasta dan ada yang berkhidmat di luar negeri seperti di Singapura dan di United Kingdom dan 2 orang adalah atas sebab-sebab peribadi.

Seterusnya saya di sini ingin sedikit sebanyak menjelaskan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin berkaitan dengan penghantaran pesakit-pesakit ke luar negeri. Kita haruslah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja memberikan rawatan kepada rakyat dan penduduknya di Negara ini, malahan juga menghantar ke luar negeri bagi rawatan-rawatan kompleks dan kronik yang tidak dapat dirawat di Negara ini. Saya ingin menggambarkan di sini sebelum saya menjawab soalan itu.

Pada tahun 2012 Kerajaan telah menghantar 327 orang pesakit-pesakit ke luar negeri. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat mengetahui perbelanjaan Kerajaan? Saya ingin mengongsikan maklumat-maklumat di sini dan bukan sahaja untuk kita meminta dinaikkan elaun tetapi kita haruslah juga mengambil kira berapakah perbelanjaan Kerajaan di

dalam memeduli untuk merawat pesakit-pesakit di luar negeri tidak termasuk perbelanjaan-perbelanjaan rawatan di dalam negeri. Misalnya sahaja dalam tahun peruntukan 2010 / 2011, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$10,953,387.00 di Singapura manakala di Malaysia pula Kerajaan telah membelanjakan \$1,324,009.64.

Di samping itu juga, kalau kita melihat lagi pada tahun 2011 / 2012, perbelanjaan rawatan perubatan di Singapura ialah sebanyak \$10,838,035.36 manakala di Malaysia saja berjumlah \$1,016,535.00. Kita harus menghargai usaha Kerajaan yang telah memberikan Elaun bukan sahaja kepada pesakit tetapi orang yang menemaninya. Elaun Pesakit adalah \$30 sehari manakala elaun orang yang menemani \$30 sehari. Kerajaan mana yang memberikan perbelanjaan rawatan dan memberikan elaun sedemikian? Kita haruslah bersyukur dan berterima kasih kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, atas pengorbanan-pengorbanan dan perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan yang begitu banyak dalam bidang kesihatan.

Perkara lain lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin ialah yang berhubung-kait dengan penyusuan susu ibu. Ke arah mempertingkatkan kadar penyusuan susu ibu di kalangan anak damit di mana adalah diharapkan supaya ketua-ketua jabatan dan syarikat-syarikat swasta dapat mendorong dan menyokong serta tidak mempersendakan usaha ibu-ibu memberikan penyusuan susu ibu kepada anak-anak damit mereka.

Kementerian Kesihatan adalah terus menerus berusaha ke arah meningkatkan kadar penyusuan susu ibu di kalangan

anak-anak damit. Sebagai misal pada bulan Mei 2012, Jawatankuasa Permakanan Ibu, Anak-Anak Damit dan Kanak-Kanak telah ditubuhkan untuk menggariskan dan menjalankan usaha yang lebih padat dan komprehensif, seperti mengadakan Program *Surveillance* dan *Screening* mengenai praktis penyusuan susu ibu.

Jawatankuasa tersebut akan memperkukuhkan lagi langkah-langkah pendidikan mengenai kepentingan penyusuan susu ibu, bukan sahaja kepada ibu bapa dan keluarga malahan akan dilaratkan kepada semua sektor kerajaan dan bukan kerajaan apatah lagi pertambahan Cuti Beranak yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti kita sedia maklum yang bermula pada 1 Januari 2011 iaitu daripada 56 hari kepada 105 hari.

Dalam pada itu, Jawatankuasa juga sekarang dalam proses ke arah memastikan kesemua fasiliti kesihatan diakreditasi menjadi mesra anak damit (*baby friendly*) secara berperingkat-peringkat, iaitu:

- i. Fasa 1 - Kesemua Klinik Kesihatan;
- ii. Fasa 2 - Semua Hospital;
- iii. Fasa 3 - Pusat-Pusat Kesihatan; dan
- iv. Fasa 4 - Fasiliti Kesihatan Swasta.

Ini termasuklah juga mesra penyusuan susu ibu. Insya-Allah, Jawatankuasa berkenaan juga dalam peringkat penelitian ke arah penggubalan dasar dan undang-undang berkaitan kod antarabangsa pemasaran gantian susu ibu. Insya-Allah, kajian-kajian lanjut akan dibuat mengenai faktor-faktor yang mendorong atau

menghalang penyusuan susu ibu supaya langkah-langkah peningkatan kadar penyusuan susu ibu adalah lebih fokus.

Bagi ketua-ketua jabatan atau pihak swasta yang mempersendakan hal ini, sudah tentunya tidak sejajar dengan Wawasan Negara Brunei 2035 dan juga Visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'. Selain itu, kita juga berpandukan kepada ajaran agama Islam yang menyarankan penyusuan susu ibu dari lahir sehinggalah umur 2 tahun. Dari itu dukungan semua pihak adalah amat utama demi kebaikan anak damit kita yang akan menjadi generasi pemangkin masa akan datang.

Dalam pada itu, Minggu Penyusuan Susu Ibu disambut setiap tahun pada bulan Ogos bagi meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk akan kepentingan penyusuan susu ibu. Kita tidak ketinggalan dalam hal ini seperti mana tema tahun ini ialah "*Sokongan Penyusuan Susu Ibu, Dekat Kepada Ibu*" yang mana amat bertepatan dan menekankan program kaunseling rakan, mendorong penyokongan penyusuan susu ibu dan mengenal pasti sokongan tersebut.

Kita beralih kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad iaitu berhubung dengan Pusat Kesihatan di Sungai Liang mengenai perkhidmatan pesakit luar yang diberikan sehingga jam 10 malam sahaja dan dilanjutkan sehingga 12 tengah malam. Kita harus mengetahui selain daripada waktu-waktu bekerja, pada hari dan cuti kelepasan awam, perkhidmatan pesakit luar di Pusat Kesihatan di Sungai Liang juga dibukakan daripada jam 2 petang hingga 9 malam.

Untuk makluman bersama, jumlah purata pesakit yang mendapatkan rawatan selepas waktu bekerja adalah hanya lebih kurang 5 orang pesakit sahaja. Memandangkan jumlah pesakit yang tidak ramai maka pada masa ini dengan mengambil kira jumlah keramaian doktor dan jururawat yang terhad, maka belumlah ada perancangan untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga 12 tengah malam. Ini termasuklah yang saya terangkan tadi yang ada kaitannya juga untuk melanjutkan perkhidmatan bagi perkhidmatan pesakit-pesakit. Kita juga sedia maklum bahawa di Pusat Kesihatan Sungai Liang adalah memadai bagi menyediakan perkhidmatan ambulans bukan 8 jam tetapi 24 jam di sana. Kalau ada kecemasan yang diperlukan boleh menghubungi di Pusat Kesihatan Sungai Liang ataupun menghubungi talian 991 untuk mendapatkan perkhidmatan ambulans.

Mengenai maklumat hanya terdapat satu ambulans di Pusat Kesihatan Sungai Liang, saya ingin membetulkan, setakat ini sudah lebih daripada 1 iaitu 3 buah ambulans telah disediakan di Pusat Kesihatan Sungai Liang. Adalah disedari dan diakui bahawa 3 buah adalah memadai kerana sering berlaku kemalangan-kemalangan di kawasan tersebut dan haruslah ada kontingensi atau *stand by* ambulans bagi memberikan perkhidmatan yang mana kalau ada berlaku kemalangan, *respond time* adalah sangat mustahak dengan segeranya bagi memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

Berhubung dengan soalan tidak ada jururawat lelaki untuk merawat pesakit lelaki yang berkunjung di Pusat Kesihatan tersebut, kita sedia maklum bahawa

kebanyakan jururawat ini dan juga doktor di kalangan anak tempatan adalah majoritinya wanita. Walau macam manapun, apa yang saya difahamkan bahawa di Pusat Kesihatan Labi memang benar hanya jururawat wanita yang ditugaskan di sana tetapi doktor yang ditugaskan adalah seorang lelaki yang dipinjamkan daripada Pusat Kesihatan Sungai Liang di mana perkhidmatan bagi mereka yang diperlukan ini ialah dalam lingkungan 2 kali seminggu iaitu dari hari Isnin 2.00 petang hingga 4.00 petang dan hari Khamis sebelah pagi 7.45 pagi hingga 10.30 malam.

Mengenai cadangan supaya dilaratkan perkhidmatan kesihatan ini ke rumah panjang Biadong Ulu, yang sebenarnya baru-baru ini pihak Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah juga mengadakan lawatan ke Biadong Ulu dan di sana ada Kementerian Kesihatan mengadakan perkhidmatan doktor udara di Mukim Sukang dan Melilas dan adalah juga didapati jarak rumah panjang Biadong Ulu lebih kurang 5 kilometer dari Mukim Sukang, adapun penduduknya lebih kurang 53 orang. Oleh yang demikian, penduduk di kawasan berkenaan bolehlah ke Sukang melalui Perkhidmatan Perubatan Udara yang telah disediakan.

Hasil lawatan baru-baru ini iaitu pada 16 Mac 2013, keramaian penduduk hanyalah lebih kurang 10 orang dan kebanyakan yang tinggal adalah warga tua sahaja, terdapat 3 orang yang mempunyai penyakit kronik. Walau bagaimanapun, mereka ini adalah dalam keadaan stabil. Pesakit-pesakit tersebut dijaga oleh keluarga terdekat dan mereka juga menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan. Ada di antara pesakit tersebut

mempunyai perjanjian doktor pakar di Hospital Suri Seri Begawan dan mendapat rawatan yang berterusan. Mereka dibawa ke hospital oleh keluarga atau jiran rumah panjang, jika sekiranya rawatan diperlukan, bolehlah telefon 991 untuk bantuan seterusnya.

Apa yang saya tekankan di sini bahawa dari masa ke semasa insya-Allah jika diperlukan pihak Kementerian Kesihatan akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan semasa Perkhidmatan Doktor Udara ke Mukim Sukang ataupun ke Kampung Melilas. Mereka ini nanti boleh berkunjung di tempat yang dimaksudkan iaitu ke rumah panjang Biadong Ulu itu.

Perkara seterusnya ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu supaya Pusat Kesihatan Telisai untuk dinaik-taraf di kawasan tersebut. Memang Kementerian Kesihatan ada membuat perancangan untuk mengubahsuai, membesarkan dan menaik taraf Pusat Kesihatan Telisai tersebut, menyediakan lebih banyak lagi kawasan letak kereta bagi kegunaan penyelesaian pengunjung-pengunjung.

Berhubung kait dengan kemungkinan-kemungkinan untuk mengadakan lagi satu Pusat Kesihatan, belum lagi difikirkan bersesuaian. Mengikut penilaian Kementerian Kesihatan, adalah mencukupi lagi menampung penduduk di Mukim Telisai dan persekitarannya dengan mengambil kira seperti yang saya maksudkan tadi. Ini adalah berasaskan kepada garis panduan bagi pembinaan sebuah Pusat Kesihatan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu dalam lingkungan 30 ribu.

Lokasi Pusat Kesihatan hendaklah di tempat yang strategik dan mudah dikunjungi oleh penduduk di kawasan persekitarannya dalam jarak lingkungan 15 kilometer dari Pusat Kesihatan. Penggunaan tenaga berbagai profesion kesihatan seperti Doktor, Farmasi, Jururawat, Pegawai-Pegawai Teknikal dan lainnya mestilah secara optima dan mencukupi. Untuk makluman pada masa ini ditempatkan seorang doktor secara sepenuh masa di pusat kesihatan dan seorang lagi iaitu *visiting doctor* secara berjadual.

Satu lagi yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, ialah untuk mengadakan perkhidmatan ambulans di Pusat Kesihatan Lamunin dan di Pusat Kesihatan Telisai. Saya tidak akan mengulangi penjelasan mengenai perkara ini memadai seperti yang sudah dan alasan-alasan yang berkaitan dengan perkara itu tadi.

Berhubung dengan perkhidmatan mata, iaitu kita mempunyai Perkhidmatan *Ophthalmology* bergerak iaitu bahagian *Mobile Eye Clinic Bus* adalah satu program *outreach* iaitu sebahagian daripada perkhidmatan *Ophthalmology Community*, yang mana di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ialah perkhidmatan Klinik *Ophthalmology* di bawah Pusat Kesihatan, pemeriksaan mata di sekolah-sekolah dan perkhidmatan, pemeriksaan mata bersama *flying services* di tempat-tempat yang tertentu.

Perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini memang sudah wujud dan disediakan di beberapa buah kampung. Jika ianya dikehendaki oleh pihak yang berkenaan, dan sekiranya benar-benar diperlukan,

bolehlah menghubungi Bahagian Perkhidmatan *Ophthalmology* iaitu sama ada di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan juga hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan. Jika benar-benar perlu, ianya akan diberikan perkhidmatan seperti apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, saya berpendapat ada baiknya ditangguhkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini untuk membolehkan kita sama-sama berehat. Kita berbalik di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita sekarang bersidang sebagai Majlis Mesyuarat Negara. Akan tetapi Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan selama 20 minit untuk berehat, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Peringkat Jawatankuasa masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2013 / 2014. Maka bagi membolehkan perbincangan itu diteruskan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk SM - Kementerian Kesihatan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, saya berharap kita akan dapat menyelesaikan Kementerian Yang Berhormat ini pada hari ini juga, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Insya-Allah Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin menyambung beberapa persoalan dan cadangan-cadangan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berkaitan dengan Pusat Kesihatan Tutong dan juga diselajurkan dengan Perkhidmatan Jabatan Kesihatan Tutong.

Perkara ini, sebagaimana Yang Berhormat itu perhatikan memang diambil kira dan sudah dalam rancangan Kementerian Kesihatan sepertimana yang saya jelaskan dimukadimah awal tadi. Kita memerlukan keperluan-keperluan mengikut yang mana difikirkan dan dinilai sebagai keutamaan dan sudah dalam rancangan Kementerian Kesihatan bahawa jika tiba masanya nanti insya-Allah ianya akan dapat kita laksanakan mengikut keperluan dan keutamaan. Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat juga telah menimbulkan tentang jika dapat, diberikan *privilege*

kepada warga emas. Perkara ini telah saya jelaskan tadi, ada kaitannya dan saya ingin menambah sahaja iaitu memang di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ada disediakan kaunter keutamaan khusus bagi pesakit yang berkerusi roda, anak damit yang berumur di bawah satu tahun dan juga bagi pesakit-pesakit yang mendapat bekalan ubat 1 hingga 2 minggu sahaja. Insya-Allah ianya sudah ada dalam rancangan bahawa warga emas akan dimasukkan dalam kategori kaunter keutamaan ini mulai dari 1 April 2013.

Dalam pada itu juga, beberapa pencapaian telah juga dapat diraih misalnya, dalam Klinik-Klinik Pakar iaitu sejak ianya dipantau mulai bulan Julai 2012 hingga bulan Januari 2013. Namun kita mengenalkan *Bru-HIMS*, yang mana Klinik Pakar purata bagi tempoh menunggu adalah selama 48 minit dapat diturunkan kepada 40 minit. Manakala Bahagian Klinik Pediatrik purata bagi tempoh menunggu adalah selama 24 minit yang mana sebelumnya adalah 1 jam. Itulah progres-progres yang dicapai dan insya-Allah seperti yang dinyatakan tadi akan dapat kesan yang positif atau impak tadi sesudahnya *Bru-HIMS* itu akan menjadi lebih stabil dari masa ke semasa. Itu saja yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Beralih kepada yang ditimbulkan dan dicadangkan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Yang Berhormat mengambil berat tentang bertambahnya pesakit-pesakit di Negara ini dan juga keperluan kemudahan-kemudahan untuk diberikan

bagi memberikan rawatan-rawatan dengan adanya tambahan-tambahan pesakit-pesakit ini.

Memang perkara ini diakui, dari itulah pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti saya nyatakan pagi tadi dalam mukadimah saya, kita telah mengadakan 2 projek yang khusus iaitu Pelan Induk Infrastruktur dan Sistem Kesihatan. Ini termasuklah juga keperluan-keperluan kemudahan-kemudahan dan juga berkemungkinan untuk membuat hospital baru kepada hasil daripada kajian-kajian yang dibuat oleh pihak konsultan dengan mengambil kira keperluan-keperluan untuk Negara Brunei Darussalam iaitu bukan saja tertumpu kepada kemudahan-kemudahan tetapi juga termasuk untuk menilai keperluan Sumber Tenaga Manusia, pembekalan dan produk teknologi dan seumpamanya.

Perkara ini mungkin sudah memadai saya jelaskan dan di samping itu kita juga dalam proses untuk menyediakan Pelan Induk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang sedang dalam proses. Kita menilai bahawa keperluan-keperluan adalah sangat-sangat dikehendaki. Tetapi yang mustahak kita mesti mengenal pasti yang sebenarnya iaitu apakah keperluan-keperluan yang dikehendaki itu hasil daripada penyediaan-penyediaan Projek itu.

Keperluan Projek ini adalah menjadi satu panduan kita membuat perancangan-perancangan dalam beberapa aspek yang saya sebutkan dalam mukadimah awal tadi. Saya tidak perlulah menjelaskan.

Perkara seterusnya ialah yang dibangkitkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang menimbulkan masih ramai lagi orang yang merokok di kawasan-kawasan tertentu. Perkara undang-undang dan peraturan ini memang sudah dikuatkuasakan. Tinggal lagi kesedaran dan pendidikan kita. Adakah kita benar-benar mengetahui akan kesan-kesan dan risiko-risiko merokok ini? Bukan saja risikonya pada perokok sendiri tetapi orang yang di sekelilingnya, ataupun lumrahnya kita sifatkan ialah *second hand smokers*. Bukan itu saja. Mungkin ahli keluarga, isteri, anak-anak kita, saudara mara kita yang menyedut asap rokok itu juga mempunyai risiko yang tinggi yang kemungkinan lambat-laun mungkin akan menghidap penyakit-penyakit yang kronik, seperti penyakit Kanser dan seumpamanya.

Kesedaran inilah yang perlu kita terapkan di kalangan lapisan masyarakat di Negara ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga tidak terkecuali untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat supaya kita memberhentikan rokok ini termasuklah juga seperti yang kita bincangkan beberapa hari yang lalu, ada yang memasukkan rokok tembakau ini secara *illegal* iaitu secara penyeludupan. Kita memerlukan kerjasama di semua lapisan masyarakat sama ada pihak Kerajaan, *NGO's*, pihak-pihak di kalangan pemimpin-pemimpin akar umbi akan bersama-sama kita membanteras risiko-risiko yang boleh mengundang kepada penyakit-penyakit berjangkit khususnya penyakit Kanser di Negara ini.

Saya tidak akan berpanjang lebar mengenai hal rokok ini. Risiko-risiko yang tinggi yang menyumbang kepada

penyakit-penyakit kronik dan tidak berjangkit di Negara ini memang sudah dibuktikan. Seperti sedia maklum, penyakit Kanser adalah penyakit utama yang menyebabkan kematian di Negara ini. Inilah yang patut kita serapkan akan kepentingan kesedaran masyarakat tentang risiko rokok kepada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Seterusnya Yang Berhormat tadi menimbulkan tentang cuti. Cuti Orang Yang Menemani Pesakit Ke Luar Negeri. Elaun sudah diberikan \$30.00, kini cuti pula yang dipohonkan. Memang Peraturan Cuti ini bukanlah di bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Ianya adalah termasuk dalam peraturan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri. Apabila cuti menemani pesakit di luar Negeri sudah habis, hak cuti itu bukanlah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Ianya adalah tertakluk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang saya nyatakan tadi. Walau bagaimanapun, insya-Allah perkara ini juga akan dibawa ke perhatian pihak yang berkenaan mengenainya.

Yang mustahak sekali kita sendiri haruslah juga memikirkan bukan saja minta-minta apa lagi yang dikehendaki tetapi kita mestilah memikirkan sama-sama bertanggungjawab (*win-win situation*) bukan *win* kepada pesakit tetapi *win* juga kepada Kerajaan. Sama-sama kita mengongsikan tanggungjawab ini.

Yang ditimbulkan lagi ialah tentang insurans kesihatan. Ianya juga termasuk dalam penyediaan Pelan Induk Infrastruktur dan Sistem Kesihatan Negara Brunei Darussalam. Adalah diakui bahawa terdapat juga pembayaran-pembayaran yang tertunggak di kalangan warga

negara asing yang dirawat di Negara ini. Pihak Kementerian dalam perkara ini telah mencadangkan supaya di peringkat permulaan ini iaitu insurans kesihatan dikenakan khusus bagi pekerja-pekerja asing. Perundingan telah dibuat dengan Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan perkara ini juga kita sentuh beberapa hari yang lalu. Ianya dalam proses pertimbangan dan juga jika dipersetujui di antara pihak-pihak berkenaan.

Satu lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin ialah yang ada kaitannya di Bahagian Pesakit A&E ataupun lebih dikenali di sini ialah Bahagian Kemalangan dan Kecemasan. Ini adalah menjadi satu isu yang bukan sahaja menjadi masalah di Negara Brunei Darussalam tetapi juga di luar negeri yang berhubung kait dengan perkhidmatan kemalangan dan kecemasan ini. Kadang kala kita tidak mengetahui bahawa ada beberapa kategori sebenarnya dalam Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini:

- 1) P1: iaitu mereka yang memerlukan penyegeraan rawatan yang berupa kronik, koma dan yang perlu diutamakan sama sekali;
- 2) P2: iaitu mereka yang boleh dikatakan *semi acute*; dan
- 3) P3: iaitu mereka yang memerlukan kurang pemerhatian iaitu seperti mengidap penyakit-penyakit selesma, batuk dan seumpamanya.

Yang dimaksudkan P1 dan P2 ialah mereka yang memerlukan rawatan segera, misalnya kes-kes kemalangan, sakit jantung dan stroke. Di sinilah tidak

banyak kelambatan berlaku, sebabnya kita hendaklah mengambil tindakan untuk memberikan rawatan dengan segera oleh *multidiscipline* profesional kesihatan di sini. Bukan saja seorang tetapi ia tertakluk kepada jenis penyakit yang memerlukan satu pasukan *multidiscipline* pakar-pakar, doktor-doktor dan juga jururawat.

P3 ini pula, boleh kita katakan tidak memerlukan penyegeraan. Kelambatan berlaku disebabkan kalau sekiranya pesakit-pesakit dalam golongan P1 atau P2 banyak, mahu tidak mahu, pihak doktor perlu memberikan keutamaan kepada pesakit-pesakit ini. Kalau P1 dan P2 ramai bilangannya terpaksa mahu tidak mahu pesakit-pesakit dalam kategori P3 lama menunggu. Kerana apa? Kalau tidak diberikan rawatan-rawatan dengan segera kepada P1 dan P2 ini, mungkin akan membawa perkara-perkara yang memudaratkan kepada pesakit itu sendiri.

Kalau kita melihat dari jumlah pesakit di dalam Tahun 2012, saya tidak perlu menjelaskan perangkaan-perangkaan di tahun-tahun yang sudah, jumlah kedatangan pesakit keseluruhannya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ialah 115,708 orang, P1 hanya 3%, P2 hanya 23%, orang pesakit-pesakit ringan ini hampir 75%. Dari jumlah yang saya maksudkan tadi seramai 115,708 orang tadi, 15,000 pesakit telah dimasukkan terus ke wad-wad dan di *Ward Intensive Care Unit (ICU)*, yang mana 10,000 di antaranya pesakit dewasa dan 5,000 kanak-kanak.

Ingin saya mengongsikan di sini bahawa kedatangan yang paling ramai ialah di antara jam 7.00 malam hingga 11.00 malam. Apa yang kadang-kadang mendukacitakan bahawa selain daripada di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak

Saleha, kita juga menyediakan *extended hours* di Pusat Kesihatan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan yang dibukakan dari jam 6.00 petang hingga 9.00 malam dan juga pada hari-hari kelepasan awam di waktu yang sama dan jika hari kelepasan awam itu lebih daripada sehari ianya akan dibuka dari jam 2.00 petang hingga 11.00 malam.

Bagi mengurangkan kesibukan-kesibukan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan adalah disarankan supaya gunakanlah kemudahan-kemudahan bagi pesakit-pesakit ringan di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan bagi kita sama-sama bertanggungjawab supaya tumpuan lebih akan diberikan kepada pesakit-pesakit yang kronik yang memerlukan rawatan segera.

Dalam pada itu, di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha juga ada memperkenalkan yang dipanggil *Acute Medical Unit*. Ini adalah untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak semestinya ditahan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan. Jika perlu, mereka ini juga akan dipindahkan di unit tersebut bagi mengelak kesesakan di sana.

Walau macam manapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa *mereview* dan juga mengenal pasti bagaimana untuk memperbaiki, mengemaskinikan lagi dari semasa ke semasa perkhidmatan-perkhidmatan yang dikhususkan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini. Kita juga telah membuat beberapa perancangan untuk memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan di Bahagian ini, yang mana telah diperkenalkan pada tahun 2008 iaitu *Program Basic Speciality Training in Medicine* untuk doktor yang

mengikuti latihan pengkhususan dalam bidang kemalangan dan kecemasan.

Dua orang doktor telah lulus dalam peperiksaan tersebut dan insya-Allah setelah tamat dalam latihan kepakaran dan lulus periksa, mereka ini dijangka akan kembali berkhidmat ke Negara ini bagi membantu di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan.

Kita juga mempunyai tiga orang jururawat tempatan yang telahpun menamatkan kursus mereka iaitu dua orang mendapat *Bachelor of Emergency Nursing Training* di Australia dan seorang mendapat *Bachelor of Emergency Paediatric Nursing* di New Zealand. Ini adalah semata-mata untuk meringankan lagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian ini. Itulah serba sedikit yang dapat saya terangkan untuk kita sama-sama memberikan perkhidmatan dan juga menambahkan lagi kecekapan perkhidmatan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan.

Seterusnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, iaitu nama ringkas kepada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Memang diakui adalah lebih bertepatan jika kita mengguna pakai nama yang penuh bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai.

Tujuan sebenarnya ialah untuk meringkaskan sahaja nama itu yang masih kita kekalkan dan bukan kita mengubahnya. Kita masih lagi menggunakan nama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Ini adalah untuk kemudahan orang ramai sahaja, bukan maknanya kita tidak mengekalkan, kita masih lagi mengekalkan nama tersebut

dan jangan kita salah faham dalam perkara ini.

Kedua, tentang pendaftaran bayaran \$1.00 bagi warga emas yang mengkehendaki perkhidmatan di mana-mana hospital atau pusat kesihatan dan klinik. Perkara ini memanglah diambil perhatian dan insya-Allah akan dibuat penelitian yang sewajarnya sama ada bersesuaian dan perlu diberikan pertimbangan. Insya-Allah ianya akan diteliti dengan sepenuh-penuhnya dan diadakan perundingan dengan pihak-pihak berkenaan dalam perkara ini.

Seterusnya perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain tentang Pusat Kesihatan Berakas B. Pusat Kesihatan Berakas B, seperti yang saya katakan dalam mukadimah awal tadi memang sudah dalam perancangan dan ianya dalam proses reka bentuk, konsultan pun telah dilantik. Insya-Allah kalau sekiranya reka bentuk itu telahpun siap dan dipersetujui maka reka bentuk bangunan itu akan kita bukakan *tender* mengikut proses yang lazimnya.

Perkara yang ditimbulkan lagi ialah Pusat Kesihatan Berakas "B", Pusat Kesihatan Berakas "A" mungkin dalam kawasan Yang Berhormat. Berhubung dengan Pusat Kesihatan Berakas "A" ini ianya di dalam pemerhatian Kementerian Kesihatan dan dalam kajian sama ada ia perlu diperbaharui dinaik-taraf ataupun alternatif di kawasan-kawasan yang bersesuaian untuk menggantikannya. Insya-Allah kita mengikut kriteria-kriteria yang saya nyatakan tadi sama ada perlu membangunkan satu Pusat Kesihatan ataupun adakah ia lebih *cost effective*

untuk dinaik taraf atau dibesarkan Pusat Kesihatan yang ada.

Beralih kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub. Yang Berhormat juga telah mencadangkan beberapa perkara yang berhubung-kait dengan bertambahnya pesakit-pesakit yang memerlukan kemudahan-kemudahan untuk dipertingkatkan. Saya tidaklah perlu berpanjang lebar dalam perkara ini. Adalah memadai seperti dijelaskan di mukadimah awal saya, kita sekarang ini dalam proses untuk menyediakan dua Plan Induk iaitu Pelan Induk Infrastruktur dan Sistem Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan keduanya Pelan Induk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Ini merangkumi perkara-perkara keperluan tenaga manusia yang akan dikehendaki di masa sederhana jangka panjang dan seumpamanya.

Kerisauan Yang Berhormat tadi tentang keperluan untuk menambah profesion kejururawatan. Perkara ini juga kita ambil maklum bahawa seperti yang kita sedia maklum di Universiti Brunei Darussalam ada juga diwujudkan kursus *Bachelor of Health Science and Nursing* dalam pelbagai bidang. Di samping itu menyedari akan keperluan tenaga manusia kejururawatan ini, Alhamdulillah Kementerian Kesihatan juga telah mengungkayahkan untuk mewujudkan semula Sijil Pembantu Kejururawatan dan Sijil Pembantu Kejururawatan Perbidanan yang kita kendalikan di Pusat Latihan Perkembangan Kejururawatan. Ini adalah salah satu cara kita untuk meningkatkan lagi bilangan profesion Kejururawatan di kalangan anak-anak tempatan.

Di samping itu juga kita menghantar Jururawat dari masa ke semasa bagi meningkatkan jurusan yang lebih berkemahiran dalam bidang-bidang tertentu bukan sahaja di dalam negeri malahan juga di luar negeri seperti Australia, United Kingdom, Switzerland dan Amerika Syarikat bagi menggalakkan mereka ini lebih mahir dan lebih *specialize* di dalam *paediatric*, di dalam *cardiology* *diabetes* dan seumpamanya. Terpulanglah pada kita untuk mengenal pasti di mana yang bersesuaian mereka dihantar.

Yang akhir ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Berhubung-kait dengan membina sebuah Pusat Kesihatan di Kampung Pandan. Yang sebenarnya ada sudah tapak telahpun diwartakan di kawasan Kampung Pandan, Kuala Belait iaitu berhampiran dengan Masjid Kampung Pandan. Kita mengenal pasti keperluannya untuk mewujudkan Pusat Kesihatan di Kuala Belait bagi menggantikan Klinik yang dipanggil Pusat Kesihatan Kuala Belait. Insyallah Pusat Kesihatan Kuala Belait itu nanti akan diberikan berbagai perkhidmatan Kesihatan termasuklah Perkhidmatan Pergigian dan menyeluruh di samping perkhidmatan-perkhidmatan bagi penjagaan asasi dan seumpamanya.

Ianya telah dicadangkan untuk dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-10. Perkara yang saya nyatakan tadi kita perlu membuat penilaian dan di mana yang perlu diberikan keutamaan di dalam projek-projek Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Satu lagi yang ditimbulkan Yang Berhormat iaitu supaya Pusat Kesihatan di Pekan Seria beroperasi 24 jam, sama seperti Bahagian Kecemasan dan Kemalangan termasuk perkhidmatan ambulans. Perkara ini tidak perlu saya jelaskan. Mana-mana yang menghendaki *extended hours* ataupun lanjutan perkhidmatan telah saya sentuh sama ada daripada *working hours* ke 9.00 malam ataupun 12.00 tengah malam. Apatah lagi 24 jam tidak perlu saya terangkan lagi kerana sudahpun diterangkan dalam mukadimah dan juga soalan-soalan yang sama juga ditimbulkan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi. Begitu juga perkhidmatan ambulans tidak perlu saya nyatakan lagi dan telahpun dijelaskan sebelumnya.

Soalan yang ditimbulkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin telah menyuarakan kebimbangan berhubung kait dengan perbelanjaan kesihatan semakin meningkat. Ini tidak dapat kita nafikan bahawa di mana-mana negara pun perbelanjaan dalam bidang kesihatan ini juga semakin meningkat dari masa ke semasa. Tetapi kita haruslah meneliti dengan keperluan-keperluan ini. Saya tidaklah perlu menerangkan lebih jelas lagi kerana ianya termasuk dalam Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kementerian Kesihatan yang juga di sana dimasukkan bagaimana lebih *cost-effective* dan juga yang lebih penting untuk keperluan-keperluan bagi kita mengurangkan, bukannya menambah-nambah tetapi mengurangkan pertambahan perbelanjaan dari masa ke semasa dalam peruntukan Kementerian Kesihatan.

Ini adalah juga termasuk dalam salah satu daripada fungsi ataupun syarat-syaratnya. Daripada salah satu bidang tugas konsultan itu ialah untuk meneliti dan mencadangkan cara-cara yang lebih efektif dalam perbelanjaan dalam bidang kesihatan ini. Begitu juga seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi berhubung dengan *Insurance Medicare*.

Medicare juga termasuk dalam rancangan Pelan Induk. Semua bidang yang kita kehendaki itu perlu penelitian dan kajian yang lebih lanjut oleh pakar-pakar yang terkemuka untuk menyediakan infrastrukturnya, tentang perbelanjaan, *governancenya*, kemudahan-kemudahan, *manpower* dan seumpamanya. Kita akan melihat cadangan-cadangan daripada hasil konsultan tadi bagi menyediakan Pelan Induk Infrastruktur dan Sistem Kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, sudah memadai penjelasan yang saya berikan bagi perkara-perkara yang ditimbulkan dan dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya berharap jika sekiranya masih lagi ada yang meminta penjelasan lebih lanjut, insya-Allah saya akan bersedia untuk memberikan penjelasan di pejabat di Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan-jawapan yang begitu jelas maka Tajuk SM - Kementerian Kesihatan ini ada baiknya diundi. Yang bersetuju silakan angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Tajuk SM - Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Tajuk SM - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk menyampaikan mukadimah. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Saya mula-mula sekali mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya. Izinkan saya untuk menyampaikan sedikit ucapan mengenai Tajuk Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Seperti yang dibentangkan Anggaran Peruntukan bagi Kementerian Perhubungan bagi Tahun Kewangan 2013 / 2014 adalah berjumlah \$80,199,500.00. Dengan kenaikan berjumlah 1.2% berbanding dengan \$78,765,960.00 bagi Tahun Kewangan 2012 / 2013.

Pecahan peruntukan itu adalah seperti berikut:

- i. Gaji pegawai dan kakitangan \$44,649,100.00 iaitu 55.7%;
- ii. Perbelanjaan berulang-ulang \$22,852,315.00 iaitu 28.5%; dan

- iii. Perbelanjaan khas \$12,698,085.00 iaitu 15.8%

Bagi tahun 2013 / 2014 ini, terdapat peningkatan dalam peruntukan Kementerian Perhubungan yang antara lainnya disebabkan oleh:

- i. Tambahan kepada jawatan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan serta jabatan-jabatan di bawahnya. Kenaikan ini juga ditampung oleh beberapa *trade off* dalam pegawai-pegawai yang lain;
- ii. Peningkatan perbelanjaan dalam perkembangan tenaga manusia dan latihan daripada \$625,000.00 pada tahun 2012 / 2013 kepada \$805,500.00; dan
- iii. Peningkatan Perbelanjaan Khas - tambahan daripada \$12,671,760.00 kepada \$12,698,085.00. Tumpuan perkhidmatan khas ini adalah bagi projek-projek tambahan bagi peningkatan infrastruktur dan fasiliti-fasiliti di jabatan-jabatan di bawah Kementerian.

Saya berasa bersyukur kerana peruntukan yang telah dicadangkan bagi tahun 2013 / 2014 ini. Insya-Allah ianya akan dapat digunakan bagi pelaksanaan projek-projek Kementerian Perhubungan.

Izinkanlah saya walaupun sudah akhir begini, mengongsikan beberapa teras atau '*Core Strategies*' di bawah Perancangan Strategik Kementerian Perhubungan 2008-2017 bagi mendukung visi kementerian iaitu 'Untuk Menjadikan Negara Ini Mempunyai Sebuah Masyarakat Yang Canggih atau *Smart Society* dan Perhubungan Cemerlang

Serta Meningkatkan Kedayasaan Negara Menjelang Tahun 2017 nanti', insya-Allah.

'Core Strategies' ini adalah:

- 1) Pengkorporatan dan Penswastaan (*Corporatisation and Privatisation*);
- 2) Pemudah Cara Sektor Swasta dan Penyertaan Sektor Swasta (*Private Sector Facilitation and Participation*);
- 3) Perkembangan Infrastruktur atau (*Infrastructure Development*);
- 4) Peningkatan Operasi atau (*Operations Enhancement*);
- 5) Perkembangan Tenaga Manusia atau (*Human Resources Development*); dan
- 6) Keselamatan, Kesejahteraan dan Persekitaran yang bersih atau (*Safe, Secure and Clean Environment*).

Dalam hal ini saya ingin mengongsikan beberapa inisiatif strategik selaras dengan 6 teras Kementerian Perhubungan seperti berikut:

1. PROJEK-PROJEK LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

- a. Projek Peningkatan infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei termasuk dalam Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke 10 di bawah pengawasan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei Darussalam (BEDB) yang bergelar '*Modernisation of Brunei International Airport*'. Melalui Projek ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) akan bertambah besar sebanyak 2

kali ganda. Ini juga bermakna bertambahnya ruang kawasan untuk keselesaan dan kemudahan para penumpang dan orang ramai. Projek ini seterusnya diharap akan dapat membuka peluang perniagaan dan pekerjaan.

- b. Sebagai sebahagian dari peningkatan infrastruktur Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), kawasan letak kereta orang ramai juga akan dipertingkatkan dan diperbaiki. Sepanjang Projek ini berjalan, ruang Letak Kereta P1 yang dulu telahpun ditutup sementara dan orang ramai menggunakan kawasan ruang Letak Kereta P2. Dalam hal ini, sukacita diumumkan bahawa kawasan Letak Kereta P1 yang baru telahpun siap dibina dan akan mula dibuka kepada orang ramai mulai hari Isnin, 1 April 2013. Kawasan Letak Kereta P1 ini akan dapat menempatkan 600 petak ruang letak kereta termasuk 300 petak yang beratap. Pembinaan baru ini adalah merupakan peningkatan dari ruang sebelumnya yang hanya dapat menempatkan 360 ruang letak kereta dan tidak banyak yang beratap. Kawasan letak kereta P1 ini iakan diuruskan dan dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta.

- c. Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB). Alhamdulillah dengan segala taufik dan hidayah serta dengan berkat daulat dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Projek ini telah diberi perhatian khusus. Sebuah surau akan ditempatkan bersebelahan

dengan bangunan terminal yang ada pada masa ini. Surau ini akan mempunyai keluasan 700 meter persegi dan akan dapat menampung kira-kira 300 orang jemaah. Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada bulan Disember 2013 dan dijangka selesai pada bulan November 2014.

- d. *Air Field Pavement Rehabilitation Work at Brunei International Airport.* Projek menaik taraf landasan terbang Diraja Brunei, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ini adalah satu projek di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-10, Jabatan Penerbangan Awam. Melalui projek ini, satu perkhidmatan kepakaran konsultan telah dilantik di bawah pengawasan bersama Kementerian Perhubungan dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Projek besar ini bertujuan untuk membaik-pulih dan menaik-taraf landasan *runway* dan *taxiway* Lapangan Terbang di bawah skop kerja tambahan. Antara lain ianya melibatkan pelebaran landasan bagi menampung saiz pesawat-pesawat komersil serta menaik-taraf dan membina semula kemudahan sekitar Lapangan Terbang Apron dan kawasan-kawasan yang berkaitan. Projek ini dijangka siap insya-Allah pada tahun 2015 nanti. Walaupun Projek ini tidak akan begitu dirasa secara *direct*, tetapi peningkatan yang ketara ialah bagi keselamatan semua penumpang-penumpang dan pengguna-pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

2. PENGKORPORATAN DAN PENSWASTAAN.

- a. Penubuhan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)* dan Pengkorporatan dan penswastaan pelabuhan-pelabuhan.

Satu inisiatif strategik bagi menukar peranan dan struktur Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan kepada entiti pengawalselia korporat dan seterusnya entiti korporat atau swasta dalam penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan. Dengan adanya entiti-entiti ini, industri maritim dan pelabuhan di Negara ini dihasratkan akan menjadi lebih terancang, efisien serta mewujudkan persekitaran bisnes dan operasional yang lebih kondusif kepada perdagangan dan pelaburan dalam jangkamasa sederhana dan panjang.

Dalam hal ini, kerja-kerja persediaan termasuk penyediaan undang-undang dan peraturan sedang giat dilaksanakan di Kementerian Perhubungan dengan kerjasama Jabatan Laut, pihak Peguam Negara dan Kementerian Kewangan. Bagi kerja-kerja persediaan dalam pengkorporatan dan penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan, Kementerian Perhubungan juga sedang di dalam perundingan dengan pihak JPM melalui Jawatankuasa Penswastaan dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

b. Pengkorporatan Pos.

Kementerian Perhubungan turut mengenalpasti pengkorporatan Perkhidmatan Pos sebagai inisiatif strategik Kementerian ini. Melalui proses pengkorporatan, perkhidmatan pos akan terus menjadi perkhidmatan yang relevan bagi pengguna dalam penghantaran dan perkongsian maklumat. Perancangan ini juga adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik serantau dan antarabangsa.

3. NETWORK READINESS INDEX

(NRI) merupakan indeks yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* dan *INSEAD*. NRI mengukur tahap kesediaan dan kecenderungan setiap negara di dalam menggunakan dan memanfaatkan *ICT* di negara masing-masing. Indeks tersebut diukur berdasarkan faktor-faktor persekitaran, kesediaan, penggunaan dan kesan *ICT* kepada ekonomi dan masyarakat.

Dalam tahun 2012, Negara Brunei Darussalam berada di tangga 54 dari 142 buah negara. Kedudukan ini adalah peningkatan daripada kedudukan yang ke-57 pada tahun 2011 dan kedudukan yang ke-63 dalam tahun 2008 hingga tahun 2010.

Projek NRI diteruskan pada tahun ini melalui NRI Fasa Kedua. Projek ini akan meliputi beberapa bengkel-bengkel kerja yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri bagi *Government Workshop*, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi *Business Workshop* dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

bagi *Society Workshop*. Kajian NRI Fasa Kedua dilaksanakan di bawah arah tuju dan pemantauan Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat (*BIT Council*).

4. PROJEK - PROJEK PENGANGKUTAN AWAM DAN LOGISTIK.

a. Projek-projek pembinaan prasarana dan kemudahan pengangkutan awam.

Dari jumlah \$3,335,900.00 yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengangkutan Darat di bawah projek RKN ke-10 bagi tahun kewangan 2013 / 2014, penekanan akan ditumpukan kepada pembinaan dan penyediaan kemudahan - kemudahan pengangkutan awam di semua daerah. Projek-projek yang dimaksudkan ialah pembinaan bas terminal di Serasa, Muara dan pembinaan *Central Bus Station* di Kawasan Rimba bagi menambah dan mengganti bas stesyen yang ada di Bandar Seri Begawan. Projek-projek ini akan membolehkan kemudahan awam lebih selesa, lengkap dan moden di samping menyediakan kawasan yang lebih luas untuk menampung jumlah bas yang semakin bertambah.

b. Menambah Nilai Sistem Pengangkutan Darat diperuntukkan sejumlah \$977,900.00 di bawah RKN Ke-10. Pojek ini adalah penting terutama bagi pengeluaran produk-produk SPD seperti format Lesen Memandu yang baru, Lesen Kenderaan dan Buku Pendaftaran Kenderaan. Apa yang lebih menarik insya-Allah, ialah untuk mengadakan keupayaan supaya

sistem perkhidmatan "*online*" akan membolehkan orang ramai membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan mereka melalui *Internet*.

c. Projek '*Formulating a Roadmap and Masterplan for a Sustainable Land Transport System*'.

Projek ini merupakan projek dibawah pengendalian Pusat Pengajian bagi Strategik dan Polisi (*CSPS*) yang melibatkan dua *stakeholders* utama iaitu Kementerian Perhubungan dan Kementerian Pembangunan. Projek ini dilaksanakan selama 12 bulan mulai bulan Julai 2012 dan insya-Allah akan siap pada bulan Julai 2013 ini. Inilah julung-julung kalinya *National Masterplan* mengenai pengangkutan darat dijalankan tetapi *Transportation Masterplan* ini bertujuan untuk menyediakan satu *White Paper* yang mengandungi dua perkara iaitu peta (*roadmap*) dan *actual master plan*.

Antara hasil yang dihasratkan melalui Projek ini ialah beberapa perakuan dan sokongan bagi satu rangka kerja institusi (*institutional framework*) yang bersesuaian dalam menerajui sektor pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini diharap akan dapat mengenal pasti kos-kos sebenar dalam pengangkutan awam dan perjalanan persendirian. Ianya diharap akan menyentuh dan meneliti punca-punca kesesakan jalan raya dan menghadapkan beberapa cadangan untuk mengurangkannya.

d. *Vehicle Inspection Centres (VICs)* atau Pusat-Pusat Pemeriksaan Kenderaan dibawah Jabatan

Pengangkutan Darat. Pusat-pusat ini diharap akan diadakan secara komersil dan telah ditetapkan sebagai dasar Kementerian Perhubungan. Dalam hal ini, beberapa modaliti bagi penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut sedang diteliti oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Inisiatif ini adalah bagi mengurangkan beban kos Kerajaan dan sekaligus memberikan fokus kepada Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Jabatan Kerajaan yang mengawal selia dan melesen dan bukannya untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan *Vehicle Inspection Centre (VIC)*.

Ada beberapa pihak swasta telah dikenalpasti untuk melaksanakan perkhidmatan ini melalui *Expression of Interest* yang telah dibukakan pada akhir tahun lepas.

e. Projek *Office of Exchange and Warehousing* di Daerah Belait pula adalah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos dengan harga \$4,350,000.00. Peruntukan RKN yang disokong dengan sejumlah \$4,220,000.00 ini bermula pada 2 Mei 2012 dan dijangka akan siap pada 3 Januari 2014. Projek ini dihasratkan untuk menjadikan Kuala Belait sebagai Ibu Pejabat Pos yang kedua dan pusat logistik bagi memudahkan urusan niaga dengan Pejabat-Pejabat Pos di Seria, Lumut dan Daerah Tutong. Disamping itu, ianya akan dapat dijadikan sebagai "*One Stop Community Center*" yang memerlukan keluasan yang besar untuk memberikan kemudahan-

kemudahan orang ramai terutamanya agensi-agensi logistik. Selain itu, ianya diharap akan digunakan sebagai gudang penaruhan barangan mel bagi *big mailers* besar untuk pengagihan dan pembahagian.

- f. **Pembesaran Pelabuhan Muara.** Peruntukan sebanyak \$50 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah disokong bagi Projek Pembesaran Dermaga Kontena Muara. Tambahan panjangnya daripada 150 meter sehingga 200 meter. Ini sedang dalam pelaksanaan Jabatan Pelabuhan. Projek ini dihasrat akan dapat merealisasikan matlamat utama Kementerian iaitu menyediakan sistem pengangkutan dan logistik yang cekap, aksesibel, mudah, selamat, lancar (*seamless*) dan seterusnya berdaya saing dan berdaya tahan untuk menyumbang kepada pembangunan Negara.

5) PROJEK-PROJEK INFO-KOMUNIKASI ICT:

- a. Meluaskan dan menambah projek infrastruktur *ICT*. Saya sukacita memetik petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 15 Julai 2012 yang mana, Baginda telah memperkenalkan sejumlah \$230,000,000.00 di bawah Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 untuk Kementerian Perhubungan menyelesaikan apa yang disebut "*Fibre-to-the-home*" atau jalurlebar ke rumah-rumah. Dalam titah Baginda itu, saya petik "*Dengan projek ini, kemajuan internet*

yang lebih berkualiti yang mampu dimiliki oleh orang ramai, kemajuan perkhidmatan ini juga akan turut mengangkat daya saing negara bagi menarik pelaburan asing".

Projek infrastruktur jalurlebar ini akan mewujudkan perkhidmatan internet broadband dengan sasaran bagi menembusi lebih kurang atau kira-kira 80 peratus isi rumah (*household*) di seluruh negara dengan kepantasan tinggi untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini melalui pelaksanaan berfasa dalam jangkamasa Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Dalam usaha ke arah kemajuan internet broadband yang lebih berkualiti ini, Kementerian Perhubungan juga memberikan perhatian serius dalam usaha membendung kesan-kesan buruk sampingan dari penyalahgunaan alat canggih ini. Usaha ini termasuklah memantapkan pengawal seliaan multimedia di negara ini.

- b. Pengeluaran Lesen bagi Perkhidmatan Telekomunikasi 4G atau Generasi ke 4 dengan menggunakan teknologi *Long Term Evolution (LTE)*.

Kementerian Perhubungan dan AITI telah mengemaskinikan dasar dan rangka kerja perlesenan bagi perkhidmatan telekomunikasi 4G yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan keadaan pasaran dan trend pengguna di Negara ini. Teknologi 4G adalah teknologi perkhidmatan telefon bimbit dan *internet broadband* yang berkualiti dan berkelajuan lebih tinggi daripada 3G yang ada pada sekarang ini. Perkhidmatan ini juga

terdapat di negara-negara maju seperti Singapura, Australia dan negara-negara Eropah.

Projek Kabel Dasar Laut *South East Asia-Japan (SJC)* dengan harga rancangan \$94,500,000.00. Peruntukan yang disokong di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 adalah sejumlah \$38,250,000.00. Projek ini bermula pada 12 April 2011 dan dijangka siap untuk perkhidmatan aktif (*active service*) pada 12 November 2013 ini, insya-Allah. Projek ini akan merangkaikan 8 buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Negara Republik Rakyat China, Hong Kong, Jepun, Singapura, Indonesia dan Thailand dengan *initial capacity* yang berjumlah 17 *Terabites per second*.

6) INISIATIF - INISIATIF 'OPERATIONAL ENHANCEMENT'

- a. Penaiktarafan Bahagian Kajicuaca, Jabatan Penerbangan Awam kepada Jabatan Kajicuaca, Kementerian Perhubungan.

Pada bulan Januari 2013, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei telah memperkenankan bagi Penaiktarafan Bahagian Kajicuaca di bawah Jabatan Penerbangan Awam sebagai sebuah Jabatan Kajicuaca di bawah Kementerian Perhubungan. Inisiatif ini adalah berpandukan kepada saranan-saranan daripada *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* dan *World Meteorological Organisation (WMO)*

serta mengikut amalan-amalan terbaik antarabangsa.

Usaha ini diharap akan dapat menangani isu-isu seperti '*focused dedicated functions*' termasuk peruntukan bagi projek-projek besar di bawah perkhidmatan kajicuaca ini. Pemberian maklumat kajicuaca yang tepat dari semasa ke semasa adalah penting untuk sektor-sektor yang berkepentingan seperti pertanian, pembinaan, perikanan dan orang awam kerana ianya dapat memberikan impak yang positif kepada sektor-sektor berkenaan. Dalam hal ini, insya-Allah Jabatan Kajicuaca di Kementerian Perhubungan akan mula beroperasi pada 1 April 2013 nanti dan insya-Allah dalam Bajet tahun depan, ada lagi satu *heading* di bawah Kementerian Perhubungan.

- b. Pemindahan fungsi kawalselia penyiaran dari Kementerian Perhubungan kepada *AITI*. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga memperkenankan bagi pemindahan fungsi kawalselia penyiaran daripada Kementerian Perhubungan kepada *AITI*. Dalam hal ini, *AITI* sedang meneliti semula rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan untuk merangkumi industri penyiaran dan multimedia dengan mengambilkira keperluan-keperluan berikut:-
 - i. Pembangunan atau penciptaan '*content*' tempatan;
 - ii. Perkembangan media baru;

- iii. Pembangunan kapasiti penyiar-penyiar tempatan;
- iv. Kepelbagaian perkhidmatan, dari segi penyediaan perkhidmatan dan pakej-pakej 'content' atau rancangan melalui teknologi baru seperti *Internet Protokol TV (IPTV)* 'on-the-top' dan mana-mana teknologi yang lain; dan
- v. Langkah bagi membendung 'content' yang mempunyai unsur-unsur bertentangan dengan nilai dan budaya Negara.

Perkara-perkara ini adalah selaras sebagai satu sinergi bagi projek "*Fibre -To-The-Home*".

7. INTERNATIONAL COOPERATION AND TRANSPORTATION FACILITATION.

Projek Membina Jambatan Menyeberangi Sungai Pendaruan dengan peruntukan RKN 10 yang disokong sebanyak \$6,500,000.00. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013 ini. Harga keseluruhan projek ini ialah RM\$20,801,468.86 dan dibina oleh kontraktor Malaysia dengan kos pembinaan dikongsi sama oleh Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Projek ini dipantau melalui *Joint Project Team (JPT)* yang dipengerusikan bersama oleh kedua di peringkat Setiausaha Tetap di Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya di Malaysia. Projek ini diselenggarakan kebanyakannya oleh Jabatan Jalan

Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

8) PROJEK-PROJEK YANG MENJURUS KEPADA SAFETY AND SECURITY

- a. Sistem Mata Demerit - Projek Sistem Mata Demerit ini adalah sebahagian daripada rancangan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) seperti yang dinyatakan dalam *Blueprint Brunei Decade of Action for Road Safety 2011 / 2020*. Projek ini telah dilancarkan pada 3 Mei 2012 dalam jangka masa percubaan selama 1 tahun. Sistem ini bertujuan untuk menanamkan budaya pemanduan yang lebih selamat. Fungsi sistem ini adalah untuk mengenal pasti pemandu-pemandu yang berisiko tinggi dan mempunyai sikap pemanduan yang sering melanggar peraturan-peraturan jalan raya. Ianya juga akan menjadi satu mekanisme bagi memastikan pemandu di Negara ini akan lebih berdisiplin dan mematuhi peraturan-peraturan yang ada;
- b. *Defensive Driving* - Para pengusaha sekolah memandu dan jurulatih memandu telah menjalani kursus *defensive driving*. Mereka ini disarankan untuk mengongsikan maklumat ini kepada pemandu-pemandu baru dan menurunkan atau menimbulkan sikap-sikap ini dalam diri pemandu-pemandu. Ini diharap akan dapat menghasilkan pemandu-pemandu yang lebih mahir, berpengetahuan dan yang mustahak sekali lebih berhemah dan bertimbang rasa;

- c. Had Laju Kenderaan - Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat telah meneliti semula had laju bagi kenderaan berat, kenderaan perkhidmatan awam dan treler. Pada 12 Mac 2013 lalu, had laju bagi kenderaan berat, kenderaan pengangkutan awam dan treler diubah kepada 65km dan 75 km sejam di dalam kawasan 60km ke 80 km sejam bagi had laju di luar kawasan tertakluk kepada jenis dan berat kenderaan.
- d. Inisiatif Keselamatan Jalan Raya - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan jalan raya dari masa ke semasa; dan
- e. Kerja-Kerja Mengawasi Penumpahan Minyak dan Keselamatan Pengangkutan Maritim - Kerja-kerja ini sentiasa diteruskan secara berterusan oleh Jabatan Laut dengan kerjasama agensi-agensi yang lain.

Sebagai kesimpulan, kaola menyedari bahawa peruntukan dan perbelanjaan Kementerian Perhubungan adalah yang paling kecil dibandingkan dengan Kementerian-Kementerian lain. Tetapi, Kementerian ini bertanggungjawab untuk memastikan industri perhubungan dan pengangkutan adalah bertaraf tinggi demi menaikkan kekuatan daya saing Negara ini. Ianya meliputi pengangkutan udara, pengangkutan darat, laut, pelabuhan, sektor *ICT* dan pos, bidang penyiaran dan *internet content* dan baru-baru ini bidang kajicua di peringkat kebangsaan.

Alhamdulillah, Kementerian Perhubungan telah berjaya menjalankan peranannya sebagai pemudahcara dalam sektor pengangkutan dan perhubungan. Kita dapat melihat perkhidmatan-perkhidmatan dalam sektor-sektor ini sekarang diterajui dan dikendalikan oleh pihak swasta ataupun *private sector driven industry*. Sebagai contoh, semua perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai seperti *ICT*, pengangkutan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa adalah disediakan oleh pihak swasta. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dulunya di bawah pengendalian Kerajaan seperti Telekom, sekarang sudah dikendalikan oleh beberapa sektor swasta dan dengan pengendalian ini beberapa *spin off* dari perkhidmatan-perkhidmatan ini telahpun diadakan. Dan industri-industri seperti ini adalah lebih maju, efisien, dinamik dan inovatif.

Peranan Kementerian Perhubungan ini adalah juga selaras dengan hasratnya dalam strategi-strategi pengkorpratan dan penswastan beberapa sektor yang telah kaola kongsi tadi. Antara lainnya, adalah seperti pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos dan penswastan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dan baru-baru ini, usaha ke arah perkhidmatan pusat-pusat pemeriksaan kenderaan (*VICS*) secara komersil dan bukan lagi dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Kementerian Perhubungan juga mengikuti perkembangan teknologi masa kini dan akan datang. Sebagai contoh, teknologi *Fibre To The Home (FTTH)* dan perkhidmatan Telekomunikasi 4G dengan menggunakan teknologi *Long Term Evolution (LTE)* yang diterajui oleh pihak

swasta. Selain itu, perkembangan industri penerbangan, maritim, perkapalan dan pengangkutan turut diteliti dan Kementerian ini menggalakkan *spin off* dari industri-industri berkenaan.

Kementerian Perhubungan juga berperanan memastikan bahawa operasi dan kawalselia sektor perhubungan dan pengangkutan sentiasa mengikuti piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti *International Telecommunications Union (ITU)*, *Universal Postal Union (UPU)*, *International Maritime Organisation (IMO)*, *International Civil Aviation Organisation (ICAO)* dan *World Meteorological Organisation (WMO)*.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, Kementerian Perhubungan tidak dapat menjalankan tugasnya tanpa kerjasama dan sokongan dari agensi-agensi lain, baik dari sektor kerajaan dan sektor swasta. Dari itu, kaola dalam kesempatan ini bagi pihak Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, agensi-agensi korporat dan swasta dan yang paling mustahak para pengguna perkhidmatan atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan.

Sekianlah saja Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengucapkan sekian terima kasih. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri

Perhubungan. Perbincangan mengenai Kementerian Perhubungan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula akan tetapi ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang lagi pada hari Isnin, 25 Mac 2013 jam 9.30 pagi, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Isnin, 13 Jamadilawal 1434 / 25 Mac 2013

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

YANG DI-PERTUA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI- MENTERI)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II:
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada

hari ini iaitu bagi hari yang keempat belas didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadarat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang hari ini iaitu bagi hari yang keempat belas. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Perkara VII iaitu Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 / 2014 di Peringkat Jawatankuasa dan kita akan meneruskan perbincangan mengenai tajuk Kementerian Perhubungan. Bagi membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa diteruskan maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang berbincang di Peringkat Jawatankuasa. Alhamdulillah, sehingga hari Sabtu iaitu hari ketiga belas kita bersidang, peruntukan bagi semua kementerian telahpun diluluskan dan dijadikan sebahagian dari Jadual kecuali Kementerian Perhubungan.

Pada petang hari Sabtu yang lalu, Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam kenyataan awalnya telah mengongsikan tentang beberapa inisiatif strategik Kementerian Perhubungan yang meliputi tanggungjawab Kementerian berkenaan sebagai pemudah cara dalam sektor pengangkutan dan perhubungan yakni dalam bidang pengangkutan udara, darat, laut dan pelabuhan serta sektor *ICT* dan pos.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat telah berkesempatan mengamat-amati kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu. Jika ada soalan-soalan atau cadangan-cadangan yang hendak disuarakan mengenai tajuk ini sebaiknya difokuskan kepada perkara-perkara yang tidak disentuh atau kurang jelas dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu.

Sekarang Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan saya bukannya untuk dibahas. Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola ucapkan terima kasih atas mukadimah

yang begitu jelas yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan. Di bawah Tajuk ini kaola hendak menimbulkan tiga perkara sahaja.

- i) Projek *Fibre-To-The-Home* seperti yang terkandung dalam mukadimah Yang Berhormat Kementerian Perhubungan telah diperkenankan peruntukannya sejumlah \$230 juta di bawah RKN Ke-10. Soalan kaola pada tahun 2010 projek ini dilaporkan akan dijalankan dalam empat fasa. Bilakah fasa pertama *Fibre-To-The-Home* ini akan selesai dan adakah fasa pertama ini mencapai sasaran yang telah dirancang dalam pemasangan *internet broadband* ke rumah-rumah.
- ii) TelBru telah mengeluarkan kadar-kadar bayaran bagi pemasangan Internet *Broadband*. Bagi kerja-kerja penyambungan dan pemasangan *broadband* ke rumah pelanggan dikenakan bayaran \$200.00. Sementara itu kadar-kadar bayaran bulanan yang akan dikenakan ialah yang paling rendah sebanyak \$105.00 sebulan. Kadar yang paling tinggi ialah \$465.00 sebulan, iaitu bagi rumah-rumah persendirian. Soalan kaola, dengan kadar-kadar bayaran yang telah ditetapkan ini adakah projek ini akan berjaya menembusi kira-kira 80% isi rumah seluruh negara seperti yang dinyatakan di dalam mukadimah tersebut?.
- iii) Mengenai perkara yang sama, keluhan yang selalu disuarakan oleh pelanggan-pelanggan berhubung dengan perkhidmatan internet yang ada pada masa ini ialah pada setiap bulan pelanggan dikenakan bayaran yang penuh akan tetapi mereka seringkali

menghadapi gangguan. Ini berarti bukan sahaja perkhidmatan yang diperlukan adalah laju akan tetapi yang penting juga ialah perkhidmatan tersebut akan sentiasa ada dan bukannya berkala. Soalan kaola, dengan kadar bayaran bulanan yang tinggi ini adakah perkhidmatan sistem baru ini akan menjamin mutu perkhidmatan yang akan diberikan kepada pelanggan seimbang dengan kadar-kadar bayaran bulanan itu nanti.

Berhubung dengan Sistem Pengangkutan Awam. Seperti yang dimaklumkan dalam media massa dan juga dinyatakan dalam mukadimah, satu projek untuk menyediakan peta jalan dan pelan induk bagi sistem pengangkutan darat atau sistem pengangkutan awam akan dijalankan oleh Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (*CSPS*). Menurut mukadimah yang diberikan melalui peta jalan dan pelan induk ini satu kertas putih (*white paper*) akan dihasilkan yang berhasrat untuk menghasilkan sokongan atau rangka kerja institusi yang akan menerajui sektor pengangkutan awam.

Kaola sangat menyokong hasrat ini sebab jika kita lihat di bandar-bandar luar negeri yang mempunyai sistem pengangkutan darat yang lebih kompleks dan berjaya, ianya dikendalikan oleh pihak Kerajaan tersebut melalui penubuhan sebuah *Land Transports Authority* ataupun sebegini. Untuk kejayaan institusi ini juga kaola mencadangkan supaya semua agensi-agensi yang berkenaan seperti Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Kerja Raya yang menjalankan kerja-kerja penyediaan jalan raya dan agensi-agensi lain hendaklah ditempatkan di bawah satu bumbung supaya perkhidmatan pengangkutan darat yang disediakan untuk orang awam akan lebih berkesan.

Berhubung dengan perkara ini juga, kaola bersetuju dengan pandangan yang pernah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan di media tempatan mengenai dengan penyediaan jalan raya dengan menghadkan jumlah kenderaan yang menggunakan jalan raya sahaja yang dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas.

Berhubung dengan *System Demerit Points* seperti yang dinyatakan di dalam mukadimah, fungsi sistem ini adalah untuk mengenal pasti pemandu yang berisiko tinggi dan mempunyai sikap memandu dengan melanggar peraturan-peraturan jalan raya dan akan menjadi satu mekanisme bagi memastikan pemandu akan lebih berdisiplin dan mematuhi peraturan-peraturan yang ada. Di sini, kaola ingin bertanya bagaimanakah *System Demerit Points* ini dikuatkuasakan? Jika tidak mendapat bantuan daripada alat-alat elektronik atau alat-alat teknologi. Di dalam peruntukan 2013 / 2014 di bawah Kementerian Pembangunan dan juga di bawah Peruntukan Pasukan Polis Diraja Brunei, saya tidak dapat mengesan terdapatnya Peruntukan yang diluluskan bagi pembelian alat-alat elektronik bagi projek ini.

Pada pandangan saya, adalah sukar untuk mengenal pasti pemandu yang sering melanggar peraturan-peraturan jalan raya tanpa bantuan dari alat-alat pengesan. Walaupun alat-alat tersebut mungkin tidak akan berjaya 100% untuk mengesan, akan tetapi kehadirannya di tepi-tepi jalan juga akan berfungsi sebagai *deterrent* ataupun mendisiplinkan pemandu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya akan membawa dua perkara sahaja dalam Tajuk ini:

1. Bagi penduduk dan masyarakat di Daerah Temburong amat menghargai atas usaha-usaha yang berterusan oleh Kementerian Perhubungan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta pihak-pihak yang tertentu dalam menangani apa-apa jua isu yang dibawakan di Dewan yang mulia ini. Mengenai dengan perkara perkhidmatan perhubungan melalui telefon bimbit kepada orang ramai dalam mengatasi masalah penerimaan panggilan perkhidmatan *DST* dan *B-Mobile* di Daerah Temburong yang masih pada tahap penerimaan yang rendah di kawasan-kawasan tertentu.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah, saya ingin memaklumkan pada masa ini sudah ada beberapa buah projek atau menara baru dibina di beberapa kawasan mukim di Daerah Temburong dan ada juga yang sudah siap pembinaannya seperti menara *B-Mobile*. Sukacita kaola ingin tahu apakah projek menara atau *tower* yang siap dibina pada masa ini sudah berfungsi sepenuhnya dalam memberikan perkhidmatannya kepada orang ramai?

2. Dicadangkan Pusat Teknologi Maklumat (*IT*) agar dapat diadakan di Daerah Temburong untuk memberi peluang kepada orang ramai mempelajari teknologi maklumat dan berharap mudah-mudahan perkara ini dalam perancangan Kementerian Perhubungan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin, silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya ada dua soalan iaitu:

1. Media penyiaran melalui televisyen adalah satu media yang penting dan bilangan saluran televisyen yang menyediakan pelbagai maklumat, berita atau hiburan semakin bertambah dan sudah tentu ada kesan baik dan buruknya, ini tidak terkecuali di Negara kita. Selain Radio Televisyen Brunei, kita juga ada penyiaran melalui Kristal Astro, Rangkaian Satelit Televisyen di mana pelbagai saluran dari luar negara dapat kita tonton. Dicatatkan terdapat lebih kurang 30,000 pelanggan Kristal Astro manakala lebih kurang 10,000–15,000 adalah pelanggan terus kepada Astro. Ini menunjukkan saingan yang hebat kepada saluran televisyen tempatan kita.

Ada kajian mengatakan bahawa lebih kurang 75% daripada program televisyen di dunia adalah diimport daripada barat. Selain program hiburan, televisyen juga menyiarkan berita dunia melalui *BBC News* yang

membekalkan berita kepada 200 syarikat televisyen termasuk di rantau ini di mana sumber berita diperolehi dari *Cable News Network (CNN)*, *CNN World Report*, *BBC* dan banyak lagi sumber berita dari negara-negara barat.

Ledakan maklumat dan berita luar negara begitu pesat kita terima berbanding dengan berita tempatan. Keinginan menonton juga lebih tinggi apatah lagi dengan berita-berita hangat dan sensasi luar negara. Hanya beberapa peristiwa dan berita penting yang ditunggu-tunggu dalam rangkaian televisyen tempatan dan kadang-kadang adalah bermusim.

Soalan saya, adakah dalam perancangan Kementerian Perhubungan melalui aktiviti penyiaran untuk ikut serta dalam saluran-saluran Kristal Astro bagi program-program tempatan atau lebih tepat rangkaian televisyen kita dapat ditonton melalui siaran Kristal Astro. Cabaran yang mungkin dihadapi adalah peruntukan yang agak besar atau *rating* penonton belum tentu menggalakkan. Namun dari satu aspek yang lain, adakah usaha kita untuk memperkenalkan Negara dan budaya kita melalui media penyiaran dan kita bukanlah hanya setakat pengguna atau *end users* semata-mata.

2. Sebagaimana kita ketahui, kepesatan perkembangan alat-alat teknologi canggih termasuk telefon bimbit begitu cepat berlaku. Pelbagai perisian yang dapat diakses dan dinikmati oleh orang ramai tidak kira ia orang dewasa, para belia remaja atau di kalangan kanak-kanak. Antara yang popular pada masa

ini adalah Mukabuku ataupun *Facebook* dan *WhatsApp*. Siapa saja dapat mengakses dan di mana saja ianya boleh digunakan.

Saya tidak akan menimbulkan dari aspek kesan positif atau negatif apa yang dapat diakses, maklumat atau isi kandungan perisiannya atau kemanfaatan adanya kemudahan sebegini. Saya hanya akan menyentuh dari segi cara penggunaannya yang tidak kira masa ataupun tempat terutama di kalangan para remaja pekerja muda di sektor awam atau sektor swasta semasa mereka bertugas. Mereka ini akan menjadi sumber tenaga utama dalam kepimpinan masa depan, maka kita seharusnya menjadikan isu ini satu cabaran yang perlu ditangani dengan sewajarnya.

Saya hanya ingin tahu, adakah usaha-usaha Kementerian Perhubungan untuk memantau atau mengawal perkara seumpama ini supaya jangan sampai penggunaannya dapat diistilahkan sebagai *overdose* sebaliknya dapat *minimise* penggunaannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Pertanyaan saya ialah adakah sistem komputer di Negara ini boleh bertahan daripada menjadi mangsa sebarang pencerobohan dan terorisma komputer seperti gangguan

penggodam (*hacker*) dan virus. Ini terbukti di negara-negara maju contohnya penggodam dari Negara China, telah menyusup sistem komputer *World Street Journal (WSJ)*. Ada juga negara-negara yang sistem perbankan dan sistem komputer mereka lumpuh disebabkan oleh penggodam. Peristiwa ini patut diambil iktibar oleh Negara kita. Adakah langkah-langkah untuk kita menangkis penceroboh dan terorisma Komputer ini? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Setelah mendengar mukadimah dari Yang Berhormat Menteri Perhubungan yang begitu lengkap dan padat untuk mempertingkatkan dan mengembang luas arus perhubungan dunia tanpa sempadan, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih.

Soalan yang saya ingin bangkitkan dan suarakan di sini ialah masalah pengguna telefon bimbit *DST*, yang mana ada di antara kampung-kampung dalam Zon Tutong 1, tidak dapat menerima dengan jelas serta kurang berfungsi seperti di Kampung Sinaut dan Kampung Birau terutama sekali di kawasan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Dalam hubungan ini, saya berharap apa-apa jua masalah yang dihadapi di kawasan tersebut akan dapat

diatasi. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi saya terlebih dahulu mengalu-alukan inisiatif dan perancangan Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan keupayaan perhubungan dan pengangkutan Negara seperti di mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada 23 Mac 2013 yang lepas. Saya sendiri menyokong usaha Kementerian Perhubungan bagi pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos dan penswastakan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan serta menubuhkan *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam*. Kita harap perancangan tersebut akan berjalan dengan lancar serta teratur dan akan mencapai seperti apa yang dihasratkan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan projek kajian *Land Transportation Master Plan* yang ditimbulkan oleh rakan sejawat tadi dan membuat beberapa pandangan tambahan. Berhubung dengan kajian tersebut, kita telah mendapati pada sidang akhbar 3 Januari 2013, Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (*CSPS*) menyatakan bahawa dapatan awal kaji selidik projek ini, menunjukkan 8 dari 12 jalan utama di Negara ini beroperasi lebih dari 90% kapasiti pada *peak hours* dan dapatan ini menunjukkan tekanan kepada

rangkaian pengangkutan darat masa kini dan seperti yang dinyatakan ini tidak dapat dibiarkan jika mengikut piawai antarabangsa. Satu petikan laporan lain dalam media massa pada menyatakan reformasi dalam sektor pengangkutan darat adalah sangat-sangat diperlukan.

Memandangkan projek ini akan siap dalam masa 4 bulan sahaja lagi, adakah Kerajaan melalui Kementerian Perhubungan bercadang untuk mengambil apa jua langkah proaktif supaya momentum dan usaha ke arah pelaksanaan pelan induk berkenaan akan diambil dengan seberapa segera yang boleh seperti menubuhkan satu badan petugas yang bertanggungjawab untuk membuat tindakan segera mengenai apa jua sokongan dari apa-apa yang didapati dari hasil kajian tersebut.

Sehubungan dengan ini, saya juga mencadangkan agar Kementerian Perhubungan menyebarkan maklumat dan dapatan-dapatan dari Projek Penyediaan Pelan Induk berkenaan kepada orang ramai.

Dalam menangani isu pengangkutan seperti pengalaman dari beberapa negara lain, perancangan dan penggubalan sesuatu dasar akan mengambil kira keseluruhan *competing objectives* seperti aspek ekonomi, keselesaan, persekitaran, jangkaan cara hidup seharian dan sebagainya. Akan tetapi pelaksanaannya biasanya memerlukan *trade off* dengan erti kata tidak setiap objektif itu akan dapat dimaksimumkan tetapi memilih jalan. Dengan itu diharap dengan penyebaran dapatan-dapatan berkenaan akan membolehkan orang ramai lebih memahami akan *trade off* yang diperlukan dan mengambil kira

kepentingan negara serta persekitaran masa panjang.

Oleh itu, kita berharap apa jua usaha-usaha Kerajaan bagi memperbaiki dan mempertingkatkan sistem pengangkutan darat Negara akan dapat penerimaan yang lebih baik dari orang ramai. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam menyentuh Kementerian Perhubungan ini, saya ada beberapa sentuhan pendek. Pertama, barangkali kalau boleh saya sebutkan mengenai dengan Pejabat Pos?

Yang Berhormat Pengerusi: Pejabat Pos ini berasingan Tajuknya Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai penggunaan internet ini. Kini sudah terlalu luas dan tersebar penggunaannya, maka seperti yang kita dengar tadi dunia yang besar menjadi kecil. Banyak perkara-perkara yang boleh diperolehi di dalamnya, umpamanya semua pemberitaan dan kewartaan dapat kita ketahui sehingga ia juga dapat dimasukkan ke dalam telefon bimbit masing-masing. Saya mengalu-alukan kepantasan berita tersebut tetapi namun demikian saya merasa kesal kerana banyak yang menyangkut perkara-perkara yang kurang sihat di dalam internet telefon bimbit tersebut. Satu daripadanya pendidikan agama di dalam

internet, kadang-kadang kita mendengar penerangan-penerangan masalah agama dari internet berlainan daripada percakapan biasa dari ustaz-ustaz.

Apakah kita digalakkan mengikuti pelajaran agama ini melalui internet? Apakah tidak ada keraguan kita tentang penyelewengan atau penyalah tafsir dalam internet tersebut? Dua sumber iaitu sumber mulut (*oral*) dengan internet biasanya berlainan. Tidakkah kita merasa bimbang dan ragu dalam penyebaran agama yang sebegini? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya ada 2 soalan untuk diajukan kepada Kementerian Perhubungan.

1. Perkhidmatan telefon rumah di Kampung Batu Marang kurang berfungsi dengan baik begitu juga telefon bimbit yang pancarannya adalah rendah terutamanya di kawasan Kampung Batu Marang dan sebahagian Kampung Sungai Besar. Perkara ini telahpun ditimbulkan pada tahun lepas. Apakah sudah pihak yang berkenaan membuat pemantauan dan apakah hasilnya yang diperolehi?
2. Adakah Kementerian Perhubungan bercadang untuk membina pondok-pondok perhentian bas sepanjang jalan Subok sehingga ke Jalan Sungai Akar.

Untuk makluman bersama, beberapa tahun kebelakangan ini pihak yang berkenaan telahpun membuat pemantauan dan pemeriksaan tetapi hingga ke hari ini belum dapat dilaksanakan. Sehubungan dengan ini, apa kiranya ianya dapat dibina bagi kemudahan orang awam menggunakan terutamanya untuk berteduh daripada hujan dan panas sementara menunggu bas untuk turun dan naik. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan adalah menyeluruh dan telah dapat difahami dan setengahnya sudahpun berjalan, tahniah atas usaha yang berterusan Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Apa yang ingin saya timbulkan ada 2 perkara sahaja iaitu:

- 1) Sebelum kita melaksanakan jalur lebar, saya fikir ada munasabahnya sistem yang ada sekarang ini dapat diteruskan dan ditingkatkan seperti akses telefon bimbit dan *broadband* serta internet yang sering didapati tidak berfungsi di beberapa kawasan terutama sekali di kawasan yang berdekatan dengan sempadan negara jiran. Perkara ini sudah lama diusahakan tetapi belum lagi mencapai kejayaan.
- 2) Saya juga mencadangkan dalam pengeluaran lesen baru yang akan dilancarkan ataupun dicadangkan nanti

supaya mempunyai kualiti dan boleh bertahan lama. Kalau boleh dicadangkan bentuknya seperti kad kredit mudah diakses di mana-mana. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan sekalung tahniah di atas inisiatif atau langkah bijak Kementerian Perhubungan dalam projek pengkorporatan dan penswastan beberapa jabatan di bawah Kementerian berkenaan.

Seperti mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada hari Sabtu lepas, menukar peranan dan struktur jabatan-jabatan tersebut kepada entiti pengawas penyelia korporat dan seterusnya entiti korporat penswastan dalam penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan. Pada pandangan dan harapan saya, apabila tanggungjawab pengurusan bertukar tangan nanti, pengambilan bekerja anak-anak tempatan adalah ditekankan sebagai salah satu kemestian iaitu prasyarat kepada semua majikan.

Bagaimanapun, saya ingin bertanya beberapa perkara mengenai pengkorporatan dan penswastan tersebut;

1) Bagaimanakah nasib tenaga kerja yang bekerja dengan jabatan-jabatan yang

terbabit apabila pengkorporatan dan penswastan ini dilakukan?

2) Apakah pilihan-pilihan yang disediakan bagi tenaga kerja memilih untuk terus bekerja atau sebaliknya dan bilakah kira-kiranya pengkorporatan dan penswastan ini akan dimulakan?

3) Berapa ramai tenaga kerja yang terlibat dalam inisiatif Kementerian Perhubungan ini?

4) Pada mesyuarat tahun lepas, saya pernah menyuarakan mengenai dengan ketidak penerimaan pancaran telefon bimbit di kawasan pedalaman di Daerah Belait. Keadaan tersebut masih belum ada perubahan. Apakah perkembangan atau usaha-usaha yang telah diambil setakat ini mengenai dengan masalah tersebut? Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian Perhubungan dalam menangani sistem perhubungan yang ada pada masa ini dan kita berharap supaya akan dapat dipertingkatkan lagi sepertimana di mukadimah awal oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Di kesempatan ini saya ingin mengajukan 2 perkara sahaja;

1) Mengenai dengan TVRO ataupun parabola, pada tahun lepas kalau saya

tidak silap, Kementerian Perhubungan telah membuat penyelidikan melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk mendapatkan respons atau pandangan mengenai perkhidmatan tersebut. Jadi saya ingin mengetahui apakah hasil penyelidikan tersebut dan apakah langkah-langkah selanjutnya yang bakal diambil oleh pihak Kementerian Perhubungan terhadap isu tersebut, dan ingin juga bertanya adakah masih pihak Kementerian ataupun pihak yang tertentu memberikan surat izin atau permit kepada seseorang yang berkeinginan untuk membeli atau seterusnya membawa masuk ke negeri ini alat TVRO ini tanpa melalui orang tengah ataupun pembekal.

- 2) Seperti yang disuarakan oleh rakan sebelah kiri tadi mengenai pembinaan perhentian bas. Saya ingin mengetahui siapakah di antara agensi-agensi Kerajaan yang merancang atau menangani sama ada di dalam ataupun di kawasan Lembaga Bandaran? Perkara ini perlu dirancang atau ditangani setelah melihat keperluannya di kawasan-kawasan Perumahan yang mempunyai kepadatan penduduk.

Mengenai dengan perhentian bas ini untuk memudahkan penumpang-penumpang yang menggunakan bas merentas Borneo yang sering melintas di Negara kita dari Sungai Tujuh menuju ke Limbang dan seterusnya ke Kota Kinabalu, maka adalah dicadangkan ianya akan dibuat walaupun tidak secara kekal, bagi membolehkan penumpang-penumpang dari kedua-dua negara itu turun dan naik yang berhampiran dengan TOL Jalan Rasau di Kuala Belait. Apa yang

kita dapati, ada di antara penumpang - penumpang yang menunggu bas sama ada ia menuju ke Kota Kinabalu ataupun menuju ke Kuching Sarawak terpaksa berdiri di tepi jalan dengan terdedah cuaca yang panas dan hujan.

Perkara yang kedua, adalah keperluan bagi perhentian bas ini supaya dilengkapi dengan tandas-tandas bagi memudahkan penumpang-penumpang tersebut yang berhajat menggunakannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Zaman siber komunikasi dan teknologi maklumat yang semakin canggih pada masa ini, memberikan kemudahan kepada kita berhubung dan bertukar-tukar maklumat dengan begitu cepat dan terbuka sama ada di dalam atau luar Negara. Malangnya kemudahan ini disalahgunakan oleh sebilangan orang ramai. Misalnya, kejadian kemalangan jalan raya yang mengerikan atau kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku dirakam, divideo, digambar oleh orang yang berada di tempat kejadian.

Perkara ini dilakukan sebelum pihak Pasukan Polis Diraja Brunei sampai di tempat kejadian. Saya harap pihak Pasukan Polis Diraja Brunei akan sampai di tempat-tempat kejadian dengan

seberapa segera. Dalam masa beberapa minit sahaja rakaman atau gambar disebarkan kepada kawan-kawan dan saudara mara melalui *Facebook*, *Twitter*, SMS dan *WhatsApp* untuk suka-suka sahaja tanpa memikirkan akibat dan kesannya perbuatan itu, ini bukanlah permainan atau seronok-seronok boleh yang dibuat oleh pengirim. Fikirlah andainya perkara seperti itu berlaku kepada kita, apa perasaan kita?

Ditambah lagi dengan adanya andaian-andaian sendiri mengenai kejadian tersebut, maka jadilah cerita yang sensasi dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mengetahuinya. Yang menerima padah dari penyebaran ini adalah ahli keluarga yang malang, maruah mereka tercalar hingga terkadang membawa gangguan mental kepada isteri, suami dan anak-anak mangsa atau keluarga mangsa. Semua orang mempunyai maruah dan bangsa diri, bertimbang rasalah juga kepada ahli-ahli keluarga yang ditimpa musibah ini.

Dalam perkara ini, janganlah kita salah menyalahkan, biarlah pihak polis melaksanakan tugasnya di tempat kejadian dan kita sebagai orang awam bersedia untuk memberi pertolongan jika dikehendaki oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei. Bukannya mengambil gambar mangsa di tempat kejadian dan menyebarkan sesuka hati. Kepada pihak yang berwajib diharap akan dapat memberikan penjelasan dan nasihat kepada orang ramai tentang penyalahgunaan perkara siber ini atau garis panduan supaya kejadian ini tidak berulang-ulang di masa akan datang demi kebaikan kita bersama bagi memelihara imej, maruah dan perasaan yang menyayat hati kepada keluarga

berkekaan. Saya sekali lagi menyeru kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei supaya akan dapat sampai di tempat kejadian dengan seberapa segera yang boleh. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk mengulas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mula-mula sekali kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana daripada skop soalan itu, kaola terkejut mengenai minat yang ditunjukkan, kaola sangka tidak ada yang akan diajukan. Izinkan kaola menjawab persoalan itu mengikut senarainya. Tetapi ada dua persoalan yang kalau dapat minta izin untuk kaola menjawab kemudian secara *philosophical*.

Mengenai Projek *Fiber-To-The-Home* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pada asalnya projek ini akan dijalankan dalam 4 fasa iaitu bagi 4 tempat: Bandar Seri Begawan, Gadong, Madang dan Seria. Akan tetapi peruntukannya pada masa itu akan dikeluarkan oleh pihak TelBru sahaja. Perkara seperti ini menimbulkan apa yang kaola panggil *cherry picking* sahaja atau tempat yang untung sahaja. Sehubungan itu atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebanyak \$230 juta telah diperuntukkan untuk semua kawasan dan dijalankan Fasa Pertama sahaja dahulu

iaitu di kawasan Kampung Madang dan Kampung Manggis, kerana tempat yang berkenaan pesat membangun dan ianya pun hampir selesai. Yang lain itu akan mengikut fasa-fasanya iaitu setelah peruntukan \$230 juta diperolehi dan projek itu dinilai semula.

Begitu juga dengan kadar bayaran. Kadar bayaran yang dikenakan oleh TelBru dengan semua sekali atau lebih besar peruntukan itu dibayar oleh TelBru. Dengan adanya peruntukan \$230 juta dari Kerajaan ini, Kerajaan berhasrat untuk memberikan projek ini secara *universal service*. Ertinya semua sekali orang dapat dan harganya pun pada masa ini sedang difikirkan dengan pihak TelBru untuk membolehkan orang ramai mampu memperolehinya. Insya-Allah projek itu akan menembusi kawasan-kawasan tersebut, dan harganya pada masa ini sedang difikirkan.

Hampir setiap bulan ada keluhan yang diterima tentang perkhidmatan tidak dapat diperolehi. Keluhan-keluhan ini akan abis kaola bawa dengan pihak TelBru dan AITI untuk memantau setakat mana TelBru memberi *rebate* dan sebagainya insya-Allah. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang membangkitkan 3 perkara ini.

Mengenai isu pengangkutan awam pula, biarlah kaola menjawab terus seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid. Kedua-duanya menyentuh mengenai dengan pengangkutan awam dan hasil kajian *CSPS*. Kedua-dua Yang Berhormat ini mencadangkan supaya Autoriti Pengangkutan Darat akan ditubuhkan

yang dianggotai oleh pihak-pihak Kerajaan yang berkepentingan seperti Jabatan Pengangkutan Darat, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kerja Raya. Kaola tidak akan mengulas, kerana perkara ini dalam kajian, tunggulah hasil kajian ini dikeluarkan. Jadi tidak ada *prejudgement* terhadap saranan-saranan itu.

Walaupun bagaimanapun, sukacita juga kaola mengongsi pengalaman di Singapura. Di Singapura dahulu perkara ini semua sekali ditangani oleh Jabatan Kerja Raya sama seperti di Negara Brunei Darussalam. Apabila Jabatan Pengangkutan Darat sudah menjadi lebih besar dengan isu-isu jalan raya seperti kesesakan, pengangkutan awam, ekonomi dan sebagainya, dan ditambah lagi dengan sistem MRT, JKR itu dipecah dan hanya dipegang oleh Kerajaan ialah *building authority* sahaja. Sementara yang lainnya pula diberikan kepada pihak-pihak sektor swasta. Walaupun pembinaan bangunan-bangunan juga dijalankan oleh pihak sektor swasta.

Kaola bercakap mengenai perkara ini sebagai seorang yang pernah menerajui Kementerian Pembangunan. Jadi pada pendapat kaola pada masa itu, satu hari nanti kita mesti memikirkan rancangan untuk *restructuring* Jabatan Kerja Raya ini mengikut amalan-amalan terbaik. Dalam pada itu juga, kaola menyedari bahawa belum tiba masanya untuk memecah Jabatan Kerja Raya itu, kerana isu-isu yang melibatkan pengangkutan awam ini hanyalah isu-isu yang melibatkan cukup atau kurangnya jalan raya. Isu cukup atau kurangnya jalan raya ini bergantung jua dengan *master plan*. Seperti di mana kita akan membina rumah atau pejabat. Sebagaimana yang saya dengar, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit

ada membangkitkan mengenai 1,500 buah rumah baru di Kampung Telisai. Ini sudah tentu akan menambah kesesakan jalan raya. Kemudian apa yang kita dengar lagi mengenai 4,000 buah rumah di Kampung Mangkubau akan menambah kesesakan jalan raya. Ertinya isu-isu ini mesti ditangani secara keseluruhan dan adalah lebih baik ditangani secara holistik dengan melihat *master plan* kita.

Kaola mengalu-alukan cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid mengenai pewujudan satu *taskforce* bagi melihat keputusan daripada kajian ini dan insya-Allah apa-apa kajian itu yang melibatkan orang ramai akan dikongsikan. Kadang-kadang kajian itu mengandungi beberapa rahsia-rahsia Kerajaan. Dalam pada itu juga, kaola sukacita memberitahu bahawa dalam menjalankan kerja itu pun ia mengongsikan perkara itu dengan orang ramai.

Perkara ketiga, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman ialah mengenai Sistem *Demerit Points*. Kaola berterima kasih di atas pemerhatian Yang Berhormat itu bahawa untuk menjalankannya tanpa alat-alat elektronik dan sebagainya adalah sukar. Kaola akan meneliti lagi keperluan ini dengan Kementerian Kewangan dan pihak-pihak yang berkepentingan iaitu macam mana cara yang baik untuk menjalankan projek ini. Dalam pada itu kaola menghargai beberapa tawaran daripada pihak-pihak sektor swasta seperti Syarikat Minyak Shell untuk mengadakan peralatan itu, demi menjaga dan meningkatkan tahap keselamatan jalan raya. Tetapi walaupun sukar, *System Demerit Points* ini akan dijalankan juga. Kalau sekiranya pun

tidak berjaya dengan sepenuhnya, insya-Allah sedikit kejayaan pun saya rasa akan dapat meningkatkan sistem dan hikmah pemandu di Negara ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai isu liputan rangkaian *DST* dan *B-Mobile* juga disentuh juga oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Perkara ini sentiasa dalam perhatian abis kaola, walaupun tidak dapat memberikan hasilnya secara kuantitatif, insya-Allah perkara ini akan dipantau setiap masa dan akan dibawa bersama pihak *DST* dan *B-Mobile* untuk berunding. Kebetulan saya merista Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim, liputan rangkaian di Sungai Besar dan di Batu Marang sepatutnya sudah beransur baik dengan baik kerana stesen di Kampung Mentiri sudah berfungsi.

Mengenai Pusat Teknologi Info-Komunikasi (*ICT*) di Daerah Temburong seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, saya mengalu-alukan cadangan ini dan inilah satu daripada inisiatif yang diharap akan dibuat oleh *e-society* yang saya sentuh dalam *NRI index*.

Ada 2 soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:

- 1) Mengenai penyiaran TV Astro. Perkara ini sudah juga disentuh pada tahun lepas kerana untuk memasukkan

Televisyen Brunei dalam ASTRO itu kita mempunyai *copyright* dengan program-program yang kita beli. Kalau kita memasukkan dalam ASTRO ia akan menyalahi *copyright* itu. Sebab itulah ASTRO tidak membawa program kita. Malah mereka membayar saja \$250,000.00 setahun sebagai pampasan kerana tidak memenuhi kehendak itu. Perkara ini akan sentiasa diteliti; dan

- 2) Berhubung kelebihan penggunaan kemudahan telefon bimbit, saya akan menjawab kemudian soalan itu secara *philosophical*.

Berhubung soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, adakah sistem kita boleh bertahan daripada pencerobohan? Malangnya, tidak. Sebab pencerobohan ini lebih dahulu maju 1 ke 2 tapak ke hadapan. Jadi kita mencuba 1 atau 2 tapak ke hadapan, dengan melihat banyaknya *anti-virus software* yang terpaksa dikemaskinikan. Saya menghargai soalan ini dan menghargai usaha yang dijalankan oleh ITPSS supaya sistem kita tidak dapat dicerobohi. Kalau dapat pun perkara-perkara mengenai rahsia kita tidak akan dapat disebar dan yang mustahak sekali ialah usaha ITPSS dan agensi e-Kerajaan untuk mewujudkan *emergency response* supaya akan dapat direspons dan dijalankan semula.

Saya akan menyentuh soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Mohd. Taha bin Abd. Rauf dan juga soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid. Kemudian soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. Saya akan

menyentuh apabila saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Manakala itu, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, mengenai perkhidmatan telefon rumah Batu Marang sudahpun dijawab.

Mengenai Pondok Perhentian Bas yang disentuh oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim dan Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Alhamdulillah, saya mengalu-alukan kedua-dua cadangan ini dan saya teliti secepat mungkin insya-Allah. Ini adalah satu cadangan yang berguna untuk pengguna-pengguna kenderaan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, saya mengambil catatan mengenai perkara ini untuk diteliti.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad juga mencadangkan supaya pihak swasta mengambil bertugas anak-anak tempatan. Terima kasih atas cadangan ini. Kemudian menyuarakan 3 soalan mengenai pengkorporatan ini iaitu:

- 1) Nasib Tenaga Kerja apabila pengkorporatan. Mengikut pengalaman yang sudah dibuat mengenai Telekom, apabila pengkorporatan ini dilaksanakan, pekerja tempatan akan diberi jaminan bahawa mereka itu tidak akan dibuang kerja dengan tidak ada sebab. Saya melihat ada 2 hingga 3 aspek pilihan mereka. Memang kalau dulu mereka berpencen dan sekarang dalam Tabung Amanah Pekerja (TAP). Beberapa cadangan yang dibangkitkan

oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

- 2) Perkhidmatan pekerja tempatan itu diberikan pilihan yang mana dapat diambil terus bekerja akan diambil. Mana yang tidak dapat kadang-kadang ada dipencenkan terus dengan mengikut Akta Pencen.
- 3) Mengenai berapa ramai pekerja yang terlibat? Pekerja yang terlibat ialah hampir semua pekerja dalam kedua-dua Jabatan itu.

Soalan mengenai dengan ketiadaan liputan rangkaian telefon bimbit di Daerah Belait pula sudah saya jawab.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai TVRO, perkara ini sudah sampai ke penghujungnya. Kementerian Perhubungan telah pun membuat beberapa kesimpulan daripada penyelidikan itu dan diharap beberapa dasar dan pilihan baru akan dibuat mengenai TVRO ini dalam sedikit masa lagi. Masihkah masa ini diberikan permit untuk membawa alat ini? Masa ini masih dibekukan sehingga dasar baru itu ada.

Mengenai perhentian bas terutama sekali perhentian bas yang melalui sempadan. Saya menghargai cadangan daripada Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal dan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Mula-mula sekali soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka

Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain apa gunanya internet ini? Apabila internet ini mula-mula timbul saya rasa dalam tahun 1998 ada beberapa kebimbangan terutama sekali di Singapura dan di Negara Brunei Darussalam. Kalau saya dapat mengambil dari ingatan saya, apabila kebimbangan ini timbul di Singapura, saya masih terkenang satu surat kepada *editor* di *Strait Times* yang menyatakan bahawa internet ini ialah seperti kolam berenang dekat rumah kita. Boleh kita memagar kolam berenang itu. Yang paling baiknya ialah mengajar anak kita berenang.

Dalam hal ini, masih lagi saya percaya bahawa internet ini seolah-olah satu kolam renang. Seolah kita mengajar anak berenang untuk menilai kebaikan, mestilah kita tanamkan nilai kebaikan itu kepada semua pihak dan kita sendiri.

Seruan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal itu saya sedari. Dalam *Authority for Info-Communication Technology Industry (AITI)* mengusahakan apa yang dipanggil *best practises* atau amalan-amalan terbaik atau tatacara penggunaan internet yang baik. Tetapi dalam pada itu kalau hendak dikira orang yang menggunakan internet ini beratus ribu. Yang menaruh unsur negatif dalam internet itu hanyalah 2, 3 orang yang nilainya rendah. Misalnya tentang satu kemalangan jalan raya di Limbang yang lama, yang ada dipaparkan gambar orang membuka rantai mangsa tersebut. Selepas dua hari keluarga mangsa berkenaan telah menulis dalam internet meminta mereka

menghormati keluarga mangsa supaya tidak menyebarkan gambar berkenaan dan dalam 2 ke 3 hari selepas kejadian tersebut, Alhamdulillah perbuatan menyebarkan gambar tersebut berhenti. Artinya apa yang diharapkan di sini ialah penanaman nilai kita dalam abad baru mengenai penggunaan media ini.

Begitu juga dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, mengenai sama ada ugama itu lurus atau tidak. Kaola mengenai ugama ini tidaklah terlalu juga arif tetapi Alhamdulillah barangkali nilai ugama itu ditanamkan secukup-cukupnya.

Mengenai penggunaan *over-dose Facebook, WhatsApp* dan apa saja yang baru, kaola ingin mengongsikan mengenai 2 *philosophical* kejadian. Pada tahun 1500 sebelum itu semua buku bertulis, dengan ujudnya percetakan di guttenberg, memberitahu ada satu ciptaan baru yang akan menyusahkan hati kita kerana orang muda-muda kita tidak lagi mahu keluar bermain, tidak lagi mahu bersama keluarga oleh kerana ciptaan baru ini. Itu dalam tahun 1500.

Dalam akhir kurun tahun lepas, ada seorang *sociologist* memberitahu bahawa ada satu ciptaan baru. Dengan *invention* baru ini, orang-orang muda tidak lagi mahu melawat orang-orang tua, tidak lagi mahu bermain bersama kanak-kanak. Mereka lebih suka duduk di rumah sahaja dengan ciptaan baru ini. *Invention* baru itu ialah buku.

Oleh itu dalam menangani penggunaan *Facebook, WhatsApp* dan sebagainya, kita tidak diketahui dalam tempoh beberapa tahun ini, mungkin inilah ciptaan seperti buku.

Dalam kita berusaha untuk membendung dan sebagainya, harus kita ingat bahawa ciptaan yang kita lihat boleh mengganggu keadaan sosial kita dan sebagainya. Mungkin inilah yang ciptaan baru seperti buku pada tahun 1500 dan akhir kurun tahun lepas itu. Insya-Allah, cadangan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin itu akan diambil perhatian, sekurang-kurangnya menimbulkan satu tatacara untuk menggunakan *Facebook, WhatsApp* dan sebagainya. Tetapi yang kaola bangkitkan supaya jangan kita mengekang apa yang boleh menjadi satu kemajuan kita di masa akan datang. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan, diundi. Siapa bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN01A - Jabatan Kementerian Perhubungan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SN02A - Jabatan Laut.

Yang Berhormat Pengerusi: Perbincangan mengenai SN02A - Jabatan Laut ini ditangguhkan. Kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk kita berehat selama 20 minit, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula akan tetapi untuk membolehkan kita meneruskan perbincangan Peringkat Jawatankuasa saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat perbincangan di peringkat Jawatankuasa disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Perhubungan. Sekarang kita berpindah ke Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN02A - Jabatan Laut.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk ini saya buka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Berhormat. Untuk menyokong peruntukan Tajuk ini, saya membawa 2 isu sahaja:

1) Mengenai agensi-agensi yang bertanggungjawab di sungai-sungai dan di laut.

Sekarang ini perusahaan di laut dan di sungai semakin berkembang terutamanya rumah penginapan, rumah persendirian, ternakan ikan sangkar, ternakan ketam dan ternakan tiram. Kemungkinan juga pada masa akan datang wujud perusahaan penternakan mutiara. Semua perusahaan ini memerlukan prasarana yang bersesuaian. Sekarang, ramai orang yang berkeperluan dalam perkara ini masih ragu-ragu kerana belum ada gambaran tentang agensi mana yang bertanggungjawab dalam beberapa perkara yang berkaitan. Misalnya dari segi pemeliharaan dan pemulihan sungai dan laut, ianya adalah di bawah Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi. Dari segi perusahaan ternakan sungai laut dan perahu nelayan pula dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Perikanan. Tetapi bagi perusahaan pengangkutan kapal dan perahu tambang adalah dikendalikan oleh Jabatan Laut. Sehubungan dengan perkara ini, adalah dicadangkan:

i. Jabatan Laut atau satu lagi agensi lain dipertanggungjawabkan dalam mengawal dan membolehkan orang ramai memohon permit bagi mengadakan apa juga perusahaan di sungai atau di laut, memantau dan

memastikan kawasan selamat untuk dilalui dan tidak terhalang, memelihara dan menjaga kebersihan dan memberi kebenaran atau meluluskan setiap permohonan penggunaan kawasan sungai; dan

- ii. Jabatan Laut mengadakan cawangannya di Daerah Tutong yang lengkap dengan perahu rondaan untuk memberi kemudahan kepada agensi-agensi berkenaan jika memerlukan untuk membuat tinjauan dan lawatan ke projek-projek sungai.

2) Laut Kuala Sungai Tutong merupakan laluan utama untuk keluar masuk bagi perahu-perahu nelayan laut dari kampung-kampung di Daerah Tutong. Dicadangkan supaya pancang keselamatan untuk penentuan (lalu dasar)? Lalu dasar laluan arus atau lampu kecemasan rumah api dibina atau diperbaiki di Kuala Sungai ini untuk mengelakkan tragedi perahu karam dipukul ombak apabila perahu terkandas disebabkan melalui laluan yang salah terutama bagi pengguna baru dan tidak berpengalaman.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dalam menyokong Tajuk ini, saya mencadangkan supaya pancang-pancang yang menjadi panduan bagi pengguna perkapalan dan perahu-perahu akan dapat dinaikkan taraf sesuai dengan piawaian antarabangsa.

Pancang dan lampu yang sudah dipasang perlu juga dinaikkan taraf agar ianya nampak kelihatan terutama sekali di tempat-tempat strategi seperti di tanjong-tanjong dan seumpamanya. Ini adalah untuk mengelakkan supaya orang ramai atau pun pengguna-pengguna perkapalan dari terkeliru terutama sekali apabila cuaca kurang baik seperti hujan dan berkabus.

Pada tahun lepas saya pernah menimbulkan supaya Sungai Terusan Kupang akan dapat dipelihara dan dilebarkan. Perkara ini sangat diperlukan oleh nelayan-nelayan dan perkhidmatan perahu-perahu tambang yang datang dari Daerah Temburong dan sekitarnya. Panjang sungai ini lebih kurang 1 km sahaja, dan Sungai Terusan ini adalah laluan pintas untuk destinasi perjalanan ke Temburong dan lain-lain perjalanan; dan

Industri perahu tambang di Sungai Brunei telah dapat memberikan peluang dan pekerjaan kepada sebahagian orang ramai dan ini dapat membantu Kerajaan dalam usaha menyediakan pekerjaan. Walau bagaimanapun, beberapa perkara patut diberikan perhatian agar perjalanan industri ini akan lebih bersistem dan selamat.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Laut mengadakan taklimat dan jika perlu kursus-kursus pengendali perahu tambang yang banyak beroperasi di Negara ini khususnya di Kampong Ayer. Perkara ini adalah penting untuk keselamatan pengguna perahu tambang. Dengan yang demikian, ianya akan dapat meningkatkan keselamatan serta kefahaman dan memberikan disiplin serta berhemah

dalam membawa penumpang. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Fungsi dan aktiviti-aktiviti Jabatan Laut di Daerah Belait adalah kurang diketahui sepenuhnya oleh orang-orang ramai di Daerah tersebut. Saya difahamkan bahawa selepas mencapai kemerdekaan, kuasa Jabatan Laut lebih menekankan kepada isu-isu keselamatan lalu lintas di perairan sungai tersebut sahaja.

Manakala kerja-kerja pengorekan Kuala Sungai Belait masih dijalankan oleh pihak Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad di Seria. Mengenai kaji selidik Maritim di daerah tersebut telahpun diusahakan seperti yang telah saya fahami. Saya berpandangan dan berpendapat bahawa barangkali sudah tiba masanya bagi kita merancang untuk mengambil alih sepenuhnya pengurusan perairan di Negara kita ini khususnya pemeliharaan Kuala Sungai Belait yang mana saya telah difahamkan masih terikat di bawah perjanjian dengan British. Betulkan jika saya salah dalam fakta di atas. Saya ingin bertanya:

- 1) Apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Jabatan Laut setakat ini ke arah perkara yang saya sebutkan di atas tadi;
- 2) Bagaimana dengan zon-zon keselamatan di pelantar-pelantar minyak di laut, adakah juga ia di bawah kuasa Jabatan Laut;

3) Adakah kawasan sempadan perairan Negara Brunei Darussalam dengan negara jiran juga di bawah bidang kuasa Jabatan Laut; dan

4) Satu tragedi telah berlaku di kawasan yang berdekatan dengan Kuala Sungai Lumut di mana seorang nelayan sambilan telah mati lemas baru-baru ini. Oleh kerana Kuala Sungai Lumut adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Laut maka saya pohonkan supaya papan tanda larangan "*Tidak Dibenarkan Menghampiri Kawasan Tersebut*" akan dapat dipasang bagi mengelakkan kejadian yang serupa berulang lagi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, dipersilakan mengulas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi terima kasih sekali lagi kerana memberikan saya kesempatan ini.

Pertama sekali persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Sebenarnya Jabatan Laut bertanggungjawab untuk memastikan laluan atau *sea transportation* itu berfungsi dengan baik. Jadi dalam menjalankan fungsi ini, sudah nampak bahawa beberapa hubungan (*interface*) dengan agensi-agensi kerajaan yang lain akan timbul misalnya Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Jabatan Perikanan dan sebagainya.

Kementerian Perhubungan telahpun memberikan satu kontrak bagi mendapatkan nasihat mengenai *Maritime Masterplan*. Apa yang diharapkan daripada *Maritime Masterplan* ini ialah untuk menyediakan zon-zon yang tertentu, misalnya zon ini adalah tempat rekreasi, untuk perindustrian dan sebagainya. Apabila zon-zon atau *Masterplan* ini dibuat, beberapa zon itu akan ditentukan oleh pihak-pihak yang berkuasa. Misalnya jika ia di bawah zon perindustrian *maritime*, ianya di bawah kuasa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, maka kuasanya akan diberikan kepada kementerian ini.

Walau bagaimanapun ianya sama juga seperti di darat, Jabatan Laut berhasrat untuk mewujudkan satu sistem supaya pengguna bot dan sebagainya, kecuali perahu kayuh, yang hendak pergi ke laut mestilah mempunyai kemahiran asas yang dipanggil Kemahiran Kelas 9. Jadi mereka ini diperlukan untuk mahir sehingga Kelas 9. Inilah yang akan dibuat oleh Jabatan Laut dan Kementerian Perhubungan. Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit untuk mengadakan cawangan laut di Daerah Tutong, insya-Allah perkara ini akan dikaji dengan lebih mendalam.

Mengenai Kuala Sungai Tutong, saya rasa bahawa pada masa ini sudah ada lampu cahaya di Kuala Sungai Tutong, kecuali jika ia tidak berfungsi, itu boleh saja terjadi. Akan tetapi kita mempunyai 2 *light house* iaitu di Kuala Sungai Tutong dan di Lumut. Fungsinya ialah sebagai tanda aras kepada nelayan itu. Jika sekiranya mereka sudah biasa ke laut dan mereka melihat cahaya atau *light house* itu, mereka akan tahu di mana Kuala Sungai

itu. Inilah yang ditekankan tapi walau macam manapun boleh jadi *light house* ini tidak berfungsi pada masa yang ditentukan itu.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim supaya pancang-pancang akan dinaik taraf. Ini adalah satu projek yang berterusan. Jabatan Laut akan sentiasa meneliti. Sungai di Terusan Kupang pada masa ini sedang diteliti mengenai kesesuaiannya dan peruntukannya. Peruntukannya saya kira telah bertambah sedikit dan apa yang mustahak ialah *Environmental Impacts Assessment (EIA)* kerana pendalaman ini akan mengganggu beberapa *environmental impact* di sana.

Mengenai soalan ke 3 yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Jumat bin Akim seperti yang diterangkan tadi bahawa Jabatan Laut sentiasa mengadakan kursus untuk Kelas 9 ini dari masa ke semasa. Kaola sendiri pernah ke Jabatan Laut secara mendadak dan mendapati terlalu ramai orang ada di sana. Rupa-rupanya mereka inilah yang sedang belajar dan kursus ini diberikan dengan harga yang terendah dan tidak begitu membebankan.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Sebenarnya, seperti yang saya terangkan tadi, Jabatan Laut menjaga perlesenan dan pengangkutan kapal tetapi di Sungai Belait ini kapal-kapal yang diiktiraf sebagai berat adalah di bawah kelolaan Syarikat Brunei Shell Petroleum atau di bawah industri-industri yang memberi bantuan kepada operasi Brunei Shell Petroleum. Oleh itu atas usaha sendiri Brunei Shell Petroleum

sentiasa memastikan bahawa alur Sungai Belait dapat dilalui.

Jadi untuk kita mengambil-alih, insya-Allah perkara ini akan dirundingkan dengan Syarikat Brunei Shell Petroleum. Kalau tidak silap, tadi ada mendengar daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kalau dibaca Laporan Penuh (*Hansard*) nanti mengenai perjanjian dengan British, saya tidak *aware* mengenai perjanjian ini.

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ada mencadangkan supaya di Sungai Lumut diberikan papan tanda, insya-Allah ini akan diusahakan dengan seberapa segeranya dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk Jabatan Laut ini sekarang diundi. Yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SN02A - Jabatan Laut diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN02A - Jabatan Laut dijadikan sebahagian daripada Jadual. Seterusnya Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ini dibuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Saya hanya ada 1 perkara sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi, saya di Dewan yang mulia ini, ada menimbulkan mengenai penempatan pelabuhan bagi pemunggahan barang melalui jalan sungai dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong. Yang pada masa ini pemunggahan tersebut bertempat di Dermaga Pekan Bangar berdepanan dengan Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar. Kedudukan atau penempatan pelabuhan, pada pandangan saya tidak lagi sesuai dari segi keselamatan dan keselesaan orang awam memandangkan pembangunan yang pesat dan kesesakan lalu lintas yang semakin meningkat di kawasan dermaga tersebut.

Saya ingin menyentuh sudahkah ada kajian dibuat dan cadangan Kementerian Perhubungan melalui jabatan berkenaan bagi penempatan pelabuhan yang baru di kawasan yang lebih sesuai di Daerah Temburong? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi saya tidak akan bercakap mengenai pelabuhan-pelabuhan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dalam membincangkan peruntukan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ini, ada dua isu yang akan saya sampaikan iaitu:

- 1) Saya difahamkan bahawa untuk menambahbaik Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ini, dicadangkan mana-mana pemberian perkhidmatan yang ada pada masa ini terutama yang bersangkutan paut dengan tugas di Jabatan Laut untuk dipermudahkan. Misalnya jawatan-jawatan juragan yang membawa masuk kapal, penundaan kapal dan Jurupandu supaya diserapkan di bawah pentadbiran Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan. Ini akan memudahkan komunikasi perhubungan dan mengelakkan kelambatan pemberian perkhidmatan; dan
- 2) Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan melaksanakan tugasnya yang berterusan. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada hari Jumaat telah dikuatkuasakan semua premis ditutup sementara dari jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang. Sehubungan dengan ini, apakah kesannya kepada pemberian perkhidmatan di pelabuhan yang berkenaan terutama kepada pelanggan asing yang mana telah dimaklumi bahawa mereka mementingkan pengurusan berjalan mengikut jadual yang sudah dirancang. Yang Berhormat Pengerusi, apa yang saya nyatakan di atas diharap supaya

akan dapat difikirkan untuk mengatasinya.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya cuma ada satu soalan sahaja. Aktiviti-aktiviti Jabatan Pelabuhan di Kuala Belait dan di pelabuhan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad adalah sangat berkurangan kerana kita maklum, kebanyakan pemunggahan barang-barang untuk keperluan di daerah tersebut dilaksanakan melalui Pelabuhan Muara.

Soalan saya ialah, apakah perancangan masa depan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan di Daerah Belait terhadap pelabuhan-pelabuhan yang saya sebutkan tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan mengulas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Mengenai soalan atau cadangan penempatan Dermaga di Daerah Temburong yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, saya dengan ini memaklumkan bahawa belum ada perancangan secara terperinci. Walau bagaimanapun, perkara ini akan ditinjau lagi dengan beberapa pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

dan beberapa isu-isu yang tertentu apa sahaja mengenai Pekan Bangar.

Mengenai soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai tugas pemanduan atau *pilot boat* di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ini sebenarnya sudah dipindah ke Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan. Apa yang mungkin terjadi ialah kekurangan pegawai-pegawai ini dalam masa yang ditentukan. Perkara ini akan ditinjau daripada *operational capability* Yang Berhormat Pengerusi.

Kemudian perkara yang dibangkitkan mengenai urusan di pelabuhan pada waktu sembahyang Fardu Jumaat. Saya berterima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini.

Pada pengetahuan saya, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, perkara yang sama juga dipraktikkan, misalnya jika penumpang yang ingin *check in* masih dibolehkan walaupun pada hari Jumaat. Apa yang ditutup pada hari Jumaat itu ialah kedai-kedai dan premis-premis perniagaan sahaja. *Essential services* akan dijalankan dan saya juga mengarahkan supaya kedai-kedai yang diluar daripada *land area* atau digelarkan *air side* mestilah dibuka walaupun pada hari Jumaat kerana penumpang-penumpang ini dikirakan musafir dan mereka ini memerlukan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Insya-Allah dengan cadangan yang diajukan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Haji Muhammad Taha, kemudahan-kemudahan seperti ini bagi pelabuhan-pelabuhan di Muara akan dinilai dan diberikan perkhidmatan yang serupa.

Mengenai soalan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee mengenai Pelabuhan Kuala Belait, aktiviti-aktiviti Pelabuhan Kuala Belait ini akan banyak tergantung kepada aktiviti-aktiviti yang diperlukan oleh pengangkutan barang-barang itu daripada *private sector*, jadi buat masa ini pelabuhan itu akan dikekalkan. Tetapi walau bagaimanapun, Kementerian Perhubungan sentiasa berunding dengan pihak-pihak *freight forwarders*, pihak-pihak pengangkutan mengenai pelan dan dalam pada itu juga meninjau perkembangan ekonomi Negara Brunei Darussalam terutama sekali bahagian pengangkutan dan apabila keperluan-keperluan ini diperolehi dan diketahui nanti barulah perancangan secara jangka masa panjang pelabuhan di Belait itu akan diteliti semula. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan ini diundi. Siapa bersetuju?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Yang Berhormat Pengerusi, saya memohon untuk menambah sedikit penerangan jika dibenarkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah saja penjelasan berhubung dengan kesan daripada penutupan premis-premis dan bangunan-bangunan yang berkenaan pada waktu Jumaat daripada jam 12.00 tengah hari hingga jam 2.00 petang yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tutong tadi. Kedudukannya mestilah difahamkan begini.

Ia dilaksanakan secara berhemah maksudnya ialah setakat ini kepatuhan

kepada persyaratan di bawah lesen-lesen yang berkenaan sama ada lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran ataupun Pejabat Daerah ataupun pihak-pihak yang berkenaan yang melesen mana-mana premis itu adalah sangat baik. Buktinya ialah sudah nyata dan jelas perubahannya daripada apa yang disebut "*kuai libai*" pada waktu-waktu menjelang waktu solat di masjid-masjid sudah tidak ada lagi di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebelumnya, Alhamdulillah. Buktinya dimasjid-masjid pun telah bertambah ramai dengan jemaah-jemaah.

Adapun perkhidmatan-perkhidmatan seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan di pos-pos kawalan sempadan sama ada untuk imigresen, kastam dan keselamatan-keselamatan yang lain kita namakan sebagai perkhidmatan strategik adalah tidak terganggu sama sekali kerana kita mengambil kira bahawa ini kita tidak akan mengubah, misalnya kapal terbang mahu mendarat pukul 12.15 tetapi kita suruh ia *hovering* dulu sampai pukul 2, itu tidak patut juga. Orang yang sudah mendarat atau sudah masuk ke dalam kawasan Negeri kita akan *check in* di hotel pada pukul 12.30 secara kebetulan, maka dalam hal ini hotel tersebut masih dibuka perniagaannya dan tidak ditutup. Ini namanya perkhidmatan yang strategik dan begitulah keadaannya yang dilaksanakan secara berhemat dan tidak seharusnya menimbulkan masalah. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana jawatan ada mahu menambah apa-apa? Tadi saya sudah mempersilakan Ahli-Ahli

Yang Berhormat mengundi. Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN03A - Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk Jabatan Penerbangan Awam ini dibuka untuk dibahaskan, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, adalah dimaklumi bahawa *Royal Brunei Airlines* akan membeli 2 buah pesawat baru jenis B787 yang telah ditempah pada tahun 2007, dan penyerahannya dijangka akan dibuat pada hujung tahun ini. Dari maklumat media semasa, kapal terbang jenis B787 ini menghadapi masalah teknikal. Adakah pihak *Royal Brunei Airlines* akan meneruskan pembelian pesawat ini, walaupun keselamatannya diragukan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi, saya cuma ada 2 soalan. Kita penuh berharap dengan siapnya pengubahsuaian Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 2015 itu, nanti akan dapat memberi keselesaan kepada semua pengguna lapangan terbang tersebut dan akan banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan. Soalan saya:

- 1) Bagaimana dengan Penerbangan Diraja Brunei? Adakah ianya juga turut sama dalam arus pengubahsuaian di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ini?
- 2) Saya mencadangkan supaya premis-premis makanan di bangunan tersebut akan dapat beroperasi mengikut jadual penerbangan bagi kemudahan penumpang-penumpang dan orang ramai, kecuali pada hari Jumaat. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin berkongsi pandangan untuk direnung. Mengenai dengan Penerbangan Diraja Brunei, sejak ianya ditubuhkan sehingga ke hari ini sudah berdekad-dekad. Pucuk pimpinannya atau Ketua Eksekutifnya saling berganti daripada kalangan berbagai-bagai bangsa iaitu Melayu, orang luar, Cina dan sebagainya. Royal Brunei Airlines dan kakitangannya tentu sudah mempunyai segunung pengalaman yang sangat berharga. Pengalaman itu bukan sahaja ke atas pengendalian Royal Brunei Airlines sendiri tetapi mereka juga boleh mencerminkan kepada pengalaman

penerbangan lain yang terkenal di dunia baik yang dekat ataupun yang jauh.

Kita berbangga apabila kita merenung sejenak betapa Royal Brunei Airlines sentiasa berlegar di angkasa menembusi awan biru menuju destinasi di penjuru dunia. Royal Brunei Airlines sekaligus memperkenalkan kepada dunia "*Akulah Brunei*". Itulah antara kebanggaan kita.

Bagaimanapun, sebagai rakyat biasa ingin merasa dan mendengar betapa kedudukan Royal Brunei Airlines khusus mengenai kejayaan sebenarnya yang menyangkut. Apakah Royal Brunei relatifnya berjaya dari segi *commercial point of view*nya. Pertanyaan ini diajukan kerana selama ini, perkara ini kita sendiri tidak tahu kedudukan yang sebenarnya. Saya kira kita tidak perlu malu-malu mengatakan sesuatu yang benar, jujur dan berterus terang. Selama ini, tentulah kita dapat mengenal pasti selok-belok penerbangan dan pengendaliannya. Yang saya ketahui, di beberapa penerbangan asing terutama penerbangan negara jiran kita yang pada masa ini sangat menggalakkan.

Yang mengejutkan lagi wujudnya sebuah syarikat penerbangan bukan Kerajaan yang lahir secara luar biasa yang dikendalikan oleh seorang manusia *genius* pandangannya, jauh merentas global. Kecekapannya sangat tinggi sehingga waktu ini penerbangan itu sudah boleh dianggap sebagai sebuah penerbangan yang bertaraf masyhur dan berjaya menandingi penerbangan lain yang sudah lama masyhor. Apakah rahsia di sebalik kejayaan yang sangat mencabar itu? Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Perhubungan, silakan mengulas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Sebenarnya kaola tidak ada *input* daripada *Royal Brunei Airlines* mengenai sama ada mereka akan meneruskan membeli B787 ini, tetapi seperti yang kita ketahui dalam berita-berita yang ada, Pesawat B787 ini dilihat daripada *aeronautical design*nya adalah baik, keadaannya semuanya baik. Apa yang terjadi dalam keraguan mengenai penerbangan ini ialah apa yang berhubung dengan bateri beberapa peralatannya. Peralatannya itu baik tetapi baterinya sahaja yang mempunyai masalah. Kaola telah difahamkan mengikut perkembangannya bahawa bateri ini telahpun dikenal pasti dan akan diganti. Syarikat-syarikat yang menggunakan pesawat ini telahpun memohon kepada *Federal Aviation Administration*, Amerika Syarikat untuk menggunakan semula pesawat ini setelah bateri ini diganti. Jadi adalah terlalu awal bagi kita memberikan pandangan kepada *Royal Brunei Airlines* untuk sama ada mereka akan membeli atau tidak kerana ini tergantung kepada *development* yang akan timbul itu.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad sama ada pengubahsuaian *Royal Brunei Airlines*, insya-Allah *Royal Brunei Airlines* yang kaola setiap bulan berunding dengan *stakeholders* ini bahawa Syarikat Penerbangan *Royal Brunei Airlines* sebagai

satu syarikat di bawah kawalan pihak sektor swasta. Memang RBA sentiasa mengamalkan dasar-dasar yang inovatif dan berdaya saing dan sentiasa mengikuti perkembangan penerbangan ini. Kita berharap bahawa *Royal Brunei Airlines* akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi operasi dan keuntungan serta perkembangannya. Mengenai premis makan mengikut jadual penerbangan perkara ini. Alhamdulillah akan diambil perhatian.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, mengenai Syarikat *Royal Brunei Airlines* yang diterajui oleh orang luar dan sebagainya, perkara ini adalah satu asam garam pentadbiran dan pengurusan syarikat-syarikat ini. Mereka berhak untuk mengambil mana-mana orang yang mereka fikirkan lebih berkelayakan. Ertinya bukan rakyat negara ini tidak berkelayakan tetapi waima pun di Singapura, di England di mana mereka pun mengambil orang yang pandai walaupun bukan dari Singapura atau England.

Mengenai sama ada *Royal Brunei Airlines* ini untung atau tidak, lebih baik kita akan mengadakan satu sesi perjumpaan bersama-sama pengurusan *Royal Brunei Airlines*. Dengan ini, kita akan lebih mengetahui dan prihatin serta memahami mengenai *commercial point of view* syarikat berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi, Syarikat yang berjaya, jika dikira kepada industri penerbangan pada tahun lepas dan pada tahun ini dijangka hampir semua akan mengalami kerugian dalam industri ini. Dalam tahun lepas, dijangkakan daripada beribu buah syarikat penerbangan yang

ada, hanya 2 atau 3 buah syarikat sahaja yang mengaut keuntungan. Syarikat - syarikat penerbangan seperti *RBA* ini adalah digelar syarikat penerbangan klasik atau *general* iaitu syarikat penerbangan secara *long* dan *short haul* dan tergantung kepada beberapa perundangan yang tertentu.

Manakala syarikat penerbangan yang maju tersebut adalah yang tidak terikat kepada kaedah tradisional. Ini dapat dilihat daripada komen Ketua Pegawai Eksekutif syarikat penerbangan berkenaan sendiri yang datang ke Negara Brunei Darussalam apabila melihat gaya hidup kita dan menyatakan bahawa "*none of you will be flying on my airlines*". Ini adalah kerana perbezaan syarikat penerbangan mereka adalah berdasarkan kepada pengembara-pengembara yang kurang berkemampuan di mana tujuan mereka mengembara tersebut adalah berlainan dari pengembara-pengembara biasa yang berkemampuan.

Oleh yang demikian, syarikat-syarikat penerbangan ini masing-masing mempunyai *niche* yang berlainan. Tujuan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei ditubuhkan adalah mengambil kesemua keseluruhan *niche* tersebut yang bererti bukan sahaja orang yang berkemampuan bahkan orang tidak berkemampuan dan sebagainya juga mengikuti syarikat penerbangan ini. Walhal, syarikat penerbangan yang maju berkenaan hanya mengambil *niche* bawahan sahaja, misalnya jika kita mengikuti penerbangan tersebut terpaksa datang awal, berat timbangan bagasi yang tidak boleh melebihi 15 kilogram, tidak diberikan hidangan ringan dan sebagainya.

Penerbangan-penerbangan sedemikian selalunya dibuat bagi penerbangan di bawah masa 5 jam. Tetapi jika penerbangan mengambil masa selama 7 jam dengan keadaan begitu, mungkin kita tidak akan menyanggupinya. Seperti yang kaola terangkan tadi, sebagai singkatan bahawa syarikat penerbangan yang maju berkenaan mengambil *niche* yang berlainan. Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk Jabatan Penerbangan Awam ini diundi, yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN04A - Jabatan Penerbangan Awam dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Pengerusi: Jabatan Pengangkutan Darat ini sekarang dibuka untuk dibahaskan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Ada tiga isu yang saya kemukakan dalam Tajuk ini untuk menyokong peruntukannya:

1) Mengenai dengan pengambilan Lesen Memandu bagi warga emas yang berumur 70 tahun ke atas. Jangka

hayat umur tertinggi di Negara ini kebanyakannya 79 tahun ke atas dan malah lebih daripada itu. Ada di antaranya dalam usia 85 tahun yang masih mempunyai Lesen Memandu dan berkebolehan memandu dalam perjalanan yang jauh. Mulai tahun ini, dalam peraturan baru untuk mendapatkan Lesen Memandu bagi mereka yang berumur 70 tahun ke atas adalah disambut baik, walaupun statistik kemalangan tidak banyak melibatkan umur sedemikian.

Soalan saya ialah:

- i. Adakah sudah ada dalam cadangan bagi menempatkan pegawai-pegawai Pemeriksa Kesihatan dari segi pemeriksaan mata, telinga, kecergasan berfikir dan ditempatkan di setiap cawangan di Jabatan Pengangkutan Darat? Kerana untuk melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mendapatkan Lesen Memandu Kelas 6 sahaja di hospital sudah mengambil masa yang lama. Apatah lagi dengan kehadiran ramai pemohon Lesen Memandu Kelas 3 berumur 70 tahun ke atas nanti.
- ii. Mengenai dengan pengubahsuaian kereta yang merupakan citarasa dan kegemaran bagi segelintir orang ramai terutama anak-anak muda. Sehubungan dengan itu, untuk memudahkan permohonan pengubahsuaian ini agar tidak menyusahkan dan tidak merugikan pemohon berulang-ulang, adalah dicadangkan, jabatan ini menerbitkan garis panduan pengubahsuaian standard yang selamat digunakan di jalan raya;

- iii. Mengenai dengan keselamatan pengangkutan kereta jentera berat seperti treler atau lori ada waktunya membawa muatan yang lebih besar, panjang dan lebar dari kenderaan berkenaan hingga memenuhi jalan raya dan jambatan yang pernah menyebabkan ada pernah berlaku merosakan pagar jambatan. Ada juga treler yang membuat pusingan di lorong *U-turn* pada waktu malam di lebuh raya yang boleh mengundang bahaya di lorong *U-turn* yang sempit. Pernah satu ketika dahulu berlaku kejadian yang meragut tiga nyawa sekaligus apabila kereta *saloon* merempuh treler yang membuat pusingan seperti ini;

Oleh yang demikian, adalah disarankan, bagi treler yang membawa pengangkutan yang berat dan lebar supaya dapat memasang tanda amaran "*oversize load*" di hadapan dan di belakang kenderaan tersebut. Pemasangan penutup dan bendera merah ketika treler membuat pusingan di lorong *U-turn* dan jabatan berkenaan dikehendaki mengenakan peraturan supaya syarikat-syarikat berkenaan dimestikan memohon pengiring daripada Pasukan Polis Diraja Brunei. Selain itu, pemasangan tanda refleksi yang jelas di tepi kiri kanan akan membolehkan kenderaan berkenaan dapat dilihat dengan jelas pada waktu malam.

Pada masa ini, terdapat treler dan lori membuat pusingan di lorong *U-turn* menuju simpang Satelit Bumi Telisai membawa pengangkutan ke tempat Projek Pembinaan

Perumahan di Kampung Bukit Beruang. Kejadian terbaru pada 2 minggu lepas telah meragut nyawa seorang pemandu apabila kereta mangsa telah merempuh treler yang berhenti berehat dari Daerah Belait. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, silakan.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan sedikit tentang Jabatan Pengangkutan Darat. Kaola berharap ini bukan dianggap sebagai *conflict of interest* kerana kaola sendiri berkecimpung dalam perniagaan jualan kereta.

Pada masa ini, masalah kesesakan jalan raya dan lalu lintas di Negara Brunei Darussalam jika dibandingkan dengan negara-negara Thailand, Indonesia, Filipina atau Malaysia tidaklah serius, kecuali jika berlakunya kemalangan di jalan raya ataupun jika ada kontraktor-kontraktor yang membaik pulih jalan raya. Kalau tidak silap jumlah kenderaan di jalan raya pada masa ini dianggarkan sebanyak 100,000 buah. Sebanyak 20% adalah terdiri daripada kereta-kereta lama yang berumur 25 hingga 30 tahun ke atas.

Pada pendapat kaola, jika boleh, kenderaan lama ini dikurangkan kerana aspek-aspek berikut:

i. 95% pemilik kenderaan tersebut adalah pekerja asing dan mereka gunakan untuk pekerjaan harian;

- ii. Kereta tersebut menggunakan minyak yang tinggi
- iii. Pencemaran udara
- iv. Keselamatan teknikal; dan
- v. Kesesakan jalan raya.

Kebanyakan kenderaan ini dibeli oleh pekerja asing dengan harga yang murah iaitu \$500.00 ataupun lebih sebuah. Dengan mengurangkan jumlah kenderaan lama ini secara berperingkat ianya akan menggalakkan pekerja asing untuk menggunakan pengangkutan awam seperti bas. Selain itu, jika kenderaan lama ini dikurangkan jumlahnya ianya tidaklah memberikan kesan keuntungan kepada orang-orang yang menjual kereta baru kerana pekerja asing ini tidaklah mampu untuk membelinya. Selain itu, kaola bercadang supaya kereta lama ini dihadkan masuk di dalam *peak hours* untuk menggalakkan kesibukan lalulintas. kecuali kereta klasik dan mempunyai nilai yang tinggi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada dua perkara saja dalam Tajuk ini. Perkara pertama di Dewan yang mulia ini kaola mencadangkan agar Kementerian Perhubungan melalui jabatan yang berkenaan untuk dapat mempertimbangkan dan memperkenalkan lampu isyarat di Daerah Temburong. Pada pandangan kaola dan orang ramai, sudah sesuai waktunya Lampu Isyarat ini diadakan di Daerah Temburong seperti simpang jalan menuju ke Hospital

Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar dan simpang jalan menuju ke kedai Pekan Bangar.

Yang Berhormat Pengerusi, tujuan perkara ini dicadangkan dan ditimbulkan di Dewan yang mulia ini adalah dalam mengambil kira kesesakan kenderaan pada waktu-waktu tertentu, selain penggunaan-pengguna kenderaan dari orang awam semakin meningkat dan kenderaan-kenderaan datangnya dari negara jiran yang melintasi Pekan Bangar.

Di samping itu, ianya akan memberikan kefahaman kepada penduduk tempatan Daerah Temburong dalam ujian memandu dan apabila mereka pergi ke Bandar Seri Begawan mengetahui penggunaan arahan lampu-lampu isyarat jalan ini.

Perkara kedua, kaola tidaklah membuat apa-apa ulasan kerana sudah jelas diterangkan dalam mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada petang hari Sabtu di Dewan yang mulia ini mengenai dengan pembinaan Projek Jambatan Penghubung Menyeberang Sungai Pendaruan dengan negara jiran yang tidak berapa lama lagi akan siap.

Sukacita kaola mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perhubungan dalam mengambil peranan penting mengenai projek pembinaan jalan atau jambatan tersebut yang melibatkan kerjasama dengan negara jiran Malaysia. Sekian Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola hanya ingin bercakap mengenai tiga isu dalam Tajuk ini:

- 1) Nombor Pendaftaran yang ada pada masa ini perlu dikaji semula. Nombor Pendaftaran ada yang telah diluluskan pada masa ini banyak diperkatakan oleh orang ramai seperti dari segi ketahanannya iaitu warnanya mudah pudar dan kurang jelas dilihat berbanding dengan Nombor Pendaftaran lama yang menggunakan plastik yang mempunyai *reflection* ataupun pembalikkan yang boleh dilihat daripada jarak jauh.
- 2) "Teksi Persendirian" yang tidak berdaftar di Jabatan Pengangkutan Darat. Apa yang orang ramai perhatikan di Pelabuhan Muara kegiatan teksi sapu sering berlaku teksi-teksi yang disebutkan tidak berdaftar. 'Teksi-teksi' tersebut sering beratur bagi menunggu penumpang dengan keadaan tidak bersistem sambil berebut-rebut untuk mendapatkan penumpang. Keadaan ini perlu dikaji dan dibuat penilaian bagi menepati piawaian antarabangsa dan visi wawasan Kementerian Perhubungan. Yang paling penting ialah keselamatan nyawa penumpang terutama sekali pelancung asing agar tidak menjadi beban kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam apabila berlaku

sesuatu perkara yang tidak diinginkan yang melibatkan orang-orang luar.

Rasionalnya Yang Berhormat Pengerusi, sebab kita khuatir perkara yang tidak diinginkan seperti yang disebutkan tadi, iaitu kemalangan melibatkan nyawa, harta benda dan lebih-lebih lagi pelancong asing.

Kita juga ingin menunjukkan bahawasanya negara kita mempunyai sistem perhubungan yang teratur dengan menyediakan tempat menunggu bas dan teksi yang telah disediakan oleh Kerajaan. Dengan yang demikian, imej kita sebagai negara maju dan berkemampuan akan lebih menyerlah.

- 3) Mengenai dengan *Sistem Demerit Points*, dalam menyokong Tajuk ini Yang Berhormat Pengerusi, saya amat bersetuju dengan pelaksanaan Sistem ini kerana ianya merupakan usaha Kementerian memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya supaya akan lebih berhati-hati dan dalam perkara ini *CCTV* hendaklah ditempatkan di kawasan-kawasan strategik seperti di Lampu-Lampu Isyarat dan tempat yang sering berlaku kemalangan. Dengan yang demikian, keselamatan jalan raya akan lebih terjamin. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya bercakap menyentuh pada isu yang sama. Pengubahsuaian

kenderaan sepertimana yang disentuh oleh rakan sejawat saya tadi. Merujuk ucapan Yang Berhormat Menteri Perhubungan semasa merasmikan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer di Daerah Tutong tahun lalu, dalam menghadapi pemandu-pemandu yang telah mengubah suai kereta mereka seperti memotong spring, bertayar besar, bercermin gelap, lampu merah dipasang sebelah depan dan lain-lain pengubahsuaian, didapati kurang berkesan terutama dari golongan Belia. Oleh kerana pengubahsuaian kenderaan sebagai satu kegemaran kepada yang berminat, maka saya mensyorkan supaya setiap pengubahsuaian dikenakan bayaran. Sebagai contoh, mengubah cat kenderaan, pada masa ini dikenakan bayaran-bayaran yang setimpal. Adalah diharapkan dengan langkah mengenakan bayaran ini akan dapat mengurangkan perbuatan pengubahsuaian kenderaan mereka tanpa kebenaran.

- i. Isu mengenai motor. Pada masa ini banyak jenis kenderaan bermotor telah diimport dan telah diguna pakai oleh para belia dan remaja sebagai peralatan sukan termasuklah motor *ATV* yang beroda 4. Saya difahamkan motor ini tidak diberi lesen oleh pihak berkenaan atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, mereka memohon supaya kenderaan berkenaan diberi lesen sesuai dengan keperluannya. Sebagai contoh seperti perahu dan motor sangkut yang bertenaga rendah, untuk mengalihkan dimestikan mengambil lesen. Jika tidak mengambil lesen, tindakan akan diambil dan didakwa mengikut peraturan-peraturan tertentu.

Yang Berhormat Pengerusi, dari itu mereka pernah berjumpa supaya lesen

diberikan kepada kenderaan sama juga seperti kenderaan-kenderaan yang lain supaya mereka tidak akan rasa terpinggir atau melanggar undang-undang lalulintas. Teristimewa bagi mereka yang sudah membeli dan memiliki kenderaan tersebut kerana jika tidak diberi lesen dikhuatiri kenderaan tersebut, jika kehilangan atau kecurian susah untuk dikesan sepertimana kehilangan kerusi roda pesakit di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha seperti dimaklumkan baru-baru ini.

- ii. Terminal Bas. Pada masa ini terdapat syarikat bas luar negara mengangkut penumpang-penumpang seperti dari Pontianak, Indonesia dan Kuching membawa penumpang-penumpang di Negara ini sejak beberapa tahun yang lalu. Pada masa ini tidak ada terminal khas yang disediakan oleh pihak-pihak yang tertentu bagi mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang bas tersebut di Bandar Seri Begawan. Perkara yang sama juga boleh disentuh oleh rakan sejawat dari kawasan Daerah Belait tadi.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh kerana adalah sukar untuk mendapatkan tempat khas sebagai Terminal Bas Bandar Seri Begawan, saya menyarankan supaya terminal bas ini diadakan atau ditempatkan di kawasan Pekan Tutong di mana semua bas-bas yang membawa penumpang-penumpang dari Miri, Sarawak atau luar negara akan ditumpukan di Daerah Tutong atau sehingga di Pekan Tutong sahaja. Penumpang-penumpang yang hendak ke Bandar Seri Begawan dan Daerah Brunei dan Muara bolehlah menumpang bas yang beroperasi

sejam sekali di antara Bandar Seri Begawan dengan Pekan Seria.

Dengan adanya Terminal Bas yang berpusat di Pekan Tutong, maka pengusaha-pengusaha bas Bandar Seri Begawan-Seria akan berkembang maju dan secara tidak langsung Pekan Tutong akan menjadi tumpuan bagi penumpang-penumpang dari luar negara sama ada mereka yang hendak ke luar Negara mahupun yang akan melancong ke Negara ini.

Ianya juga akan menghidupkan semula peranan pengusaha-pengusaha teksi di Daerah Tutong kerana sejak berpuluh-puluh tahun lalu tidak ada teksi yang beroperasi di Daerah Tutong. Oleh kerana ketiadaan teksi di Pekan Tutong, saya mendapat maklumat telah wujud beberapa buah teksi seperti yang disebutkan tadi iaitu 'Teksi Persendirian' yang menghantar penumpang ke kawasan-kawasan pedalaman seperti Tanjung Maya, Lamunin, Penanjong dan kampung-kampung di sekitar Pekan Tutong.

Wujudnya 'Teksi Persendirian' ialah kerana ada pelanggan dan penggunaanya. Ini disebabkan pengguna atau pelanggan tidak mampu berjalan kaki dan membuang masa untuk berjalan kaki kerana jarak antara pekan dan kampung adalah terlalu jauh, malah adakalanya berpuluh-puluh kilometer.

- iii. Isu seterusnya ialah Bas Sekolah. Yang Berhormat Pengerusi, saya telah dimaklumkan oleh pemilik-pemilik bas sekolah muatan 15 penumpang bahawa bas-bas tersebut tidak lagi disewa oleh Kementerian Pendidikan

kerana telah berusia 10 tahun atas sebab-sebab tertentu. Dari segi keadaan bas-bas berkenaan adalah masih baik dan terjamin dari segi keselamatan kerana pemiliknya sentiasa memelihara dan memantau apa saja yang dialami oleh bas tersebut. Oleh kerana bas masih berkeadaan baik dan kukuh walaupun berumur 10 tahun, di Dewan yang mulia ini disarankan supaya pemilik-pemilik bas dibolehkan memohon supaya bas berkenaan dijadikan atau dibenarkan untuk kegunaan sendiri dan keluarga sebagai kegunaan persendirian.

Kedua, pemilik-pemilik memohon supaya dibenarkan untuk menjual ke luar Negara. Saya dimaklumkan oleh pihak-pihak pemilik-pemilik bas berkenaan bahawa ada syarikat luar ataupun orang perseorangan bersedia membeli dengan harga B\$15,000 sebuah. Yang Berhormat Pengerusi, dengan adanya kedua-dua cadangan ini, pemilik-pemilik bas tidak akan mengalami kerugian dan boleh menyebabkan bertambahnya timbunan besi buruk di Negara ini.

Di Daerah Tutong sahaja ada terdapat 30 buah bas kecil dan mungkin bilangannya di Daerah-Daerah lain lebih daripada itu. Jika bas ini tidak dibenarkan untuk kegunaan sendiri, dan juga tidak dibenarkan dijual ke luar Negara untuk dijadikan apa lagi bas-bas tersebut? Mahu tidak mahu bas-bas berkenaan terpaksa dibuang dan dibiarkan sebagai besi buruk.

Yang Berhormat Pengerusi, apakah kita sanggup melihat barang-barang yang ataupun benda-benda yang masih baik

dan boleh digunakan dibuang begitu sahaja atas sebab-sebab peraturan dan undang-undang yang kita buat sendiri? Bukankah mengikut hukum Allah dalam Islam barang-barang yang masih baik dan diguna pakai jika sengaja dibuang adalah membazir. Dengan perbuatan sebegini ianya bertentangan dengan konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada satu soalan sahaja iaitu mengenai dengan masalah treler di mana kebanyakan pemandu treler menyimpan atau meletakkan treler mereka ini di tepi-tepi jalan di sepanjang Jalan Serasa, Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong. Ini mendatangkan kesesakan kepada pengguna jalan raya di tempat tersebut susah dan jalan raya rosak.

Di dalam hubungan ini, dicadangkan supaya pihak Jabatan Pengangkutan Darat dan Pasukan Polis Diraja Brunei membuat pemantauan dan tindakan yang bersesuaian kepada pemandu-pemandu atau pemilik treler yang berkenaan? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Saya ingin berkongsi pandangan juga dan seterusnya membuat satu cadangan. Sepertimana yang kita lihat pada masa ini perkembangan kemajuan rangkaian lebuh raya seluruh Negara sedang giat dilaksanakan dan sedang digunakan. Dengan siapnya lebuh raya akan menambahkan lagi kelancaran perjalanan kenderaan. Setiap kenderaan yang dipandu laju itu sudah tentu akan mengalami masalah seperti kebocoran tayar atau kurang angin dan ada juga yang berlaku kebakaran.

Sebagai langkah keselamatan bagi setiap pemandu yang memberhentikan kenderaan mereka di bahu jalan raya, maka saya mencadangkan bahawa Jabatan Pengangkutan Darat dapat menyarankan dan kalau perlu menjadi satu kemestian bagi setiap kenderaan itu membawa dan melengkapkan dengan sebiji cone dan alat pemadam api kerana kedua-dua peralatan ini mudah diperolehi sebagai membantu keselamatan pemandu-pemandu. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Kalau kita lihat di negara-negara ASEAN yang lain, penuntut-penuntut sekitar umur 15 tahun banyak yang menggunakan motosikal ke sekolah. Apakah Negara kita boleh mengikut cara mereka itu? Jangan pula sampai memakai motosikal yang melebihi 125 cc. Cadangan ini bertujuan untuk meringankan pihak ibubapa

menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan kerana merancang Kementerian Perhubungan dengan terperinci. Saya akan menyentuh 2 perkara:

1. Permit Kenderaan Komersial. Jabatan Pengangkutan Darat, memerlukan pembeli-pembeli kenderaan komersial untuk memohon mendapatkan permit bagi permohonan membeli kenderaan komersial, tidak kira kenderaan komersial bersaiz kecil atau besar. Syarat seperti ini tidak diperlukan di negara-negara ASEAN yang lain. Ianya hanya diamalkan di Malaysia bagi kenderaan komersial seberat 5 tan.

Yang Berhormat Pengerusi, pada pandangan saya bagi mempelbagaikan ekonomi Negara ini dan sebagai memberi galakan kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana untuk maju dalam perniagaan dan sebagai insentif untuk memajukan serta mengembangkan perniagaan mereka ini, permit kenderaan komersial ini bolehlah

ditiadakan bagi kenderaan berat 3 tan ke atas.

Justeru itu ianya boleh membantu bagi menyenangkan Peniaga Kecil dan Sederhana mengangkut barang-barang jualan mereka dan sekaligus menjimatkan masa dan kos pengangkutan barang-barang jualan ke tempat penjualan. Selain itu ianya juga menyenangkan mereka untuk tidak perlu menyambung permit itu tiap-tiap 6 bulan. Di samping itu ini akan mengurangkan masa terbuang untuk mengurus, membaharui dan menjalani pemeriksaan.

2. Kenderaan komersial alat amaran laju (*speed warning device*). Ini tidak dimestikan di negara-negara ASEAN hanya dimestikan di Negara Brunei Darussalam. Harga memasang alat itu sudah menjangkau kepada harga \$700.00 sepasang. Ianya menambahkan kos lagi jika ia tidak boleh menjadi alat bagi menolong pegawai-pegawai yang bertanggungjawab memantau kesalahan yang melebihi had kelajuan dari kalangan kenderaan komersial.

Pada hal had laju bagi kenderaan komersial sudah terpapar di belakang kenderaan itu. Sekarang had laju itu telah dinaikkan dari 50 kilometer sejam kepada 60 kilometer sejam. Ini sudah memadai dan amat jelas kepada pemandu kenderaan komersial itu dan sudah setentunya dipatuhi.

Saya ingin bertanya berapa banyakkah pesalah-pesalah yang didenda oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei hasil dari pemantauan tersebut dengan dibantu dengan alat-alat seperti *speed warning device* ? Tersebut.

Kedua, saya ingin tahu sama ada Jabatan Pengangkutan Darat

mempunyai alat-alat bagi mengesan pesalah-pesalah dari alat amaran laju (*speed warning device*) mengikut piawaian antarabangsa. Ada kalanya apabila kenderaan itu dihidupkan enjinnya, alat amaran laju (*speed warning device*) itu menyala walaupun kenderaan itu belum lagi bergerak. Ini sangat mengelirukan. Seperti yang difahamkan, alat amaran laju (*speed warning device*) telah digazetkan dalam Akta. Saya mencadangkan, supaya Akta berkenaan disemak semula bagi memastikan alat tersebut betul-betul membantu pihak yang berwajib menjalankan pengawalan had kelajuan kenderaan komersial. Kalau tidak juga membantu, bolehlah Akta ini dimansuhkan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita beralih kepada peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Majlis Mesyuarat disambung semula akan tetapi ditangguhkan. Insya-Allah kita akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan bersidang selaku Majlis Mesyuarat Negara akan tetapi untuk membolehkan perbincangan di Peringkat Jawatankuasa disambung semula mengenai tajuk-tajuk di bawah Kementerian Perhubungan maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang lagi di Peringkat Jawatankuasa untuk menyambung perbincangan terhadap Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 / 2014. Perbincangan yang telah diadakan di sebelah pagi tadi masih lagi membincangkan Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat, maka bagi menyambung perbincangan seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk mengulas soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah diajukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, silakan.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mengucapkan banyak terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya dan mula-mula sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang

Berhormat kerana memberikan cadangan-cadangan dan soalan-soalan.

Sebenarnya, bajet Jabatan Pengangkutan Darat ini adalah bajet yang kecil dalam peruntukan Kementerian Perhubungan tetapi menimbulkan persoalan yang banyak, ini menunjukkan betapa mustahaknya Jabatan ini menjaga isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan, kesejahteraan dan kegiatan orang ramai jadi dengan soalan itu saya mengucapkan sekali lagi atas prihatin Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi kalau dapat saya mengulas satu persatu, ada satu soalan yang akan saya ulas mengenai pengubahsuaian kereta iaitu soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit dan soalan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Wijaya Awang Haji Othman bin Uking, itu akan saya ulas kemudian.

Mengenai pengambilan lesen memandu untuk mengadakan pemeriksaan di Jabatan Pengangkutan Darat, sebenarnya penguatkuasaan 70 tahun ini, saya pada awal-awal ini tidak akan menguatkuasakan secara *rigorous* ertinya setiap orang disuruh untuk mendapatkan pengakuan. Yang saya harapkan ialah kita bertanya kepada diri kita sendiri iaitu bolehkah kita memandu lagi dalam umur 70 tahun?, kalau sekiranya kita tidak boleh memandu ertinya kita sendiri janganlah memandu, jika sekiranya kita dapat memandu lagi kita sendirilah *certified* diri kita masih boleh memandu.

Di Singapura dan negara-negara yang lain contohnya, keperluan ini dipenuhi oleh pemandu itu untuk mendapatkan perkhidmatan dengan belanjanya sendiri. Ertinya kalau sekiranya kita akan menguatkuasakan secara *rigorous* atau secara keras kita tidak akan menyediakan perkhidmatan doktor itu di Jabatan Pengangkutan Darat. Kita akan memerlukan pemandu itu sendiri mendapatkan perkhidmatan itu bukannya Jabatan Pengangkutan Darat yang akan mengadakan.

Mengenai ubah suai kereta, saya akan jawab kemudian. Mengenai keselamatan jentera berat saya mengambil maklum dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit kerana cadangan-cadangan yang dikemukakan itu dan dalam pada itu juga saya mengambil kesempatan ini untuk memberitahu bahawa adalah sukar untuk penguatkuasa bertugas siang malam di sana-sini dan kesalahan ini akan berlaku siang malam di sana-sini adalah sukar untuk kita memberi 100% *coverage*. Oleh kerana itu kita mengadakan pusat yang dipanggil 119.

Kalau kita lihat di belakang kereta di sana ada tertera *Motor Transport Licensing Authority (MTLA)*, jadi kalau ada apa-apa sila telefon 119, jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada orang ramai kalau ada perkara-perkara seperti pelanggaran peraturan telefonlah 119 ini, insya-Allah pihak *Motor Transport Licensing Authority (MTLA)* akan mengambil langkah yang cepat.

Cadangan Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin mengenai kereta-kereta lama ini,

insya-Allah cadangan ini akan diambil tindakan. Bagi mengongsikan kita semua di sini sebenarnya dalam Akta Jabatan Laut ada satu peraturan dan kaedah pemusnahan perahu-perahu tetapi bagi Jabatan Pengangkutan Darat tidak ada pemusnahan kereta-kereta. Jadi adalah susah hendak mengetahui sebenarnya beberapa buah kereta yang berjalan di atas jalan raya, hanya yang diketahui ialah berapa kereta menyambung lesennya pada tiap-tiap tahun.

Tidak dinafikan juga bahawa ada kereta yang berjalan tidak berlesen, jadi apa yang diusahakan ialah untuk mengadakan satu peraturan secara *administration* macam mana memusnahkan kereta ini daripada pendaftaran dan kalau kita lihat di negara-negara maju seperti Singapura kereta yang sudah 4 tahun pun disuruhnya *write off* juga. Kita tidak boleh begitu *draconian* sebenarnya dan kita kesian juga tetapi kalau sekiranya kereta sampai sudah 25 tahun ertinya bermacam-macam masalah akan timbul.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad supaya isyarat lampu diadakan di Daerah Temburong, insya-Allah tadi Yang Berhormat Menteri Pembangunan pun mendengar mudah-mudahan saja saya berdua akan dapat memikirkan macam mana caranya.

Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai plat-plat lesen sebenarnya disedari bahawa apabila plat lesen ini mula-mula dibenarkan ianya hanya untuk beberapa buah syarikat sahaja yang diketahui berkeupayaan untuk memberikan lesen yang tahan tetapi setelah dibukakan

dan pembekal ini memberikan kepada agen dan sub-agent maka timbullah beberapa kelemahan ini. Jadi apa yang akan diambil tindakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan Kementerian Perhubungan ialah untuk meneliti perkara ini dan mengambil tindakan sama ada menggantungkan pihak-pihak yang memberikan lesen yang tidak mengikut piawaian itu.

Mengenai plat lesen yang sama ada ia mudah dilihat atau tidak, memanglah lesen yang lama itu mudah dilihat bukan sahaja kerana ia *reflective* tetapi kerana ianya lebih besar. Ini pun memenuhi piawaian yang ada.

Mengenai teksi yang tidak berlesen ini, ini adalah satu persoalan yang boleh dikatakan *philosophical* kerana Jabatan Kementerian Perhubungan beberapa tahun yang lalu mengusahakan pemandu-pemandu teksi memandu secara bermeter. Tetapi nampaknya bagi pemandu teksi ini adalah menjadi kesulitan; barangkali bagi mereka atau secara sengahaja atau kerana beberapa tindakan yang diambil yang menjadikan perkara ini sukar.

Oleh kerana perkara ini berlaku, timbullah teksi-teksi yang tidak berdaftar ini untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan itu. Keadaan ini timbul oleh kerana beberapa sebab:

1) Teksi yang tidak berdaftar ini dipandu oleh orang-orang yang dikatakan kalau dalam ekonomik masuk dalam *unrecorded economic activity*. Ertinya mereka itu tidak membayar sewa, kita tidak termasuk dalam pemantauan ekonomi. Satu hal lagi mereka itu menggunakan kereta-kereta yang

menggunakan subsidi Kerajaan dari segi minyak, diesel dan sebagainya. Beberapa pemikiran telah timbul di Kementerian Perhubungan, beberapa cara untuk mengatasi perkara ini, yang paling radikal yang pernah kaola fikirkan untuk memberikan lesen kepada mereka yang tidak berlesen ini. Jadi biarlah pemandu teksi yang berlesen itu *conform*. Itu adalah satu boleh dikatakan *desperate measure*, mudah-mudahan kita tidak sampai ke sana;

- 2) Mengenai sistem demerit Alhamdulillah, kaola menyambut baik cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, tapi walau macam manapun dijalankan juga seperti yang kaola jawabkan kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman;
- 3) Pengubahsuaian kenderaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking kaola akan jawab kemudian;
- 4) Mengenai kenderaan bermotor yang dipanggil *moped (ATV)*, sebenarnya kereta-kereta itu adalah digalakkan *off road*. Kereta ini dibenarkan tetapi dalam syaratnya *off road* tidak ke jalan raya. Apabila mereka berjalan di jalan raya mereka menyalahi undang-undang jalan raya. Kereta-kereta ini memang tidak berlesen, jadi mereka-mereka yang berhajat membeli kereta-kereta sebegini mestilah mengetahui risiko yang mereka hadapi;
- 5) Terminal Bas di Pekan Tutong adalah satu cadangan yang baik dan akan abis kaola teliti. Bas sekolah 10 tahun, bas

- ini adalah digunakan untuk mengangkat orang lain dan untuk mengangkat anak-anak kita juga. Oleh kerana itu, baiklah kita berjaga-jaga sedikit kalau sudah 10 tahun itu kita fikirkan jua *road worthiness*. Walau macam manapun kalau ia sudah tidak dapat digunakan lagi dan masih dapat digunakan misalnya, bukan untuk mengangkut kanak-kanak sekolah untuk kegunaan lain, ianya boleh dipohonkan ke *Motor Transport Licensing Authority (MTLA)* untuk kegunaan lain seperti bas sewa persendirian;
- 6) Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim dengan masalah treler. Alhamdulillah kami mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dengan membangkitkan perkara ini. Beberapa rondaan telahpun dijalankan dan apa yang terjadi, ada 2 sebab utama;
- i. Treler-treler itu kebanyakannya adalah daripada luar daerah iaitu Daerah Belait dan Tutong untuk membawa kontena, jadi mereka itu datang awal atau bermalam untuk membawa kontena pada waktu pagi ke daerah-daerah itu. Pada beberapa tahun yang lalu, mereka ini disediakan tempat untuk mereka sewa bagi menyimpan treler. Tetapi tempat itu sudah diambil dan diberikan kepada pengguna-pengguna lain. Satu tempat lain akan diusahakan untuk mereka menyimpan kereta itu dengan bersewa dan dikendalikan oleh pihak swasta; dan
- ii. Ada juga beberapa kereta juga menyimpan kereta sengahaja menyimpan di sana dengan alasan ada kereta yang disimpan di sana, mereka juga meletakkan kereta di sana dengan alasan tiada tempat untuk meletakkan kenderaan itu. Alasan tersebut tidak dapat diterima kerana apabila lesen dikeluarkan mereka itu memberitahu mereka ada tempat.
- 7) Cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin untuk keselamatan jalan raya bagi membawa tanda trafik dan pemadam api disambut baik. Mudah-mudahan saja tidak ada cadangan supaya Kerajaan mengadakan untuk tiap-tiap buah kereta kerana terlampau mahal dan ini adalah *imperative* pemandu itu sendiri;
- 8) Cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Tahamit bin Haji Nudin untuk orang yang berumur 15 tahun menjalankan motosikal ke sekolah. Cadangan ini akan diteliti kesesuaiannya. Mungkin 15 tahun itu belum menunjukkan kematangan dan pemikiran, tapi cadangan itu akan diteliti; dan
- 9) 2 cadangan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman iaitu:
- i. Mengenai permit kenderaan. Insya-Allah cadangan itu akan diteliti. Mudah-mudahan kita akan mendapat satu penyelesaian yang baik untuk pengguna-pengguna; dan
- ii. Mengenai *speed warning device* telah dibangkitkan jua oleh Yang

Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim pada tahun lepas. Apa yang pada masa ini perundangannya ianya belum ketat lagi, apa yang akan dibuat oleh Kementerian Perhubungan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei dan *Attorney General's Chamber* supaya undang-undang itu akan diketatkan supaya ia akan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

Izinkan kaola menyentuh mengenai pengubahsuaian kereta. Dalam masa rehat itu kaola bertanya kepada pegawai-pegawai mengapa orang kan merubah kereta ini, sebab apa kereta ini sebenarnya apabila ia datang ia sudah mempunyai spesifikasi yang lurus, tayarnya lurus, bentuknya pun orang yang *medesign* di Jepun di mana itu habis sudah bentuk itu ditaruhnya dan catnya itupun catnya saja. Jadi mengapa orang akan mengubahsuai kereta? Sebab mengubah suai kereta ini bukanlah amalan yang baik kaola rasa. Ia sudah bisai, tapi kaola diberitahu barangkali berduit orangnya. Oleh kerana orang berduit mengubah kereta. Apabila kita membincangkan Kementerian Hal Ehwal Ugama 2, 3 hari yang lepas terdengar kaola \$50 kiblata itu akan diminta oleh Kerajaan, tapi mengubah suai kereta, kitani sifatkan sebagai satu perbelanjaan yang biasa. Biarkan orang berduit, jadinya kepada kaola apa perkara englishnya *schizophrenic*.

Di malam kaola ke Masjid Ash-Shaliheen di Jabatan Perdana Menteri, kaola bawa *mobile* kaola untuk melihat arah kiblat tersebut. Di rumah kaola arah kiblat ini kaola indata terdapat. Dapatlah butir dari *mobile*,

kaola pakai di rumah. Ertinya kalau kita tidak bersangkutan dengan Kerajaan *innovation* kitani itu keluar, usaha kita keluar. Dahulu rumah-rumah pun banyak kitani indata jua berkiblat, berusaha jua. Ada satu hari di Mekah matahari lurus-lurus di atas Kaabah. Kiblat ialah bayang-bayang itu. Kita patut berusaha.

Nampaknya untuk mendapatkan perkhidmatan menentukan arah kiblat (Lebih kurang \$50.00) ini kita tidak menggalakkan. Malah kita mencadangkan ini baik ditanggung oleh Kerajaan.

Tetapi kita berasa berbelanja untuk mengubah suai kereta itu adalah biasa.

Nampaknya kita '*shrink away*' dalam menasihatkan perbelanjaan yang baik dan betul. Dalam bahasa Mekayu *shrink* bererti kecut, jangan kita kecut untuk menasihatkan mana perbelanjaan yang baik dan mana bukan.

Saya pernah satu malam memandu di lebuhraya. Saya terkejut dan terkilang melihat sebuah kereta seolah-olah akan berundur ke arah kaola. Rupanya kereta ini diubah suai dengan memasang lampu merah di hadapan.

Kita akan mengadakan garis panduan bagi pengubahsuaian, tapi kita mesti menganggap mengubah suai kereta itu bukan amalan yang kita galakkan dengan mengadakan bayaran. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat ini ada baiknya diundi. Yang Bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Seterusnya Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos dibukakan untuk dibahas. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang saya hormati sekalian. Sedikit sahaja saya ingin bercakap mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos ini. Jabatan Perkhidmatan Pos merupakan jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi menghantar dan menerima surat menyurat dan juga bungkusan dari dalam dan luar Negeri. Perkhidmatan ini banyak menyediakan beberapa kemudahan seperti Pos Laju, Ekspres, Cepat dan sebagainya. Walaupun kecanggihan teknologi seperti yang kita uar-uarkan sekarang ini dan lain-lain kemudahan, namun segala pengendaliannya adalah dikendalikan oleh manusia.

Selagi itu ianya akan menghadapi berbagai-bagai masalah. Kita melihat kiranya manusia yang berkenaan tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur serta amanah maka akan menimbulkan masalah. Saya bukan merendah-rendahkan ataupun melihat

kelemahan dari berbagai sudut, cuma ingin menimbulkan suara orang ramai mengenai dengan kelewatan menerima surat dan paling malang surat dihantar tidak tepat di alamat yang tertera di sampul surat menyebabkan penerima tidak dapat menerima. Kesilapan seumpama ini sering berlaku beberapa kali dan orang ramai merasa kecewa.

Adalah dicadangkan supaya petugas ataupun kakitangan yang sudah mungkin berkhidmat sekian lama itu diberikan kursus, motivasi dan program lawatan ke luar negeri bagi pekerja-pekerja pos supaya mereka ini akan dapat melihat bagaimana dedikasi, efisien dan keberkesanan mereka-mereka di sana. Barangkali perkara sedemikian ini perlu diberikan perhatian terutama sekali kepada mereka-mereka yang sudah berkhidmat terlalu lama bagi mengatasi segala kelemahan-kelemahan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sedikit sahaja merupakan pandangan dan cadangan. Sepertimana difahami bahawa pusat pemprosesan pos di Daerah Belait yang terletak di Jalan Dipa Negara sedang dalam pelaksanaannya pada masa ini. Kewujudannya sudah tentu akan menjanjikan mutu perkhidmatan yang amat baik, berkualiti tinggi dan canggih yang bakal dinikmati oleh semua mesyarakat setempat.

Dalam hubungan ini, ke arah melahirkan kualiti tinggi dan canggih sudah

setentunya akan memerlukan banyak kakitangan yang mahir. Oleh yang demikian, disyorkan supaya kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Pos yang bakal mengeluarkan mutu kerja yang berkualiti, canggih itu akan dapat ditambah termasuklah juga rangkaian jalan raya dan penghubung yang saya lihat pada masa ini kurang selesa dan perlu diambil kira yang juga jalan tersebut ada hubung kaitnya dengan cadangan saya yang telah dikemukakan melalui Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang lepas. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:
Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan mengulas.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mengalu-alukan kedua-dua cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai *training* ini. Adalah paling diperlukan *training* ini walaupun di peringkat mana. Insyallah ini akan diambil perhatian. Begitu jua daripada Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai jalan raya itu, akan saya bincangkan dengan rakan saya insyallah. Pagi tadi Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain bertanya mengenai pos ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain tadi ada menghadapkan soalan mengenai Jabatan Perkhidmatan Pos, sekarang kita sudah tiba di jabatan itu.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah. Bagaimanapun yang akan diutarakan itu ialah mengenai dengan kelambatan surat-surat yang diterima oleh penduduk terutama sekali tadahan di Mukim Berakas dan juga yang berdekatan itu ialah Mukim Berakas 'A' termasuk dalam Pejabat Pos.

Saya ingin mengongsikan bukan saja kelambatan surat-surat yang datang, tetapi ada masalah-masalah yang lain. Beberapa tahun yang lepas ada inisiatif Jabatan Pos memanggil penghulu, ketua kampung di Mukim Berakas 'A' untuk beramah mesra dengan penghantar-penghantar surat ini. Nampaknya masa dipanggil berceritalah bermacam-macam bagaimana baiknya, selesa dan kemajuannya dalam menyampaikan surat itu.

Oleh kerana itu, maka antaranya seorang dari penghulu atau ketua kampung bercakaplah secara lantang. Macam-macam penerangan, nasihat, dan idea diberikan untuk kebaikan bersama-sama, kerana bukan saja lambat tetapi termasuk disiplin, pakaian, budi bahasa dan tingkah laku. Akhirnya selepas perjumpaan itu nampaknya orang-orang yang berkenaan di Jabatan Pos itu telah ada perubahan. Syukur Alhamdulillah.

Jadi maksud kaola, sekiranya ada berlaku perkara sedemikian ini ada baiknya supaya diadakan permuzakarahannya antara orang-orang yang dipercayai boleh memberikan penerangan-penerangan selain daripada Ketua Pos di Jabatan Perkhidmatan Pos itu. Begitulah sahaja Yang Berhormat Pehin, jadi kalau Yang Berhormat Pehin menyuruh kaola

berpantun tidaklah dihampakan. Kaola akan berpantun mengenai dengan telefon:

*Bakulan ikan berkulit,
Permata berjumpung-jumpung,
Kan bertaulan bertambah sulit,
Bisai tah saja berhubung dalam telefon.*

Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Perhubungan akan membalas pantun itu?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Kaola penuh sukarela supaya Ahli-Ahli Yang lain saja menjawab, tetapi walau macam manapun kaola sangat-sangat menghargai cadangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain dan kaola mengambil kesempatan ini berkongsi dengan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim bahawa Pejabat Pos ini manusia juga sebenarnya dan kaola sendiri sedar bahawa beberapa kali surat-surat daripada jiran-jiran itu termasuk arah kaola jua.

Mudah-mudahan perkara ini tidak disengajakan tetapi ianya merupakan kesilapan dan sering terjadi. Kita dari masa ke semasa memberikan motivasi kepada penghantar-penghantar surat (posmen) itu supaya berkhidmat dengan penuh dedikasi dan yang mustahak sekali memikirkan orang yang akan menerima surat itu. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Tajuk SN06A -

Jabatan Perkhidmatan Pos ini diundi. Siapa yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SN06A - Jabatan Perkhidmatan Pos dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk seterusnya SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum saya membukakan Tajuk SP01A - Kemajuan ini untuk dibahaskan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) atau Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri jika ingin untuk memberikan penjelasan mengenai Tajuk-Tajuk ini.

Dengan ketiadaan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, maka saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan mukadimah, silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga: Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan memberi sedikit mukadimah dan menghuraikan secara ringkas tujuan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara. Sepertimana jua Yang Berhormat Pengerusi sedia maklum kebanyakan projek-projek yang terkandung di bawah Rancangan Kemajuan Negara ini telahpun dibincangkan sebelum ini oleh Dewan

yang mulia ini, iaitu semasa pembentangan cadangan-cadangan peruntukan bagi kementerian-kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah bermula pada 1 April 2012. Bagi merangka dan melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan bagi penubuhan satu Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Di antara tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini ialah untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dibuat secara lebih teratur, tersusun dan fokus selaras dengan objektifnya untuk memperkesakan lagi usaha-usaha kerajaan dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

Sepertimana jua pada Tahun Kewangan 2012/2013, peruntukan jumlah \$1,050 juta iaitu \$1.05 bilion disediakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai sebanyak 653 projek Rancangan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2013/2014, dengan harga rancangan sejumlah \$6.5 bilion ini

termasuk projek-projek yang diteruskan dari Rancangan Kemajuan Negara yang lepas. Pengagihan peruntukan tersebut adalah berdasarkan kepada komitmen projek yang mana ianya lebih ditumpukan kepada komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih dalam tanggungan. Projek dalam pelaksanaan, projek yang menunggu *award* dan projek yang akan ditawarkan.

Pada Tahun 2013/2014 ini, projek-projek siap disediakan sebanyak \$11.4 juta iaitu 1.1% manakala projek siap yang masih ada tanggungan disediakan sebanyak \$104,000.00 iaitu 0.01%. Projek dalam pelaksanaan disediakan peruntukan sebanyak \$724.08 juta iaitu bersamaan dengan 69% manakala projek dalam peringkat tawaran dan yang akan ditawarkan diperuntukkan sejumlah \$88.78 juta iaitu 8.5%.

Bagi projek yang memerlukan kos tambahan bagi yuran perkhidmatan konsultan, kerja-kerja tanah dan infrastruktur, kerajaan akan menyediakan sebanyak \$6.3 juta iaitu 0.6% di bawah Tajuk Rampaian dan \$7 juta iaitu 0.7% di bawah Tajuk Kemajuan Tapak.

Bagi sektor-sektor yang akan berbelanja lebih dari peruntukan yang disediakan, sejumlah \$192.7 juta iaitu 18.4% akan disediakan di bawah simpanan gagasan. Secara keseluruhannya pengagihan peruntukan mengikut berapa sektor utama adalah seperti berikut:

- 1) Sektor Perkhidmatan Sosial terus diberikan pengagihan peruntukan yang tinggi sebanyak \$351.6 juta ataupun 33.5% dari keseluruhan peruntukan kemajuan. Sektor ini akan menumpukan pada melaksanakan

- projek-projek yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan Negara dan sumber tenaga manusia;
- 2) Sektor Rempaihan disediakan sebanyak \$209.5 juta bersamaan 20% dari jumlah keseluruhan. Peruntukan ini termasuk bagi membiayai perbelanjaan projek-projek baru dan yang memerlukan kos tambahan;
 - 3) Sektor Pengangkutan dan Perhubungan akan menumpukan kepada pelaksanaan projek-projek seperti Jalan Raya, Telekomunikasi, Penerbangan Awam dan lain-lain. Sektor ini disediakan sebanyak \$168.4 juta atau 16% dari keseluruhan peruntukan;
 - 4) Sektor Penggunaan Awam pula disediakan sebanyak \$142.5 juta atau 13.6%. Tumpuan sektor ini termasuk menyediakan bekalan air bersih yang mencukupi, merawat kumbahan, pembentungan, pembaikan sistem saliran bagi pengawalan banjir dan penyediaan bekalan elektrik;
 - 5) Sektor Bangunan Awam diperuntukan sebanyak \$54.4 juta iaitu 5.2% bagi menaik taraf dan penyediaan bangunan-bangunan Kerajaan;
 - 6) Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukan sebanyak \$51.6 juta bersamaan 4.9% dari keseluruhan peruntukan. Ianya adalah bagi melaksanakan beberapa projek perekonomian yang telah dikenal pasti untuk dikendali dan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan;
 - 7) Sektor Keselamatan yang meliputi sub sektor Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei akan

disediakan sebanyak \$35 juta atau 3.3% dari jumlah keseluruhan;

- 8) Sektor Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi diperuntukkan sebanyak \$28.6 juta bersamaan 2.7%; dan
- 9) Sektor Sains & Teknologi dan Inovasi diperuntukan sebanyak \$8.3 juta. Ianya antara lain merangkumi peruntukan bagi Penyelidikan dan Pembangunan di bawah kawalan Majlis Penyelidikan Brunei (*Brunei Research Council.*)

Pelaksanaan projek-projek yang dikenal pasti, insya-Allah, diharap akan dapat menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan progresif dan berdaya tahan di sektor swasta bukan minyak dan gas. Ini termasuk Sektor Pembinaan, Perbankan, Kewangan dan Insurans, Perkhidmatan Perniagaan dan Hartanah; dan sebagainya.

Perkembangan di sektor-sektor tersebut pula dijangka akan dapat memberi kesan limpahan (*spin off*) kepada sektor-sektor lain seperti Jualan Borong dan Runcit; Pengangkutan dan Perhubungan; dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perniagaan. Secara keseluruhannya, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri mengunjurkan yang Negara ini akan mencatat pertumbuhan ekonomi, pada kadar 2.3% pada Tahun 2013 ini, insya-Allah. Kriteria-kriteria yang digunakan untuk menilai Projek Rancangan Kemajuan Tahun Kewangan 2013/2014 akan menumpukan kepada perkara-perkara berikut:

- 1) Projek yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi;

- 2) Projek yang dapat meningkatkan produktiviti;
- 3) Projek yang menjurus kepada pengetahuan, penyelidikan dan peningkatan inovasi;
- 4) Projek yang dapat meningkatkan kualiti dan kapasiti sumber tenaga manusia;
- 5) Projek yang dapat menjurus kepada memperkasa belia melalui galakan latihan dan pembangunan kapasiti; dan
- 6) Projek yang dapat menjurus kepada penyediaan tenaga kerja yang sedia untuk menyertai pasaran buruh. Sehingga 18 Februari 2013, perbelanjaan sebenar Rancangan Kemajuan Tahun Kewangan 2012/2013 telah melimpasi peruntukan yang disediakan. Ianya telah meningkat kepada \$1,354,992,800.47 iaitu berlebihan sebanyak kira-kira \$304,000,000.00 iaitu 29% daripada peruntukan yang disediakan sebanyak \$1.05 bilion.

Perbelanjaan ini dijangka akan meningkat, kepada \$1.5 bilion sehingga akhir Tahun Kewangan 2012/2013 ini, insya-Allah. Ini merupakan peningkatan sebanyak 31% berbanding dengan perbelanjaan sebenar sebanyak \$1.142 bilion pada Tahun Kewangan 2011 / 2012. Bagi memastikan pelaksanaan dan perbelanjaan Projek Rancangan Kemajuan Negara dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan, pihak-pihak yang terlibat akan terus membuat pemantauan rapi dan memperkenalkan serta melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- 1) Mengeluarkan projek yang tidak ada perkembangan pada akhir Tahun Pertama Rancangan Kemajuan Negara

Ke-10 dari senarai Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10;

- 2) Menyediakan sistem pemantauan yang lebih efektif serta kerap membuat lawatan ke tapak-tapak projek disamping membuat lawatan menjejut;
- 3) Memastikan pembayaran dilaksanakan mengikut perjanjian kontrak; dan
- 4) Memastikan setiap Kementerian membuat perancangan rapi dan mengikut skop asal dan jadual.

Saya juga ingin mengongsikan bahawa sebagai langkah untuk memperkukuhkan lagi pengurusan dan pemantauan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dan seperti mana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri di dalam Dewan ini, bahawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa, telah dari masa ke semasa membuat lawatan ke tapak-tapak projek bagi meninjau sendiri perkembangan dan status pelaksanaan projek, bagi mengetahui secara lebih dekat apa juga permasalahan yang timbul berkaitan projek-projek berkenaan. Sebagai misalan, pada hari Sabtu yang lepas Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 telah melawat ke beberapa tapak projek di Daerah Belait seperti projek Pembaikan Sumber Air Empangan Ulu Belait Kargu *Dam*, tapak Projek Pusat *Bio-Diversity* Hutan Tropika Sungai Liang, tapak Projek Rancangan Perumahan Negara Lumut, Sungai Liang dan tapak Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kampung Lumut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah amat prihatin tentang pelaksanaan projek-projek ini dan ianya adalah sangat-sangat kita junjung dan sudah setentunya akan menguatkan lagi pemantauan dan *check and balance* dari segi kemajuan dan perlaksanaannya.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui sabdanya pada 12 Mac 2013 kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 juga telah memberi penekanan akan pentingnya setiap *stakeholder* untuk melaporkan terus kepada Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sendiri.

Sekali lagi kita seharusnya amat bersyukur dan menjunjung kasih ke atas keprihatinan dan pemedulian yang menjadi agenda utama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam memastikan pelaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ini berjalan dengan lancar menurut perancangan waktu dan peruntukan yang telah ditetapkan mencapai keberhasilan dan meraih impak yang menyeluruh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekianlah yang dapat saya sampaikan.

Insya-Allah apa jua soalan spesifik yang berkaitan dalam pelaksanaan projek-projek yang dirancang nanti ianya sudah setentunya akan diperjelaskan oleh rakan-rakan sejawat saya di sini selaku agensi-agensi yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek kementerian masing-masing. Sekian Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri itu tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan mengenai projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telahpun juga disentuh semasa membincangkan Rang Belanjawan bagi Tahun 2013/2014 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan

Perdana Menteri di awal-awal persidangan ini.

Begitu juga semasa perbincangan-perbincangan yang diadakan di Peringkat Jawatankuasa sebilangan besar dari projek-projek yang terdapat dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telahpun dibahaskan secara terperinci dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan. Jadinya saya bersependapat dengan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri untuk mengelakkan perkara-perkara yang sama yang berkaitan dengan Tajuk ini berulang-ulang dibincangkan maka saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan biarlah ringkas sahaja dan tidak membangkitkan lagi isu-isu atau perkara-perkara yang sudahpun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri-Menteri lain apabila membincangkan kementerian-kementerian masing-masing. Sekian terima kasih. Walau macam manapun saya bukannya Tajuk ini untuk dibahas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim:

Kaola ingin bertanya sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Semuanya apa yang telah dinyatakan itu menarik tetapi satu soalan saja. Bagaimanakah caranya untuk memperkasakan belia? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jika dapat menjawab soalan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim itu.

Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim di atas pertanyaan bagaimana untuk memperkasakan belia. Berbagai-bagai program dan rancangan telahpun diselenggarakan dan diaturkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan termasuk juga dengan agensi-agensinya yang lain dalam kerajaan untuk membangunkan belia-belia baik dari segi pendidikan, kemahiran, disiplin dan jati diri.

Mengikut daripada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada terdapat 2 peruntukan yang dihasratkan untuk memperkasakan belia-belia di Negara Brunei Darussalam dalam konteks untuk mendisiplinkan, memberikan kemahiran dan menanamkan jati diri di samping menanamkan semangat keusahawanan dan kemasyarakatan. Yang ketaranya ialah peruntukan sebanyak \$2 juta yang diberikan bagi Program Khidmat Bakti Negara dan kedua ialah peruntukan sebanyak \$1 juta bagi Program Belia Berdikari.

Mengenai dengan kedua-dua program itu telahpun saya jelaskan dalam mukadimah yang telahpun diberikan bahkan matlamat dan tujuannya barangkali tidaklah perlu saya nyatakan ataupun mengulangi lagi apakah bentuk Program Khidmat Bakti Negara dan Belia Berdikari.

Di samping itu juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merancang dan melaksanakan berbagai bentuk program untuk belia-belia. Diantaranya ialah Program Belia

Cinta Negara, Cabaran Belia dan juga ke arah menjenamakan semula Pusat Belia di Negara Brunei Darussalam iaitu di Bandar Seri Begawan ke arah menjadikannya sebagai pusat kegiatan belia-belie di Negara ini dalam mengungkapkahkan perkara-perkara yang berkebijakan dan mendatangkan manfaat kepada belia-belie sendiri di samping untuk menggunakannya sebagai tempat belia untuk meningkatkan keusahawanan dan kerja-kerja kemasyarakatan mereka. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mula-mula saya hanya mengalu-alukan dan mengucapkan berbilang terima kasih atas penyampaian mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga baru sebentar tadi.

Memang dengan terlaksananya dan kesiapan projek-projerk Rancangan Kemajuan Negara telah banyak membawa kemakmuran yang dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Aspek yang saya ingin nyatakan ialah mengenai aspek pelaksanaan. Saya terlebih dahulu sukacita merujuk kepada *directive number 2, local business framework for the oil and gas industry* di mana terdapat pendekatan mengenai *Local Business Development Framework* dan yang kedua *Local content opportunity framing* iaitu usaha kerajaan

melalui Jabatan Tenaga untuk membantu pembangunan yang berdaya tahan bagi keupayaan, kebolehan, kemahiran dan daya saing bagi kontraktor dan pembekal tempatan dalam mendukung industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam. Atas usaha ini saya berbilang-banyak mengucapkan tahniah kepada Jabatan Tenaga kerana giat melaksanakannya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ini termasuk yang ke-50 tahun. Di sini saya cadangkan supaya prinsip-prinsip seperti yang terdapat dalam *directive 2* ini juga diselaraskan dalam pelaksanaan projek-projek RKN Ke-10 iaitu pendekatan secara terarah dan *berstructure* untuk meningkatkan lagi perusahaan tempatan. Pada pandangan saya, penyelarasan seperti ini akan dapat membantu Negara dalam membangun Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mengurangkan pengangguran, menaik-taraf pengusaha dan peniaga Bumiputera, dan kebetulan juga Yang Berhormat Menteri Tenaga yang membentangkan Tajuk ini. Kita percaya pemikiran yang bernas bolehlah dibuat mengenai cadangan ini.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah penggunaan kaedah (PPP) dalam pelaksanaan Projek Rancangan Kemajuan Negara iaitu seperti yang pernah saya timbulkan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan, Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas. Soalan saya ialah, adakah perkembangan atau pendekatan baru bagi membolehkan kaedah ini di dalam pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara 2013/2014 saya timbulkan beberapa isu dalam Tajuk ini. Pada muka surat 8, dalam Sektor 1003 - Perikanan, 006 – Pengurusan Persekitaran dan Ekosistem Marin iaitu gelaran 001, Meningkatkan Penghasilan Nelayan Tradisional Fasa 2 dengan Peruntukan 2013/2014 berjumlah \$210 ribu. Dalam perkara ini soalan saya, nelayan tradisional yang bagaimana atau kawasan manakah yang dimaksudkan dalam peruntukan ini? Kemudian dalam muka surat 10, Sektor 1004 - Kemajuan Perusahaan, gelaran 006 – Agro Teknologi Park dengan Peruntukan 2013/2014 berjumlah \$14 juta. Soalan saya dimanakah projek ini dilaksanakan?

Kemudian dalam muka surat 15, dalam Sektor 006 gelaran Pusat Tingkatan Enam, 001-Tutong dengan Peruntukan 2013/2014 berjumlah \$480 ribu, apa yang diketahui, bahawa Pusat Tingkatan Enam Tutong telah siap dan telah digunakan, soalan saya, untuk apakah lagi peruntukan yang diberikan bagi 2013/2014. Manakala muka surat 21 dalam Sektor 1007, gelaran Jalan Raya, 009-Jejambat Di Persimpangan Lebuhraya, 002-Persimpangan Lebuhraya Telisai, Tutong/Jalan Sengkarai dengan Peruntukan \$50 ribu dalam RKN ke 10 bagi kerja-kerja awal. Soalan saya, adakah ianya termasuk jejambat Persimpangan Lebuhraya Tanjung Maya?

Dalam muka surat 40, Sektor 1016, gelaran Kebersihan 015 Kampung Telisai dengan Peruntukan 2013/2014 berjumlah \$1,300,000.00. Adakah peruntukan ini termasuk pembinaan dan pemindahan pembuangan sampah yang berdekatan Gerai Telisai sekarang, kerana ianya tidak sesuai lagi tempatnya berhampiran dengan tempat makan.

Akhirnya muka surat 56, dalam Sektor 1021 gelaran Hal Ehwal Ugama, 010-Kampung Ukong dengan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 berjumlah \$1,050,000,000 (Satu Bilion Lima Puluh Juta Ringgit), Saya mencadangkan supaya Masjid Kampung Rambai dapat dimasukkan juga dalam perancangan dimasa akan datang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi dalam Tajuk ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga kerana telah mempunyai kesedaran yang tinggi betapa pentingnya rakyat dan penduduk Negara ini bergiat aktif dalam usaha membangun Negara.

Perkara ini saya timbulkan kerana Yang Berhormat Menteri Tenaga telah berjaya memberikan peluang sepenuhnya kepada anak-anak tempatan menceburi bidang industri minyak dan gas. Yang saya paling kagumi yang kesedaran ini telah dirungkai lebih kurang 100 tahun selepas industri minyak berjalan di Negara Brunei Darussalam. Apa yang ingin saya tanyakan, berapa peratuskah anak

tempatan memegang jawatan penting dalam industri minyak dan gas?

Yang kedua, ada beberapa buah syarikat telah diberikan peluang dan amanah untuk melatih anak-anak tempatan untuk disalurkan kepada industri minyak dan gas? Adakah pihak kerajaan memberikan model kepada syarikat berkenaan? Saya penuh yakin usaha ini adalah usaha murni bagi meningkatkan *capacity building* untuk pembangunan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya cuma ingin tahu mengenai dengan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Negara dalam Sektor 1006 - Pendidikan, bilangan 22 iaitu Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan, Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 berjumlah \$50 ribu.

Kemudian Anggaran Perbelanjaan 2012/2013 berjumlah \$36,765.00 (Tiga puluh enam ribu tujuh ratus enam puluh lima ringgit). Saya ingin mengetahui dimanakah letak Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan, Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait ini dicadangkan? Yang saya tahu hanya Sekolah Ugama Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait sahaja. Sekolah rendah ini saya tidak nampak di mana kedudukannya. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Yang Berhormat Menteri-Menteri lain yang berkenaan untuk

mengulas soalan-soalan yang telah dikemukakan itu.

Yang Berhormat Menteri Tenaga:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bagi saya barangkali ada dua soalan, yang pertama dari Yang Berhormat Tuan Haji Zulkifli bin Haji Abdul Hamid dan satu lagi barangkali dari Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim dan pada kedua-dua Yang Berhormat ini, kaola berterima kasih atas apa jua cadangan dan penghargaan dari kedua pihak ini. Memang diakui industri minyak dan gas di Brunei ini sudah 80 tahun dan memang diakui selama ini impaknya kepada perekonomian negara, terutama sekali dalam *services industry* amatlah minima. Kalau hendak dilihat Shell membelanjakan *tender award* setahun dalam \$3 ke \$4 billion yang *spin off* nya arah kita mungkin kurang dari 10%.

Dengan LBD 1 dan LBD 2 yang kaola telah terbitkan ini dengan sendirinya memastikan bahawa *service industry* ini *at least* akan dikuasai oleh perusahaan-perusahaan tempatan dan akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini, sekurang-kurangnya dalam 70% dan ini setentunya akan menambah lagi peluang pekerjaan dan akan mengurangkan lagi pengangguran di Negara Brunei Darussalam. Prinsip-prinsip ini mungkin dapat jua dilaksanakan dengan projek-projek lain di Negara Brunei Darussalam seperti cadangan yang baik dari Yang Berhormat tadi dan baik jua barangkali kita melihat kesesuaiannya di dalam industri-industri lain. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Jumat bin Akim tentang jawatan

penting dalam industri minyak dan gas di Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad lebih kurang sudah hampir 80% anak tempatan kita yang menjawat jawatan penting. Memang ada satu jawatan itu masih lagi bergantung kepada orang luar atas sebab-sebab tertentu. Perlu jua diingat di sini anak-anak tempatan Brunei yang bekerja di luar negeri di dalam *post* yang *senior* pun banyak, masa ini sahaja yang bertugas di Holland, baru-baru ini kaola berkesempatan melawat mereka melebihi daripada 10 orang. Pada masa ini dalam 30 ke 40 orang bekerja di negara-negara *Middle East* yang berhenti dari LNG dan bekerja di Qatar.

Bererti sistem kita mendidik mereka baik semasa di Syarikat Shell ataupun di Syarikat LNG itu bererti efektif dan mereka ini *marketable* boleh dipasarkan di Antarabangsa, di *Middle East* atau di mana-mana. Jadi apa yang akan abiskaola buat sehubungan dengan ini ialah untuk menentukan setiap penuntut, setiap *technical training* di Brunei ini akan dipastikan ia dapat memenuhi keperluan untuk bekerja di Shell ini dalam menyediakan *the right workforce for the right job*. Setiap sekolah-sekolah teknikal di Negara Brunei Darussalam ini akan dapat mengeluarkan pekerja-pekerja khas untuk keperluan negara di dalam sektor minyak dan gas. Itu yang utamanya. Tentang adakah diberikan modal bagi perkara ini? sebenarnya tidak diberikan modal tetapi kebanyakan kursus yang dikendalikan oleh mereka dibiayai oleh kerajaan melalui skim daripada Jabatan Kemajuan Ekonomi, *Initial Training* untuk industri kebanyakan kursus-kursus ini boleh dibiayai oleh kerajaan dan sistem kita lagi boleh dibuat dalam *Tax Rebate*. Kementerian Kewangan salah satu inisiatif

untuk menggalakkan melatih orang tempatan ialah supaya diadakan *Tax Rebate* untuk *cost* bagi melatih anak-anak tempatan. Kalau dilihat di sana sudah kerajaan mengadakan *Tax Incentive* yang begitu baik untuk menjana dan melahirkan pekerja-pekerja *workforce* yang sesuai untuk minyak dan gas.

Akhirnya saya ingin menekankan di sini, satu, apa yang dipanggil *frame work* tentang *competency* di Bahagian Tenaga sedang dalam penyiapan dan insya-Allah akan siap dalam bulan April dan Jun ini. Insya-Allah dengan adanya *competency framework* ini akan dapat lagi memastikan latihan orang kita itu akan bersesuaian dengan bidang pekerjaan yang akan mereka tempuhi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Silakan Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya akan menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkara yang ditimbulkan dalam Sektor 1003 - Meningkatkan Penghasilan Nelayan Tradisional.

Yang dimaksudkan dengan nelayan tradisional itu adalah nelayan-nelayan yang berusaha secara kecil-kecilan bukannya yang menggunakan kapal yang besar. Peruntukan itu adalah untuk meningkatkan penghasilan mereka dengan menyiapkan perkara-perkara seperti peti-peti sejuk dan juga tray-tray

bagi menangani keadaan ikan selepas tuai supaya ia lebih berhasil dan lebih baik dan juga sebelum itu ada seorang pakar telah pun didapatkan untuk menolong dalam meningkatkan hasil pengeluaran nelayan-nelayan tradisional.

Mengenai dengan *Agro Technology Park* yang ditimbulkan dalam Sektor 1004, letaknya adalah di kawasan Kampung Tungku iaitu tempat asal Mc Farm dulu, sebab Mc Farm sudah mengosongkan kawasan itu seluas 500 hektar. Jadi dalam 500 hektar itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah merancang untuk menukarkannya akan menjadikannya *Agro Technology Park*. Peruntukannya adalah sejumlah \$116 juta, peruntukan Rancangan Kemajuan Negara dan masa ini telah pun siap membentuk *infrastructure* tetapi belum penuh. Perbelanjaan tahun lepas adalah \$10 juta dan tahun ini akan dipohonkan lagi dalam \$14 juta. Itu saja yang dapat saya terangkan mengenai perkara yang ditimbulkan. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Izinkan saya cuma akan menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai dengan 2 perkara:

1) Sektor 1007 - mengenai dengan persimpangan Lebuhraya Tutong, Telisai, Jalan Sengkarai iaitu kajian tanah dan kerja-kerja awal sama ada

termasuk Projek Tanjung Maya. Yang sebenarnya Projek Tanjung Maya tersebut tidak termasuk dalam Tajuk peruntukan pada masa ini tetapi projek ini sudah difikirkan untuk akan dilaksanakan dan itu adalah sebagai penjelasan sahaja.

2) Mengenai tempat pembuangan sampah di kawasan Telisai yang berdekatan dengan tamu jualan makanan sama ada dalam pemerhatian pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE). Walaupun dalam Tajuk ini belum ada usaha untuk memindahkan tempat pembuangan sampah tersebut, perkara ini akan dapat dipindah dengan adanya kerjasama daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung nanti dan akan diusahakan untuk mencari tapak yang baru jika tapak yang ada sekarang tidak sesuai untuk berada di situ.

Ada persoalan juga tadi mengenai Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tutong yang menyatakan sebahagian peruntukan tersebut ada dinyatakan dalam Tajuk Kemajuan ini. Yang sebenarnya, Peruntukan Kewangan tersebut adalah baki untuk pembayaran *retention*, yang mesti masih disimpan dalam Tajuk Kemajuan itu. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi yang lain? Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kalau saya tidak silap dengar tadi, ada juga ditimbulkan mengenai Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji

Ramli bin Haji Lahit supaya dibangunkan sebuah masjid di Kampung Rambai pada masa akan datang.

Pada masa-masa yang sudah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah meneliti perkara ini dan nampaknya belum ada keperluan yang tinggi untuk membangun masjid di sana. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diteliti lagi dengan sebaik-baiknya pada masa akan datang dan insya-Allah, dengan kerjasama Yang Berhormat jua. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk SP01A - Kemajuan diundi. Yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis II: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2013/2014 dan akan berkuat kuasa mulai pada **1 April 2013**. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju gelaran pendek dan tarikh permulaan berkuat kuasa Akta ini diluluskan? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Bab 1 iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah selesailah sudah perbincangan di Peringkat Jawatankuasa dalam membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014. Sekarang kita beralih untuk bersidang Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang di Majlis Mesyuarat Negara.

Sebentar tadi, perbincangan di peringkat Jawatankuasa telah meluluskan semua Tajuk dan dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat hadir pada hari ini kerana bertugas atas urusan rasmi di luar negeri, saya telah difahamkan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Tenaga:
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) ingin memberitahu bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013 / 2014, Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu"**, telah dipertimbangkan dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan. Saya memohon izin untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Siapa akan menyokong?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Tenaga. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Alhamdulillah, Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan itu telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain menyokong cadangan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Oleh kerana semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju maka Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 diluluskan. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan untuk memperuntukkan wang tersebut bagi maksud-maksud tertentu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telahpun meluluskan Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014. Sekarang kita beralih ke Perkara VIII.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Perkara VIII, Ketetapan 82 iaitu ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Wang Kemajuan (Penggali 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga sebagai mewakili Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Tenaga:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Kewangan memohon izin untuk berdiri dan mensyorkan "Ketetapan yang mana akan memperuntukkan bagi belanjawan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 di bawah Akaun SP01 dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2013/2014 terdapat peruntukan sejumlah \$1,050,000.00 (satu billion lima puluh juta ringgit) dipohonkan supaya dipindahkan kepada Kumpulanwang Kemajuan".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, butir-butir perbelanjaan kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No. 2 Tahun 2013.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telahpun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telahpun diluluskan tiada pindaan disarankan. Maka saya sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangan.

Dari itu, saya sukacita mensyorkan supaya majlis ini menetapkan menurut Bab 4 (2) Undang-Undang Dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136) supaya perbelanjaan \$1,050,000.00 (satu billion

lima puluh juta ringgit) itu dibenarkan untuk diperuntukkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud yang dinyatakan di dalam Anggaran-Anggaran Perbelanjaan pada Tahun Kewangan 2013/2014 yang terbentang sebagai kertas No. 2 Tahun 2013. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telah mengemukakan sebuah ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136) Negara Brunei Darussalam dan usul ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua peruntukan wang kemajuan ini telah pun diluluskan dalam Persidangan Jawatankuasa. Oleh yang demikian perkara ini tidak payah dibahaskan. Siapa yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli bersetuju mengangkat tangan)

Ketetapan diluluskan.**Yang Dimuliakan Jurutulis I:**

Ketetapan yang kedua iaitu Bilangan 8 (I) Ketetapan Yang Di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Kesihatan bagi mewakili Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan saya menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebanyak 34 Perintah yang disenaraikan telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sebahagian dari Perintah-Perintah ini sudahpun berjalan pada Tahun 2012 yang lalu dan sebahagian lagi mula berjalan pada tahun ini. Kesemua Perintah telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Perintah-perintah ini telah diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ianya berjalan dengan teratur.

Oleh kerana Perintah-Perintah ini telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka saya berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan adalah

seperti terdapat dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2013.

Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan ketetapan yang berbunyi, "**Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas Bil. 1 Tahun 2013 adalah masing-masing melalui dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan**". Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya menyokong akan cadangan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telahpun mengemukakan **Sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam** dan Usul ini telah mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi bahawa kebanyakan atau pun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1 Tahun 2013 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagiannya telah pun berjalan dan berkuat kuasa. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibahaskan. Siapa yang bersetuju angkat tangan.

(Semua Ahli bersetuju mengangkat tangan)

Ketetapan diluluskan.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada hari Selasa, 26 Mac 2013, jam 9.30 pagi. Sekian, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 14 Jamadilawal 1434 / 26 Mac 2013****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas Urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan yang Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini iaitu bagi hari yang kelima belas didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala

Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini bagi hari yang kelima belas. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, semalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014. Yang kedua Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggali 136). Maka sekarang kita beralih kepada susunan kerja seterusnya. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Perkara yang ke V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Soalan bilangan 1 daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada masa ini tidak dapat hadir kerana berada di luar negeri atas urusan rasmi. Adakah wakil Menteri Pendidikan mahu menjawab soalan-soalan berkenaan Kementerian tersebut? Jika tidak ada, maka jawapan-jawapan terhadap Soalan-Soalan Yang Diberi Notis akan diberikan secara bertulis melalui Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

dan akan disampaikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kemudian nanti. Sekarang kita beralih terus kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Silakan Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Soalan bilangan ke-1 hingga bilangan ke-11 akan dijawab dengan secara bertulis. Soalan bilangan ke-12 oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekiranya ada di antara soalan-soalan itu sudahpun diliputi dalam mukadimah atau penjelasan-penjelasan yang diberikan sepanjang merundingkan Kementerian yang berkenaan, tidaklah perlu dijawab secara satu persatu, terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, izinkan kaola menyampaikan soalan kaola dalam sesi ini.

Bandar Seri Begawan sebagai ibu negara dari aspek fizikal dan infrastrukturnya adalah kawasan paling penting bagi mencerminkan pencapaian negara ke arah Wawasan Negara 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang mempunyai taraf kehidupan yang tinggi dan penyiapan Pelan Induk 2011 bagi Bandar Seri Begawan adalah disambut baik.

Dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Ke-8, telah dimaklumkan beberapa

Komiti Petugas atau *TaskForce* telah ditubuhkan untuk mengkaji Pelan Induk berkenaan, dan adalah difahami antara komiti petugas yang ditubuhkan ialah *Riverbank Regional Corridor TaskForce, Integrated Public Transportation System (IPTS), Component Frame Way, Kampong Ayer Revitalization TaskForce* dan *Central Business District (CBD) Commercial Centre Revitalization TaskForce*.

Soalan kaola ialah:

- a) Apakah perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh komiti-komiti berkenaan?
- b) Apakah kemajuan dan tindakan yang lain yang telah diambil dalam mengimplementasi Pelan Induk Bandar Seri Begawan ini?
- c) Adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan agensi khusus atau *specific authority* yang mempunyai bidang kuasa undang-undang dalam menyelaras dan melaksanakan pelan induk berkenaan?
- d) Apakah usaha yang telah dibuat bagi memastikan agensi yang menyelaras pelan induk berkenaan mempunyai tenaga manusia profesional (seperti dalam perancangan bandar, senibina dan kejuruteraan) yang cukup dan terlatih untuk menerajui pelaksanaan Pelan Induk tersebut?
- e) Apakah perancangan dan pemantauan bagi memastikan pelaburan yang penting seperti memperkembangkan infrastruktur fizikal dan rangkaian-rangkaian perkhidmatan sudah dibuat dan bilakah ia akan dilaksanakan?

f) Adakah pelabur-pelabur dan mereka berkepentingan dari pihak swasta juga dilibatkan dalam pelaksanaan pelan induk berkenaan?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Bandar Seri Begawan pada masa ini memang mengalami pembangunan yang pesat iaitu sesuai dengan statusnya sebagai Pusat Pentadbiran Negara, Pusat Aktiviti Ekonomi termasuk perbankan, pusat komersial dan juga menjadi tumpuan pelancong.

Pada pendapat kaola pada masa ini ada terdapat beberapa tanda awal seperti kesesakan jalan raya, penggunaan kawasan yang tidak optima yang boleh menjejaskan usaha Negara dalam mempertingkatkan kemampuan atau *sustainability* Bandar Seri Begawan untuk diakui sebagai sebuah Negara yang mempunyai taraf hidup yang tinggi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Wassalamu 'Ala Manittaba'el Huda. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan dengan ingatan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sebentar tadi, supaya jawapan-jawapan sekiranya ada yang sudah diliputi dalam perbincangan sekitar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tidak lagi perlu disebutkan di sini.

Sepanjang ingatan kaola, ada enam soalan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, Ahli Yang Dilantik dari kalangan Orang Yang Mencapai Kecemerlangan, belum ada yang disentuh

dalam sepanjang perbincangan mengenai Jabatan Bandaran ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri secara umumnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jadi kaola meminta izin untuk menjawab satu persatu.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid dan ingin menyatakan bahawa kaola bersetuju dengan mukadimah Yang Berhormat bahawa ibu Negara dari aspek fizikal dan infrastukturnya memanglah satu kawasan yang paling penting. Cuma kaola ingin menambah lagi iaitu kepentingannya itu bukan sahaja bagi mencerminkan pencapaian Negara ke arah Wawasan Negara 2035, bahkan juga yang paling penting, untuk melambangkan sifat dan watak Negara, Kerajaan dan rakyatnya di bawah pemerintahan Melayu Islam Beraja yang kuat dipengaruhi oleh ajaran Islam dan beradat istiadat sesuai dengan Permasyhuran Kemerdekaan, iaitu akan untuk selama-lamanya menjadi Negara Melayu Islam Beraja. Maka pelaksanaan Pelan Induk Bandar Seri Begawan 2011 itu sudah tentu yang disepakati menjadi sebagai peta jalan Pembangunannya itu, hendaklah mengambil kira realiti sosial dan politik Brunei.

Soalan yang pertama, kaola ingin menjelaskan memang betul sudah ada 4 Komiti Petugas ditubuhkan bagi membantu pelaksanaan empat projek pemangkin (*catalyst project*) yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Bandar Seri Begawan sebagaimana yang disebutkan itu. Ke empat-empat projek pemangkin itu melibatkan beberapa kementerian dan jabatan sebagai *stakeholder*, kerana itu masing-masing komiti yang menjadi tugasnya adalah terdiri daripada

pegawai-pegawai kanan kementerian dan jabatan dengan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian berkenaan.

Setakat ini belumlah ketara kemajuan yang dicapai oleh ke empat-empat komiti berkenaan. Ini kaola akui. Walau bagaimanapun semua komiti telah merumuskan terma rujukannya yang seragam yang standard iaitu menggariskan pengendalian dan pelaksanaan cadangan-cadangan dalam Pelan Induk dan mengenal pasti pelaksanaan dan pembiayaan projek-projek .

Dari segi terma rujukan komiti-komiti misalnya ialah;

- 1) Memilih komponen projek mengikut keutamaan;
- 2) Menetapkan skop dan kandungan projek;
- 3) Menyelaraskan dan menyesuaikan komponen projek dengan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara dari segi skop, reka bentuk dan lokasi. Ini penting untuk diingat dan;
- 4) Menetapkan agensi pelaksana.

Sementara tempoh-tempoh pengendalian dan pelaksanaan cadangan dalam Pelan Induk pula telah digariskan dalam tiga jangka waktu iaitu jangka masa pendek 1 ke 5 tahun, jangka masa sederhana 5 ke 10 tahun dan seterusnya jangka masa panjang 10 tahun ke atas.

Demikian juga pembiayaan projek-projek yang dikenal pasti telah dicadangkan melalui empat cara iaitu;

- 1) Peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang dipohonkan oleh agensi-agensinya pelaksana;
- 2) Peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang dipohonkan oleh Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi projek yang boleh menjana ekonomi bandar;
- 3) *Public-Private Partnership (PPP)*; dan
- 4) Usahasama antara pihak Kerajaan dan pihak sektor swasta.

Bagi soalan yang kedua, apakah kemajuan dan tindakan lain yang telah diambil dalam mengimplementasikan Pelan Induk Bandar Seri Begawan ini?

Kaola ingin menyatakan di sini bahawa setakat ini kemajuan dan tindakan lain dalam mengimplementasikan Pelan Induk masih dalam peringkat perundingan dan perbincangan, seperti halnya cadangan menjadikan Kampong Ayer sebagai Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*).

Cadangan ini perlu penelitian dengan memahami konsep *World Heritage Site* itu dan impaknya kepada cadangan dalam projek pemangkin iaitu Revitalisasi Kampong Ayer. Bagaimanapun satu Bengkel Prosedur Pencalonan Warisan Dunia telah diadakan dengan mengundang pakar dari *UNESCO*. Menurut penelitian awal, Kampong Ayer dijangka dapat memenuhi dua dari sepuluh kriteria yang digariskan oleh *UNESCO* untuk layak diiktiraf sebagai warisan budaya (*living culture*), iaitu kehidupan yang menggambarkan peradaban Brunei silam dan satu lagi, sebagai permukiman tradisional yang sudah lama wujud sejak beratus tahun.

Mengenai Revitalisasi Kampung Ayer ini, boleh dikatakan bahawa pembinaan 65 buah rumah di tapak lapang di Kampung Lurong Sikuna dan sekitarnya yang telah siap dan sudah berpenghuni pada tahun lepas itu dengan sendirinya memangkin cadangan Revitalisasi Kampung Ayer dalam Pelan Induk Bandar Seri Begawan itu. Perumahan moden yang diinisiatifkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu telah juga menyebabkan penyediaan keperluan dan kemudahan bukan sahaja signifikan bagi pembangunan bekalan elektrik dan air paip yang memang sudah sedia dibekalkan ke Kampung Ayer bahkan yang sangat penting ialah penyediaan dan pembinaan kumbahan, iaitu suatu yang signifikan bagi pembangunan Kampung Ayer, seterusnya sesuai dengan cadangan Revitalisasi Kampung Ayer dalam Pelan Induk itu.

Selain itu dapat pula disebutkan bahawa bahagian yang penting dalam mengimplementasikan Pelan Induk Bandar Seri Begawan ialah memastikan kemajuan dalam kawasan perbandaran Bandar Seri Begawan dilaksanakan secara teratur, terkawal dan terarah. Maka pada bulan Mac 2011 Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, telah memperkenalkan prosedur baru yang mengkehendaki perancangan dan pemajuan tanah dalam kawasan perbandaran hendaklah terlebih dahulu mendapat pengesahan zoning secara rasmi daripada Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan sebelum membuat permohonan membina bangunan atau kerja tanah.

Dan seterusnya sebagai mengimplementasikan Pelan Induk itu juga, langkah-langkah memohon Pewartaan Tanah bagi tapak-tapak projek yang dicadangkan. Dalam hal ini sudah kedapatan ada di antara tapak yang dicadangkan bagi projek dalam Pelan Induk itu tidak dapat diberikan kerana tanah berkenaan sebenarnya telah lama diperuntukkan bagi projek lain. Maka diputuskan supaya semua *stakeholders* yang terlibat perlu lagi berunding.

Selain itu, terdapat tapak-tapak tanah yang memerlukan *reparcel* dan *readjust* di kawasan-kawasan yang terlibat. Kerana itu, Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan bersama dengan Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan telah dan sedang meneliti tapak-tapak yang terlibat. Sebagai contohnya ialah Skim *Land Readjustment* bagi kawasan Kiulap Fasa 4 telah pun dibuat pengukurannya, dengan itu membolehkan semua tanah dimajukan dengan mempunyai jalan akses yang menghubungkan tanah-tanah berkenaan kepada jalan-jalan utama akan dibina. Sebagai contoh, ada tanah-tanah yang telah dimajukan di Kampung Kiulap pada masa ini tidak mempunyai jalan yang teratur, maka dengan skim '*Land Readjustment*' ini ianya akan mempunyai jalan yang teratur.

Satu perkara lagi ialah langkah menyediakan *Action Area Plan* oleh Jabatan Kerja Raya melalui Jabatan Perkhidmatan Teknikal. *Action Area Plan* ini, akan digunakan sebagai panduan bagi kemajuan kawasan persekitaran Pasar Gadong.

Sementara bagi memajukan kawasan Pusat Bandar di mana terdapat deretan kedai-kedai lama di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan Jalan Pemancha, perjumpaan telah dibuat dengan pemilik-pemiliknya yang bertujuan menjelaskan kemajuan dalam Pelan Induk yang melibatkan mereka. Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan ingin mengetahui perancangan pemilik-pemilik berkenaan sambil untuk memahami permasalahan mereka dalam memajukan tapak bangunan kedai iaitu menjadi *high rise commercial complex* seperti yang dicadangkan dalam *Master plan* itu.

Itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua di antara kemajuan dan tindakan yang diambil dalam mengimplementasikan Pelan Induk, Bandar Seri Begawan setakat ini. Kaola memohon maaf untuk meneruskan jawapan ini, kerana jawapan soalan-soalannya panjang sampai enam jadi kaola masuk soalan yang ketiga.

Jawapan kaola yang ketiga mengenai adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan agensi khusus atau *specific authority* dan mempunyai bidang kuasa undang-undang dalam menyelaraskan dan melaksanakan Pelan Induk berkenaan. Kaola ingin menyatakan sebenarnya dalam Pelan Induk itu ada menggariskan beberapa opsyen penstrukturan semula Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan untuk menjadi pihak berkuasa yang mempunyai autoriti undang-undang untuk menyelaras dan melaksanakan Pelan Induk. Bagaimanapun setakat ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersikap terbuka untuk melihat opsyen-opsyen lain, termasuklah jika ada saranan dan pemikiran dari Dewan ini.

Pada masa ini, tugas dan tanggungjawab menyelaras dan melaksanakan Pelan Induk itu adalah ditangani dan dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan Perbandaran, Bandar Seri Begawan menerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Petugas Projek-Projek Pemangkin yang empat itu dan juga Jawatankuasa Teknikal di bawahnya.

Soalan bilangan 4 ialah, apakah usaha yang telah dibuat bagi memastikan agensi yang menyelaras Pelan Induk berkenaan mempunyai tenaga manusia profesional seperti dalam perancangan bandar, seni bina dan kejuruteraan yang cukup dan terlatih untuk menerajui pelaksanaan Pelan Induk tersebut?

Kaola ingin menjelaskan bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan sedang meneliti keperluan mendapatkan tenaga kerja profesional sepenuh masa di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau di Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan untuk membantu menyelaras pelaksanaan Pelan Induk.

Bagaimanapun, perlu difahamkan apa yang dilakukan pada masa ini bagi pelaksanaan Pelan Induk itu terdapat Pegawai Sumber yang profesional bagi setiap Jawatankuasa Petugas bagi empat projek pemangkin itu. Di samping itu, Jawatankuasa Teknikal di bawah Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan Perbandaran, Bandar Seri Begawan yang dianggotai oleh setiap Kementerian adalah terdiri daripada pegawai-pegawai profesional dalam bidang-bidang yang relevan.

Seterusnya, apakah perancangan dan pemantauan bagi memastikan pelaburan yang penting, seperti memperkembangkan infrastruktur fizikal dan rangkaian-rangkaian perkhidmatan sudah dibuat dan bilakah ia akan dilaksanakan?

Penjelasan kaola ialah, pelaksanaan pelbagai projek yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan adalah dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan. Projek-projek itu sekaligus adalah projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang perancangan serta pemantauannya dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan yang tertentu.

Misalnya, projek Kerja-Kerja Saliran Sungai Kedayan Fasa 5 iaitu *Flood Walls* bagi Kampung Mulaut dan Kampung Kiarong yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap dalam tahun depan adalah dirancang serta dipantau oleh Jabatan Saliran dan Pembentukan, Kementerian Pembangunan. Begitulah juga rancangan atau projek jalan raya dan jambatan di bawah RKN yang termasuk dalam cadangan perkembangan Bandar Seri Begawan di bawah Pelan Induk, tentulah dirancang dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, seperti pembinaan jalan dan jambatan penghubung Kampung Menglait dengan kawasan kompleks jabatan-jabatan Kerajaan.

Ada banyak lagi perkembangan infrastruktur dan rangkaian-rangkaian perkhidmatan yang sudah dirancang atau sedang dalam pelaksanaan atau sudah dalam peringkat tawaran atau sekurang-kurangnya dalam peringkat kajian kemungkinan. Semuanya ini ada

hubungan dengan Pelan Induk Bandar Seri Begawan. Misalnya pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Brunei ke kawasan Mukim Lumapas, *Improvement of Jalan Residency – fasa 2*, yang juga telah disebutkan oleh rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan baru-baru ini, iaitu melebarkan Jalan Residency hingga ke Jalan *Mc Arthur* dan pengubahsuaian persimpangan Jalan Subok. Projek-Projek sedemikian adalah termasuk dalam cadangan perkembangan perbandaran, Bandar Seri Begawan. Ada perancangannya, ada pemantaunya dan ada pelaksanaannya.

Yang terakhir, adakah pelabur-pelabur dan mereka yang berkepentingan dari pihak swasta juga dilibatkan dalam pelaksanaan Pelan Induk berkenaan?

Penjelasan kaola ialah, tentu sekali. Pelabur-Pelabur dan mereka yang berkepentingan pihak swasta adalah juga dilibatkan dalam pelaksanaan Pelan Induk Bandar Seri Begawan itu. Kita jangan lupa bahawa pembangunan dan perkembangan Bandar Seri Begawan dari dahulu sampai sekarang adalah dengan penyertaan pihak sektor swasta. Begitulah pembangunan dan perkembangannya di bawah Pelan Induk. Bagi pergerakan ke arah itu, telah pun diputuskan penubuhan Jawatankuasa Penyertaan Sektor Swasta dan *Public Private Partnership (PPP)* yang mana selain itu, perundingan-perundingan telah dibuat dengan agensi-agensi Kerajaan dalam bidang ekonomi bagi mengadakan prosedur (*PPP*) ini dan maklumat terakhir yang diperolehi dan dapat dikongsikan di sini ialah bahawa SOP bagi pelaksanaan kaedah PPP sedang dalam proses penyediaan.

Antara projek dalam Pelan Induk yang dikenal pasti melibatkan sektor swasta misalnya ialah *Boutique Hotel* dan Restoran di Kampong Ayer, dan *Class 'A' Office* di Pusat Bandar.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua penjelasan yang dapat kaola berikan kepada soalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kepada Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan bilangan ke-13 daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Konsep "Satu Kampung Satu Produk" berasal dari Negara Thailand iaitu "*One Tambon One Product*" dengan menggunakan sistem yang teratur dalam pengurusan dan pemasarannya. Program "Satu Kampung Satu Produk" diperkenalkan dan dikembangkan di negara ini oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2005. Program ini ialah bertujuan untuk memberikan insentif kepada anak-anak buah kampung di peringkat akar umbi supaya bergiat cergas dalam bidang perekonomian untuk menambah hasil pendapatan mereka. Di seluruh negara terdapat 38 buah

mukim dan 168 kampung dan di Daerah Tutong saja terdapat 8 buah mukim dan 38 buah kampung. Hanya 5 ke 8 buah kampung di Daerah Tutong yang bergiat melaksanakan program ini dan jika dilihat secara keseluruhannya keberhasilan program ini tidak menyerlah dan tidak dibanggakan.

Projek ini hendaklah diberikan suntikan baru seperti membentuk satu badan khusus di peringkat Kementerian khusus untuk mengendalikan Projek ini, mengadakan dana khas dan peruntukan sebanyak \$10,000.00 tiap-tiap satu mukim untuk digunakan sebagai modal kepada peniaga yang menjalankan program ini dan membentuk Agensi Pusat Pemasaran (*Central Marketing Agency*) bagi membantu mereka dalam pemasaran hasil-hasil yang diperolehi.

Saya ingin bertanya:

- i. Setakat ini berapa buah kampung yang terlibat sepenuh masa dalam mengendalikan projek ini dan adakah keberhasilannya sudah menembusi pasaran luar negeri?
- ii. Apakah program yang disediakan oleh Kementerian dalam membantu menjayakan program ini?
- iii. Selain memberi bantuan \$10,000.00 satu mukim, adakah lagi bantuan yang dihulurkan kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk ini?

Sekian Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang D-Pertua. Terima kasih

juga kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyarakat Negara Yang Dilantik Dari Kalangan Yang Mencapai Kecemerlangan. Kaola mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat itu dan kaola ingin menyatakan bahawa dari manapun asalnya, dari Thailand atau dari manapun, yang jelas di Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan konsep Satu Kampung Satu Produk menjadi Program Ekonomi Kemasyarakatan yang diusahakan oleh anak-anak kampung, mukim di peringkat akar umbi menerusi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Memang betul, bahawa ianya memberikan inisiatif kepada anak-anak kampung supaya mereka menghasilkan produk kampung berupa makanan dan minuman, kraftangan dan pembuatan, perkhidmatan dan pelancongan, pertanian, perikanan dan juga perubatan tradisional.

Adalah betul bahawa tidak semua mukim dan kampung telah menyertai program ini. Setakat ini baru terdapat 49 Majlis-Majlis Perundingan iaitu Majlis Perundingan Mukim dan 48 Majlis Perundingan Kampung yang ikut serta dengan sebanyak 62 pengusaha dan sejumlah 107 produk, yang mana pada awal tahun 2012 hanya ada 73 produk. Meningkatkan sebanyak 34 produk iaitu sekitar 38%.

Di Daerah Tutong sebenarnya sudah ada 10 Majlis Perundingan iaitu 1 Majlis Perundingan Mukim dan 9 Majlis Perundingan Kampung yang sedang bergiat, bukan hanya 5 ke 8 buah kampung sebagaimana yang dinyatakan. Daerah Temburong ada 12 produk, Daerah Belait ada 9 produk dan Daerah Brunei Muara ada 18 produk. Apakah hasil Program Satu Kampung Satu Produk sudah menyerlah? Dilihat

daripada jumlah produk sebanyak 107 produk oleh 49 Majlis Perundingan dengan 62 pengusaha dan peningkatannya sebanyak 36% dalam masa setahun, maka itu bererti bahawa pada keseluruhannya bilangan produk dan pengusaha melebihi bilangan Majlis-Majlis Perundingan yang melaksanakannya atau yang ikut serta. Dari sudut ini, ternyatalah bahawa ia sudah boleh dikira menyerlah. Namun dari sudut yang lain iaitu mutu produk pada keseluruhannya belumlah dapat kita akui sudah menyerlah. Kerana itu kita belum dapat mengetengahkannya ke pasaran luar negeri, kecuali ada sesetengahnya yang dibawa keluar negeri menerusi penyertaan mereka dalam ekspo-ekspo perdagangan dengan membawa produk-produk masing-masing.

Dari segi ini, kita dapat memahamkan inilah sebenarnya cabaran kepada pengusaha-pengusaha untuk meningkatkan mutu produk mereka. Dan cabaran juga kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengikhtikarkan bagaimana sebaik-baiknya mereka itu dapat dibantu, bukan sahaja bantuan kewangan dalam jumlah tertentu dan menubuhkan Pusat Pemasaran Produk di Bandar Seri Begawan seperti yang sedang dirundingkan, bahkan juga bantuan menerusi bimbingan dan nasihat iaitu bimbingan dan nasihat kepakaran bagi meningkatkan mutu produk. Kerana itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melantik pegawai *site staff* yang akan membimbing sambil akan mendatangkan pakar dari luar negeri seperti Thailand dan Jepun yang dari masa ke semasa akan memeriksa, menilai produk menurut kategorinya dan seterusnya memberi khidmat nasihat menerusi bengkel-bengkel dan seumpamanya.

Sementara dari segi kewangan yang diperuntukkan dalam Peruntukan Belanjaan 2013/2014 sebanyak \$750,000.00 iaitu tambahan sebanyak \$250,000.00 dari peruntukannya tahun lalu dalam Peruntukan Khas di bawah Tajuk Aktiviti Perekonomian Mukim dan Kampung. Kaola berpendapat tidak semestinya setiap pengusaha atau Majlis Perundingan diberikan sebanyak \$10,000.00 sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar itu tadi.

Kalau dilihat daripada peruntukan sebanyak \$750,000.00 dengan ada 38 mukim seluruh Negeri. Jika yang menyertai untuk menggalakkan ke setiap mukim sudah \$380,000.00 tetapi mukim dalam mukim ada beberapa buah kampung dan 168 buah kampung seluruh Negara. Ada \$1,680,000.00 pun tidak memadai. Caranya ialah dengan mengagihkan peruntukan itu melihat kepada kemungkinan-kemungkinan usaha ataupun perancangan yang dibuat kampung atau mukim yang berkenaan itu *viable* dan boleh dibantu. Maka di situlah cara pembahagiannya yang pratikal pada masa ini. Ia tergantung kepada kategori produk dan juga tingkat-tingkat keperluannya.

Sebenarnya, pada masa ini untuk menjelaskan lebih lanjut kepada soalan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar itu sudah terdapat bahagian khas di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengendalikan Program Satu Kampung Satu Produk. Insya-Allah bahagian berkenaan akan lebih berperanan apabila ada *site-staffnya* yang berpengalaman sebagaimana yang kaola sebutkan tadi

untuk membimbing pengusaha-pengusaha seperti yang sedang dalam proses pelantikannya itu. Demikian Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan bilangan ke-14, daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Shafiee bin Ahmad: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sepanjang tempoh 5 tahun yang lalu, Jabatan Daerah Kuala Belait telah membelanjakan kira-kira \$1 juta untuk memperbaiki dan memelihara jalan-jalan raya di pedalaman daerah tersebut. Namun sesetengah batang jalan raya masih dalam keadaan sukar dilalui terutamanya di musim hujan. Terdapat beberapa batang jalan tidak terpelihara atau langsung tidak dipelihara, sebabnya tidaklah diketahui. Ini menyulitkan penduduk-penduduk di kawasan tersebut untuk berurusan membawa hasil mahsul pertanian mereka ke pekan dan bandar. Dalam jangka panjang ianya akan merugikan dan sekaligus menggalakkan penduduk berhijrah ke kawasan bandar.

Soalan kaola;

- a) Oleh kerana keupayaan Pejabat Daerah Belait untuk mengendalikan pemeliharaan jalan-jalan raya tersebut, adakah perancangan Kementerian berkenaan untuk menyerahkan kerja-kerja menaik taraf dan memelihara

jalan kecil di Daerah Belait diambilalih oleh Kementerian Pembangunan, kerana Kementerian tersebut mempunyai kapasiti dan kepakaran yang mencukupi.

- b) Adakah dalam perancangan Kementerian berkenaan untuk mengkaji semula mengenai dasar pembinaan jalan raya di kawasan pedalaman di seluruh Negara supaya pemeliharannya diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya dan bukan lagi di bawah Jabatan Daerah di daerah-daerah berkenaan?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, wakil yang dilantik dari Daerah Belait - Zon 1.

Mengenai soalan 1, pada keseluruhannya soalan 1 dan 2, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana perhatian berat beliau mengenai hal ehwal jalan raya di pedalaman yang menurutnya terdapat kerosakan di sana sini, tidak dibaik pulih yangmana tidak diketahui apa sebabnya. Yang Berhormat itu dari penilaiannya, meragukan akan keupayaan Jabatan Daerah dalam memelihara jalan-jalan kecil di daerah-daerah itu. Lalu apakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada bercadang untuk menyerahkan pembuatan jalan-jalan kecil dan jalan-jalan raya di kampung-kampung dan di luar bandar kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui agensinya yang berkenaan.

Kaola menjelaskan bahawa memang tidak diragukan keupayaan teknikal dan profesional Jabatan-Jabatan Daerah bukan sahaja di Daerah Belait malah juga di seluruh daerah yang lain sangat terhad dalam erti kata untuk merancang, melaksanakan dan memelihara jalan-jalan kecil yang akan dibuat atau yang sudah ada bertaraf jalan kecil dan berfungsi sebagai jalan-jalan penghubung, khususnya bagi kampung-kampung di pedalaman dan jalan-jalan itu masih bertaraf jalan kecil.

Oleh kerana Jabatan Daerah tidak mempunyai keupayaan teknikal dan profesional sebagaimana Jabatan Kerja Raya dalam perkara jalan raya umpamanya, maka apabila jalan-jalan kecil itu ternyata berpotensi untuk dimajukan menjadi jalan raya maka sudah ada dasar yang dipakai bagi Jabatan-Jabatan Daerah menyerahkannya kepada Jabatan Kerja Raya yang mempunyai kapasiti atau keupayaan teknikal dan profesional untuk dinaik taraf. Setakat ini dasar itu masih boleh terpakai.

Yang kedua ialah adakah dalam perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengkaji semula mengenai dasar pembinaan jalan-jalan raya di kawasan pedalaman di seluruh Negara supaya pemeliharannya diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya.

Mungkin maksud Yang Berhormat itu, bukan sahaja pemeliharannya tetapi adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mahu menyerahkan pembuatan dan pemeliharaan jalan-jalan raya di kawasan luar bandar kepada Kementerian Pembangunan, itu mungkin yang dimaksudkan.

Adapun meletakkan pemeliharaan ataupun membuat jalan-jalan raya di kawasan pedalaman di seluruh Negara, oleh Jabatan Daerah kepada tanggungjawab Jabatan Kerja Raya itu bukan lagi tanggungjawab Jabatan Daerah maka perkara itu akan dikaji lagi. Kalau tidak silap kaola, Yang Berhormat Menteri Pembangunan serba sedikit sudah pun menjelaskan perkara ini iaitu walaupun *idea* ini merupakan yang baik, tinggal lagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah perlu mengetahui terlebih dahulu maklum balas daripada JKR dan Kementerian Pembangunan. Ia tidak boleh diputuskan secara satu pihak oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendirian.

Sejauh ini untuk makluman Dewan, kedua-dua pihak iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan agensi di Jabatan-Jabatan Daerah berkerjasama erat dalam menaik taraf jalan-jalan kecil di pedalaman dengan Kementerian Pembangunan yang mana agensinya iaitu Jabatan Kerja Raya di daerah-daerah. Misalnya bagi Daerah Belait ada sepanjang 54.35km jalan kecil yang sudah sepatutnya dinaik taraf, lebih sedikit separuh daripadanya iaitu 23.2km telah dicadangkan untuk dinaik taraf dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Pada keseluruhannya, tidak sampai 100km jalan kecil di kesemua daerah yang sudah patut dinaik taraf, hanya separuh daripadanya iaitu 46.41km sahaja yang dicadangkan untuk masuk ke dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10. Manakala yang selebihnya pula akan dirundingkan lagi ataupun akan dipelihara seterusnya oleh Jabatan Daerah. Insya-Allah tiap-tiap Jabatan berkenaan dalam Kerajaan akan terus memantau perkembangannya dan termasuklah menimbangkan saranan

daripada Yang Berhormat wakil Daerah Belait, Zon 1 itu tadi. Sekian Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan jawab mulut seterusnya iaitu soalan bilangan ke-15 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Di-Pertua. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah berkata antara lain "Kuat kuasa semua premis-premis, restoran, kedai makanan dan juga pembuatan makanan dan minuman dikehendaki untuk mendapatkan Sijil Halal dan juga Label Halal. Ia dimulai daripada 1 Januari tahun 2013 dan akan berakhir tempohnya, dalam pelaksanaan prosesnya itu memakan masa sehingga 1 Januari 2014".

Ada 3 tahun sebenarnya. Dalam tempoh-tempoh itu beberapa period yang diperuntukkan untuk pemegang-pemegang lesen yang ada. Yang penting juga dijelaskan di sini ialah keperluan untuk melihat sokongan undang-undang sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi. Memang disedari perkara ini dalam perundingan dengan pihak *stakeholder* yang lain iaitu terutama sekali dengan pihak Peguam Negara untuk menunduki sejauh mana dasar baharu ini memberikan implikasinya kepada peraturan dan

undang-undang yang sekarang ini. Kalau perlu, undang-undang itu perlu dipinda ataupun ditambah, diperkukuhkan dan kalau belum ada supaya diadakan. Jadi tempoh masa tiga tahun ini insya-Allah akan cukup untuk mengadakan sokongan-sokongan undang-undang apabila diperlukan.

Dari kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas, saya mempunyai fahaman bahawa pemberian Sijil Halal dan Lesen Rampaian akan digabungkan dalam satu akta, mungkin dalam Akta Bandaran dan Daerah. Akan tetapi jika dilihat dari keperluan mengeluarkan Sijil Halal ia ada bersangkutan paut dengan hukum syarak dan memerlukan ilmu pengetahuan dalam hukum hakam ugama Islam. Keperluan untuk mendapatkan Lesen Rampaian dan Sijil Halal adalah berbeza dan sepatutnya tidak disamakan kerana pengeluaran lesen seumpama ini dikawal oleh Akta Lesen Rampaian manakala pengeluaran Sijil Halal dikawal oleh Akta atau peraturan-peraturan yang lain di samping ianya juga memerlukan kepakaran bukan sahaja dari segi bahan makanan tetapi bahan-bahan campuran lain dan mengadakan mesin-mesin untuk mempercepatkan kerja-kerja persijilan.

Akta Lesen Rampaian yang diwartakan (*gazetted*) ada menyatakan tempoh lesen bersama caj-caj dikenakan mempunyai pilihan dari satu tahun hingga ke lima tahun. Yang Berhormat Menteri berkenaan juga menyatakan bahawa Lesen Rampaian hanya diberikan 6 bulan sementara menunggu pengeluaran Sijil Halal bagi pengusaha restoran dan syarikat-syarikat yang menjual makanan yang dimasak dan ia akan berakhir pada 31 Disember 2014. Lesen Rampaian akan

diberikan tempoh satu tahun sekiranya cukai bangunan belum dijelaskan dan tempoh satu tahun ke atas sekiranya Sijil Halal dan cukai bangunan dijelaskan serta "*Tenancy Agreement*" sah lebih setahun. Saya kurang faham berkenaan Lesen Rampaian hanya sah beroperasi 6 bulan sedangkan tidak ada dinyatakan dalam Warta Kerajaan. Tempoh untuk mengadakan Sijil Halal terlalu lama yang kadangkalanya mengambil masa lebih 6 bulan.

Saya ingin tahu:

- a) Adakah benar bahawa ianya akan disatukan dalam satu akta, dan jika benar apakah peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mengawal, mengetahui dan mempunyai pakar dalam bidang keagamaan?;
- b) Dengan disatukan dalam satu akta dengan pengawalan dan pemberian Sijil Halal adakah ia akan lebih berkesan?;
- c) Bagaimanakah caranya untuk mempercepatkan lagi proses pengeluaran Sijil Halal ini dengan tidak mengurangkan kehendak-kehendak dari segi hukum syarak?

Sekian terima kasih Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Alhamdulillah, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi di atas soalan-soalan yang diberikan yang mana mukadimahnyanya telah kita dengar dan ada tiga soalan. Soalan (a) dan (b) dapat saya jawab Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua,

manakala soalan (c) saya percaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan menjawabnya iaitu bagaimanakah caranya mempercepatkan lagi proses pengeluaran Sijil Halal ini dengan tidak mengurangkan kehendak-kehendak dari segi hukum syarak?

Dari segi soalan yang pertama dan kedua secara ringkas kalau dirangkumkan sebegini. Sijil Halal dan Label Halal adalah di bawah kuasa Majlis Ugama Islam dengan Akta yang tersendiri. Tidak ada rancangan, bahkan tidak ada keperluan untuk menyatukannya. Itulah dasar yang ada pada masa ini. Akta Lesen Rampaian dan peraturan-peraturan Lesen Rampaian adalah dalam bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui agensi-agensinya melesen iaitu Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Lembaga Bandaran.

Tidak ada usaha dan memang tidak perlu untuk menyatukannya ke dalam satu akta. Apa yang sedang dibuat mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2013 ialah mensyaratkan lesen-lesen rampaian sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi itu. Mensyaratkan sijil-sijil rampaian baru dan sijil-sijil rampaian yang lama untuk dibaharui bagi semua restoran umum, tempat makan dan minum iaitu termasuk premis membuat minuman, gerai, kantin dan seumpamanya hendaklah terlebih dahulu mempunyai Sijil Halal dan Label Halal daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Majlis Ugama Islam. Dasar ini dijangka memerlukan sokongan undang-undang, itu kenyataan saya pada tahun lepas dan setelah berunding dengan pihak Pejabat Peguam Negara, ianya hanya memerlukan sedikit pindaan ke atas Peraturan 7 di

bawah peraturan Lesen Rampaian bagi membolehkan penguasa lesen menetapkan tempoh sah sesuatu lesen yang dikeluarkan yakni tidak mesti setahun membawa 5 tahun ke atas, kurang daripada itu pun boleh.

Ada pun tempoh 6 bulan, bukan minimum setahun yang diperuntukkan oleh undang-undang, sebenarnya adalah bersifat kebenaran sementara secara pentadbiran sahaja yang bertujuan memberikan peluang kepada pemohon-pemohon lesen baharu atau yang membaharui lesen lamanya supaya sungguh-sungguh berusaha mendapatkan Sijil Halal dan Label Halal mana-mana yang berkenaan iaitu dalam tempoh 6 bulan itu. Ini secara pentadbiran Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Penguasa Lesen akan diminta memantau dalam tempoh 6 bulan, iaitu memantau dan menilai kesulitan pemohon-pemohon apabila mereka tidak menepati tempoh sementara 6 bulan itu. Ini perlu dipantau. Apakah mereka ada memohon? Ini persoalannya. Mereka memohon dan sedang menunggu kelulusan atau sengahaja tidak memohon. Inilah pemantauan dibuat iaitu dua perkara yang berbeza:

- 1) Memohon tetapi masih menunggu kelulusan; dan
- 2) Tidak atau sengahaja tidak memohon yang bererti tidak sedia memenuhi persyaratan untuk mendapatkan lesen rampaian dan dengan itu permohonan Lesen Rampaian mereka tidak akan diluluskan.

Sementara soalan Yang Berhormat mengenai bagaimana mempercepatkan prosesnya, kaola sudah nyatakan Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan menjelaskannya. Bagaimanapun untuk makluman Majlis dan juga kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bahawa ada 1,212 buah restoran umum iaitu termasuk untuk orang beragama Islam dan yang bukan beragama Islam yang dilesenkan setakat ini di seluruh Negara. Dari 1,212 buah itu, hanya 130 itu, sahaja yang telah menerima Sijil Halal dan Label Halal. Keterangannya seperti berikut:

- 1) Daerah Brunei dan Muara terdapat restoran umum untuk orang Islam sebanyak 376. Yang telah menerima atau mempunyai Sijil Halal dan Label Halal sebanyak 36 iaitu 9.6% sahaja;
- 2) Daerah Belait ada 29 restoran atau yang diberikan lesen restoran umum. Yang menerima Sijil Halal belum ada walau sebuah pun;
- 3) Daerah Tutong ada 83 restoran. Yang sudah mempunyai Sijil Halal sebanyak 7 buah, iaitu 8.4%;
- 4) Daerah Temburong ada 27 buah restoran. Di bawah lesen restoran umum cuma 5 saja yang sudah mempunyai Lesen Halal dan Sijil Halal iaitu 18.5%;
- 5) Bandar Seri Begawan 494 buah restoran umum. Cuma 69 buah saja yang sudah mempunyai Sijil Halal dan Label Halal iaitu sebanyak 14%;
- 6) Bandaran Kuala Belait 171 buah restoran umum. Hanya 11 yang sudah mempunyai Sijil Halal dan Label Halal iaitu 6.4%; dan

- 7) Manakala Bandaran Tutong ada 32 buah restoran. Cuma ada 2 iaitu 6.3% saja.

Jadi pada keseluruhannya dari 1,212 buah restoran hanya 130 saja yang mempunyai Sijil dan Label Halal iaitu lebih sedikit dari 10%. Dari maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Kawalan Makanan Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama cuma ada 410 pemohon Sijil Halal dan Label Halal. Ini termasuk bukan restoran umum dan hanya 150 Sijil Halal dan Label Halal yang dikeluarkan. Maknanya yang 20 itu tadi bukan restoran. Maka ternyata masih banyak yang belum memohon. Kaola ingin menasihatkan melalui Dewan ini supaya mereka perlu segera memohon

Dengan membuat permohonan pihak-pihak berkenaan di Lesen Rampaian akan dapat menilai apa permasalahan mereka. Lain halnya jika mereka tidak sama sekali memohon atau tiada niat untuk memohon Sijil Halal dan Label Halal yang mana itu boleh diertikan sebagai ketidakpatuhan kepada syarat-syarat Lesen Rampaian.

Apabila tidak sedia mematuhi syarat-syarat lesen, apa maknanya tu? Maknanya hendak berniaga tanpa lesen, jadi risikonya timbangkanlah.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk berehat selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula. Kita masih lagi membincangkan Perkara V: Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Ahli Majlis Mesyuarat Negara, di sini saya ingin menyatakan bahawa mengikut peraturan yang diamalkan sejak Perlembagaan Negara Brunei Darussalam mula diisytiharkan pada September 1959 yang menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri pada masa itu, soalan-soalan yang telah dikemukakan yang berkehendakkan jawapan lisan tidaklah dikehendaki untuk dibaca lagi oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang mengemukakan soalan itu. Memadailah apabila Jurutulis-Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara menyebut bilangan soalan-soalan dari siapa, Yang Berhormat yang berkenaan berdiri dan menarik perhatian Yang Di-Pertua Majlis dan kemudian duduk semula dan Menteri yang berkenaan akan terus menjawab soalnya supaya diketahui oleh orang ramai dan media kerana perkara perbincangan ini bukanlah perkara rahsia atau sulit. Soalan-soalan itu akan disebarkan oleh Jurutulis-Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara kepada media supaya media mengetahui jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu terhadap soalan apa. Peraturan ini akan saya kuatkuasakan mulai sekarang. Sekian terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Soalan seterusnya ialah soalan jawab mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain iaitu soalan bilangan 16 kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Cukai Bangunan di Kawasan Gadong. Dari sejak Kawasan Gadong telah dimasukkan ke dalam Kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan pada tahun 2009, bangunan-bangunan di kawasan tersebut telah pun dikenakan cukai bangunan (cukai pintu). Saya ingin tahu:

- a) Berapa banyakkah pendapatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dari cukai-cukai yang dikutip dari kawasan itu dalam setahun?; dan
- b) Adakah benar ada sebahagian daripada bangunan dan premis tertentu dikecualikan daripada pembayaran cukai?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, kaola memohon keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan dan memberikan jawapan kepada soalan yang ke-3 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Mengenai dengan Sijil Halal?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Kaola Pehin, mengenai dengan Sijil Halal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sebagaimana kita dengar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun memberikan penjelasan-penjelasan pada soalan (a) dan (b), dan kaola diminta untuk menjelaskan soalan bahagian (c) yang mana ada berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Soalan ini ialah bagaimana cara untuk mempercepatkan lagi proses pengeluaran Sijil Halal dengan tidak mengurangkan kehendak-kehendak dari segi hukum syarak. Nampaknya soalan ini terbit dari kerisauan kerana banyak premis-premis, pengusaha-pengusaha restoran tetapi banyak juga lagi yang belum mendapat Sijil Halal dan bagaimana caranya untuk mereka mendapat Sijil Halal dan bagaimana untuk dipercepatkan. Jadi inilah penerangan-penerangan kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana yang telah dimaklumi bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mensyaratkan Sijil Halal dan Label Halal di restoran awam, premis-premis membuat makanan dan minuman di Negara Brunei Darussalam mesti didapatkan sebelum dikeluarkan Lesen Rampaian yang akan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2014. Bermakna kalau mereka tidak mendapat Sijil Halal ini, restoran mereka tidak akan dapat dibuka dan tidak beroperasi. Ertinya kalau mereka benar-benar berhajat usahakanlah bersungguh-sungguh.

Kaola di sini ingin bercakap secara umum Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Laporan daripada Jabatan Hal Ehwal

Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa secara keseluruhannya dari tahun 2008 hingga 2012 jumlah borang yang diambil oleh pengusaha restoran, kedai-kedai makan dan premis membuat makanan dan minuman ialah sebanyak 1,737 borang. Dari jumlah itu hanya 517 borang sahaja yang dikembalikan kepada Bahagian Kawalan Makanan Halal untuk diproses. Ini bermakna ada kira-kira lebih 1,200 borang lagi yang belum dikembalikan.

Untuk memproses sejumlah 517 borang yang telah dikembalikan itu rasanya tiadalah menjadi masalah tetapi yang menjadi masalah besar ialah kiranya lebih 1,200 borang itu datang ke Bahagian Kawalan Makanan Halal dan meminta diuruskan dan meminta dikeluarkan Sijil Halal sedangkan kekuatan tenaga di Bahagian Kawalan Makanan Halal sangat-sangat terhad pada masa ini. Oleh itu, teknik mekanisme dan cara bekerja terpaksa diubah. Dari cara bekerja yang biasa kepada cara bekerja yang luar biasa.

Ke arah mempercepatkan proses pensijilan halal kepada premis-premis makanan tersebut, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama Bahagian Kawalan Makanan Halal telah mencari jalan bagi menuju sasaran itu. Beberapa langkah akan diambil di antaranya ialah:

- 1) Memperkemas prosedur pengurusan;
- 2) Menambah Pegawai Permakanan dan Sainifik;
- 3) Mengundang syarikat konsultan bagi mengendalikan permohonan Sijil Halal; dan

- 4) Melaksanakan konsep memucang-mucang dan lain-lain langkah yang difikirkan perlu.

Mengenai langkah pertama iaitu memperkemas prosedur pengurusan, langkah yang akan diambil ialah perlunya memperkasa kecekapan pegawai dan kakitangan yang ditugaskan menerima borang permohonan. Dalam mencapai perkara ini Pegawai Teknikal akan memberi kursus dan tunjuk ajar kepada petugas-petugas bagi memastikan borang dan dokumen yang diterima adalah lengkap.

Kedua ialah dengan membina kumpulan juruaudit berdasarkan keramaian pegawai teknikal. Daripada 5 buah kumpulan daripada pegawai-pegawai teknikal diharapkan sekurang-kurangnya mereka akan dapat menyelesaikan 8 hingga 10 permohonan dalam sebulan.

Ketiga ialah mengutamakan pengauditan ke atas restoran, kedai makan dan premis membuat makanan dan minuman yang beroperasi sepenuh masa.

Keempat ialah memperketatkan syarat jangka masa memberikan (*dateline*) untuk meluluskan dan menyelesaikan ketidakpatuhan pihak restoran dan premis berkenaan mengikut tempoh-tempoh yang dipersetujui.

Kelima, membina *database* yang mengandungi maklumat bahan-bahan ramuan yang diluluskan.

Mengenai dengan langkah yang kedua iaitu menambah Pegawai Permakanan dan Sainifik, ketika ini hanya terdapat 4 orang Pegawai Permakanan dan seorang Pegawai Sainifik yang

berperanan menjadi Juruaudit Teknikal. Kelima-lima mereka akan turun dalam setiap kerja-kerja pengauditan terhadap permohonan Sijil Halal dan Permit Halal. Bagi hal ini, penambahan yang dipohonkan oleh Bahagian kawalan Makanan Halal ialah seramai 10 orang iaitu masing-masing 5 orang bagi Pegawai Permakanan dan 5 orang bagi Pegawai Sainifik.

Dengan adanya penambahan pegawai-pegawai kerja berkenaan nanti bukan saja untuk memenuhi keperluan dalam Negara tetapi juga di luar negara. Ini kerana kita juga ada membuat pengauditan di luar negara khususnya di pusat-pusat penyembelihan di luar negara.

Mengenai langkah yang ketiga iaitu mengundang syarikat konsultan bagi mengendalikan permohonan Sijil Halal, dengan wujudnya syarikat konsultan maka pelaksanaan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 akan dapat diproses dengan lebih cepat. Syarikat-syarikat yang dilantik itu nanti akan membantu pengusaha dalam mengisi kehendak-kehendak yang diperlukan dalam borang permohonan. Syarikat-syarikat berkenaan juga akan membuat *pre-inspection* ke premis-premis makanan dengan memastikan kehendak dalam borang tercatat dengan betul. Satu garis panduan telah pun disediakan bagi memandu syarikat-syarikat konsultan.

Mengenai langkah keempat, iaitu cara memucang-mucang, ini adalah kaedah tradisi kita yang mungkin boleh diaplikasikan kepada prosedur pengurusan bagi mempercepatkan usaha ini.

Cara ini bermakna kita mengatur pegawai-pegawai dan kakitangan yang berminat dan berkebolehan untuk sama-sama turun padang membantu menjayakan projek ini. Lain-lain cara seperti cara *auditing* juga perlu diperkemas, mana-mana premis yang telah *digrading* oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah tidak perlu diaudit lagi kerana telah terjamin kebersihannya.

Mana-mana produk yang telah diperakui oleh badan-badan Islam serantau seperti MABIMS (Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura) adalah tidak perlu diaudit lagi kecuali ada keraguan-keraguan baru, barulah diaudit semula. Dalam masa mengaudit ke premis-premis mungkin boleh juga terus menguji para penyelia premis supaya mereka tidak perlu lagi datang ke pejabat yang akan mengambil masa.

Dalam pada itu Yang Berhormat Pehin, apa yang perlu diutamakan untuk diberi Sijil Halal ialah restoran-restoran dan premis-premis besar khasnya kerana kita akan menghadapi Persidangan Antarabangsa pada tahun ini yang sudah tentu banyak pemimpin-pemimpin Islam yang memerlukan makanan halal, cuma kita berdoa semoga langkah-langkah yang telah dirancang itu dapat dijayakan. Sekiranya di akhir usaha tidak berjaya maka kita pulangkanlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firmannya:

Maksudnya: "*Allah tidak memaksa seseorang itu melainkan mengikut kadar kemampuannya*".

Pada hemat kaola, untuk menjayakan perkara ini, kerjasama erat perlu antara

3 pihak iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pihak pemohon sendiri, iaitu pengusaha restoran dan premis. Kalau pada saat-saat akhir baru pihak pengusaha restoran dan premis hendak bergerak maka tentulah hasrat murni sukar dicapai.

Jadi, saya menyeru dan memohon kerjasama semua pihak yang berkenaan, dalam mempercepatkan usaha-usaha pensijilan halal ini, insya-Allah kehendak-kehendak syarak tidak akan dikurangkan atau tidak akan terjejas sama sekali, kerana kekuatan kita adalah pada syarak dan kepada kehalalan yang sebenar sebenarnya bagi sijil tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain yang soalnya ialah sekitar cukai bangunan di kawasan Gadong iaitu ingin tahu berapa banyakkah pendapatan Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dari cukai-cukai yang dikutip di dalam kawasan itu dalam setahun dan seterusnya adakah benar ada sebahagian daripada bangunan dan premis tertentu dikecualikan daripada pembayaran cukai.

Secara ringkas kaola dapat menjelaskan begini, bahawa cukai bangunan atau

yang lebih kita kenali sebagai cukai pintu adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik hartanah dalam kawasan Lembaga Bandaran menurut peruntukan undang-undang. Maka di bawah Bab 12 Akta Lembaga-Lembaga Bandaran Penggal 57 cukai yang boleh dikenakan adalah pada kadar tidak lebih daripada 15% dari nilai tahunan (*annual value*) hartanah berkenaan.

Maka berdasarkan peruntukan undang-undang itu, Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada Tahun Kewangan 2012/2013 iaitu bagi tempoh 10 bulan, April 2012 dan Januari 2013 telah dapat mengutip sejumlah \$10,575,591.76 atau kita sebut sahaja \$10.6 juta iaitu kutipan semasa dan tunggakan (jumlah ini adalah 118% lebih daripada anggaran yang dibuat oleh Kementerian Kewangan sebanyak \$9 juta yang dianggarkan untuk kutipan cukai pada tahun berkenaan itu, Alhamdulillah.

Sebenarnya dalam tempoh tersebut ada 3,367 akaun pembayar cukai, yang mana Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, dianggarkan boleh mengutip hasil cukai semasa sahaja pada tahun 2012 dan 2013 kalau semuanya membayar sebanyak \$15,175,244.61 (\$15.2 juta). Tetapi tidak sedemikian kenyataannya kerana dari jumlah 3,367 akaun pembayar cukai itu, hanya 1,506 akaun sahaja yang menjelaskan cukainya iaitu sekitar 45%. Jadi tidak hairanlah kutipan hasil cukai setakat ini sebanyak \$10.6 juta, itu pun termasuk kutipan tunggakan.

Adapun kawasan Gadong yang termasuk dalam kawasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan ialah 6 buah kampung dalam Mukim Gadong 'B' iaitu Kampung Kiarong, Kampung Kiulap,

Kampung Beribi, Kampung Mata-Mata, Kampung Menglait dan Kampung Pengkalan Gadong. Untuk makluman, dapat disebutkan di sini, bahawa kawasan ini adalah penyumbang terbesar anggaran hasil cukai hartanah dan bangunan iaitu sebanyak \$8.3 juta daripada jumlah anggaran kutipan cukai Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan iaitu sebanyak \$15.2 juta jika semuanya membayar iaitu pada kadar 54.6%.

Untuk makluman Dewan juga, hasil kutipan cukai seluruh Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Pekan Seria dan Daerah Tutong bagi Tahun Kewangan 2012/2013 selama 10 bulan itu adalah sejumlah \$13.9 juta iaitu melebihi cukai yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan yang cuma menganggarkan sebanyak \$12.9 juta iaitu kadarnya 108%.

Bagi jawapan kepada soalan selanjutnya, adakah benar ada sebahagian daripada bangunan dan premis tertentu dikecualikan daripada pembayaran cukai di kawasan berkenaan. Dalam mengenakan cukai bangunan, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan melaksanakannya mengikut kawasan lama dan kawasan baru. Kawasan lama semua jenis hartanah dikenakan cukai, iaitu bangunan komersial, perusahaan dan rumah kediaman iaitu sama ada disewakan atau rumah kediaman sendiri.

Kawasan baru, hanyalah bangunan komersial dan hartanah yang digunakan bagi aktiviti perusahaan belum termasuk rumah kediaman. Kaola menyatakan belum termasuk, bukan tidak boleh dicukai, boleh dicukai tetapi belum dicukai. Setakat ini begitulah

kedudukannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua iaitu rumah-rumah kediaman dalam kawasan baharu Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan belum dikenakan cukai walaupun dari segi undang-undang Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan boleh mengenakan cukai. Jadi, jawapannya tadi tidaklah ada pengecualian. Mengapa belum dikenakan?

Jawapannya ialah pada masa ini kajian telah dibuat ke atas isu cukai pada umumnya dan cukai bangunan rumah-rumah kediaman khasnya di seluruh negara, bukan sahaja Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan tetapi juga di Daerah Belait, Pekan Seria dan Daerah Tutong. Kajian itu telah siap dan akan dirundingkan lagi dengan agensi-agensi kerajaan terutama sekali agensi kerajaan yang berkenaan dengan hal ehwal kewangan sebelum ia dijadikan sokongan untuk diluluskan.

Untuk makluman Dewan, menurut peruntukan undang-undang iaitu Bab 13, Akta Lembaga-Lembaga Bandaran Penggal 57, pengecualian cukai boleh diberikan kepada rumah atau bangunan yang digunakan sepenuhnya sebagai rumah, hartanah atau tempat ibadat (*used exclusively as spaces for religious worship*), semua perkuburan awam dan tapak pembakaran mayat, bangunan-bangunan untuk kegunaan sekolah awam atau kebajikan (*public schools or for charity purposes*). Pengecualian cukai juga boleh diberikan kepada semua hartanah yang tertentu dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat.

Bab 14, Akta yang sama juga memperuntukkan bahawa Lembaga Bandaran boleh mengecualikan cukai ke atas rumah, bangunan atau tanah yang nilai tahunannya kurang dari \$500.00. Begitu juga ke atas rumah atau pondok yang disediakan oleh majikan untuk kediaman percuma pekerjaanya di ladang atau di lombong. Seterusnya Bab 14, Akta yang sama itu memberikan ruang kepada pemilik hartanah untuk dikecualikan dari dikenakan cukai jika hartanahnya itu kosong lebih dari 30 hari berturut-turut iaitu bagi tempoh ianya kosong itu.

Kesimpulannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bahawa cukai hartanah atau bangunan adalah dikenakan dengan kuatkuasa undang-undang. Sebarang pengecualian ke atas tanah, bangunan rumah dan pondok, sekolah, rumah ibadat, tanah perkuburan dan tapak pembakaran mayat atau pengecualian tertentu adalah juga ditentukan secara undang-undang. Tegasnya, tidak ada pencukaian atau pengecualiannya tanpa kebenaran undang-undang, semuanya dikenakan atau dikecualikan dengan kuasa undang-undang. Lembaga-Lembaga Bandaran seluruh negara tidak sewenang-wenangnya mengenakan cukai ataupun mengecualikannya. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Soalan bilangan ke-17 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka

Awang Haji Zainal kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Menubuhkan Pusat Budaya Rakyat.

Sejak akhir-akhir ini penghasilan daripada aktiviti kreatif budaya mula berkembang melalui usaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan projek Satu Kampung Satu Produk. Produk-produk yang dihasilkan ini bukan sahaja berbentuk kraf tangan yang diusahakan secara tradisi yang melambangkan kesenian puak-puak di negara ini seperti Melayu Brunei, Tutong, Belait, Dusun, Kedayan, Murut dan Bisaya bahkan juga dalam bentuk makanan dan lain-lain barang yang turut juga diusahakan oleh pihak swasta dan pertubuhan *NGOs*. Kerajaan hendaklah mengambil peluang ini dengan memberikan galakan bukan saja untuk mempamerkan bahkan juga untuk dipasarkan ke luar negeri. Selain daripada itu, seni budaya asli dalam bentuk tarian, muzik dan nyanyian juga patut dikembangkan dan dihidupkan semula dengan tidak dicampur-adukkan atau diolah mengikut ala barat. Untuk mempamerkan dan memperlihatkan semua penghasilan kraf tangan dan seni budaya asli ini memerlukan satu tempat atau bangunan yang khas, supaya pelancong-pelancong dari luar negeri dapat menyaksikan dan membelinya.

Saya ingin bertanya adakah perancangan pihak kementerian berkenaan untuk membina bangunan yang digunakan sebagai Pusat Kebudayaan Rakyat?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Silakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub kerana telah pun mengemukakan soalan yang berhubung dengan penubuhan Pusat Kebudayaan Rakyat. Bagi menjawab soalan tersebut, sukacita saya menjelaskan bahawa Pembinaan Pusat Kebudayaan Rakyat ataupun Balai Budaya sememangnya dalam perancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam beberapa tahun yang lalu. Sebuah tapak seluas 2.927 hektar (7.323 ekar) di kawasan perdagangan Kampung Kiulap telah diberikan oleh Kementerian Pembangunan bagi membangun sebuah Balai Budaya.

Pada tahun 2009, sebuah konsultan dengan harga \$88,000.00 telah dilantik bagi selama 2 bulan untuk menyediakan reka bentuk konsep keperluan-keperluan dalaman sebuah teater dan menyediakan skop kerja serta anggaran kos perbelanjaan bagi konsep yang dicadangkan dan seterusnya memberikan anggaran bagi kos pembinaan Pusat ataupun Balai Budaya berkenaan.

Akan tetapi Yang Berhormat Yang Di-Pertua, anggaran kos yang diberikan bagi projek Balai Budaya ini adalah berharga \$82 juta. Cadangan Projek Balai Budaya ini telah dihadapkan ke Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi pada bulan Ogos 2010 dan memandangkan kos atau harga yang

dianggarkan adalah terlalu besar, maka cadangan projek ini perlu diteliti semula oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memandangkan banyak lagi kepentingan-kepentingan ataupun *priorities* yang perlu diberikan.

Walaupun ketiadaan sebuah Balai Budaya seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub, terdapat beberapa prasarana lain yang ada pada masa ini di Negara Brunei Darussalam seperti Pusat Belia, Pusat Persidangan Antarabangsa, Amphitheatre, Empire Theatre, Dewan Raya Radio Televisyen Brunei, Dewan Digadong di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dewan-dewan sekolah dan institusi pengajian tinggi, hotel-hotel dan dewan kepunyaan swasta boleh dan telah digunakan bagi mempamerkan dan memperlihatkan kegiatan-kegiatan seni budaya.

Seperti yang dinyatakan tadi, penelitian perlu dibuat ke atas cadangan untuk membuat sebuah Balai Budaya yang meliputi penyediaan tenaga pakar, penyelidik-penyelidik dan bagaimana untuk mengembangkan budaya di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, Kementerian juga berpendapat bahawa apa yang penting adalah perisian dan intipati yang akan dipamerkan, dipersembahkan dan diperkembangkan di Balai Budaya itu. Sehubungan dengan ini, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan perkembangan kebudayaan dan kesenian di Negara ini telah pun dari semasa ke semasa akan

terus melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- 1) Memberikan dan meningkatkan kefahaman masyarakat tentang nilai kebudayaan Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh;
- 2) Mengawasi, menyelaraskan dan mengembangkan kegiatan-kegiatan kebudayaan; dan
- 3) Memelihara kemurnian warisan budaya Brunei dari dicemari atau tercemar.

Di samping itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sedang dan sentiasa mengadakan:

- 1) Promosi kebudayaan yang diadakan setiap dua minggu di keempat-empat daerah termasuk di sekolah-sekolah dan tempat perhimpunan awam, gedung-gedung perniagaan dan sebagainya;
- 2) Memberikan latihan-latihan dan mengadakan bengkel kepada agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan serta para belia;
- 3) Membuat pementasan seni di dalam dan luar negara bagi memasyarakatkan, memperkenalkan dan mengembangkan warisan budaya Brunei;
- 4) Mengadakan pameran seni tampak, seni halus dan seni tradisional termasuk tenunan dan kraftangan dalam dan luar negeri;
- 5) Mengadakan penyelidikan dan penulisan seni budaya;

- 6) Memenuhi kehendak dalam konvensyen *UNESCO* serta perundangan kebangsaan; dan
- 7) Mengadakan skim latihan bagi belia bagi proses penggantian sumber tenaga manusia yang berhubung kait dengan kebudayaan dan kesenian.

Ringkasnya, Kementerian terlebih dahulu menumpukan usaha untuk menggalakkan perkembangan kreativiti dalam bidang seni terutama dalam mendukung industri kreatif di samping usaha mengekalkan dan memelihara keaslian dan ketulinan warisan budaya sebelum meneruskan usaha membina sebuah Balai Budaya yang tinggi kosnya.

Ke arah persiapan mewujudkan Balai Budaya dan juga untuk mengembangkan potensi di bidang budaya di Negara Brunei Darussalam serta bagi mendukung industri kreatif di Negara Brunei Darussalam, Universiti Brunei Darussalam telah pun mengadakan kursus *Major in Arts & Creative Technology* yang mana di antara kandungan kursus ini ialah *Creative Arts Technology, 3D Animation dan Digital Illustration, Digital Photography, Mixed Media and Multimedia Arts dan Brunei Traditional Arts and Craft*. Kursus ini juga saling melengkapi antara *Teaching Arts and High Technology IBM Centre* bagi memastikan penuntut-penuntut mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang *Arts, Design dan Creative Technology*. Dengan adanya kursus seumpama ini, penuntut-penuntut diberikan *tools* bagi membolehkan mereka meningkatkan *Creative Language and Style* mereka.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menghantar para artis untuk

mengikuti kegiatan kesenian di peringkat serantau dan antarabangsa, contohnya pada tahun 2012, pihak Kementerian telah menghantar tiga orang pakar industry *Multimedia Entrepreneurship* dan *Artificial Intelligence* ke *ASEAN - Japan Forum on the Development of Contents Industry, Business Alliance through ASEAN Creative Network*. Ini merupakan usaha bersepadu di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan agensi lain dalam melaksanakan kegiatan kebudayaan dan kesenian walaupun tanpa adanya platform seperti Balai Budaya.

Dalam bidang drama dan teater, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi, persatuan, kumpulan-kumpulan budaya dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan dan penyertaan belia-belia dalam drama dan teater. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menggalakkan agar drama yang akan ditonjolkan adalah merupakan sejarah dan budaya Brunei agar sekaligus masyarakat kita mengetahui dan memahami sejarah dan asal usul mereka.

Selain itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga bekerjasama dengan pihak Radio Televisyen Brunei dan beberapa agensi lain dalam usaha untuk memberigakan dan menghidupkan semula seni warisan Negara yang belum banyak diketahui umum, seperti pembuatan peralatan muzik tradisional, kraf tangan dan sebagainya melalui dokumentari dan *fillers*. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis I: Soalan bilangan ke-18 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Pada Majlis Mesyuarat Negara yang lepas masalah belia remaja telah dikemukakan yang mana mereka telah didapati mengadakan “perlumbaan motosikal” di jalan raya pada waktu malam. Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Daerah Tutong telah menggunakan satu kawasan di Sungai Basong bagi perlumbaan khas motosikal dan kereta pada setiap tahun.

Adakah pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan untuk membina gelanggang kekal bagi maksud ini?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking yang mengutarakan soalan yang berhubung dengan perancangan untuk membina gelanggang kekal sukan iaitu yang berkaitan dengan sukan ekstrem ataupun sukan bermotor ekstrem. Pada menjawabnya, perkara ini telah pun saya sentuh dalam perbahasan ataupun perbincangan dalam Dewan yang mulia ini dan benarkan saya untuk mengulangnya lagi, dalam mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengalukan penganjuran berbagai jenis aktiviti

bagi menangani masalah belia remaja yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Kementerian telah pun membuat perundingan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk mengenal pasti beberapa tempat di Daerah Tutong yang boleh digunakan untuk sukan bermotor ekstrem. Kawasan yang dimaksudkan adalah di Sungai Paku iaitu kawasan yang mempunyai keluasan lebih kurang 10 ke 15 ekar bagi sukan perlumbaan bermotor *extreme* khususnya bagi empat acara iaitu:

1. Kereta pacuan empat roda;
2. *Motor cross*;
3. Go-kart; dan
4. Kereta *drift*.

Jika sekiranya tempat yang telah dikenalpasti bersesuaian dan tapak tersebut telah ditawarkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, maka besar kemungkinan Kementerian akan menyediakan tempat yang kekal untuk sukan-sukan bermotor ekstrem tersebut. Pada masa ini pihak-pihak yang terlibat dalam menganjurkan sukan motor ekstrem disarankan untuk menggunakan tapak sementara yang telah diberikan kebenaran secara kongsi sama. Permohonan-permohonan hendaklah dihadapkan ke agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Sehubungan dengan sukan ekstrem, pihak Kementerian baru-baru ini telah melancarkan *skate park* taman belia yang terletak di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkhiah Berakas. Kawasan ini disediakan untuk permainan sukan-sukan ekstrem seperti *skateboarding*, *rollerblading*, *extreme bicycle riding* dan sebagainya. Penglibatan dan kemahiran

belia dalam bidang sukan sebegini adalah sangat terhad. Maka dengan adanya prasarana dan kemudahan ini akan dapat mengembangkan lagi sukan ekstrem seperti mengadakan perlawanan-perlawanan di peringkat serantau dan antarabangsa di Negara Brunei Darussalam. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Dimulihkan Jurutulis I: Soalan yang ke-19 oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Isu Kemiskinan.

Punca Kemiskinan di negara-negara lain ialah disebabkan penduduknya yang tidak atau sukar untuk mendapat pendidikan dan kesihatan yang mencukupi, tetapi di Negara Brunei Darussalam perkhidmatan pendidikan dan kesihatan diberikan secara percuma dan mudah didapati kerana sekolah-sekolah dan klinik-klinik dibangunkan di merata daerah termasuk di kawasan-kawasan pedalaman.

Selain daripada itu Program Jaringan Keselamatan Sosial (*Social Safety Nets*) juga diluaskan dalam bentuk subsidi seperti beras, gula, minyak kenderaan, tenaga elektrik dan beberapa skim seperti Skim Pencen Selepas Berkhidmat, Pencen Tua, Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan ditambah lagi Skim Persaraan Caruman Tambahan (*SCP*). Tetapi segala program tersebut kurang berkesan jika dilihat bilangan jumlah rakyat yang menerima bantuan kebajikan dan penerima agihan

kumpulan wang zakat semakin meningkat dari tahun ke setahun.

Sehingga bulan April 2012, seramai 4,069 keluarga telah didaftar oleh Jabatan Pembangunan Hal Ehwal Masyarakat (JAPEM) untuk menerima bantuan dan jumlah pelajar-pelajar dari keluarga kurang berkemampuan yang belajar di sekolah rendah dan menengah kerajaan yang menerima bantuan meningkat kepada 7,898 orang bagi tahun 2013.

Pada bulan Mac 2008, semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, antara lain Baginda telah bertitah bahawa Baginda berhasrat supaya kemiskinan di Negara Brunei Darussalam ke tahap Sifar (*zero poverty*) sebagai salah satu matlamat wawasan yang mana ini selari dengan Wawasan Negara 2035 di mana rakyat akan mempunyai taraf kehidupan yang berkualiti yang terbaik di antara sepuluh negara di dunia (*quality of life among the top ten nations in the world*).

Pada bulan Januari 2010, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah melantik dua buah syarikat konsultan iaitu *ZD Consultant dan UPV Consultant* (tempatan) dan *Ramfel Sdn Bhd.* (asing) untuk menjalankan kajian mengenai kemiskinan. Kajian tersebut telah siap pada bulan November 2011 dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menjalankan cadangan-cadangan untuk melindungi dan membantu keluarga-keluarga miskin untuk keluar dari belunggu kemiskinan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyatakan (Pelita Brunei 10/12/2012) bahawa kemiskinan di negara ini hanyalah berupa "relative

poverty" yang berpunca dari "*income inequality*" disebabkan perbezaan pendapatan (*income*) atau keupayaan berbelanja (*real expenditure*) di antara orang miskin dengan orang kaya. Istilah "*relative poverty*" digunakan bagi kemiskinan yang bermusim iaitu apabila pendapatan seseorang terjejas berikutan dengan keadaan ekonomi negara yang merosot dan menjejaskan pendapatan pekerja seperti petani sementara "*absolute poverty*" ialah mereka yang mempunyai pendapatan (*income*) di bawah kos minima keperluan asas bulanan "*below poverty line*".

Penyelesaian ke atas isu kemiskinan ini sangat kompleks dan bukan hanya memerlukan bantuan kewangan tetapi juga bantuan kaunseling dari segi keagamaan, kebersihan, kesihatan dan pendidikan anak-anak juga diperlukan. Ke arah ini KKBS perlu mempunyai pakar-pakar kaunseling dan *social workers* yang terlatih yang mencukupi.

Dari serba sedikit keterangan di atas saya ingin bertanya:

- a) Apakah sukat-sukat yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengukur golongan yang dikategori sebagai miskin di negara ini?
- b) Kenapakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mengikut tafsiran yang digunakan atau dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam berhubung dengan istilah fakir dan miskin?
- c) Strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi membanteras kemiskinan dilaksanakan dalam tiga peringkat dan dua daripadanya

melibatkan peringkat individu dan peringkat masyarakat (*community*). Kenapakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mengongsikan hasil kajian yang telah dijalankan oleh konsultan itu dengan agensi-agensi kerajaan yang lain?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman di atas soalan yang berhubung kait dengan kemiskinan di Negara Brunei Darussalam.

Mengenai soalan Yang Berhormat Datin iaitu apakah sukat-sukat yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengukur golongan yang dikategorikan sebagai miskin di Negara ini.

Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Datin sukacita saya menjelaskan bahawa Program Jaringan Keselamatan Sosial ataupun *Social Safety Nets* yang diluaskan dalam bentuk subsidi seperti beras, gula, minyak, kenderaan, tenaga elektrik dan beberapa skim seperti Skim Pencen Selepas Berkhidmat, Pencen Tua, Tabung Amanah Pekerja dan Skim Persaraan Caruman Tambahan merupakan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kesejahteraan dan taraf kehidupan rakyat di Negara ini. Program Jaringan Keselamatan dalam bentuk subsidi dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di Negara ini. Manakala skim seperti Tabung Amanah Pekerja dan Skim Persaraan Caruman Tambahan hanya

dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk yang bekerja, sama ada di sektor Kerajaan atau bukan Kerajaan.

Di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana jua di negara-negara yang lain di dunia ini, terdapat segelintir masyarakat yang berkehidupan susah disebabkan tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan atau hilang tempat bergantung kerana kematian suami atau ayah, perceraian, sakit atau uzur, diberhentikan kerja, terlibat dengan kesalahan jenayah atau dadah, sukar mendapatkan pekerjaan disebabkan tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah atau disebabkan fakta umur, pendapatan yang kecil serta mempunyai ramai tanggungan, menanggung beban hutang, muflis dan sebagainya. Bagi golongan ini, tanpa adanya Program Jaringan Keselamatan dalam bentuk subsidi, sudah setentunya kehidupan mereka akan bertambah susah.

Dalam hal ini, bagi membantu meringankan beban kehidupan yang ditanggung oleh golongan yang dinyatakan, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menghulurkan bantuan Kebajikan Bulanan sehingga mereka mempunyai pendapatan bagi menyara kehidupan seharian mereka. Bantuan yang dihulurkan ini adalah bersifat sementara sahaja untuk meringankan beban yang dihadapi oleh individu atau keluarga berkenaan dan bukanlah untuk menampung keseluruhan keperluan keluarga berkenaan. Di samping menerima bantuan ini, penerima-penerima juga adalah digalakkan untuk terus berusaha dan bertanggungjawab ke atas kebajikan dan kesejahteraan ahli-ahli keluarga mereka.

Kementerian ini menyedari bahawa bantuan yang dihulurkan ini adalah tidak akan dapat bertahan (*sustainable*) bagi jangka masa panjang. Dalam hal ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil beberapa inisiatif untuk menggalakkan golongan yang memerlukan untuk berdikari dan mendapat pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada bantuan Kerajaan semata-mata. Program-program yang dilaksanakan termasuklah Program Pembiayaan Mikro Kredit iaitu Skim Berdikari dan Program Perkasa. Sejak kedua skim ini diperkenalkan pada tahun 2006 bagi Program Berdikari pada tahun 2010 termasuk Program Perkasa, seramai 129 orang pemohon telah diberikan bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Manakala 102 orang pemohon adalah di bawah Skim Berdikari dan 27 orang pemohon bagi Program Perkasa.

Selain daripada Program Pembiayaan Mikro Kredit, Skim Perkhidmatan Masyarakat (SPM) di mana penerima-penerima bantuan kebajikan bulanan khususnya yang mampu dari segi fizikal dan mental dikehendaki melakukan kerja-kerja kemasyarakatan untuk menanamkan sikap berdikari, bantu diri dan bertanggungjawab tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan perundingan dengan agensi-agensi berkenaan termasuk Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi bagi mendapatkan peruntukan untuk mengadakan Skim latihan pekerjaan untuk peserta Skim Perkhidmatan Masyarakat dan penerima-penerima Bantuan Kebajikan dan klien

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang lain.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga baru-baru ini telah menubuhkan kelas tambahan untuk anak-anak penerima-penerima bantuan dan anak-anak daripada keluarga-keluarga yang bermasalah. Kelas ini telah bermula pada awal bulan Februari tahun ini. Pada peringkat awal, seramai 40 orang penuntut mengikuti kelas ini. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada warga emas. Selain untuk membantu kanak-kanak dari keluarga susah bagi meningkatkan pencapaian pendidikan mereka, skim ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada warga emas berkongsi ilmu dan menyumbang bakti kepada masyarakat.

Bagi anak-anak penerima bantuan yang gagal untuk meneruskan pelajaran, mereka digalakkan atau dibantu untuk mengikuti latihan di Pusat Pembangunan Belia.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Datin Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, mengenai dengan sukat-sukat yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam mengukur golongan yang dikategorikan sebagai miskin di Negara ini. Saya ingin menjelaskan bahawa perkara ini telah pun ditimbulkan dan dibincangkan pada mesyuarat yang lepas.

Jawapan saya masih sama, dan sukat-sukat yang digunakan adalah hanya ada sedikit perubahan. Iaitu dalam mana sukat-sukat masih menggunakan kadar minima keperluan khas dan bantuan-bantuan yang diberikan adalah berbentuk \$200.00 bagi setiap kepala keluarga iaitu

suami dan isteri dan \$152.00 bagi anak-anak tanggungan maksimum 4 orang.

Berasaskan kepada kiraan kadar yang diberikan iaitu \$400.00 bagi ibu dan bapa dan \$512.00 bagi tanggungan anak sehingga 4 orang. Maka apabila dijumlahkan semua itu berjumlah \$912.00 dan dibahagi 6 menjadikan \$152.00. Maka kadar \$152.00 itulah yang dijadikan sebagai kadar minima keperluan asas dalam memberikan bantuan kepada penerima bantuan di bawah Bantuan Kebajikan Bulanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Datin, iaitu kenapakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mengikut tafsiran yang digunakan atau dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei berhubung dengan istilah fakir dan miskin?

Pada menjawabnya, sukacita saya menjelaskan bahawa tidak ada perbezaan mengenai dengan tafsiran fakir dan miskin yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Ugama Islam Brunei. Apa yang berbeza ialah kadar yang digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kadar yang digunakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Ini disebabkan oleh sumber kewangan yang digunakan oleh Majlis Ugama Islam adalah berasaskan dari kutipan-kutipan wang zakat di Negara Brunei Darussalam.

Manakala sumber bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Program Bantuan Kebajikan Bulanan adalah melalui Peruntukan Kerajaan. Maka semamangnya kedua-dua ini adalah berbeza, bukanlah dari buah yang sama, ataupun "*apple to apple*"

sebagai perbandingan. Tetapi ia perlu dilihat dari segi kaedah dan tujuan bantuan-bantuan tersebut diberikan dalam mana pemberian zakat itu adalah mengikut hukum-hukum ataupun asnaf-asnaf yang perlu diberikan zakat daripada kumpulan zakat.

Dalam waktu yang sama, bantuan-bantuan yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei adalah berpusat kepada orang-orang Islam, manakala Bantuan Bulanan Kebajikan yang diberikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah meliputi mereka yang beragama Islam dan bukan di Negara ini.

Sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dari segi jumlah penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan berbanding dengan mereka yang menerima bantuan melalui Majlis Ugama Islam Brunei itu terdapat lebih kurang 4,363 orang yang menerima bantuan Bulanan Kebajikan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang mana dalam setahun Kerajaan membelanjakan \$9.3 juta iaitu lebih kurang \$850,000.00 sebulan. Manakala berbanding dengan mereka yang menerima agihan zakat dari Majlis Ugama Islam Brunei terdapat seramai 2,136 orang.

Selain itu, bantuan Kebajikan bulanan adalah khusus untuk orang susah dan yang memerlukannya. Di samping pemberian bantuan Kebajikan Bulanan, bantuan lain seperti bantuan makanan, bantuan alat-alat pemulihan seperti kerusi roda, seperti bantuan peralatan persekolahan, bantuan kewangan untuk memulakan perusahaan melalui Skim Berdikari dan Perkasa, bantuan membaiki dan membina rumah, bantuan kewangan

untuk mangsa-mangsa bencana alam, bantuan perumahan termasuk bayaran sewa rumah dan baru-baru ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyediakan kelas tuisyen secara percuma kepada anak-anak dari para penerima bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) seperti yang dinyatakan tadi.

Kementerian ini juga memberi pertimbangan kepada mereka yang bukan pemegang kad pengenalan kuning, khususnya Penduduk Tetap melalui Tabung Badan Kebajikan Kebangsaan. Sehingga bulan Februari 2013, sejumlah 546 orang menerima bantuan daripada tabung berkenaan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$120,660.00 setahun.

Soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman iaitu mengenai Kajian Kemiskinan. Kenapakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mengongsikan hasil kajian yang telah dijalankan oleh konsultan itu dengan agensi-agensinya Kerajaan yang lain? Untuk makluman, hasil kajian mengenai kemiskinan di Negara Brunei Darussalam telah pun dikongsikan dan dibincangkan bersama oleh Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan yang mana ahli-ahli kepada Majlis dan Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap kementerian-kementerian yang berkaitan. Perkara ini telah dibincangkan pada 17 Januari 2011 dan 31 Januari 2012.

Beberapa cadangan dalam kajian tersebut sudah dan sedang dilaksanakan oleh

agensi-agensi berkenaan yang mana antaranya ialah Program Satu Kampung Satu Produk yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penyediaan kemudahan asrama dan bantuan persekolahan untuk penuntut-penuntut yang berkehidupan susah yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, program-program bantuan kewangan, modal perniagaan, peralatan sekolah, program PROPAZ dan sebagainya yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Walau bagaimanapun, cadangan kadar Kos Minima Keperluan Asas yang telah diperolehi melalui kajiselidik mengenai kemiskinan di Negara Brunei Darussalam masih perlu diselaraskan dengan hasil kajian Perbelanjaan Keluarga 2011 yang diselenggarakan oleh Jabatan Perancang dan Kemajuan Ekonomi.

Dalam menangani masalah kemiskinan ini banyak bantuan telah diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain. Antaranya ialah:

- 1) Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang menghulurkan bantuan kewangan;
- 2) Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), di mana penerima dilatih oleh syarikat swasta;
- 3) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memberikan kelas tambahan; dan
- 4) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melancarkan satu program *Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future* di mana kanak-kanak yang terpilih dari keluarga yang kurang bernasib baik diberikan bantuan

pembiayaan pendidikan dari awal hingga ke peringkat pendidikan lanjutan.

Seterusnya, soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai siapakah yang mengkoordinasikan untuk menilai kelayakan-kelayakan penerima, menilai jenis-jenis bantuan yang sesuai untuk diberikan dan seterusnya membuat penilaian yang berterusan ke atas keberkesanan bantuan-bantuan yang diberikan?

Pada menjawabnya, penilaian ke atas permohonan bagi mendapatkan bantuan-bantuan kebajikan bulanan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat dibuat oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Selain daripada Jawatankuasa di atas, Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan telah ditubuhkan pada tahun 2008 yang antara lain bertanggungjawab dalam menyelaras pelaksanaan program yang berkaitan dengan isu kemiskinan oleh agensi berkenaan. Pada masa ini, Jawatankuasa ini sedang merangka Pelan Tindakan Menangani Isu Kemiskinan dengan mengambil kira cadangan-cadangan hasil daripada kajian kemiskinan di Negara ini. Pelan tindakan ini juga akan mengambil kira program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian berkenaan. Selain daripada

memastikan pelaksanaan pelan tindakan ini, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam meneliti keberkesanan program-program yang berkenaan. Insya-Allah, pelan tindakan ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan dalam jangka waktu yang terdekat ini.

Mengenai dengan soalan terakhir daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai dengan keramaian pekerja sosial yang berkemahiran dan terlatih di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya rasa perkara ini tidak perlu saya jawab dengan panjang lebar kerana saya telah pun memberikan jawapan ke atas soalan yang sama sewaktu perbincangan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Cukup jelas sudah jawapan daripada Yang Berhormat itu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya Persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan dulu dan kita akan bersidang lagi pada jam 2.45 petang nanti. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan masih lagi membincangkan Perkara V Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Pada persidangan pagi tadi, telah selesai menyelesaikan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis berkenaan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebagaimana saya nyatakan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara tadi mengenai tatacara dalam membincangkan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis ini, memadailah setelah Jurutulis-Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara membacakan nama dan bilangan soalan tersebut Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bangun berdiri sebentar untuk memperkenalkan diri. Sekarang kita beralih kepada soalan seterusnya iaitu soalan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-22 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit ditujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan bilangan ke-22 (b) sahaja kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Adakah juga dalam perancangan kementerian berkenaan untuk membuat

padang berukuran standard di setiap mukim yang bersesuaian bagi tujuan menaikkan mutu bola sepak negara?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit di atas soalan yang dikemukakan iaitu mengenai dengan untuk membuat padang berukuran standard di setiap mukim yang bersesuaian bagi tujuan menaikkan mutu bola sepak Negara.

Bagi menjawab soalan tersebut ianya telah pun diperjelaskan di dalam perbahasan yang awal di Dewan yang mulia ini dan untuk menjawab secara ringkas, keperluan untuk membina padang berukuran standard di setiap mukim yang bersesuaian bagi tujuan menaikkan mutu bola sepak Negara adalah bergantung kepada penelitian kajian *inventory* sukan yang diadakan seperti mana yang dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, bagi membina padang berukuran standard perlulah dikaji dalam beberapa aspek seperti tapak yang bersesuaian bagi pembinaan padang bola sepak yang dimaksudkan dan keramaian penduduk. Walau bagaimanapun, dengan ketiadaan padang bola sepak yang standard dibina ataupun diberikan, penduduk mukim dan kampung boleh menggunakan padang-padang bola yang terdapat di sekolah-sekolah dalam sesebuah kampung, yang mana perkara ini telah pun mendapat persetujuan hasil perundingan dengan Kementerian Pendidikan. Sebagai makluman dan contoh iaitu di Daerah Tutong terdapat 4 padang yang standard daripada 28

padang bola sepak di daerah berkenaan iaitu Padang Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Mukim Kiudang; Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Pekan Tutong; Padang dan Balapan Sekolah Menengah Tanjong Maya; dan Padang dan Balapan Kompleks Sukan Tutong.

Walau bagaimanapun, untuk menaikkan mutu bola sepak Negara bukan sahaja bergantung kepada padang berukuran standard tetapi ianya memerlukan berbagai aspek di antaranya latihan fizikal dan kemahiran di bawah jurulatih yang berkelayakan, komitmen pemain, disiplin dan sokongan dari semua pihak. Selain daripada itu, bagi kesinambungan penyertaan dalam bola sepak dan sukan-sukan yang lain, perlu diadakan kejohanan secara berterusan dalam berbagai peringkat seperti di kampung-kampung, mukim-mukim, daerah-daerah yang mana pada masa ini sedang rancak diadakan oleh Kementerian. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-23 daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai pembinaan stadium yang baru.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan bilangan ke-23 kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pembinaan Stadium Negara yang baru

Sebagaimana yang dimaklumi Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang ada pada masa ini telah berusia lebih daripada 25 tahun dan tidak dapat menampung penonton- penonton jika sekiranya ada pesta sukan yang bertaraf antarabangsa. Tambahan pula banyak kekurangan di segi kemudahan yang diperlukan jika sekiranya berkemungkinan Negara Brunei Darussalam menjadi Tuan Rumah Sukan SEA pada tahun 2020.

Adakah rancangan pihak Kementerian berkenaan untuk membina sebuah stadium yang baru bertaraf antarabangsa yang lebih lengkap, canggih dan mempunyai kapasiti lebih besar dari yang ada sekarang?

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, di atas soalan yang dikemukakan mengenai stadium yang baru. Perkara ini juga telah pun diperjelaskan sewaktu perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini pada awalnya. Walau bagaimanapun, sukacita saya menyatakan bahawa ke arah pembinaan stadium baru ini sebuah Jawatankuasa Pandu Pembinaan Stadium Baru telah pun ditubuhkan pada 24 April 2012 dan insya-Allah sebuah konsultan akan dilantik bagi *Definition Plan Project (DPP)* dan dalam waktu yang sama juga satu kumpulan teknikal akan melawat ke negara yang telah dikenal pasti untuk berkongsi pengalaman dalam membina stadium baru. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan 24 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato

Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkaitan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama iaitu mengenai Semaun Holdings Sendirian Berhad.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan bilangan ke-24 kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Semaun Holdings Sendirian Berhad

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang giat menerokai beberapa projek baru bagi mempelbagaikan industri selain daripada industri minyak dan gas. Usaha-usaha ini disanjung tinggi lebih-lebih lagi dalam memastikan keperluan makanan (*food security*) bagi negara ini akan terjamin. Pada tahun 1996, kerajaan telah menubuhkan Semaun Holdings Sendirian Berhad di bawah Pengurusan *Brunei Investment Agency (BIA)* yang mempunyai matlamat bagi meningkatkan "to raise" perkembangan industri dan perdagangan negara ini. Projek Semaun Holdings Sendirian Berhad dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan projek yang diusahakan meliputi *aquaculture, food processing, glass crystal manufacturing*. Semaun Holdings Sendirian Berhad telah menjangkau 16 tahun dan sejauh ini tidak diketahui tentang tahap pencapaian dan pendapatan daripada kegiatan bagi membantu meningkatkan perekonomian negara. Telah difahami ada

9 projek yang dikendalikan oleh Semaun Holdings Sendirian Berhad dengan secara *joint venture* dan hanya 3 buah syarikat sahaja yang dimiliki oleh kerajaan sepenuhnya. Saya ingin bertanya:

- a) Adakah ketiga-tiga projek dari 9 buah syarikat ini telah menghasilkan pulangan dan adakah ianya bertaraf antarabangsa terutama sekali di segi teknologi dan penghasilannya?
- b) Berapakah peruntukan kewangan kerajaan yang diberikan kepada projek-projek Semaun Holdings Sendirian Berhad?
- c) Bagaimanakah kedudukan projek *joint venture* dengan syarikat swasta dengan kerajaan itu adakah mempunyai hasil pulangan yang memuaskan?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Soalan ke-24 (a) telah pun dijelaskan dalam Peringkat Jawatankuasa walau macamapun kaola ingin menerangkan secara ringkas untuk memberikan pembetulan bahawa Semaun Holdings Sendirian Berhad bukanlah di bawah pengurusan *Brunei Investment Agency (BIA)* tetapi adalah di bawah pengurusan *Minister of Finance Corporation (MOFC)* jadi soalan ke-24 (a) telah pun diterangkan di Peringkat Jawatankuasa.

Soalan ke-24 (b) iaitu mengenai berapakah peruntukan kewangan Kerajaan yang diberikan kepada projek

Semaun Holdings Sendirian Berhad. Setakat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan peruntukan sebanyak \$43.3 juta iaitu 8.66% daripada modal \$500 juta yang dibenarkan ataupun *authorised capital* yang mana ianya diberikan secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1996. Sebagai penjelasan lanjut sumber peruntukan kewangan ini didapati daripada 2 sumber iaitu sebanyak \$17.4 juta dari Kementerian Kewangan bermula dari tahun 1996 hingga tahun 2000 dan seterusnya \$25.9 juta didapati dari peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke 8 dan Ke-9.

Soalan bilangan ke-24 (c) bertanyakan bagaimanakah kedudukan projek *joint venture* dengan syarikat-syarikat swasta dengan Kerajaan? Dalam hal ini, kumpulan Semaun Holdings Sendirian Berhad yang beroperasi secara usaha sama terutama sekali dalam aktiviti pembangunan industri akuakultur tangkapan ikan laut dalam dan pemerosesan dan pengeluaran makanan laut secara tambah nilai bagi pasaran eksport telah berjaya membawa masuk pelaburan asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI) dengan terbina dan beroperasinya satu kilang yang mempunyai pelbagai keupayaan di tapak Perindustrian Serambangun Tutong. Ini adalah antara kerjasama yang terjalin di antara *Semaun Holdings Sendirian Berhad*, *Marine Resources* dan Syarikat *Golden Corporation Sdn. Bhd.*, dalam aktiviti tangkapan ikan laut. Pengusaha-pengusaha kapal tangkapan ikan boleh menjana pendapatan mereka dengan menjual ikan-ikan yang berkualiti, melalui usaha sama ini bagi diproses dan

seterusnya dipasarkan dipasaran tempatan dan luar negara. Manakala hasil tangkapan ikan-ikan yang kurang mendapat nilai ia akan diproses menjadi produk *fish meal* ataupun *fish oil* bagi penghasilan makanan udang dan pelbagai makanan, makanan-makanan untuk *aquatic*.

Manakala pengusaha-pengusaha ternakan kolam, orang tempatan yang mendapatkan benih-benih udang rostris daripada Syarikat Semaun Marine Resources dan Seiwa Corporation boleh menyalurkan hasil udang segar mereka bagi diproses oleh 2 buah kilang pemerosesan iaitu Semaun Seafood Sdn. Bhd. dan Golden Corporation Sdn. Bhd. Di samping itu juga, pengusaha-pengusaha tempatan dapat menggunakan makanan udang hasil pengeluaran kilang di Kampung Serambangun ini bagi penghasilan udang segar.

Bagi mengawal kualiti hasil tangkapan atau ternakan udang blok ais yang dihasilkan melalui dua buah kilang pemerosesan boleh dibeli oleh pengusaha-pengusaha kapal tangkapan ikan laut, pengusaha-pengusaha ternakan udang dan pasar-pasar ikan bagi menjamin kesegaran dan kualiti produk mereka. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan bilangan ke-25, 26, 27, 28 dan 29 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman juga berkaitan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan-soalan kaola bilangan ke-25, 26, 27, 28 dan 29 adalah ditujukan kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Soalan bilangan ke-25. Dasar untuk mempelbagaikan ekonomi telah mula tercatat dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Kedua (1962-1966) dan sehingga kini semua pihak telah mengakui bahawa bagi Negara berjaya dalam mempelbagaikan ekonomi, kita perlu mengembangkan dan memajukan penglibatan Pengusaha-Pengusaha Kecil dan Sederhana (SME). Pada masa ini 98% perusahaan di negara ini adalah terdiri dari SME. Adalah diakui agensi-agensi kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai inisiatif untuk membantu SME terus berkembang.

Umpamanya membuat pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, menubuhkan *Business Licensing System* (BLS) menyediakan kemudahan Skim Pinjaman Kewangan dan mengadakan ceramah-ceramah termasuk mengadakan bengkel-bengkel dengan menjemput penceramah dari luar negeri. Pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga akan membina *Industrial Park* di Batu Apoi bagi kegunaan SME. Adalah dilaporkan sejauh ini lebih dari 9,000 syarikat yang berdaftar tetapi hanya 2,500 (28%) yang aktif.

Kenapakah pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama tidak mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin di sektor swasta untuk mengetahui masalah yang sebenar

yang dihadapi oleh SME yang menyebabkan kurang memberikan tindak balas yang positif kepada usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan sejauh ini sebagaimana jua yang dibuat oleh Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri?

Soalan bilangan ke-26. Di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lepas, Majlis Mesyuarat Negara telah dimaklumkan bahawa Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah melantik sebuah konsultan bagi merangka *Master Plan* untuk mencapai hasrat supaya *SME* akan berkembang dengan cepat.

Apakah sasaran-sasaran atau *target* yang akan dicapai terutama sekali dalam meningkatkan sumbangan *SME* kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product (GDP)* dan sumbangan *SME* dalam menyediakan pekerjaan kepada rakyat tempatan atau *job creations*?

Soalan bilangan ke-27. Dengan jumlah penduduk yang kecil, *SME* di negara ini terpaksa memasarkan hasil perusahaan mereka ke luar negara untuk berjaya dan bertahan. Akan tetapi, *SME* adalah merupakan perusahaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang kecil, dan usaha-usaha untuk menghasilkan produk-produk mereka sesuai dieksport adalah satu cabaran yang paling besar mereka hadapi kerana pasaran antarabangsa mewajibkan syarat-syarat tertentu yang perlu diikuti dan juga menghadapi saingan yang kuat dari pengusaha-pengusaha negara-negara lain. Di negara-negara jiran, bagi membantu *SME* mereka, dari sejak berpuluh-puluh tahun sudah,

kerajaan memberikan berbagai-bagai bantuan dengan menubuhkan organisasi yang menjalankan R&D bagi meningkatkan mutu produk, pemasaran dan juga sebuah *SME Corporation* yang bertindak sebagai memudahkan segala pengurusan yang diperlukan oleh *SME*.

- a) Kenapakah kerajaan tidak mempelajari atau mengikut langkah-langkah yang telah berjaya dilaksanakan oleh negara-negara jiran?
- b) Kenapakah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di peringkat Menteri tidak mengadakan lawatan perdagangan atau *trade missions* yang membawa rombongan ahli-ahli peniaga untuk mengenalkan mereka dengan pemimpin-pemimpin sektor swasta dan kerajaan luar negeri yang mempunyai potential untuk ditembusi oleh *SME* tempatan kita?

Soalan bilangan ke-28. Dengan tertubuhnya Pusat Brunei Halal Brand di *Birmingham, United Kingdom*, pada tahun 2011, *CEO Brunei Wafirah Holdings Sdn. Bhd.*, syarikat milik Brunei Halal, menyatakan bahawa kemudahan yang dibina di *Birmingham* itu akan mula beroperasi pada awal tahun 2012 dan menjanjikan sebanyak 30 jenis pekerjaan yang akan melibatkan rakyat Negara Brunei Darussalam. Laporan terkini menyatakan jawatan-jawatan tersebut telah diisikan oleh rakyat berbagai-bagai negara termasuk dari negara jiran sementara seorang penuntut yang sedang dalam *industrial placement* sebelum menamatkan kursus diplamanya ditempatkan di sana.

Saya ingin tahu apakah perkembangan terkini mengenai dengan pencapaian

Brunei Halal Brand yang sedang beroperasi di United Kingdom?

Soalan bilangan ke-29. BEDB telah menyediakan *Promising Local Enterprise Development Scheme (PLEDS)* untuk membantu *SME* meningkatkan keupayaan dan daya saing (*competitiveness*) apabila mengembangkan operasi mereka keluar negeri. Seorang Pegawai Kanan BEDB juga pernah melaporkan bahawa sebilangan besar *SME* yang beroperasi di pasaran rantau menemui kegagalan disebabkan beberapa perkara seperti rakan kongsi yang tidak jujur serta menghadapi kos operasi yang tidak dijangkakan. Perkara ini memang diakui dan juga dialami oleh *SME* negara-negara lain. Sebab itulah kerajaan mereka telah menyediakan bantuan skim insurans kepada *SME* mereka yang berkembang ke pasaran asing.

Untuk menggalakkan *SME* kita yang berkembang ke luar negara untuk menghadapi risiko-risiko, apakah bantuan atau insentif yang dihulurkan oleh kerajaan kepada mereka ini?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-25, adalah mengenai dengan pendekatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk mengetahui permasalahan *SME* terutamanya tentang mengapa kurang memberi tindak balas yang positif. Mempelbagaikan ekonomi sebenarnya telah pun dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Kedua (1962-1966), jadi pembedaan bukan 1962-1965 tapi kepada

1962-1966 Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Kedua dan berterusan sehingga hari ini.

Di sini kaola ingin membetulkan bahawa kalau dirujuk daripada buku perangkaan tahunan Negara Brunei Darussalam tahun 2011, jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Negara (KDNK) pada harga semasa adalah sebanyak \$20.6 bilion dan dari jumlah ini sejumlah \$14 bilion ataupun 68% adalah hasil sumbangan dari industri minyak dan gas. Manakala, sumbangan industri bukan minyak dan gas sebanyak \$60.6 bilion sahaja (32%). Dari perangkaan tersebut dan dari kenyataan bahawa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi Negara masih dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara sehingga kini. Ternyata ekonomi Negara Brunei Darussalam masih bergantung kepada sumber minyak dan gas dan usaha mempelbagaikan ekonomi belumlah nampaknya berjaya.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, memang terdapat perbezaan dari segi pendekatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri bagi mengetahui apa jua isu dan permasalahan yang dihadapi oleh *SME*. Kalau kita melihat kepada industri bukan minyak dan gas, di dalamnya terdapat berbagai-bagai sektor ekonomi mencakupi, antara lain sektor pertanian, perikanan, perhutanan, pembinaan, pelancongan, pembuatan dan lain-lain dan setiap sektor mempunyai isu dan permasalahan yang berbeza. Secara umum, masalah asas yang dihadapi oleh *SME* dalam industri bukan minyak dan gas di Negara ini ialah ketahanan mereka dengan cabaran-cabaran seperti kos

pengeluaran yang tinggi dan tidak kompetitif, tekanan saingan daripada produk-produk import yang lebih murah; pasaran domestik yang kecil dan terhad serta mempunyai kelemahan faedah berbanding '*comparative disadvantage*' di pasaran antarabangsa.

Oleh kerana itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengambil pendekatan yang berbeza yang mementingkan keperluan asas mereka. Ini termasuklah dengan mengadakan permuzakaran, forum, lawatan-lawatan, perbincangan, dialog dan lain-lain. Melalui proses sedemikian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sangat-sangat menghargai maklum balas daripada *SME* sehingga membolehkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengambil beberapa pembaikan termasuk dari segi program, perkhidmatan dan lain-lan.

Dalam pada itu, lain-lain pendekatan juga sentiasa dibuat dari masa ke semasa bagi menangani isu-isu yang berkaitan langsung dengan pembangunan *SME* dan pembangunan industri di bawah kawal selia Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ini termasuklah tindakan-tindakan pensejajaran dan penyelarasan bersama agensi-agensi lain yang berkepentingan mengikut agenda yang diutarakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan sentiasa meneliti semula akan keperluan bagi perkara ini dari segi pendekatannya kepada pihak-pihak yang tertentu. Memang adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan *SME* di Negara ini dapat terus bertahan, bersaing, mandiri dan berkembang maju. Untuk itu

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang meneliti beberapa pembaikan program-program pembangunan *SME* termasuk Pembangunan Kapasiti *SME*, Program Inkubator Perniagaan dan Program-Program di bawah Skim Kemudahan Kewangan.

Manakala soalan bilangan ke-26, ialah mengenai sasaran yang dicapai terutama sekali dalam meningkatkan sumbangan *SME* kepada Pengeluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Bagi menjawab soalan ini, seperti yang direncanakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di dalam perancangan strategik 2004/2023 Kementerian ini telah merangka untuk mencapai sasaran 4.5 bilion nilai pengeluaran dari sektor sumber-sumber utama, sektor pembuatan, sektor perkhidmatan dan sektor pelancongan menjelang tahun 2023. Menyedari akan pentingnya *SME* dalam menyumbang ke arah ekonomi Negara yang pelbagai dan berdaya tahan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengisytiharkan dekad 2010/2020 ini sebagai "Dekad Untuk Memacu Perkembangan *SME* bagi Negara Brunei Darussalam" ataupun dalam Bahasa Inggerisnya "*2010 to 2020 - The Decade to Spur SME Development in Brunei Darussalam*".

Aspirasi kementerian melalui pengisytiharan ini adalah untuk mengembangkan dan melahirkan lebih banyak *SME* yang lebih berkualiti sehingga mampu menembusi dan berdaya saing di pasaran serantau, antarabangsa dan global. Ini akan selanjutnya diikuti dengan merangka strategi dan program yang akan mendukung aspirasi "Dekad Untuk Memacu Perkembangan *SME* bagi

Negara Brunei Darussalam" dengan memfokuskan kepada enam rangka kerja pembangunan *SME* iaitu:

- 1) Persekitaran Yang Membolehkan Perniagaan;
- 2) Pembangunan Keusahawanan;
- 3) Akses Kepada Kemudahan Kewangan;
- 4) Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan;
- 5) Penerapan Inovasi & Teknologi; dan
- 6) Akses Kepada Pasaran.

Sementara soalan bilangan ke-27 iaitu mengenai bantuan Kerajaan untuk memajukan *SME*. Dalam hal ini, Yang Berhormat telah bertanyakan kenapakah kerajaan tidak mempelajari atau mengikuti langkah-langkah yang telah berjaya dilaksanakan oleh negara-negara jiran?

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama banyak terlibat dalam kerjasama sama ada dua hala dengan beberapa negara ataupun melalui rangkaian-rangkaian serantau bermaksud untuk berkongsi maklumat yang berkaitan dengan dasar-dasar pembangunan PKS atau *SME*, program-program dan inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha serta pendekatan-pendekatan yang telah diguna pakai oleh negara-negara yang berkenaan.

Antara inisiatif itu, boleh saya sebutkan di sini, ialah satu program kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (*MoU*) bersama *SME Corporation (SME Corp)*, Malaysia bagi perkongsian maklumat dan sumber kepakaran dalam bidang pembangunan *SME* yang

boleh dipelajari dan diguna pakai oleh Negara Brunei Darussalam. Dan Kementerian juga menggalakkan melalui institusi-institusi swasta seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Hong Kong and Shanghai Bank Corporation (HSBC), untuk mengendalikan bersama program-program pembangunan kapasiti SME terutamanya dalam bidang perkongsian kepakaran bagi *Program Business Mentorship* dan lain-lain.

Beberapa inisiatif untuk mempertingkatkan dan mengembangluaskan skop-skop perkhidmatan pembangunan *SME* di Negara ini. Walau bagaimanapun, sejauh mana sebarang maklumat dan *business model* yang dikongsikan adalah tertakluk kepada kesesuaian penerimaan masyarakat *SME* di Negara Brunei Darussalam ini dengan mengambil kira pengaruh persekitaran seperti suasana budaya kerja dan pembangunan sosio ekonomi masyarakat. Terdapat beberapa ciri yang unik bagi ekonomi Negara ini.

Ciri-ciri ini antara lainnya adalah pasaran dalam negara yang terhad disebabkan oleh penduduknya yang sedikit dan kadar kuasa pembelian ataupun *purchasing power* yang belum dapat mendokong sebarang perusahaan dan kos pengeluaran yang mencekik sebarang usaha untuk membolehkan sebarang perusahaan. Yang paling penting di antara ciri-ciri ini ialah belum terdapatnya keperluan mendesak (*urgent need*) untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menggembeng tenaga dan untuk mencari cara menimbal balik perusahaan minyak dan gas yang mana suatu masa nanti akan pupus.

Oleh yang demikian, jika *sense of urgency* ini tidak ada ataupun tidak ada keperluan

runcing atau mendesak, segala nasihat ataupun cadangan itu tidak akan mendapat reaksi yang diharapkan.

Mengenai soalan bilangan ke-27 (b), iaitu misi perdagangan. Misi perdagangan yang dicadangkan memang satu usaha atau pendekatan yang baik dan dialu-alukan. Pendekatan seumpama ini juga tidak kurang pentingnya bagi Negara Brunei Darussalam. Misi perdagangan ke negara-negara luar memang pernah dilakukan sebelum ini, akan tetapi dari pengalaman yang dipelajari, syarikat-syarikat tempatan amat perlu mempertingkatkan kedaya upayaan mereka dan memang sesungguhnya sudah siap siaga untuk mengurus niaga di peringkat antarabangsa.

Justeru itulah makanya pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengambil langkah-langkah tertentu dan memperkenalkan berbagai inisiatif untuk mempertingkatkan keupayaan syarikat-syarikat tempatan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa. Ini termasuklah inisiatif persijilan kualiti dan standard serta akreditasi piawaian antarabangsa seperti *Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP)* dan *Goods Manufacturing Practice (GMP)*. Hanya dengan adanya program-program sokongan dan dukungan seumpamanya ini membolehkan syarikat-syarikat tempatan dapat memasuki pasaran antarabangsa dan memenuhi keperluan-keperluan standard yang digariskan oleh negara-negara pengimport.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama percaya bahawa pihak bukan kerajaan juga memainkan peranan yang penting bagi mengadakan misi perdagangan

melalui Dewan-Dewan Perniagaan dan ini akan didukung oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Di samping itu juga usaha mempromosikan produk-produk perkhidmatan hasil keluaran *SME* di Negara Brunei Darussalam ini juga telah dibawa untuk menyertai ekspo-ekspo dan pameran-pameran antarabangsa.

Manakala soalan bilangan ke-28 pula ialah mengenai *Brunei Halal Brand* yang beroperasi di *United Kingdom* dan perkembangan *Brunei Halal Brand* terutamanya tentang penyediaan pekerjaan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam. Dengan tertubuhnya Pusat *Brunei Halal Brand* di *Birmingham, United Kingdom* pada tahun 2011, fokus operasi perdagangan syarikat pada peringkat ini adalah sebagai *retail customer base* untuk rantau Eropah. Pada peringkat awal ini, syarikat menjangkakan jualan yang sedikit rendah. Bagaimanapun dengan terdapatnya nanti produk-produk baru syarikat menjangka jualan akan terangsang. Syarikat pada masa ini aktif mempromosikan dan memperkenalkan jenama *Brunei Halal* dalam berbagai bentuk.

Menyentuh mengenai tenaga kerja yang ada di *Syarikat Wafirah Holdings Sdn. Bhd.* di *United Kingdom*, pada masa ini syarikat telah mengambil seramai 18 orang pekerja. Memang benar seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pekerja-pekerja tersebut setakat ini diisikan oleh orang luar kesemuanya terdiri dari negara-negara *United Kingdom*. Adalah juga benar seperti yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, terdapat seorang pelajar dari Negara Brunei Darussalam yang sedang dalam *industrial attachment* sebagai sebahagian daripada program pembelajaran penuntut tersebut.

Dengan berkembangnya operasi syarikat ini nanti, kita menjangkakan jawatan dan pekerjaan baru akan bertambah. Sebarang kekosongan jawatan akan kita iklankan bagi membolehkan anak-anak Brunei tempatan membuat permohonan melalui laman web *Brunei Halal*.

Dan soalan bilangan ke-29 mengenai apakah bantuan atau insentif yang dihulurkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan *SME* kita berkembang ke luar negara untuk menghadapi risiko-risiko?

Dalam hal ini, secara terus terang saya terangkan setakat ini memang diakui belum wujud skim untuk mengadakan insurans ataupun sebarang bantuan. Walau bagaimanapun, keperluan bagi perkara ini perlu dibuat penelitian lebih lanjut untuk disesuaikan sebagai satu dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, sebagai tindakan awal syarikat-syarikat tempatan yang membuat pelaburan di luar negara adalah dinasihatkan untuk membuat pemantauan dan penelitian masing-masing (*due diligent*) dan di sini adalah disarankan bagi syarikat-syarikat berkenaan dikehendaki untuk mendaftar syarikat-syarikat mereka bersama pihak perwakilan kerajaan Negara Brunei Darussalam di negeri-negeri di mana tempat mereka beroperasi. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan bilangan ke-30, 31 dan 32 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit juga berkaitan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan bilangan ke-30 31 dan 32 kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Soalan bilangan ke-30. Tayar terpakai yang ditempatkan di kawasan bekas Tapak Pembuangan Sampah Kampung Bukit Udal sekarang berjumlah ribuan biji dan jelas kelihatan dari Lebu Raya Telisai Tutong. Dengan adanya tayar-tayar ini disimpan begitu lama akan memungkinkan perkara-perkara yang tidak baik berlaku, sebagai misalnya pembiakan nyamuk atau kebakaran-kebakaran berlaku menyebabkan pencemaran udara. Pada 26 Januari 2011, satu rombongan daripada *Korean Environment Corporation (KECO)* telah mengadakan lawatan teknikal ke tapak berkenaan dan membincangkan mengenai potensi kerjasama di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam tentang memperkenalkan tayar-tayar ini dikitar semula (*recycle*).

- i. Apakah perkembangan kerjasama dan kolaborasi mengenai cadangan kitar semula (*recycle*) tayar-tayar tersebut?
- ii. Adakah sudah dalam perancangan kementerian untuk menjadikan tayar-tayar ini digunakan sebagai tukun ikan di laut jika tidak dikitar semula?

- iii. Apakah prasarana atau keperluan tertentu sebab-sebab penyimpanan tayar ini begitu lama?

Soalan bilangan ke-31. Musim buah-buahan tempatan di negara ini boleh dikatakan mempunyai pengeluaran yang menggalakkan dan buah rambutan adalah di antara buah yang paling banyak penghasilannya setiap musim sehingga tidak habis dituai, malahan dibiarkan begitu saja sehingga buruk.

Adakah pihak kementerian yang berkenaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan satu agensi bagi memproses lebihan buah-buahan seperti rambutan sebagai produk-produk yang boleh diekspor untuk menambah hasil negara yang bukan dari minyak dan gas?

Soalan bilangan ke-32. Pengawalan dan pengurusan supaya populasi ikan dari berkurangan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan adalah disanjung tinggi dengan membuat tukun, menghadkan jenis peralatan seperti pukut tunda, menentukan zon penangkapan ikan, penyelidikan, penguatkuasaan undang-undang dan peraturan dan lain-lain. Sekarang masalah yang berlaku ialah kerana perubahan dasar sungai dan kualiti air yang tercemar oleh tanah susur akibat pembangunan menyebabkan ikan-ikan, ketam, udang dan hidupan lain di sungai berkurangan.

Selain daripada itu, satu *Syarikat Biomarine Sdn. Bhd.* telah mengeluarkan hasil tuaian pertama berjumlah 45 tan metrik atau 7,500 ekor ikan Kerapu Hibrid ditenak di kawasan Pulau Pulong-Pulong dan Tanjong Pelompong sangat dibanggakan dan merupakan satu

kejayaan dalam industri perikanan. Satu kawasan juga telah diadakan di Sungai Paku.

Saya ingin bertanya:

- i. Apakah tindakan dan kawalan yang dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan terhadap sungai-sungai yang dimaksudkan?
- ii. Apakah perkembangan bagi ternakan ikan Kerapu Merah yang diusahakan oleh *Hi-Q Marine Biotech International Ltd.* di Sungai Paku yang sudah pun mencapai dua tahun sejak dilancarkan?
- iii. Adakah sisa atau cecair dari pembuangan sampah di Sungai Paku itu tidak menjejaskan industri ternakan ikan di kawasan tersebut?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam hal ini, soalan ke-30 ini yang berkenaan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah mengenai soalan ke-30 (ii) manakala soalan ke-30 (i) dan (iii) akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Walau bagaimanapun, dalam persoalan mengenai dengan perancangan Kementerian untuk menjadikan tayar-tayar tukun ikan di laut, saya telah menjelaskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

Walau macamapun untuk menjelaskan lagi memandangkan keberkesanan takat-takat tiruan yang kurang efektif dan boleh mendatangkan implikasi yang negatif pada eko-sistem marin dalam jangka

panjang khususnya dari segi bahan tayar-tayar lama yang digunakan, struktur pembinaan takat-takat tiruan yang mudah terlepas semasa berada di dasar laut yang mana akan menjejaskan persekitaran eko-sistem marin maka penggunaan tayar-tayar lama sebagai takat-takat tiruan tidak lagi diusahakan di Negara ini. Kaedah ini juga tidak digunakan lagi oleh negara-negara lain termasuklah negara-negara di rantau ini.

Sementara menunggu Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjawab soalan bilangan ke-30 (i) dan (iii), saya akan menjawab soalan bilangan ke-31 iaitu rancangan Kementerian untuk menubuhkan satu agensi bagi memproses lebihan buah. Ini juga saya telah jelaskan semasa kita berbincang di Peringkat Jawatankuasa. secara ringkas, walau macamapun, pembuatan untuk mengadakan ini selalunya diusahakan oleh pihak swasta seperti yang saya sebutkan dan kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan memberi dukungan yang sepatutnya bagi penubuhan sebarang agensi untuk memproses buah.

Sementara itu soalan bilangan ke-32, adalah mengenai apakah tindakan kawalan yang dilaksanakan pihak yang berkenaan terhadap sungai-sungai yang dimaksudkan. Dalam hal ini pada tahun 2009, Jabatan Perikanan telah melaksanakan kaji selidik sumber udang galah di sungai Temburong yang mana telah mendapati penurunan stok udang galah. Faktor-faktor yang menyebabkan penurunan stok tersebut adalah:

- 1) Peningkatan jumlah nelayan sambilan;

- 2) Penggunaan alat menangkap udang galah yang berlebihan; dan
- 3) Pencemaran sungai yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti seperti penebangan pokok, pembersihan kawasan untuk pertanian dan aktiviti perlombongan batu kelikir.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perikanan akan melakukan program-program tersebut di lain-lain daerah.

Soalan bilangan ke-30 (ii), apakah perkembangan ternakan ikan Kerapu Merah yang diusahakan oleh *Hi-Q Marine Biotech International Ltd.* Ini saya ingin membetulkan bahawa ikan Kerapu Merah adalah dilaksanakan oleh Syarikat *My Invest Co. High-Q Biotech Sdn. Bhd.* dan bukannya *Hi-Q Marine Biotech International Ltd.* dan Jabatan Perikanan telah menawarkan tapak kepada Syarikat tersebut pada bulan Disember 2011 dan projek ini bermula 14 bulan yang lalu dan Syarikat *My Invest Co High-Q Biotech Sdn. Bhd.* telah memulakan pembinaan *sub-structure* pada bulan Julai 2012, dan pada masa ini 30% pembinaan bangunan telah pun siap dilaksanakan. Mengikut perancangan, pelaksanaan Syarikat tersebut, projek ini dijangka akan beroperasi pada bulan Disember tahun ini.

Sementara soalan ke-32 (iii), mengenai dengan sisa-sisa atau cecair dari pembuangan sampah di Sungai Paku sama ada akan menjejaskan industri ternakan di kawasan tersebut. Ini memang diakui ada berlaku sisa-sisa dan cecair dari pembuangan sampah di Sungai Paku tetapi tidak akan menjejaskan kepada ternakan ikan kerapu

yang akan diusahakan di sana. Ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

Syarikat berkenaan yang terlibat dalam penternakan kerapu iaitu *My Invest Co High-Q Biotech Sdn. Bhd.* menggunakan teknologi *close recirculating eco-culture system* di mana ianya akan menggunakan air laut yang disimpan dalam tangki takungan dirawat dan digunakan semula setelah melalui proses rawatan dan tapisan dan tangki-tangki ternakan yang digunakan ialah daripada konkrit atau dilapis dengan *HDPE* bagi menghindari endapan (*shifting*) air tanah yang akan menjejaskan ternakan nanti.

Itu sahaja yang dapat saya terangkan mengenai dengan soalan bilangan 32 (iii). Saya fikir itu sahaja bagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai Soalan Yang Diberi Notis daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tentang perkembangan kerjasama dan kolaborasi mengenai cadangan kitar semula (*recycle*) tayar-tayar tersebut. Sebenarnya sebagai latar belakang perkara ini, tayar-tayar itu sebenarnya memang sudah lama terbuang.

Sebelum usaha untuk mengitar semula tayar-tayar ini, tayar-tayar itu dibuang begitu sahaja, jadi Jabatan JASTRE mengambil tindakan untuk

menempatkannya di satu tempat dan siapa-siapa yang akan membuang tayar bolehlah membuang di kawasan Bukit Udal. Apabila sudah tayar-tayar itu begitu banyak, sebagai langkah seterusnya JASTRE telah pun mengeluarkan *tender* bagi pengusaha yang berminat untuk mengitar semula tayar-tayar tersebut. Perkara ini telah pun *ditender* dan ada syarikat tempatan yang berjaya untuk mengitar semula tayar-tayar tersebut.

Malangnya syarikat tersebut belum dapat bertindak seperti yang telah pun dipersetujui dalam perjanjian itu. Jadi tayar-tayar itu terbiar begitu sahaja hinggalah satu kejadian yang berlaku dalam dua bulan lepas, satu kebakaran di atas tayar-tayar yang sudah pun disimpan begitu banyak untuk dikitar semula.

Setelah kebakaran itu dapat dihapuskan, tindakan seterusnya ialah bertanya semula kepada kontraktor berkenaan, adakah mereka masih berminat untuk meneruskan perjanjian dengan pihak JASTRE mengenai pengitaran semula tayar-tayar tersebut. Setakat ini mereka masih memberitahu keinginan untuk meneruskan usaha itu dan kita tunggulah sampai bila mereka akan mengusahakannya. Jika takdirnya atas sebab-sebab tertentu, ataupun jika tidak ada perkembangan daripada pihak kontraktor, maka cadangan kitar semula itu akan ditarik balik daripada kontraktor berkenaan dan akan kita bukakan semula untuk *ditender* bagi kontraktor ataupun bagi siapa-siapa sahaja anak syarikat yang dapat mengusahakannya supaya tayar-tayar itu tidak terbiar begitu sahaja.

Soalan seterusnya iaitu apakah prasarana atau keperluan tertentu bagi sebab-sebab penyimpanan tayar itu begitu lama? Pada masa ini tidak ada prasarana yang diperlukan selain daripada satu tapak yang mana tayar-tayar itu disimpan. Seperti yang dinyatakan, tapak yang dikenalpasti ialah di Bukit Udal, dan selain daripada itu tidak ada lagi prasarana yang lain melainkan setiap syarikat yang ingin mengusahakan kitar semula tayar-tayar ini dan akan membawa apa jua keperluan-keperluan seperti apa yang kita cadangkan kepada tayar-tayar itu. Itu sahaja yang saya sampaikan Yang Berhormat, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-33 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin juga berkaitan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin: Yang Berhormat Yang Di-Pertua soalan saya bilangan ke-33 kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Usaha-usaha Negara Brunei Darussalam ke arah membangun dan mengukuhkan keupayaan dalam Sains Halal dan Inovatif sangat dialu-alukan dengan penubuhan Pusat Sains Halal Negara Brunei Darussalam. Dengan wujudnya pusat ini, objektif untuk membuat pengesahan halal, pengesahan inovasi serta penyelidikan dan pembangunannya akan dapat dicapai. Demikian juga berdasarkan kadar pertumbuhan global

yang dicatatkan bahawa pertumbuhan *global industry* halal meningkat dengan ketara. Pada tahun 2011, dianggarkan bernilai USD2.2 trilion, di mana 17% (USD632 billion) dianggarkan mewakili keseluruhan Industri Makanan Halal Global dan 1.8 billion orang Islam mewakili 25% penduduk dunia telah menguatkan lagi peningkatan permintaan global bagi produk dan perkhidmatan halal.

Soalan saya, bagaimana penganalisaan dan pengesahan dilaksanakan terhadap barang-barang makanan daripada luar negara yang ada di pasaran yang berasaskan daging ayam atau lain-lain binatang yang boleh dimakan yang berkemungkinan tidak menjalani penyembelihan secara hukum syarak boleh dilakukan oleh pusat ini?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia khususnya yang disoalkan ialah bagaimana penganalisaan boleh dilakukan kepada daging ayam dan lain-lain binatang yang boleh dimakan yang berkemungkinan tidak menjalani penyembelihan secara hukum syarak. Ertinya sama ada ia disembelih secara hukum syarak ataupun tidak. Jadi berasaskan penganalisaan yang ada pada masa ini, sama ada ia menjalani penyembelihan secara syarak ataupun tidak, ianya belum dapat dilaksanakan oleh Pusat Sains Halal Negara Brunei Darussalam memandangkan belum ada teknologi atau kaedah penganalisaan dan pengesahan yang dapat menangani isu ini.

Perkara ini juga tidak boleh dilaksanakan oleh mana-mana makmal atau Pusat Sains Halal di luar negara, kerana perkara ini adalah baru dan sebab ianya bukan dinilai dari segi bahan tetapi dari segi pengolahan sama ada ia melalui proses penyembelihan, yang mana selalunya yang akan didapatkan adalah *secondary indicators* terutamanya tentang menilai *stress indicator* dan itupun tidak 100% diakui betul.

Jadi perkara ini belum lagi ada kaedah untuk mengetahui sama ada daging-daging ayam, ataupun daging-daging itu disembelih secara halal tetapi sebelum ianya disembelih, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan pemantauan dan pemeriksaan kepada kilang-kilang penyembelihan di luar negara dan di dalam negara. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-34 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, soalan bilangan ke-34 kepada Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Di Daerah Temburong terdapat 5 buah Projek Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) yang telah diberikan kebenaran oleh Jabatan Tanah yang sudah lama dimajukan dan pada masa

ini ada 7 projek kawasan yang mana dimaklumi telah disokong oleh Jawatankuasa Projek Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) di peringkat tertinggi iaitu kawasan-kawasan Lepong Lama, Lepong Baru, Gadong Baru, Kampung Tanjung Bungar I, Kampung Tanjung Bungar II, Kampung Parit dan Kampung Parit Lama.

Memandangkan perkara ini sudah lama dipohonkan oleh Projek Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) dan telah dimaklumkan oleh Penguasa Projek Ladang Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) bahawa setakat ini mereka belum lagi mendapat kebenaran dari pihak Jabatan Tanah. Saya juga ingin merujuk kepada pertanyaan saya mengenai dengan bantuan sistem pengaliran ke kawasan ladang-ladang pada khususnya di Daerah Temburong yang saya timbulkan pada Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2012 yang lalu.

Saya ingin bertanya:

- a) Apakah kedudukannya mengenai permohonan Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) ke atas 7 buah kawasan tersebut?
- b) Adakah sudah peruntukan disediakan untuk membuat sistem pengaliran ke kawasan ladang-ladang padi di Daerah Temburong?
- c) Bagaimanakah kedudukan projek *joint venture* dengan syarikat swasta dengan kerajaan itu, adakah mempunyai hasil pulangan yang memuaskan?

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama: Terima kasih sekali lagi Yang

Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Soalan ke-34 (a) mengenai perkembangan 7 buah kawasan Kemajuan Pertanian ataupun (KKP) dan Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) di 7 buah kawasan di Temburong. Yang sebenarnya perkara ini masih belum mendapat kebenaran untuk dimajukan di bawah Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB).

Perkara ini telahpun dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Tertinggi Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB). Walau macam manapun, memandangkan kebanyakan kawasan-kawasan Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB), yang telah diberi kebenaran kurang aktif dan tidak diusahakan sepenuhnya, maka permohonan ini masih dalam penelitian. Jika dibandingkan hasil pengeluaran dengan jumlah kawasan yang dibuka bagi tanaman buah-buahnya, menunjukkan produktiviti yang amat rendah yang mana merupakan satu pembaziran tapak-tapak yang telah diberikan.

Jadi ketika ini terdapat perubahan syarat ke atas permohonan baru bagi tapak-tapak Lesen Tumpang Sementara atau TOL ataupun di LTS bagi kawasan Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB). khususnya untuk perusahaan pertanian. Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan telah membekukan semua permohonan-permohonan baru bagi tapak LTS ini termasuklah permohonan kawasan Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) yang baru.

Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan juga menyarankan agar semua tapak-tapak perusahaan pertanian ini dapat diwartakan atau digazetkan

di bawah kawalan Jabatan Pertanian dan Agri-Makanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama seperti juga tapak-tapak di bawah kawasan Kemajuan Pertanian (KKP). Pengurusan ladang di bawah kawasan Kemajuan Pertanian ataupun KKP mempunyai objektif-objektif tertentu dengan syarat-syarat pemberian yang lebih ketat dan teratur.

Berbalik semula kepada penghasilan rendah ladang Tapak Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB) pada masa ini, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menyediakan perancangan untuk memantapkan pengeluaran hasil kualiti dan produktiviti bagi setiap ekar melalui program pengurusan ladang yang baik, Pembangunan Tenaga Manusia dan meneruskan kempen penanaman buah-buahan khas secara tempatan.

Sementara soalan ke-34 (b) ialah mengenai peruntukan untuk membuat sistem pengaliran di kawasan ladang-ladang padi di Temburong. Sepertimana yang sudah dimaklumi, di Daerah Temburong belum ada mempunyai sumber air yang khusus bagi membekalkan sistem pengaliran dan saliran di kawasan-kawasan projek penanaman padi di Daerah berkenaan sepertimana yang terdapat di Daerah Brunei dan Muara, belum berapa lengkap. Sehubungan dengan ini, satu Projek Kajian awal kemungkinan atau *free feasibility study* telahpun dijalankan. Projek Kajian awal ini telah selesai pada bulan Februari lepas. Skop pekerja yang terkandung di dalam Projek Kajian ini adalah menyediakan *Schematic Plan*, Induk Sistem Pengaliran bagi kawasan-

kawasan Lakuin, Pedayan, Selapun, Senukoh dan Piasau-Piasau.

Di samping itu juga, pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan kerjasama Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan akan melantik *consulting engineers* bagi sistem *supply water* dari *irrigation system* di Lakuin, Pedayan, Senukoh, Selapun dan Selangan. Projek ini masih dalam penyediaan dokumen tawaran dan telah pun diiklankan pada penghujung Mac ini dan seterusnya peruntukan yang akan menggunakan Peruntukan Khas berbentuk K24007 Projek Penanaman Padi yang telah diluluskan.

Sementara soalan ke-34 bilangan (c), saya rasa ini telah saya jawab dalam sidang kita di Peringkat Jawatankuasa. Jadi sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan. Soalan bilangan ke-35 daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:
Yang Berhormat Yang Di-Pertua Soalan bilangan ke-35 kepada Kementerian Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pihak Kerajaan tidak dinafikan berusaha untuk melindungi kepentingan Kerajaan

dan orang ramai mengenai tanah kerana tanah ialah aset negara yang paling berharga. Kadangkala untuk mempercepatkan kerja-kerja bagi memproses permohonan dari orang ramai, Kerajaan telah melantik juruukur swasta yang diiktiraf, tetapi harga yang dikenakan terlampau mahal, sebagai misal membuat Peta Topo (*Topography*) mencapai sehingga \$10,000.00.

Saya ingin bertanya, adakah pihak-pihak yang berkenaan akan mengkaji semula mengenai dengan bayaran profesional yang dikenakan oleh juruukur swasta yang berdaftar ini dan menetapkan kepada kadar yang bersesuaian supaya mereka tidak akan mengenakan bayaran dengan tanpa kawalan?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua soalan bilangan ke-35 saya rasa sudahpun dijawab dengan panjang lebar semasa membincangkan peruntukan bagi Jabatan Kementerian Pembangunan. Walau bagaimanapun secara ringkasnya untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan mengapa membuat Peta Topo mencapai hingga mahal mencapai \$10,000.00 itu? Untuk menjawabnya perkara ini akan dibawa ke perhatian Juruukur Agung untuk dibincangkan di Lembaga Juruukur Tanah Berlesen, di sana nanti mereka akan membincangkan jika ada cara-cara untuk mengurangkan harganya. Seperti yang saya terangkan bahawa harga kerja topo ini sudah lama dikenalkan dan harganya tidak berubah dari dulu hingga sekarang.

Walaupun bagaimanapun mengambil kira jua apa yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat tadi mengenai dengan harga kos ini, pihak kita juga telah mengusahakan beberapa cara. Salah satu daripadanya ialah apa yang boleh kita lakukan untuk tidak menghendaki kerja-kerja pengukuran topo bagi kerja-kerja pembinaan dan kemajuan tanah. Jika sekiranya peta-peta topografi tapak berkenaan ada terdapat di Jabatan Ukur jadi pemohon bolehlah membeli saja peta-peta tersebut di Jabatan Ukur, tidak perlu lagi mengupah Juruukur untuk membuat kerja-kerja baru.

Kaedah kedua untuk mengurangkan harga topo ini ialah *auto photo down contour* yang dijana dari *data liner* yang ada di Jabatan Ukur boleh diguna pakai jika tidak ada perubahan pada tapak berkenaan dan harga data ataupun pelan tersebut adalah jauh lebih murah. Ini juga salah satu cara untuk mengurangkan kos keseluruhan kepada pemohon jika itu yang menjadi isunya. Jadi saya harap Yang Berhormat Yang Di-Pertua jawapan itu cukup untuk menjawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan bilangan ke-36, 37 dan 38 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-37 saja kepada Kementerian Pembangunan. Soalan ke-36 dan ke-38 telah dijawab dalam Peringkat Jawatankuasa tidak perlu dijawab. Terima kasih.

Soalan bilangan ke-36. Di Mukim Rambai terdapat satu kawasan yang telah dibersihkan beberapa tahun yang lalu yang mempunyai keluasan berpuluh-puluh hektar yang pada masa ini masih terbiar dan sekarang menjadi semak.

Apakah perancangan pihak Kementerian bagi kawasan itu dan kalau belum ada perancangan tertentu adakah Kementerian berkenaan dapat memperuntukkan kawasan tersebut kepada peladang-peladang di Mukim Rambai atau dari mukim-mukim lain dari Daerah Tutong yang berminat untuk mengusahakan kawasan tersebut?

Soalan bilangan ke-37. Membuang sampah di tepi-tepi jalan, membakar sampah di kontena disediakan, membuang sampah kilang di kontena kecil di kampung-kampung dan menggunakan kontena pembuangan sampah dengan tidak betul semakin menjadi-jadi. Ini bukan saja mencemarkan udara dan alam sekitar, tetapi juga mengeluarkan bau busuk dan mungkin akan membawa penyakit yang berjangkit.

- i) Apakah sebabnya perkara ini berlaku?
- ii) Adakah disebabkan tempat-tempat pembuangan sampah yang disediakan itu tidak mencukupi atau adakah pengawalan tidak teratur?
- iii) Apakah rancangan kementerian yang berkaitan untuk memperbaiki dan memperketatkan arahan-arahan, peraturan-peraturan dan undang-undang mengenai pembuangan atau pelupusan sampah yang tidak teratur ini?

Soalan bilangan ke-38. Proses-proses seperti penyukatan tanah, pindah milik, pemecahan tanah dan menukar syarat khas tanah pada masa ini agak lambat jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau, walaupun pembayaran yang diminta telah pun dijelaskan. Ini menjadi masalah kepada mereka yang ingin memajukan tanah mereka sama ada untuk membangun rumah atau lain-lain kegunaan.

Apakah tidak ada suatu cara atau mekanisme lain untuk mempercepatkan proses tersebut?

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk menjawab soalan bilangan ke-37 mengenai dengan isu membuang sampah ini. Isu membuang sampah di tepi-tepi jalan ini dengan tidak menggunakan kontena pembuangan sampah dengan betul serta membakar sampah di dalamnya adalah satu perkara yang kita masih belum dapat di atasi dengan sepenuhnya kerana masih ada di kalangan orang ramai yang masih kurang bertanggungjawab dan membuang sampah sewenang-wenangnya di merata tempat, bukan di tempat yang disediakan.

Sebenarnya seperti yang telah kita terangkan jua, pihak Kementerian lebih cenderung jika sampah tersebut dikutip daripada setiap rumah kemudian dibawa terus ke tempat pembuangan sampah di Sungai Paku. Cara ini kita rasa lebih sistematik, kemas dan mudah. Tetapi masih ramai yang enggan untuk berbuat demikian kerana tidak mahu membuat pembayaran pengutipan sampah. Mereka lebih suka menghantar sampah mereka ke tempat-tempat pembuangan sampah dan

ada yang membuangnya di tepi-tepi jalan saja. Di beberapa tempat pembuangan sampah, oleh kerana ada berlakunya kerosakan di atas kontena-kontena yang telah pun disediakan seperti dibakar dan sebagainya, tempat-tempat tersebut kini ada penjaga ditugaskan.

Buat pada masa ini belum ada sebarang undang-undang yang boleh dikenakan bagi mendenda mereka yang membuang sampah sesuka hati tetapi perkara ini dalam kajian pihak Kementerian. Insya-Allah jika undang-undang sedemikian dapat dikuatkuasakan dari segi *enforcement*, undang-undang sedemikian akan diperkenalkan jua bagi mengatasi pembuangan dan pelupusan sampah yang tidak menentu.

Seperti yang pernah saya nyatakan jua apa yang sedang digubal pada masa ini ialah *Environmental Protection and Management Order* yang mengandungi 2 elemen penting iaitu:

- 1) *Environmental Impact Assessment and Pollution Control*; dan
- 2) *Toxic and Hazardous Waste Control Order*.

Apa yang kita harapkan dengan adanya kedua Akta ini nanti kita akan dapat menguatkuasakan apa jua pelanggaran yang dilakukan oleh orang-orang awam.

Walaupun soalan bilangan 38 tidak perlu dijawab saya rasa untuk menjelaskan sedikit saja mengenai perkara penyukatan tanah ini kerana perkara ini satu topik hangat yang sentiasa ditimbulkan oleh orang ramai. Jadi saya ingin dengan izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk menjawab sedikit.

Mengenai proses penyukatan tanah, pindah milik, pemecahan tanah dan menukar syarat khas tanah yang masa ini agak lambat. Perkara ini kita ambil maklum, beberapa perubahan seperti keperluan dokumen-dokumen, butir-butir maklumat tertentu atau peta tanah yang lazimnya diperlukan mungkin tidak lagi diperlukan bagi mempercepatkan proses permohonan ini.

Di samping itu kita juga meneliti sama ada beberapa peraturan dan garis panduan yang berjalan sekarang masih ada ruang untuk diperbaiki dan sama ada ia boleh menjejaskan kepentingan Negara atau sebaliknya. Kita mahu garis panduan ini jelas supaya dapat dilaksanakan secara konsisten. Semua implikasi mengenai dengan perubahan kepada peraturan tanah, maklumat-maklumat berkaitan dengan tanah dan sebagainya akan diteliti agar kepentingan Negara dapat terus dipelihara di samping kepentingan pemilik tanah itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-39 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-39 kepada Kementerian Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara

Brunei Darussalam di Balai Singgahsana bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-65 Tahun, Baginda telah bertitah bahawa Baginda gembira pada mengetahui akan perkembangan rancangan Kerajaan bagi membina sebuah jambatan yang akan menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei Muara yang telah selesai kajian *feasibility*. Rakyat dan penduduk di Negara ini bersyukur atas pengurniaan titah Baginda itu.

Saya ingin tahu:

- a) Bilakah projek ini akan dimulakan dan dimanakah laluan-laluan serta jarak jauh laluan yang dipilih dan berapa lamakah projek ini dijangka akan siap?
- b) Jika tawaran (*tender*) sudah dikeluarkan, syarikat dan pakar perunding (*consultant*) dari luar negeri manakah yang diamanahkan melaksanakan projek ini?
- c) Apakah syarikat-syarikat bumiputera dari rakyat tempatan diberi peluang untuk menyertai projek mengikut kemampuan mereka?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menjawab soalan mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan Projek Membina Jambatan. Projek ini telah pun bermula walaupun tidak nampak pada masa ini. Kerja-kerja awal Projek ini seperti kajian tanah, kerja-kerja ukur dan penilaian kesan terhadap alam sekitar

pada masa ini sudahpun berjalan sejak dari siapnya kajian pada tahun lepas.

Selain itu urusan-urusan penyediaan *design, drawing, tender document*, penilaian ke atas syarikat-syarikat yang mungkin layak turut serta sudah berjalan sejak awal tahun ini. Mengikut kajian yang telah pun dibuat, jambatan yang panjangnya kira-kira 30 kilometer itu akan bermula dari Jalan Kota Batu hingga ke Kampung Labu Estate. Projek ini dijangka akan mengambil tempoh masa 5 tahun untuk siap, insya-Allah.

Projek ini mengandungi beberapa pakej. Tender bagi projek ini akan dibukakan kepada pemborong-pemborong antarabangsa dan pemborong dalam negeri. Salah satu syarat yang dikenakan kepada pemborong antarabangsa ialah mereka mestilah melibatkan pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan untuk melaksanakan projek ini.

Begitu juga kita berharap *spin off* dari projek ini nanti akan juga memberi peluang perniagaan yang lebih luas kepada pemborong tempatan sama ada dari segi pembekalan barang-barang binaan, perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, pembinaan infrastruktur dan sebagainya. Makanya apa yang kita harapkan dengan siapnya projek jambatan ini nanti, selain ia akan menghubungkan Daerah Temburong dengan keseluruhan Negara Brunei Darussalam, ia juga akan menyumbang kepada peningkatan potensi ekonomi yang amat besar kepada Negara Brunei Darussalam secara keseluruhannya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

di samping mengelakkan dari penghijrahan ke kawasan bandar?

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-40 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Yang Berhormat Yang Di-Pertua Soalan bilangan ke-40 kepada Kementerian Pembangunan.

Di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kelapan pada tahun lepas, adalah dicadangkan supaya Rancangan Perumahan Negara dapat dilaratkan ke kawasan-kawasan pedalaman bagi mengelakkan penghijrahan penduduk ke bandar-bandar dan sekaligus menyelamatkan kawasan pedalaman dari menjadi lengang tidak berpenghuni seperti yang berlaku di Mukim Kuala Balai. Mengikut Banci Penduduk yang dijalankan oleh JPKE pada tahun 2012, bilangan penduduk di kawasan pedalaman seperti Mukim Labi, Melilas, Sukang dan Bukit Sawat semakin jauh berkurangan kerana berhijrah ke pekan dan bandar kerana menerima Skim Rancangan Perumahan Negara.

Saya ingin bertanya:

- a) Adakah dasar kerajaan dalam merancang untuk membina Perumahan Negara hanya ditumpukan di kawasan-kawasan bandar sahaja?
- b) Jika ya, adakah ada perancangan Kerajaan untuk mengkaji semula dasar tersebut dengan melaratkan pembangunan perumahan negara itu ke kawasan pedalaman supaya kawasan-kawasan ini juga dapat menikmati arus pembangunan

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan jawab mulut daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Yang sebenarnya di dalam *National Land Use Masterplan* ataupun dalam Pelan Induk Kebangsaan Guna Tanah, penekanan bagi tapak-tapak perumahan adalah tertumpu kepada kawasan-kawasan *urban footprint* iaitu kawasan yang sudah ada kemajuan seperti infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti elektrik, air dan kawasan yang mudah didatangi dan tidak jauh dari di mana adanya penduduk.

Walau bagaimanapun di dalam pelan-pelan perancangan daerah-daerah seperti Daerah Tutong dan Daerah Belait beberapa kawasan juga telah dikenal pasti sebagai pusat pertumbuhan (*growth areas*) seperti Kampung Menengah dan Kampung Kebia di Daerah Tutong dan Kampung Labi dan Kampung Bukit Sawat di Daerah Belait, maka kampung-kampung berkenaan bolehlah kita merancang untuk menempatkan projek Perumahan Negara di kawasan-kawasan sedemikian.

Kita memahami saranan atau cadangan bagi menempatkan Rancangan Perumahan Negara di kawasan pedalaman dan kesan penghijrahan dari kampung ke kota tetapi perkara ini harus ditangani secara komprehensif dan holistik kerana ia melibatkan beberapa kementerian-kementerian yang berkenaan. Ini bererti keputusan seperti ini seharusnya diambil setelah berunding dengan *stakeholders* yang lain dalam Kerajaan. Jangan sampai ada perumahan tetapi tidak ada penghuni untuk menghuni rumah tersebut. Salah

satu kaedah yang boleh diambil ialah dengan membangun rumah mengikut permintaan (*demand driven*).

Dengan cara ini, kita pasti rumah-rumah tersebut akan didiami dan tidak tinggal kosong. Insya-Allah perkara ini akan ditunduki secara lebih mendalam lagi oleh Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya sebelum dibincangkan dengan *stakeholders* yang lain dalam Kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-41 daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-41 kepada Kementerian Pembangunan.

Kesesakan-kesesakan jalan raya sering berlaku di jalan-jalan utama yang menuju ke Bandar Seri Begawan dan tidak ada jalan alternatif yang digunakan jika sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini. Sebagai misal Lebuhraya Tutong - Muara dan Tungku Link yang mana setiap kali ada kemalangan pengguna-pengguna di jalan tersebut terpaksa menunggu berapa lama.

- 1) Saya ingin tahu apakah perancangan pihak yang berkenaan bagi mengatasi perkara ini?
- 2) Untuk melancarkan perjalanan kenderaan, adakah perancangan pihak

yang berkenaan untuk membina *flyover* di jalan-jalan utama yang mengalami kesesakan lalu lintas bagi menggantikan lampu-lampu isyarat?

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Untuk menjawab Soalan Yang Diberi Notis daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. Untuk mengatasi kesesakan di jalan raya dan bagi memastikan keselamatan bagi pemandu dan pejalan kaki, sudah banyak usaha telah diambil oleh Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya khususnya seperti mengenal pasti di mana kawasan kesesakan yang sering berlaku.

Kemudian kita akan membincangkan cara mengurangkan kesesakan ini sama ada memadai dengan melebarkan jalan raya berkenaan atau membuat *slip road* (jalan susur) atau perlu membuat jalan raya tambahan tertakluk kepada kedudukan jalan seperti membuat Jalan Penghubung Jerudong-Tungku atau membuat jejambat *interchange* seperti yang dibina sekarang di beberapa tempat dan kawasan.

Tempat-tempatnya ialah seperti di Pusing Keliling Berakas, Jalan Babu Raja yang bertembung dengan Jalan Tutong, Jalan Telanai dengan Jalan Gadong dan di Bukit Beruang, Tutong. Kita juga boleh membina jambatan jika bersesuaian seperti Projek Jambatan Sungai Kebun yang diharapkan apabila ia siap nanti akan dapat mengurangkan jumlah kenderaan-kenderaan yang menggunakan Jalan Tutong dari Kawasan Lumapas dan Kasat.

Buat pada masa ini, Jabatan juga membuat kajian bagi membina jejambat daripada Kawasan Lumapas menuju ke

Jalan Telanai melalui Pulau Rangu. Di samping itu, Jabatan Kerja Raya juga membuat kajian terperinci terhadap kesan membina *skyway* di kawasan-kawasan yang mengalami kesesakan lalu lintas termasuklah Jalan Tutong dan Jalan Gadong.

Akhir sekali, di kawasan-kawasan yang bersesuaian termasuk pusing keliling, kita juga akan menggunakan lampu isyarat bagi meningkatkan lagi keselamatan di jalan raya dan mengurangkan kesesakan.

Dan satu kaedah yang sudah terbukti berjaya mengurangkan kesesakan ialah melalui kaedah atau kemudahan *park and ride* seperti yang diadakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS). Mungkin kaedah ini dapat diperkenalkan di kawasan-kawasan lain seperti kawasan komersil Gadong dan Kiulap. Ini adalah penyelesaian dalam pemikiran pihak Kementerian Pembangunan untuk mengadakannya nanti jika diperlukan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan untuk berehat selama 20 minit, terima kasih

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini disambung semula dan kita masih lagi

membincangkan Perkara V Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Sekarang kita beralih kepada soalan seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-42 Isu Perumahan dan bilangan ke-43 Sistem Pembuangan Sampah daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-42 dan ke-43 ditujukan kepada Kementerian Pembangunan.

Isu Perumahan

Di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kelapan pada tahun 2012 lalu, saya telah menimbulkan mengenai pembahagian rumah kepada Penduduk-Penduduk Tetap yang memegang Kad Pintar Ungu yang rata-rata mereka ini memegang *Resident Permit/Entry Permit*. Kebanyakan mereka yang tinggal di Kampung Jabang, Seria tidak memiliki tanah atau tanah TOL dan terpaksa membina rumah di atas tanah setinggian sejak 30 - 40 tahun yang lalu.

Masalahnya sekarang ialah sebahagian besar daripada kawasan tersebut telah ditimbuk untuk dijadikan Kawasan Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati/Rancangan Perumahan Negara bagi kawasan Pekan Seria dan sebahagian lagi ditimbuk untuk digunakan bagi Kawasan Taman Permainan dan mencantikkan Pekan Seria. Mereka telah memohon supaya mereka diberikan pertimbangan untuk mendapatkan perumahan di Skim Perumahan Negara atau diberi tanah secara TOL untuk membuat rumah atau diberikan barek Kerajaan.

Apakah usaha-usaha pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah setinggian di Kampung Jabang, Pekan Seria ini?

Sistem Pembuangan Sampah

Pada masa ini Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Pembuangan Sampah yang dianggap teratur dan selamat daripada pencemaran dengan menyediakan satu kawasan di Sungai Paku, Mukim Tutong. Sampah-sampah di ketiga-tiga daerah dikumpul di kawasan tersebut untuk dilupuskan.

Masalah yang timbul ialah bagi penduduk-penduduk yang mengangkat sampah mereka sendiri adalah terlalu jauh dari tempat-tempat pembuangan sampah yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi kurang mampu disebabkan jumlah sampah begitu banyak.

Selain daripada itu, jarak pembuangan sampah antara Kuala Belait dan Pekan Seria ialah kurang lebih 40 kilometer, dengan yang demikian kekerapan pengangkutan sampah tidak dapat dibuat secara tetap. Ini menyebabkan sampah-sampah itu menjadi busuk dan berbau.

Untuk menghindarkan masalah ini adakah perancangan Kementerian berkenaan untuk membuat kawasan pengumpulan sampah di kawasan Kuala Belait dan Pekan Seria bagi kegunaan penduduk di kawasan tersebut sebelumnya diangkat oleh syarikat-syarikat yang menjalankan pelupusan sampah ke kawasan Sungai Paku?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang

Berhormat Yang Di-Pertua. Saya rasa soalan 42 dan 43 ini telah pun dijawab dalam perbincangan mengenai dengan Peruntukan Jabatan Perumahan Negara. Jadi saya rasa tidak perlu dijawab lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-44 dan ke-45 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @Haji Md. Daud bin Karim: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-44 dan ke-45 kepada Kementerian Pembangunan.

Soalan bilangan ke-44. Pembinaan Rumah-Rumah Skim Rancangan Perumahan Negara pada masa ini tertumpu kepada 3 kawasan iaitu Tanah Jambu, Kampung Meragang dan Mengkubau.

Saya ingin bertanya, adakah kemudahan-kemudahan asas seperti masjid dan sekolah dibina di kawasan berkenaan dan apakah langkah-langkah atau usaha-usaha pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Pembangunan untuk mengatasi kesesakan jalan raya di kawasan berkenaan?

Soalan bilangan ke-45. Salah satu pintu masuk pelancong ke Negara Brunei Darussalam ialah melalui Pelabuhan Muara.

Adakah perancangan kementerian berkenaan akan menaikkan taraf jalan raya di Pekan Muara di samping menyediakan kemudahan-kemudahan biasa seperti tandas-tandas awam, terminal bas dan penyimpanan teksi (*taxi stand*) bagi memudahkan pelancong-pelancong berurusan?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seperti juga soalan 42 dan 43 tadi, saya rasa soalan 44 ini telah pun dijawab pada awal mesyuarat. Tetapi untuk soalan 45, saya cuma ingin menjawab sebahagian saja kerana sebahagiannya menyentuh mengenai dengan kemudahan tandas-tandas dan terminal bas bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan. Cuma saya ingin menjawab hanya mengenai taraf jalan raya di Pekan Muara.

Pihak Kementerian Pembangunan mengakui adanya sebahagian jalan raya di Pekan Muara yang memerlukan pembaikan dan penaikkan taraf. Ke arah ini Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya telah ada perancangan bagi menaik taraf jalan raya di Pekan Muara melalui Peruntukan Khas Jabatan bagi Tahun Kewangan 2013/2014 ini.

Insya-Allah kerja-kerja yang dimaksudkan akan dapat dimulakan dalam Tahun Kewangan yang baru ini. Jadi mengenai penyediaan kemudahan seperti tandas-tandas awam, terminal bas dan *taxi stand* itu biarlah dijawab oleh Menteri yang berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-46 mengenai Isu Rumah Perpindahan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-46 kepada Kementerian Pembangunan.

Isu Rumah Perpindahan

Rancangan Rumah Perpindahan Pertama yang telah dirangka dan dibuat pada tahun 50an melibatkan Perpindahan Kampung Bunut dan Burong Pinggai Berakas, dengan diberikan tanah seluas ½ ekar dan beberapa kemudahan-kemudahan yang dijanjikan. Ini diikuti dengan Kampung Perpindahan Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti, Kampung Anggerek Desa, Kampung Pancha Delima/Delima Satu pada tahun 60an diberikan tanah serta rumah.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah perpindahan-perpindahan yang dirancang pada tahun-tahun tersebut mempunyai keluasan tanah sederhana, sedangkan pada masa ini keluasan tanah dan bentuk rumah yang dibangun adalah kecil, tidak sesuai bagi mereka yang mempunyai keluarga besar.

Saya ingin bertanya adakah pihak yang berkenaan dapat mengubah dasar atau peraturan yang ada sekarang supaya Rancangan Rumah Perpindahan itu diberikan keluasan tanah yang mencukupi bukan saja untuk rumah tetapi juga bagi

bercucuk tanam bagi menampung keperluan hidup mereka?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Rancangan Perumahan Negara yang bermula pada tahun 50an masih lagi kita teruskan. Oleh yang demikian, teras perancangan dan pelaksanaan dasar program dan projek perumahan perlu dipertimbangkan dalam konteks dan aspek permohonan jangka masa panjang.

Dalam menentukan permohonan tanah dari segi keluasan dan lokasi, perhatian dan pertimbangan kita adalah berasaskan keperluan tanah bagi memenuhi pembangunan jangka masa panjang dan keperluan pembangunan generasi akan datang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2011 telah bertitah supaya pelaksanaan program pembinaan rumah bukan saja dipercepatkan bahkan perlu *sustainable* dari segi penggunaan tanah, kos pembinaan dan pemberian subsidi. Maka jika keluasan tanah yang diberikan mengikut sukat-sukat yang dahulu Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati tidak akan menjadi *sustainable* dan tidak akan dapat dilaratkan ke jangka panjang bagi generasi yang akan datang yang memerlukan rumah. Walaupun tanah yang diberikan sekarang tidak seluas yang diharapkan bagi tujuan bercucuk tanam, ia masih luas bagi tujuan tempat tinggal. Keluasan tanah perumahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan masih luas jika dibandingkan dengan keluasan tanah di pasaran. Misalnya keluasan tanah bagi

rumah berderet adalah 0.08 ekar berbanding 0.04 ekar bagi rumah berderet di pasaran.

Dari apa yang dapat kita lihat, pemilik rumah berderet masih lagi dapat membuat tambahan kepada rumah yang diperuntukkan bagi mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi memenuhi citarasa pemilik rumah yang kurang senang dengan rumah teres seperti yang ada sekarang, projek-projek perumahan di bawah RKN 10 seperti Projek Perumahan Lugu akan mula menggunakan konsep dan reka bentuk rumah *cluster of 4 unit* setiap *cluster*.

Sebagai peralihan dari konsep dan reka bentuk rumah berderet, mudah-mudahan dengan reka bentuk rumah *cluster* ini akan memenuhi kehendak atau pun citarasa pemohon-pemohon yang ada pada masa ini dan dari segi itu juga kita sedang memikirkan bagaimana untuk menambah keluasan lantai, bilangan bilik dan sebagainya supaya penghuninya akan merasa lebih selesa. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Perhubungan. Soalan bilangan ke-47 dan ke-48 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka

Awang Haji Zainal: Yang Berhormat Yang Di-Pertua Soalan bilangan ke-47 dan ke-48 kepada Kementerian Perhubungan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Soalan bilangan ke-47. Pelabuhan adalah salah satu aset penting kepada pendapatan negara dan perlu diurus dengan baik dan penuh bertanggungjawab oleh pengurusan pelabuhan seperti perkapalan, pengendalian kontena, agensi pengangkutan dan agensi pemunggaan. Pengurusan pelabuhan mesti bergiat dalam mencari jalan dan menerokai strategi ke arah menggerakkan serta merancang pelbagai aktiviti-aktiviti pelabuhan supaya Pelabuhan Muara menjadi pilihan utama dan lebih kompetitif dalam perdagangan dunia yang sebahagian besarnya melalui laut:

- a) Untuk mencapai ke arah itu, apakah perancangan-perancangan yang dibuat oleh pihak berkenaan bagi mempromosi Pelabuhan Muara bagi destinasi perdagangan yang murah, selamat, selesa, kompetitif dan menguntungkan sebagai persediaan untuk memperbesarkan Pelabuhan Muara?
- b) Adakah sudah perancangan atau program untuk melatih pegawai dan kakitangan (*HRD*) supaya mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran dan mencukupi serta berteknologi tinggi dengan peralatan dan kelengkapan termasuk jentera yang mencukupi bagi persediaan ke arah pembesaran Pelabuhan Muara bertaraf dunia?

Soalan bilangan ke-48. Isu Keselamatan Jalan Raya adalah satu isu yang sentiasa

dibangkitkan berulang-ulang sehingga beberapa badan telah dibentuk, akta-akta dan peraturan-peraturan telah dibuat, program-program dan aktiviti-aktiviti telah diadakan namun jumlah kemalangan jalan raya tetap meningkat dan membimbangkan. Baru-baru ini sistem baru "*Demerit Point System*" telah dikuatkuasakan tetapi kesannya belum lagi diketahui. Demikian juga membuat atau menerima panggilan telefon bimbit dan SMS semasa memandu ditegah, tetapi perkara ini masih lagi terjadi berleluasa. Selain daripada itu, masih terdapat kerja-kerja pembaikan jalan yang tidak meletakkan tanda kerja pembaikan dalam jarak selamat yang boleh mengancam keselamatan pemandu. Masalah keselamatan jalan raya ini hendaklah ditangani secara holistik.

- a) Adakah Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan yang ada itu tidak mencukupi?
- b) Atau kalau Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan itu mencukupi dan sesuai dengan kehendak antarabangsa, adakah ianya disebabkan kelemahan penguatkuasa undang-undang? dan
- c) Kalau demikian, adakah disebabkan kekurangan kakitangan?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan, izinkan kaola memberikan jawapannya secara ringkas tetapi dalam *Hansard* nanti kaola memberikan secara penuh. Pelabuhan Muara ini memanglah diakui sebagai pelabuhan utama kita dan aktiviti-aktiviti pelabuhan ini adalah mengendalikan lebih 90% dagangan kita. Beberapa inisiatif-inisiatif untuk menjadikan Pelabuhan Muara ini lebih

digunakan lebih canggih. Inisiatif-inisiatif itu ialah:

- 1) *Connectivity* - mengandungi 4 komponen:
 - i. *Connectivity* pelabuhan dengan pelabuhan-pelabuhan utama yang lain;
 - ii. *Connectivity* dengan *interland* ataupun pendalaman serantau;
 - iii. *Accessibility* dengan pelabuhan serantau seperti pelabuhan di negara-negara jiran; dan
 - iv. *Free Trade Zone*. Ini diharapkan membolehkan kontena-kontena yang berjalan keluar dari Muara tetapi dalam bentuk *bonded goods* atau masih belum di dalam kawasan kastam dan diharap kaedah *Free Trade Zone* ini akan dapat memangkin atau dapat menjana aktiviti *transshipment*.
- 2) *Multi-Model Transport* iaitu aktiviti Pelabuhan Muara itu akan dapat dijalankan dengan berbagai-bagai *mode transport*;
- 3) Kadar yang berdaya saing;
- 4) *Improve Port Services Productivity And Efficiency* iaitu peningkatan perkhidmatan-perkhidmatan produktiviti dan efisiensinya.
- 5) Pengkorporatan dan penswastan Jabatan Pelabuhan;
- 6) Menimbulkan atau menjana beberapa perkhidmatan-perkhidmatan sampingan

seperti *ship chandelling*, *bunkering* dan *container repair*;

- 7) Mewujudkan perkhidmatan-perkhidmatan nilai tambah seperti *ware housing*, *storage yard* dan segala perkhidmatan-perkhidmatan yang membantu eksplorasi cari gali minyak dan gas dan pengedaran kereta; dan

- 8) Pembangunan infrastruktur.

Mengenai jawapan kepada soalan bilangan ke-48 (b), dengan perkembangan teknologi yang pesat dalam industri logistik, pengendalian perkhidmatan pelabuhan dan *industry maritime* di negara ini, Jabatan Pelabuhan sedang giat berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan *competency* bukan saja bagi sumber tenaga manusia dalaman di Jabatan tetapi sama pentingnya juga ialah bagi keperluan komersial mahupun industri sektor berkenaan. Antara program-program latihan yang dijalankan oleh Jabatan Pelabuhan adalah seperti berikut iaitu:

Standardised Skill Training Courses atau kemahiran yang standard bagi semua pengguna-pengguna, *On The Job Training* latihan dalam pekerjaan bagi operasi dan untuk teknisyen bagi operasi pelabuhan; *Leaders And Engineers Training* ertinya pengetua dan jurutera; kemahiran dan kecekapan; operasi pelabuhan mengikut *United Nation Trade (Nation Trade And Practices)*; *Pilotage* dan bot-bot penunda; operasi kontena; *Handling of Dangerous Goods* iaitu mengendali barang-barang merbahaya dan yang akhir ialah *Business Management and Logistic* iaitu pengurusan bisnes dan logistik.

Bagi soalan kedua mengenai penguatkuasaan adalah disedari bahawa Akta dan Peraturan Lalulintas mestilah dikemaskinikan dari masa ke semasa untuk menangani perkembangan teknologi dan keadaan yang berubah. Dalam pada itu, kita mestilah juga menyedari bahawa kaedah pemeriksaan bagi pemandu dan kenderaan negara kita belumlah sampai kepada tahap negara-negara yang lebih maju.

Oleh itu, isu kemalangan jalan raya, undang-undang dan penguatkuasaan ini adalah lebih mendalam dan luas daripada persoalan cukup atau sesuai perundangan dan cukup atau kurang pegawai penguatkuasaan.

Kalau kita lihat 10 punca kemalangan yang paling tinggi dalam dunia dan Negara Brunei Darussalam, ianya adalah berpunca daripada pemandu itu sendiri. Ini terbukti daripada data-data yang telah diperolehi apabila kita melaksanakan data *System Demerit Point*. Daripada senarai punca kemalangan ini, dan data ini dapatlah kita rumuskan bahawa penguatkuasaan sangat berkesan dalam kes penyalahgunaan peraturan melanggar kegunaan kenderaan. Tetapi bagi sebahagian besar punca kemalangan yang berupa sikap pemandu, penguasaan memang berkesan tetapi memerlukan tenaga yang banyak. Kementerian Perhubungan berasa apa yang lebih berkesan ialah *awareness* dan penanaman sikap pemandu yang baik, sikap pemandu yang berhemah ini akan menimbulkan tahap keselamatan yang tinggi, oleh yang demikian Majlis Keselamatan Jalan Raya dan Kementerian Perhubungan telah mencadangkan hala tuju seperti berikut:

- i. Meningkatkan teknologi penggunaan lampu *speed warning devices* dan kamera untuk mengawasi kelajuan dan pengawalan penggunaan lampu isyarat yang mana telah pun disentuh dalam soal jawab peruntukan Jabatan ini;
- ii. Penggunaan *System Demerit Points*;
- iii. Peningkatan kesedaran penggunaan jalan raya dan lalulintas melalui jerayawara;
- iv. Peningkatan kesedaran dan *Defensive Driving* melalui kurikulum Sekolah Memandu; dan
- v. Penelitian dan peningkatan elemen sikap ini dalam kurikulum Sekolah Memandu.

Kaola juga menekankan dalam mukadimah kaola untuk menggalakkan orang ramai bekerjasama dalam memberikan maklumat dan membuat laporan dengan serta-merta mengenai peraturan-peraturan yang ada kepada talian 119 kerana pihak penguatkuasaan tidak dapat sentiasa berada di merata tempat dan pada bila-bila masa. Dalam masa yang sama, pihak penguatkuasaan juga akan terus melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan ke atas apa jua peraturan dan ini termasuklah menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan kemahiran yang ada bagi meningkatkan keberkesanan pengusahaan. Kementerian Perhubungan menyarankan kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa bekerjasama dan memastikan keselamatan jalan raya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan bilangan ke-49, 50, 51, 52 dan 53 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli

bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-49, 51, 52 dan 53 sahaja kepada Kementerian Perhubungan. Soalan ke-50 tidak perlu dijawab kerana telah dijelaskan dalam Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Soalan bilangan ke-49. Adalah didapati kereta *pick-up* kecil membawa minyak dengan menggunakan dram-dram sehingga memuatkan 4 biji dalam sekali angkatan dari stesen minyak ke tempat projek syarikat berkenaan dengan menggunakan jalan utama. Perkara ini sangatlah merbahaya kerana dikhuatiri kemalangan akan berlaku disebabkan muatan yang berlebihan yang menyebabkan tayar kereta pecah dan tumpahan minyak ke atas jalan raya akan berlaku mengakibatkan kebakaran.

Saya ingin tahu apakah perbuatan seperti ini tidak salah dari segi Peraturan Lalu Lintas (Jalan Raya) dan jika salah, apakah tindakan pihak yang berkenaan supaya perkara ini dapat dipantau dan dibendung dan jika peraturan-peraturan yang ada tidak mencukupi adakah pihak yang berkenaan akan membuat undang-undang yang lebih ketat lagi bagi mengawal kegiatan-kegiatan ini?

Soalan bilangan ke-51. Jabatan Pengangkutan Darat Daerah Brunei Muara adalah sebagai pusat untuk membuat pendaftaran kereta sama ada yang lama atau yang baru, penukaran milik atau pendaftaran nombor dan sebagainya. Perkara ini menyebabkan berlakunya kelambatan proses pendaftaran dan kesesakan di jabatan berkenaan.

Untuk mengurangkan kesesakan di Daerah Brunei dan Muara, adakah cadangan Kementerian Perhubungan untuk menaik taraf pentadbiran Jabatan Pengangkutan Darat Cawangan Daerah Tutong, yang sudah mempunyai pemeriksaan kenderaan berkomputer, dengan diberi kuasa untuk membuat pendaftaran kereta baru atau lama sepertimana juga yang berikan kepada cawangan di Daerah Belait?

Soalan bilangan ke-52. Perkampungan di sekitar Ulu Tutong seperti Mukim Rambai, Mukim Ukong dan Kampung Danau masih terdapat kesukaran menerima pancaran khidmat telefon bimbit. Ini menyebabkan perhubungan melalui telefon bimbit menjadi satu masalah apabila berlaku kejadian kecemasan terutama sekali di waktu malam ataupun ketika berlakunya banjir, atau untuk membuat panggilan penting dari luar kawasan-kawasan ini kepada penghulu, ketua kampung dan guru-guru yang bertugas di kawasan-kawasan ini.

Apakah rancangan pihak Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan lagi keupayaan pemancaran telefon bimbit di kawasan-kawasan yang terlibat?

Soalan bilangan ke-53. Pusat *Public-Private Partnership (PPP)* telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan

kursus-kursus yang relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan kepada belia-belia termasuk kursus pemanduan jentera berat.

Adakah dalam perancangan pihak Jabatan Pengangkutan Darat untuk memberi bantuan latihan percuma bagi mendapatkan lesen memandu kelas 6 hingga 12 kepada belia-belia yang berkelulusan rendah yang masih menganggur, bagi membolehkan mereka diterima bekerja di sektor swasta sebagai pemandu bagi menggantikan tenaga-tenaga luar yang memandu bas, lori, trailer dan jentera-jentera berat?

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Mengenai soalan bilangan ke-49, mula-mula sekali kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini di mana ini adalah satu isu bagi semua pihak.

Dari segi keselamatan, perbuatan seumpama ini memanglah membahayakan jika kenderaan tersebut mengalami kemalangan yang boleh membawa tumpahan minyak dan kebakaran yang membahayakan pemandu dan pengguna jalan raya yang lain. Dari segi Peraturan Lalu Lintas (Jalan Raya), setiap kenderaan tidak dibenarkan membawa muatan yang melebihi had muatan yang dibenarkan dan mereka boleh dikenakan tindakan kompaun.

Dalam menangani perbuatan seperti ini, sekatan jalan raya dan rondaan adalah merupakan kaedah yang digunakan. Di samping itu juga, seperti yang kaola nyatakan tadi, kita menyediakan *hotline*

119 bagi membolehkan orang ramai membuat aduan dan dapat diambil tindakan. Dalam pada itu juga, Jabatan Pengangkutan Darat (*Motor Transport Licensing Authority (MTLA)*) telah mengeluarkan arahan kepada semua pemilik-pemilik kenderaan berat dan komersil untuk mematuhi syarat-syarat keselamatan dengan mengawal pembawa barang-barang merbahaya dan mudah terbakar. Antara syarat-syarat yang dikeluarkan ialah seperti:

- 1) Setiap kenderaan hanya dibenarkan untuk membawa 2 biji dram sahaja;
- 2) Dram atau tong-tong minyak hendaklah ditutup dengan alat jala yang diikat dengan *belt strap*; dan
- 3) Kenderaan berkaitan dimestikan mempamerkan pelekat amaran yang berbunyi "Bahan Mudah Terbakar".

Peraturan ini adalah selaras dengan syarat atau piawaian yang dipraktikkan oleh syarikat-syarikat yang mempraktikkan amalan *best practices*.

Soalan bilangan ke-51 mengenai perkhidmatan di Daerah Tutong. Sebenarnya, pada masa ini ianya tidak dilaksanakan kerana tidak ada *car dealers* di Daerah Tutong. Perkara ini juga pernah diadakan pada tahun 2010 tetapi nampaknya tidak ada keperluan untuk mengadakannya. Walau bagaimanapun perkara ini akan sentiasa diteliti semula keperluannya dari masa ke semasa.

Soalan seterusnya ialah mengenai *coverage* DST dan B-Mobile, kaola sukacita memaklumkan bahawa rombongan daripada *Authority for Information Communications Technology Industry*

(*AITI*), TelBru, DST dan B-Mobile telah membuat tinjauan di Mukim Rambai dan Mukim Ukong pada 8 Februari 2013. Lawatan ini antara lain bertujuan untuk membuat penilaian dari segi teknikal dan memperbaiki liputan di Mukim Rambai dan Mukim Ukong.

Dalam pada itu juga, terdapat kaedah untuk mengadakan Obligasi Perkhidmatan Sejagat atau *Universal Service Obligation*. Dengan terlaksananya Pelan ini nanti, sebahagian daripada kawasan-kawasan yang belum mempunyai perkhidmatan telekomunikasi akan dikehendaki untuk memberikan perkhidmatan itu. Hasil daripada laporan ini, pihak *Authority for Info-communications Technology Industry (AITI)* akan meneruskan lagi perbincangan bersama penyedia-penyedia telekomunikasi tentang perancangan-perancangan mereka bagi menangani isu-isu berkenaan dengan liputan yang rendah di beberapa buah kawasan di Negara ini.

Soalan bilangan ke-53 daripada Yang Berhormat mengenai dengan cadangan untuk mengadakan latihan jentera berat. Pihak Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat memang menyedari peranan yang boleh dimainkan oleh Kementerian dalam membantu untuk menangani isu-isu belia menganggur. Antara perkara yang boleh dilakukan ialah memberikan lesen-lesen berat atau komersil Kelas 6 dan 12 kepada belia-belia yang berminat.

Dalam hal ini, Jabatan Pengangkutan Darat bercadang untuk mengadakan Sekolah Memandu khusus bagi kenderaan berat termasuk mengadakan litar memandu bagi jenis kenderaan berat. Untuk makluman, iklan tawaran bagi

penubuhan sekolah tersebut akan dikeluarkan dalam sedikit masa lagi.

Menyentuh mengenai cadangan memberikan kursus secara percuma pula, pihak Jabatan Pengangkutan Darat tidak mempunyai sebarang perancangan untuk mengadakan perkara tersebut bagi mengelak *conflict of interest* kerana Jabatan Pengangkutan Darat sebagai pengawal selia hanya mengeluarkan lesen memandu. Keperluan ini lebih sesuai diberikan oleh pihak yang lain dengan mekanisme yang menggunakan *Public Private Partnership (PPP)* atau secara inovatif. Jabatan Pengangkutan Darat hanya akan berfungsi sebagai pemudahcara atau pemberi fasiliti.

Dengan itu, pihak Jabatan Pengangkutan Darat lebih cenderung untuk menggalakkan penyertaan pihak sektor swasta dalam perkara ini dan telah pun mengadakan sesi dialog bersama pengusaha-pengusaha bas termasuk pihak Jabatan Buruh dan Agensi Permohonan Tenaga Kerja (APTK) untuk memberi perhatian serius terhadap belia-belia yang berminat mendapatkan lesen-lesen kenderaan berat bagi membolehkan mereka diambil bekerja oleh syarikat-syarikat swasta. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Soalan bilangan ke-54 daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan bilangan ke-54 kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kebanyakan restoran-restoran dan kedai-kedai makan yang menyajikan makanan di Negara Brunei Darussalam tidak menumpukan kepada mutu zat makanan (*nutrients*), sama ada menggunakan minyak berlebihan atau minyak digunakan berkali-kali (untuk mengoreng) atau bahan-bahan seperti daging, ikan, makanan laut, sayur-sayuran kurang segar atau tidak bermutu lagi. Untuk memastikan bahan-bahan makanan yang akan digunakan itu hendaklah disimpan di tempat-tempat khas mengikut suhu yang ditetapkan bagi mengekalkan kesegaran bahan-bahan tersebut seperti menggunakan mesin penyejuk "*cold chain*". Ini akan mengelakkan dari pencemaran "*microbial*" apabila barang-barang itu disimpan lama. Sebagai misal, minuman-minuman ringan dalam tin ada disyaratkan supaya disimpan di tempat yang suhunya terkawal (*room temperature*). Tetapi kebanyakan pekedai-pekedai menyimpan stoknya di luar kedai. Jika perkara ini tidak diendahkan ianya mungkin akan memudaratkan kesihatan orang ramai yang meminumnya.

Selaras dengan projek Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan obesiti kepada Warga Negara Brunei Darussalam, adakah Kementerian Kesihatan akan membuat garispandu dan menguatkuasakan garispandu tersebut supaya restoran-restoran dan kedai-kedai makan dikehendaki menaikkan mutu makanan yang mempunyai zat makanan

(*nutrients*) serta menggunakan minyak yang bermutu dan tidak berlebihan?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman yang mengemukakan soalan berkenaan dengan Kementerian Kesihatan akan membuat garis pandu dan menguatkuasakan garis pandu supaya restoran-restoran dan kedai-kedai makan dikehendaki menaikkan mutu makanan yang mempunyai zat makanan serta menggunakan minyak yang bermutu dan tidak berlebihan. Dalam merespon persoalan ini bahawa Kementerian Kesihatan memanglah sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal keselamatan dan kualiti makanan yang merupakan satu agenda kesihatan awam yang amat berkepentingan khususnya di dalam menjana warga sihat serta berperanan penting ke arah pencapaian kualiti kehidupan yang tinggi, kesihatan yang sejahtera dan terhindar daripada penyakit.

Dari hakikat kaitan rapat ini, strategik Kementerian Kesihatan adalah merangkumi konsep pengendalian ini di sepanjang rantai makanan (*food chain*) bermula dari ladang atau kilang ke penjual, pekedai, penyaji hinggalah ke meja hidangan. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai program garis pandu dan peraturan mengenai kesihatan dan keselamatan makanan demi memastikan makanan-makanan yang terdapat di pasaran di negara ini adalah bersih, selamat dan sihat.

Keberkesanan peraturan dan garis pandu mengenai kesihatan dan keselamatan makanan di sepanjang rangkaian makanan ini memerlukan tanggungjawab yang bersepadu, dipikul bersama dari pelbagai pihak baik dari segi agensi Kerajaan, pihak pengeluar makanan, peniaga, pengendali makanan dan pengguna.

Dalam hal-hal pemantauan dan panduan jenis makanan dan minuman di restoran-restoran dan di kedai-kedai makan, Kementerian Kesihatan sentiasa mengungkapkahkan sesi taklimat serta tunjuk ajar kepada pengendali-pengendali premis makanan dan akan sentiasa mengemaskini kursus panduan kesihatan dan keselamatan makanan dari masa ke semasa. Di antara program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan seperti berikut:

1. Menerbitkan Buku Panduan Kesihatan dan Keselamatan Makanan yang mana buku ini memberi penerangan tentang keperluan-keperluan kebersihan dan kesihatan yang berhubung dengan premis makanan di samping meningkatkan pengetahuan dan menanamkan kesedaran para pengurus, pengendali dan penyaji makanan tentang penyediaan makanan yang sihat, bersih, selamat dan berkualiti dari segi tahap nutrisi makanannya.
2. Daripada kesinambungan Buku Panduan tersebut Kementerian Kesihatan telah dan terus meneruskan mengadakan kursus kepada pengendali makanan, bukan saja kepada pengurus, penyaji, pengendali pekerja-pekerja sajian termasuklah

kepada pekerja di kantin-kantin sekolah.

3. Pada Tahun 2010, Kementerian Kesihatan telah juga menerbitkan satu lagi buku yang dinamakan Buku Panduan Penjualan dan Penyajian Makanan dan Minuman Sihat di Tempat Kerja yang mana telah diedarkan juga kepada agensi-agensi yang berkenaan.

Di samping itu, beberapa undang-undang juga dikuatkuasakan yang ada kaitannya dengan keselamatan makanan antara lainnya:

- i) Akta Kesihatan Awam (Makanan) yang bertujuan untuk mengawal kualiti, keselamatan dan piawaian makanan bagi makanan keluaran tempatan dan yang diimport. Ini termasuklah juga bagi memastikan bangunan dan peralatan yang digunakan untuk penyediaan makanan berkeadaan bersih dan memuaskan.
- ii) Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) yang memperuntukkan piawaian-piawaian bagi memastikan kualiti dan keselamatan makanan.

Dalam pada waktu yang sama, Kementerian Kesihatan juga bercadang untuk menggubal bagi memperkesankan lagi peraturan mengenai kebersihan makanan di bawah Akta Kesihatan Awam di mana ianya dalam proses penelitian pada masa ini. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan premis-premis makanan mematuhi piawaian kebersihan dalam mengenal pasti dan mengawal risiko

keselamatan makanan pada setiap peringkat pemerosesan, penyediaan dan penjualan makanan.

Penyediaan makanan yang bersih, sihat serta selamat secara umumnya adalah menjadi tanggungjawab bagi pihak pengurus, penyaji dan penjual makanan. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyarankan kepada semua *stakeholders* yang berkenaan untuk sama-sama bertanggungjawab bagi memastikan rakyat serta penduduk Negara ini mempunyai pilihan di dalam pengambilan dan pemilihan makanan sihat. Ini kita boleh capai bersama dengan mewujudkan persekitaran yang mendorong dan menyokong amalan cara hidup sihat. Misalnya dengan menyediakan menu-menu makanan dan minuman sihat, rendah lemak, rendah gula, rendah garam dan rendah kalori.

Dengan adanya kesemua sokongan pihak yang berkenaan, insya-Allah kita akan sentiasa berkeadaan sihat walafiat. Sekian yang dapat saya berikan jawapan, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan-soalan bilangan ke-55 dan ke-56 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Yang Di-Pertua soalan bilangan ke-55 dan ke-56 kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Peringkat umur rendah kanak-kanak di sekolah rendah sudah ada mengalami penyakit kencing manis sehingga ada yang dibekalkan suntikan insulin sendiri. Kalau di rumah ibu bapa mereka dapat mengawal makanan dan minuman anak-anak mereka tetapi di luar rumah umpamanya di kantin-kantin sekolah tidak ada yang memantau kerana makanan dan minuman dalam tin dan kotak yang digemari dijual di kantin-kantin sekolah dengan tidak ada pemantauan.

Saya ingin bertanya, apakah tindakan yang dapat dibuat oleh pihak kementerian berkenaan supaya makanan dan minuman sama ada dalam tin atau kotak yang mengandungi gula dan bahan-bahan campuran yang tidak diketahui yang dijual di kantin-kantin sekolah itu dapat dipantau?

Perkhidmatan katering yang menyediakan jamuan di majlis-majlis perkahwinan dan kenduri adalah lebih mencabar jika dibandingkan dengan perkhidmatan restoran kerana penyediaan makanan untuk majlis-majlis perkahwinan terpaksa disediakan lebih awal kerana makanan yang disediakan itu banyak, sama ada di rumah atau tempat-tempat yang ditentukan dengan tidak diketahui tentang keadaan kebersihan tempat menyediakan, pinggan mangkuk dan alat-alat kelengkapan yang lain serta tukang-tukang masakunya.

Adakah pemantauan dibuat oleh pihak yang berkenaan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan katering ini, sama ada penyediaan makanan di majlis-majlis perkahwinan atau kenduri itu mengikut tahap yang disediakan oleh kementerian atau adakah pihak yang berkenaan akan

membuat pemeriksaan dan memberi gred tahap kebersihannya seperti yang dilakukan terhadap kedai-kedai makan supaya orang ramai akan dapat membuat pilihan untuk membuat tempahan?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Ramli bin Haji Lahit yang mengemukakan soalan yang ada kaitannya dengan jenis makanan dan minuman yang dijual di kantin-kantin sekolah. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa dalam kita memastikan makanan dan minuman yang dijual di kantin-kantin sekolah adalah sihat dan selamat, apa yang diperlukan terlebih dahulu adalah pengendali-pengendali kantin tersebut mestilah diberikan garis panduan.

Garis panduan bukan sahaja jenis-jenis makanan dan minuman yang sepatutnya dijual tetapi cara penyediaan yang bersih dan selamat. Ke arah itu, beberapa inisiatif telah juga dilaksanakan bukan sahaja Kementerian Kesihatan malahan juga dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

1) Misalnya pada tahun 2004, Kementerian Kesihatan telah menerbitkan Buku Panduan Kesihatan dan Keselamatan Makanan yang mengandungi maklumat makanan dan minuman sihat serta selamat untuk penyaji termasuk pengendali kantin sekolah.

Di samping itu juga, diadakan kursus kepada pengendali makanan bukan sahaja kepada pengendali makanan malahan juga kepada guru-guru, pengawas kantin sekolah, penyaji-penyaji, pengendali-pengendali,

pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja sajian makanan termasuk pengurus pekerja kantin sekolah yang mana kandungannya memfokuskan mengenai keselamatan makanan dan cara hidangan makanan yang sihat.

2) Pada tahun 2009, Kementerian Kesihatan sekali lagi menerbitkan Buku Panduan Makanan dan Minuman Kantin Sekolah yang mana telah diedarkan kepada sekolah-sekolah dan pemborong-pemborong kantin sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Garis panduan ini mengandungi berbagai aspek yang menentukan jenis ataupun kandungan gula dan minuman pada kadar yang ditentukan.

3) Manakala pada Tahun 2011, Kementerian Kesihatan sekali lagi bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam memantapkan pengendalian Latihan Program Kesihatan untuk Guru-Guru Sekolah yang mana termasuk penyediaan dan penjualan makanan dan minuman seharian di kantin sekolah.

4) Pada tahun 2013, Unit Promosi Kesihatan, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Program Meningkatkan Kualiti Penyediaan Makanan dan Minuman Kantin Maktab dan Sekolah di Negara ini yang juga melibatkan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan.

Dari segi pemantauan pula, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dengan mengambil perhatian yang serius dan sentiasa memantau penyediaan dan penjualan hidangan makanan dan minuman di kantin-

kantin sekolah. Guru-guru pengawas dipertanggungjawabkan untuk memantau kantin-kantin sekolah dan kualiti makanan dari aspek kebersihan dan keselamatan makanan-makanan serta memastikan keperluan hidangan sihat dan berkhasiat.

Dalam penguatkuasaan ini, misalnya pada tahun 2013, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah mengambil beberapa langkah-langkah iaitu sebanyak 19 buah premis makanan telah ditutup di seluruh Negara. Manakala pada 2011, sebanyak 61 buah premis makanan ditutup kerana tidak mencapai tahap memuaskan daripada hal ehwal keselamatan dan kebersihan dan juga tatacara pengendalian makanan. Ini bermakna pada tahun 2013 sahaja iaitu hujung bulan Februari 2013, sebanyak 7 buah premis makanan ditutup termasuk 2 buah kantin sekolah dan pengajian tinggi.

Itulah salah satu cara-cara kita memantau dan mengambil tindakan bagi memastikan kantin-kantin sekolah dapat memberikan hidangan kepada anak-anak sekolah yang lebih selamat, bersih dan sihat.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-57 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Soalan bilangan ke-57 kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Alhamdulillah perkhidmatan untuk pesakit buah pinggang sejak dibuka di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong telah beroperasi dengan baik. Buat masa ini pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis semakin meningkat dan kakitangan seperti Jururawat tidak mencukupi. Satu perkara yang pernah saya timbulkan di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu ialah mengenai dengan kedudukan Skim Tanggagaji Jururawat yang berkelulusan *Master, Ijazah Sarjana Muda dan Double Diploma*. Selain daripada itu, terdapat keraguan daripada orang ramai mengenai pembayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit yang tidak konsisten. Sebagai contoh, ada rakyat tempatan yang berkahwin dengan warga asing yang mempunyai kad pengenalan warna ungu atau hijau kadangkala dikenakan bayaran dan ada yang tidak dikenakan bayaran.

- a) Adakah cadangan kementerian berkenaan untuk menambah kakitangan Jururawat dan membesarkan lagi kawasan blok dialisis bagi menampung pesakit yang kian bertambah?
- b) Apakah dapat dipertimbangkan supaya warga emas dikecualikan daripada pembayaran pendaftaran?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan dibuat dalam menangani masalah ini bagi mengelakkan dengan mengenakan bayaran tidak konsisten ini?

- d) Apakah perkembangan mengenai dengan Skim Tanggagaji bagi Jururawat yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana (*Master*), Ijazah Sarjana Muda (*First Degree*) dan *Double Diploma*?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad yang mengemukakan 4 persoalan yang berhubungkait dengan Kementerian Kesihatan.

1. Berhubung dengan penambahan kakitangan jururawat dan membesarkan lagi kawasan blok Unit Dialisis bagi menampung pesakit yang kian bertambah di Daerah Temburong. Yang sebenarnya perancangan telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan untuk membesarkan Unit Dialisis Temburong bagi menampung jumlah pesakit dialisis yang semakin meningkat dari tahun ke setahun.

Pada bulan Januari 2013 sahaja pesakit yang memerlukan rawatan *haemodialisis* di Daerah Tutong telah meningkat kepada 31 orang daripada 27 orang pada tahun lepas. Alhamdulillah, peruntukan telah pun diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) bagi membesarkan dan menaik taraf Unit Dialisis Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam Daerah Temburong kepada Pusat Dialisis Daerah Temburong. Melalui projek ini, insya-Allah tempat rawatan dialisis akan dibesarkan dengan menambah tempat rawatan *haemodialisis* dari 8 dialisis poin pada masa ini kepada 6 dialisis poin bagi menampung bertambahnya pesakit-

pesakit yang memerlukan rawatan dialisis.

Berikutan dengan bertambahnya tempat rawatan dan menaik taraf kepada Pusat Dialisis sudah setentunya Kementerian Kesihatan telah membuat perancangan bagi menambah tenaga kerja profesion yang diperlukan termasuk jururawat bagi memastikan bahawa rawatan yang dijalankan itu adalah mengikut piawaian standard antarabangsa. Ini adalah juga untuk memastikan semua penduduk Daerah Temburong mendapat perkhidmatan penjagaan kesihatan yang sama dan memuaskan seperti juga yang dinikmati oleh pesakit-pesakit dialisis di daerah-daerah yang lain.

2. Seterusnya, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat ialah berhubung dengan warga emas untuk dikecualikan daripada pembayaran pendaftaran. Untuk pengetahuan bersama perkara ini pernah ditimbulkan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat. Di mana saya telah pun memberikan penjelasan mengenai perkara ini dan tidaklah perlu saya memberikan penjelasan memang ianya telah diambil perhatian dan penelitian oleh Kementerian Kesihatan.
3. Berhubung dengan soalan seterusnya, mengenai dengan Skim Tanggagaji bagi jururawat. Seperti yang Ahli Yang Berhormat maklum, bahawa kedudukan Skim Perkhidmatan Kejururawatan pada Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas, di mana pihak Kementerian Kesihatan

telah menghadapi Skim Perkhidmatan Kejururawatan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk penelitian dan pertimbangan. Apa yang saya difahamkan bahawa mengikut maklumat terakhir Skim Perkhidmatan Kejururawatan ini adalah di dalam peringkat penelitian dan penilaian terakhir oleh pihak yang berwajib.

Itulah yang dapat kaola sampaikan untuk merespons soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Mulia Jurutulis II: Soalan bilangan ke-58 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Soalan bilangan ke-58 kepada Kementerian Kesihatan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Saya difahamkan bahawa satu kawasan atau tapak telah pun disediakan untuk membina klinik kesihatan di Kawasan Perpindahan Mentiri. Selain daripada itu, masa bagi membuat perjanjian dan perjumpaan dengan doktor di Pusat Kesihatan Mukim Serasa tidak mencukupi.

Saya ingin bertanya, bilakah Pusat Kesihatan bagi Kawasan Perpindahan Mentiri itu dibina dan dapatkah pihak Kementerian berkenaan memanjangkan lagi masa untuk membuat perjanjian dan dapatkah perjumpaan dengan doktor di Pusat Kesihatan Mukim Serasa itu dipanjangkan?

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat

Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang telah menimbulkan dua persoalan di sini.

1. Bilakah Pusat Kesihatan di Kawasan Perpindahan Mentiri itu dibina dan dapatkah Kementerian Kesihatan memanjangkan lagi masa untuk membuat perjanjian dan perjumpaan dengan doktor di Pusat Kesihatan Mukim Serasa?

Bagi merespons persoalan dan juga perkara yang ditimbulkan, pada masa ini terdapat sebuah Klinik Kesihatan di Kampung Sungai Besar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk-penduduk Mukim Mentiri yang dikhususkan bagi Perkhidmatan Kesihatan bagi ibu-ibu mengandung dan anak-anak damit.

Perancangan bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan hendaklah pada kelazimannya dibuat secara strategik dan adalah berasaskan kepada beberapa kriteria penting seperti mengambil kira jumlah serta perkembangan keseluruhan penduduk yang bersesuaian di kawasan tadahan pusat kesihatan yang akan dibina. Lokasi pusat kesihatan yang strategik dan mudah dikunjungi oleh penduduk-penduduk di kawasan persekitarannya di samping penggunaan tenaga kerja yang optima dan mencukupi. Ini adalah selaras dengan kaedah *Universal Health Coverage* yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang terbukti menghasilkan perkhidmatan dan penjagaan kesihatan yang berkesan lagi kos-efektif untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk yang berkenaan.

Pada masa ini, Pusat Kesihatan tersebut adalah bagi penduduk-penduduk di Mukim Serasa dan juga Mukim Mentiri yang mana jumlah penduduknya ialah 25,000. Jika berdasarkan kepada rekomendasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mencadangkan setiap tadahan pusat kesihatan hendaklah meliputi dalam anggaran 30,000 penduduk, iaitu dengan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang saya nyatakan tadi, belumlah lagi bersesuaian untuk kita mendirikan satu lagi Pusat Kesihatan di Mukim Mentiri.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan mengekalkan Klinik Kesihatan Sungai Besar, Mukim Mentiri yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan ibu-ibu mengandung dan anak-anak damit kepada kampung-kampung di persekitarannya. Insyallah klinik kesihatan akan diubah suai dan dinaik taraf bagi keselesaan pesakit dan orang ramai.

Jika sekiranya diperlukan di masa akan datang, Kementerian Kesihatan akan mengkaji dan menilai semula keperluan dan kesesuaiannya bagi pembinaan pusat kesihatan baru yang strategik dengan mengambil kira kriteria-kriteria yang saya katakan tadi.

Mengenai dengan memanjangkan masa bagi membuat perjanjian dan perjumpaan dengan doktor di Pusat Kesihatan Muara, kaola telah pun menjelaskan perkara ini semasa membincangkan Peruntukan Kementerian Kesihatan. Jadi tidaklah perlu kaola memberikan penjelasan lagi mengenai perkara ini. Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pemerhatian saya kebanyakan daripada soalan-soalan yang

telah diberi notis ini, hampir kesemuanya telah terjawab semasa merundingkan Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 di Peringkat Jawatankuasa dan juga membincangkan Kumpulanwang Kemajuan. Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian mengetahui bahawa Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet mempunyai urusan-urusan yang penting di dalam membuat persediaan-persediaan mesyuarat besar iaitu ASEAN Summit yang akan diadakan dalam bulan April yang akan datang ini dan saya percaya juga Ahli-Ahli Yang Dilantik mempunyai komitmen-komitmen masing-masing selain daripada komitmen di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Maka saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dipendekkan dan Persidangan kita pada esok hari akan beralih kepada Perkara IX iaitu Ucapan-Ucapan Penanggulangan. Walau bagaimanapun bagi mana-mana soalan yang belum terjawab pada Persidangan yang diadakan hari ini, insyaAllah akan dijawab dan diminta Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan menjawab secara bertulis dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara akan mengelilingkan jawapan-jawapan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah menerima jawapan-jawapan dari Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan.

Saya ingin mengetahui adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini? Sila angkat tangan, siapa yang bersetuju?

(Semua Ahli mengangkat tangan bersetuju)

Terima kasih. Cadangan ini telah dipersetujui, maka Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga esok iaitu hari Rabu, 27 Mac 2013 jam 9.30 pagi untuk menyelesaikan perkara-perkara yang belum disentuh lagi. Terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Rabu, 15 Jamadilawal 1434 / 27 Mac 2013****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGARA****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Yang Di-Pertua, Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN MENTERI-
MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, DKMB., DK., PHBS., PBLI., PJK., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, PSNB., DPMB., PHBS., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., DPMB., PKL., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Minister of Energy*), di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman, PSNB., DSSUB., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.
(Tidak hadir sebelah petang)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A.Ahmad bin Husain, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'A', Zon 1 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Belimbing, Zon 2 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 3 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Ketua Kampung Putat, Zon 4 - Daerah Brunei Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Ketua Kampung Lumut 1, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Ketua Kampung Mumong, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., Penghulu Mukim Keriam, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., Ketua Kampung Belingos - Semua Kawasan Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis I (Pertama) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Abd Salam bin Abd Momin, DPMB., PJK., PIKB., Jurutulis II (Kedua) kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang jam 9.30 pagi

Yang Mulia Jurutulis II:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Persidangan Mesyuarat Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang pada hari ini iaitu bagi hari yang keenam belas didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kunchang (Imam Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari ini iaitu hari keenam belas. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, semalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah selesai membincangkan Perkara V - Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Pada hari ini, hanya tinggal satu perkara saja lagi yang perlu diselesaikan iaitu Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Saya telah menerima senarai seramai 18 orang Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang telah menyatakan keinginan untuk bercakap dalam Ucapan-Ucapan Penangguhan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, memandangkan bilangan yang akan bercakap itu begitu banyak, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk merujuk Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara Perkara 35(4) iaitu masa diberikan untuk Ahli bercakap adalah tidak lebih dari 10 minit. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mengambil maklum terhadap perkara ini dan akan bercakap seberapa boleh iaitu kurang dari 10 minit. Terima kasih.

Yang Mulia Jurutulis II: Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ucapan Penangguhan Pertama akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyae Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua kita telah dapat menjalankan tanggungjawab dalam Persidangan ini selama 16 hari dengan suasana muhibah, penuh dengan suntikan semangat yang tinggi serta kesepaduan semata-mata pada menandai dan menjunjung tinggi akan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk bersama-sama berusaha memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara selaku insitituti yang dihormati dalam mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat di Negara ini.

Majlis Mesyuarat Negara pada kali ini telah membincangkan dengan penuh kesepakatan hala tuju program-program

Kerajaan dan seterusnya dapat meluluskan beberapa akta penting khususnya Akta Perbekalan 2013/2014 dengan memberi penumpuan kepada 3 komponen penting iaitu;

1. Menjana Pertumbuhan Ekonomi Negara Yang Berdaya Tahan dan Inklusif;
2. Pembangunan kapasiti terutama memperkasa belia-belia dan meningkatkan kesejahteraan awam termasuk usaha ke arah pembasmian kemiskinan; dan
3. Mengukuhkan Lagi Sistem Pendidikan Negara.

Kesemuanya dihasratkan dapat mendukung aspirasi Negara untuk sentiasa memelihara keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan mengekalkan kemakmuran serta dilindungi lagi diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Insya-Allah,

Pihak Kerajaan melalui kementerian-kementerian serta jabatan-jabatan yang berkenaan akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam memastikan pelan-pelan strategi dan juga rancangan-rancangan pembangunan dan kemajuan Negara akan menepati sasaran dan objektif yang dihasratkan. Sebelum kaola meneruskan ucapan ini, kaola dengan penuh hormat sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan serta kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua telah dapat memimpin sepanjang Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan lancar, terarah dan berkesan, dalam suasana yang penuh harmoni, setia kawan dan kesepakatan sekaligus dengan

berjayanya mencapai keputusan-keputusan yang konkrit lagi bermanfaat.

Dalam kesempatan ini, kaola juga sangat menghargai dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas kemurahan hati Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana bukan sahaja memberi peluang seluas-luasnya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk mengutarakan pelbagai cadangan dan persoalan, malahan juga kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Yang Dilantik untuk memperjelaskan pelbagai persoalan dan isu. Ini termasuklah memperjelaskan tentang perancangan serta pelan-pelan tindakan yang telah dan akan terus diungkuhkan oleh Kerajaan bagi mengembangmajukan dan memantapkan lagi sosio-ekonomi Negara semata-mata bagi kepentingan dan meningkatkan lagi kesejahteraan dan taraf hidup rakyat dan penduduk Negara ini dan sekaligus menuju ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keprihatinan dan keikhlasan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam menetengahkan isu-isu yang menjadi perhatian dan kepentingan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara dalam Majlis yang mulia ini adalah sangat-sangat dihargai. Dalam kita bersama-sama memakmurkan Negara segala pengamatan serta cadangan dan pandangan khususnya ke arah sama-sama memperbaiki dan memperkasakan lagi jentera pentadbiran Kerajaan yang meliputi sama ada semua aspek, baik dari segi pentadbiran dan pengurusan mahupun perekonomian, pendidikan, keagamaan, kesihatan, keselamatan, sosial dan kebajikan serta rancangan pembangunan Negara secara menyeluruh sangatlah dialu-alukan.

Dengan adanya semangat perpaduan yang dipupuk melalui Majlis Mesyuarat Negara inilah, akan dapat menyumbang kepada kemantapan dan kejayaan melaksana apa jua rancangan dan projek Kerajaan, insya-Allah. Kita juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara ini, kita semakin dewasa dalam meneliti, menganalisa dan membahas sesuatu rancangan dan inisiatif Kerajaan.

Walau bagaimanapun, kita masih boleh lagi bersama-sama meningkatkan lagi prestasi kita di Dewan yang mulia ini. Dalam membawakan isu-isu yang ingin diusulkan ke Dewan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik seelok-eloknyalah membuat penilaian dan perkiraan sama ada isu-isu ini perlu dibincangkan di peringkat Dewan ini atau memadai terus kepada Kementerian-Kementerian yang berkenaan supaya tindakan-tindakan segera yang bersesuaian akan dapat diambil. Dengan yang sedemikian kita akan dapat menumpukan perbincangan yang lebih berbentuk holistik, fokus, strategik serta lebih besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan Negara sepertimana kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada hari Khamis 7 Mac 2013 yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu menyedari dan mengetahui bahawa setengah pendekatan program dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan mempunyai asas-asas atau dasarnya bagi

kepentingan Negara dan generasi akan datang. Usaha-usaha Kerajaan mahupun langkah-langkah reformasi atau tranformasi yang telah dibincangkan di sepanjang permesyuaratan kita ini mempunyai tujuan yang sama iaitu ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, bagi pihak Kerajaan kita sentiasa mengalu-alukan dan membuka ruang luas bagi permuakarah dan perbincangan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mana sebarang kemusykilan daripada pihak rakyat dan penduduk akan dapat diutarakan ke pihak kementerian atau jabatan berkenaan untuk diselesaikan mengikut keperluan dan keutamaan di samping mengambil kira peraturan-peraturan yang sedia wujud. Dengan ini juga, permasalahan terus diberi perhatian segera tanpa melengah-lengahkan, apatah lagi bila perkara atau isu berkenaan boleh menjejaskan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Dalam kita sama-sama meneliti rancangan serta projek pembangunan Negara di majlis ini, kita juga dapat mengongsikan betapa Kerajaan telah dan akan terus menyediakan pelbagai prasarana dan akan terus memberi fokus kepada infrastruktur pembangunan termasuk perumahan dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi dan berdaya tahan sebagai pemangkin kepada sosio-ekonomi Negara untuk kemudahan dan keselesaan dan seterusnya bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Negara. Ini termasuklah program-program bagi memperkukuhkan lagi sektor swasta

termasuk perniagaan *SME* bagi mendukung aktiviti-aktiviti perdagangan, perniagaan, perekonomian dan pelaburan.

Ini jelas terbukti dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara di mana Baginda telah memperkenankan bagi Cukai Harta Pusaka (*Estate Duty*) ditiadakan mulai 1 Januari 2013. Ini termasuk juga mana-mana Cukai Harta Pusaka yang masih tertunggak akan turut dihapuskan dari kira-kira.

Di samping itu, dengan kemurahan, keprihatinan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini juga Baginda telah melimpahkan kurnia perkenan bagi pengecualian dari membayar Cukai Setem untuk diberikan dan dilaratkan kepada mana-mana instrumen yang melibatkan pemindahan milik harta mahupun saham di antara pemilik dengan tanggungan (*dependent*) sahaja.

Kita semua menyembahkan setinggi-tinggi yang tidak ternilai dan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan Baginda terhadap kedua-dua perkara tersebut di mana sudah setentunya bukan sahaja tidak memberikan bebanan kepada mereka yang berkenaan malahan juga meningkatkan lagi pelaburan dan

memperkuhkan perekonomian di Negara ini.

Pemedulian dan kerprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah juga sungguh jelas dan nyata di dalam memastikan setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan turut sama-sama menikmati kesejahteraan, kemajuan dan perkembangan Negara. Keprihatinan ini jelas tercermin dengan adanya penyediaan pelbagai kemudahan lebih-lebih lagi peluang yang terbuka luas melangkaui bukan sahaja semata-mata di bidang pendidikan, kesihatan, keagamaan, perniagaan, perekonomian, komunikasi, ICT dan tenaga malahan pihak Kerajaan juga ada memberikan bantuan sosio-ekonomi atapun bantuan kebajikan bulanan kepada mereka yang berhak menerimanya semata-mata bagi meringankan bebanan mereka.

Tambahan itu, didukung lagi dengan pelbagai program galakan yang memberi peluang luas untuk berkecimpung dalam usaha-usaha membangun dan mengukuhkan perekonomian, perniagaan, perusahaan dan peluang pekerjaan yang lebih *marketable*.

Pelaburan Kerajaan yang sangat tinggi nilainya sewajarnya dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam semata-mata untuk menanai tanggungjawab dalam banyak hal terutama sekali bergerak aktif memajukan Negara termasuk memelihara keamanan dan kemakmuran Negara. Ini adalah sepertimana jua yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

baru-baru ini sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-29, Baginda antara lain telah bertitah;

"Mahu biarlah rakyat responsif terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk Negara. Sekurang-kurangnya mereka itu dapat memahami aspirasi Kerajaan melakukan sesuatu racangan itu. Mereka tidak boleh lepas pandang atau berkata tidak tahu kerana perbuatan lepas pandang atau berkata tidak tahu itu adalah amat memalukan bagi suatu bangsa yang sedang membangun. Dalam era perlumbaan hari ini, kita selaku rakyat tidaklah boleh tercicir dari turut mendukung gagasan Negara. Jika tercicir, bermakna kita tertinggal di belakang dan terpinggir. Sesiapa pun mestilah turut berkayuh menuju matlamat yang dituju".

Justeru itu, kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini yang bernaung di bawah kepimpinan Raja yang berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah menghargai dan menyanjung tinggi ke atas keprihatinan dan hasrat murni Baginda seperti yang dititahkan supaya rakyat berperanan sama-sama menyumbang khidmat bakti bukan setakat hanya sama-sama dalam satu perahu tetapi tidak berkayuh dan hanya menjadi penumpang atau selaku penonton sahaja. Jika kita bersikap sedemikian, sudah setentunya akan tidak maju malahan tertinggal ke belakang.

Dari itu Baginda sangat berpandangan jauh ke hadapan dan inginkan bagi setiap warga di Negara Brunei Darussalam ini memainkan peranan sama-sama turut berkayuh sebagai *contributor* iaitu menyumbang sama ada dari aspek

tenaga, profesion, buah fikiran, dedikasi dan komited mengikut kepakaran dan keupayaan masing-masing. Masyarakat hendaklah mengubah minda untuk sentiasa berkarih berusaha dan bekerja keras apatah lagi bagi mereka yang berkeupayaan secara fizikal dan jangan terlalu membudayakan sikap memintaminta atau berasa *complacent*. Kita mahukan masyarakat yang produktif dan rajin berusaha untuk mencapai kecemerlangan bukan hanya leka semata-mata bersandarkan kepada bantuan Kerajaan. Kesepaduan dan kesepakatan semua pihak iaitu memberikan sumbangan mengikut peranan dan keupayaan masing-masing yang semuanya secara kolektif akan memberi nilai tambah yang tinggi (*value added*) dalam mengukuhkan pembangunan Negara. Dengan cara sedemikian, insya-Allah ianya akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik dan berdaya tahan seterusnya menyumbang kepada memacu ke arah kepesatan pembangunan dan kemajuan Negara yang lebih dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan.

Di dalam keadaan cuaca ekonomi global yang tidak menentu serta sukar diramal, kita amat mensyukuri bahawa Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini masih dapat mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang positif. Pendekatan Kerajaan bagi mempergiatkan pembangunan model insan khususnya belia-belia negara diambil perhatian dan juga diberikan keutamaan bagi Belanjawan Tahun 2013/2014, yang mana tema belanjawan ialah 'Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara Yang Berdaya Tahan'. Ini adalah menandakan pengiktirafan kerajaan kerana mereka adalah sebagai aset yang tinggi nilainya bukan sahaja sebagai

pelapis tetapi juga sebagai jentera penggerak utama bagi menentukan hala tuju untuk memaju dan membangunkan Negara bagi meneruskan pelaksanaan apa jua program-program yang telah dan akan dirancang untuk kita bersama-sama mencapai Wawasan Negara 2035.

Belia-belia sebagai harapan bangsa dan Negara mestilah merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan serta berkemahiran kerana sebagai negara yang merdeka, kita masih lagi kekurangan tenaga kerja dalam pelbagai kemahiran, kepakaran dan profesional. Ini juga tidak terkecuali bagi bidang keusahawanan (*entrepreneurship*) yang akan secara langsung dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi Negara yang berterusan kukuh di samping melalui usaha-usaha seperti aspek peningkatan hasil sumber-sumber permakanan, pembangunan sosial dan jaminan keselamatan.

Alhamdulillah, belia-belia kita di negara ini telah menunjukkan keterampilan yang sangat positif yang mana antara lain melalui penyertaan dalam Program Khidmat Bakti Negara dapat melahirkan belia yang cergas dan dinamik serta tahan lasak di samping menanamkan nilai-nilai murni cinta kepada raja, cinta kepada negara dan taat kepada ugama dan sekaligus dapat menghayati falsafah Negara, Melayu Islam Beraja. Namun demikian, adalah diharapkan lebih ramai lagi belia-belia yang akan turut serta dalam program sukarelawan dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan berkebajikan. Para sukarelawan bukan sahaja berperanan bagi menjalankan kerja-kerja

gotong-royong malahan juga dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik serta menjalankan apa jua kerja-kerja berkebajikan bagi memupuk rasa keprihatinan, pemedulian dan semangat ingin bantu membantu dengan mengekalkan budaya yang luhur oleh orang Brunei yang kita warisi turun-temurun sejak berabad lamanya. Belia yang negara impikan ialah mereka yang beriman dan bertaqwa, dinamik, aktif, produktif, berdaya maju, penuh komitmen, sihat dari segi fizikal dan mental serta bebas dari segala gejala sosial dan mereka inilah yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara yang berdaya tahan.

Begitu juga pihak swasta dan *NGO's* serta semua lapisan masyarakat di Negara ini melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang diketuai oleh pemimpin-pemimpin akar umbi kesemuanya juga berperanan penting dalam mendukung usaha pihak Kerajaan bagi menggiatkan aktiviti perekonomian, kemasyarakatan program sukarelawan dan tolong menolong untuk memantapkan lagi program-program kemasyarakatan dan berkebajikan yang menjurus kepada mengukuhkan lagi keharmonian dan kesejahteraan masyarakat. Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk membina masyarakat yang penyayang, prihatin, pemedulian, memucang-mucang, tidak camah mata dan tidak hanya berserah serta bergantung kepada Kerajaan. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dan berkat kerjasama yang rapat lagi ikhlas serta amalan-amalan berkebajikan ini, kita akan dapat memupuk semangat keharmonian dan perpaduan dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Kita haruslah juga bersyukur dan menghargai betapa bertuahnya Negara Brunei Darussalam terus berkeadaan aman damai, stabil dan rakyat serta penduduk hidup dalam kesejahteraan dan suasana keharmonian di bawah kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Raja yang berdaulat. Harapan Baginda bagi Negara Brunei Darussalam sebagai 'Negara Zikir' jelas menunjukkan pemikiran Baginda yang sangat tajam lagi berwawasan kerana pada hakikatnya inilah satu rahmat dan keberkatan yang dianugerahkan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang mana jika dibandingkan dengan sebahagian negara yang lain yang digugat akan kestabilan dan keharmonian Negara seterusnya mengancam dan memudaratkan kesejahteraan penduduknya.

Alhamdulillah pencapaian Negara yang kita perolehi adalah juga atas usaha pihak Kerajaan membuat pendekatan *whole of government approach* yang mana bagi kebanyakan projek serta inisiatif, penentu kejayaannya banyak bergantung kepada kerjasama pelbagai agensi Kerajaan dan tidak kurangnya juga kepada penglibatan sektor swasta, organisasi bukan Kerajaan serta segenap lapisan masyarakat di Negara ini. Ini dapat dilihat dalam bidang penjagaan kesihatan yang mana nilai kesihatan dalam menyumbang kepada Negara tidaklah dipandang ringan tetapi memerlukan kerjasama dan penglibatan semua *stakeholders*. Begitu juga bagi mempertahankan keselamatan awam, termasuk dalam membendung masalah sosial dan bagi memelihara alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat dan apa jua aspek pembangunan Negara yang berdaya tahan dan inklusif.

Namun demikian, pada hemat kaola, dalam kita sama-sama mencorak dan merancang masa depan yang kekal cerah. Kita hendaklah tidak melupakan aspek-aspek penting seperti kerohanian, cabaran kepada alam persekitaran, keadaan sumber-sumber yang terhad yang mana kesemuanya ini akan memberi impak ke atas pembangunan dan masa depan Negara jika tidak diambil perhatian yang serius.

Dalam masa yang sama, kita harus berterusan memupuk semangat jati diri agar generasi muda ini akan berterusan cinta kepada raja, Negara, mempunyai ciri-ciri kebruneian yang tinggi dan bertanggungjawab bagi sama-sama mengekalkan keamanan, ketenteraman dan kelangsungan kehidupan bermasyarakat. Dalam era globalisasi yang dilengkapi dengan kemajuan teknologi, kita di negara ini Kaola percaya mampu untuk menghadapi sebarang cabaran dengan pemikiran serta pendekatan secara inovatif, kreatif dan proaktif untuk bersama-sama memantapkan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan, memacu pertumbuhan ekonomi Negara dengan berteraskan kepada konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sukacita sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas kewibawaan serta kecekapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin dan mempengerusikan permesyuaratan bagi Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara ini. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis

Majlis Mesyuarat Negara I (pertama) dan Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara II (Kedua) serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara yang telah bekerja keras memastikan permesyuaratan berjalan dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, maka Kaola dengan ini mengusulkan agar Persidangan Majlis Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara 2013, ini ditangguhkan.

Sebelum Kaola mengundur diri dalam ucapan penangguhan ini Kaola akan mengakhiri dengan beberapa buah rangkap pantun.

*Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan
arif dan bijaksana,
Memimpin mesyuarat dengan berwibawa,
Lebih dua minggu kita berbahas dan
berbicara,
Ke arah kecemerlangan membangun
negara.*

*Dewan mulia platform permesyuaratan,
Memberi peluang percambahan fikiran,
Cadangan dan pandangan diberi
perhatian,
Insya-Allah akan diambil tindakan jika
bersesuaian.*

*Penyakit kronik berleluasa,
Memudaratkan dan bebanan kepada
semua,
Kita perlu mencegah dan mengawalinya,
Agar warga sihat negara sejahtera.*

*Pelbagai projek dan kemudahan disediakan,
Demi keselesaan dan kesejahteraan,
Penyertaan swasta dan masyarakat juga diharapkan,
Menjamin kemajuan negara lebih mapan dan berdaya tahan.*

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekali lagi Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat marilah kita sama-sama dengan seberapa boleh mematuhi peraturan-peraturan mesyuarat yakni *standing orders* seperti yang kaola sebutkan tadi yang menghadkan tempoh bercakap tidak lebih 10 minit tapi sebagai satu kelonggaran khas kaola telah memberikan kelonggaran kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana menunggu pantun-pantunnya di penghujung ucapannya itu. Sekarang kaola persilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan ucapan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga:

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua Negara kita terus dalam berada dalam keadaan aman makmur serta terus membangun di bawah pemerintahan seorang Raja yang sentiasa prihatin kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara ini, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah dengan berkat kepimpinan baginda rezeki yang kita perolehi dari Industri Minyak dan Gas dapat kita sama-sama nikmati termasuklah bagi menampung keperluan kewangan untuk membangun perekonomian, penyediaan infrastruktur termasuklah perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan, keamanan dan pertahanan Negara. Berbagai langkah sedang diambil bagi mengurangkan pergantungan kita kepada pendapatan dari Industri Minyak dan Gas sambil menyediakan asas bagi perkembangan ekonomi yang berdaya tahan dan juga berdaya saing. Dalam hal ini perusahaan kecil dan sederhana (*SME's*) memainkan peranan yang sangat penting bagi masa hadapan negara untuk mencapai Wawasan 2035. Mereka inilah aset-aset yang berharga perlu mempunyai keupayaan berdaya tahan dan berdaya saing dalam apa juga persekitaran termasuklah apabila nanti Negara tidak terlalu lagi bergantung kepada pengeluaran Minyak dan Gas.

Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bagi membantu para *SME's* membina kapabiliti mereka ini termasuklah melalui Arahan-Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan (*Local Business Development Directives*) yang membukakan lebih banyak peluang untuk *SME's* tempatan berkembang dalam persekitaran perniagaan yang bersih dan bebas dari monopoli dan rasuah. Bermacam bantuan dan insentif telah diberikan oleh Kerajaan melalui berbagai

agensi termasuk insentif cukai dari Kementerian Kewangan, skim-skim latihan di bawah JPKE, penyediaan tanah di tapak perindustrian dan lain-lain lagi. Lawatan-lawatan dan *Capacity Building Dialogues* yang juga telah diadakan bagi mengetahui kedudukan dan apa jua masalah yang dihadapi oleh pihak syarikat-syarikat berkenaan.

Lawatan-lawatan ini juga digunakan bagi mengetahui prestasi *SME* kita dengan matlamat memberi dorongan nasihat dan bantuan yang bersesuaian jika diperlukan. Pada setiap tahun usahasama Brunei Shell membelanjakan sehingga \$4 bilion setahun bagi kontrak dan perkhidmatan. Kita mahu *SME* kita mendapatkan peluang-peluang yang ada dari perbelanjaan ini dengan menyediakan aktiviti-aktiviti perkhidmatan dan produk yang ditambah nilai. Hanya pada masa ini jumlah perbelanjaan yang masih kekal berada di Negara Brunei Darussalam adalah pada jumlah yang kurang memuaskan.

Setiap tahun terdapat ribuan lepasan kerja yang mencari pekerjaan. Negara perlulah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka sambil pada masa yang sama membantu membina kompetensi mereka selaku *industry-ready workforce*. Jabatan Tenaga telah pun mengadakan pameran kerja (*job fair*) setiap tahun bagi menemukan para pencari kerja ini dengan bakal-bakal majikan mereka yang beroperasi di dalam industri minyak dan gas Negara.

Alhamdulillah pada tahun 2012 yang lalu, 1,302 orang telah memperolehi pekerjaan di dalam industri minyak dan gas. Pada tahun ini sasaran Jabatan Tenaga ialah pengambilan kerja

seramai 1,600 orang anak-anak tempatan yang setakat ini 584 orang sudah pun diambil bekerja. Bagi meningkatkan kompetensi dan menjadikan anak-anak tempatan kita sumber tenaga kerja yang *first choice* bagi para bakal majikan, Rangka Kerja Bagi Kompetensi Di Dalam Industri Tenaga (*Energy Industry Competency Framework*) yang hampir siap akan memastikan kursus-kursus teknikal dan vokasioanal adalah pada tahap antarabangsa dan dapat memenuhi keperluan industri.

Langkah-langkah ini akan membantu menyediakan tenaga kerja yang benar-benar berkeupayaan bagi mengisikan kerja-kerja minyak dan gas tetapi ini tidaklah mencukupi. Pihak industri juga perlu menyediakan pakej pekerjaan yang menarik bagi mengekalkan para pekerja itu bukan saja dari aspek kewangan malah juga dalam penyediaan skim latihan dan skim kerja yang bersesuaian serta persekitaran yang selamat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika dilihat dengan teliti Negara kita telah banyak kehilangan peluang untuk mengembangkan lagi aktiviti perekonomian tempatan yang mampu membangun lebih banyak *SME's* sambil menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Maka dengan itulah Jabatan Tenaga secara kerjasama dengan *Brunei Economic Development Board* (BEDB) sentiasa berusaha menarik syarikat-syarikat antarabangsa untuk melabur di dalam aktiviti-aktiviti hiliran (*downstream*) yang menggunakan minyak atau gas.

Alhamdulillah sebuah jawatankuasa pandu bagi pelaburan dalam industri hiliran minyak dan gas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri telah pun diperkenankan bagi memata-matai dan memastikan pelaburan dan pembangunan industri hiliran ini benar-benar dapat memenuhi kehendak Negara termasuklah dalam hal ehwal kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bagi menempatkan industri-industri ini selain daripada Pulau Muara Besar, kerajaan juga telah mengenal pasti beberapa kawasan baru yang bersesuaian termasuklah di kawasan Bukit Panggal dan Kuala Balai Belait. Kita juga terus mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh dijadikan tapak perindustrian dan perkilangan yang bersesuaian. Apa yang penting setiap projek industri yang akan diperkenalkan mestilah memenuhi syarat-syarat yang ketat termasuklah kewajipan melaksanakan *Environmental Impact Assessment (EIA)*.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah pun menubuhkan *Brunei National Energy Research Institute (BNERI)*. Pusat ini akan membantu dalam penyediaan polisi dan perancangan dalam hal ehwal pembangunan tenaga yang akan berdaya tahan untuk generasi masa hadapan. Ini juga adalah diharapkan akan memberi dorongan dan minat kepada penyelidikan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya minta izin untuk menyentuh pula hal-hal berkaitan dengan bekalan elektrik Negara.

Kestabilan ekonomi banyak bergantung kepada adanya bekalan elektrik yang mencukupi dan stabil. Alhamdulillah,

dalam usaha-usaha yang lebih fokus pengurangan gangguan sebanyak 37% telah dicapai pada tahun 2012 berbanding dengan 2010. Selain dari itu efisiensi penjanaan tenaga di Stesen Bukit Panggal telah ditingkatkan kepada 47%. Bagi Lumut *Co-Gen* pula setelah kerja-kerja yang sama selesai dilaksanakan, kita akan memperoleh efisiensi setinggi 60%. Peratus ini adalah jauh lebih dari tinggi dan purata efisiensi 23% yang di stesen-stesen lama yang berasaskan kepada *'single cycle'*.

Selain itu penambahan kapasiti sebanyak 66 megawatt di stesen Janakuasa Lumut akan dapat menampung peningkatan permintaan bagi bekalan tenaga elektrik di Daerah Belait termasuklah permintaan tambahan dari sektor-sektor industri bagi tempoh 10 tahun akan datang. Jika kita dapat meningkatkan dan mengekalkan efisiensi dalam penjanaan tenaga, kos penjanaan insya-Allah akan dapat diturunkan dari jumlah yang diperbelanjakan sekarang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya ingin berpindah kepada tarif baru dan pemasangan meter pra-bayar. Bagi memberikan penerangan secukupnya, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah dan akan terus mengadakan jerayawara di empat-empat daerah serta mengedarkan risalah-risalah dan sebagainya bagi meningkatkan kesedaran mengenai tarif baru yang diperkenalkan tersebut.

Jabatan Tenaga mengambil maklum dan akan memberikan perhatian secara fokus ke atas perkara-perkara yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keresahan yang disampaikan ini akan dianalisa dengan teliti oleh

Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh sebahagian pengguna dan seterusnya untuk memikirkan bagaimana kes-kes yang benar-benar memerlukan bantuan ditangani dengan sebaik-baiknya.

Sehubungan dengan hal ini, Jabatan Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan bekerjasama rapat dengan para penghulu dan ketua-ketua kampung agar tujuan Kerajaan dalam memperkenalkan tarif baru ini dan meter pra bayar ini akan benar-benar dapat difahami oleh pihak-pihak berkenaan.

79% pelanggan kini membayar lebih rendah atau sekurang-kurangnya sama dengan apa yang mereka bayar semasa kita menggunakan tarif yang lama. Bagi pengguna dari kalangan 10% tertinggi, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan melihat perkara ini secara mikro termasuklah dengan menghubungi mereka dan mengetahui kenapakah penggunaan mereka berada ditahap yang tinggi sehingga ada yang bersamaan dengan penggunaan 12 biji penghawa dingin 2 *horsepower* selama 12 jam sehari.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga akan mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk membantu mereka menurunkan kadar pemakaian elektrik misalnya dengan tatacara penggunaan yang lebih berhemah.

Bagi mana-mana keluarga yang telah dipertimbangkan sebagai benar-benar memerlukan termasuklah mereka yang berada di dalam kumpulan pemakaian tinggi, pemasangan 2 meter pra-bayar akan dilaksanakan bagi membantu

mengurangkan kos elektrik mereka masing-masing sehingga 30%.

Untuk makluman Dewan yang mulia, buat pertama kalinya terdapat penurunan tunggakan bil elektrik bagi sektor perumahan iaitu dari \$154 juta pada tahun 2011 kepada \$148 juta pada tahun 2012. Ini adalah sangat signifikan kerana menampilkan satu *reverse trend* yang belum pernah dilihat sebelum ini.

Saya memberikan pujian kepada para pengguna yang telah secara sukarela mahu menyelesaikan tunggakan bil elektrik mereka ini baik dengan melunaskan secara pembayaran habis ataupun berperingkat melalui pemotongan kredit pra bayar. Alhamdulillah, sikap ini adalah contoh kepada para pengguna yang lain bagi menunaikan kewajipan membayar hutang piutang kepada Kerajaan. Inilah ciri-ciri masyarakat yang kita perlukan iaitu sebuah masyarakat yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di dalam penggunaan tenaga mengamalkan Efisiensi dan Penjimatan Tenaga (*EEC*) adalah sangat penting bagi mengurangkan jumlah tenaga yang dipakai sambil juga membantu mengurangkan pencemaran dari *carbon emission*.

Antara projek EEC yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah pemasangan jentera penjanaan baru di stesen Sungai Liang yang akan beroperasi pada tahun 2015. Menggunakan kaedah *co-generation* ini ianya akan menjana kecekapan sebanyak 60%. Pelaksanaan projek ini akan menjimatkan penggunaan gas asli yang dianggarkan bernilai \$118 juta

setahun dan hasil pulang pelaburan kurang daripada 4 tahun.

Kita akan mengadakan pengauditan ke atas *energy efficiency* bangunan-bangunan Kerajaan dan swasta termasuklah di bawah *Projek Peer Review APEC* yang akan diadakan pada bulan Jun 2013. Selain dari itu penggunaan peralatan elektronik *energy savers* akan diberi galakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian jua yang dapat saya sampaikan kepada Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini. Saya ingin mengucapkan dan menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan ke atas keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin perjalanan permuzakarahannya semasa persidangan ini dilaksanakan di peringkat Majlis Mesyuarat Negara ataupun di peringkat Jawatankuasa dengan sebaik-baiknya. Saya juga ingin melahirkan penghargaan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas saranan dan sokongan yang diberikan kepada pihak saya di dalam dan di luar persidangan ini. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal bercakap.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato

Paduka Awang Haji Zainal: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, kaola bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia dan dengan kuasaNya jua sesi mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara berlangsung dalam suasana muhibah dan semangat silaturrahim yang tinggi di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga sesi permesyuaratan itu berjaya mencapai matlamatnya dengan keupayaan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mempengerusikan di sepanjang mesyuarat ini.

Di kesempatan ini, kaola bagi pihak diri saya dan bagi pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik di kalangan orang-orang yang bergelar memohon izin untuk mengambil masa menyampaikan Ucapan Penungguhan di dalam Dewan yang mulia ini dimulakan dengan lafaz Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar.

Pertama-tama dengan perasaan tulus ikhlas dan kuasa Allah jua, kami mengetengahkan 3 perkara yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Wadien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-29.

3 perkara yang kaola maksudkan itu ialah seperti titah Baginda berbunyi "*Dalam bidang agama, Negara sudah pun menguatkuasakan Perintah Pendidikan*

Ugama Wajib 2012 yang melibatkan seluruh kanak-kanak yang beragama Islam Negara Brunei Darussalam”.

Kemudian seiringan itu kita juga telah berjaya mewujudkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Rukyah yang memerlukan dukungan dan sokongan penuh rakyat.

Baginda juga menyentuh mengenai penguatkuasaan peraturan menutup sementara premis-premis perniagaan pada setiap hari Jumaat dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Pada hemat saya, inilah satu langkah yang amat bijak yang dititahkan oleh raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha Baginda memperkembang dan mempertingkatkan syiar Islam yang membawa keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata’ala kepada negara kita dan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Allahu Akbar.

Titah Baginda seterusnya menyentuh kepada golongan muda belia dan beliawanis seperti berikut:

“Negara Brunei Darussalam sangat memerlukan rakyat jelata yang senantiasa lagi patriotik terutama mereka yang daripada kalangan generasi muda serta para belia kerana mereka itu adalah pewaris masa depan kita. Mereka mesti turut berkecimpung dalam setiap aktiviti kenegaraan sekurang-kurangnya menjadi penyumbang moral yang aktif. Contoh sumbangan moral itu tegas Baginda, seperti menjadi rakyat yang baik yang ikhlas lagi amanah serta taat

dan mematuhi undang-undang dan tidak membebani negara dengan perbuatan-perbuatan anti sosial atau asyik dengan berseronok-seronok semata-mata untuk menjadi bangsa yang maju dan kuat, kenalah kita mengurangkan berseronok dan menggantikan dengan banyak bekerja dan berfikir. Elakkan dari menurutkan rasa hati tanpa banyak menimbang dan berfikir. Dan ingatlah bahawa berfikir itu adalah mahkota hidup”.

Itulah di antara petikan titah Baginda.

Kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bertuah mempunyai seorang Raja yang berjiwa rakyat, namun persoalannya apa yang boleh kita balas di atas apa yang Baginda usahakan untuk rakyat. Di dalam Dewan yang mulia ini, saya memohon dan menyeru kepada generasi muda para belia dan beliawanis untuk berfikir dan mengamat-amati akan titah Baginda itu.

Marilah kita sama-sama mengukuhkan ketaatan kita yang tidak berbelah bahagi kepada Baginda. Senantiasanya menjunjung tinggi serta menanai hasrat baginda dan memohon restu kepada Allah Subhanahu Wata’ala semoga melanjutkan usia Baginda dengan dikurniakan taufeq dan hidayah-Nya, kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan penuh kesejahteraan, keamanan, kemakmuran yang direcai oleh Allah Subhanahu Wata’ala.

Dari sudut kebajikan dan kesejahteraan rakyat, mari kita imbas sejenak mengenai penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kira-kira 20 tahun yang lalu.

Alhamdulillah, atas kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda dapat menjayakan misi ke arah menyumbang kepada kebajikan dan secara langsung telah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Baginda.

Penubuhan Yayasan ini mencerminkan tanda pemeduliaan yang amat jelas betapa ikhlasnya kasih Baginda kepada rakyatnya. Berbagai perkembangan dan kejayaan telah dibuat oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, terutamanya dari aspek keugamaan, kebajikan, pendidikan dan pembangunan mengikut keadaan dan kesesuaian yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dari segi pembangunan dan perekonomian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak putus-putus berangkat bercemar duli membuat lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan Kerajaan dan menyaksikan sendiri pelaksanaan projek-projek Kerajaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Pada 4 April 2011, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah untuk melaksanakan satu kajian secara komprehensif bagi meningkatkan taraf kehidupan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Kampong Ayer iaitu Projek Perintis Menaik Taraf Kampong Ayer.

Ini merupakan inisiatif dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk di Kampong Ayer. Baginda ingin melihat tahap pembangunan di Kampong Ayer akan lebih teratur, selesa dan selamat untuk didiami oleh rakyat dan mempertingkatkan imej Kampong Ayer sebagai sebuah warisan dan khazanah yang dapat dibanggakan dan berdaya tahan bagi generasi-generasi yang akan datang. Ianya melibatkan pembinaan sebanyak 65 buah rumah kos pembinaan rumah-rumah tersebut dibiayai sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perhatian yang sama juga telah ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Baginda telah berangkat bercemar duli ke beberapa majlis dan institusi Kerajaan termasuk *NGO's* semata-mata untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini.

Pada bulan November tahun lalu, Baginda telah berangkat menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah projek perintis menaik taraf Kampong Ayer kepada 64 orang penerima. Projek ini adalah satu kenyataan dan bukti menunjukkan pemeduliaan Baginda berdua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, terhadap hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk yang tinggal di Kampong Ayer khasnya dan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amnya.

Dalam usaha mendukung aspirasi Negara ke arah Wawasan Negara 2035, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 juga telah berangkat mengadakan lawatan kerja ke beberapa buah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 termasuklah Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah juga selaku Timbalan Inspektor Jeneral Polis melakukan lawatan ke projek pembinaan Mess Pegawai Polis Gadong dan Kompleks Bangunan Baru Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei.

Lawatan-lawatan kerja itu menumpukan perhatian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah untuk

memastikan projek-projek yang menelan belanja berjuta-juta ringgit itu berjalan dengan teratur dan mengikut segala peraturan yang ditetapkan.

Kita telah melihat banyak perkembangan infrastruktur telah dilaksanakan seperti pembinaan masjid, sekolah, jalan raya, kemudahan-kemudahan sosial seperti pusat kegiatan warga emas dan tempat-tempat permainan bagi golongan belia dan kemudahan-kemudahan kesihatan seperti pembinaan tambahan rumah sakit, klinik dan pendidikan percuma.

Di sepanjang tahun 2012, Yang Berhormat Menteri-Menteri di semua Kementerian bersama pegawai-pegawai mereka turun padang membuat lawatan kerja di darat malah juga turun ke dasar laut untuk melihat sendiri keadaan batu karang yang merupakan sumber kehidupan ekologi yang penting di perairan Negara Brunei Darussalam dan juga turun pada waktu malam untuk melihat dan meneliti bagaimana lampu-lampu pancang di sepanjang Sungai Temburong dan Sungai Brunei beroperasi untuk keselamatan pengguna-pengguna di perairan Negara Brunei Darussalam.

Kita juga telah melihat banyak isu-isu yang dibangkitkan pada mesyuarat tahun lalu telah sempurna dilaksanakan seperti pembinaan dan penambahan jalan-jalan raya, penambahbaikan jalan-jalan raya, meninjau kawasan-kawasan yang mengalami masalah banjir dan secara tegas mereka telah melaksanakan langkah-langkah bagi mengatasinya.

Penyertaan bumiputera dalam industri minyak dan gas mendapat sambutan yang membanggakan semasa mengadakan ekspso pekerjaan yang

dusahakan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2012. Begitu juga usaha Kerajaan dalam program Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP) dan *online job training* yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Skim ini patut dikembangkan dan dilaratkan kepada sektor *Government Linked Company (GLC)* seperti *Royal Brunei Airlines* dan TelBru.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat, banyak lagi hendak disampaikan? Sudah melebihi had 10 minit.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

Kalau dapat dalam 3 minit saja lagi, ada tinggal 2 keping sahaja lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Kalau boleh, ringkaskan saja kerana perkara-perkara Yang Berhormat sentuh itu sudah pun disentuh dalam perbincangan di Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:

Mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kemunculannya merupakan satu langkah pembaharuan dalam mengembangkan warga belia untuk mewarnai Wawasan Negara 2035 kelak iaitu pembinaan modal insan. Ia dihasratkan untuk

mengekalkan calak Brunei yang berinovasi, kreatif dan progresif.

Justeru itu, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) perlu menyerlah dalam kepelbagaian fasiliti dan prasarana. Kita berharap agar Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) menjadi unggul dan terbaik di rantau ini serta sebagai mercu dan pemercu penghasilan belia yang bertemakan masa depan yang cemerlang.

Dari itu, keseluruhan perancangan yang telah disediakan dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) perlu disokong sebagai satu usaha yang baik dan patut menerima penghargaan. Lebih-lebih lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kem Latihan Projek Rintis Pertama Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) pada bulan Februari 2012.

Dan pada 6 Mac 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sekali lagi berangkat ke Kem Latihan Projek Rintis Ketiga Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Perkampungan Kompleks Sukan Negara Hassanul Bolkih selepas 8 hari keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri melawat Kem Latihan Projek Rintis Ketiga Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) pada 26 Februari 2013.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mencerminkan sokongan Baginda berdua terhadap perkembangan pembentukan moral modal insan di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat selama 20 minit.

(Majli Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan kita masih lagi membincangkan perkara IX Ucapan-Ucapan Penangguhan. Sekarang kita beralih kepada Ahli Yang Berhormat seterusnya yang akan memberikan ucapan.

Yang Mulia Jurutulis I: Ucapan Penangguhan seterusnya akan

disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin.

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang kepada kaola untuk memberikan ucapan penangguhan ini. Kaola hanya ingin menimbulkan 2 isu yang ringkas sahaja:

1) Seperti yang disebarkan di dalam media, terdapat rumah-rumah di kampung yang membahayakan dan tidak sesuai untuk didiami. Ini merupakan imej yang tidak elok kepada Negara seperti di mata orang asing, ekspatriat ataupun kedutaan masing-masing. Apabila hal ini dilaporkan di dalam media, pihak berkenaan akan sibuk menyelesaikan masalah ini. Bagi kaola hal ini tidak sepatutnya berlaku di Negara Brunei Darussalam kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kemudahan perumahan seperti Rumah Yayasan, Rumah Bantuan Baitulmal, Rumah Bantuan JAPEM, Rumah Perpindahan dan berbagai subsidi.

Oleh itu, kaola mengusulkan untuk mengadakan satu panggilan *hotline* yang ditujukan kepada pihak yang berkenaan untuk menerima apa pun bentuk aduan dari daerah masing-masing. Ini bukanlah kesalahan Pegawai Daerah, tetapi ini kerana kurangnya maklumat daripada

penduduk kampung kepada pihak berkenaan.

Kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan subsidi jika dibandingkan dengan negeri lain. Jika disenaraikan subsidi tersebut di dalam Dewan yang mulia ini 3 minit pun tidak akan habis subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bersyukurlah kita sebagai rakyat Brunei kerana diberikan terlebih banyak kemudahan; dan

- 2) Di dalam bajet Kementerian Kesihatan ianya lebih berfokus kepada kemudahan dan infrastruktur sahaja. Namun peruntukan untuk mempromosikan kesedaran kesihatan kepada orang ramai tidak dinyatakan di dalam bajet tersebut. Kaola berharap bajet Kementerian Kesihatan untuk Tahun 2014 atau 2015 perlulah ada peruntukan yang sewajarnya untuk mempromosikan kesedaran kesihatan. Promosi ini adalah perlu untuk menyedarkan orang ramai akan kepentingan kesihatan seperti pepatah "*Prevention is better than cure*".

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat seterusnya Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman silakan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin

Uking: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim.

Selaras dengan konsep Negara Brunei Darussalam sebagai negara kebajikan yang sentiasa memedulikan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya, ini selari dengan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir yang mengamalkan Islam teras pegangan itu mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sesuai dengan dasar Kerajaan menggalakkan rakyatnya Negara Brunei Darussalam berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta dan tidak hanya mengharap atau menumpu bekerja di sektor awam iaitu Kerajaan semata-mata.

Rakyat Negara Brunei Darussalam pada hakikatnya tidaklah memilih kerja sepertimana yang sering disuarakan oleh pihak yang tertentu. Sebagai bukti, ramai anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta seperti di kedai-kedai runcit, kedai-kedai besar (*Mall*), restoran dan juga di hotel-hotel tempatan.

Mengikut maklumat dari pekerja-pekerja berkenaan gaji yang diterima kurang daripada \$400 sebulan setelah ditolak TAP dan SCP. Untuk pengetahuan di Dewan yang mulia ini, kebanyakan mereka ini terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tinggal di kampung-kampung pedalaman yang mengambil masa satu setengah hingga satu jam dalam perjalanan menggunakan kereta. Mereka ini terpaksa berulang-alik ataupun jalan pagi balik petang setiap hari ke rumah mereka yang jauh di pedalaman.

Ini kerana mereka tidak mempunyai rumah atau tempat tinggal di tempat kerja iaitu di bandar-bandar dan untuk menyewa rumah mereka tidak mampu kerana gaji tidak seberapa, hanya cukup untuk membeli minyak kereta dan membayar bulanan kereta yang perlu dipakai untuk ke tempat kerja. Tambahan pula sewa rumah di bandar terlalu tinggi dan mahal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, memandangkan masalah ini sering dihadapi oleh rakyat yang terlibat tanpa campur tangan pihak tertentu Kerajaan untuk mendapatkan tempat tinggal sementara waktu mereka bekerja di bandar atau pun tempat bertugas.

Untuk mengatasi masalah ini iaitu tempat tinggal sementara waktu bekerja di bandar, majlis mencadangkan supaya dasar atau peraturan menggunakan rumah Kerajaan dikaji semula sesuai dengan suasana dan keperluan rakyat semasa. Ini bertujuan supaya rumah-rumah Kerajaan yang masih baik dan dibaik pulih yang tidak didiami banyak terdapat kosong di seluruh Negara akan disewakan kepada mereka yang amat memerlukan tempat tinggal dengan kadar sewa yang termampu dan tidak membebankan selaras dengan pendapatan mereka yang kurang \$400.00 sebulan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, selain daripada itu bukan sahaja untuk pekerja-pekerja swasta malah dasar kebajikan ini boleh dilaratkan kepada fakir miskin, ibu-ibu tunggal, saudara-saudara baru kakitangan Kerajaan yang bergaji hari dan kepada mereka yang mendapat musibah seperti rumahnya terbakar dan disebabkan tanah susur.

Kita semua maklum, Majlis Ugama Islam iaitu Baitulmal pada masa ini ada menyewa rumah-rumah persendirian dengan kadar \$500.00 sebulan makanya disyorkan supaya Majlis Ugama Islam Brunei iaitu Baitulmal menyewa rumah-rumah Kerajaan yang kosong sepertimana pihak Kerajaan telah menyewa rumah-rumah Baitulmal.

Dengan adanya perubahan dasar penggunaan rumah-rumah Kerajaan nanti, adalah diharapkan akan lebih ramai rakyat Negara ini akan bersedia bekerja di sektor swasta. Dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan pengangguran dan kemiskinan dalam masa yang sama akan memberi ruang kepada belia-belia yang terkandas dalam pelajaran peringkat rendah dan menengah bagi mendapatkan pekerjaan sesuai dengan kelulusan yang mereka miliki untuk memberi manfaat kepada diri mereka iaitu belia-belia itu sendiri dan kepada Negara umumnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum saya berundur saya mengucapkan syabas dan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin Majlis Mesyuarat Negara pada kali ini berjalan lancar dengan jayanya. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet diucapkan terima kasih kerana telah berjaya menjelaskan permasalahan rakyat dengan terang dan mantap dalam memperkasakan belia-belia Negara sebagai pemimpin Negara yang akan datang.

Untuk akhirnya saya akan menyampaikan beberapa rangkap pantun yang ada hubung kaitnya dengan saranan ini tadi.

*Ada rakyat pekak dan bisu,
Bersama serta orang OKU,
Fakir dan Miskin perlu dibantu,
Sebagai kewajipan pihak tertentu.*

*Berharap bantuan tidak terganggu,
Berjalan lancar kepada yang dituju,
Bantuan berterusan amat diperlu,
Untuk memelihara anak yatim piatu dan balu.*

*Rumah Kerajaan kosong banyak berada,
Ada di bandar dan juga di desa,
Rumah sementara diperlukan
untuk pekerja,
Kepada pekerja baik Kerajaan
atau di swasta.*

*Segala bantuan tidak terbantut,
Untuk mereka yang menerima derma,
Membantu rakyat amat dituntut,
Semoga Negara mendapat pahala.*

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang kaola, saya hormati. Terlebih dahulu kaola turut sama mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan dan tatacara yang sungguh cemerlang Yang Berhormat Yang Di-Pertua pameran dalam memimpin dan

mempengerusikan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir. Dengan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala serta kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Alhamdulillah, Persidangan yang berjalan selama 16 hari telah berjalan tanpa sebarang permasalahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet kerana memberi penjelasan-penjelasan yang begitu jelas kepada beberapa isu yang melibatkan perkara-perkara yang selalu ditimbulkan oleh orang ramai dan tidak lupa juga mengucapkan syabas kerana bersikap profesional, tenang dan menunjukkan sikap kesabaran dalam mendengar dan menjawab soalan-soalan serta cadangan-cadangan yang dikemukakan walaupun mungkin ada perkara-perkara yang ditimbulkan tersebut adalah sebagai remeh-temeh, sikap ini sangat-sangat dihargai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di kesempatan ini kaola juga ingin mengulas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada cadangan kaola untuk memasukkan pendidikan teknik dan vokasional ke dalam pendidikan *main stream* bagi Tingkatan 1 hingga 3 atau bagi Tahun 7 hingga 9, iaitu sebelum pelajar-pelajar menduduki peperiksaan 'O' Level. Dari jawapan yang diberikan nampaknya terdapat kekeliruan.

Dalam mukadimah yang kaola berikan sebelum menyuarakan cadangan tersebut ianya jelas bahawa cadangan tersebut adalah bagi cuba untuk berkongsi

pandangan bagaimana untuk membantu pelajar-pelajar yang gagal 'O' Level untuk mendapatkan pekerjaan terutama yang berada di Daerah Temburong yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pendidikan teknikal dan vokasional yang tidak disediakan di daerah tersebut.

Menurut penjelasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, sejak tahun 2009 Kementerian Pendidikan telah menyediakan program-program seperti *EdExcel*, *Applied Secondary Program* dan lain-lain program untuk diikuti oleh pelajar-pelajar tersebut. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, program-program yang disebutkan memang telah diwujudkan akan tetapi semua program ini disediakan bagi mereka yang berkeinginan untuk meneruskan pendidikan teknikal dan vokasional selepas menduduki peperiksaan 'O' Level dan bukannya disediakan bagi pelajar sebelum menduduki peperiksaan 'O' Level seperti yang kaola maksudkan.

Menurut laman web SPN-21, bagi pelajar-pelajar yang berada di Tingkatan 1 hingga 3 atau bagi Tahun 7 hingga 10/11 iaitu selepas pelajar lulus peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) hanya terdapat 3 program atau saluran yang telah disediakan bagi pelajar-pelajar ini iaitu:

1. Maktab Sains atau Sekolah Sains. Ini adalah program bagi pelajar-pelajar yang memperolehi 5 'A' dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR);
2. Program Pendidikan Menengah *General* iaitu bagi pelajar yang mendapatkan kurang dari 5 'A' dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan

program ini akan mengambil masa 4 atau 5 tahun sebelum menduduki 'O' Level; dan

3. Program Pendidikan Menengah *Applied* iaitu bagi pelajar yang mengulang dan gagal Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan program ini akan mengambil masa 5 tahun.

Sementara itu berhubung dengan mata pelajaran teknik dan vokasional, menurut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, mata pelajaran seperti *computer studies*, *art and design* dan *hospitality* telah dimasukkan ke dalam pendidikan *main stream* bagi pelajar-pelajar yang berada di Tahun 7 hingga 9. Perkara ini memang betul, akan tetapi ini bukan mata pelajaran yang kaola maksudkan. Di sini kaola ingin menjelaskan sedikit dalam usaha untuk memberikan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar yang gagal 'O' Level, adalah sukar bagi mereka ini untuk bersaing dengan pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran dan mempunyai sijil diploma atau lain-lain dalam bidang ICT, *art and design* dan *hospitality*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada pandangan kaola bagi memberikan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar yang gagal 'O' Level, mereka hanya dapat bersaing dengan pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai berkemahiran atau berkemahiran di peringkat rendah (*semi skill*). Maka itu, kaola menyuarakan cadangan supaya Kementerian Pendidikan memasukkan pendidikan teknikal dan vokasional ke dalam pendidikan *main stream*.

Di sini, subjek-subjek yang kaola maksudkan ialah seperti membaiki alat-alat elektrik seperti alat penghawa dingin, membaiki kenderaan, paip dan kerja-kerja pembinaan yang lain, yang mana semua kemahiran ini akan membolehkan mereka bersaing atau mengganti pekerja-pekerja asing dalam bidang-bidang tersebut. Kaola berpendapat ini adalah satu lagi *job creation* bagi pelajar-pelajar yang tercicir di peringkat 'O' Level selain dari kerja-kerja di kedai-kedai runcit dan gedung-gedung perniagaan yang sedang diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Memandangkan bidang-bidang ini tidak memerlukan kewangan yang besar, insya-Allah mungkin suatu hari nanti rakyat kita akan berjaya mempunyai syarikat-syarikat dalam bidang-bidang ini yang mana pada masa ini hampir keseluruhannya dikuasai oleh rakyat asing. Langkah ini kaola nilai akan membantu kerajaan dalam menyelesaikan kemelut yang sedang dihadapi berhubung dengan pengangguran dan seterusnya kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pandangan kaola, apapun yang disuarakan di Dewan yang mulia ini hanyalah sebagai perkongsian pandangan, menyuarakan cadangan dan mengemukakan soalan-soalan dan kemusykilan orang ramai. Di dalam setiap perbincangan adalah lazim sebilangan pihak dengan maklumat-maklumat yang mereka perolehi ada yang melihat sesuatu perkara itu seperti kita melihat air di dalam gelas, ada yang melihat setengah kosong dan ada yang melihat setengah penuh. Terutama apabila membincangkan isu-isu seperti ekonomi Negara yang luas dan kompleks malah pakar-pakar ekonomi dunia juga

menghadapi kegagalan apabila membuat ramalan-ramalan berhubung ekonomi.

Dari itu, jika terdapat sebarang maklumat yang salah, ianya hanya memerlukan pembetulan dan jika terdapat pandangan-pandangan yang berbeza ia sepatutnya diambil sebagai idea untuk melihat sesuatu perkara itu dari sudut lain. Keadaan ini sepatutnya tidak menimbulkan sebarang rasa tidak senang di mana-mana pihak, dalam masa yang sama kita harus menghormati nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan perbincangan yang baik dan hangat dan untuk memperdebatkan di Dewan yang mulia ini.

Sebagai penutup, kaola mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengaja atau tidak disengajakan. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Alhamdulillah, terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzim saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah mempengerusikan dan memimpin kesemua permesyuaratan kita di Majlis Mesyuarat Negara mulai dari hari Istiadat Pembukaan Rasmi pada hari Khamis 24 Rabiulakhir 1434 bersamaan 7 Mac 2013 dan saya juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik di atas kebijaksanaan mereka yang membolehkan permesyuaratan kita berjalan lancar dan baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertuan, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat sedikit sebanyak membahaskan pandangan, pendapat dan membukakan berbagai-bagai masalah dan soalan di mana kita telah banyak menyelesaikan isu-isu demi kepentingan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam di dalam Dewan yang mulia ini.

Seperti juga pada tahun lepas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan sejumlah peruntukan yang besar berjumlah \$6.1 bilion pada tahun ini dan harapan untuk dikongsi dan dinikmati bersama dalam usaha mewujudkan Negara yang makmur dan rakyat yang sejahtera.

Di samping itu, Kerajaan akan dapat berfungsi dengan efisien, cekap dan amanah dalam melahirkan Kerajaan yang berintegriti, *good governance* dan dapat menjamin keamanan, kesejahteraan, pekerjaan dan bernegara. Rakyat penuh berharap dan adalah diyakini semua tenaga kerja dan instrumen yang ada pada Kerajaan akan dipergunakan semaksima yang mungkin dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang terhadap pembangunan Negara dan bangsa demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, keberkesanan dalam mengurus Negara dan mentadbir Kerajaan memerlukan komitmen yang berasaskan *political will*, ekonomi yang mantap dan berdaya saing, perpaduan nasional yang kukuh, ta'at kepada raja dan ulul amri, sayang kepada masyarakat dan setia kepada undang-undang. Inilah sedikit sebanyak intipati dasar pada sebuah Negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja yang akan dapat melahirkan sebuah Negara Zikir.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya berpendapat kerja-kerja ke arah menyempurnakan tanggungjawab bernegara dan berkerajaan itu memerlukan penilaian dan penelitian dari masa ke semasa supaya kita dapat menilai pasti jauh mana kejayaan-kejayaan itu telah dapat mengikut masa yang ditentukan. Masih terdapat dalam sektor kerajaan umpamanya kelambatan-kelambatan dari segi pembayaran kepada kontrak-kontrak dan pihak-pihak perseorangan yang berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan begitu juga terdapat kelambatan-kelambatan tindakan-tindakan seperti menjawab

surat-surat mengenai isu-isu sosial dari orang ramai umpamanya permohonan mengubah suai rumah, tukar syarat tanah, mendapatkan lesen perniagaan, mendapatkan sijil halal dan lain-lain. Perkara-perkara kelambatan serupa boleh menjejaskan imej Kerajaan dan ini melambangkan Kerajaan yang tidak efisien di mana Kerajaan adalah sebagai agensi pemudah cara kepada rakyat.

Satu perkara yang mungkin menjadi isu penting dalam Kerajaan ialah mengenai dengan kelewatan kakitangan bekerja di waktu yang sepatutnya. Ini disebabkan terperangkap di dalam kesesakan jalan raya dan ada di antara mereka berurusan dengan menghantar dan mengambil balik anak dari sekolah maka adalah dicadangkan sudah sampai masanya untuk diperkenalkan *public transport* kepada anak sekolah atau dicari *formula* yang sesuai supaya perkara sedemikian itu akan dapat diatasi. Jika perkara itu tidak diatasi bererti kakitangan Kerajaan yang hanya bekerja 5 jam sehari secara purata yang mana 2 jam 30 minit dibuang begitu saja.

Satu perkara yang penting saya rasa perlu diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini ialah terdapat ramai pegawai-pegawai kanan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berhenti dari perkhidmatan apabila mereka sampai kepada jawatan Leftenan Kolonel dalam umur yang masih muda. Perkara ini perlu diambil perhatian dan kajian sebab-sebab kenapa perkara tersebut terjadi, kepakaran dan pengalaman mereka adalah aset kepada Negara, begitu juga saya melihat kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai wanita dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mahupun dalam Pasukan Polis Diraja Brunei terlalu terhad jumlahnya.

Hanya seorang dua sahaja yang memegang jawatan Leftenan Kolonel dan manakala Polis Diraja Brunei juga hanya terdapat seorang atau dua sahaja yang berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis atau Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis. Tenaga dan Keupayaan dan kebolehan serta kelulusan wanita dalam apapun bidang yang mereka ceburi tidak berbeza dengan kaum lelaki. Peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai wanita perlulah difikirkan berasaskan kepada kecekapan, pengalaman dan kelulusan dalam tempoh masa perkhidmatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Masalah Pengangguran saya yakin dapat diatasi atau dapat dikurangkan, berikutan dengan kenyataan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri pada tahun lepas iaitu Kerajaan akan dapat melahirkan 5,000 pekerja profesional dan 30,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2035 dan baru-baru ini Pelita Brunei keluaran 12 Januari 2013 melaporkan 9,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Jika ini dapat direalisasikan Negara Brunei Darussalam akan mencapai kejayaan cemerlang menjadikan sebuah Negara yang mempunyai pengangguran sifar. Sudah tentu Kerajaan telah merangka bidang-bidang latihan yang diperlukan oleh anak-anak tempatan sebelum mereka menceburkan diri di bidang pekerjaan.

Begitu juga Isu Kemiskinan yang jumlahnya semakin bertambah dari tahun ke setahun akan dapat ditangani dengan adanya peluang-peluang pekerjaan yang disediakan. Fenomena kemiskinan tidak boleh diberikan bantuan berterusan kecuali mereka yang benar-benar memerlukannya. Dengan adanya penyediaan pekerjaan sama ada dari

sektor Kerajaan mahupun sektor swasta akan dapat mengatasi sedikit sebanyak masalah yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara yang ingin dikongsikan bersama ialah mengenai dengan pemberian pencen kepada pegawai-pegawai yang bersara. Seorang pegawai yang bersara berhak menerima elaun tersebut sehingga ke akhir hayat. Setelah meninggal si isteri akan berhak menerima sehingga umur Allahyarham itu mencapai usia 70 tahun dan selepas itu hak si isteri akan hilang jika ia bersuami semula. Maka adalah dicadangkan supaya pemberian pencen tersebut akan dapat diteruskan untuk diterima oleh si isteri sehingga umurnya mencapai 70 tahun bagi meringankan beban isteri dan keluarga dari kesempitan hidup terutama mereka yang masih mempunyai tanggungan yang ramai. Dengan melanjutkan pemberian pencen kepada si isteri setelah kematian suami membantu mereka boleh menjalankan hidup yang terjamin sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah sosial yang melanda kehidupan berkeluarga.

Wawasan Negara 2035, antara lain bertujuan bagi meningkatkan dan memartabatkan ekonomi Negara. Ini secara langsung memerlukan keterlibatan rakyat dan peluang-peluang yang ada di dalam sektor berkenaan, tetapi penyertaan anak-anak bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan besar mahupun perusahaan kecil dan sederhana terlalu kecil bilangannya. Saya yakin Kerajaan sudah tentu memikirkan bagaimana Negara boleh melahirkan sebanyak mungkin usahawan berjaya dalam kalangan bumiputera dan golongan korporat.

Dengan menyediakan kemudahan dana dan latihan-latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan kejayaan bumiputera dalam bidang ini. Kalau kita perhatikan pertumbuhan perniagaan kecil sahaja banyak dimonopoli oleh bangsa-bangsa asing dan menggunakan lesen anak-anak tempatan. Perkara seperti ini, adalah amalan yang tidak sihat dan harus dibendung. Begitu juga kemasukan bangsa asing ke Negara ini perlu diteliti dengan terperinci.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya sukacita mengimbas semula titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan pada 7 Mac 2013 di mana peranan yang ditunjukkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik amatlah besar selaku pemimpin akar umbi, bukan sahaja sebagai penyalur maklumat kepada Kerajaan, tetapi juga memberikan maklumat kepada rakyat dan menerima maklumat daripada Kerajaan.

Ini memerlukan kesungguhan pekerjaan yang terarah bagi mengaktifkan peranan Ahli-Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik perlu difikirkan sebagai penubuhan sebuah sekretariat atau institusi kecil yang terurus dengan melicinkan pentadbiran dan pengurusan majlis tersebut agar penerimaan dan penyaluran serta penyampaian maklumat itu dapat berfungsi dengan baik.

Oleh itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada tahun lepas saya menyuarakan pandangan dan pendapat agar Pembukaan Majlis Mesyuarat Daerah

diaktifkan semula atau dibentuk semula di Peringkat Daerah dengan hasrat dan harapan supaya pertemuan dan permuzakarahannya akan dapat diusahakan di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang diketuai oleh Pegawai Daerah bersama dengan Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik atau yang dipilih di mana maklumat dasar dan isu-isu akan merupakan perancangan Kerajaan di peringkat Daerah dapat dibincang dan tidak payah menunggu di peringkat Negara kecuali perkara-perkara yang merupakan dasar dan isu-isu yang tidak dapat diputuskan barulah dibawa ke Majlis Mesyuarat Negara.

Saya percaya dengan cara demikian itu, keprihatinan Kerajaan bagi menangani isu-isu setempat akan diberi perhatian yang utama. Peranan Ahli-Ahli Yang Dilantik dalam Majlis Mesyuarat Negara di Peringkat Daerah perlu dan mustahak menghadirkan diri bersama semasa mesyuarat itu dijalankan. Dengan cara ini, semua ahli akan dapat menerima maklumat terkini dalam Kerajaan dan menyalurkan maklumat kepada Kerajaan akan dapat disampaikan secara cepat dan tepat dan begitu juga penyaluran maklumat kepada rakyat akan dapat disampaikan berpandukan kepada *first-hand information*. Mekanisme yang saya cadangkan ini juga dikira dapat memberikan impak yang positif terhadap peranan institusi kampung dan mukim di mana mereka akan dapat maklumat pekerjaan dengan tepat dan betul dan menyampaikan pula maklumat itu kepada rakyat dengan penuh yakin dan tepat. Sekaligus institusi penghulu dan ketua kampung akan dapat menggerakkan secara aktif dan bersistematik dengan melihat keperluan menghidupkan semula bangunan dan balai-balai raya sebagai

pusat pentadbiran dan bilik gerakan yang tersusun dan berupaya memberikan khidmat penyebaran maklumat.

Alhamdulillah, selama 16 hari kita berbincang di Dewan yang mulia ini, telah banyak penjelasan bagi segala soalan dan keraguan kita diketengahkan semoga ianya menjadi satu tauladan dan pengajaran yang baik. Bagi mengakhiri ucapan saya di Dewan yang mulia ini, saya mengambil kesempatan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf andainya terdapat kesilapan bahasa di Dewan yang mulia ini. Mudah-mudahan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita berjumpa lagi di mesyuarat yang akan datang. Sekian sahaja yang dapat saya sampaikan Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar. Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama menghadirkan diri di Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara mulai dari Hari Pembukaan Rasmi pada hari Khamis 24 Rabiulakhir 1434 bersamaan 7 Mac 2013 yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzadin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bermesyuarat di dalam Dewan yang mulia ini banyak mukadimah-mukadimah yang diisikan dengan perancangan-perancangan, strategi-strategi yang menghalu tuju kepada hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kejayaan permesyuaratan sudah tentu tidak akan teratur tanpa kebijaksanaan, ketegasan, ketentuan pengurusan memandu permesyuaratan. Justeru itu, kaola ingin merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin perjalanan dan pengurusan permesyuaratan yang berlangsung selama 16 hari dengan cukup teratur dalam suasana yang penuh kemesraan dan lancar.

Dalam rumusan yang kaola dapat ringkaskan banyak jelas rancangan-rancangan, peruntukan, landasan, hala tuju untuk memakmurkan Negara Brunei Darussalam telah termasuk dalam Perbelanjaan 2013/2014 yangmana kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

hasratkan untuk meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha-usaha mengukuhkan ekonomi dan pertumbuhannya. Baginda juga menitahkan sebagai salah satu keperluan utama ialah pengembangan perniagaan dan perdagangan serta menarik lebih banyak lagi pelaburan asing akan terus mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif, industri huluan dan hiliran sektor minyak dan gas yang akan terus dimantapkan selaku penyumbang utama ekonomi kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita di Negara Brunei Darussalam ini bernasib baik kerana mempunyai Raja yang inginkan rakyat dan Negara Baginda maju sehingga sanggup mengutamakan perbelanjaan yang begitu besar demi kesejahteraan rakyat jua.

Selain daripada itu, Baginda mahu pengembangan perniagaan dan perdagangan serta menarik lebih banyak lagi pelaburan asing. Baginda menekankan perlunya mendapat perhatian yang serius daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara terutama Ahli-Ahli Yang Dilantik serta memberikan pandangan sebanyak yang mungkin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Wawasan Negara 2035 kalau diikuti perancangannya banyak menjuruskan kepada pencapaian yang lebih tinggi dari apa yang Negara capai sekarang tentulah usaha baru ini hendaklah menjalani perubahan yang jauh lebih besar yang mungkin membawa ke hala tuju strategi-strategi yang dimahukan tercapai. Pemantauan dengan cukup perhatian sama ada Negeri sudah siap siaga bagi menjalani perubahan ini. Dari

itu, pertanyaan kaola pada awal Sesi Persidangan kita tidak mendapat penjelasan yang tepat mengenai berapa peratuskah sudah tercapai mengikut rancangan ini adalah mustahak bagi panduan ke arah tuju yang mantap. Dan bagi menggerakkan usaha ini perancangan tenaga manusia dan pengurusan tenaga manusia amatlah penting. Kemahiran dari pakar-pakar ini boleh membantu mencorakkan dan mengolah pembentukan sistem yang mantap lagi berkesan. Jawatan-Jawatan seperti ini tidak termasuk dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2013/2014.

Tahun ini kali kedua kaola duduk dalam Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Kedua musim ini kaola tidak kurang kurangnya mendengar rayuan, cadangan, penerangan masalah ketidakcukupan kewangan untuk menampung sara hidup kebanyakan orang kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pandangan kaola sudah tiba masanya negara ini membuat kajian secara nasional untuk mendapatkan data-data yang menyebabkan ketidakcukupan wang sara hidup orang kita. Kalau diikuti siaran media dan akhbar banyak kejadian memohon bantuan kewangan meningkat, mufliis, kecurian, penyeludupan, perceraian berlaku yang dulunya jarang didengar.

Selain daripada itu, tiap-tiap hujung bulan ramai orang kita berkunjung ke Negara jiran untuk membeli belah dan dulunya telefon bimbit belum begitu luas keperluannya dan sudah tentu menambah perbelanjaan keluarga tambah lagi pemakaian internet. Bukankah ini satu petanda adanya masalah kemerosotan ekonomi mereka. Jika kajian itu dapat

mengesan permasalahan yang sebenar, baru kita tahu apa yang sebenar berlaku dan tindakan apa patut kita ambil untuk mengatasi masalah ini.

Kemajuan perniagaan Melayu hendaklah diambil serius, mungkin dengan menyediakan program seperti Program Anak Angkat. Dengan program ini, peniaga itu boleh berinteraksi bersama rakan pembimbing bagi membuat atau melaksanakan satu projek yang boleh menjadi landasan untuk mempelajari atau *transfer of knowledge* yang pemantauannya diolah oleh satu badan bertanggungjawab ke atas kejayaannya itu.

Sebelum kaola berundur diri, kaola ada sebuah pantun:

*Berjalan kaki pergi ke kedai,
Hendak membeli kapur baru,
Bajet diluluskan digunapakai,
Berbelanja berhema janganlah boros.*

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana permesyuaratan

kita telah berjalan dengan baik dalam suasana harmoni, aman damai, terarah dan berkesan.

Terlebih dahulu kaola dengan penuh hormat mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kepimpinan dalam pengendalian mesyuarat ini. Ucapan penangguhan kaola akan kaola tumpukan ke arah usaha memperkembangkan sumber tenaga manusia. Pengalaman Negara maju yang telah menunjukkan bahawa pembangunan sebenarnya sesuatu Negara itu ialah pembangunan sumber tenaga manusianya.

Kaola akan menyentuh mengenai perkara ini dari 2 aspek iaitu:

- 1) Aspek pendidikan; dan
- 2) Aspek perkembangan sektor swasta dan keusahawanan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2010 bertitah:

"Pendidikan adalah pelaburan sepanjang hayat yang tidak boleh diabaikan". Kaola juga memetik Pusat Kajian Strategik dan Polisi (CSPS) dalam kajian untuk mempelbagaikan ekonomi telah menyatakan bahawa "satu strategi pendidikan menjurus kepada inovasi dan keusahawanan adalah perlu bagi menjalankan sokongan-sokongan dapatan kajian tersebut".

Alhamdulillah, Negara kita mempunyai sistem pendidikan yang strategik serta

komprehensif untuk membangunan rohani dan peningkatan modal insan melalui Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 dan Pembelajaran Ugama Wajib.

Pada pandangan kaola, ada beberapa perkara yang boleh membantu lagi memperkukuhkan dan mendukung lagi sistem pendidikan yang ada iaitu:

- 1) Diutamakan aspek perancangan dalam aspek pembangunan sumber tenaga manusia. Penubuhan badan khas bertanggungjawab menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia iaitu seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah sangat-sangat dialukan. Kaola yakin dengan penubuhan badan ini akan membantu menjadikan sistem pendidikan Negara akan lebih terarah dan berjadual;
- 2) Diutamakan sektor pendidikan dan pembangunan sumber tenaga manusia dalam peruntukan kerajaan setiap tahun serta dikaji proses pelaksanaannya agar mencapai objektifnya dalam masa yang optima. Alhamdulillah, kerajaan sentiasa membuat keutamaan pada pelaburan dalam bidang pendidikan dan sumber tenaga manusia. Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) dalam pembentangan Rang Undang-Undang Belanjawan bagi Tahun 2012/2013 telah menekankan antara tumpuan dan keutamaan rancangan kewangan kerajaan adalah dijuruskan kepada usaha-usaha meningkatkan kapasiti termasuk bidang pendidikan. Kita harap penumpuan kewangan ini akan ditingkatkan lagi pada tahun-tahun seterusnya;

- 3) Diutamakan pendidikan awal (*early education*) iaitu pendidikan 2 hingga ke 5 tahun. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibuat oleh pakar-pakar pendidikan, kemajuan dalam pendidikan awal akan memberi kesan positif kepada kemajuan pembelajaran berikutnya bagi setiap penuntut.

Di sini kaola cadangkan agar perkara ini dipertingkatkan bagi mencapai visi ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai *Centre of Excellence* iaitu Pusat Kecemerlangan bagi pendidikan awal yang bertaraf dunia. Kita mengambil maklum dalam Pelan Strategi Kementerian Pendidikan, pendidikan awal memanglah menjadi keutamaan dan adalah antara haluan dasar bagi strategi pendidikan dalam pencapaian Wawasan Negara 2035;

- 4) Ditingkatkan usaha untuk memperbaiki apa jua kekurangan pada sistem pendidikan yang ada, termasuk mengatasi apa-apa jua faktor-faktor lokal atau khusus. Diharap usaha untuk mengatasi kurang pencapaian penuntut-penuntut dalam peperiksaan awam misalnya akan ditangani secara holistik;
- 5) Ditingkatkan usaha untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Kaola mengalu-alukan program *on-line learning* yang giat dilaksanakan oleh pihak Universiti Brunei Darussalam yang pada masa yang sama juga akan meningkatkan akses kepada pengajian tinggi; dan
- 6) Ditingkatkan usaha untuk memperbaiki pengurusan semua institusi pendidikan termasuk institusi perguruan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

Menteri Pendidikan. Kualiti pendidikan banyak tergantung kepada kualiti dan keberkesanan tenaga pengajarnya. Oleh itu, kaola mengalu-alukan perancangan bagi penubuhan Akademi Perguruan yang antara lain akan meningkatkan lagi pengurusan profesoon perguruan dan memastikan para guru diberi skim latihan secara berterusan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua kita sangat-sangat menghargai komitmen Kerajaan yang sentiasa memberi keutamaan pelaburan dalam bidang pendidikan. Pendidikan adalah asas kemajuan seperti yang dikatakan "*Todays learning outcomes at school, are a powerful predictor for the wealth and the social outcomes of the countries will reap in the long run*" atau Keputusan pembelajaran di sekolah pada hari ini adalah petunjuk kuat akan pencapaian kekayaan, pencapaian sosial bagi satu-satu negara di masa panjang. Dengan kata lain maju sekolah, majulah negara.

Seterusnya Kaola ingin menyentuh mengenai usaha bagi memperkembangkan Pengusaha Kecil dan Sederhana. Kaola mengalu-alukan usaha Kerajaan seperti:

1. Inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Jabatan Tenaga di bidang industri minyak dan gas;
2. Usaha Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei di bidang teknologi dan media baru; dan
3. Usaha-usaha Kementerian lain termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang telah

membuat deklarasi tahun 2010 - 2020 sebagai Dekad Pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS).

Khusus dalam Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan ke arah pencapaian yang lebih mengkhususkan kepada peniaga bumiputera, kaola sarankan kepada agensi-agensi yang berkenaan supaya membuat intervensi secara langsung bagi membantu peniaga tempatan.

1. Dibuat rancangan yang mengkhususkan peruntukan Pembangunan Sumber Tenaga Manusia bagi latihan-latihan langsung kepada peniaga tempatan khususnya peniaga Bumiputera;
2. Dilaksanakan Skim-Skim untuk membantu secara langsung peniaga-peniaga tempatan atau badan-badan berkenaan seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei; dan
3. Dipantau pelaksanaan usaha-usaha pembangunan keusahawanan tempatan seperti menilai peratus mengenai *take up rate* akan bantuan-bantuan yang telah dihulurkan untuk memastikan ianya mencapai matlamat dan tujuannya.

Di kesempatan ini kaola berharap para peniaga tempatan khususnya peniaga Melayu akan lebih dinamik dan merebut peluang-peluang yang dihulurkan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seperti yang berulang-ulang disebut untuk Menjana Kemajuan Ekonomi Negara kita hendaklah tidak terlalu bergantung

kepada minyak dan gas. Kemajuan berdaya tahan iaitu seperti yang dicapai oleh negara-negara yang tidak mempunyai sumber-sumber alam ialah sumber tenaga manusianya yang berkualiti. Kaola yakin dengan usaha yang berterusan dari semua lapisan masyarakat serta usaha padu pihak Kerajaan, insya-Allah Negara akan mempunyai rakyat dan anggota masyarakat beriman yang berpendidikan, dinamik, produktif, berkualiti, berkemahiran dan berwawasan yang akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berpandukan konsep Melayu Islam Beraja yang diamalkan di negara kita sejak berzaman-zaman. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alamin.

Kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita telah melaksanakan tanggungjawab masing-masing di dalam Musim Permesyuaratan Negara Yang Kesembilan dengan pimpinan bijaksana dan kearifan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam kita bermuzakarah dan menghurai kepentingan semua aspek yang menjurus ke arah usaha meningkatkan kestabilan

ekonomi dalam Negara, kita bukan hanya membahas secara terus apa yang berlaku kepada perkembangan ekonomi dalam Negara dan global. Kita juga diberi kesempatan untuk menghubungkan pelbagai isu yang juga turut menyumbang ke arah maju mundurnya pembangunan, perkembangan kemajuan dan kesejahteraan dalam Negara.

Seperti isu dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, bagaimana mengatasi dan menangani kemiskinan, sosial dan kebajikan masyarakat dan lain-lain. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa:

"Bidang-bidang adalah sangat luas dan terbuka untuk disebut dan dibincangkan. Jika ada respons baik dan hangat daripada Ahli-Ahli mengenainya, maka barulah ada makna kita bersidang".

Demikian petikan titah Baginda sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini.

Apa yang kaola faham daripada petikan titah ini bahawa apa jua yang dinyatakan baik ia berupa soalan, saranan atau pandangan adalah tidak lain bertujuan semata-mata untuk turut mendukung aspirasi Negara. Hendaklah juga mendapat respons baik dan positif daripada pihak Kerajaan semasa perbahasan.

Ini mengambil kira memberikan penjelasan yang terang, menepati persoalan dan permasalahan yang ditimbulkan, membetulkan mana-mana

fakta yang kurang tepat, menghurai mana-mana yang ada kewahaman atau menolak soalan atau saranan dengan penuh hemah, kebijaksanaan dan berhemah. Maka barulah ada makna kita bersidang di dalam Dewan yang mulia dan terhormat ini.

Apa jua isu yang telah dibahas semata-mata kerana kita ingin melihat Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini kekal berdaulat, aman makmur dan kehidupan rakyat sejahtera. Berhubung dengan Wawasan Negara 2035 yang sering kita sebut dan kaitkan dalam apa jua perancangan, pelaksanaan rancangan dan sebagainya hendaklah bukan hanya ketika menyediakan pelan strategik masing-masing atau dalam menyediakan matlamat dan objektif sesuatu projek atau kajian semata-mata. Tetapi perlulah disebarluaskan dan difahami oleh semua peringkat rakyat dan penduduk Negara ini, kerana dengan adanya pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenainya semua pihak akan merasa bertanggungjawab untuk mencapainya dengan sukat-sukat dan kemampuan masing-masing.

Kaola sangat percaya rakyat dan penduduk mengetahui malah sentiasa menjunjung tinggi akan pemeduliaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri terhadap kebajikan rakyat dan penduduk. Rakyat dan penduduk memberikan sokongan, saling bekerjasama erat dan bersatu padu dalam apa jua perancangan dan pelaksanaan projek dan program Kerajaan. Ini terbukti dengan keadaan dalam Negara yang aman dan

sejahtera yang dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk.

Satu lagi yang ingin kaola timbulkan iaitu kualiti perkhidmatan awam yang sentiasa diperingatkan oleh pucuk pimpinan supaya setiap organisasi Kerajaan supaya menjaga disiplin kerja, komited kepada tugas yang diamanahkan, menjaga waktu bekerja, jujur, amanah dan ikhlas. Setiap tahun akan disediakan borang penilaian prestasi setiap pekerja. Apakah fungsi dan objektif penilaian itu berkesan atau hanya memenuhi kehendak syarat dan peraturan? Adakah penilaian tersebut dapat mengubah tabiat dan sikap acuh tak acuh sesetengah pegawai dan kakitangan berkenaan atau adakah penilai benar-benar amanah terhadap penilaian yang dilaksanakan?

Inilah antara cabaran yang perlu ditangani oleh pihak-pihak berkenaan supaya peringatan demi peringatan itu turut disusuli dengan tindakan supaya imej perkhidmatan awam tidak lagi ditanggapi dengan tanggapan yang negatif sebagaimana yang sering diperingatkan. Dalam hal ini juga satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menelan belanja jutaan ringgit iaitu Program *Government Employee Management System (GEMS)* di bawah Projek e-Kerajaan yang juga bertujuan untuk mencemerlangkan lagi mutu dan kualiti perkhidmatan awam sejajar dengan era maklumat masa kini. Tetapi adakah projek ini sudah mencapai sasarannya? Berapa peratuskah agensi dalam Kerajaan yang mengguna pakai sistem *GEMS* ini. Kejayaan atau kegagalan projek ini sedikit sebanyak akan melibatkan kewibawaan semua pihak yang berkenaan.

Kita juga tidak menafikan adanya tindakan-tindakan yang diambil terhadap pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang didapati melakukan kesalahan atau pecah amanah semasa dalam perkhidmatan. Yang mana mereka akan digantung daripada bertugas. Sementara menunggu keputusan hukuman dijatuhkan ada yang terpaksa menunggu dalam tempoh yang agak lama untuk dijatuhkan hukuman. Apakah kelambatan ini disebabkan banyaknya kes-kes yang perlu diselesaikan oleh mahkamah? Atau apakah kes-kes sebegini tidak dianggap penting untuk disegerakan?

Begitu juga Penganugerahan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran kepada warga perkhidmatan awam yang mana ianya hendaklah diberi perhatian oleh semua pihak yang membuat sokongan kerana penganugerahan ini adalah suatu ganjaran yang ditunggu-tunggu oleh setiap warga perkhidmatan awam, baik di peringkat bawahan, pertengahan atau atasan, sesuai dengan prestasi cemerlang mereka berkhidmat. Ini adalah bertujuan supaya tidak ada pegawai atau kakitangan yang terlepas pandang atau *overlook* sehingga ada yang telah bersara dan tidak sempat menerimanya. Akhirnya kaola turut menyusun jari sepuluh sekiranya sepanjang Musim Permesyuaratan Kesembilan ini kaola terlajak kata, terkasar bahasa, tersorok langkah, terusik hati dan teremosi, mohon dimaafkan 2 rangkap pantun:

*Bijak sungguh Yang Di-Pertua,
Memimpin Majlis penuh wibawa,
Fokus utama wawasan belia,
Rakyat mendukung agenda negara.*

*Fokus utama Wawasan Negara,
Model insan digarap penuh rencana,
Duniawi dijana ukhrawi tujuannya,
Negara Zikir insya-Allah menjadi nyata.*

Akhulu Khawli Haja
Wastagfirullahaliwalakum,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia. Yang Berhormat Tuan Haji A. Ahmad bin Husain, silakan.

Yang Berhormat Awang Haji A.

Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin yang dirahmati Allah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiyaa Ewal Mursaleen, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Rabbisrahli Sadri Wayassirli Amri Wahlul U'datam Millisani Yafkahu Kauli.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian terlebih dahulu kaola sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan dan tatacara yang sungguh gilang gemilang Yang Berhormat Yang Di-Pertua pameran dalam mempengerusikan dan memimpin Majlis Mesyuarat Negara pada awal dan hingga akhir ini.

Di samping itu membawa persidangan tahun ini ke tahap yang cukup cemerlang dan gemilang tanpa kekecohan walau sebesar zahrah di padang pasir serta cukup berjaya membawa rasa

kesefahaman dalam menghala matlamat yang sangat-sangat dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan rasa penuh sukacita dan penuh hormat, dengan hati yang tulus ikhlas lagi hening, dengan sepenuh hati menyokong akan Ucapan Penangguhan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagai sebuah Negara Zikir yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja, kepentingan bahasa sastera dan budaya tidak boleh diabaikan kerana sastera dan budaya adalah nadi dan tunjang sebuah negara seperti Negara Brunei Darussalam.

Dari dahulu lagi, ahli-ahli dalam organisasi Asterawani ini ramai yang berkaliber dan berpotensi dalam penulisan. 99% penulisan mereka ini menanai, menyokong dan menyuntik semangat nasionalisme untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam aman damai dan sejahtera. Penulisan mereka itu berbentuk novel, cerpen, drama, esei, sajak, pantun dan lain-lainnya. Dalam itu pula tidak kurang dengan kritikan sastera.

Adanya kritikan sastera kepada sebuah penulisan menjadikan kejayaan dan kesempurnaan sebuah penulisan tersebut kerana tanpanya ada kritikawan, penghasilan sebuah karya itu tidak akan memperolehi apa-apa kejayaan dan kesempurnaan. Maka seorang kritikawan amat penting walaupun terlalu sukar memperolehinya.

Tidak semua orang boleh menjadi kritikan, inilah manusia yang sukar untuk dicari. Semoga para pengkritik yang wujud di mana-mana Universiti Brunei Darussalam akan dapat diampit-ampiti dan diberikan anugerah yang bersesuaian dengan apa yang mereka telah laksanakan.

Di Dewan Majlis yang indah dan permai ini telah kedengaran suara-suara untuk mengeluarkan Anugerah Sastera Kebangsaan. Hal seperti ini telah lama dinanti-nantikan oleh seluruh penulis-penulis tanah air kerana ini boleh juga memberikan suntikan semangat nasionalisme. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memberikan restu dan nafas baru kepada perkembangan bahasa dan sastera Negara. Tahniah Yang Berhormat Pehin, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu amat jauh pandangannya. Baginda menembusi daratan, lautan serta angkasa.

Baginda mahu tahu luasnya padang, Baginda bertanya pada belalang, Baginda mahu tahu luasnya angkasa, Baginda bertanya kepada helang. Baginda mahu tahu luasnya bumi, Baginda bertanya kepada cacing, Baginda mahu tahu luasnya laut, Baginda bertanya kepada ikan-ikan.

Kerana itulah Baginda tahu akan mustajabnya doa-doa para ulama, anak-anak yatim dan doa-doa orang tua-tua, warga emas dan warga intan.

Inilah menjadikan pentadbiran Baginda amat berjaya dalam kehidupannya. Kaola amat menjunjung tinggi akan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan pada hari Khamis, 24 Rabiulawal 1434 bersamaan 7 Mac 2013, bertempat di Dewan yang indah dan permai ini, terutama untuk meningkatkan pendidikan duniawi dan ukhrawi kerana hidup memerlukan ilmu, hidup di akhirat pun memerlukan ilmu. Maka dengan memendekkan ucapan kaola ini, sukacita kaola rangkumkan dengan syair dan pantun-pantun, izinkan kaola:

*Bismillah mula ditulis,
Suara rakyat di dalam Majlis,
Ahli Yang Berhormat orangnya ginis-ginis,
Duduk di Dewan berbaris-baris.*

*Dewan Majlis sudah bermesyuarat,
Selama 16 hari bertegang urat,
Membincangkan bajet untuk rakyat,
Agar semua hidup tiada melarat.*

*Terima kasih Pehin Pengerusi,
Wajahnya manis berseri-seri,
Memimpin majlis cermat dan teliti,
Majlis berjaya, Pehin berpuas hati.*

*Mengucap syukur kepada Allah,
Semua bajet Kementerian diketahui sudah,
Untuk mengetahui bajet yang indah,
Semua rakyat memperoleh faedah.*

*Ahli-Ahli Dewan sudah berfikir,
Majlis Mesyuarat Negara akan berakhir,
Ada yang menaksir semua kejayaan sudah tersingkir.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, syair sudah pun lepas, maka kaola seterusnya akan berpantun dengan berlagu, izinkan kaola:

*Gulai Santan batang keladi,
Dayang memasak maulai,
Berhati senang Baginda Sultanlah hati,
Pemurahlah Hati, ingatkan rakyat kasih
dan sayang maulai.*

*Nurul Iman, Istana Permai,
Kampung Tumasek maulai,
Tempat berada, rakyat menyokonglah
ramai,
Beramailah ramai pada pentadbiran Duli
Baginda, maulai.*

*Indera Giri Pasirnya lumat,
Kerang bercampur dengan lukan,
Bagaimana Nabi kasihkan umat,
Begitulah kaola kasihkan Sultan.*

Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada jam 2.45 petang nanti, terima kasih.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung pada jam 2.45 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan masih lagi mengenai Perkara IX, Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Sekarang kita beralih kepada Ahli Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur dan puji kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul pada petang yang mulia ini iaitu hari penutup Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1434 Hijrah bersamaan 2013 Masehi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu kaola mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua

atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin Majlis Mesyuarat Negara ini dengan penuh bijaksana, sabar dan penuh dedikasi serta sentiasa memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berhujah sepanjang persidangan ini berlangsung. Kami amat terharu di atas keprihatinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana dalam apa jua keadaan pun, Yang Berhormat Yang Di-Pertua masih boleh tersenyum dan ada kalanya berjenaka hingga kita tidak berasa letih malahan semakin bersemangat.

Dengan peruntukan yang telah dikurniakan oleh raja dan kepala Negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunjukkan keprihatinan Baginda untuk melihat pembangunan Negara berjalan lancar mengikut perancangan yang teliti, telus, ikhlas dan menepati keperluan Negara.

Apa yang diharapkan semua peruntukan yang telah diagih-agihkan kepada semua kementerian akan dapat memenuhi visi, misi dan matlamat kementerian masing-masing pada melaksanakan berbagai aktiviti projek yang menjurus untuk kepentingan rakyat dan penduduk yang mendiami bumi Negara Brunei Darussalam. Dalam tempoh 16 hari Persidangan berlangsung, berbagai program dan rancangan telah kita dengar melalui semua kementerian yang kesemuanya menuju ke satu destinasi iaitu melestarikan peruntukan yang telah dikurniakan.

Bagi mewakili Ahli-Ahli Yang Berhormat Daerah Brunei dan Muara, kaola penuh berharap melalui cadangan dan isu-isu yang disuarakan akan mendapat pertimbangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat mewakili Zon 1, 2, 3 dan 4, penuh yakin apa jua isu yang menjadi persoalan dan dicadangkan akan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. Projek mega yang menjadi impian rakyat dengan pembinaan jambatan penghubung Bandar Seri Begawan - Lumapas dan jambatan penghubung Berembang - Menunggol akan menjadi realiti. Melihat kepada pelan strategik 11 kementerian, sebanyak 653 projek dirancang yang semuanya memberikan keyakinan kepada rakyat dan penduduk Negara ini untuk menikmati hasilnya.

Dalam meniti arus pembangunan yang lebih mencabar dan berhadapan dengan dunia tanpa sempadan, kita dikehendaki menyediakan rakyat yang berilmu, berketrampilan, dedikasi, taat, jujur dan amanah dalam segenap bidang. Kita semua menyambut baik beberapa perkembangan yang telah direncanakan seperti jalur lebar ataupun *Fibre To The Home (FTTH)* akan dapat memudahkan urusan perjalanan cepat dan lancar melalui teknologi canggih yang *sustainable* seperti 4G *services* atau perkhidmatan 4 Generasi dengan teknologi berdaya tahan serta 4G perkhidmatan *mobile* dan *broadband internet* yang berkualiti tinggi berbanding dengan 3G yang ada sekarang.

Semua ini menjadi harapan belia-belia ataupun penuntut-penuntut di bandar dan pendalaman untuk dapat menerima akses yang berkualiti.

Pembangunan kapasiti dalam berbagai bidang termasuk kerohanian akan dapat dijemakan melalui pendekatan bersepadu oleh semua kementerian, berjalan seiring menurut keperluan dan aspirasi Negara sesuai dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Bagi menjamin pengukuhan berbagai sektor seperti pendidikan Negara, kesihatan, keugamaan, kebudayaan, perundangan dan memperkasa belia dan lain-lain, langkah-langkah drastik telah diusahakan dan dilaksanakan. Kita berdoa semoga Negara Brunei Darussalam akan mencapai taraf Negara maju menjelang tahun 2035.

Melalui sembang sarang dan cadangan-cadangan yang telah dibahaskan di Dewan yang mulia ini ianya merupakan pandangan dan pemikiran bagi sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam ke arah *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*. Kita semua hendaklah berfikir positif dengan mengambil kira kesesuaian untuk jangka masa pendek dan panjang. Pendekatan kita semua sama dengan negara-negara maju dan senang membangun dalam berdepan dengan berbagai masalah selalunya melihat kepada masalah itu bukan sebagai bebanan tetapi berguna bagi menghadapi cabaran ke hadapan dan ianya dijadikan platform bagi penyelesaian.

Sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Majlis Mesyuarat Negara pada 6 Mac 2006 Masihi. Antara lain titah Baginda, jangan takut-takut mengeluarkan pandangan dan buah fikiran untuk kebajikan rakyat dan dikuatkan lagi

dengan kurnia titah Baginda pada Majlis serupa pada 16 Safar 1428 Hijrah bersamaan 6 Mac 2007 Masehi.

Titah Baginda antara lain ialah dinamakan bijaksana itu ialah dapat melihat segala permasalahan itu dengan mata hati bukan semata-mata apa yang terpapar sahaja tetapi juga tahu meletakkan harga kata-kata bagi meraih manfaat daripadanya. Sasaran utama kita, tidak lain ialah untuk menjadikan Negara yang benar-benar berdaulat, aman, makmur lagi selamat. Demikian kurnia titah Baginda untuk renungan kita bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang abis kaola sampaikan dan cadangkan di Dewan yang mulia ini sepanjang sesi perbincangan berlangsung adalah merupakan sebahagian suara hati dari penduduk yang kami wakili setelah membuat perjumpaan dengan pemimpin akar umbi, masyarakat serta NGOs bagi mendapatkan maklumat dan pandangan mereka mengikut kesesuaian dan keutamaan berdasarkan sejauh mana ianya menjadi keperluan, permasalahan, kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dengan mengambil kira tatasusila, budaya kita yang berkhemah tinggi sebagai warga Negara Brunei Darussalam.

Mewakili rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Menteri-Menteri Kabinet yang telah sudi menjawab apa jua soalan serta menerima baik cadangan dan pandangan dengan memuaskan di samping mengharapkan hasilnya. Bak kata pepatah: "Kata berjawab, gayung bersambut. Demikianlah adanya.

Walaupun persidangan ini mengambil masa selama lebih kurang dua minggu kami tidak terasa lamanya kerana dalam Dewan yang mulia ini kita menikmati suasana harmoni, persefahaman, rasa muhibah dan saling hormat menghormati antara Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli yang dilantik. Marilah sama-sama kita berdoa semoga apa jua hasil perbincangan ini akan menjadi kenyataan dan mendapat petunjuk serta perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan menghulurkan jari sepuluh kami memohon kemaafan jika tersuruk langkah dan tutur kata yang kurang menyenangkan sepanjang Majlis ini berlangsung dipohonkan kemaafan. Sebelum mengakhiri ucapan yang ringkas ini, izinkan kaola berpantun:

*Peladang Menangkap Puyu,
Puyu ditangkap di padang pasir,
Hati di dalam terasa sayu,
Persidangan sudah berakhir.*

*Banyak sudah tempat riadah,
Sepanjang jalan Kampung Mentiri,
Bersidang sudah berhujah sudah,
Cuma menunggu tindakan Menteri.*

*Banyak-banyak ambur selasih,
Selasih diambur batang berduri,
Banyak-banyak terima kasih,
Kerana Yang Di-Pertua bijak bistari.*

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penangguhan seterusnya oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Alhamdulillah setelah selama 16 hari kita bersidang di dalam Permesyuaratan Kali Pertama Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Tahun 2013 dengan membincangkan beberapa Tajuk yang mana antara Tajuk yang penting ialah mengenai dengan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2013/2014 yang telah diluluskan.

Sepanjang perbahasan berbagai-bagai isu telah diutarakan dan beberapa soalan telah dikemukakan yang bersangkutan paut dengan peranan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang dihasratkan semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan Negara Brunei Darussalam. Rakyat Negara Brunei Darussalam sudah setentunya akan menyambut baik ataupun di sebaliknya dengan membuat penilaian yang bijaksana kerana rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah berpeluang dengan seluas-luasnya mengikuti, mengetahui dan mendengar dan melihat gambaran secara jelas akan perancangan-perancangan yang telah dikemukakan dan yang telah di mukadimahkan oleh Menteri-Menteri Kabinet yang amat jelas di sepanjang perbahasan.

Di kesempatan ini, abis kaola kedua wakil dari Daerah Belait dengan penuh berharap setelah siapnya pengubahsuaian

bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa pada tahun 2015 itu nanti supaya ianya akan dapat memberi keselesaan kepada semua pengguna Lapangan Terbang tersebut. Di samping itu, diharap ianya akan banyak memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Mengenai dengan Projek *VIC (Vehicle Inspection Center)* di Jabatan Pengangkutan Darat, kita juga mengharapkan supaya pusat-pusat pemeriksaan kenderaan di bawah Jabatan Pengangkutan Darat ini akan dilartkan di kesemua daerah dan seterusnya pemberian lesen untuk mengendalikan bisnis ini tidak terhad kepada satu atau dua pusat pemeriksaan sahaja dan ia ditawarkan mengikut keperluan bagi mengelakkan masa menunggu yang panjang. Di samping itu hasil dari *VIC* itu boleh dihantar secara *online* yang mana ianya adalah salah satu kemudahan yang terancang masa kini.

Begitu juga bagi menyebarluaskan kefahaman masyarakat yang lebih terperinci mengenai dengan sistem mata demerit yang sedang berjalan pada masa ini adalah juga supaya dilartkan dengan usaha-usaha penyebaran melalui poster-poster yang dijerayawarkan dan lain-lain.

Menyentuh dengan pembayaran pencen perkhidmatan kepada mantan pegawai-pegawai Kerajaan yang berpencen yang telah mencapai umur 70 tahun haruslah diambil perhatian supaya ianya dapat diteruskan dibayar melalui bank kerana mereka itu setelah berumur 70 tahun ke atas atau lebih, ada yang didapati kurang sehat dan ada yang datang bertongkat, yang terpaksa dibimbing dan disurung dengan menggunakan kerusi roda untuk

datang menerima pencen ke Pejabat Perbendaharaan.

Akhirnya, kaola Ahli-Ahli Yang Dilantik dari Daerah Belait mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas penjelasan-penjelasan yang telah diutarakan di sepanjang Permesyuaratan Kesembilan pada tahun ini dengan harapan ianya akan dapat dimanfaatkan atau difahami oleh semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan penuh kebijaksanaan.

Di kesempatan ini juga, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seterusnya memohon ribuan kemaafan jika ada perkataan-perkataan yang terlanjur kata dan terkasar bahasa di dalam mengutarakan pandangan dan mengusulkan cadangan di sepanjang permesyuaratan pada tahun ini agar dapat dimaafkan. Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Alhamdulillah Rabbil'alamen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Saiyyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Wamantabihu Biieeshsaniyaumitdeen.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Negara, kaola mewakili rakan sejawat dari Daerah Tutong terlebih dahulu mengambil kesempatan menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan Baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan 2013/2014 yang baru sahaja selesai dibincangkan dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan adanya Peruntukan Belanjawan 2013/2014 itu, jelas menggambarkan keprihatinan dan pemeduliaan Baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Negara ini. Menerusi peruntukan yang sudah diluluskan akan dapat digunakan dengan sepenuhnya pada sesuatu projek yang telah dirancang dan seelok-eloknya disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Dalam ucapan penangguhan ini, kaola dan rakan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan penuh kebijaksanaan maka majlis berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh kemesraan dan harmoni dan dalam pada masa yang sama dapat menyelesaikan beberapa persoalan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dan rakan sejawat tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jurutulis I, Jurutulis II dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Mesyuarat Negara dan sesiapa juga yang terlibat kerana sokongan mereka

yang membantu kelancaran dan memberi kemudahan kepada kaola dan rakan sepanjang permesyuaratan ini.

Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet kerana telah berjaya memberikan penjelasan dan maklumat dari soalan dan cadangan kaola dan rakan yang bertalutalu, yang mana Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dengan sedaya upaya telah menjelaskan setiap maklumat bagi menjawab kehendak soalan dan cadangan kaola dan rakan. Mungkin kerana soalan bertalutalu sekaligus itulah juga maka terjadinya mengapa beberapa soalan dan cadangan berlainan jawapan dan ada yang tidak berjawab. Walau bagaimanapun, ianya diharap dapat dimaklumkan apabila ditunduki secara tenang dan diketahui nanti kemudian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dan rakan sejawat dari Daerah Tutong telah sedaya upaya menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana yang terkandung di dalam titah Baginda dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan yang menyentuh tentang peranan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik supaya dapat mengusulkan cadangan-cadangan yang dapat membantu pihak Kerajaan dalam pembangunan Negara. Umpamanya yang berhubung dengan pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan, keagamaan, pelancongan, keselamatan dan sosial yang mana kaola dan rakan telah mencadangkan berbagai-bagai isu di sepanjang permesyuaratan ini. Mudah-mudahan segala cadangan itu dapat

tertunai oleh pihak-pihak berkenaan agar ianya dapat memberi kesejahteraan rakyat dan kepentingan pembangunan Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam membantu perkembangan pembangunan ekonomi Negara, selain daripada sektor minyak dan gas, sektor pertanian di antara penyumbang utama. Pokok Rumbia adalah sejenis Pokok Palma yang banyak terbiar dan mudah tumbuh di kawasan-kawasan tanah paya pedalaman di Negara ini. Selain sagunya atau disebut juga sebagai ambulung merupakan sumber pemakanan kedua. Ianya juga berpotensi dalam nilai tambah menghasilkan berbagai-bagai produk yang bernilai komersial. Umpamanya menjadi biskut dan kek, juga berpotensi menghasilkan *ethanol* berbanding dengan tanaman-tanaman *bio pure* yang lain. Permintaan dunia terhadap kanji rumbia sekarang ini adalah sangat tinggi. Selain itu membuat pelekat ia dapat juga dijadikan agen pengawet makanan, pemekat makanan, pengemelusi, karba aktif, papan fiber, campuran ajinomoto, plastik, gula-gula gum, pelekat biodegrasi dan lain-lain.

Oleh itu jika tanaman rumbia ini dikendalikan dengan secara terancang dan sistematik, ianya mampu muncul sebagai industri sampingan yang lumayan di Negara ini, misalnya boleh diusahakan di Mukim Tanjung Maya, Mukim Ukong dan Mukim Rambai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sering kita terbaca nama-nama individu yang dianggap bankrap yang disiarkan di mana-mana juga dalam media cetak yang mana perkara ini tidak perlu disebar kerana ianya merupakan keaiban orang dan ditegah menyebarkan keaiban orang di dalam ajaran Islam, tambahan pula

Negara kita bersendikan dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang berhasrat untuk menjadikan Negara ini sebagai Negara Zikir. Jika perlu memadailah dengan mengirim surat kepada individu berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Perhubungan ada menyatakan bahawa pembangunan Negara ini banyak diswastakan dan dikorporatkan. Sehubungan dengan itu, apakah kiranya rakyat Negara ini diberi peluang menyertainya dengan membentuk satu perbadanan saham pelaburan rakyat yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan. Dengan cara ini wujud rasa tanggungjawab dan rasa keakuan (*sense of belonging*) pada diri rakyat dalam sama-sama menjaga dan memelihara pembangunan berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk mengisi keperluan Negara menjelang Wawasan 2035, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi Kerajaan dipertanggungjawabkan membangunkan sumber tenaga manusia dengan memperlengkapkan dengan kemahiran-kemahiran. Maka ke arah ini berbagai skim telah disediakan bagi meningkatkan dan memperbaiki taraf akademik dalam bidang masing-masing.

Sebagai lanjutan usaha berkenaan adalah dicadangkan supaya Pusat Pembangunan Kemahiran yang berkaitan dengan industri dibangunkan di Daerah Tutong. Kaola dan rakan percaya pusat ini nanti menilai keperluan latihan dan meningkatkan kemahiran seseorang menjalankan latihan semula (*retraining*) bagi kakitangan sektor awam untuk mewujudkan perubahan

tatacara kerja. Yang Berhormat Menteri Tenaga telah menyatakan seramai 50 ribu orang yang diperlukan pada tahun 2035, di antaranya 5 ribu pekerja mahir dan 45 ribu separuh mahir. Kaola dan rakan yakin tentunya sudah ada garis pandu bagi mereka yang akan dilatih dan mempunyai kecenderungan masing-masing yang bersesuaian dalam industri minyak dan gas.

Antara sebab mengapa kaola dan rakan cadangkan pembinaan Pusat Pembangunan Kemahiran di Daerah Tutong adalah seperti berikut;

- 1) Daerah Tutong bersempadan dengan Pekan Seria iaitu tempat penghasilan minyak dan gas;
- 2) Aktiviti mencari gali minyak sedang giat dijalankan di blok 'L' di Kampung Batang Mitus dan juga Kampung Ukong Daerah Tutong bermula Januari hingga Ogos 2013.

Pendek kata, harapan penduduk-penduduk Tutong supaya tidak ketinggalan dengan arus pembangunan Negara. Kawasan Daerah Tutong masih luas untuk diterokai umpamanya sebarang sungai Pekan Tutong boleh dibangunkan sebagai kawasan membeli belah, kawasan riadah, taman dan rekreasi, kompleks sukan air, galeri Daerah Tutong dan Sungai Tutong boleh disediakan dengan rakit atau perahu persiaran dari Bukit Bendera dibina kereta kabel menuju ke seberang sungai menambahkan cerianya suasana tetapi yang mendukacitakan ialah masalah pembuangan sampah di tepi jalan lebuhraya Telisai Tutong masih lagi berleluasa walaupun papan tanda dan kempen kebersihan cara besar-besaran

telah dilaksanakan sepanjang lebuhraya tersebut.

Treler dan lori sering berhenti di bahu lebar di simpang-simpang jalan tersebut untuk berehat makan dan membuang bekas makanan tersebut di sana juga. Adalah diharapkan supaya penguatkuasaan lebih tegas dan menambahkan kakitangan jika ia tidak mencukupi serta pemasangan CCTV di tempat tersebut.

Selain dari itu, sikap individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah persendirian dan bahan buangan kilang dan pecahan konkrit di jalan kecil dan di simpang jalan menambah parahnya keadaan.

Sehubungan dengan itu, di Majlis yang mulia ini, kaola dan rakan sejawat merayu supaya individu berkenaan dapat memberhentikan amalan tersebut kerana perkelakuan buruk adalah menggambarkan peribadi yang serupa. Tanamlah semangat cinta kepada negara kerana di manapun pembuangan sampah itu jauh dari rumah itu sendiri jika itu masih di bumi Brunei Darussalam ia tetap sama seperti di kawasan rumah sendiri.

Janganlah seperti kisah Pak Pandir yang malu diketahui bakal mertua maka menyembunyikan kulit telur di atas kepalanya alasannya apabila ia sendiri tidak nampak maka bakal mertuanya dan orang lain juga tidak akan nampak.

Akhirnya kaola dan rakan sejawat dari Daerah Tutong memohon banyak kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, kepada Jurutulis-Jurutulis Mesyuarat Negara dan pegawai serta kakitangan yang lain andainya ada tutur kata dan tingkah laku yang kurang manis semasa sepanjang permesyuaratan hendaknya jangan disimpan di hati. Kaola dan rakan dari Daerah Tutong mendoakan semoga kita semua dalam kandungan sihat sejahtera dan dapat berjumpa lagi di musim permesyuaratan yang akan datang.

*Dari Serasa ke Kampung Katok,
Terus merantau ke Sungai Kelugos,
Jawatankuasa sudah dibentuk,
Untuk memantau bajet yang lulus.*

*Terus merantus ke Sungai Kelugos,
Singgah mudik ke Kampung Laksamana,
Untuk memantau bajet yang lulus,
Semua projek telah terlaksana.*

*Singgah mudik ke Kampung Laksamana,
Dari Timur ke Sungai Bera,
Semua projek telah terlaksana,
Negara makmur rakyat sejahtera.*

*Dari Timur ke Sungai Bera,
Menembak bedil tidak yang kena,
Negara makmur rakyat sejahtera,
Pemimpin adil bijak laksana.*

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Mulia Jurutulis II: Ucapan Penungguhan yang terakhir daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaewal Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Kaola dengan tulus ikhlas menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam di atas kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua selaku Yang Di-Pertua memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia dan indah ini.

Dan kaola juga bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat berucap dalam ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Alhamdulillah, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di bumi bertuah yang kita cintai ini setentunya merasa bersyukur atas nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua berserta berkat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Seluruh rakyat sangat-sangat menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Raja yang berdaulat dan kita kasihi yang amat pemurah memberikan kemudahan dan prasarana untuk kehidupan, kebahagiaan, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di dalam Dewan yang mulia ini kaola bagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong, sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan titah Baginda semasa Istiadat Mengadap Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Baginda Ke-66 tahun.

Baginda telah bertitah bahawa Baginda gembira pada mengetahui akan perkembangan rancangan Kerajaan bagi membina sebuah jambatan yang menghubungkan Daerah Temburong dan Daerah Brunei-Muara. Sudah setentunya rakyat dan penduduk di Negara ini bersyukur atas pengurniaan titah Baginda yang tinggi nilainya itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di Dewan yang mulia ini semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) membentangkan satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta

untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2013/2014 dan Untuk Memperuntukkan Wang Tersebut bagi Maksud-Maksud Tertentu. Projek pembinaan jambatan penghubung Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara sebagai permulaan peruntukan sebanyak \$100,000,000.00 disediakan bagi kerja-kerja awal yang perlu dilaksanakan. Ini jelas menunjukkan dan menggambarkan betapa prihatinnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyatnya terutama dalam perkara yang berkaitan dengan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung yang sudah sekian lama ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat khususnya di Daerah Temburong.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Dewan yang mulia ini kaola dengan hati yang tulus ikhlas juga tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang menerajui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya atas usaha-usaha kementerian yang berterusan dan tidak kendur-kendurnya dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi mengembangmajukan Daerah Temburong dan meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam semua aspek yang berkaitan dengan kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam konteks pembangunan Skim Perancangan Perumahan Negara telah memberikan

kemudahan dan tempat berteduh bagi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di Dewan yang mulia ini izinkanlah kaola untuk membawakan 3 perkara:

- 1) Kaola difahamkan ada peserta dalam Skim Perumahan Negara telah menghadapi permohonan mereka kepada pihak jabatan berkenaan untuk kebenaran memasang pagar di sekeliling kawasan rumah mereka iaitu pagar yang bersesuaian, tetapi permohonan yang dihadapkan tidak ada sebarang jawapan. Masalah yang dihadapi oleh pemohon ialah kawasan rumah mereka seringkali dimasuki oleh anjing liar dan terdedah kepada kecurian. Persoalannya apakah Jabatan Kemajuan Perumahan ada peraturan-peraturan atau syarat-syarat tertentu mengenai isu membuat pagar? Apakah permohonan dapat dipertimbangkan semula untuk diberikan sokongan dan kelulusan?;
- 2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memberi petunjuk dan menggariskan hala tuju Kerajaan Baginda tetapi terpulanglah kepada Kerajaan untuk menyempurnakan hasrat Baginda dan Baginda tidak suka perkara-perkara itu tidak ditunaikan atau dilambat-lambatkan sebagai misalnya dalam mengadakan Undang-Undang Kanun Islam yang telah dititahkan beberapa lama yang lalu dan selepas diulangi Baginda barulah perkara ini disegerakan; dan

3) Kerajaan telah banyak membuat berbagai-bagai projek yang besar bagi mengadakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk di Negara ini. Akan tetapi apa yang terjadi pada masa yang sudah-sudah ialah peluang-peluang itu diambil oleh orang-orang asing. Adalah diharapkan supaya segala usaha-usaha Kerajaan itu akan dapat dinikmati oleh rakyat seperti yang dirancangan, jangan sampai ibarat 'Kuah Tumpah Ke lantai Daripada Ke Nasi', dan rakyat yang hanya ampit tulangnya dan isinya dimamah oleh orang asing.

Berkenaan dengan *Government Link Company (GLC)*, ianya mestilah beroperasi berdasarkan *Business Orientated*, dengan tujuan utama untuk mendapat keuntungan. Ke arah ini ianya mestilah diterajui oleh mereka yang berkemampuan dan bukan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat kerana mereka tidak akan dapat menumpukan perhatian mereka dengan sepenuhnya dalam menerajui perniagaan tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kebanyakan syarikat-syarikat yang ada pada masa ini tidak mendapat pulangan yang memuaskan dan memerlukan suntikan (*injection*) daripada Kerajaan untuk bertahan. Sebagai misalnya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*Royal Brunei Airline*) yang telah lama beroperasi tetapi tidak mendapat keuntungan bagi menambah hasil mashul Kerajaan. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini kaola bermohon apalah kiranya pihak Kerajaan perlu mengambil kira perkara-perkara yang telah kaola bentangkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi mengakhiri ucapan kaola di Dewan yang mulia dan indah ini, kaola sekali lagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong dengan hati yang penuh tulus ikhlas berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam, Baginda dan keluarga Baginda akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Yarabbal Alamin. Akhirnya kaola menyampaikan 4 rangkap pantun di Dewan yang mulia dan indah ini.

*Liau Dua berkayuh ke hulu,
Liau Lamah berlagu anding,
Masalah rakyat didengar selalu,
Di Dewan Majlis untuk berunding.*

*Yang Berhormat Yang Di-Pertua sabar dan tenang orangnya,
Mempengerusikan Majlis amat bijaksana,
Mendengarkan ulasan dengan cermatnya,
Ahli-Ahli Yang Berhormat semua ampit menyuarakannya.*

*Yang Berhormat Menteri Kabinet di sebelah sana,
Memberi jawapan bila ditanya,
Rakyat semua dapat menilainya,
Semoga rancangan akan terlaksana.*

*Si Awang Mail duduk di darat,
Buluh serumpun dibelah-belah,
Selesai sudah kita mesyuarat,
Mohon ampun mana yang salah.*

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada ahli-ahli yang namanya telah disenaraikan yang telah menyampaikan ucapan-ucapan mereka. Notis juga telah diberikan kepada saya bahawa ada beberapa orang Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet ingin untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam ucapan-ucapan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka menurut peraturan Majlis Mesyuarat Negara perkara 35 (2), saya membenarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet menyampaikan ulasan mereka. Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan ucapan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaae Wal-Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada kaola bagi

menyampaikan Ucapan Penangguhan di dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan bagi Tahun 2013.

Terlebih dahulu kaola dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin dan membimbing Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini dengan penuh sempurna dan jayanya.

Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kerana telah menyampaikan dan membangkitkan isu-isu dengan penuh keprihatinan sama ada yang menyentuh mengenai kepentingan dan permintaan masyarakat di peringkat akar umbi mahupun perkongsian pandangan dan pemikiran profesional yang semata-mata dihasratkan untuk mengangkat kebajikan, kesejahteraan, pembangunan, kemajuan dan kualiti hidup rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga dengan ikhlas merakamkan penghargaan di atas ucapan-ucapan tahniah dan penghargaan yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik ke atas pencapaian, usaha-usaha, langkah-langkah serta segala inisiatif yang telah dilaksanakan, sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan dalam menggerakkan jentera pembangunan dan rancangan-rancangan pembangunan Negara pada meningkatkan kualiti hidup, kesejahteraan dan kebajikan

rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Pandangan, perkongsian maklumat, teguran dan kritikan yang disumbangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sepanjang permesyuaratan adalah merupakan sebagai input yang sangat berharga dan memberikan nilai tambah dalam melaksanakan kesempurnaan rancangan pembangunan dan kemajuan Negara dan meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Tidak tersurat dan tersirat di kalangan Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet untuk memperkecilkan segala pandangan yang disampaikan, kerana adalah difahami bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik adalah juga menjalankan kewajipan yang dipertanggungjawabkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pada mengangkat ekspektasi dan harapan rakyat dan penduduk di peringkat akar umbi untuk memperbaiki tahap kehidupan dan kesejahteraan mereka.

Adalah perkara biasa dan lumrah di dalam mana-mana perbahasan dan permesyuaratan akan berlaku meninggikan nada suara dalam memberikan jawapan ataupun mengulas dan mencelah balik pandangan dan teguran yang diberikan kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri Kabinet juga mempunyai kepentingan untuk dipertahan dan diketengahkan. Tetapi bukan berhasrat untuk memperkecil-kecilkan. Terkadang ianya berlaku dalam keadaan tidak senghaja, sebagai contoh kaola sendiri ditegur oleh isteri kaola di rumah kerana bersuara nyaring seolah-olah kaola marah dalam menyampaikan

hujah dan jawapan. Tapi kaola menjawab sedemikian itu disebabkan kaola selesma, batuk dan sakit tekak dan telinga agak bengal-bengal sedikit. Oleh itu marilah kita berbalik kepada pantun kanak-kanak yang berbunyi:

*Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Kalau ada kata-kata yang kasar dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan dan pengurnian Titah Baginda di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Mac 2013.

Di samping memberikan arah tuju yang jelas dan berpandangan jauh kepada Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara, tema Belanjawan 2013/2014 "Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara Yang Berdaya Tahan" menggambarkan akan keprihatinan Baginda bagi Negara mewujudkan pembangunan dan kemajuan yang berdaya tahan dengan membangun dan mempersiapkan generasi penerus iaitu belia-belia untuk dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan berbagai kemahiran di samping membangunkan kapasiti dan segala potensi yang ada pada diri mereka.

Tema berkenaan juga memberikan kesedaran dan mengajak golongan belia untuk bangun dan memperkukuhkan iltizam dan tekad mereka untuk

memperkasa dan membangunkan potensi yang ada pada diri mereka ke arah menyumbang kepada pembangunan bangsa dan Negara.

Selayaknya tema berkenaan sama-sama diamat-amati, difahami dan dihayati oleh golongan belia akan matlamat, hasrat dan jangkaan yang tinggi yang diletakkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Baginda kepada golongan belia dalam membangun bangsa dan Negara dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Negara.

Sehubungan dengan ini, setiap belia tidak mengira apa jua latar belakang keluarga, sosial, pendidikan, kemahiran dan pekerjaan sama ada yang masih belajar dan menuntut, bekerja dengan Kerajaan dan swasta atau berniaga dan berusaha sendiri atau masih mencari pekerjaan perlu berpegang kepada satu matlamat untuk sama-sama menyumbang kepada pencapaian Wawasan Negara 2035.

Kaola, saya tidak akan berpantun banyak pada kali ini tetapi ingin mengongsikan cerita untuk direnungkan oleh kaum belia dan kita yang hadir di Dewan Majlis yang mulia ini tentang bagaimana masyarakat, rakyat dan penduduk berperanan menyumbang kepada pembangunan Negara dan bangsa. Dalam mana sewaktu Presiden Amerika, John F Kennedy melawat NASA (Pusat Angkasa Lepas) di Amerika Syarikat, beliau telah bertemu dengan seorang pembersih yang tugasnya menyapu dan membersihkan kawasan NASA. Presiden Amerika bertanya kepada tukang sapu berkenaan, apa yang dia buat di Pusat

NASA? Tukang sapu itu dengan megah dan tanpa sebarang perasaan rendah diri menjawab, saya membantu untuk menghantar manusia ke bulan, bukannya menjawab saya hanya seorang pembersih di tempat ini. Begitu juga dalam cerita sastera Melayu kuno Hikayat Awang Sulong Merah Muda ada menyatakan akan peranan setiap anggota masyarakat mengikut kapasiti dan keupayaan masing-masing seperti dalam ungkapan, "yang pekak membedil meriam, yang buta meniup lesung dan yang lumpuh menghalau ayam".

Daripada cerita ini, kita berharap semua golongan belia, rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam mempunyai semangat dan iltizam yang satu untuk sama-sama menyumbang kepada pencapaian Wawasan Negara 2035, pengujudan Negara Zikir *Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur*.

Sumbangan rakyat dan penduduk untuk mencapai matlamat Negara tidak kira apa jua jenis profesion dan pekerjaan yang dilakukan kesemuanya berperanan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negara dan bangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini saya sukacita ingin memberikan jawapan kepada beberapa soalan dan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya tidak sempat menjawabnya.

Berhubung dengan cadangan untuk mewajibkan Program Khidmat Bakti Negara kepada semua belia-belia. Perkara ini masih dalam pertimbangan kerana ianya perlu diselidiki kesan-kesannya secara mendalam.

Mengenai usaha bagi memastikan para pelatih Program Khidmat Bakti Negara terus berkembang, kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas keprihatinan dan pandangan yang diberikan. Sebenarnya perkara ini memang dalam rancangan Kementerian bagi bekas-bekas pelatih PKBN untuk mengikuti program-program pos PKBN seperti kerja-kerja kesukarelawanan, kemasyarakatan dan juga mana-mana program-program yang tidak sempat diikuti semasa menjalani latihan PKBN.

Mengenai saranan bagi mengadakan satu rencana khas untuk belia Negara berforum di kalangan mereka, sesungguhnya platform tersebut sudah tersedia, dalam mana kita mempunyai Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam (MBB). Maka terpujanglah bagaimana pemimpin-pemimpin belia iaitu Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam (MBB) untuk menggunakannya.

Di samping itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengambil inisiatif proaktif dengan mengadakan dialog-dialog belia yang melibatkan kehadiran daripada agensi-agensi kerajaan yang diwakili dari peringkat Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan yang dapat mengambil tindakan-tindakan seperlunya ke atas perkara-perkara yang ditimbulkan sewaktu sesi dialog tersebut.

Sebagai respons kepada perkara yang ditimbulkan dalam Ucapan Penangguhan sebentar tadi, iaitu diadakan *hotline* bagi menangani orang miskin, susah dan tidak mempunyai tempat tinggal agar tindakan segera dapat diambil. Sukacita dimaklumkan sudah terdapat *hotline*

di Jabatan Pembangunan Masyarakat iaitu talian 141. Nombor ini juga dipromosi kepada orang ramai melalui promo TV, Radio dan Televisyen Brunei. Begitu juga terdapat pangkalan data mengenai orang miskin dan penerima bantuan bulanan kebajikan yang boleh diakses oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk memasukkan nama-nama orang susah di mukim dan kampung mereka untuk diberikan pertimbangan bantuan kebajikan secara cepat dan bagi memastikan tidak ada mereka yang memerlukan bantuan yang terlepas pandang.

Mengenai pandangan dan saranan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan isu-isu kemiskinan dalam mana menyatakan, "usaha untuk membasmi kemiskinan ke tahap sifar tidak berjaya dan perlunya penyediaan peluang-pekerjaan bagi mereka yang menganggur dengan membuat program-program tertentu bagi membantu penerima-penerima bantuan dan mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan. Yang Berhormat juga menyatakan skim bantuan yang diberikan kepada golongan miskin tidak efektif untuk membasmi kemiskinannya yang perlu dikaji semula.

Perlu difahami matlamat ke arah membasmi kemiskinan adalah merupakan matlamat jangka panjang Negara yang tidak akan dapat dicapai dalam masa setahun dua. Akan tetapi persiapan dan perancangan termasuk strategi perlu dipersiapkan ke arah mencapai matlamat berkenaan.

Alhamdulillah, kajian telah dilaksanakan mengenai pendekatan dan tindakan secara holistik dan bersepadu dalam mengatasi masalah kemiskinan dan

mencapai matlamat kemiskinan sifar di Negara Brunei Darussalam. Kajian tersebut juga termasuk bagaimana untuk menjadikan bantuan kebajikan yang diberikan berdaya tahan atau *sustainable*.

Hasil daripada kajian berkenaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi yang berkenaan telah mula bergerak melaksanakan berbagai strategi dan program. Perkara ini telah pun diperjelaskan dalam mukadimah dan jawapan-jawapan yang diberikan sebelumnya dalam persidangan jawatankuasa dan secara menyeluruh hasil kajian tersebut juga dikongsikan di permesyuaratan tahun lepas.

Sebagai tambahan kepada usaha Kerajaan dalam menagani isu kemiskinan. Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan *Supplemental Contributory Pension (SCP)* merupakan program jaminan sosial yang sangat penting dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk selepas dan dalam persaraan dan mengelakkan rakyat dan penduduk daripada jatuh ke dalam kemiskinan setelah bersara atau di hari tua iaitu apabila mencapai umur 60 tahun.

Melalui Skim *Supplemental Contributory Pension (SCP)* inisiatif membasmi kemiskinan juga dilaratkan kepada ahli-ahli waris khususnya balu dan anak. Dalam mana jika pencarum Skim *Supplemental Contributory Pension (SCP)* meninggal dunia dan telah mencarum secara aktif sehingga sebulan sebelum ianya meninggal, balu dan anak-anaknya akan menerima secara terkumpul sebanyak \$400 sebulan untuk 15 tahun melalui *Survival Fund Program* berkenaan.

Seterusnya Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) juga bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pengurusan dan perancangan kewangan supaya orang ramai akan berbelanja dan mengurus kewangan mereka secara berhemah dengan mengadakan jerayawara, seminar dan forum. Usaha ini melibatkan Kementerian Pendidikan bagi menanamkan kesedaran dan kefahaman pengurusan kewangan di peringkat kanak-kanak lagi iaitu di kalangan murid-murid dan penuntut-penuntut sekolah.

Sayugia difahami, dalam melihat keberkesanan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan mencapai matlamat kemiskinan sifar ianya akan memakan masa panjang dan hasilnya hanya tercapai secara berperingkat-peringkat. Adalah terlalu awal atau *premature* untuk mengatakan ianya tidak berjaya dan efektif. Seperti peribahasa Inggeris menyatakan "*Rome is not built in one day*" (Rom tidak dibina dalam masa satu hari).

Dalam mengatasi isu kemiskinan kita perlu mengimbas kembali kepada saranan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua di musim permesyuaratan yang lalu akan perlunya masyarakat kita tidak mengamalkan budaya "*Crutch Mentality*" akan tetapi mempunyai semangat berdikari dan mandiri.

Begitu juga saya ingin menambah dalam membangun masyarakat dan golongan belia dan mengatasi isu kemiskinan janganlah kita menjadikan mereka lemah melalui pendekatan anak burung yang

sentiasa tinggal dalam sarang dalam mana mereka hanya tahu mengangakan mulut, ibu dan bapa burung akan datang untuk menyuapkan makanan. Akan tetapi kita mahukan mereka sebagai anak burung yang di luar sarang yang diajarkan oleh ibu bapa mereka bagaimana untuk terbang mencari makan. Ini adalah pendekatan yang terbaik dan sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan.

Mengenai persoalan berkaitan dengan Taman Warisan Kebangsaan ASEAN, Tasik Merimbun, sukacita kaola menambah bahawa taman tersebut melibatkan beberapa *stakeholders* yang sama-sama memaju, menjaga dan memelihara kawasan ini seperti Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Muzium-Muzium. Bagi menggalakkan pelancong, banyak pembangunan prasarana dan pengurusan telah dibuat ke atas kawasan ini baik dari segi kemudahan awam, kemudahan penyelidikan, sistem pengurusan dan pemeliharaan yang teratur di kawasan ini. Penduduk-penduduk kampung juga digalak dan dilibatkan sama untuk menyediakan program-program bagi memeriahkan taman ini seperti Inap Desa (*homestay*), persembahan budaya, pemandu pelancong dan penyelidik.

Cadangan Ahli Yang Berhormat yang lainnya mengenai penyediaan akta berhubung warisan negara termasuk warisan alam semula jadi dan warisan budaya adalah diambil perhatian akan kesesuaiannya.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung dengan akta yang membolehkan dikenakan hukuman kepada ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak dan orang muda yang

dimasukkan ke pusat perlindungan dan pemulihan, akta yang berkaitan ialah Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda (*Children and Young Persons Order*), 2006.

Di bawah perintah tersebut, ibu bapa dan penjaga kepada kanak-kanak dan orang muda berkenaan adalah dikehendaki untuk mengikuti kaunseling mandatori. Mereka juga dikehendaki untuk memberikan sumbangan kewangan selama mana anak mereka ditempatkan di pusat berkenaan seperti yang ditetapkan oleh pihak mahkamah. Akta-akta lain yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan wanita ialah Akta Perlindungan Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis (*Women and Girls Protection Act*), *Unlawful Carnal Knowledge*, Undang-Undang Keluarga Islam, 1999 dan Akta Wanita Bersuami.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat bagi membantu penghuni Pusat Penempatan Sementara Belimbing Subok untuk memiliki rumah sendiri kementerian ini telah membuat sokongan bagi keluarga-keluarga yang difikirkan layak menerima perumahan di bawah program rumah bantuan bagi golongan daif, fakir dan miskin kepada jawatankuasa bagi penyediaan rumah bagi golongan daif, fakir dan miskin yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan pembinaan rumah keperluan mereka.

Mengenai kerosakan di beberapa buah unit di pusat berkenaan pada masa ini kerja-kerja pembaikan sudah dan sedang dilaksanakan. Sejauh ini 5 buah unit telah pun selesai dibaiki manakala kerja-kerja pembaikan bagi kerosakan-kerosakan yang lain sedang dalam

pelaksanaan. Dalam hal ini, adalah juga disarankan agar penghuni pusat berkenaan hendaklah sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara pusat tersebut agar sentiasa dalam keadaan yang baik dan bersih.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat berkaitan penempatan pegawai secara menetap di Daerah Temburong. Sebagai makluman pada masa ini cawangan Jabatan Pembangunan Masyarakat di Daerah Temburong mempunyai seramai 8 orang pegawai dan kakitangan. Walaupun Pegawai Pencen Kanan tidak menetap di Daerah Temburong, Jabatan Pembangunan Masyarakat mempunyai 2 orang pekerja Pembangunan Masyarakat dan 2 orang pengajar yang tinggal menetap di daerah berkenaan yang mana boleh dihubungi pada bila-bila masa.

Berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat mengenai pemberian elaun kurang upaya juga diberi kepada mereka yang berumur di bawah 15 tahun. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat cadangan pindaan ke atas Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya agar pemberian elaun kurang upaya diberikan secara menyeluruh yang pada masa ini di peringkat penelitian oleh pihak yang berkenaan.

Dalam masa yang sama, bagi mereka yang berumur 15 tahun ke bawah dan berkehidupan susah mereka tidak terabai, kerana mereka disalurkan ke Bahagian Bantuan Kebajikan Bulanan bagi pertimbangan untuk mendapat bantuan di bawah Skim Bantuan Kebajikan Bulanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebagai penutup kaola, saya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan sentiasa sihat sejahtera dan dalam kebahagiaan serta sentiasa mendapat taufik dan hidayah Allah. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan dulu untuk berehat selama 20 minit.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan masih lagi membincangkan Perkara IX Ucapan-Ucapan Penangguhan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillah Rabbil'alamin Wabihinastain Ala Umuriddunnia Waddin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Sayyidina Muhammaddin Asyrafil Anbiya Walmursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita sampai ke peringkat akhir Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

Pertama sekali, kaola sukacita turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah berjaya memimpin persidangan kali ini dengan penuh tenang dan sabar, penuh harmoni dan telah mewujudkan rasa setiakawan dan persaudaraan Islam yang luhur dan juga mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada kaola untuk turut menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, persidangan kali ini pada kaola telah menunjukkan kematangan cara berfikir, berhujah, menyoal, menganalisis dan menjawab dan juga telah memperlihatkan keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik mahu pun Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerana Jawatan terhadap permasalahan anak-anak buah kampung, permasalahan masyarakat, permasalahan rakyat dan permasalahan pembangunan Negara keseluruhannya, dengan masing-masing saling memberi dan menerima dan saling berusaha ke arah memperbaiki lagi keadaan supaya lebih menyerlah dan lebih cemerlang lagi di masa hadapan.

Dalam bidang keugamaan, kaola ingin menarik perhatian beberapa rumusan yang cantik untuk diamat-amati, dihayati atau difikirkan bersama ke arah memajukannya.

Mengenai pendidikan ugama. Apa yang menarik dalam Negara kita di ambang abad ke-21 ini ialah pendidikan ugama

telah diangkat kedudukannya dan diletakkan pada tempat yang sewajarnya, sesuai dengan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang menjadikan Islam sebagai ugama rasmi Negara, Melayu Islam Beraja sebagai falsafah Negara. Insya-Allah Hukum Kanun Jenayah Syariah akan menjadi undang-undang Negara, sistem Kesultanan Melayu Islam sebagai teras pemerintahan turun temurun Negara, adat resam bersendikan Islam sebagai simbol tamadun Negara. Kesemua faktor-faktor utama ini, sumbernya ialah pendidikan ugama. Pendidikan ugama itulah mahkota dan untuk menjaga mahkota yang cantik ini ialah pewujudan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012, yang telah dilaksanakan pada awal Januari 2013 yang lalu. Semua ini adalah berkat pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Untuk melihat generasi yang seimbang memiliki ciri-ciri duniawi dan ukhrawi yang akan menyelamatkan Negara kita dari perkara yang tidak diinginkan di masa hadapan. Ini dibayangkan dalam titah perutusan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassallam bagi tahun 1434H/2012M. Antara lain titah Baginda:

"Pada hemat Beta, saluran terbaik untuk menyerapkan teladan yang berharga ialah melalui pendidikan Ugama. Kerana itu pelaksanaan Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 pada awal tahun 2013 ini, adalah amat wajar dan perlu. Ia akan menjadi wadah untuk melahirkan generasi lebih berilmu, malah lebih berakhlak serta mampu untuk menghindarkan mereka dari gejala buruk sosial dan penyakit masyarakat yang membebankan Negara."

Alhamdulillah, disamping menangani pendidikan ugama/Arab di peringkat rendah, menengah, dan tinggi, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga menyediakan pendidikan Ugama sepanjang hayat yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan dan institusi-institusi di bawahnya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, masjid-masjid, surau-sarau, sekolah-sekolah ugama di seluruh Negara dan lain-lain, telah dimeriahkan oleh kelas-kelas belajar Al-Quran, kelas-kelas fardhu `ain dan fardhu kifayah bagi kanak-kanak dan orang-orang dewasa, malah sampai kepada mempelajari kitab-kitab ugama Turath Islami yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Fenomena ini berkembang sekarang dengan baik dan semoga akan terus menyerlah dalam dunia yang serba mencabar dan rosak di sana sini pada hari ini. Namun kita dilindungi oleh Allah dan dipeliharaNya, diberiNya kita rezeki, dan dikukuhkanNya keimanan dan pendirian kita untuk hidup dalam Negara "Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur". Ini kerana keyakinan dan kepercayaan kita kepada janjiNya dalam Surah Al-A'raf ayat 96:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَنَحْنَاهُمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ
 السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا
 يَكْسِبُونَ ﴿١١﴾

Yang maksudnya: *Kiranya penduduk sesebuah negara itu beriman dan bertakwa, nescaya akan kami (Allah) bukakan kepada mereka itu pintu rezeki dari langit dan bumi. Tetapi mereka berbohong lalu kami (Allah) ambil kembali apa yang telah mereka perolehi.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin bercakap mengenai dengan tulisan jawi. Pendidikan ugama malah segala hal ehwal ugama itu sebenarnya sangat rapat hubungannya dengan tulisan jawi. Kalau kita melihat tulisan jawi samalah juga kita melihat huruf-huruf Al-Quran, kerana huruf-huruf jawi itu bersumber dari huruf-huruf Al-Quran kecuali ada beberapa huruf yang tidak ada di dalam Al-Quran. Inilah keistimewaan dan kelebihan tulisan jawi berbanding tulisan-tulisan lain di dunia ini.

Sayangnya tulisan jawi di Negara kita mengalami sedikit permasalahan kerana cara mengeja yang berbeza-beza. Walaupun masalah itu boleh dikatakan kecil, tetapi ia membingungkan anak-anak kita. Kalau pada zaman dahulu kita semua mengikut sistem ejaan Za'ba, namun sekarang beberapa perubahan telah berlaku. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini, kaola sukacita menyeru semua pihak yang berkenaan supaya bertindak segera untuk menyelesaikan perkara ini dengan kesepakatan yang konkrit.

Apa yang kita inginkan ialah penyelarasan tulisan jawi. Ini kita baru bercakap tentang tulisan jawi dalam jawi. Kita belum bercakap mengenai tulisan jawi yang dipindahkan ke dalam rumi. Itu satu perkara lain lagi yang juga memerlukan perhatian dan tindakan kemudian. Kaola menyeru kerana kita dalam masa yang terdekat ini akan menerbitkan buku-buku teks mata pelajaran ugama dalam jawi, supaya terbitnya nanti sempurna dalam bentuk ejaan yang disepakati.

Kita sudah pun mengadakan seminar dengan kerjasama semua institusi yang berkenaan, kita sudah mendapat rumusan

dari seminar tersebut. Kalau kaola tidak silap Jawatankuasa Penyelarasan Ejaan Jawi telah pun wujud yang dianggotai oleh 3 orang pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Rasanya langkah sudah hampir sampai kepada penyelesaian. Jika kita berjaya mengatasi masalah tulisan jawi ini, bermakna kita telah mencapai satu lagi kejayaan Negara yang patut dibanggakan yang akan menjadi warisan kita turun temurun di Negara ini bahkan juga di rantau ini.

Kita bangga tulisan jawi diletakkan "di atas" berbanding tulisan yang lain dan lebih besar saiznya, tapi kita belum menjaganya dengan baik. Ini kita dapati banyak ejaan yang tidak betul di sana sini. Melalui Dewan yang mulia ini, kaola berharap pihak-pihak bertanggungjawab akan mengambil berat pada memantau, menasihatkan dan mengarahkan, bahkan jika ada Akta yang bersesuaian membawa sesiapa yang tidak patuh itu kepada pihak pengadilan. Perkara ini telah juga ada disentuh oleh seorang Ahli Dewan dalam Majlis ini semasa perbahasan kita yang masa lalu. Demikianlah saja Yang Berhormat Pehin, ucapan kaola yang serba ringkas dan kaola akhiri ucapan ini dengan 2 rangkap pantun:

*Dari Miri menuju Sambas,
Rantau pesisir zaman purba,
Sayangkan bangsa kita berbahas,
Mencari formula majukan negara.*

*Rantau pesisir zaman kuratu,
Zaman merdeka milik yang nyata,
Negara maju, generasi baru,*

Jati diri bangsa tidak dilupa selamalamanya.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dipersilakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wabihi Nasta'inu Wa'ala Ummurid Dunnia Waddien Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Ambia Ewal Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wassalamu Ala Manittaba'al Huda.

Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua kaola ingin menjelaskan apa dia salam yang kedua itu, "Wassalamuala Manitaba'al Huda", adalah ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, sesuai dengan ajaran Allah mendoakan beliau itu dalam sejahtera dan akan mendapat petunjuk Allah, berbeda sedikit daripada salam yang mula-mula tadi, untuk kita iaitu doa sejahtera bagi dan seterusnya mendapat rahmat dan berkat daripada Allah, khusus bagi Pehin doa sejahtera untuk Pehin itu mendapat hidayat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sukacita mengambil kesempatan dalam sesi akhir ini, kaola barangkali orang yang akan bercakap akhir daripada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat ini. Kaola sukacita mengucapkan, terima kasih dan penghargaan kepada Pehin dan juga pegawai-pegawai utama Pehin dalam Dewan yang mulia ini, di atas kebijaksanaan abis Pehin mengendalikan permesyuaratan dengan lancar khasnya kebijaksanaan Pehin sendiri dalam memberikan kesempatan kepada semua Ahli-Ahli sama ada Ahli-Ahli Rasmi ataupun Ahli-Ahli Dilantik secara bijaksana dan saksama. Seterusnya jua Pehin, kaola ingin merakamkan terima kasih atas layanan baik semua pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas selama 16 hari ini, kaola terlihat segar, tampan, manis dan sopan.

Yang Kedua, ialah kaola dengan rasa hormat sukacita juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua rakan-rakan sama ada Ahli-Ahli Rasmi dan juga Ahli-Ahli Yang Dilantik Dari Kalangan Orang-Orang Yang Bergelar Dari Kalangan Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Ahli-Ahli Yang Dilantik mewakili Daerah-Daerah yang bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini, tekun hadir menyelesaikan agenda-agenda permesyuaratan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sesungguhnya bagi Permesyuaratan Pertama Musim Kesembilan ini, abis kaola sekalian telah diberi ingatan yang berupa Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam iaitu adalah tidak memadai setakat banyak bertanya tanpa memberikan pandangan, begitu juga tidak memadai setakat menyebut-nyebut jumlah peruntukan yang besar tanpa melihat apa dan bagaimana ia digunakan dengan berkesan.

Titah itu ditujukan kepada abis kaola Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini yang rasmi dan Ahli-Ahli Yang Dilantik. Tentu sahaja maksud titah Baginda itu supaya abis kaola sekalian dalam Permesyuaratan Musim ini, yang agenda besarnya ialah Rang Undang-Undang (2013) Perbekalan 2013/2014 akan bersungguh-sungguh membahas dan menjelaskan sesuatu Peruntukan Belanjawan yang dibentangkan dan juga bersungguh-sungguh memberikan perhatian kepada isu-isu yang berbangkit dengan penuh pengertian akan kesesuaian dan kemanfaatannya kepada Kerajaan dan juga orang ramai khususnya rakyat dan penduduk Negara ini.

Alhamdulillah, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, abis kaola telah menjunjung tinggi titah yang berisi bingkisan hasrat dan harapan Baginda supaya abis kaola sekalian berusaha menepati maksud permesyuaratan dalam Majlis ini dan supaya abis kaola sekalian menjaga kepentingan Majlis ini sebagai Dewan permesyuaratan yang ditubuhkan dengan kuatkuasa Perlembagaan Negara.

Kaola memohon maaf Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam penggulungan ini sengaja tidak menyentuh isu-isu sebagai ulasan, penjelasan atau tambahan kerana secara khusus dan tertentu, tidak ada isu-isu yang berbangkit selepas daripada perbahasan berhubung dengan Perbekalan Peruntukan bagi Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Kaola sebaiknya menumpukan Ucapan Penggulungan ini dengan izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kepada *performance* ataupun kelakonan abis kaola sebagai Ahli-Ahli Majlis secara khususnya dan umumnya Ahli-Ahli Majlis pada masa yang akan datang dan nilai serta erti kepentingan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi Negara Brunei Darussalam.

Dalam hubungan ini, kaola sukacita memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 September 2004 iaitu dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara di Dewan Persidangan Antarabangsa iaitu permesyuaratan untuk meluluskan Pindaan Rang Perlembagaan Negara yang mana antaranya ialah mewujudkan semula Majlis Mesyuarat Negara dengan strukturnya yang baru sebagaimana adanya pada masa ini.

Kaola petik titah Baginda itu yang mana telah direkodkan dalam Dokumen Perlembagaan 2004. Antaranya:

"Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat perundangan. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini yang penubuhannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan. Bagaimanapun, penubuhan

semula Majlis ini dalam apa jua suasana sekalipun tidak akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini. Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat.

Sebarang kesilapan akan mengundang risiko di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kita memulakan proses ini dengan cara yang amat berhati-hati. Beta akan melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan Majlis ini dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada proses ini boleh diteruskan dengan menambah lagi bilangan ahlinya".

Demikian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak syak lagi bahawa Baginda telah dan sentiasa melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan Majlis ini. Sejauh ini, kaola yakin Baginda memberinya nilai yang baik dengan bukti bahawa Majlis Mesyuarat Negara pada penggalnya sekarang ini, di mana Baginda telah menitahkan tambahan bilangan Ahli-Ahlinya.

Maka dewan permesyuaratan ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, bukanlah sebarang dewan permesyuaratan. Abis kaola, Ahli-Ahli diingatkan tentang kepentingannya dan dipesankan supaya membuktikan nilai kepentingannya itu. Itulah yang dijangkakan daripada abis kaola. Apakah abis kaola telah berhasil menepati jangkauan itu? Tentu sahaja abis kaola bukanlah pihak yang adil untuk menilai kelakonan atau *performance* abis kaola sendiri.

Apa yang dapat kaola yakinkan terutama diri kaola sendiri ialah abis kaola telah

berusaha menurut kadar keupayaan masing-masing di atas kedudukan masing-masing. Dalam konteks ini kaola berpegang kepada fiman Allah Subhanahu Wata'ala pada bahagian awal ayat 286, di penghujung suratu Al-Baqarah:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Yang mana mengandungi pernyataan bahawa "Allah Subhanahu Wata'ala tidak memberati atau membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya".

Kaola berpegang kepada ayat ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menjangkakan dari setiap hamba-Nya untuk berusaha meningkatkan mutu dan kadar-kadar keupayaannya, melakukan yang terbaik untuk memungkinkannya meraih lebih banyak pahala. Sesuai pula dengan maksud hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bahawa seorang mukmin yang baik itu ialah apabila dia melakukan sesuatu, dia melakukannya yang terbaik yakni untuk mendatangkan hasil yang terbaik.

Maka, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola dengan mukadimah yang panjang ini percaya bahawa Majlis Mesyuarat Negara dalam strukturnya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, seperti sekarang ini, insya-Allah akan berjaya dimantapkan sebagai modaliti permesyaratan mengikut calak Negara Brunei Darussalam dengan kesedaran setiap Ahli-Ahlinya pada masa ini dan masa akan datang, mendukung dan menjunjung tinggi hasrat, harapan dan jangkaan kepimpinan tertinggi kita dalam

bernegara dan berpemerintahan iaitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ulul amri yang wajib ditaati.

Semua Ahli Majlis ini walaupun bertaraf Ahli Rasmi dan Ahli Yang Dilantik mewakili pihak dan kalangannya, namun mereka dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing tidak dihasratkan untuk berpihak-pihak. Lihat saja susun atur kerusi meja kita pada masa ini. Tidak berhadap-hadapan maksudnya Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Dilantik tidak berkonfrontasi. Benar kita didudukkan secara berkumpulan, berkelompok tetapi nyatanya kita duduk menghadap ke hadapan, di mana ada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan di belakang kerusi Yang Berhormat Yang Di-Pertua dindingnya terdapat logo dengan semboyan "Adil Laila Bahagia". Kita jenguk-langui ke atas terdapat pula kaligrafi ayat Al-Quran yang jelas boleh dibaca:

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ

Maka sayugialah Ahli-Ahli yang sedang dan akan menduduki Majlis Mesyuarat Negara ini apa pun tarafnya rasmi dan yang dilantik dan pada masa akan datang, dalam setiap deliberasi permesyaratan mereka akan sentiasa berharap redha dan ampun Allah Subhanahu Wata'ala, Allah yang maha berkuasa dengan memiliki segala kebaikan dan kebajikan, kekuasaan ke atas setiap makhluk-Nya dan sekalian alam. Dengan itu, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini sayugialah juga berkhidmat dalam semangat demikian itu kepada Negara Brunei Darussalam,

rajanya yang berdaulat, rakyat dan penduduknya yang taat.

Dalam struktur dan susun atur kedudukan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat sedemikian itu yang mana pada masa ini adalah abis kaola iaitu ahli rasmi dan Ahli-Ahli yang dilantik dengan susun atur yang sedemikian itu nyatalah bahawa abis kaola tidak dihasratkan untuk berpihak-pihak demi Negara Brunei Darussalam. Kaola sekali lagi berterima kasih dan tidak lupa memohon maaf jika terdapat kejanggalan dan suruk langkah serta percakapan yang tidak sesuai sepanjang kaola duduk di sini.

Sekian Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Pehin, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara ini sekarang sampai ke penghujungnya. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan yang ikhlas dan di atas kerjasama dari Ahli-Ahli Yang Berhormat semua yang telah membolehkan permesyuaratan kita berjalan dengan begitu lancar dan baik di peringkat Majlis Mesyuarat Negara mahupun di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kedua-dua Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan dan pegawai-pegawai pengapit beliau serta

pegawai-pegawai dan kakitangan di semua peringkat, sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa Kementerian dan Jabatan, di atas usaha gigih dan komitmen mereka dalam menyediakan berbagai keperluan di sepanjang permesyuaratan kita ini.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga, adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik. Ini termasuklah liputan media masa dari pihak Kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak di dalam negeri, yang mana telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan di Dewan yang mulia ini. Saya dengan ikhlas mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sepanjang kita berbincang di Peringkat Jawatankuasa, sebanyak 606 soalan ataupun cadangan telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Jumlah ini tidak termasuk Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Alhamdulillah, hampir keseluruhan soalan dan cadangan tersebut telah dijawab oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan. Hanya beberapa soalan atau cadangan masih menunggu penelitian lanjut dari pihak-pihak yang berkenaan.

Dari pemerhatian saya, kebanyakan soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam persidangan kali ini, berkisar kepada perkara-perkara yang berulang-ulang dan pernah dibangkitkan

dalam persidangan sebelum ini, seperti keperluan kemudahan-kemudahan asas untuk kesejahteraan penduduk di kawasan masing-masing. Pada pandangan saya, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah turut memberikan perhatian dan pandangan mengenai langkah-langkah bagaimana memperkesakan pelaksanaan Peruntukan Tahunan. Perbincangan di Dewan ini sekurang-kurangnya akan dapat sedikit sebanyak memenuhi apa yang tersirat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Mesyuarat Negara ini.

Tidak dinafikan, ada kebaikannya cadangan-cadangan yang sama itu diulangi. Sekurang-kurangnya ia mengingatkan kepada pihak Kerajaan supaya meningkatkan pemberian perkhidmatan yang ada. Selain itu, dan lebih penting lagi ialah ia mencerminkan mengenai komitmen dan prihatin Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang memerlukan perhatian di kawasan-kawasan yang tertentu. Malah ada di antara cadangan tersebut dikuatkan pula dengan pandangan bagaimana kemudahan yang diadakan itu nanti boleh memajukan kawasan masing-masing dan langkah-langkah mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya akan menulis terus kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet untuk mendapatkan penjelasan atau penerangan mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lebih terperinci dengan memberikan salinan persuratan kepada Jurutulis. Usaha untuk

mendapatkan penjelasan atau penerangan itu tidak seharusnya menunggu mesyuarat tahun depan. Dialog-dialog dan permuzakarah dengan kementerian-kementerian sesuaiilah diteruskan dari semasa ke semasa.

Demikian juga bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, manamana soalan atau cadangan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang belum dijelaskan atau memerlukan penelitian lanjut, saya meminta supaya diambil tindakan segera.

Saya juga ingin menyarankan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya akan dapat meluangkan masa melawat ke tapak-tapak Projek Rancangan Kemajuan Negara untuk melihat sendiri kemajuannya dan sekaligus menilai perkembangan pelaksanaan projek-projek tersebut. Dengan cara ini, barulah Persidangan ini akan ada kesinambungannya dan perbincangan dalam Majlis kita ini ada kesannya.

Demikianlah pandangan saya mengenai apa yang telah berlaku di sepanjang Persidangan ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala Ta'ala akan sentiasa mengurniakan kepada kita semua nikmat kesihatan untuk membolehkan kita meneruskan tanggungjawab masing-masing.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wasalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan sehingga satu masa yang akan ditentukan nanti. Sekian, terima kasih.

**(Majlis Mesyuarat Negara
ditangguhkan)**

JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN JAWAB MULUT YANG DIBERI NOTIS DIJAWAB SECARA BERTULIS

YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN:

I) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT ORANG KAYA MAHA BIJAYA AWANG HAJI OTHMAN BIN UKING

Soalan Bil. 1:

Pada Majlis Mesyuarat Negara yang lalu Majlis Mesyuarat Negara telah pun dimaklumkan bahawa sebuah sekolah vokasional akan diadakan di Daerah Tutong.

Saya ingin tahu bilakah sekolah berkenaan akan mula dibina?

Jawapan Soalan Bil. 1:

Keprihatinan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai dengan Pendidikan Teknik dan vokasional di Daerah Tutong amat dihargai dengan diucapkan terima kasih.

Kedudukan mengenai dengan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah dikongsikan semasa membahaskan peruntukan Kementerian Pendidikan 2013/2014 di bawah Tajuk SF - Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan ketika ini sedang giat menyediakan Pelan Induk (*Masterplan*) ini antara lainnya mengandungi Perancangan Pembangunan Institusi-Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional di seluruh negeri dalam mana

perancangan ini akan merangkumi perkara-perkara utama seperti:-

- Pembentukan dasar dan arah tuju Strategi Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Membuat perancangan jumlah institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional secara menyeluruh dengan menentukan jenis-jenis program yang perlu ditawarkan disamping mensejajarkannya mengikut peringkat kelayakan. Ini juga termasuk pada memastikan aliran-aliran laluan pembelajaran bagi pelajar diperkemaskinikan.

Masterplan ini akan dipandu oleh Badan Khas yang bertanggungjawab menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia yang baru ditubuhkan. Badan ini nanti antara lainnya bertanggungjawab di dalam memadankan (*matching*) permintaan dan bekalan kemahiran yang dikehendaki bagi pembangunan ekonomi Negara dan juga di dalam menyediakan anggaran keperluan masa depan.

Oleh yang demikian itu, Pembangunan Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional di daerah-daerah akan diperkirakan dalam Pelan Induk ini. Insya-Allah, jika Pelan Induk ini selesai, Kementerian Pendidikan akan mengongsikan langkah-langkah yang akan di bawah pelan ini nanti.

II) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI ZULKIPLI BIN HAJI ABDUL HAMID

Soalan Bil. 2:

Pendidikan Awal (*Early Education*) bagi pelajar-pelajar pra-sekolah di antara umur 2 ke 5 Tahun.

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan Sistem Pendidikan Negara adalah disokong. Satu unit bagi pendidikan awal telah pun ditubuhkan khusus bagi menerajui bahagian dan telah pun mengadakan forum dan persidangan bagi menambahkan kefahaman dalam bidang *early education*. Kebanyakan negara maju memberikan keutamaan kepada pendidikan awal, dan mereka mengatur strategi serta melaksanakan teknik yang berkesan bagi meningkatkan kemajuan di bahagian ini. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibuat oleh pakar-pakar, kemajuan dalam pendidikan awal akan memberi kesan positif kepada kemajuan pembelajaran berikutnya kepada setiap penuntut dan akan mempertingkatkan lagi pencapaian sistem pendidikan negara berkenaan.

Saya ingin tahu:

- a) **Setakat manakah pencapaian dalam penyelarasan inisiatif-inisiatif dalam bidang *early education*?**
- b) **Apakah usaha kementerian bagi memastikan inisiatif-inisiatif berkenaan selaras dengan amalan-amalan terbaik?**
- c) **Adakah terdapat halangan-halangan dan apakah usaha dibuat untuk mengatasinya?**
- d) **Setakat manakah pelaburan ataupun *investment* yang dibuat untuk membolehkan latihan-latihan khusus bagi tenaga pengajar dan dalam penyediaan suasana pembelajaran yang mengalakkan '*creativity*', '*resourcefulness*' dan keyakinan diri bagi pelajar-pelajar sangat muda ini?**
- e) **Dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berkenaan adakah Kementerian Pendidikan membuat '*benchmarking*' dengan mengikut penilaian piawaian antarabangsa seperti '*Headstarts*', '*Starting Well Index*' atau yang sebanding?**

Jawapan Soalan Bil. 2:

Keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid mengenai dengan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pencapaian Pendidikan Pelajar amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Pendidikan Awal (*Early Education*)

Adalah diambil maklum bahawa kebanyakan negara-negara maju memberi keutamaan kepada pendidikan awal pada melihat bahawa pendidikan awal memberi kesan positif kepada kemajuan pendidikan. Walau bagaimanapun, modaliti yang diadaptasi oleh negara-negara ini adalah berbeza-

beza mengikut konteks negara masing-masing.

Oleh yang demikian itu, ke arah memastikan usaha pendidikan awal kanak-kanak akan menghasilkan kemanfaatan yang dihasratkan, Kementerian Pendidikan sedang menimbangkan untuk melantik konsultan bagi membuat penyelidikan menyeluruh mengenai sejauh mana kesediaan Negara kita dalam memberikan pendidikan bagi golongan kanak-kanak ini.

Penyelidikan ini akan melihat kepada aspirasi Negara, aspek-aspek yang berkepentingan seperti implikasi-implikasi kepada sumber-sumber kerajaan, isu kedayatahan (*sustainability*) dan yang lainnya. Setentunya kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkepentingan akan dilibatkan sama melihat bahawa kerjasama padu dan rapat amat mustahak dalam pelbagai peringkat dan aspek pelaksanaannya nanti.

Mengenai dengan keperluan penyediaan guru, rundingan sudah dibuat dengan Universiti Brunei Darussalam bagi menyediakan program-program khusus pendidikan awal kanak-kanak untuk dilaksanakan.

Kementerian Pendidikan juga sedang dalam proses membentuk Piawaian Kerangka Kebangsaan bagi memastikan perkhidmatan pemeduliaan dan pendidikan awal kanak-kanak di Negara ini adalah berkualiti dan setanding dengan negara-negara lain. Kerangka Kebangsaan Yang Berkualiti Bagi Pemeduliaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (*National Quality Framework for*

Early Childhood Care and Education) juga akan merujuk kepada piawaian-piawaian antarabangsa dan diubahsuai mengikut keadaan konteks Negara. Elemen-elemen yang terkandung dalam *Headstarts, Starting Well index* seperti kualiti, ketersediaan dan keberkemampuan (*quality, availability & affordability*) juga akan dirujuk.

Pembentukan Kerangka ini melibatkan kementerian yang ada kaitan dengan hal ehwal dan kesejahteraan kanak-kanak seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang dipandu oleh Kementerian Pendidikan sendiri.

Jawatankuasa ini akan menyediakan piawaian dengan mengambil kira nilai-nilai Melayu Islam Beraja dan pada mengambil kira sumber-sumber yang ada. Rangka-kerja kualiti ini akan merangkumi aspek-aspek piawaian seperti:-

1. Kelulusan minimum yang diperlukan untuk menjadi seorang guru pra-sekolah, pengasuh kanak-kanak dan pembantu guru;
2. Melihat kepada kesesuaian jenis program bagi latihan dan pendidikan perguruan termasuk penyediaan '*career path*';
3. Pengawalan sistem pendaftaran dan perlesenan bagi penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah swasta;
4. Menentukan program-program pengasuhan dan pendidikan, kurikulum dan pedagogi sistem

penilaian pembelajaran dan perkembangan *learning outcomes*;

5. Piawaian bagi mengawal penyediaan infrastruktur bangunan dan perisian fizikalnya;
6. Penyediaan kerangka undang-undang bagi penjagaan dan pendidikan di peringkat awal kanak-kanak (*Legal Framework*)
7. Piawaian bagi mengawal etika kerja guru-guru;
8. Piawaian bagi mengawal nisbah antara guru dengan kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah.

Apa yang penting di sini, amalan-amalan terbaik yang difikirkan bersesuaian akan diadaptasikan dan dibentuk atau diolah mengikut konteks kita di Negara ini selaras dengan amalan-amalan dan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja.

Soalan Bil. 3:

Pencapaian penuntut-penuntut di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tertentu.

Kementerian Pendidikan telah pun berusaha untuk memastikan semua penduduk negara ini dapat menikmati di bidang perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tinggi tidak mengira di kawasan di mana mereka berada, namun demikian satu perkara yang patut diambil perhatian ialah pencapaian pembelajaran bagi sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tertentu.

Mengikut keputusan peperiksaan PSR tahun lepas, pencapaian penuntut-penuntut di sekolah-sekolah kawasan tertentu seperti Kawasan Brunei I dan Daerah Temburong adalah lebih rendah dari pencapaian penuntut di kawasan-kawasan lain. Saya percaya perkara ini adalah isu yang kompleks dan perlu ditangani secara holistik agar ianya tidak berlanjutan.

Saya ingin bertanya:

- a) **Apakah usaha bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh kawasan-kawasan tersebut?**
- b) **Adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk melibatkan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam untuk membuat kajian-kajian dan membuat sokongan-sokongan serta plan tindakan untuk menangani isu berkenaan?**

Jawapan Soalan Bil. 3:

Isu mengenai pencapaian pelajar-pelajar sudah disentuh dalam perbincangan dibawah peruntukan Kementerian Pendidikan 2013/2014 yang bertajuk SF - Kementerian Pendidikan. Sebagaimana yang telah dikongsikan Kementerian Pendidikan mempunyai 4 bidang fokus (*focus areas*) yang mana salah satunya adalah mengenai dengan meningkatkan lagi pencapaian pelajar dalam literasi dan numerasi di sekolah-sekolah rendah. Kajian awal yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan mendapati bahawa terdapat kolerasi yang tinggi antara pencapaian Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar dalam mata-mata pelajaran Matematik dan Sains.

Kajian lanjut akan dibuat bagi meneliti perkara ini.

Usaha menyeluruh sedang giat dilaksana didalam membantu pelajar-pelajar meningkatkan pencapaian mereka. Selain daripada mempelbagaikan program-program literasi dan numerasi bagi membantu pelajar-pelajar, pembangunan kapasiti guru yang giat diusahakan. Ini akan diperkukuhkan lagi dengan tertubuhnya Akademi Perguruan Brunei Darussalam.

III) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERTITIK AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

Soalan Bil. 4:

Biasanya kemasukan kanak-kanak ke sekolah kerajaan hanya boleh didaftar masuk apabila umurnya mencapai 5 tahun. Kanak-kanak yang berumur di bawah 5 tahun, sebagai misalnya 4 tahun 6 bulan tidak akan berpeluang untuk bersekolah di sekolah kerajaan hinggalah umurnya mencapai 5 tahun 6 bulan pada tahun berikutnya. Hal ini sudah tentu merugikan kanak-kanak berkenaan kerana lambat masuk alam persekolahan dan menjadi kerugian besar jika ramai yang berumur sedemikian.

Apakah ada dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk memperbaharui syarat ini supaya kanak-kanak yang kurang berumur 5 tahun akan diterima masuk pada awal Januari tahun tersebut?

Jawapan Soalan Bil. 4:

Keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai

dengan perancangan Kementerian Pendidikan untuk memperbaharui syarat supaya kanak-kanak yang berumur 5 tahun akan diterima masuk pada awal bulan Januari; isu mengenai Guru Sandaran; jawatan Guru Besar dikhususkan "*Student Entrepreneurship Development Expo*" (SEDEX) dan had umur untuk melanjutkan pelajaran amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Perancangan Kementerian Pendidikan Untuk Memperbaharui Syarat Supaya Kanak-Kanak Yang Berumur 5 Tahun Akan Diterima Masuk Pada Awal Bulan Januari.

Kementerian Pendidikan pada ketika ini sedang menimbang untuk melantik konsultan bagi membuat penyelidikan menyeluruh mengenai sejauh mana kesediaan negara kita dalam memberikan pendidikan bagi golongan kanak-kanak ini. Penyelidikan ini akan melihat kepada aspirasi Negara, aspek-aspek yang berkepentingan seperti implikasi-implikasi kepada sumber-sumber kerajaan, isu kedayatahan (*sustainability*), dasar mengenai had umur dan lainnya. Di kebanyakan negara-negara maju seperti Finland, Sweden dan Singapura, kanak-kanak mereka hanya akan diwajibkan memulakan pendidikan mereka ketika mereka berumur 7 tahun.

Oleh yang demikian, kedudukan mengenai syarat had umur kanak-kanak ini akan ditentukan setelah mana penyelidikan ini siap dibuat.

Soalan Bil. 5:

Pada masa ini masih terdapat kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang menyebabkan setengah-

setengah sekolah masih lagi mengambil Guru-Guru Sandaran.

- a) **Adakah rancangan Kementerian Pendidikan untuk menghidupkan kembali Kursus Pendidikan Perguruan yang telah diberhentikan?**
- b) **Adakah Guru Sandaran diberikan ganjaran yang sama dengan guru tetap kerana Guru Sandaran juga diberi tugas yang sama?**
- c) **Apakah ada satu mekanisme bagi mempercepatkan keputusan proses pengambilan guru baru selepas ditemuduga?**

Jawapan Soalan Bil. 5

GURU-GURU SANDARAN

Perkara mengenai Guru Sandaran telah dibahaskan. Walau bagaimanapun, menyentuh mengenai dengan ganjaran bagi Guru Sandaran, memang ia tidaklah sama dengan ganjaran yang diterima oleh guru tetap. Pada menentukan kadar elaun yang diterima oleh Guru Sandaran, perkiraanya bersandarkan kepada bebanan kerja mengajar. Sementara guru tetap mempunyai skop komitmen yang lebih meluas seperti menjadi sebagai guru kelas, dilantik sebagai ketua jabatan subjek, dilantik menjadi ahli jawatankuasa bagi pengurusan sekolah dan lainnya. Guru Sandaran adalah dikecualikan dari tanggungjawab-tanggungjawab ini kecuali bagi mereka yang berkeinginan untuk menambah pengalaman dan membantu secara sukarela.

Menyentuh mengenai dengan Kursus Pendidikan Perguruan, perkara ini juga sudah dibahaskan. Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dinaik taraf sebagai institusi yang mengendalikan program pasca ijazah selari dengan dasar untuk melahirkan pendidik yang berkelulusan Ijazah Sarjana dan sekaligus memberikan nilai tambahan kepada guru-guru khususnya dari aspek perisian ilmu (*content knowledge*). Walau bagaimanapun, terdapat keperluan-keperluan khusus seperti sijil dalam kaunseling, sijil dalam pendidikan awal kanak-kanak atau *early childhood* dan sebagainya yang masih dikendalikan oleh *Continous Education Centre*, Universiti Brunei Darussalam.

Soalan Bil. 6:

Jawatan Pengetua di sebahagian Sekolah Menengah telah diwartakan sejak sekian lama dan mempunyai tangga gaji yang khusus dan bertanggungjawab sebagai pentadbir sekolah yang merancang segala aktiviti pelajaran dan pendidikan. Bagi Guru Besar yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama tidak pernah diwartakan dan tidak mempunyai sukatan gaji yang khusus. Lantikan mereka hanya secara dalaman.

Adakah dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan jawatan Guru Besar ini sebagai jawatan khusus dan diwartakan?

Jawapan Soalan Bil. 6:

JAWATAN GURU BESAR

Kementerian Pendidikan belum ada rancangan untuk menjadikan jawatan ini

sebagai jawatan khusus dan diwartakan. Perkara ini memerlukan penelitian yang lebih mendalam khususnya dalam mengenalpasti mekanisme pemilihan dan juga membentuk persyaratan-persyaratan yang betul-betul akan dapat menepati dan memenuhi pengenalpastian pegawai-pegawai yang benar-benar layak untuk menjawat jawatan tersebut.

Soalan Bil. 7:

Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (*Student Entrepreneurship Development Expo*) yang telah dilancarkan buat julung kalinya pada tahun 2012 menunjukkan suatu kejayaan pihak guru dan pelajar dalam mencipta berbagai produk. Ianya merupakan produk yang perlu diambil perhatian sepenuhnya untuk diperkasakan dan ditambah nilai kerana kreativiti sungguh tinggi dari pelajar berkenaan. Semangat keusahawanan pelajar jelas kelihatan dan perlu dipertingkatkan.

Adakah cadangan Kementerian Pendidikan supaya produk pelajar seluruh Negara ini dipusatkan pada satu bangunan khusus yang lengkap dengan kemudahan Dewan Pameran untuk menyimpan produk dan digabungkan dengan pameran barangan sejarah sekolah sebagai Muzium Pendidikan agar pameran produk ini berterusan disimpan pada satu tempat dan bukannya bermusim untuk sehari pameran sahaja?

Jawapan Soalan Bil. 7:

STUDENT ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT EXPO (SEDEX)

Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mengadakan satu bangunan khusus yang lengkap dengan kemudahan pameran bagi tujuan yang dimaksudkan.

Tujuan utama *Student Entrepreneurship Development Expo (SEDEX)* adalah untuk memberikan pengalaman dan pendedahan penghargaan terhadap dunia perniagaan di kalangan pelajar-pelajar di samping untuk mendapatkan perhatian umum termasuk komuniti perniagaan terhadap hasil pembelajaran pelajar.

Melalui SEDEX, pelajar-pelajar dapat merasakan secara langsung imbalan daripada hasil kerja mereka melalui kegiatan jual beli yang dilaksanakan. Di samping itu juga, kegiatan ini menumpukan keutamaan pada bidang kreativiti, kehalusan seni dan corak tarikan yang dihasilkan agar dapat menimbulkan gambaran sebenar suasana persaingan dalam dunia perniagaan.

Penghasilan pembelajaran yang dijangkakan ialah pelajar-pelajar akan dapat menafsirkan bahawa usaha yang baik dan gigih serta kemahiran kreativiti adalah penting dalam apa jua kegiatan perekonomian terutama bilamana mereka terpaksa bersaing dengan pihak yang lain. Perkara ini juga dari masa ke semasa akan membuatkan pelajar-pelajar berkenaan dengan lebih gigih lagi meningkatkan mutu penghasilan produk-produk mereka.

Untuk tujuan jangka sederhana, pihak Kementerian ada bercadang untuk mempelawa mana-mana syarikat atau pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat untuk menyediakan *outlet* bagi pemasaran produk-produk yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar berkenaan. Di samping itu, pihak Kementerian Pendidikan sebagai usaha memberikan galakan kepada pelajar-pelajar yang terlibat telah menyediakan peruntukan untuk membeli produk-produk yang terpilih dari setiap Daerah untuk dijadikan sebagai bahan cenderahati Kementerian Pendidikan.

Soalan Bil. 8:

Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sungguh bertuah dan beruntung kerana diberi kemudahan melanjutkan pelajaran secara percuma dengan diberikan berbagai biasiswa oleh Kerajaan, BSP dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah termasuk juga dilanjutkan umur perkhidmatan sehingga 60 tahun dan ada yang melebihi 60 tahun jika sekira diperlukan kepakarannya untuk pembangunan negara.

Adakah dalam perancangan Kementerian Pendidikan supaya had umur untuk melanjutkan pelajaran juga tidak dihadkan kepada terakhir 40 tahun kerana berdasarkan lama perkhidmatannya ada lagi lebih 15 tahun setelah tamat pengajian?

Jawapan Soalan Bil. 8:

HAD UMUR UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN JUGA TIDAK DIHADKAN KEPADA TERAKHIR UMUR 40 TAHUN

Mengenai dengan had umur untuk melanjutkan pelajaran juga tidak dihadkan kepada terakhir umur 40 tahun. Kementerian Pendidikan memberi kebenaran bagi mana-mana pegawai yang berumur lebih dari 40 tahun untuk melanjutkan pengajian mereka secara part-time. Sejauh ini, seramai 22 orang pegawai sedang melanjutkan pengajian mereka sama ada di peringkat diploma hingga ke peringkat PhD. Malahan, UBD juga menawarkan bursari kepada mereka-mereka ini sebagai galakan. Selain itu, peluang untuk melanjutkan pengajian boleh dilakukan melalui pendidikan jarak jauh atau *Open-Distance Learning (ODL)*. Kelulusan diperolehi dari pendidikan jarak jauh (ODL) ini mendapat mengiktirafan, tertakluk kepada syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Sungguhpun dengan dasar penghadan ini, bagi kursus-kursus pendek yang kurang dari setahun masih dibolehkan menghantar pegawai-pegawai yang berumur lebih dari 40 tahun.

Tertakluk kepada keperluan yang mendesak dan tidak terdapat pegawai muda untuk dilatih di dalam bidang-bidang tertentu, pengecualian pernah dipertimbangkan untuk menghantar pegawai-pegawai yang berumur melebihi 40 tahun.

IV) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI AHAD

Soalan Bil. 9:

Masyarakat Daerah Temburong gembira mendengar dan menyambut baik ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai Rancangan Pembinaan Sekolah Menengah Baru di Daerah Temburong semasa membuat lawatan kerja ke Daerah Temburong, termasuklah Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar. Semoga pembinaan tersebut dapat dilaksanakan dengan segera. Adalah menjadi impian masyarakat di daerah ini, terutama sekali ibu bapa atau penjaga mereka untuk melihat anak-anak mereka akan dapat mengikuti dan menikmati kemudahan-kemudahan prasarana pendidikan seperti yang terdapat di daerah lain.

Saya ingin bertanya, bilakah pembinaan sekolah ini akan dimulakan?

Jawapan Soalan Bil. 9:

Keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai dengan Perancangan Sekolah Menengah Baru dan Penubuhan Institusi Pendidikan Teknikal atau Vokasional di Daerah Temburong amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

PERANCANGAN PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH BARU

Kementerian Pendidikan telah membuat analisa projeksi bagi Pembinaan Sekolah Menengah di Daerah Temburong. Dapatan dari analisa ini menunjukkan bahawa adalah memadai bagi sebuah sekolah menengah dibangunkan di Daerah Temburong. Oleh yang demikian itu, Kementerian Pendidikan memfokuskan langkah-langkah menaik taraf sekolah menengah yang sedia ada termasuk membangunkan fasiliti-fasiliti baru yang mana mengikut jadual untuk dimulakan pembinaannya pada penghujung

tahun 2013 ini. Kerja-kerja menaik taraf ini dijangkakan akan siap pada awal tahun 2015.

Soalan Bil. 10:

Salah satu jurusan yang Negara Brunei Darussalam akan dapat dikenali oleh seluruh dunia menjelang 2035 ialah kejayaan dalam memberikan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi mengikut piawaian antarabangsa. Ke arah ini Kementerian Pendidikan sedang berusaha melaksanakan program-program pendidikan yang akan menghasilkan pakar-pakar, profesional dan guru-guru yang berkemahiran tertentu. Pembinaan bangunan institusi-institusi teknikal dan vokasional adalah penting untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dan kewujudannya akan menarik minat pelajar-pelajar dari daerah-daerah lain termasuk Daerah Temburong. Institusi semacam ini janganlah hanya dipusatkan di Daerah Brunei Muara sahaja tetapi cawangannya dilaratkan kepada salah satu daerah.

Saya ingin bertanya sama ada perancangan Kementerian Pendidikan atau kementerian lain untuk menubuhkan cawangan institusi teknikal atau vokasional di Daerah Temburong?

Jawapan Soalan Bil. 10:

PERANCANGAN PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TEKNIKAL ATAU VOKASIONAL

Kedudukan mengenai dengan pendidikan teknik dan vokasional telah dikongsi semasa membahaskan peruntukan Kementerian Pendidikan 2013/2014 dibawah Tajuk SF - Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan ketika ini sedang giat

menyediakan Pelan Induk (*Masterplan*) yang komprehensif bagi sektor pendidikan teknik dan vokasional negara. Pelan Induk (*Masterplan*) ini akan antara lainnya mengandungi perancangan pembangunan institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional di seluruh negeri dalam mana perancangan ini akan merangkumi perkara-perkara utama antara lainnya seperti:-

Pembentukan dasar dan arah tuju Strategi Tranformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Membuat perancangan jumlah Institusi-Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional secara menyeluruh dengan menentukan jenis-jenis program yang perlu ditawarkan disamping mensejajarkannya mengikut peringkat kelayakan. Ini juga termasuk pada memastikan aliran-aliran laluan pembelajaran bagi pelajar diperkemaskinikan.

Masterplan ini akan dipandu oleh Badan Khas yang bertanggungjawab menyediakan dasar perancangan sumber tenaga manusia yang baru ditubuhkan. Badan ini nanti antara lainnya bertanggungjawab didalam memadankan (*matching*) permintaan dan bekalan kemahiran yang dikehendaki bagi pembangunan ekonomi Negara dan juga didalam menyediakan anggaran keperluan masa depan.

Oleh yang demikian itu, pembangunan Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional di daerah-daerah akan diperkirakan dalam Pelan Induk ini. Insyaa-Allah, jika Pelan Induk ini selesai, Kementerian Pendidikan akan mengongsikan langkah-langkah yang akan diambil dibawah pelan ini nanti.

V) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA BERHORMAT AWANG HAJI TAHAMIT BIN HAJI NUDIN

Soalan Bil. 11:

Kadar peningkatan dalam kes-kes kehamilan remaja, STD, HIV dan AIDS di Negara ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Pendidikan Kesihatan Seksual sepatutnya diperkenalkan di sekolah-sekolah sebagai satu mata pelajaran atau diterapkan dalam pelajaran-pelajaran Ugama dan Sains secara formal. Untuk menguatkan lagi Falsafah Negara Melayu Islam Beraja memberi pendedahan awal kepada Pendidikan Kesihatan Seksual melalui pengertian aurat, mengajar batas-batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan, mengajarkan hadis dan ayat-ayat suci Al-Quran mengenai larangan perhubungan kelamin sebelum bernikah dan sebagainya adalah perlu dan penting.

Apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak-pihak tertentu dalam menangani masalah ini?

Jawapan Soalan Bil. 11:

Keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai dengan Pendidikan Kesihatan Seksual amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Untuk makluman, sejauh ini tidak ada mata pelajaran yang khusus mengenai dengan Pendidikan Kesihatan Seksual. Akan tetapi, elemen-elemen berkaitan dengannya telah diterapkan dalam mata-mata pelajaran seperti Pengetahuan Ugama Islam, Melayu Islam Beraja, Bahasa Melayu dan Sains.

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan menitikberatkan pengalaman prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah dimana adab sopan, cara berpakaian, amalan-amalan berdoa menjadi kebiasaan, penerapan keperibadian saling hormat menghormati, mematuhi disiplin dan sebagainya dititikberatkan dan sudah menjadi etos di sekolah-sekolah.

Kes-kes sosial kebanyakannya berpunca daripada masalah-masalah keluarga, sosio-ekonomi, kurang didikan ugama dan pengaruh-pengaruh negatif dari teknologi dan media massa. Maka, di sinilah institusi keluarga, khususnya tanggungjawab para ibu bapa, termasuk masyarakat memainkan peranan penting dalam sama-sama menanamkan nilai-nilai moral berpandukan ajaran Islam kepada anak-anak

YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN:

I) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

Soalan Bil. 56:

Perkhidmatan katering yang menyediakan jamuan di majlis-majlis perkahwinan dan kenduri adalah lebih mencabar jika dibandingkan dengan perkhidmatan restoran kerana penyediaan makanan terpaksa disediakan lebih awal kerana makananyang disediakan adalah banyak, sama ada di rumah-rumah atau tempat-tempat yang ditentukan dengan tidak diketahui tentang keadaan kebersihan tempat menyediakan, pinggan mangkuk dan alat-alat kelengkapan yang lain serta tukang-tukang masaknya.

Adakah pemantauan dibuat oleh pihak yang berkenaan terhadap

perkhidmatan-perkhidmatan katering ini sama ada penyediaan makanan di majlis-majlis perkahwinan atau kenduri itu mengikut tahap yang disediakan oleh pihak kementerian atau adakah pihak yang berkenaan akan membuat pemeriksaan dan memberi gred tahap kebersihannya seperti dilakukan terhadap kedai-kedai makan supaya orang ramai akan dapat membuat pilihan untuk membuat tempahan?

Jawapan Soalan Bil. 56:

Apa yang difahamkan dari Agensi-Agensi Penguasa Perlesenan (*Licensing Authority*), mengikut syarat-syarat Lesen Rampaian, sesiapa yang berhajat untuk memulakan dan menjalankan perkhidmatan katering adalah memohon Lesen Rampaian dari Jabatan Bandaran ataupun Jabatan Daerah. Pihak Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan seterusnya akan turut mengadakan pemeriksaan ke atas premis-premis makanan tersebut. Para pengendali makanan termasuk pengurus premis dan tukang masak juga adalah perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan juga diberikan taklimat dan kefahaman kesihatan termasuk tatacara pengendalian makanan secara sihat, selamat dan bersih. Setelah semua pemeriksaan premis dan kesihatan dijalankan, barulah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan akan menghadapkan laporan pemeriksaan bersama Sijil Pengesahan Kesihatan bagi pengendali-pengendali makanan kepada Jabatan yang berkenaan bagi proses seterusnya. Pada masa ini, pemberian gred premis makanan yang diungkapkan oleh Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah di setiap Daerah dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, adalah khusus bagi premis-premis makanan yang berlesen sahaja dimana ada antaranya yang memberikan perkhidmatan katering.

Walau bagaimanapun, dalam memperkesakan lagi pengamalan dan penjagaan keselamatan makanan, maka Kementerian Kesihatan bercadang untuk menggubal peraturan mengenai kebersihan makanan di bawah Akta Kesihatan Awam (Makanan) dimana ianya pada masa ini dalam proses penelitian. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan premis-premis makanan mematuhi piawaian kebersihan (*hygiene standards*) dalam mengenalpasti dan mengawal risiko keselamatan makanan pada setiap peringkat pemprosesan, penyediaan dan penjualan makanan. Dengan penggubalan dan penguatkuasaan peraturan itu nanti, semua premis-premis makanan termasuk perkhidmatan catering dikehendaki untuk berdaftar sebelum memulakan operasi serta dimastikan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan.

Dalam pada itu, Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan ada menjalankan pemeriksaan ke atas premis perkhidmatan catering dari masa ke semasa apatah lagi jika menerima aduan orang ramai atau jika ada kes keracunan makanan.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memerlukan kerjasama orang ramai dalam bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat untuk dimakan. Pihak pengurus catering termasuk para-pengendali makanan dikehendaki untuk memastikan penyediaan makanan adalah mengikut garispandu yang disediakan. Di samping itu Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai supaya akan lebih peka dan berhati-hati dalam memastikan perkhidmatan catering yang bakal mereka gunakan adalah yang berlesen dan boleh dipercayai terutama sekali dari segi aspek kualiti, kebersihan

dan kesihatan. Ini adalah semata-mata bagi menghindari kemudaratan agar makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat.

Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat mengkehendaki maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi:-

Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Jalan Delima Dua, Berakas. Telefon: 2331110.
Wassalam.

III) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI AHAD

Soalan Bil. 57 (c):

Alhamdulillah perkhidmatan untuk pesakit buah pinggang sejak dibuka di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam, Temburong telah beroperasi dengan baik. Buat masa ini pesakit yang memerlukan perkhidmatan dialisis semakin meningkat dan kakitangan seperti Jururawat tidak mencukupi. Satu perkara yang pernah saya timbulkan di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu ialah mengenai dengan kedudukan Skim Tanggagaji Jururawat yang berkelulusan *Master*, Ijazah Sarjana Muda dan *Double Diploma*. Selain daripada itu, terdapat keraguan daripada orang ramai mengenai pembayaran yang dikenakan kepada pesakit tidak konsisten. Sebagai contoh ada rakyat tempatan yang berkahwin dengan warga asing yang mempunyai Kad Pengenalan Warna Ungu atau Hijau kadangkala dikenakan bayaran dan ada yang tidak dikenakan bayaran.

Soalan saya ialah:

- c) Apakah langkah-langkah yang akan dibuat dalam menangani masalah bagi mengelakkan dengan mengenakan bayaran tidak konsisten ini?**

Jawapan Soalan Bil. 57 (c):

Berhubung dengan mengenakan pembayaran tidak konsisten ini, saya sangat menghargai dan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pembayaran yang tidak konsisten sepatutnya tidak terjadi kerana arahan dan peringatan telah seringkali disarankan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan untuk mengenakan pembayaran sepertimana Skim Pembayaran Perubatan (*Scheme of Medical Charges*) yang digunapakai pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan mengambil perhatian terhadap apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut dan Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan supaya isu sedemikian tidak akan berlaku di masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat menghendaki maklumat lanjut mengenainya bolehlah menghubungi:-

**Bahagian Pentabdiran dan Kewangan,
Kementerian Kesihatan, Jalan
Commonwealth Drive, Negara Brunei
Darussalam. Telefon: 381640.
Wassalam.**

**YANG BERHORMAT MENTERI
KEWANGAN II (KEDUA):**

**I) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA
YANG BERHORMAT AWANG HAJI
RAMLI BIN HAJI LAHIT**

Soalan Bil. 59:

Keadaan ketidak kemampuan dalam memikul perbelanjaan tanggungan adalah satu perkara yang semakin banyak berlaku dan seolah-olah terus ujud di kalangan masyarakat kita. Setiap bulan kita dapat melihat di media cetak dan Warta Kerajaan senarai nama-nama mereka dipanggil ke mahkamah untuk mendengar kes-kes hutang terutama sekali mengenai sewa beli (*loan*) kereta. Susulan daripada beban hutang ini, berlakulah permohonan untuk meminta bantuan menerusi Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung kepada agensi-agensi yang memberi bantuan.

- a. Adakah pihak yang berkenaan pernah membuat penelitian mengenai dengan perkara ini?**
- b. Bolehkah pihak yang berkenaan membuat peraturan sebagaimana juga Kerajaan menghadapi penggunaan kadar kredit, dengan membuat pengawalan terhadap tawaran-tawaran sewa beli kereta (*loan*) yang begitu mudah pun menarik tetapi mempunyai kesan yang begitu berat pada kesudahannya?**
- c. Adakah dalam perancangan Kerajaan untuk membuat penyelarasan semula tentang tanggagaji pekerja-pekerja sektor awam terutama sekali mereka yang di dalam Bahagian III, IV, V dan ke bawah**

berdasarkan keadaan harga barangan harian sekarang semakin tinggi?

Jawapan Soalan Bil. 59 (a):

- i. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam ini, pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat akan kesejahteraan dan perkembangan sosi-ekonomi rakyat dan penduduk di Negara ini. Setentunya penelitian-penelitian dan kajian-kajian yang perlu berkaitan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara ini dijalankan secara berterusan, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung, selaku pemimpin di peringkat akar umbi, setentunya jua telah peka mengenai perkara ini, dan seterusnya menyampaikan maklumat ini kepada orang ramai, khususnya anak-anak buah kampung.
- ii. Berkaitan dengan soalan yang ditimbulkan, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa peraturan bagi mengawal orang ramai daripada terdedah kepada beban hutang yang melebihi keupayaan kewangan mereka. Ini termasuk mengadakan peraturan berkaitan pinjaman kenderaan di mana setiap pembeli dimestikan membayar deposit 12.5% sebelum bantuan kewangan boleh dihulurkan oleh syarikat-syarikat kewangan di Negara ini.
- iii. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) juga telah memperkenalkan peraturan baru berkaitan kadar faedah atau dividen yang boleh dikenakan bagi pinjaman mengenai Pembiayaan Kenderaan Bermotor (kecuali

motosikal), yang berkuatkuasa mulai 6 Mac 2013. Di antara peraturan tersebut adalah seperti berikut:

- Bagi Pembiayaan kenderaan Bermotor (kecuali motosikal), kadar rata pembiayaan maksima adalah sebanyak 4.25 % setahun bagi kenderaan bermotor baru dengan perkiraan *effective interest rate/annualized profit rate* (EIR/APR) sebanyak 7.75% bagi 1 tahun; 2 dan 3 tahun (7.96%); 4 tahun (7.92%); 5 tahun (7.86%); 6 tahun (7.97%) dan 7 tahun (7.72%); dan
 - Untuk kenderaan bermotor terpakai pula, kadar rata setahun yang ditetapkan ialah sebanyak 4.75% setahun dengan perkiraan EIR/APR sebanyak 8.66% bagi 1 tahun; 2 tahun (8.87%); 3 tahun (8.73%); 6 tahun (8.64%) dan 7 tahun (8.55%).
- iv. Walau bagaimanapun, pengawalan melalui peraturan-peraturan sahaja, tidaklah memadai dalam menangani isu-isu berkaitan beban hutang seperti ini. Begitu juga penghuluran bantuan-bantuan juga bukanlah jalan yang dapat menangani perkara ini secara jangka masa panjang. Masalah beban hutang ini, sebahagian besarnya hanya dapat ditangani secara berkesan melalui disiplin diri yang kukuh dalam mengurus dan mengawal perbelanjaan dan kewangan sendiri, dengan berbelanja mengikut kemampuan.
 - v. Menyedari akan hal ini, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja dan Institusi-Institusi di Negara ini secara berterusan

menganjurkan program-program, seminar, forum dan sebagainya bagi meningkatkan kadar celik kewangan atau '*financial literacy*' di kalangan orang ramai terutamanya belia-belia di Negara ini, agar mereka akan dapat mengurus kewangan mereka dengan lebih bijak.

- vi. Dalam pada itu, bagi mengurangkan beban dalam kos memiliki kenderaan di Negara ini terutama bagi golongan berpendapatan rendah, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah antara lainnya seperti berikut:

Pada 1 April 2011, bagi melaksanakan pengurangan kepada kadar Cukai Eksais bagi jenis kenderaan yang berisipadu (cc) dibawahnya 1700cc, daripada 20% kepada 15% sahaja;

Membenarkan tempoh pembiayaan pinjaman kenderaan dilanjutkan daripada 4 tahun ke-7 tahun.

- vii. Dalam perkara ini, sukacita kaola mengongsikan bahawa berikutan pengurangan kadar Cukai Eksais bagi kenderaan berkuasa 1700cc ke bawah, pada tahun 2012, peratus pengimportan kenderaan dengan kuasa tenaga tersebut telah meningkat kepada 57.7% berbanding 52% pada tahun sebelumnya.

Jawapan Soalan Bil. 59 (b):

- i. Sebenarnya pihak Kerajaan melalui AMBD telah pun mengadakan peraturan berkaitan pinjaman kenderaan tersebut, di mana setiap peminjam dimestikan membayar wang pendahuluan sebanyak 12.5%.

- ii. Pihak syarikat-syarikat kewangan pula diarahkan untuk memastikan penilaian kredit setiap pemohon dilaksanakan secara terperinci dengan menilai kemampuan pemohon berkenaan, dengan mengambilkira pengurusan risiko yang lazimnya digunapakai oleh syarikat-syarikat kewangan sahaja.

- iii. Dalam hal ini, AMBD telahpun memperkenalkan Biro Kredit yang akan dapat membantu bank-bank tempatan dalam membuat penilaian mengenai '*creditworthiness*' pelanggan-pelanggan berkenaan.

- iv. Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak terus menerima tawaran-tawaran tertentu yang diberikan dimana pengguna perlu membuat penelitian terlebih dahulu terhadap kesan komitmen tersebut kepada tambahan bebanan perbelanjaan berkenaan.

Jawapan Soalan Bil. 59 (c):

- i. Sebagaimana yang kaola terangkan awal tadi, Kerajaan memang sentiasa peka terhadap keperluan yang melibatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini. Perubahan kepada harga-harga barangan harian sentiasa dipantau agar ianya tidak menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk Negara ini.

- ii. Dalam menimbangkan perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini, Kerajaan perlulah meneliti secara holistik dan mendalam, terutama kesannya, bukan sahaja kepada rakyat dan penduduk yang berkhidmat dengan sektor awam, tetapi juga kesejahteraan

rakyat yang berkhidmat dengan sektor swasta. Apatah lagi mengukuhkan sektor swasta termasuk dengan menggalakkan lebih ramai rakyat dan penduduk Negara ini untuk bekerja di sektor berkenaan.

- iii. Penerangan mengenai cadangan kenaikan gaji bagi mereka yang berkhidmat di sektor perkhidmatan kerajaan, telahpun diberikan berapa kali di dalam Dewan yang mulia ini secara panjang lebar pada tahun yang lepas. Oleh itu, kaola tidaklah akan memberikan lagi penerangan mengenai perkara tersebut secara terperinci.
- iv. Dalam pada itu, sepertimana yang telah dimaklumi umum bahawa Kerajaan telah pun melaksanakan kenaikan gaji pada tahun 2006 melalui '*accelerated increment*'. Kenaikan tersebut adalah dalam lingkungan di antara 10.6% hingga 26.7% yang mana ianya lebih memihak kepada pekerja-pekerja di dalam Bahagian III ke bawah termasuk gaji hari dan 'open vote'. Di samping itu, Kerajaan juga di kebelakangan ini, berterusan merebiu lain-lain kemudahan bantuan kepada orang ramai. Yang terbaharu ialah yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun lepas iaitu bantuan kewangan di bawah Tabung Perumahan TAP; dan Kemudahan Pinjaman Kewangan Untuk Memiliki Rumah Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan;
- v. Dalam pada itu, pihak Kerajaan juga masih terus menghulurkan subsidi-subsidi bagi keperluan asas, seperti

bekalan tenaga elektrik, bekalan air bersih, perumahan di bawah Skim Perumahan Negara, beras, minyak kenderaan dan sebagainya; manakala dari aspek perkhidmatan asasi, Kerajaan menghulurkan perkhidmatan kesihatan dan juga persekolahan percuma kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara ini. Subsidi-subsidi ke atas barangan dan perkhidmatan di atas, yang mana adalah sentiasa meningkat dari tahun ke setahun, terutama disebabkan pertambahan bilangan penduduk dan kenaikan harga barangan di pasaran global serta perkembangan teknologi, telah dapat mengawal kenaikan kos saraan hidup bagi seluruh rakyat dan penduduk di Negara ini. Malahan, Kerajaan juga menghulurkan bantuan Pencen Umur Tua kepada setiap warga yang mencapai umur 60 tahun yang dihasratkan untuk membantu lagi kos saraan hidup harian mereka semasa persaraan. Kemudahan-kemudahan seperti ini memanglah satu perkara yang *exclusive* kepada Negara ini dan sememangnya tidak terdapat atau jarang dihulurkan oleh negara-negara lain, termasuk negara-negara maju.

- vi. Dalam pada itu, melalui sumber pendapatan Kerajaan yang terhad, Kerajaan juga perlu untuk memperuntukkan dana bagi lain-lain keperluan, terutama bagi pembangunan Negara. Ini terutama mengambil kira keupayaan kewangan perkara bagi jangka masa panjang mungkin terjejas oleh keadaan ekonomi dunia yang kurang stabil, termasuk bagi Tahun Kewangan 2013/2014 yang akan datang di mana pendapatan Kerajaan dianggarkan akan

berkurangan berbanding Tahun Kewangan 2012/2013.

SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI JUMAT BIN AKIM

Soalan Bil. 60:

Kenaikan Pencen Umur Tua.

Memandangkan keadaan ekonomi dan sosial semakin meningkat dan keperluan semakin bertambah bukan sahaja bagi keperluan sehari-hari tetapi juga untuk membeli ubat-ubatan. Pencen Umur Tua sebanyak \$250.00 sebulan itu tidak mencukupi dan perkara ini disuarakan oleh kalangan penerima Pencen Umur Tua.

Saya ingin bertanya sama ada pihak berkenaan bercadang untuk mengkaji semula tentang jumlah wang yang diberikan kepada Penerima-Penerima Pencen Umur Tua itu?

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bermula pada 1 Januari 1955. Pemberian Elaun ini telah pun diteruskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

- iv. Sejak diperkenalkan, kadar elaun ini telah dikaji semula sebanyak 8 kali. Alhamdulillah, kenaikan terakhir telah pun dikuatkuasakan sejak 1 Oktober 2006, iaitu daripada \$200.00 kepada \$250.00 iaitu kenaikan sebanyak 25% berbanding kadar sebelumnya.
- v. Pemberian Elaun Pencen Umur Tua ini adalah unik kepada Negara ini sahaja, dan tidak akan dihulurkan di negara-negara lain. Ianya dihulurkan kepada semua peringkat dan golongan Rakyat dan Penduduk Tetap Negara ini, asalkan mereka telah mencapai umur genap 60 tahun. Setentunya kita selaku rakyat dan penduduk Negara ini sangat-sangat bersyukur dan menjunjung kasih di atas kurnia yang istimewa ini.

Jawapan Soalan Bil. 60:

- i. Terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak terima kasih di atas soalan dan keprihatinan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim itu tadi.
- ii. Walau bagaimanapun, sebelum saya memberikan penerangan lanjut mengenainya, saya ingin terlebih dahulu untuk mengongsikan sedikit latar belakang mengenai Pencen Umur Tua ini.
- iii. Pemberian Elaun Pencen Umur Tua ini adalah merupakan satu kurnia khas yang telah diperkenalkan oleh
- vi. Pemberian Elaun ini bukanlah dihasratkan untuk menampung sepenuhnya keseluruhan kos saraan hidup para penerima, yang mana adalah berbeza mengikut keperluan dan gaya hidup masing-masing. Ianya hanyalah untuk membantu meringankan beban keperluan perbelanjaan sara hidup harian semasa hari persaraan. Bagi golongan-golongan yang memerlukan bantuan-bantuan tertentu, Kerajaan juga ada menyediakan Skim-Skim Bantuan dan Kebajikan bagi mereka melalui agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan,

seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat dan sebagainya.

AWANG HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. JAAFAR

Soalan Bil. 61:

Sebagaimana jua yang difahami bahawa Kementerian-Kementerian lain ada memberi penghormatan kepada mereka yang pernah berkhidmat. Sebagai misal Kementerian Pendidikan menganugerahkan Tokoh Guru, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Tokoh Ugamanya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Tokoh Belianya sementara Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan Anugerah Pertanian dan Anugerah Perikanan. Tetapi Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai institusi tertinggi dan terpenting dalam Kerajaan belum ada penganugerahan bagi mengenang jasa dan sumbangan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Walhal jika dikaji banyak pegawai-pegawai yang berjasa dan berperanan penting dalam memajukan perkhidmatan awam di negara ini.

Saya ingin bertanya adakah dalam perancangan pihak yang berkenaan untuk mengadakan penganugerahan Tokoh Perkhidmatan Awam?

Jawapan Soalan Bil. 61:

- i. Perkhidmatan Awam mencakupi pelbagai bidang perkhidmatan untuk orang awam dari pentadbiran biasa sehinggalah kepada perkhidmatan pengkhususan di dalam perguruan, keagamaan, perubatan, kejuruteraan, pengajian tinggi, pengurusan dan seumpamanya.

- vii. Menurut rekod, sebahagian penerima Elaun Pencen Umur Tua ini sebenarnya adalah juga merupakan penerima Pencen Perkhidmatan. Malahan ada juga di antara mereka masih mempunyai pendapatan sampingan, sama ada melalui perniagaan dan sebagainya. Berdasarkan kepada data yang dapat dikumpulkan, jumlah penerima Pencen Umur Tua pada tahun Kewangan 2011/2012, adalah sebanyak kira-kira 22,941 orang dengan jumlah pembayaran kira-kira \$66.8 juta; manakala bagi tahun 2012/2013, jumlah penerima telah meningkat 6.7% kepada 24,482 orang penerima, yang mana sudah setentunya jua akan memerlukan pembiayaan tambahan dari pihak Kerajaan.
- viii. Di sini saya juga ingin membawa perhatian bahawa, sebagaimana yang kita sedia maklum, selain daripada pemberian Elaun Pencen Umur Tua tersebut, Kerajaan juga menghulurkan berbagai kemudahan percuma seperti perkhidmatan perubatan dan kesihatan, dan juga subsidi-subsidi dan bantuan-bantuan. Kemudahan-kemudahan dan subsidi tersebut sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi apabila menjawab soalan awal, secara keseluruhannya telah dapat mengawal kenaikan kos sara hidup di Negara ini yang masih pada tahap yang rendah berbanding negara-negara jiran dan serantau.

JABATAN PERDANA MENTERI:

I) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT DATO PADUKA

ii. Penghargaan ke atas ahli-ahli perkhidmatan awam adalah bermacam-macam bentuknya sejajar dengan kepelbagaian perkhidmatan di bawahnya.

a) Pada hari-hari disempenakan umpamanya Hari Guru, Kementerian berkenaan akan menamakan guru-guru yang cemerlang dan menghargai bekas guru-guru yang berjasa dan seumpamanya.

b) Pada hari-hari disempenakan umpamanya memperingati Tahun Baru Hijrah, Kementerian berkenaan akan menamakan anugerah-anugerah tertentu di atas jasa-jasa keagamaan.

c) Sempena Hari Perkhidmatan Awam pula, Jabatan Perkhidmatan Awam memberikan penghargaan kepada pekerja-pekerja di dalam Bahagian III, IV dan V melalui Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam sebagai menghargai prestasi cemerlang mereka di dalam petugasan mereka. Sementara itu, menerusi Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, kumpulan atau individu yang berjaya di dalam amalan pengurusan mereka juga diiktiraf. Dalam pada itu, di peringkat Kementerian dan Jabatan, Kumpulan-Kumpulan Kerja Cemerlang yang telah menunjukkan peningkatan mutu kerja diiktiraf pencapaian mereka.

iii. Pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh pihak-pihak di dalam Perkhidmatan Awam tidak terhad kepada Warga Perkhidmatan Awam

malahan melibatkan pihak-pihak daripada sektor bukan Kerajaan.

iv. Pengiktirafan dan penghargaan ini akan sentiasa difikirkan secara berterusan mengikut keperluan dan kesesuaiannya.

Soalan Bil. 62:

Isu kurang efisien (*inefficiency*) di Jabatan-Jabatan Kerajaan selalu dipercakapkan. Ini menunjukkan kelemahan kepimpinan pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan termasuk ketua-ketua jabatan. Perkara ini juga timbul akibat dari birokrasi yang tebal di mana setiap perkara mesti menjalani berbagai proses. Sebagai misal, seorang yang akan memulakan perniagaan, proses untuk mendapatkan Lesen Rampaian akan memakan masa 6 bulan. Perkara semacam ini sudah lama disedari tetapi usaha untuk memperbaikinya belum ada dibuat. Kadangkala ada juga kedengaran jawapan-jawapan mereka disebabkan kekurangan kakitangan, walhal mengikut statistik yang ada keramaian kakitangan perkhidmatan awam sehingga 29 September 2012 ialah 51,151 orang. Adalah juga didapati sebilangan kakitangan akhir datang ke pejabat dan awal meninggalkan pejabat dan kebanyakannya akan keluar pada jam 9.00 pagi atau 11.30 pagi dengan alasan keluar minum dan mengambil anak-anak sekolah.

Selain daripada itu, isu sikap kurang pemedulian dan kurang sopan santun di kalangan kakitangan Kerajaan terutama sekali mereka yang bertugas di *front desk* juga menjadi isu,

sedangkan kempen “bersopan santun” pernah diterapkan di kalangan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

- a) **Apakah satu-satu mekanisme boleh dibuat untuk mempercepatkan permohonan-permohonan orang ramai sebagai misal dengan memberikan kuasa-kuasa tertentu (*empowerment*) kepada mereka yang layak dengan tidak payah menjalani berbagai proses?**
- b) **Adakah dengan sebab peningkatan teknologi yang menjadikan mereka kehilangan budaya bersopan santun ini?**
- c) **Adakah dalam perancangan pihak yang berkenaan khasnya Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menilai semula (*review*) tentang keramaian kakitangan yang diperlukan?**
- d) **Apakah tindakan yang diambil kepada kakitangan kerajaan yang tidak mematuhi peraturan ataupun arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan ketua jabatannya?**

Jawapan Soalan Bil. 62:

Mengenai Isu Kurang Efisiensi Jabatan-Jabatan Kerajaan, Hubungkaitnya Dengan Kepimpinan, Kedatangan dan Soalan-Soalan Mengenai Birokrasi, Perkhidmatan Kaunter, Saiz Perkhidmatan Awam dan Tindakan Disiplin.

- i. Isu kurang efisien ini adalah isu yang sememangnya sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan secara berterusan. Oleh itu, tanggapan Yang Berhormat yang mengatakan “..usaha untuk memperbaikinya belum ada dibuat” perlulah saya perbetulkan di sini.
- ii Tidak ada sesiapa pun yang boleh menyangkal bahawa Perkhidmatan Awam telah berjaya di dalam tanggungjawabnya sebagai jentera pentadbiran Kerajaan sungguhpun masih terdapat banyak ruang bagi pembaikan.
- iii Kerajaan penuh menyedari bahawa skop, expektasi dan hajat orang ramai akan terus meningkat. Sejajar dengan kenyataan ini, Kerajaan berterusan memberikan perhatian sewajarnya kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan.

Sebagai contoh, di dalam bidang ‘*ease of doing business*’, Kerajaan telah banyak melaksanakan langkah-langkah yang konkrit untuk memudahkan bukan saja untuk mengeluarkan Lesen Perniagaan malahan untuk memudahkan perjalanan perniagaan. Ini termasuklah dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk menentukan arah tuju dan memantau pencapaian di bidang “*ease of doing business*” ini. Alhamdulillah, inisiatif-inisiatif agensi-agensi Kerajaan ini nampaknya membuahkan hasil yang positif setakat ini.

- iv. Kerajaan jua telah menggunakan kaedah menyatukan perkhidmatan ‘*inter-agency*’ bagi memudahkan, pada misalnya, pemberian Lesen Rampaian dan kawalan kemajuan melalui penubuhan pihak berkuasa kawalan bangunan dan industri

pembangunan atau ABCi. Di samping itu, penggunaan teknologi jua telah dapat memperkesankan lagi jentera kerajaan untuk mempercepatkan proses.

- v. Inilah sebahagian dari contoh perubahan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam lebih progresif, Kerajaan pada utamanya memberi perhatian kepada perkara *fundamental* didalam pembentukan dan pemapuan organisasi iaitu dengan meningkatkan kemahiran dan kemampuan kepimpinan yang terdapat disemua peningkat organisasi. Di peringkat atasan dan pertengahan, Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempunyai Program Pembangunan Eksekutif bertujuan mengemaskinikan perspektif petugasan pegawai, menyuntik daya intelek, menilai kaedah-kaedah pengurusan dan membuat pemerhatian pengurusan di luar negara. Kesemua ini dihasratkan untuk menggilap dan mencanai kebolehan dan potensi kepimpinan.
- vi. Selain kempimpinan "*top ecelon*", tenaga kerja yang lain juga menjadi bidang tumpuan utama untuk dibangun supaya lebih berkemahiran dan produktif. Kesemua tenaga manusia boleh dimajukan mengikut potensinya dan tahap program kemajuan yang diberikan. Perancangan kita ialah Perkhidmatan Awam mempunyai saiz yang optima dengan guna tenaga yang penuh. Kemajuan Perkhidmatan Awam adalah *productivity driven*.
- vii. Institusi Perkhidmatan Awam (IPA) baru-baru ini melancarkan Direktori Latihannya iaitu tawaran-tawaran kursus yang diperlukan oleh sektor Kerajaan dan swasta untuk merapatkan sebarang

jurang kemahiran yang diperlukan untuk perkhidmatan berprestasi tinggi.

- viii. Di samping IPA memberikan perhatian sewajarnya kepada bidang-bidang kemahiran, IPA juga menyerapkan melalui program latihannya, nilai-nilai orang-orang Brunei antaranya kelembutan budi pekerti. Sasaran kita ialah tenaga manusia yang mahir, mempunyai pemikiran dan pendekatan progresif serta jati diri orang-orang Brunei untuk keunggulan kehidupan bermasyarakat dan bernegara. IPA akan memantapkan kaedah penilaian keberkesanan latihan. Tujuannya untuk meningkatkan komitmen dan penglibatan pelatih-pelatih supaya lebih menghargai dan menghayati usaha Kerajaan di bidang ini dan di akhir setiap latihan dapat menunjukkan keberhasilan masing-masing. Ini termasuk kakitangan yang telah dilatih etika pekhidmatan kaunter. Sebagai tambahan, Kementerian-Kementerian juga giat berusaha memperbaiki perkhidmatan masing-masing dengan menerapkan amalan mesra pelanggan melalui promosi, kempen serta latihan dan kursus-kursus kepada warga masing-masing.
- ix. Kedatangan bekerja adalah satu perkara asasi yang tidak boleh lepas dari pandangan. Inisiatif untuk memperkesankan peraturan kedatangan bekerja ialah bilamana JPA sedang meningkatkan pemantauan mengenai penggunaan pelbagai kaedah untuk mencatat kedatangan dengan penekanan kepada reliabiliti dan intergriti pelaksanaan sistem atau kaedah. Langkah ini sungguhpun mengambil sedikit masa, ianya akan menentukan tindakan-tindakan yang boleh diambil

oleh Ketua-Ketua Jabatan kepada pekerja yang mempunyai masalah disiplin, senhaja datang akhir dan balik awal. Terapat di dalam General Order tindakan-tindakan yang boleh dikenakan kepada mereka.

- x. Adalah menjadi tanggungjawab jentera pentadbiran Kerajaan untuk menjalankan program-program Kerajaan bagi peningkatan taraf hidup penduduk, dan membantu serta memudah perkembangan sektor swasta. Terdapat kerjasama dan saling bergantung di antara Kerajaan, orang ramai dan sektor swasta untuk sama-sama membangun dan memajukan ekonomi Negara.
- xi. Bagi pihak Kerajaan amalan terbaik ialah dari segi memenuhi tuntutan piagam pelanggan pengguna di mana tindak-tanduk pentadbiran Kerajaan dari segi *regulation* adalah minima, adil dan relevan. Ini secara terus menerus di pantau oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) melalui pengauditan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR). Dari segi pemerosesan, perkhidmatan awam mempunyai kaedah pengurusan Manual Prosedur Kerja (MPK) yang membolehkan pemberian keputusan yang cepat dan tidak bertanggung. Setiap keputusan mempunyai rasional yang telus dan wajar.
- xii. Sementara terdapat ketegasan di dalam memberikan keputusan, perkhidmatan awam mempunyai mekanisma penilaian dan pertimbangan semula yang telus, sistematik, adil, dan saksama bagi menangani rayuan dan ketidakpuasan hati yang legitimate. Ini ditangani melalui MSD yang menjalankan keterbukaan atau ketelusan bagi pihak Kerajaan di dalam menerima dan

mengambil tindakan ke atas aduan dan keresahan orang ramai mengenai perkhidmatan jentera Kerajaan.

Soalan Bil. 63:

Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned, pada pertengahan tahun 2012 yang lalu pernah menyatakan ketidak efektifnya program Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC), walaupun program ini telah berjalan sekian lama, kerana tidak ada jabatan atau pasukan yang mencapai kecemerlangan di peringkat pingat emas.

a) Berapa banyakkah pejabat yang menggunakan kaedah Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dalam pengurusan jabatannya, atau adakah ianya digunakan sebagai platform untuk menyertai peraduan bagi meraih hadiah kewangan yang disediakan?

b) Adakah kajian dibuat berapa banyak jabatan yang masih menggunakan kaedah Kumpulan Kerja Cemerlang ini secara berterusan setelah pertandingan ini berakhir dan membuat pembaikan dari semasa ke semasa?

c) Setelah perkara ini disedari, adakah Jabatan Perkhidmatan Awam mencari kaedah alternatif kepada Kumpulan Kerja Cemerlang ini demi untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam?

Jawapan Soalan Bil. 63:

Mengenai KKC

- i. Kerajaan menggunakan kaedah Kumpulan Kerja Cemerlang atau KKC untuk digunapakai oleh jentera Kerajaan iaitu Perkhidmatan Awam sebagai satu lagi kaedah pengurusan untuk mencari penyelesaian kepada pelbagai masalah tata-cara pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.
- ii. Kerajaan percaya KKC selain menambah *variety* program meningkatkan produktiviti, ianya sesuai bagi melibatkan penyertaan pegawai dan kakitangan bawahan untuk mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian masalah kerja di peringkat mereka, sekaligus membantu pengurusan.
- iii. Inilah merit KKC untuk mengerakkan semua peringkat termasuk peringkat bawahan di dalam sama-sama memikirkan pembaharuan.
- iv. KKC ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya untuk menangani isu-isu pembaharuan pentadbiran dan pengurusan di bawah pelbagai topik.
- v. Institut Perkhidmatan Awam (IPA) memberikan latihan-latihan kepada pihak-pihak yang baru menubuhkan KKC dan Kumpulan-Kumpulan yang sudah lama ditubuhkan sebagai bimbingan lanjutan.
- vi. Statistik 12 tahun di antara 2001 hingga 2012 menunjukkan sebanyak 25 pasukan telah mengikut Konvensyen KKC di peringkat kebangsaan. Ini adalah merupakan pasukan-pasukan yang terpilih untuk mewakili kementerian masing-masing. Di peringkat saringan bagi setiap kementerian terdapat lebih ramai kumpulan-kumpulan KKC. Jabatan Perdana Menteri, pada misalnya, pada tahun 2012 mengetengahkan 14 pasukan KKC di peringkat saringan untuk memilih 4 pasukan terbaik bagi menyertai Konvensyen KKC Kebangsaan. Begitulah juga dengan kementerian-kementerian yang lain.
- vii. IPA telah membuat beberapa kajian mengenai pelaksanaan KKC di peringkat situasi kerja sebenar dan di peringkat perlawanan. Berasaskan dapatan dari kajian-kajian ini, langkah-langkah pembaikan berikut sedang dilaksanakan.
 1. Memastikan tahap pemahaman dan penghayatan yang tinggi melalui latihan berkesan;
 2. Memberigakan penggunaan KKC di dalam situasi kerja sebenar dengan aplikasi sepenuhnya;
 3. Membawa aplikasi KKC ke peringkat pegawai atasan untuk memecahkan isu-isu yang kompleks;
 4. Memupuk pegawai-pegawai utama untuk memantapkan budaya keterlibatan semua pihak di semua peringkat di dalam organisasi masing-masing;
 5. Secara berterusan menjalankan fasa pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya fasa pembudayaan;
 6. Terbuka dan objektif mengenai aspek-aspek positif KKC untuk dimajukan;

7. Mengadaptasi kaedah KKC supaya lebih relevan kepada situasi di dalam Perkhidmatan Awam di Negara ini;
 8. Menghayati yang aplikasi KKC di dalam situasi kerja harian lebih utama dan pertandingan hanyalah satu kaedah latihan dan galakan bukan matlamat akhir untuk dicapai.
- viii. Berdasarkan amalan kerja yang positif hasil dari keadah ini terutamanya bagi memupuk budaya rajin dan titih untuk belajar dan bekerja, di samping peningkatan kualiti projek-projek KKC yang diketengahkan, program KKC termasuk jua pertandingannya, insya-Allah akan diteruskan.

SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SHAFIEE BIN AHMAD

Soalan Bil. 64:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Mesyuarat Negara yang Kelapan telah bertitah "*Harapan kita terhadap Majlis Mesyuarat Negara adalah sangat tinggi. Persidangan Majlis ini adalah merupakan wadah strategik yang berperanan untuk memikir, membahar serta membuat sokongan-sokongan yang terbaik bagi faedah pembangunan negara supaya kekal menjadi "Baladatum Tayyibatun Warabbun Ghafur".*

Bagi menjunjung hasrat Baginda itu, isu-isu yang berbentuk strategik berkepentingan nasional dan antarabangsa sahaja yang patut akan dirunding dan dipertimbangkan di

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan yang demikian ini akan menaikkan martabat Dewan Majlis Mesyuarat sebagai sebuah institusi yang tinggi selaras dengan hasrat Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Manakala isu yang berbentuk harian dan kedaerahan akan dibincangkan di satu permesyuaratan yang lain.

Saya ingin bertanya adakah sebarang perancangan Kerajaan untuk menubuhkan satu badan sebagai misal Majlis Mesyuarat Daerah, sebagaimana yang telah berlaku pada tahun 1965 hingga 1970 yang lalu bagi membincangkan masalah-masalah yang difikirkan berbentuk pengurusan dan pentadbiran di daerah-daerah?

Jawapan Soalan Bil. 64:

1. Terima kasih di atas saranan dan keprihatinan Yang Berhormat.
2. Penubuhan Majlis Mesyuarat Daerah mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ianya bermula di dalam tahun-tahun sebelum Perlembagaan Negeri Brunei pada tahun 1959.
3. Di dalam tahun-tahun sebelum 1959, Brunei ketika itu mempunyai Majlis Mesyuarat Negeri atau *State Council* dan Majlis Penasihat Daerah atau *District Advisory Councils* yang menjadi Majlis Mesyuarat Daerah atau *District Councils* di dalam tahun 1957.
4. Pada masa itu didapati cadangan bagi penubuhan Kerajaan Tempatan atau *local government* tidak menerima

sambutan di kalangan orang-orang Brunei. Oleh itu sebagai pilihan ialah untuk meluaskan skop Majlis Mesyuarat Negeri dengan menguatkan perwakilan dari kalangan orang-orang Brunei di dalamnya. Di dalam hal ini, Majlis Mesyuarat Daerah diberi kuasa untuk mengadakan pemilihan ahli-ahli Majlis, siapa di antara mereka dipilih oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk menjadi Ahli Tidak rasmi kepada Majlis Mesyuarat Negeri yang diperbesarkan.

5. Ini adalah struktur yang berjalan sebelum Perlembagaan Pertama Negeri Brunei pada tahun 1959 dan berterusan bagi beberapa tahun ke hadapan.
6. Pada masa ini kita telah mencapai kemerdekaan selama 29 tahun. Struktur pemerintahan Negara Brunei Darussalam pada masa ini sudah jauh lebih maju yang menggunakan sistem berkementerian, mempunyai Menteri-Menteri Kabinet dan Majlis Mesyuarat Negara.
7. Pada masa ini Negara kita mempunyai 12 Kementerian yang masing-masing dipertanggungjawabkan dengan portfolio yang mencakupi semua peringkat hal-ehwal kenegaraan. Di bawah setiap Kementerian terdapat Jabatan-Jabatan yang mempunyai struktur dan sistem pentadbiran termasuk pelbagai mekanisma untuk memastikan jentera pentadbiran Kerajaan berfungsi sepenuhnya.
8. Di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri, terdapat Pejabat-Pejabat Daerah yang diketuai oleh Pegawai-Pegawai Daerah

yang bertanggungjawab tentang kesejahteraan Mukim dan Kampung di dalam daerah masing-masing dengan dibantu oleh Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang mana keahliannya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Majlis ini berperanan membincangkan isu yang berbentuk harian Kampung dan Mukim serta kedaerahan.

9. Di samping itu, Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu-Penghulu Mukim juga mempunyai peluang yang luas bagi mengutarakan berbagai isu Kampung dan Mukim melalui Mesyuarat Bulanan bersama-sama Pegawai Daerah.
10. Berdasarkan kepada venue-venue yang dinyatakan di atas yang diwujudkan dalam beberapa peringkat, adalah jelas bahawa ruang dan peluang untuk membincangkan masalah-masalah yang difikirkan berbentuk pengurusan dan pentadbiran di daerah-daerah, malahan di peringkat akar umbi sudah sedia dan berjalan dengan lancar.
11. Sebagai kesimpulannya, Alhamdulillah, sistem dan struktur pentadbiran Kerajaan yang ada pada masa ini pada keseluruhannya adalah berjalan dengan baik. Ianya telah dapat memelihara dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Negara di samping membantu serta memudahkan pembangunan dan kemajuan Negara, insya-Allah. Oleh itu, penubuhan Majlis seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, pada peringkat ini belumlah difikirkan perlu kerana struktur dan saluran yang ada sudah cukup untuk menangani perkara ini. Apa yang penting ialah saluran dan struktur yang ada ini perlulah

digunakan dengan sebaik-baiknya bagi mencapai matlamat yang hasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya ianya tidak akan menimbulkan kekeliruan dan duplikasi tugas.

12. Di samping itu, dalam provisi undang-undang pun, penubuhan Majlis Mesyuarat Daerah ini telah tidak diadakan lagi berikutan pengantungan semua peruntukan di bawah Perintah Perlembagaan (Majlis Mesyuarat Daerah dan Negeri) 1962, melalui *The Emergency (District Councils Order, 1971)* yang berkuatkuasa pada 24 Mei 1971.

**YANG BERTHORMAT MENTERI HAL
EHWAL UGAMA:**

**I) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA
YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG
KAYA MAHARAJA KERNA DATO
PADUKA SERI AWANG HAJI
YAAKUB BIN PEHIN ORANG KAYA
MAHARAJA DIRAJA DATO PADUKA
AWANG HAJI ZAINAL**

Soalan Bil. 65:

Memandangkan hasil kutipan wang zakat harta pada setiap tahun di negara ini semakin bertambah jumlahnya dan masalah yang dihadapi juga mungkin bertambah bagi pengutipan, pengurusan, pentadbiran dan pengagih-agihannya. Untuk menguruskan kewangan yang begitu banyak jumlahnya memerlukan pengendalian yang cekap, berkualiti dan bermutu. Mentadbirkan kumpulan wang zakat harta bukan hanya semata-mata pembahagian kepada asnaf-asnaf yang layak tetapi juga perlu ditanamkan sebagai modal yang boleh memberikan

pulangan bagi keperluan-keperluan pada masa hadapan. Pengurusan seumpama ini perlu dilakukan oleh satu badan yang berpengalaman bukan saja dalam pengurusan sistem kewangan Islam tetapi dalam penanaman modal atau pelaburan (investment).

Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu badan khas sebagai misal Perbadanan Kewangan Zakat yang walaupun ianya di bawah bidang kuasa Majlis Ugama Islam tetapi diberikan kuasa otonomi dan dianggotai oleh mereka yang berkemahiran dalam hukum-hakam Ugama Islam serta mahir dalam pengurusan kewangan dan dalam penanaman modal atau pelaburan?

Jawapan Soalan Bil. 65:

Soalan Yang Berhormat Pehin ini mengikut fahaman saya ada dua perkara iaitu mengenai "Adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu badan khas sebagai misal Perbadanan Kewangan Zakat"?

Jawapan bagi soalan pertama tadi, sesuai dengan Negara kita sebuah Negara Zikir, dan sesuai dengan objektif Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri dalam Pelan Strategik (2010-2014) untuk memperkukuhkan jaminan sosial, maka Kementerian ini telah dan sedang berusaha untuk menubuhkan Institusi Zakat atau jelasnya menubuhkan Jabatan Zakat dengan menarik taraf Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ) menjadi sebuah jabatan penuh di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perkara ini. Perkara ini telah mendapat sokongan dari Majlis Ugama Islam dan telah diperkenankan

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Tinggal perlaksanaannya sahaja lagi.

Dengan penubuhan Jabatan Zakat ini nanti, kita berharap di masa akan datang kaum muslimin di Negara ini akan dapat menunaikan kewajipan mereka dengan lebih yakin, lebih teratur, dan lebih mudah. Dengan demikian mudah-mudahan kita dapat meningkatkan kutipan Zakat, dan membahagikannya kepada asnaf yang berhak lebih cepat dan sistematik.

Walaupun kita ada azam dan minat yang kuat untuk menubuhkan Jabatan Zakat ini, namun di peringkat awalan ini kita juga mempunyai beberapa permasalahan, antaranya kerana kurangnya tenaga yang mahir dalam bidang promosi zakat dan pemasarannya. Secara terus terang, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ) Pusat sendiri hanya mempunyai 3 orang tenaga kerja sepenuh masa dalam hal kutipan yang bukan hanya menumpukan pengurusan kutipan di peringkat Pusat, bahkan juga di ke empat-empat daerah. Bagaimanapun hal ini tidaklah melemahkan semangat, kerana kita akan berusaha merekrut pegawai-pegawai baru yang berkebolehan, dan mencari peneraju yang layak dari dalam atau luar Negara. Kita mesti bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala untuk menubuhkannya demi untuk keperluan umat Islam di Negara ini, kalau kita tidak mengusahakannya, siapa lagi. Kita bukan saja perlu kepada pegawai yang memahami soal Hukum Hakam Zakat dan Ugama, juga pegawai yang mahir hal-hal kewangan, ICT dan komputer.

Berhubung dengan cadangan kedua Yang Berhormat, iaitu untuk mengembangkan

atau melaburkan wang zakat, pada menjawabnya bahawa Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam bertarikh 23 Julai, 1991, Siri 43/91 dan Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, Siri Fatwa Khas Bil (13), antara lain mengatakan bahawa "*tidak boleh melaburkan harta-harta zakat bagi maksud kepentingan sesiapa pun daripada yang berhak kepada zakat itu,*" dengan berdalil kepada firman Allah, dalam Surah At-Taubah, ayat 61 yang tafsirnya: "*Hanya zakat-zakat itu dibayar kepada orang-orang fakir, orang miskin, amil-amil zakat, orang muallaf bagi menjinakkan hati mereka pada ugama Islam, pada melepaskan ikatan belunggu hamba yang hendak jadi merdeka yang dinamakan mereka orang 'mukatab', orang yang berhutang, orang yang hendak pergi berperang dengan suka rela pada jalan Allah dari serangan musuh-musuh Islam daripada orang-orang kafir dan orang-orang yang dalam perjalanan pelayaran yang kehabisan belanja*". Dari maksud ayat ini, ada 8 asnaf dalam Islam yang berhak menerima zakat itu. Dan bagi Negara kita Brunei Darussalam hanya ada 6 asnaf yang wujud iaitu: Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Gharimin dan Ibnu-Sabil.

Demikianlah jawapan kaola.

Sekian.

II) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT ORANG KAYA MAHA BIJAYA AWANG HAJI OTHMAN BIN UKING

Soalan Bil. 66:

MENGENAI ZAKAT

Pada Musim Haji 1433 Hijrah 2012 Masihi, kira-kira 70% dari mereka yang

sudah mendaftar, mengikuti kursus haji dan membayar semua perbelanjaan yang dikehendaki, tetapi hanya 480 orang sahaja yang telah diterima dan dapat menunaikan haji pada tahun tersebut. Ini ialah disebabkan pihak Kerajaan Saudi Arabia telah menguatkuasakan kuota yang telah ditetapkan kepada negara-negara yang rakyat mereka ingin menunaikan haji.

Saya ingin bertanya, kenapakah sistem kuota ini hanya dikuatkuasakan pada tahun lepas sedangkan sistem ini sudahpun berjalan beberapa lama dan kenapa pihak yang berkenaan hanya memaklumkan sesudah mereka yang sudah mendaftar, mengikuti kursus dan membayar penuh segala perbelanjaan. Bagaimanakah urusan haji pada tahun ini dan pada masa-masa akan datang?

Jawapan Soalan Bil. 66:

MENGENAI KUOTA HAJI

Untuk makluman Yang Berhormat, memang benar bahawa Sistem Kuota Haji telah berjalan sejak sekian lama jelasnya sejak tahun 2002, 10 tahun yang lalu. Kementerian Hal Ehwal Ugama pada setiap tahun telah menghadapkan permohonan tambahan kuota haji kepada Arab Saudi semasa mesyuarat Tahunan Peringkat Menteri Haji, Arab Saudi dengan Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, di samping itu juga menghadapkan surat permohonan secara rasmi kepada Menteri Haji Arab Saudi mengenai perkara ini.

Alhamdulillah sejak dari tahun 1423H/2002M, permohonan tambahan Kuota Haji telah dipertimbangkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Pada lazimnya Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menerima jawapan permohonan itu pada awal bulan Syawal. Akan tetapi pada tahun lepas 1433H/2012M Kerajaan Arab Saudi telah memberi jawapan agak lambat dengan tidak mempertimbangkan permohonan tambahan kuota sebanyak 1,000 orang dan menghendaki supaya kuota rasmi yang telah ditetapkan bagi Negara Brunei Darussalam iaitu sebanyak 400 orang Jemaah sahaja. Kuota rasmi ini adalah berdasarkan 1% dari bilangan penduduk. Hal seperti ini juga berlaku kepada negara-negara lain di seluruh dunia Islam.

Pihak Kerajaan Arab Saudi telah menjelaskan bahawa tambahan kuota tidak dibenarkan adalah disebabkan terlalu ramainya Jemaah Haji Umat Islam yang berada di Arab Saudi pada musim haji dan disebabkan kerja-kerja menaik taraf di kedua-dua kawasan Masjidil Haram di Mekah Al-Mukarramah dan Masjid Al-Nabawi di Medinah Al-Munawwarah di mana sedang berlaku pembangunan yang sangat pesat. Kebimbangan Kerajaan Arab Saudi ialah dari segi penempatan, keselamatan dan keselesaan para Jemaah Haji. Sebenarnya Kerajaan Arab Saudi telah memohon maaf atas tindakannya ini. Apa yang dialami oleh Jemaah Haji dari Negara kita juga dialami oleh Jemaah haji dari Negara-negara lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pada tahun lepas Musim Haji 1433H/2012M Kementerian Hal Ehwal Ugama hanya menerima surat jawapan 'dukacita' daripada Kementerian Haji Arab Saudi pada 7 September 2012. Kita telah bertindak

cepat sehari selepas itu, membuat rayuan dengan menghubungi Menteriya secara bercakap dalam telefon dan bersurat. Dalam pada itu juga meminta kerjasama penuh dari Tuan Yang Terutama Kerajaan Arab Saudi di Brunei dan Tuan Yang Terutama Brunei di Arab Saudi. Namun usaha tersebut tidak berhasil.

Mengenai dengan Musim Haji pada tahun ini, di samping kita terus berusaha dan tidak berputus harap, kita juga perlu menyediakan kriteria yang lebih kurang sama seperti tahun lepas, dan strategi yang bersesuaian, yang akan dimaklumkan sedikit masa lagi. Dan kita perlu menerima hakikat bahawa kuota rasmi kita ialah 400 orang sahaja. Jika ada tambahan nanti kita berbanyak Syukur, Alhamdulillah.

Sama-samalah kita berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala, semoga usaha untuk mendapatkan kuota tambahan itu akan berhasil di musim haji tahun ini dan akan datang. Sekian.

III) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT DATO PADUKA AWANG HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. JAAFAR

Soalan Bil. 67:

Konsep Melayu Islam Beraja telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 yang lalu, dan pada tahun 2012 Negara Brunei Darussalam telah diisytiharkan sebagai Negara Zikir. Kedua-dua konsep ini bertepatan dan dapat membentuk sebuah Negara *Baldatun*

Tayyibatun Warabbun Ghafur. Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan ini, kemajuan teknologi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat menjadi cabaran dan halangan kepada proses penyerapan kedua-dua konsep ini. Untuk menerapkan kedua-dua konsep ini banyak yang boleh dibuat umpamanya, memberi kefahaman kepada orang ramai, menyediakan program dan inisiatif keagamaan yang bersistematik dalam membaca Al-Quran, program menyediakan mengajak orang-orang kampung termasuk kaum belia sembahyang berjemaah di masjid, seminar dan bengkel yang berunsur keagamaan dan lain-lain aktiviti, mengedarkan ceramah-ceramah Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan dalam bentuk cakera padat (CD) secara percuma, dan menayangkan atau memainkan cakera padat ceramah tersebut sebelum atau selepas Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Fardu Jumaat dan memastikan pengibar bendera Negara Brunei Darussalam yang masih sempurna di hari-hari kebesaran menunjukkan tanda patriotik.

Saya ingin bertanya:

- a. Adakah kementerian berkenaan membuat program-program tertentu dalam membantu pegawai-pegawai masjid mengimarahkan masjid dan kalau ada apakah jenis inisiatif yang dibuat?
- b. Apakah langkah yang dibuat oleh kementerian tersebut untuk menarik minat orang ramai datang ke masjid untuk bersembahyang berjemaah?

Jawapan Soalan Bil. 67 (a):MENGENAI PROGRAM MEGIMARAHKAN MASJID

Jabatan Hal Ehwal Masjid secara berterusan memberi bantuan kepada pegawai-pegawai masjid dalam mengimarahkan masjid dengan mengadakan inisiatif tertentu.

Bahagian Imarah yang merupakan bahagian terpenting dalam Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengarahkan masjid, surau dan balai ibadat di seluruh Negara untuk membuat perancangan dan aktiviti tahunan masing-masing yang dinamakan "Rancangan Kerja Tahunan Aktiviti Takmir Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara". Rancangan tersebut kemudiannya dipantau dan dipastikan pelaksanaannya. Dalam melaksanakan itu, soal kewangan bukanlah persoalan yang besar, setengah masjid mempunyai tabung sendiri menjalankan aktiviti, jika tidak Jabatan Hal Ehwal Masjid akan memberi sokongan kewangan itu.

Jabatan Hal Ehwal Masjid juga akan memastikan Jawatankuasa Takmir Masjid di setiap masjid berfungsi dengan baik. Jabatan ini juga mengadakan beberapa programnya yang khusus untuk dilaksanakan di sepanjang tahun di masjid-masjid yang terpilih, mengadakan bengkel-bengkel dan seminar-seminar bagi meningkatkan pengalaman, keupayaan dan kebolehan pegawai-pegawai masjid.

Mana-mana Imam atau Pegawai Masjid yang berkebolehan adalah digalakkan dan diarahkan untuk menyampaikan kuliah secara mingguan di masjid masing-masing seperti mengajar Ilmu Fiqih, Ilmu Tauhid, Ilmu Tasauf, Ilmu Tajwid dan Al-Quran dan sebagainya. Imam sedemikian kita panggil

'Imam Muallim". Sumbangan mereka, mengajar dan berceramah itu tidak akan sia-sia bahkan akan diambil kira dalam menilai prestasi mereka untuk sebarang sokongan di masa depan. Sekian.

Jawapan Soalan Bil. 67 (b):MENGENAI MENAIK MINAT PARA JEMAAH KE MASJID

Untuk menarik minat orang ramai bersembahyang berjemaah ke masjid, ada beberapa usaha dibuat antaranya Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Takmir dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid mengadakan beberapa aktiviti yang melibatkan para jemaah, para belia dan para muslimah masjid. Aktiviti tersebut dalam bentuk harian/mingguan, bermusim dan berkala seperti Solat Subuh/Maghrib, Tadarus Al-Quran, bacaan Ratib Al-Attas, Kelas Fardu 'Ain, bacaan Surah Yassin atau surah-surah pilihan, juga mengadakan Qiamullail, bengkel-bengkel fardu kifayah, pertandingan dikir, pertandingan pidato, mari bercerita, walkaton, basikalton, jualan amal, perhimpunan muslimah, perhimpunan belia-belia, seminar dan sebagainya. Sambutan Awal Tahun Hijrah setiap tahun adalah contoh yang baik di mana kaum muslimin khasnya para belia telah beramai-ramai hadir untuk bersembahyang subuh, mendengar ceramah dan seterusnya mengadakan riadah dengan berjalan kaki dari masjid ke masjid seperti yang dibuat di Masjid Bunut bagi sambutan Awal Tahun Hijrah baru-baru ini.

Juga akan menjadi tarikan ialah mengundang Imam dan Qari-Qari yang terkenal dari luar Negara untuk mengimamkan sembahyang dan mempersembahkan bacaan Al-Quran

mereka serta mengundang ulama yang sesuai dengan pegangan Negara kita untuk menyampaikan ceramah. Lazimnya sambutan dari orang ramai adalah sangat mengalakkan. Juga menjadi tarikan ialah hafiz-hafiz Al-Quran kita yang telah mantap bacaannya menjadi imam sembahyang terawih di masjid-masjid di seluruh Negara di bulan Ramadan. Kita merasa gembira dan bangga bahawa pada masa ini kita telah memiliki ramai hafiz-hafiz sedemikian, yang dahulunya tiada, ini satu pencapaian yang baik bagi Negara Zikir.

Kemudahan-kemudahan yang ada di masjid-masjid di negara kita juga sepatutnya menjadi tarikan seperti berhawa dingin, dan sekarang setengah masjid sudah mempunyai ICT dan internet. Perpustakaan perlu diperkemaskan lagi dengan diisi bahan bacaan akhbar harian. Bahagian keselamatan (*security*) sekarang masih dalam perundingan bagi orang ramai suka ke masjid khususnya ke masjid-masjid utama, kerana merasa harta benda mereka terkawal dan selamat, dan dapat beribadat dengan tenang.

Salah satu usaha lagi untuk memakmurkan masjid ialah mengarahkan pelajar-pelajar dari sekolah agama untuk bersembahyang di masjid-masjid yang berdekatan dengan sekolah agama masing-masing. Di samping memakmurkan masjid juga sebagai satu latihan kerohanian kepada pelajar-pelajar itu.

Pada akhir-akhir ini, untuk mendekatkan dan memesrakan orang ramai dengan masjid, Kementerian Hal Ehwal Uagama telah memperkenalkan kawasan yang boleh dipanggil "Majma Islami" (Hub Islam). Maksudnya ialah satu kawasan mengandungi tiga institusi iaitu yang ada bangunan serba guna, ada masjid dan ada

sekolah agama yang masing-masing berdekatan antara satu sama lain. Contohnya sebagai projek pilot ialah Masjid Mohammad Bolkiah Serusop, disebelahnya ada sekolah agama dan ada dewan serbaguna.

Kementerian juga akan terus berusaha memberi kefahaman yang benar dan jelas tentang lebih beriktikaf dan berada di dalam masjid, apatah lagi untuk bersembahyang. Ceramah mengenai perkara kelebihan Iktikaf ini biasanya disiarkan di bulan Ramadan oleh Radio dan Televisyen. Sekian.

Soalan Bil. 68:

Seperti yang dimaklumi Imam dan Bilal di masjid bukan saja untuk menjadi Imam semasa menunaikan solat berjemaah, tetapi juga adalah tempat merujuk perkara-perkara yang berhubungkait dengan agama, tetapi ada di antara Imam dan Bilal tidak hadir di masjid sehinggakan tugas Imam dan Bilal dikendalikan oleh jemaah yang lain. Juga didapati Imam dan Bilal mempunyai tugas yang berjadual secara bergilir.

- a. Adakah kedatangan Imam dan Bilal bertugas secara bergilir-gilir ini atas arahan dari Kementerian Hal Ehwal Uagama?**
- b. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian ini dalam memberi pemahaman konsep Negara Zikir kepada orang ramai?**

Jawapan Soalan Bil. 68 (a):

MENGENAI IMAM DAN BILAL BERTUGAS SECARA BERGILIR-GILIR

Dalam buku PANDUAN KERJA PEGAWAI-PEGAWAI MASJID 1966, yang masih lagi valid hingga sekarang, telah mencatatkan dengan jelasnya antaranya seperti berikut:

Pada para 34 menyatakan "mana-mana Pegawai Masjid yang bertugas pada Sembahyang Waktu, sama ada menjadi Imam atau menyuarakan Azan hendaklah hadir di masjid tidak kurang dari 30 minit sebelum waktu Sembahyang dan Bilal pada waktu subuh hendaklah hadir lebih awal untuk menyuarakan Tarhim Subuh"

Para 35 menyatakan "Adalah mustahak supaya pegawai-pegawai Masjid selalu berada di Masjid".

Pada para 36, menyatakan: "Pegawai-pegawai Masjid adalah dikehendaki berada di masjid-masjid, surau-sarau dan balai ibadat setiap waktu bertugas dengan mengikut giliran masing-masing sekurang-kurangnya seperti berikut iaitu tidak termasuk Jumaat, Dua Hari Raya, Bulan Puasa dan Majlis-Majlis Kebesaran Islam. Waktu Subuh (satu setengah jam), Waktu Zohor (satu setengah jam,) Waktu Asar (satu setengah jam), Waktu Magrib dan Isyak (tiga jam).

Mengenai dengan waktu bergilir-gilir bagi Imam dan Bilal itu memang kementerian ada mengaturkan, tetapi ada cara dan kaedahnya, bukan mengikut sesuka hati Imam dan Bilal. Saya dikesempatan ini menyeru para Imam dan Bilal supaya patuh kepada buku PANDUAN KERJA PEGAWAI-PEGAWAI MASJID 1966 ini yang mana jika dipatuhi tidak akan timbul isu tugas Imam

dan Bilal digantikan oleh Jemaah lain. Dan juga menyeru kepada para jemaah supaya melapor kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama mana-mana Imam dan Bilal yang mengabaikan tanggungjawabnya secara sengahaja pastinya tidak dapat dikatakan cemerlang, baik ia di Bandar mahupun jauh di pedalaman. Sekian.

Jawapan Soalan Bil. 68 (b):

MENGENAI KONSEP KEFAHAMAN NEGARA ZIKIR

Kementerian Hal Ehwal Ugama merupakan salah sebuah agensi Kerajaan yang berperanan penting dalam melaksanakan aspirasi Negara untuk menjadi Negara Zikir. Sejak pengumumannya dalam titah sempena Sambutan Hari Raya Aidil Adha Tahun 1428H/2007M, berbagai rancangan dan program telah pun dilaksanakan sama ada di sektor Kerajaan mahu pun sektor swasta.

Maksud Negara Zikir ialah negara yang sentiasa ingatkan Allah Subhanahu Wataala dan yang patuh terhadap segala perintah dengan mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utamanya dalam membangun Negara di samping melaksanakan konsep 'amar ma'ruf dan nahi mungkar'. Zikir bukan saja takbir, tasbih dan tahmid, tetapi juga bermaksud ilmu-ilmu yang bermanfaat duniawi dan ukhrawi seperti ilmu ugama, undang-undang, ekonomi, arkitektur, kejuruteraan, sains tetapi merujuk kepada Islam, merujuk kepada kuasa Allah SWT.

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun melaksanakan berbagai rancangan dan program melalui jabatan-jabatan di bawahnya yang menjurus kepada usaha memberi kefahaman kepada masyarakat

mengenai dengan Negara Zikir. Usaha-usaha itu diantaranya ialah:

1. Melalui ceramah, taklimat, bengkel dan seminar termasuk di majlis-majlis meraikan Hari-Hari Kebesaran Islam. Misalnya pada Seminar Pendidikan Islam Kali Pertama, dan Seminar Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah yang baru ini, Konsep Negara Zikir itu telah dijelaskan kepada masyarakat.
2. Melalui Khutbah-Khutbah Jumaat.
3. Melalui penerbitan buku antaranya:
 - i) Al-Quran Pelindung dan Penyelamat Negara Sejahtera.
 - ii) Zikir Menjana Masyarakat Bertakwa.
 - iii) Zikir Menjana Negara Sejahtera.
 - iv) Kedewasaan Bernegara Dengan Zikir.
4. Melalui media elektronik seperti Televisyen dan Radio, serta media baru seperti Laman Web, Twitter, Facebook dan Blogspot.
5. Melalui sistem pendidikan agama dari peringkat rendah, menengah dan tinggi.
6. Melalui sistem perundangan di mana kita tidak berapa lama lagi secara bertahap akan berusaha untuk melaksanakan Undang-Undang Syara'.

Semuanya ini, adalah perkara yang sudah sedia untuk memberi kefahaman mengenai Negara Zikir kepada masyarakat. Tinggal lagi ialah mempergunakan perkara-perkara tersebut sebaik-baiknya ditangan orang-orang yang berkepakaran dan berilmu dalam ilmu-ilmu duniawi dan ukhrawi

untuk menerangkan maksud Negara Zikir itu dengan lebih meluas dan mendalam.

Salah satu tanda Negara Zikir itu ialah apabila Al-Quran Al-Karim berkembang dengan luas dalam masyarakat dan ajaran-ajarannya dipakai dan dipraktikkan. Dalam hal ini, kita telah pun memiliki Mushaf Brunei Darussalam bertulisan tangan sejak lebih dua dekad yang lalu. Dan insya-Allah tidak lama lagi kita akan memiliki Tafsir Darussalam yang merupakan hasil usaha para ulama Brunei sendiri. Kita mengadakan pertandingan membaca Al-Quran secara berteranum di mana Qari dan Qariah kita pernah mencapai kejuaraan di Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur. Sebagai usaha terbaru, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan peraduan membaca Al-Quran bukan secara bertarannum tetapi secara 'murattal' di kalangan pegawai dan kakitangannya baru-baru ini. Peraduan ini tidak memerlukan kebolehan tinggi dan suara merdu seperti membaca A-Quraan secara bertarannum, apa yang lebih ditekankan ialah membaca secara fasih, bertajwid, lancar dan bertertil, sesuai dengan firman Allah:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً*

Maksudnya : *Bacalah Al-Quran itu secara bertertil.*

Peraduan ini kaola kira adalah wadah bagi pegawai dan kakitangan yang rajin membaca Al-Quran sebelum memulakan pekerjaan. Ini kerana Negara Zikir itu akan turut didukung oleh pegawai dan kakitangan Kerajaan di masa hadapan. Maka jika pegawai dan kakitangan Kerajaan boleh membaca Al-Quran dengan baik, akan suburlah Negara Zikir itu, tapi jika

sebaliknya pula akan malaplah Negara Zikir itu, yang mana kita sudah tentu tidak menginginkannya.

Adanya Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk Brunei melaksanakan Hukum Kanun Jenayah Syariah, adalah tanda jelas bahawa kita benar-benar Negara Zikir.

Sekian.

IV) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT DATIN PADUKA DAYANG HAJAH ZASIA BINTI SIRIN

Soalan Bil. 69:

Perkembangan Ugama Islam di negara ini semakin mantap apabila beberapa dasar dan perintah telah dilaksanakan seperti Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang diharapkan sebagai satu lagi mekanisme penting merealisasikan Wawasan Negara 2035 untuk melahirkan Modal Insan Yang Berkualiti. Kesan awal dapat dilihat di mana agensi-agensi berkenaan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan perintah ini sehingga dapat meyakinkan para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah ugama semata-mata turut sama menangani dan menyokong hasrat negara tersebut. Begitu juga satu dasar yang membanggakan iaitu apabila perintah semua premis ditutup semasa umat Islam menunaikan ibadat Fardu Solat Jumaat. Ianya disambut dengan penuh kesyukuran oleh semua lapisan masyarakat di negara ini terutama sekali umat Islam dan juga dapat kita saksikan dasar ini dipatuhi.

Soalan saya, adakah ditubuhkan satu bahagian atau unit di jabatan-jabatan berkenaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama khusus bertujuan untuk meneliti, memantau dan membuat sebarang pelan strategi atau seumpamanya supaya dasar dan perintah tersebut benar-benar akan memberi kesan yang diharapkan oleh Negara?

Jawapan Soalan Bil. 69:

MENGENAI PERINTAH PENDIDIKAN UGAMA WAJIB

Perintah ini ada memperuntukkan supaya ditubuhkan sebuah Lembaga yang dinamakan Lembaga Pendidikan Ugama Wajib. Pengerusi Lembaga ini ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Lembaga inilah yang akan memastikan Perintah Ugama Wajib ini berjalan dengan baik dan teratur, yang akan mengawal, memantau, meneliti dan sebagainya. Sekretariat bagi Lembaga ini ialah Jabatan Pengajian Islam. Insya-Allah dengan adanya Lembaga ini, rasanya tidak perlu timbul apa-apa kebimbangan.

Soalan Bil. 70:

Pengagihan bantuan daripada baki wang zakat telah dapat diagihkan kepada asnaf fakir-miskin pada tahun 2009 selama tempoh lebih kurang lima tahun dengan harapan mereka ini akan dapat keluar daripada lingkaran kemiskinan.

a) Bagi tempoh tersebut adakah Majlis Ugama Islam mengambil inisiatif untuk membuat penelitian dan pemantauan kepada penerima

berkenaan supaya pengagihan itu dapat dinilai sama ada berapa peratus dari penerima itu dapat mengubah corak kehidupan mereka atau sebaliknya dan penelitian itu dapat mengelakkan daripada ianya dibuat secara rawak (random) sahaja?

- b) Melalui media-media cetak kita dapat melihat adanya golongan yang kurang bernasib baik masih tidak mendapat bantuan-bantuan umpamanya daripada Majlis Ugama Islam atau daripada agensi-agensi lain. Apakah cara 'turun padang' mencari asnaf terutama asnaf fakir miskin yang kadang-kadang masih segan untuk memohon atau tidak tahu bagaimana cara memohon dilaksanakan oleh pihak MUIB?**
- c) Adakah dalam perancangan Majlis Ugama Islam atau Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memberikan penerangan atau pemahaman mengenai kewajipan mengeluarkan zakat terutama Zakat Harta kepada masyarakat secara terancang, kerana isu pengagihan selalu ditekankan tetapi tidak kepada isu kewajipan mengeluarkan zakat yang juga menjadi antara tanggungjawab Bahagian Kutipan dan Pengagihan Zakat?**

Jawapan Soalan Bil. 70 (a):

MENGENAI BANTUAN ZAKAT

Bantuan zakat yang mempunyai tempoh-tempoh tertentu yang disebutkan (yang dimaksudkan dalam soalan) adalah bagi penerima-penerima zakat yang telah menerima agihan bagi Wang Zakat bermula

tahun 2009 yang lalu. Pada dasarnya, bantuan ini adalah dalam bentuk wang yang dimasukkan terus ke dalam akaun penerima secara lump-sum dan dikeluarkan kepada penerima secara bulanan dalam jangka masa tertentu sama ada 5, 4, 3 dan 1 tahun berdasarkan penilaian Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat. Bantuan wang zakat juga diberikan dalam bentuk makanan asasi, keperluan rumahtangga, bayaran sewa rumah, perbelanjaan sekolah dan peralatan berniaga.

Bagi Asnaf Zakat yang mula menerima baki Wang Zakat pada tahun 2009 hingga 2011 sebahagiannya telah tamat tempoh bantuan tersebut pada September 2010, April dan September, 2011 dan Januari, September, Oktober 2012. Selebihnya akan tamat tempoh pada September 2013 dan ke atas.

Dari sejumlah kira-kira 6,000 lebih orang penerima baki wang zakat pada tahun 2009 dan 2010, seramai kira-kira 3,760 orang telah tamat tempoh bantuan mereka yang mana telah menerima bantuan wang zakat selama antara 1 hingga 3 tahun.

Sebahagian daripada mereka yang telah tamat tempoh ini, telah memohon untuk memperbaharui permohonan mereka bagi menerima bantuan zakat. Ada juga sebahagian dari mereka yang telah tamat tempoh penerimaan bantuan wang zakat, akan tetapi tidak memohon untuk menyumbang atau membaharui bahawa mereka ini tidak lagi memerlukan bantuan wang zakat dan telah bebas dari kepompong kemiskinan.

Walau bagaimana pun, jumlah sebenar bagi mereka yang memperbaharui dan tidak memperbaharui permohonan untuk mendapatkan bantuan wang zakat belum

dapat dibuat analisa secara terperinci pada masa ini. Insya-Allah akan diusahakan.

Selain daripada bantuan bulanan yang diberikan, pihak Kementerian juga telah mengadakan satu program yang digelar Program Pengupayaan Asnaf Zakat (ringkasnya PROPAZ) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang memberikan latihan kemahiran kepada penerima Asnaf Zakat dengan tujuan supaya mereka ini boleh berdikari seperti berniaga dan menceburi bidang pekerjaan berdasarkan kemahiran yang telah mereka perolehi. Kursus-kursus yang ditawarkan antara lain termasuk masakan dan katering, pembuatan kek dan pastry, komputer, pemasangan dan pembaikan paip, alat hawa dingin, peti sejuk, solekan dan dandanan rambut.

Dari 125 orang yang telah tamat mengikuti program ini sejak permulaannya pada tahun 2007, hasilnya seramai 66 orang atau 52.8% telah berjaya mendapat pekerjaan sama ada di sektor swasta atau sektor Kerajaan atau bekerja sendiri. Jumlah ini adalah dikira menunjukkan kejayaan walaupun peratusnya tidak tinggi dalam membantu Asnaf Zakat untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Sekian.

Jawapan Soalan Bil. 70 (b):

MENGENAI 'TURUN PADANG' UNTUK MENGENAL FAKIR MISKIN

Adalah diakui bahawa amalan 'turun padang' adalah kaedah atau pendekatan terbaik dan berkesan dalam memeduli dan mengelunga kesejahteraan, keselamatan sosial dan kebajikan golongan fakir miskin. Melalui kaedah ini kita dapat berinteraksi, berbincang, melihat sendiri dan

memperolehi maklumat secara *first hand*. Jabatan ini tidak ketinggalan mempraktikkan amalan ini secara berterusan.

Sungguhpun demikian, dalam perkara turun padang ini, Jabatan Ugama Islam memerlukan kerjasama, sokongan padu dari semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta, NGO's dan institusi-institusi kebajikan dalam menangani kesusahan hidup golongan daif ini.

Kaedah turun padang ini, memang sudah digariskan dalam buku 'GARIS PANDUAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AMIL' yang disediakan oleh Majlis Ugama Islam. Antara lain pada para 7.5.1 menyatakan: "*Tugas dan tanggungjawab amil-amil ini bukannya hanya setakat mengutip dan menyerahkan agihan zakat tetapi adalah juga mencari dan mengenalpasti golongan-golongan yang susah yang termasuk dalam kategori fakir dan miskin yang berhak menerima agihan zakat.*"

Sementara pada para 7.5.2 menyatakan:

"Maka adalah menjadi tanggungjawab para amil untuk mengunjar dan mencari orang-orang fakir miskin yang seumpamanya ini dan melaporkannya kepada Jabatan Majlis Ugama Islam supaya langkah-langkah yang bersesuaian dapat dibuat segera bagi menimbangkan sebarang bantuan yang bersesuaian kepada mereka".

Selain mekanisme turun padang, proses mengenal pasti asnaf adalah juga melalui institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang berperanan sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan. Ini kerana mereka inilah yang lebih rapat dan arif dengan anak-anak buahnya.

Lawatan, pengawasan, pemantauan dan permuzakarahannya bersama Penghulu dan Ketua Kampung terhadap perkembangan, kesejahteraan serta hal ehwal kebajikan asnaf akan berupaya memperolehi data dan informasi sahih seterusnya berupaya mengemukakan sebarang laporan dan kemajuan prestasi mereka kepada pihak-pihak berkenaan. Jika gandingan mantap seumpama ini dilaksanakan, kaola percaya telah pun dilaksanakan, hanya tinggal lagi memastikannya insya-Allah kita akan dapat melihat masyarakat asnaf yang lebih bahagia di masa hadapan. Sekian.

Jawapan Soalan Bil. 70 (c):

MENGENAI PENERANGAN TENTANG ZAKAT

Soalannya ialah mengenai penerangan tentang zakat? Jawabnya memang ada dalam perancangan Majlis Ugama Islam atau Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memberikan penerangan dan kefahaman yang meluas dan mendalam mengenai kewajipan mengeluarkan zakat secara terancang.

Sebagaimana yang kita sama-sama imani dan ketahui bahawa mengeluarkan zakat adalah salah satu dari Rukun Islam yang kelima yang mesti kita tunaikan dan sempurnakan sebaik-baiknya untuk menjadi seorang muslim atau muslimah yang sejati. Apa yang kita maksudkan di sini ialah Zakat Harta. Adapun Zakat Fitrah, Alhamdulillah umat Islam di Negara kita secara terancang.

Sebenarnya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan di bawahnya telah pun melaksanakan beberapa program, kerjasama ataupun memenuhi undangan dari pihak-pihak yang berkenaan bagi memberikan kefahaman mengenai

kewajipan mengeluarkan zakat terutama Zakat Harta itu.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah mengadakan Kursus Fiqh al-Zakat oleh Pusat Dakwah Islamiah dalam memberikan maklumat yang berkaitan dengan kewajipan berzakat dan cara-cara pengiraannya. Kursus tersebut hanya diberikan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan sahaja. Insya-Allah kursus tersebut akan dilartkan kepada orang awam dan sektor swasta. Pusat Dakwah Ismaliah juga telah menyiarkan kefahaman berzakat ini melalui siaran Radio dan Televisyen serta melalui penerbitan buku-buku.

Sementara itu Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ), Jabatan Majlis Ugama Islam juga telah berusaha mengadakan jerayawara yang dianjurkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) dalam memberikan maklumat mengenai kefahaman berzakat kepada orang ramai di sektor awam dan swasta seperti BSP, BLNG, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Royal Brunei Technical Services (RBTS), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, syarikat-syarikat koperasi dan badan-badan muslimah masjid.

Usaha yang agak besar nanti ialah Jabatan Majlis Ugama Islam akan mengadakan satu program yang dinamakan Tazkirah Perdana Zakat pada tahun ini iaitu bagi menimbulkan kesedaran berzakat di kalangan masyarakat Islam di Negara ini. Tazkirah Perdana Zakat ini dijangka akan meliputi seluruh Negara. Sekian.

Soalan Bil. 71:

Salah satu isu yang merisaukan umat Islam di negara ini adalah mengenai berkhatan

bagi perempuan. Berkhatan bagi perempuan bukan sahaja sebagai satu tradisi tetapi juga menurut hukum syara apabila hukum wajib mengenainya telah pun difatwakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam menurut Mazhab Shafiee. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja kekurangan pakar yang boleh melakukan tugas ini tetapi juga keyakinan segelintir masyarakat yang masih mempertikaikan hukum berkhatan dan ditambah lagi dengan campur tangan antarabangsa yang hendak mengharamkan berkhatan bagi perempuan yang dianggap sebagai satu jenayah dan penginayaan kepada perempuan.

Apakah usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memastikan dan menjamin amalan ini dapat diteruskan demi menjaga kemuliaan dan memenuhi tuntutan Hukum Syara?.

Jawapan Soalan Bil. 71:

MENGENAI ISU BERKHATAN BAGI PEREMPUAN

Kementerian Hal Ehwal Ugama memang telah maklum mengenai isu berkhatan bagi perempuan yang ditimbulkan beberapa pihak akhir-akhir ini.

Anggapan khatan sebagai satu penderaan dan jenayah pada wanita telah menjadi isu Persidangan Ulama Islam yang dianjurkan oleh Pertubuhan Hak Asasi Manusia German, yang diadakan di Kaherah Mesir pada 22 – 23 November, 2006. Persidangan Ulama tersebut memutuskan agar diwujudkan satu undang-undang bagi mencegah dan mengharamkan kegiatan khatan yang membawa kemudaratan kepada wanita. Persidangan ini merayu agar Umat Islam berhenti mengamalkan amalan mengkhatan perempuan sejajar

dengan ajaran Islam yang melarang mencederakan sesama manusia.

Mutakhir ini juga sudah ada gerakan-gerakan yang membantah amalan berkhatan bagi perempuan dengan alasan bukannya dari agama Islam, malah ia hanyalah budaya sesuatu kaum masyarakat. Mereka juga mengatakan tidak ada sandaran hukum, baik dari Al-Quran mahupun Al-Hadith mengenai suruhan berkhatan di kalangan kaum wanita.

Sebagai makluman bersama, sebenarnya berkhatan perempuan ini ada disebutkan dalam hadith, misalnya hadith yang diriwayatkan dari Anas bin Malik bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda kepada Ummi Athiyyah, salah seorang yang biasa mengkhatankan anak-anak perempuan di Madinah, sabda baginda: *"Apabila kamu mengkhatankan, janganlah kamu berlebihan kerana yang berlebihan itu tidak akan menambah cantiknya wajah dan lebih menambah kenikmatan dalam berhubungan dengan suami"* (Hadith riwayat At-Thabarani, Hadith Hasan).

Dalam menangani isu ini, Negara Brunei Darussalam tetap dengan pendirian untuk melaksanakan segala amalan yang telah disyariatkan dalam Islam seperti meneruskan berkhatan bagi perempuan kerana hukum khatan perempuan di Negara ini adalah wajib sebagaimana Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, *"Berkhatan itu adalah wajib pada orang yang mukallaf lelaki dan perempuan selagi ia boleh menanggung kerja khatan dilakukan ke atasnya"* (Fatwa Mufti siri 2/67) dan *"khatan laki-laki atau perempuan yang diberanakkan tiada berkhatan hendaklah dan wajib dikhatankan bila mereka telah baligh dan berakal, kerana tiada ada taklif dan tiada bergantung perintah dan larangan*

Allah sebelum baligh dan berakal. Dan wajib disegerakan selepas baligh dan berakal” (Fatwa Mufti siri 62-69).

Sebagaimana yang kita sama-sama maklum, berkhatan perempuan di Negara Brunei Darussalam hanyalah *Female Circumcision* iaitu memotong sedikit sahaja, sesuai dengan tuntutan syariat Islam dan ini berbeza dengan berkhatan yang disebut oleh *World Health Organization* (WHO) sebagai *Female Genital Mutilation* iaitu memotong semua sekali atau sebahagiannya yang mana kaedah ini adalah bertentangan dengan amalan berkhatan yang sebenarnya dalam Islam.

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat perundingan bersama agensi-agensi Kerajaan dan swasta seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Mufti Kerajaan dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC) bagi mencari cara terbaik menangani isu berkhatan bagi perempuan.
- ii. Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah membuat kaji selidik dengan mengedarkan borang soal selidik dan seramai 2.057 responden telah mengembalikan borang tersebut. Kaji selidik ini melibatkan beberapa kementerian, jabatan dan Persatuan-Persatuan Kebajikan Wanita di seluruh negara. Hasil kajian menyatakan bahawa 91% responden bersetuju agar perkhidmatan berkhatan perempuan diwujudkan secara profesional di negara ini.
- iii. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyediakan satu kertas kerja bagi

mewujudkan perkhidmatan khatan perempuan secara profesional sama ada di sektor kerajaan atau sektor swasta bagi mendapatkan ketetapan dasar dari Majlis Ugama Islam Brunei sesuai dengan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan merealisasikan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

- iv. Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil inisiatif, memberi kesedaran kepada masyarakat Brunei mengenai kewajiban berkhatan bagi perempuan melalui:
 - Media cetak iaitu dengan membalas kenyataan akhbar yang dikeluarkan The Brunei Times, keluaran Sabtu, 16 Jun 2012 bertajuk "*Circumcision is culture practice*";
 - Ceramah-ceramah;
 - Radio dan TV;
 - Penerbitan buku-buku; dan
 - Ikut serta dalam Forum Kesedaran Mengenai Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention Eliminating All Forms of Discrimination Against Women*) sempena Hari Wanita ASEAN 2012 anjuran Majlis Wanita yang diadakan di ke empat daerah, di Negara Brunei Darussalam.

Dengan langkah-langkah yang telah dibuat dalam memberikan kefahaman meluas kepada masyarakat Islam di negara kita, dan sokongan dari semua pihak, insya-Allah kita akan meneruskan amalan berkhatan kepada lelaki dan juga perempuan sebagaimana yang telah disyariatkan dalam ugama kita itu. Sekian.

V) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI AHAD

Soalan Bil. 72:

Alhamdulillah jumlah saudara-saudara baru di keempat-empat daerah nampaknya kian meningkat, tetapi tidak ada satu atau kawasan yang khusus dibuat sebagai satu perkampungan bagi membimbing mereka dalam menghayati ajaran Islam dan menjadi kebajikan mereka, usaha semacam ini difikirkan lebih berkesan jika dibandingkan dengan yang berjalan sekarang terutama sekali bagi Daerah Temburong.

Saya ingin tahu adakah dalam perancangan Kementerian berkenaan untuk membuat kajian tentang kesesuaiannya bagi mewujudkan perkampungan sedemikian?.

Jawapan Soalan Bil. 72:

MENGENAI PERKAMPUNGAN SAUDARA BARU DI TEMBURONG

Sebenarnya secara tidak langsung di Daerah Temburong sudah ada bentuk perkampungan tersebut, di mana Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam telah membina 2 buah rumah teres di perkampungan saudara-saudara baru iaitu di Kampung Semabat sebanyak 6 unit dan di Kampung Sibut sebanyak 4 unit. Rumah-rumah ini secara tidak langsung menempatkan saudara-saudara baru dalam satu komuniti yang sama bagi memudahkan aktiviti bimbingan dan pemedulian. Rumah-rumah ini bukanlah sebagai hak milik peribadi atau warisan tetapi ia boleh diisi oleh saudara-saudara baru yang lain apabila ada kekosongan.

Mengenai rancangan masa depan bagi membina perkampungan yang khusus seperti yang dimaksudkan, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Dakwah Islamiah sudahpun merancang Perumahan Khas bagi saudara-saudara baru di Kampung Bebuluh dan permohonan mendapatkan tapak perumahan tersebut telah pun dihadapkan kepada pihak berkenaan, Alhamdulillah, cadangan tapak perumahan tersebut telahpun diperolehi iaitu seluas 5 hektar di kampung tersebut. Pada masa ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan cadangan perumahan tersebut sedang diteliti mengikut keperluan.

Sekian.

VI. SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI GAPOR @ HAJI MD. DAUD BIN KARIM

Soalan Bil. 73:

ORANG-ORANG FAKIR MISKIN DAN DAIF

Adalah difahamkan bahawa bantuan membina rumah bagi orang-orang fakir miskin dan daif yang dicadangkan sejak tahun 2009 telah dibuat di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong.

Saya ingin tahu:

- i) Berapa buahkah dirancangkan untuk dibina?**
- ii) Berapa buah rumah yang sudah siap dibina?**
- iii) Berapa buah yang sudah diserahkan kepada mereka yang berhak menerimanya?**

Jawapan Soalan Bil. 73 (i), (ii) dan (iii):

MENGENAI ORANG FAKIR DAN DAIF

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, sejak tahun 2009 kita ada satu projek yang dipanggil Projek Pembangunan Rumah Golongan Daif, Fakir dan Miskin yang dikendalikan oleh satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Ahli-Ahlinya terdiri daripada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Elektrik, Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Jawatankuasa tersebut merupakan gabungan kerjasama beberapa buah Kementerian yang diketuai oleh Jabatan Perdana Menteri, disertai oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada tahun 2009 itu, Majlis Ugama Islam telah meluluskan peruntukan yang diambil daripada Kumpulan Wang Zakat sebanyak \$35 juta ringgit untuk pembinaan atau pembaikan rumah-rumah Asnaf Fakir Miskin. Ini bermakna wangnya sudah ada dari Majlis Ugama Islam. Saya difahamkan sehingga tahun 2012 sebanyak 49 buah rumah telah dapat disiapkan dan telah diserahkan kepada yang berhak menerimanya.

Perkembangan terkini, jumlah rumah yang dalam proses memulakan pembinaan di seluruh negara pula ialah sebanyak 18 buah, di mana 12 buah daripadanya terletak di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong. Pembinaan rumah di Kampung Tagap ini akan bermula sedikit masa lagi. Saya difahamkan banyak lagi

rumah bagi golongan Daif, Fakir dan Miskin ini akan dibina dalam negara kita, dan kita berharap ianya akan berjalan lebih lancar dan dapat mengatasi halangan-halangannya. Mengikut catatan saya, dalam perbincangan yang lepas, ada 800 permohonan, 153 yang layak, 49 buah sudah siap, 18 buah akan dibina.

Saya berharap semua pihak-pihak yang berkenaan yang menganggotai jawatankuasa yang saya sebutkan tadi akan peka terhadap titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini supaya usaha dilancarkan dan dcepatkan prosesnya. Terima kasih.

VI) SOALAN JAWAB MULUT DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI A. AHMAD BIN HUSAIN

Soalan Bil. 74:

ISU PERCERAIAN

Perceraian memang berlaku dalam kehidupan berumahtangga, tetapi ada terdapat perangai suami isteri yang tidak bersefahaman lagi mahu berpisah dan bercerai, dan setelah dinasihatkan oleh pihak yang berkenaan supaya dielakkan daripada perpisahan dan perceraian dan mencari jalan damai, mereka akhirnya tidak berpisah atau bercerai, tetapi tinggal dalam satu rumah dengan berasingan bilik dan berseketiduran dan perkara ini berlarutan sehingga bertahun-tahun lamanya.

Saya ingin bertanya apakah hukumnya menurut Ugama Islam yang menganut Ahli Sunnah Wal-Jemaah terhadap apa yang dilakukan oleh mereka ini?

Jawapan Soalan Bil. 74:

MENGENAI SUAMI ISTERI YANG BERMASALAH

Perkara tersebut mempunyai 3 senario atau keadaan:

Pertama: Isteri tidak mahu tidur bersama suami.

Kedua: Suami tidak mahu tidur bersama isteri.

Ketiga: Kedua-duanya (suami dan isteri) tidak mahu berseketiduran atas persetujuan bersama.

1) Dalam keadaan pertama (isteri tidak mahu tidur bersama suami) maka si isteri itu dikira derhaka iaitu Nusyuz. Pengertian Nusyuz ialah: suatu tindakan yang dilakukan oleh isteri yang dianggap menentang kehendak suami dengan tidak ada alasan yang munasabah menurut Hukum Syara'. Tindakan itu dikira derhaka.

Tanda-tanda isteri Nusyuz:

Isteri keluar dari rumah yang disediakan oleh suami tanpa izin suami.

Tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri.

Ingkar perintah suami.

Enggan tinggal ditempat/kediaman yang disediakan oleh suami.

Perkara-perkara yang perlu dilakukan apabila isteri Nusyuz hendaklah suami:

a) Menasihatkan dengan cara yang baik dan menerangkan kepadanya bahawa Nusyuz adalah salah dan dikutuk oleh Allah, serta memberitahunya bahawa isteri yang Nusyuz boleh dipotong atau tidak diberi sara hidupnya. Firman Allah:

وَالَّذِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ بِ

Maksudnya: *Isteri yang kamu takut kederhakaan mereka, maka berilah nasihat kepada mereka.* (Surah Al-Nisa, ayat 34).

b) Jika nasihat itu tidak sedikitpun memberi kesan, maka suami hendaklah meninggalkan dari berseketiduran dengan isteri tersebut, sebagaimana firman Allah:

وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: *Dan tinggalkan dari seketiduran dengan mereka* (sambungan ayat 34 surah Al-Nisa).

Dari ayat ini dapat difahamkan bahawa Allah menyuruh suami-suami meninggalkan dari seketiduran sahaja, bukan meninggalkan percakapan kerana meninggalkan percakapan lebih dari tiga adalah haram, bukan sahaja terhadap isteri-isteri malah terhadap orang lain pun sama, berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

لَا يَحِلُّ لِلْمُسْلِمِ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ لَيَالٍ

Maksudnya: *Tidak halal bagi seorang muslim tidak bercakap dengan saudaranya lebih dari tiga hari.*

Maafhumnya, ialah bercakap itu ialah bila berjumpa di antara satu sama lain, tetapi kalau tidak bertemuan, tidaklah

diharamkan walau bertahun-tahun tidak bercakap.

- c) Jika tidak berseketiduran pun tidak memberi apa-apa kesan, malah isteri tersebut terus Nusyuz, maka diharuskan bagi suami memukul isteri tersebut dengan syarat pukulan itu tidak sampai mencederakan atau melukakan sebagaimana firman Allah:

وَأَضْرِبُوهُنَّ

Maksudnya: 'dan pukullah mereka (isteri)' (sambungan ayat 34 Surah Al-Nisa').

Dalam peringkat yang akhir ini, harus dilakukan oleh suami sekiranya difikirkan dengan cara ini akan memberi kesan. Sebaliknya kalau difikirkan tidak akan memberi kesan, maka tidaklah harus dilakukan. Dalam hal ini, suami mestilah berhati-hati supaya tidak terpukul di tempat-tempat yang mendatangkan mudarat seperti muka, perut dan sebagainya.

- 2) Dalam keadaan kedua (suami tidak mahu bersama isteri) hukumnya berdosa, kerana adalah menjadi kewajiban tanggungjawab seorang suami memberi nafkah zahir dan batin kepada isterinya. Jumhur ulama berpendapat, jika lebih dari empat (4) bulan suami tidak mahu bersama isterinya, si isteri berhak untuk menuntut pembubaran perkahwinan kepada Kadhi.
- 3) Dalam keadaan ketiga (kedua-duanya bersetuju untuk tidak berseketiduran) maka hukumnya tidaklah berdosa.

Pada kesimpulannya, dalam menghadapi krisis rumahtangga di mana suami dan isteri cenderung untuk bercerai. Islam memang tidak menggalakkan perceraian. Islam menunjukkan beberapa jalan supaya krisis itu dapat diperbaiki seperti yang dijelaskan tadi. Islam hanya membenarkan perceraian jika kedua-dua pasangan suami isteri telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan bantuan dan nasihat yang diperlukan, sehingga tiada lagi ruang bagi mengatasi permasalahan mereka untuk berdamai. Jika semua usaha-suaha ini telah mereka laksanakan, namun rumahtangga masih tidak dapat diselamatkan, barulah Islam membenarkan perceraian. Perceraian adalah jalan terakhir untuk merungkaikan kemelut sesebuah rumahtangga. Sekian.